

S a s t e r a w a n N e g a r a

A. SAMAD
SAID

HATI MUDA
BULAN MUDA

KUMPULAN CERPEN 1954 - 1992

S a s t e r a w a n N e g a r a

A. SAMAD
SAID

HATI MUDA
BULAN MUDA

KUMPULAN CERPEN 1954 – 1992

Diselenggarakan oleh

Dr. Othman Puteh

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1995

KK 895-76620 5102

Cetakan Pertama 1993

Cetakan Kedua 1995

© Penyelenggara: Othman Puteh

Karya: A. Samad Said 1993

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

A. Samad Said (Abdul Samad Said), 1935-

A. Samad Said Hati Muda bulan muda: kumpulan cerpen 1954-1992 / diselenggarakan oleh Othman Puteh.

ISBN 983-62-3893-X

I. Short stories. Malay 2. Malay fiction.

I. Othman Puteh, 1944- II. Judul.

899.2333

Ditatur Huruf oleh Maamal Grafik

Muka Taip Teks: Cheltenham

Saiz Taip Teks: 11/13 poin

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

RM40.00

M

1159493

- 5 NOV 2004

Perpustakaan Negara
Malaysia

m
899.2333
ASS

Kandungan

Prakata
xi

Pengantar
xiii

Sedutan Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1985
xxxv

Hari Ini, Hari Gembira
1

Antara Kembang dan Layu
8

Rita Hamidah
13

Serangkai Kata untuk Dinda
19

Dinda
26

Mengandung
32

Mesranya Malam Pertama

38

Pencuri yang Tidak Adil Dihukum

46

Si Juita

53

Kenangan yang Jernih

57

Sayangkah Dara Padaku Seorang?

59

Sapu Tangan Tanda Kasih

70

Dahagikan Cahaya Kasih Mesra

72

Bekas-Bekas Tapak di Lumpur Kering

78

Sekolah

84

Ke Daerah yang Lebih Kerdil

91

Langit Malam Tiada Berbintang

98

Tiada Lagi Jadi Kebanggaan

105

KANDUNGAN

Dari Tanah ke Tanah

111

Sebuah Bangunan Tiga Tingkat

118

Pengalaman di Sebuah Rumah Sakit

126

Dari Tingkap Sebuah Bangunan

137

Seminggu

143

Kawan di Kelas Lima 'B'

154

Daun Jejawi

164

Kakak

175

Sentil Tembakau

189

Menanti Malam Hari Raya Kedua

196

Kerani Besar

203

Kereta Api ke Kuala Lumpur

212

Lahirnya Seorang Anak

222

Sehari

231

Perempuan dari Kampung Kambing

243

Pagi

248

Di Tepi Jalan

257

Penyerahan

263

Ada Sayang di Malam Kelam

274

Gelap

281

Pulang Malam

293

Menanti

305

Asap Berkalung

317

Debar

326

KANDUNGAN

Sebuah Bilik
337

Longkang
355

Buruh Paksa
367

Hati Muda Bulan Muda
378

Ahmad Zago
388

Saat Terakhir
398

M.P. Gudu-Gudu
412

Sasterawan Daiman Kereko
425

Malam Merangkak ke Hujungnya
438

Tamrin Gil
452

Di Sisi Rinda
466

Dosa Pejuang
483

Prakata

A SAMAD SAID merupakan sasterawan serba boleh dan versatiliti kesusasteraannya dapat ditelusuri melalui pengalaman dan penglibatannya dalam pelbagai genre kesusasteraan yang dirintisnya dengan puisi dan cerpen, kemudian berkembang kepada penulisan novel, drama, esei dan kritikan sastera hingga kepada penulisan autobiografi dan rakaman pengalaman peribadi. Berkat daripada kesungguhannya dalam berkarya, dengan pencapaiannya yang ikut mempertingkatkan nilai dan martabat kesusasteraan Melayu, A. Samad Said diiktiraf sebagai Pejuang Sastera (1976), menerima Hadiah Penulis Asia Tenggara (SEA Write Award, 1979), penerima Anugerah Sastera Negara (1985) dan penerima Anugerah ASEAN (1993).

Dalam bidang penulisan genre cerpen, A. Samad Said bukan sahaja memiliki kekuatan dan cara gayanya yang tersendiri, malah mempunyai persepsi dan tanggapan yang amat tajam terhadap pengalaman hidup diri dan persekitarannya. Kerana keistimewaan-nya itulah maka Dewan Bahasa dan Pustaka merasakan amat wajar kumpulan cerpen ini diselenggarakan penerbitannya.

Sebagai suatu aset dokumentasi yang amat

berharga, kumpulan cerpen ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pembaca dan peneliti sastra.

DATO' HAJI JUMAAT DATO' HAJI MOHD. NOOR

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka

14 Rabiulakhir 1414

30 September 1993

Pengantar

MENURUT A. Samad Said, penulis tidak akan lahir secara mendadak. Ada dasar di bawahnya; ada latar belakang di sebaliknya. Tokoh yang dominan dan berperanan penting yang mendekatkan dirinya kepada suatu jalur kecenderungan atau yang mencetuskan bakat penulis dalam dirinya tidak lain daripada ibunya sendiri yang gemar dan sering bercerita kepadanya sewaktu A. Samad Said masih kecil.

Bakat kepengarangannya menjadi nyata dan terbukti, terutamanya dalam dunia pencerpenan, dan ini dapat ditelusuri hakikat sejarahnya sejak A. Samad Said berusia 19 tahun 6 bulan, iaitu pada 8 Oktober 1954, apabila cerpen pertamanya "Hari Ini, Hari Gembira", tersiar dalam mingguan *Suasana*. Sehingga usianya mencapai 26 tahun 7 bulan, pada 8 Januari 1961, dengan cerpennya "Tamrin Gil", (*Berita Minggu*), A. Samad Said telah menghasilkan 53 buah cerpen dalam tempoh hampir tujuh tahun berkarya secara berkesinambungan.

Selama hampir 26 tahun kemudiannya A. Samad Said tidak muncul sebagai pengarang genre cerpen di media cetak. Ini merupakan suatu tempoh waktu yang relatif panjang, dan bagi kebanyakan pengarang, tempoh itu boleh membantutkan kreativiti

seseorang dalam bidang yang diceburinya. Bagaimanapun, situasi ini tidak berlaku pada pengarang mapan A. Samad Said dan inilah antara keunikannya. Ketika usianya 53 tahun (1987), A. Samad Said menghasilkan sebuah cerpen dan selang lima tahun berikutnya (1992), dalam usianya mencapai angka 57, A. Samad Said menambah cerpennya sebuah lagi, menjadi 55 buah cerpen kesemuanya.

Anak kelahiran Melaka ini cuma enam bulan menghirup udara nyaman Kampung Belimbing Dalam, lalu dibawa oleh keluarganya ke pulau di bahagian Selatan Semenanjung Tanah Melayu. Di Singapura dia dibesarkan, menerima pendidikan dasar dan menengah. Di Singapura juga dia disentakkan oleh ledakan bom Jepun; menyaksikan dan mengalami penderitaan hidup pada zaman perang, dan melalui detik-detik hidup yang menyukarkan untuk memperoleh pekerjaan. Kesemuanya itu merupakan pengalaman langsung dalam realiti kehidupan yang pernah dialaminya yang sekaligus menjadi aset yang cukup berharga kemudiannya, terutama dalam usahanya mencipta hasil karya kreatif melalui pelbagai genre kesusasteraan.

Pada tahap awal kelahiran A. Samad Said dalam dunia penulisan cerpen Melayu, sesungguhnya seperti pada kebanyakan pengarang muda yang lain yang sezaman dengannya, pengarang ini berusaha mencari tapak kemantapan baik dalam pemilihan subjek cerita mahupun dari sisi pengucapannya. Situasi pencarian ini adalah relevan dengan usia pengarang yang masih muda – muda dalam bidang penulisan dan pengalaman hidup lalu dengan jujur menyatakan kecenderungan mengangkat dan memanfaatkan realiti objektif, terutamanya pengalaman diri dan pengalaman batin, yang wujud di perse-

kitaran untuk digarap menjadi realiti imaginasi, yang tentunya ada tokoh penyesuaian di sana sini, yang kemudiannya lahir dalam bentuk karya kreatif imaginatif genre cerpen.

Justeru itu, perilaku dan fenomena hidup sezaman dengan manusia pinggiran yang hidup serba suka dan menderita menjadi objek sasarannya. Sementara itu, lokasi sasarannya, antara lain ialah perbatasan kota Singapura yang serba daif, daerah kumuh yang hancing, sesak dan pengap-pengau. Objek dan lokasi itu sering mengisi dan memberi ruang untuk memungkinkan kelangsungan kehidupan secara seadanya dan pengarang mengungkapkan peristiwa-peristiwa itu dengan cukup sederhana, penuh kejujuran, secara naturalistik serta mentafsirkannya lewat sensitiviti yang seimbang dengan usia dan pengalaman.

Mengimbau ke zaman lampau, semasa kecilnya, A. Samad Said, tidak pernah suka baju tidur, tetapi senang dengan bantal peluk yang besar. Dia rimas dan panas dengan baju tetapi bantal peluk besar memberikan semacam kegagahan kepadanya untuk menguasainya (*Dari Salina ke Langit Petang: Proses Mencipta Novel*, 1979: 5); dan secara simbolik serta perbandingan A. Samad Said sungguh-sungguh menjadi besar, matang dan berupaya menguasai mekanisme penulisan cerpen dalam tempoh yang singkat.

Begitu A. Samad Said berpengalaman menulis cerpen selama tiga sampai dengan empat tahun, iaitu menjelang akhir dekad 1950-an, pengarang yang "rimas" dan "panas" berbaju semasa kecil itu menjadi "besar" kerana jalur yang diambilnya tidak lagi jalur yang stereotaip tetapi jelas memperlihatkan kelainan dan menyerlahkan keistimewaan yang sekaligus menampakkan kejatidiriannya. A. Samad Said

berupaya menyorot kehidupan golongan kelas menengah Melayu dengan kritikan dan sindiran tajam yang menyentak.

Dalam tempoh waktu tidak sampai satu windu, A. Samad Said memperlihatkan ketrampilannya sebagai pengarang cerpen Melayu yang sukar ditandingi. Kehadirannya bukan sahaja sebagai suatu kesinambungan bagi memperteguhkan lagi kemantapan dunia pencerpenan tanah air selepas Keris Mas, malah berupaya meletakkan dirinya pada suatu tahap yang wajar dengan ketekunan dan keseriusannya mencari serta menemukan daerah dan insan baru untuk dijadikan subjek tafsiran, kritikan dan sindirannya.

Kini, setelah tiga dekad lebih pengarang kawakan ini meninggalkan bidang "industri ringan" (cerpen) kerana dan atau berada dalam bidang "industri berat" (novel), A. Samad Said ternyata lebih selesa, lebih cenderung mengusahakan "industri berat", telah pun menghasilkan novel *Langit Petang*, *Daerah Zeni*, dan *Hujan Pagi*.

Dalam tempoh itu, cuma dua kali A. Samad Said menjenguk kembali ke genre yang padat dan ringkas, yang menuntutnya berdisiplin dan bersikap ekonomi dalam penggunaan bahasa, yang dikatakannya terlalu mengekang dan merimaskan daya dan kebebasan kreativitiya bagi memperoleh kesan tunggal (*Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1985, 1986: 19*).

II

Demikianlah, kumpulan ini memuatkan 54 daripada 55 buah cerpen A. Samad Said yang dihasilkan sejak mula menulis pada pertengahan dekad 1950-an

hingga ke awal dekad 1990-an. Untuk itu, ingin dirakamkan ucapan terima kasih kepada Arkib Negara dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka atas ihsan dan kerjasama yang diberikan bagi memungkinkan cerpen-cerpen terawal A. Samad Said dapat dihimpunkan dalam kumpulan yang amat signifikan ini. Sementara cerpennya yang satu lagi iaitu "Di Antara Retak-retak Hati" (*Utusan Filem dan Sports*, 30 September 1955), tidak ditemukan di dua buah institusi tersebut, malah di Perpustakaan Negara dan di Perpustakaan Syarikat Utusan Melayu (M) Berhad juga tidak kedapatan.

Meneliti cerpen-cerpen A. Samad Said, akan kita temukan beberapa ciri perubahan yang wajar dan menarik yang sekaligus menyerlahkan jatidiri pengarangnya. Pertama, cerpen-cerpen terawalnya yang ditulis sewaktu usianya dalam lingkungan belasan dan awal dua puluhan tahun, banyak sekali membicarakan gejala rasa anak muda yang terjaring dalam kemelut cinta seperti dalam cerpen "Hari Ini, Hari Gembira", "Serangkai Kata Untuk Adinda", "Dinda", "Si Juita", "Sayangkah Dara Padaku Seorang?", dan "Sapu Tangan Tanda Kasih". Di samping itu, A. Samad Said mula berani melontarkan kritikan sosialnya melalui cerpen-cerpen seperti "Antara Kembang dan Layu", "Rita Hamidah", "Mengandung", "Mesranya Malam Pertama", dan "Pencuri yang Tidak Adil Dihukum".

Kedua, peningkatan usia dan pengalamannya bertugas di akhbar *Fikiran Rakyat*, semacam memberikan kesempatan kepadanya untuk mengkritik dengan agak keras dan lebih kritis terhadap fenomena yang wujud dalam realiti objektif atau kehidupan masyarakat pada zaman menjelang kemerdekaan tanah air. Hal ini terserlah pada cerpennya

"Sentil Tembakau", "Menanti Malam Hari Raya Kedua", "Kerani Besar", "Kereta Api ke Kuala Lumpur", dan "Lahirnya Seorang Anak".

Ketiga, serentak dengan itu, dilihat ada kecenderungan A. Samad Said menyorot kehidupan insan kerdil dan daif daripada kalangan rakyat kelas bawahan yang hidup serba sukar di daerah kumuh yang sesak, kotor dan menjijikkan; buruh kasar, pelacur, penganggur dan pekerja yang terhimpit hidup mereka, harus *survival* bagi menentukan kesejahteraan hidup secara keyakinan diri masing-masing. Fenomena hidup yang harus digulati oleh setiap insan kerdil dan pinggiran itu, dapat diteliti dalam beberapa buah cerpennya dalam kumpulan ini. Antaranya ialah "Ke Daerah yang Lebih Kerdil", "Langit Malam Tiada Berbintang", "Dari Tanah ke Tanah", "Sebuah Bangunan Tiga Tingkat", "Daun Jejawi", "Dari Tingkap Sebuah Bangunan", "Kakak", "Perempuan dari Kampung Kambing", "Pagi", "Di Tepi Jalan", "Sekolah", "Longkang", dan "Malam Merangkak ke Hujungnya". Sementara dalam cerpennya "Tiada Lagi Jadi Kebanggaan", pengarang cuba menampilkan pemikiran baru seorang gadis yang berketurunan menolak kehidupan berkasta dan menggauli masyarakat bawahan dengan sikap terbuka.

Keempat, zaman persekolahannya, terutama pada peringkat rendah merupakan kejutan yang amat menyentak dan ia merupakan pengalaman yang harus dideritanya dalam jangka waktu yang berpanjangan. Ledakan bom, bencana perang, getir pahit hidup pada zaman Jepun dan gejolak semangat kebangsaan ternyata amat berkesan dan mempengaruhi jiwa kesenimanannya. Rempuhan arus kekejaman pemerintahan fasis Jepun, pengkhianat dan prasangka menjadi aset yang berguna yang kemu-

diannya disaringtafsirkan untuk dicerna lewat cerpen "Buruh Paksa", "Penyerahan", "Saat Terakhir", "Di Sisi Rinda", dan "Dosa Pejuang".

Kelima, zaman remaja A. Samad Said adalah zaman sukar untuk memperoleh pekerjaan. Begitu pun, pengalaman langsung bertugas sebagai kerani dan pengamatannya secara menyeluruh terhadap gerak masyarakat di Hospital Umum Singapura sempat dimanfaatkan dan dirakamkan dalam beberapa buah cerpennya. Cerpen-cerpen itu ialah "Seminggu", "Sehari", "Sebuah Bilik", "Gelap", "Pulang Malam", "Menanti", dan "Hati Muda Bulan Muda".

Keenam, ketajaman dan kesinisannya menyindir-kritik golongan menengah, elit Melayu, insan baru bercitra dalam negara merdeka yang hidupnya tepu dengan kepura-puraan, *snobbish*, sikap keyakinan hidup yang sering bertentangan dengan tindakan, kesenjangan sosial, *ambitious* dan bangga diri dapat kita telusuri melalui cerpennya "M.P. Gudu-Gudu", "Ahmad Zago", "Sasterawan Daiman Kereko", dan "Tamrin Gil". Sasaran kritikan A. Samad Said tidak sahaja terhadap golongan birokrat tetapi juga terhadap teknokrat, politikus dan sasterawan.

III

A. Samad Said, seperti Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad dan Arena Wati, hadir dalam dunia penulisan cerpen di tanah air kita hampir sezaman, iaitu dalam tahun lima puluhan. Justeru itu, pada tahap awalnya dalam penulisan cerpen, pengarang ini cenderung melanjutkan tradisi yang stereotaip, membicarakan dan menonjolkan insan kerdil kelas bawahan, menyuarakan kegelisahan dan kesenjangan hidup di kalangan masyarakat rakyat terbanyak dengan pema-

paran dan rakaman peristiwa secara seadanya, cukup sederhana bagi menunjukkan upaya menanggapi fenomena itu dengan wajar, berani dan bijaksana sesuai dengan zamannya.

Namun begitu, berbanding dengan beberapa pengarang cerpen yang sezaman dengannya, apatah lagi dengan pengarang-pengarang sebelumnya, cerpen-cerpen di tangan A. Samad Said yang membicarakan fenomena masyarakat kelas bawahan, seperti terhimpun dalam kumpulan ini, jelaslah pula tidak diekspresikan secara romantis dan atau tepu emosi. Inilah kelainan dan keunikan A. Samad Said diteliti dari aspek pengucapan dan mekanisme dalam cara gaya pengolahannya. Kelainan itu menyerlahkan keistimewaan A. Samad Said menguasai subjek dan langgam pengolahan yang sekaligus memberikan suatu ragi jatidiri pengarang dalam penciptaan karya kreatif.

Sesungguhnya A. Samad Said cukup teliti dan persepsinya amat tajam terhadap objek, lokasi dan lingkungan persekitarannya. Beliau peka amat dan terinci terhadap unsur-unsur yang wujud dalam alamiah, begitu kreatif dan imaginatif memerikan elemen-elemen kecil yang berhubungan dengan insan dan latar di mana peristiwa saling beraksi dan bereaksi mengisi ruang dan waktu. Cubalah diteliti petikan daripada cerpennya "Sasterawan Daiman Kereko", ini (1960):

Beberapa ekor lipas dan tikus menggelecar lari lagi dari celah-celah potongan akhbar-akhbar buruk, majalah-majalah dan buku-buku buruk dari dalam peti itu. Misai-misai lipas yang selincah ekor lembu mengibas lalat dan decitan tikus dari bawah peti itu menokok rasa gelisah sasterawan Daiman Kereko. Dia duduk bersunyi di tepi peti buruk itu

Pemerian yang terperinci sedemikian ini dapat kita temukan pada kebanyakan karya sastra A. Samad Said, tidak terkecuali cerpen. Tujuh belas tahun kemudian, melalui cerpennya "Di Sisi Rinda" (1987), pengarangnya tetap cenderung mengekalkan langgam penceritaan latar dan watak yang amat ketara dan indetik sekali dengan jatidirinya. Perhatikan pula petikan yang berikut ini:

Anak itu keluar diiringi Jumari Jipan yang membimbit bakul kecil dan mengepit topi kanvas di bawah ketiakunya. Rinda muncul dan terkejut sejenak di mulut tangga sambil mengejib-nejib serta memandang kiri kanan lalu duduk di sisi selongkok tali. Sebaik tiba di atas semula, Jumari Jipan menyuruh Dallah duduk, cuba memersukkan topi itu, mengibas-ngibasnya pada tapak tangannya beberapa kali, menyikat rambutnya dengan jari, sebelum memakai topi tersebut

Jelas, langgam penceritaan yang demikian raginya – terlalu terinci – akan melambatkan perkembangan/pergerakan ceritanya. Pelukisan tentang watak, aksi watak, latar, suasana yang dipaparkan dengan cukup teliti dan ia berupaya menimbulkan daya imaginasi khalayak. Pada kasus inilah, temperamen A. Samad Said terhadap keistimewaan guru darjahnya bercerita dengan begitu teliti, terinci dan bergerak lambat itu dirasakan amat menarik, mempesonakan sehingga lupa dan memanipulasi kata-kata (*Dari Salina ke Langit Petang: Proses Mencipta Novel*, 1979: 9). Dan pada cerpennya yang terbaru "Dosa Pejuang" (1992), A. Samad Said tetap teliti dan begitu terinci dengan gaya pelukisan cerita yang sudah sehati menjiwai diri dan cukup diminati itu. Cubalah hayati petikan ini pula.

... . Rizman berhenti beberapa ketika di atas anak

tangga, mengesat bahagian badannya yang basah, terutama rambutnya yang sedikit kuyup. Dalam satu kejutan kilat yang lain, dia ternampak tikus lari dari celah-celah botol ke celah tin, dikejar kucing putih yang melanggar botol-botol yang menghadang. Dan susunan akhbar lama, sesekali tergigit resah dijentik angin.

Di kalangan pengarang baru yang menulis pada pertengahan tahun 1950-an, A. Samad Said dapat dikategorikan sebagai pengarang yang punyai keberanian dan keupayaan mengkritik dan menyindir golongan elit baru Melayu yang hidup penuh purapura. Beliau terutamanya begitu berjaya menyindir beberapa watak manusia dan peristiwa dan berhasil meninggalkan kesan yang mendalam kepada se golongan pengarang cerpen terkemudian yang ikut cenderung mencipta cerpen yang punya muatan gagasan dan bernada demikian.

Pelbagai status, profesion, pendidikan, gelaran, ras, kepercayaan dan latar kehidupan insan yang kita temukan dalam cerpen-cerpen A. Samad Said. Insan-insan kerdil yang berjuang hidup dan ingin terus bertahan di daerah-daerah kerdil yang serba kumuh. Antara insan yang ingin *survival*, yang berjaya dan tewas itu ialah Pak Leman dalam "Ke Daerah yang Lebih Kerdil", Karim dalam "Sebuah Bangunan Tiga Tingkat", 'Saya' dalam "Dari Tingkap Sebuah Bangunan", Junid dalam "Daun Jejawi", 'Saya' dan 'Kakak' dalam "Kakak", Jamil dalam "Pagi", Salleh Gimam, Rama Krishnan, Gopal, Tambyah, Sim Phuay dan Dollah Kapak dalam "Di Tepi Jalan", Murad Panau dan Abdul Karim dalam "Longkang", dan Budin Kopia dalam "Malam Merangkak ke Hujung-nya". Insan-insan ini yang menggerakkan denyut nadi daerah-daerah kerdil itu dengan memberikan pel-

bagai jalur warna bagi menggambarkan keadaan sosial sezaman yang wujud mencengkam gerak nafas mereka dalam penentuan dan kelangsungan hidup ke arah kesejahteraan yang mungkin dapat direalisasikan, dan atau cuma utopia yang menabiri mimpi enak.

Dalam kerimasan dan kekangan kebebasan kreativitanya mencipta cerpen, A. Samad Said juga memiliki upaya mengangkat pengalaman dan citra insan yang bergulat dengan pahit getir, kekejaman, perkosaan, padah Perang Pasifik, lupusnya kemanusiaan, musnahnya cinta kasih, pengkhianatan dan prangsaka. Watak-watak seperti 'Aku' dan Usman dalam "Buruh Paksa", Zubaidah dalam "Penyerahan", Siew Fong dalam "Saat Terakhir", Jumari Jipan, Deliah dalam "Di Sisi Rinda", Kariman, Satiamah, Sotifah, Nenek Chow Wah, Imran Kadiro dan Tengku Darus dalam "Dosa Pejuang", merupakan watak-watak yang menyedarkan kita kembali pada zaman kebuasan yang menimpakan penderitaan dan kesusahan pada penduduk setempat. Meneliti cerpen-cerpen itu dapat dilihat kecenderungan dan ketelitian pengarang mentafsir peristiwa cerita dan perilaku watak yang berupaya mendorong daya intelek kita di samping daya saranan yang dicengkam oleh langgam dan rasi pengucapan kehidupan yang menarik.

Golongan ahli politik, birokrat, budayawan, teknokrat, profesional dan sasterawan ikut menjadi sasaran kritikan pengarang A. Samad Said. Watak-watak mereka seperti Ahmad Zago, M.P. Gudu-Gudu, Daiman Kereko, doktor dan Ghaffar adalah insan yang hidupnya sudah tidak murni, ada kejulingan dalam perjuangan dan tindakan, angkuh, *ambitious*, *opportunist*, dan kesenjangan sosial bagaikan tidak wujud apalagi untuk dirasakan sama sekali oleh

mereka. Matlamat hidup mereka lebih untuk memakmursejahterakan diri sendiri cuma. Seolah-olah itulah sahaja motif hidup mereka di negara merdeka.

IV

Pada hakikatnya, setiap cerpen terbina daripada tiga komponen iaitu pengenalan, pertikaian dan penyelesaian (H. B. Jassin, *Tifa Penyair dan Daerahnya*, 1965: 65). Bahagian pengenalan dikenali sebagai permulaan cerita, pertikaian pula berada pada bahagian perkembangan atau pertengahan cerita; dan penyelesaian berada pada tahap pengakhiran cerita. Justeru itu, pengolahan setiap bahagian itu pasti ada langgam penceritaan permulaan, langgam penceritaan pertengahan dan langgam penceritaan pengakhirannya.

Menyedari akan konsep dan ciri cerpen yang padat, ringkas, ekonomis daripada beberapa unsur dalamannya dan menuntut kesan kesatuan yang tunggal, maka di tangan pengarang yang mahir seperti A. Samad Said, maka bahagian permulaan cerita diberikan tumpuan yang khusus, dan lazimnya segera memperkenalkan khalayak pada watak, permasalahan, latar, sudut pandangan dan nada cerita yang dapat membayangkan gagasan utamanya. Begitu memasuki bahagian pertengahan, gerak cerita harus melewati beberapa konflik dan atau krisis yang cenderung menanjak dengan penuh ketegangan menjurus ke puncak cerita. Dan dari puncak segala ketegangan itulah cerita mulai mengendur atau melentur menemukan perleraian atau penyelesaian dan bahagian inilah dikenali sebagai pengakhiran cerita.

Lazimnya, memperkembangkan peristiwa se-

suatu subjek cerita tidaklah terlalu sukar pada kebanyakan pengarang, yang sukarnya ialah memulakan dan mengakhirkan cerita. Kesukaran dan atau kerumitan memulakan cerita ada kaitan dengan permulaan sesebuah cerpen yang seharusnya menarik (Idrus, *Teknik Mengarang Cerpen*, t.t.: 6), padat dan kuat. Kepadatan, kekuatan dan daya tarik cerpen itu dapat pula dikesani daripada struktur ayat pertama, atau daripada perenggan pertama yang berkesan atau daripada halaman pertama (buku) yang menarik. Jelas, peri pentingnya langgam permulaan pada cerpen dan betapa permulaan cerpen mempunyai fungsi untuk membuka cerita. Sebagai pembuka cerita, langgam permulaan harus memiliki upaya menggambarkan adegan awal yang menghantar beberapa maklumat dan atau pengetahuan tentang lokasi, dan berdaya gerak yang tentunya melibatkan watak yang sekaligus memberikan corak dan tempo bercerita; di samping meletakkan asas penentuan tentang peristiwa yang bakal terjadi.

Meneliti cerpen-cerpen A. Samad Said dalam kumpulan ini – terdapat beberapa langgam penceritaan bahagian permulaan yang digunakannya. Antaranya ialah langgam permulaan dengan pemerian, dialog, laporan, komen dan pembauran teknik. Begitupun, daripada beberapa rasi langgam itu, A. Samad Said cenderung menggunakan langgam pemerian dan langgam laporan pada kebanyakan cerpennya. Perhatikan petikan daripada cerpen "Longkang", di bawah ini:

Empat ekor itik sedang sibuk di sebuah longkang yang airnya hitam berbuih tidak mengalir. Longkang itu terbentuk daripada beberapa buah longkang kecil dari rumah Kamala Bi, Kiah Kedempol, Zaharah

Bulat, Marimuthu, Abdul Karim, Kadir Mahmud, Manisah, Abdul Rahman, Haji Musa dan beberapa orang lagi. Longkang-longkang kecil ini bercantum menjadi sebuah longkang yang agak besar – bengkok-bengkok memanjang dan berakhir di rimbun semak-semak yang bertimbun-timbun dengan kertas-kertas surat khabar lama yang sudah basah dan koyak-koyak, kain-kain perca yang kotor dan ronyok, tin-tin susu bertakungan air yang menjadi dunia bagi beribu-ribu ekor jentik-jentik, botol-botol sompek dan retak yang berminyak dan sisa-sisa makanan basi yang berlendir: Nasi, ikan, sayur-sayur dan hampas kelapa.

Ternyata langgam pemerian permulaan pada cerpen itu begitu padat, terinci dan jelas. Pengarang mempunyai upaya mengeksploitasi bahasa kreatifnya untuk memberikan gambaran suasana latar, watak dan keadaan kawasan kumuh yang jelek, berair, kotor, berbau dan serba hanyir itu.

Langgam permulaan penceritaan dengan laporan terhadap watak utama terserlah pada beberapa pembukaan cerpen A. Samad Said seperti "Daun Jejawi", "Tamrin Gil", "Buruh Paksa", "Sehari", "Sebuah Bilik", "M.P. Gudu-Gudu", dan "Dosa Pejuang". Perhatikan petikan daripada cerpen "M.P. Gudu-Gudu", dan "Dosa Pejuang", yang diperturunkan di bawah ini:

M.P. Gudu-Gudu menguap tiga kali sambil menggeliat seliar-liarnya. Tangan kasarnya yang mencekau-cekau udara sewaktu menguap dan menggeliat itu memeranjatkan beberapa ekor burung pipit yang sedang meloncat-loncat segar di atas dawai-dawai telefon yang berayun-ayun lemah kerana ditiup angin. Ahli Parlimen tersebut melihatkan burung itu terbang meluru ke atas genting sebuah hotel berhadapan dengan hotelnya; burung-burung itu segera pula terbang semula menuju ke sebatang pokok

jejawi tua yang daunnya sentiasa berlenggang-lenggang lemah gugur di atas beberapa buah beca roda tiga dan teksi-teksi yang sedang berhenti lesu di bawahnya.

dan

Guruh yang berekoran menjerit beberapa kali. Langit senja sungguh lelah. Kawasan sekitar gubuk Kariman telah pun dirintiki hujan beberapa kali, menghalau ayam dan itik jiran yang memang sering berkeliaran di situ. Sebahagian daun kering dan sampah-sarap yang terhimpun di beberapa bahagian halaman sekali-sekala terganggu – melayang-layang sekitarnya.

Kariman menutup tingkap, menghempap sekeping papan di atas akhbar-akhbar buruk yang tersusun di antara dua tempayan besar. Dua biji botol kosong tiba-tiba jatuh, diangkat dan dibariskannya semula di sisi deretan tin buruk. Kariman tersentak oleh kilat yang tiba-tiba benderang, disusuli guruh yang amat tajam.

Kedua-dua petikan itu memperlihatkan keterperincian A. Samad Said melaporkan perilaku watak utamanya: Ahli politik yang berada di sebuah hotel, pada suatu pagi; dan watak pejuang Kariman yang berada di gubuk kecil, sempit dan diserabuti bahan-bahan terbuang, pada senja yang bergerimis dengan libasan kilat dan dentuman guruh. Ketara, malah, A. Samad Said lewat cerpen "Dosa Pejuang", memulakannya dengan gabungan penceritaan laporan gambaran suasana latar dan perlukisan watak yang mengisi ruang suasana itu.

Langgam permulaan cerpen yang disebutkan terdahulu, ditemukan lagi, malah berlanjutan pada bahagian pertengahan cerpen. Cuma langgamnya saling berbaur dan kurang dominan apalagi spesifik dan terkadang-kadang hampir seimbang dan menjadi

agak sukar untuk diklasifikasikan. Dalam penelitian ini, ditemukan dua langgam penceritaan bahagian pertengahan iaitu secara pemerian dan pembauran teknik. Tiada sebuah cerpen A. Samad Said pun yang diperkembangkan ceritanya dengan langgam pemerian secara mutlak. Yang ditemukan ialah langgam pembauran teknik dengan menonjolkan gaya 'dialog dan laporan' terutamanya; kemudian, sedikit gaya 'dialog, laporan dan surat'; serta gaya 'dialog, laporan dan puisi'. Pembauran kedua-dua langgam itu, secara tidak langsung memberikan penanda betapa pengarang sedar akan peri pentingnya watak-watak berperanan bagi menggerakkan proses perjalanan peristiwa cerita secara cukup bersahaja, walaupun dalam suatu penjalinan plot cerita yang mudah, lurus dan konvensional.

Di tangan A. Samad Said, yang ketara dan menarik diperhatikan ialah kematangannya melaporkan sesuatu peristiwa dan atau latar cerita dengan terperinci, secara babakan, realistik dan kreatif, di samping dialognya padat, pendek, tepat dan kadang-kadang mengandungi unsur humor serta sinis yang menukik dan merobek tentunya. Perhatikan petikan cerpen "Saat Terakhir", ini.

Ayahnya sedang tidur. Dengkurnya merendah. Muka ayahnya itu diperhatikannya; liar misainya, liar janggutnya. Rambutnya kering dan terlalu panjang pula. Sedih membanjiri hatinya. Di sebelah ayahnya tiada ibunya yang dikasihi. Ia telah menemui mautnya tiga hari yang lalu kerana terhimpit balak besar *shelter* yang diharapkannya dapat menyelamatkannya. Di dalam *shelter* itu juga ibunya ditanamkan. Hatinya kurang senang. Beberapa kali dimintanya ayahnya supaya mengebumikan ibunya itu di tempat yang lebih sempurna lagi. Ayahnya bersetuju; masanya sahaja belum tiba.

Pengarang memberikan banyak maklumat tentang watak (ayah, ibu dan anak), secara umum; tentang nasib dan situasi watak (tidur, mati, sedih, tidak tenteram), tentang latar ruang (*shelter*) dan waktu (perang) dan suasana (tidak aman akibat perang). Perhatikan juga pembinaan struktur ayat-ayat yang pendek, tepat dan mempunyai upaya menghantar mesej dalam pengucapannya. Sedangkan ungkapan “dengkurnya merendah” dan “sedih membanjiri hatinya”, merupakan majas personifikasi yang indah, mantap dan kreatif.

28 sampai dengan 33 tahun kemudian – sejak cerpennya “Saat Terakhir”, tersiar dalam *Dewan Bahasa*, Disember 1959 – A. Samad Said tetap dapat mengekalkan langgam ‘laporan dan dialog’ itu dalam cerpennya “Di Sisi Rinda”, dan “Dosa Pejuang”. Langgam ini amat mendominasi cara pengolahan bahagian pertengahan ceritanya. Cuba teliti petikan kedua-dua buah cerpen tersebut secara berurutan:

Jepun mengesyaki semua bot berisi senjata dengan tenaga yang pada bila-bila masa boleh mengancam tenteranya. Pada saat begitu itulah terkadang-kadang apa yang disebutkan Kapten Dawson tentang kebebasan itu dirasakannya semakin bererti.

“Itu cakap penjajah yang sudah hendak kalah,” Ripin pernah membantah. “Kenapa sekarang baru dia cakap tentang orang Melayu patut bebas?”

Jumari Jipan cuba memujuk Deliah pulang.

“Nen tak mahu pulang lagi,” kata anak itu, mengesat matanya dengan topi yang lusuh.

dan

Masjid itu sebahagiannya sudah pun berkali-kali disasari bom, dan kini dia bersama beberapa orang muda cuba memperbaikinya di mana perlu, walau-

pun mereka sedar pada bila-bila masa bom akan menjunam lagi. Kawasan di belakang masjid yang sebahagiannya kawasan kubur menjadi lebih semak, malah pada bahagiannya yang telah pun diserabuti pelbagai khemah kecil oleh mereka yang berasa kubur lebih selamat daripada rumah. Atau seperti kata nenek Chow Wah, "Lebih baik mati di kubur kerana itu memang rumahnya."

Menurut Idrus, menutup cerita termasuk tugas yang berat (t.t.: 41). Begitupun ia tidak sepenting langgam permulaan cerita. Namun, pengakhiran cerita harus dilakukan dengan rapi, dengan teliti tentunya kerana ia berupaya mencetuskan pengaruh negatif yang menjejaskan sehingga pengkaji sastera dapat menyatakan cerpen itu merupakan satu bab daripada novel atau cerpen yang belum selesai. Ketidakseimbangan dengan penamat cerita yang longgar, lemah dan kurang kesan pada emosi dan pemikiran tentu sahaja menyerlahkan kelemahan walaupun tidak mencerminkan kerosakan cerita pada keseluruhannya.

Hasil daripada penelitian terdapat beberapa langgam pengakhiran cerita dalam cerpen-cerpen A. Samad Said. Pengarang lebih cenderung dengan langgam pengulangan judul, dialog, laporan dan pembauran teknik. Di bawah ini diperturunkan beberapa petikan yang berkaitan:

- a. Pengakhiran dengan *pengulangan judul* daripada cerpen "Kakak".

"Mustahil kakak sudah melupai saya," kata saya.
 "Ya, kakak kenal," jawabnya pendek.
 Dan matanya segera berair.

Petikan di atas melibatkan watak tertentu menu-

turkan dialog yang secara tidak langsung menyerlahkan langgam pengakhiran penceritaan dengan pengulangan judul cerita. Langgam ini lebih berkesan kerana pengarangnya tidak hadir untuk campur tangan dan memberikan kesempatan sepenuh pada watak-wataknya memainkan peranan masing-masing.

- b. Pengakhiran dengan *dialog* daripada cerpen "Seminggu".

Saya diam beberapa ketika. Kawan saya, Chang, segera menghulurkan gambar yang sudah di siapkannya dan berkata:

"Ai, engkau pikir *Nurse Nancy* itu macam *Kim Novak* tak?"

"Dia sudah mati," kata saya.

"Siapa? Siapa ...?"

Ada semacam kelincahan bercerita pada bahagian penamat itu. Dialog itu dilafazkan dengan wajar dan sesuai dengan tempo ceritanya yang sekaligus menimbulkan tanda tanya pada diri teman 'saya' atau watak Chang yang gila judi lumba kuda sehingga dia tidak tahu kematian Pak Cik, seorang pesakit daripada keluarga daif. Di sini, terserlahnya unsur ironi dramatik pada akhir cerita yang meminta ketelitian khalayak untuk memberikan penilaian terhadap diri dan perlakuan watak yang berkesan,

- c. Pengakhiran dengan *laporan* daripada cerpen "Penyerahan", dan "Dosa Pejuang".

Mata Samurai San segera terarah ke atas seketika kemudian memandang Maarof dan isterinya dengan tidak pun mengandungi erti apa-apa. Dia berlalu.

Sebaik-baik sahaja Samurai San keluar, Latifah segera berlari ke atas. Pintu bilik yang sememangnya tidak tertutup rapat itu ditolaknyanya agak kuat juga.

Zubaidah sedang teresak-esak di atas katil!

dan

Rizman menghirup teh, menunggu Kariman terjaga. Selepas isyak nanti, barangkali dia boleh terus bertanya tentang peranan sebenar Tengku Yadi, Dasi-mun dan Imran Kadiro. Dia merenung wajah Kariman yang tidur resah itu, dan dia mula bertanya-tanya apakah wajar juga dia bertanya apa yang terjadi pada Satiamah dan anak-anak? Dan dia seperti ternampak Lahmuddin bercekak pinggang sambil ketawa.

Kedua-dua petikan itu menggambarkan secara laporan tentang tindak-tanduk watak dalam mengalami atau menghadapi sesuatu peristiwa, pada sesuatu latar dengan suasana berbeza. A. Samad Said, pada tahap awal menulis cerpen, agak kurang cenderung mengakhiri cerita dengan langgam laporan, akan tetapi langgam laporan itu begitu dominan pada cerpen-cerpennya dalam kumpulan ini. Malah pada cerpennya yang terbaru seperti petikan di atas memperlihatkan pengakhiran ceritanya semakin mantap, tetap mengundang daya intelek khalayak untuk berfikir dan mentafsirkan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku pula.

Demikianlah A. Samad Said yang memperlihatkan jatid dirinya dalam mengolah langgam penceritaan cerpennya. Walaupun dirinya juga dikenali sebagai penyair tanah air yang berwibawa namun unsur-unsur puisi – sajak – langsung tidak menyisip ke dalam langgam penceritaan pada ketiga-tiga bahagian yang dibincangkan tadi. Hal ini merupakan suatu kelainan yang ketara jika dibandingkan penga-

rang ini dengan pengarang-pengarang sezaman dengannya, apatah lagi dengan A. Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad.

Perlukisan latar dan watak secara terperinci, melalui babakan, langsung tidak menggunakan langgam dialog pada bahagian permulaan cerita membuktikan A. Samad Said begitu teliti dengan kedua-dua unsur itu. Hakikat ini merupakan pengangkatan pengalaman dalam realiti zamannya yang kelam buram, gambaran objektif yang dimungkinkan dengan bauran imaginasi, dengan penyajian yang kreatif dan berkesan. Tidakkah ini mengingatkan kita kepada guru darjahnya yang bercerita secara mengengсот demikian lambat, menghuraikan setiap pakaian pahlawan, setiap pedang, pemandangan padang pasir terlalu rinci dan selalu melambatkan perjalanan cerita? (*Dari Salina ke Langit Petang: Proses Mencipta Novel*, 1979: 10-11). Dan begitulah A. Samad Said memanfaatkan makna kehidupan, tidak jera mengangkat realiti pengalaman hidup yang dilewatinya seperti zaman perang yang mengancam dan mendera tetapi sekaligus mendewasakan diri dan pemikirannya. Kesemuanya itu dimanfaatkan dengan kebijaksanaan diri, dihantar dalam bentuk kreatif imaginatif bagi meninggalkan kesan yang tajam, berpanjangan dan abadi.

Dr. Othman Puteh
Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
 24 Julai 1993

Sedutan Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1985

A SAMAD SAID adalah seorang pengarang cereka Melayu yang agak unik dan khusus dalam perkembangan cereka Melayu moden. Semenjak giat mengarang dalam tahun 1950, beliau telah memperlihatkan kekuatan daya kreatif yang senantiasa berkembang dan bersifat penerokaan. Keunikan dan kekuatan itu pula terlihat dalam penguasaannya menyaring persoalan besar dan kecil yang senantiasa berhubung kait di antara satu dengan yang lain untuk meninggalkan kesan natijah yang syumul, berinteraksi dan kesan kompleksiti kehidupan.

Sesungguhnya dia menulis dengan penuh kesedaran, bukan sahaja terhadap apa-apa yang diceritakan bahkan terhadap cara dia menyampaikan ceritanya. Dalam sastera Melayu, jarang kita dapati penulis yang dapat menjelaskan proses dirinya menghasilkan karangan-karangannya, seperti yang dilakukan dalam bukunya *Dari Salina ke Langit Petang: Proses Mencipta Novel*. Seorang pembaca mungkin akan memahami isi cerita A. Samad lain daripada yang dikatakannya dalam *Dari Salina ke Langit Petang*, tadi. Seorang pengkritik mungkin mempunyai pandangan dan nilainya sendiri terhadap novel-novel A. Samad Said itu, dan mungkin berlainan

daripada yang dipaparkan sendiri oleh A. Samad Said, seperti soal falsafah dan lain-lain. Namun kita tidak dapat menolak bahawa bagi A. Samad Said penciptaan novel adalah sesuatu yang serius, yang tidak dapat dilakukan dengan sambil lewa. Idea-idea yang mula-mula merupakan "awan-awan yang terapung", yang pada hakikatnya hanya merupakan lintasan-lintasan fikiran, pengalaman-pengalaman yang dilalui atau timbaan-timbaan daripada bacaan, mestilah diolah dan diungkapkan dengan teliti hingga menjadi sebuah novel. Dengan pengalamannya sendiri, novel-novel A. Samad Said selepas *Salina*, lebih mementingkan *craftsmanship* yang ditimbanya daripada bacaan-bacaan yang lebih terpilih. Daripada pemaparan yang dibuatnya dalam *Dari Salina ke Langit Petang*, A. Samad Said seolah-olah hendak meyakinkan kita bahawa pengaruh ibunya, gurunya serta pengalaman waktu muda apabila mendengar cerita daripada orang seperti "Pak Cik Osman" atau "Wak Ali" adalah benih yang mula-mula menanamkan keinginannya menulis. Tetapi pengalaman hidupnya sendiri, terutama waktu perang dan selepas perang, pengamatan yang tajam serta bacaan-bacaannya kemudian telah secara konkrit melahirkan novel-novelnya. Barangkali dari segi tekniklah, maka novel-novel A. Samad Said terasing daripada novel-novel Melayu yang lain, kerana bacaan-bacaannya daripada karya-karya Barat, terutama yang sezaman, telah memberinya kekuatan dari segi pendekatan dan teknik. A. Samad Said tidak sekadar membaca dan menikmati novel-novel itu, tetapi telah memilih dan mencuba belajar daripadanya, terutama dari segi falsafah dan cara bercerita.

Sebahagian besar persoalan yang dipaparkan oleh A. Samad Said bertolak daripada manusia-ma-

nusia pinggiran yang melambangkan sisa-sisa hidup dalam kehidupan nyata yang senantiasa digelumangi pembaziran ini. Sisa-sisa ini diperlihatkannya secara terperinci dalam gelombang mencabar kehidupan yang serba runcing yang kerap kalinya pula sukar untuk membendung tusukan-tusukan jarum mungkar yang ada-ada sahaja di sekitarnya yang menanti untuk bertindak. Kerangka-kerangka manusia yang menjadi sisa-sisa akibat kebinatangan kemanusiaan ini terdapat dalam beberapa cerpen peringkat awalnya, termasuk "Longkang", "Ada Sayang di Malam Kelam", "Di Tepi Jalan", dan sebagainya. Dalam novel pula hal itu jelas terpapar dalam *Salina*, *Sungai Mengalir Lesu*, *Langit Petang*, *Ke Mana Terbang Si Burung Senja*, *Adik Datang*, dan sebagainya. Kekuatan A. Samad Said dalam penerokaan kemanusiaan golongan bawahan dan kepapaan mereka terletak pada keahliannya mengupas nilai-nilai kemanusiaan dalam kegentingan-kegentingan *survival* sehingga penciptaan watak-watak dalam cerekanya lebih melambangkan konflik dan kontradiksi dalam pertaruhan hidup untuk sesuap nasi dan secebis kasih. Pada tahap-tahap nilai rendah kemanusiaan itu, A. Samad Said dengan daya kreatifnya yang tajam masih mencuba untuk mengimbangi keperluan *material* dengan kesucian *spiritual*. A. Samad Said masih mencuba mempertahankan kemurniaan kemanusiaan dalam suasana kehancuran kemanusiaan yang berpunca daripada kegilaan kemanusiaan itu sendiri juga.

A. Samad Said dalam kaedah pengolahannya agak menyimpang jauh daripada pengarang-pengarang sebelumnya yang bertumangkan penceritaan sebagai asas cereka. A. Samad Said sebaliknya lebih memberikan penganalisisan kepada perwatakan dengan

segala liku timbal-menimbalnya. Padanya penceritaan atau kisah tidak lebih hanya sebagai alat untuk memperjelas kemanusiaan sahaja. Pegangan ini kini amat ketara dalam novelnya yang terbaru iaitu *Daerah Zeni*, yang secara langsung mengikis unsur-unsur kisah atas penceritaan, diganti dengan kaedah penempatan watak-watak secara terus dalam suasana, latar dan inti persoalan. Interaksi di antara watak digubah bukan secara fizikal tetapi dalam realiti dan imaginasi sekaligus dalam ruang masa yang juga tindih-menindih di antara yang lepas berlalu, yang kini dan yang akan menjelang tiba.

Kekuatan A. Samad Said bukan sahaja terletak pada keahliannya meneroka sudut-sudut dalaman manusia-manusia pinggirannya tetapi juga dalam penyusunan aspek-aspek perinciannya yang oleh pengarang-pengarang lain dianggap tidak berfungsi dalam pengolahan cereka. Persepsi A. Samad Said dalam hal ini amat tajam malah ia begitu peka terhadap setiap gerak tindak manusia dengan segala persekitarannya. Aspek-aspek bunyi, warna, haiwan-haiwan dan bentuk-bentuk yang dikecapnya sering diberi tempat yang berfungsi dalam pengolahannya. Manusia-manusianya tidak berdiri sendiri tetapi ditempatkannya dalam suasana latar alam yang diperincikannya dengan kelincahan gaya bahasa yang benar-benar dieksploitasi secara serius dan bermakna. Kaedah memperincikan ciri-ciri dalaman dan luaran ini membekaskan kesan yang menjerab sekali; bertenaga dan mencuit daya imaginasi pembaca yang kritis bagi memperoleh kesan-kesan yang benar-benar bertapak di hati. Dalam beberapa peristiwa daripada novel dan cerpen A. Samad Said, kesan-kesan itu berbaur di antara keloyaan dengan sindiran, di antara *humour* dengan kenangan nos-

talgia; malah pada beberapa peristiwa yang lain kesannya lebih hebat lagi menyentuh ruang-ruang kepongahan dan kelaknatan yang kadang-kadang pula berbaur lagi dengan simpati serta sedu-sedan. Kekuatan A. Samad Said dalam pemaparan perincian inilah yang menyebabkan dia begitu berjaya menghasilkan cereka-cereka yang bersifat sindiran yang penuh kelucuan dan keseriusan, khususnya dalam cerpen-cerpennya seperti "M.P. Gudu-Gudu", "Ahmad Zago", "Tamrin Gil", "Longkang", dan banyak lagi.

Satu lagi aspek penting dalam penganalisisan terhadap A. Samad Said sebagai pengarang cereka ialah kemesraannya dengan sejarah yang melibatkan dirinya sendiri, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Sandaran cereka-cereka pada peristiwa sejarah adalah satu kaedah yang lumrah dilakukan oleh pengarang-pengarang besar dunia dan A. Samad Said nampaknya pengikut yang setia kepada aliran ini. Sebahagian besar cereka A. Samad Said bersandarkan Peperangan Dunia Kedua yang diamatinya daripada perspektif kekejaman yang sama sekali tidak berperikemanusiaan. Watak-watak dalam cereka A. Samad Said adalah terdiri daripada mangsa-mangsa peperangan yang terpaksa hidup penuh kedanaan melalui cara apa sekalipun demi memperoleh sesuap nasi. Sandaran pada sejarah ini terdapat dalam cerpen-cerpennya seperti "Buruh Paksa", "Saat Terakhir", "Penyerahan", serta dalam beberapa buah novelnya seperti *Salina*, *Sungai Mengalir Lesu*, dan beberapa buah lagi. Melalui cereka-cereka ini, kita memperoleh kesan-kesan yang mendalam tentang kehancuran serta kebobrokan kemanusiaan natijah daripada peperangan itu. A. Samad Said sama sekali tidak bersimpati dengan manusia-

manusia gila perang ini, tetapi manusia-manusia ini digambarkannya secara tidak langsung kerana A. Samad Said lebih menampakkan perhatian kepada mangsa-mangsa yang terperangkap dalam kancah peperangan itu. Watak-watak Salina dan Nahidah, dalam novel *Salina*, Sukon dan Tarninah dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*, Mei Fei dan Safuan dalam cerpen "Saat Terakhir", Zubaidah dan Maarof dalam cerpen "Penyerahan", melambangkan manusia-manusia yang menjadi mangsa kepada manusia-manusia gila perang ini.

Selain itu sandaran kepada sejarah ini meluas lagi dalam novelet-novelet A. Samad Said seperti yang terdapat dalam *Warkah kepada Salmi Manja*, dan *Bulan Tak Bermadu di Fathehpur Sikri*. Dalam karya-karya ini sejarah India, khususnya kesan-kesan daripada keagungan Taj Mahal, Rabindranath Tagore dan keagungan Universiti Aligar dan lain-lain mendapat tempat sandaran dalam penerokaan A. Samad Said. Kemesraan A. Samad Said dengan sejarah ini bukan hanya terlibat dalam cereka-cerekanya pada peringkat awal tetapi juga berkembang ke masa kini seperti yang kelihatan dalam novel *Langit Petang*, dan *Daerah Zeni*. Tetapi pemaparan sejarah dalam kedua-dua buah novel yang terakhir ini secara tidak langsung menyentuh aspek-aspek pembangunan fizikal dan mental negara. Dalam *Langit Petang*, umpamanya, sejarah pembangunan negeri yang tidak seimbang telah menghasilkan watak-watak Pak Cik Ariff, Hafiz dan Zakiah yang masih mencari-cari makna kehidupan. Begitu juga halnya dalam *Daerah Zeni*, yang lebih menumpukan penelitian kepada sekelompok manusia kerdil kesendirian sebagai kesan hasil daripada kecamukan pembangunan. Masing-masing mencuba mengenal orang lain dan

mencuba mengikuti jejak-jejak orang lain tetapi dirinya sendiri tidak pernah dikenalnya. Zeni umpamanya terjebak di antara sejarah bapanya sebagai novelis roman sejarah perjuangan dengan niat baiknya mengasihi adiknya yang lumpuh. Di samping itu Zeni sendiri dalam usaha memenuhi tuntutan nalurinya dalam pertarungan jiwa di antara menerima kekasih barunya Ebran dengan bekas suaminya Mohdi.

Salah satu lagi ukiran yang terkuat dalam daya kreatif cereka A. Samad Said ialah penjelmaan latar alam yang berfungsi dalam gubahan-gubahannya. Fungsi latar ini benar-benar difahaminya sebagai unsur yang mewujudkan kemanusiaan dalam erti kata yang sebenarnya. Latar bagi A. Samad Said bukan setakat sejarah tetapi juga tempat, suasana, masa dan segala makhluk selain manusia itu sendiri. Latar-latar ini sebahagian besarnya dipersonifikasikan, untuk menghidupkan lagi perwatakan dalam cerekanya. Teknik pengolahan begitu meninggalkan kesan yang lebih mendalam, menimbulkan kesan tiadanya campur tangan pengarang dalam penceritaan. Dalam cerpen "Daun Jejawi", umpamanya, A. Samad Said memberikan penekanan kepada unsur latar suasana untuk membekaskan kesan dalam perwatakan. Begitu juga dalam cerpen "Longkang", novel *Salina*, dan *Sungai Mengalir Lesu*, yang menekankan latar-latar suasana persekitaran yang kadangkadangkad selari dengan persoalan cerita dan kadangkadangkad bertentangan dengan persoalan cerita. Impak daripada keselarian dan pertentangan latar dengan persoalan ini memperjelas segala kompleksiti kehidupan yang ditempuh oleh para watak. Kehebatan A. Samad Said dalam eksploitasi latar sebagai unsur penting dalam cereka lebih jelas kelihatan dalam novel terbarunya *Daerah Zeni*. Dalam novel ini unsur

haiwan seperti gerak tindak katak dan gagak, unsur masa yang timbal-menimbal di antara akhir abad ke-19 dan masa kini, unsur ruang yang terbatas dan tidak terbatas benar-benar dieksploitasi oleh A. Samad Said. Lebih kompleks lagi dalam novel *Daerah Zeni* ini, A. Samad Said “mengzigzagkan” segala ciri penulisan novel, termasuk unsur latar yang timbul tenggelam dan kadang-kadang begitu bersahaja diwujudkan sehingga sering terbabas daripada pemerhatian pembaca. Tetapi bagi A. Samad Said unsur-unsur latar inilah yang mengiringi perwatakan dalam kewujudannya sebagai kehidupan yang *real* tetapi penuh keserabutan. Keserabutan yang terdapat dalam *Daerah Zeni*, ini dengan sendirinya melambangkan keserabutan dalaman dalam diri para watak, terutamanya watak Zeni yang terjebak dalam tuntutan ayahnya lewat manuskrip yang dibaca, dalam simpatinya terhadap adiknya yang lumpuh sedangkan simpatinya itu tidak begitu dituntut oleh adiknya, dalam percintaannya pada kekasihnya yang baru dan juga dalam sisa-sisa kasih yang masih ada pautan pada bekas suaminya. Latar masa, ruang dan suasana dalam *Daerah Zeni* ini menjadi begitu penting dalam kehidupan yang dialami oleh Zeni khususnya.

Novel *Salina*, merupakan novel sulung A. Samad Said, yang dikarang bukan dalam “kesuntukan masa untuk menyertai peraduan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka”, tetapi atas dorongan yang lebih besar dalam jiwanya, iaitu keinginan untuk melahirkan sebuah novel Melayu yang benar-benar bermakna, “sekurang-kurangnya daripada panjangnya”. Kecekalan A. Samad Said dalam mengatasi segala rintangan dalam menghasilkan *Salina*, dapat kita baca pada *Dari Salina ke Langit Petang*, dan dengan mengetahui

ini semua, bertambah kagum kita terhadap kejayaan *Salina*. Walaupun novel itu tidak menerima hadiah pertama, melainkan hadiah sagu hati, namun kesan novel ini sebagai karya yang menyegarkan penulisan novel Melayu, sekurang-kurangnya dari segi panjang dan kompleks persoalan yang dikemukakan, jauh melebihi novel-novel Melayu yang pernah terbit pada masa itu. Dalam beberapa hal, pembaharuan telah dibawa oleh *Salina*, dalam penulisan novel Melayu, dan tidak sedikit datangnya daripada ketabahan A. Samad Said yang ingin mencipta sesuatu yang bererti dalam kesusasteraan Melayu. Sesuatu yang dimulakan dengan *Salina*, pada sekitar penghujung tahun lima puluhan telah melahirkan beberapa buah karya kemudiannya yang menunjukkan gaya dan stailnya tersendiri.

Novel *Salina*, bukan sahaja mengisahkan watak yang memberikan nama pada novel itu, tetapi berkenaan watak-watak lain juga. Namun pada watak Salinalah kita mendapat gambaran sebahagian masyarakat yang hendak diceritakan oleh A. Samad Said, iaitu masyarakat kelas bawahan yang miskin yang mencuba mengolah hidupnya dalam serba kekurangan selepas Perang Dunia Kedua di pusat bandar Singapura. Lukisan hidup di bandar sudah bermula dengan novel-novel Melayu semenjak awal-awal lagi, dalam tahun-tahun dua puluhan dan tiga puluhan, tetapi rata-rata novel-novel itu bersifat didaktik, tematik, romantik, pendek, dan selalu melihat bandar sebagai sumber maksiat serta berbahaya bagi norma masyarakat Melayu. Hingga ke waktu yang sezaman dengan *Salina*, corak novel Melayu masih lagi serupa, dan persoalan pun serupa juga. *Salina*, membawa perubahan kerana tidak lagi membawa tema tertentu, apa lagi perutusan yang jitu.

Salina, seperti juga novel-novel A. Samad Said yang kemudian, merupakan pemapar kisah-kisah dan watak-watak yang terlihat dalam satu-satu suasana. Hendak dikatakan bahawa tidak ada tema atau tidak ada perutusan tidaklah benar-benar tepat, kerana selepas mengikuti kisah-kisah yang digambarkan, kita boleh juga mengatakan bahawa ada landasan atau ikatan yang merangkaikan kejadian dan bentuk-bentuk yang beraneka dalam *Salina*, ataupun *Sungai Mengalir Lesu*. Misalnya, kita boleh mengatakan kesengsaraan yang digambarkan oleh kedua-dua buah novel ini adalah akibat peperangan dan dengan secara tidak langsung A. Samad Said ingin mengatakan kepada pembaca betapa tidak berperikemanusiaannya peperangan. Jadi ada falsafah atau perutusan, hanya A. Samad Said sebagai novelis tidak ingin terlalu menonjolkan tema dan perutusannya. Dari segi inilah beliau membawa pembaharuan, kerana beliau lebih suka membawa aliran-aliran Barat seperti realisme atau naturalisme (dan realisme baru kemudiannya seperti dalam *Langit Petang*, atau *Daerah Zeni*), dan mengisahkan segala peristiwa sebagai pemerhati yang terperinci, daripada sebagai *moralist* yang memberikan penilaian peribadinya terhadap watak-watak dan kisah-kisah mereka.

Salina, dengan gambaran "Kampung Kambing" adalah lukisan "*culture of poverty*". Kampung tradisional tidak mungkin menggambarkan situasi yang sama, bahkan gambaran kampung tradisional, walaupun di dalamnya terdapat tekanan seperti kemiskinan atau konflik dengan alam sekitar, masih lagi dapat digambarkan sebagai sesuatu yang "*idyllic*". A. Samad Said mencuba memperlihatkan bahawa dalam suasana seperti "Kampung Kambing" atau *Sungai Mengalir Lesu*, manusia masih dapat mengatur

hidupnya, dan tidak hilang sifat-sifat kemanusiaannya. Salina mungkin seorang pelacur dan duduk tanpa nikah dengan Abdul Fakar, dua norma yang bertentangan dengan nilai budaya Melayu dan Islam, tetapi dia pada dasarnya orang yang baik dan berperikemanusiaan. Dalam *Langit Petang*, A. Samad Said mengemukakan watak Zakiah yang kononnya senang mencampuri lelaki kerana menuntut bela atas perbuatan lelaki ke atasnya dahulu. Begitu juga Salina sebagai watak yang menjadi pelacur dan berkendak dengan Abdul Fakar bertindak demikian kerana memprotes kematian cintanya yang pertama, Muhammad Yusuf. Gambaran yang "masochistic" pada Zakiah dan Salina terpulanglah kepada interpretasi, tetapi A. Samad Said sebagai penulis hanya memaparkannya sahaja. Walau apa pun yang dikatakan oleh A. Samad Said (dalam *Dari Salina ke Langit Petang*), ataupun interpretasi yang diberikan oleh kritikawan (Shahnon Ahmad, "Siti Salina: Sebuah Renungan Kembali"), seorang pembaca lain dapat memberikan pengertian yang berbeza. Dan kemungkinan ini sendiri menjadikan *Salina*, sebuah novel atau cereka yang besar: *Salina*, mencabar serta memberikan pengertian yang berbeza dan dapat dilihat daripada berbagai-bagai sudut. Watak-watak lain dalam *Salina*, dapat juga dilihat demikian dan hidup, kerana gambaran melalui interaksi di antara satu dengan yang lain, dialog serta lukisan yang terperinci, pergolakan jiwa masing-masing memungkinkan berbagai-bagai penilaian, pandangan dan interpretasi. Watak Khatijah, Haji Karman, Hilmy, Zarina dan Abdul Fakar bukan lagi boneka-boneka yang bergerak kaku, tetapi masing-masing dengan perwatakan tersendiri serta menghidupkan suasana.

Proses melahirkan novel seperti yang diakui oleh

A. Samad Said bukan sesuatu yang berdasarkan ilham yang romantik, tetapi sesuatu yang memerlukan tukang atau *craftsmanship* yang teliti. Bahkan tempat menulis dan cara kita menulis turut menjadi penting (mesin taip atau tulisan tangan). Jikalau *Salina*, menurut A. Samad Said sendiri, menceritakan pengalaman individu, *Sungai Mengalir Lesu*, lebih menyorot pelakuan keluarga, seperti keluarga Mak Buruk, Giap Hong, Manjit Singh atau Soosay. Bahkan perhubungan di antara Irwan dan Mulyadi pun disulami dengan kisah keluarga. Penekanan kepada keluarga memang wujud, tetapi novel ini merupakan sesuatu yang berbeza daripada novel-novel biasa kerana lebih daripada *Salina*, novel ini merupakan rangkaian peristiwa di sekeliling sebatang sungai yang kotor. Bagi seseorang yang tahu, baik latar dalam *Salina*, mahupun latar dalam *Sungai Mengalir Lesu*, adalah tempat-tempat yang pernah didiami oleh A. Samad Said, dan bukan yang timbul daripada angan-angan semata-mata. Namun, adunan daripada tempat, pengalaman dan pengamatan yang benar-benar wujud, serta imaginasi dan intuisi penulis yang ada dapat menghasilkan karya yang bermakna.

Seperti *Salina* juga, *Sungai Mengalir Lesu*, tidak mempunyai tema yang tertentu, atau watak utama yang menjalin berbagai-bagai episod sebuah cerita. Tetapi novel itu tetap merupakan sebuah karya yang berkesan, walaupun apa yang diceritakan itu jelek lagi "depressive". Seperti *Salina* juga, *Sungai Mengalir Lesu*, adalah gambaran "culture of poverty" tetapi kali ini kemiskinan, kekurangan dan kesengsaraan yang merupakan akibat langsung daripada perang. Walaupun dengan wang yang berlambak-lambak, namun manusia masih lagi mengalami kekurangan. Hanya mereka yang berkuasa sahaja, iaitu askar-askar

Jepun, yang mempunyai bahan-bahan makanan dan keperluan lain yang cukup untuk hidup. Keadaan serba kekurangan ini digambarkan oleh A. Samad Said dengan terperinci sekali, di samping kesengsaraan yang timbul daripada suasana perang, seperti orang mencari perlindungan dalam kubu daripada serangan udara, orang mencari sisa-sisa makanan, walaupun dalam sungai yang kotor atau kesengsaraan daripada tokak yang menjijikkan, adalah selaras dengan aliran realisme dan naturalisme dalam sastera. Setengah-setengah pengkritik mengatakan cara ini sebagai kaleidoskop gambar-gambar peristiwa atau watak: Penulis tidak lebih daripada seorang jurugambar yang memotret kejadian-kejadian dan perlakuan-perlakuan manusia, dan kemudian merangkai-rangkaikannya hingga menjadi sebuah novel. Dan apabila gambar-gambar ini adalah gambaran-gambaran yang jelek-jelek belaka, maka makin kurang tinggi pula apresiasi pembaca. Tetapi ini adalah pandangan yang terhad: Melihat sastera sekadar sebagai penghibur dan perintang waktu. Bagi A. Samad Said sastera adalah lebih daripada itu: Sastera adalah seni, walaupun sastera tetap membawa falsafah dan pandangan hidup. Mungkin dari segi inilah A. Samad Said lebih merupakan seorang peneroka dalam alam penulisan novel Melayu, seperti yang dicerminkan oleh *Sungai Mengalir Lesu*.

Pengembaraan A. Samad Said dalam penciptaan novel bergerak lagi dengan *Langit Petang*. Mengikuti pengakuannya sendiri, novel ini adalah gabungan tiga buah cerpen yang masing-masing mengisahkan nasib yang dialami oleh seorang bekas pejuang kemerdekaan, pencarian arah atau matlamat hidup seorang wartawan muda, serta tekad seorang wanita yang membalas dendam terhadap kaum lelaki kerana

pernah menipunya. Dari segi pemilihan tema dan huraianya, mungkin ini juga datang daripada pengalaman dan pengamatan A. Samad Said yang tajam, walaupun ini tidak bermakna bahawa apa-apa yang dikatakan dan yang dikemukakannya dapat diterima oleh orang lain. Misalnya, pelakuan Zakiah seperti yang digambarkan dalam *Langit Petang*, kurang meyakinkan sebagai seorang yang hendak membalas dendam ke atas kaum lelaki, kerana setiap lelaki yang pernah berkendak dengan watak ini tidak ditunjukkan sebagai kecewa, bahkan sebaliknya. Zakiah digambarkan sebagai sanggup "berpura-pura" supaya Hashim merasa benar-benar puas, dan dia melayani kawan-kawan lelakinya walaupun dia sendiri yang terdera akhirnya. Jikalau gambaran "masochism" pada diri Zakiah yang hendak ditonjolkan, *Langit Petang*, tidak berjaya menggambarkannya.

Yang benar-benar berjaya dalam *Langit Petang*, ialah tekniknyanya. Di sinilah terletaknya keistimewaan A. Samad Said sebagai penulis sehingga rangkaian tiga buah cerpen dapat diadun menjadi sebuah novel yang berkesan. Masing-masing Zakiah, Hashim dan Arif mempunyai watak dan persoalan sendiri, tetapi apabila dihubungkan seorang dengan seorang yang lain, watak dan persoalan menjadi berbeza. Zakiah merasakan sesuatu yang istimewa kerana dapat merapati Hafiz, seorang lelaki, tanpa membangkitkan soal nafsu, sesuatu yang senantiasa ada dalam hubungannya dengan lelaki lain. Begitu juga dengan Arif, Hafiz mengajarnya mengembara untuk melihat keindahan tanah air yang sama-sama diperjuangkan kebebasannya. Dan Arif bagi Zakiah, dan juga Hafiz, adalah seorang tua yang berpengalaman yang menjadi alat yang menghubungkan mereka semua. Tidak dapat disangkal bahawa novel *Langit Petang*, tidak membawa

satu tema yang pokok, malahan tidak juga mengemukakan satu perutusan yang sengaja. Tetapi selain tekniknya yang merupakan *hallmark* karangan-karangan A. Samad Said yang mementingkan pengamatan yang terperinci, novel itu mendedahkan kepelbagaian ragam serta tindakan manusia. Apabila didesak oleh Zakiah, yang ingin tahu akan rahsia Hafiz bertindak secara tergesa-gesa, Arif hanya dapat berkata dalam hatinya, "... setiap manusia itu masih tetap suatu rahsia". Dan rahsia yang disimpan oleh Hafiz ialah penyakit *leukemia* yang dihidapinya. Baginya dia sudah mengetahui bila "hujung jalan" yang akan ditempuhnya, dan dia bersedia, walaupun orang lain, bahkan mereka yang akrab dengannya, tidak tahu. Jadi sebenarnya ada persoalan atau perutusan dalam novel *Langit Petang*, yang mestilah dicari melalui teknik-teknik yang secara sedar diolah oleh A. Samad Said supaya apa-apa yang digambarkannya dapat mencabar daya fikir kita sebagai pembaca.

Novel *Daerah Zeni*, merupakan kewujudan yang agak unik dalam perkembangan novel-novel Melayu setakat ini. Novel itu benar-benar melanggar tradisi penceritaan kita sehingga memberikan kesan yang lain daripada yang lain; malah boleh dikatakan satu cabaran kepada kelaziman kita menikmati karya sastera. Novel itu memaparkan cerita yang berlainan sekali; melanggar segala tradisi kisah yang pernah wujud. Di sini A. Samad Said benar-benar mengikis segala bentuk yang stereotaip dan diganti dengan pemaparan manusia dan hubungannya dengan orang lain, dengan alam dan lebih-lebih lagi dengan dirinya sendiri. Ditempatkannya manusia itu dalam satu ruang masa lampau dan masa kini dan mengharapka manusia itu merealisasikan kewujudan, peranan dan realiti hidupnya secara keseluruhan.

Dalam satu segi imbasan-imbasan masa lampau membentuk syaksiahnya tetapi tuntutan yang terceus dari dalam dirinya kadang-kadang menyebabkan hidupnya kesendirian. Demikian watak Zeni yang cuba diwujudkan oleh A. Samad Said. Zeni ditempatkan sebagai satu titik pusat yang wujud daripada ingatannya kepada bapanya Lazri Meon tetapi sekaligus ingin mencurah simpati dan kemesraan kepada adiknya Zedi yang lumpuh yang juga mencuba syaksiah sendiri, dan sekaligus lagi mencuba mencurahkan cinta baru kepada Ebran dan serentak dengan itu mencuba pula mengikis segala sisa cinta daripada bekas suaminya Mohdi. Perwatakan Zeni menjadi pusat dalam novel ini untuk menggambarkan mentaliti zaman yang serba individualistik sifatnya tetapi individualiti itu tidak pula terpisah sama sekali daripada kewujudannya dalam konteks perhubungan dengan manusia di sekitarnya. Oleh A. Samad Said individualiti itu dibiarkannya menerawang tanpa sebarang penyelesaian bagaikan melambangkan demikianlah tahap kemanusiaan kini yang bukan mencuba menyelesaikan keserabutan yang diciptanya sendiri malah menokoktambahkan keserabutan itu lagi.

Kisah dalam *Daerah Zeni* ini adalah kisah dalam kisah. Kedua-dua kisah itu selari dari segi pemikirannya. Kisah dalam cerita yang dikarang oleh Lazri Meon menyentuh perjuangan Hamdan menentang Inggeris tetapi berakhir dengan hidup kesendirian. Dan sebagai kesan daripada penerokaan kisah itu, Lazri Meon sendiri berubah seterusnya menjadi perahsia dan menyendiri. Sekali lagi sejarah membuktikan kebenarannya bahawa kelamaan dan ketuaan menjadikan seseorang menuju ke arah kesendirian, meskipun pada tahap fizikalnya kedua-

dua watak kelihatan mempunyai kesamaan yang banyak. Kisah ini selari dengan kisah Zeni sendiri yang pada mulanya berumahtangga tetapi rumah-tangga itu runtuh. Keruntuhan itu memutuskan perhubungan. Dia mencuba menyambung semula ikatan itu dengan Ebran melalui tali percintaan tetapi ikatan yang lama dengan Mohdi masih terasa juga simpulan-simpulannya. Zeni berusaha juga menyambung ikatan itu dengan Zedi melalui tali kekeluargaan dan simpatinya tetapi tali itu terasa kurang dikehendaki. Mahu tidak mahu ikatannya dikembalikan kepada perjuangan Hamdan yang diyakininya diperjuangkan oleh ayahnya, Lazri Meon. Tetapi perjuangan Hamdan pun tidak keruan arahnya. Dan ayahnya sendiri begitu cepat menjadi perahsia dan menyendiri.

Kedua-dua kisah ini bukan sahaja selari tetapi dalam keselarian itu serentak pula berinteraksi sehingga kepaduan novel ini meyakinkan kalau dilihat secara keseluruhan. Pada satu tahap cerita dalam novel ini merupakan cobekan-cobekan yang sengaja "dizigzagkan". Plotnya tidak ada. Ruang masa tindih-menindih dan berselang-seli. Urutan kisah secara tradisional tidak wujud. Novel ini bagaikan sekeping kertas besar yang dikoyak-koyak menjadi kepingan-kepingan kecil dan kemudian dibuang sewaktu angin kencang sedang bertiup. Kepingan-kepingan itu terbang bertaburan. Tetapi apabila diusahakan pengumpulan kembali cobekan-cobekan itu, barulah terasa kesatuan kisah kemanusiaannya. Dan kemanusiaan di sini sama sekali tidak ada peleraiannya.

Selepas *Salina* diterbitkan, A. Samad Said tidak menerbitkan cerita pendek lagi. Dia telah menemukan wadah baru untuk meneruskan pengem-

baraannya. Novel adalah wadah yang sesuai baginya untuk terus mengembara merakamkan pengalaman manusia yang amat banyak liku, lembah dan gunungnya. Ternyata dia amat bahagia menemukan wadah baru ini kerana sudah kira-kira dua puluh tahun dia bercerpen ternyata perjalanannya amat jauh untuk dicapai hasilnya dengan memuaskan dengan wadah yang terlalu kecil dan sempit. Melalui cerpen dia hanya dapat memotret bahagian-bahagian kecil dan terbatas daripada pengalaman manusia yang begitu melaut dan melangit.

Jelas bahawa novel memberi A. Samad Said kesentosaan dan kepuasan bermain di atas kanvas yang besar – menjelajah dengan idea-idea tentang erti hidup – satu hal yang sering mengacau fikiran dan selalu pula diperkatakan dalam tulisan-tulisannya. A. Samad Said dapat juga seenak-enaknya memaparkan dan melukis gambaran dengan cara yang luar biasa, iaitu dari segi perincian dan ukiran-ukiran yang halus.

Cerpen, satu genre yang ringkas dan padat yang bertujuan memperoleh kesan tunggal yang juga memerlukan disiplin dan ekonomi penggunaan bahasa terlalu mengekang dan merimaskan kebebasan kreativiti. Oleh itu bagi A. Samad Said cerpen merupakan "industri ringan" sebelum beliau memasuki "industri berat", iaitu novel. Zaman penulisan cerpen ialah zaman eksperimentasi untuk bersiap sedia, membekalkan dan menimba ilmu serta meningkatkan kepakaran di samping menguji pasaran pembaca dan ketokohan sendiri. Dengan demikian tidak hairanlah jika dihalusi apa-apa yang diperkatakan dalam novelnya: Tema, watak dan melieunya adalah ramuan-ramuan yang sama dan dapat dikenal pasti dalam cerpennya.

Tegasnya cerpen merupakan ranting-ranting yang digunakannya untuk memperteguh dan menghidupkan pokok novelnya. Pada keseluruhannya A. Samad Said menghasilkan lebih kurang 50 buah cerpen sejak tahun 1954 dan tidak produktif lagi selepas tahun 1961. Cerpen-cerpennya di sekitar tahun 60-an adalah cerpen-cerpen yang lebih bermakna dan berhasil. Sumbangan cerpen beliau dapat dibahagi kepada dua tahap:

1. Tahap pertama, di sekitar awal lima puluhan;
2. Tahap kedua, akhir lima puluhan dan awal enam puluhan.

Pada tahap pertama, A. Samad Said dari segi umur (lebih kurang 20 tahun) dan pengalamannya masih remaja romantis. Cerpen-cerpennya seperti "Dari Tanah ke Tanah" (*Utusan Zaman*, 8 April 1956), "Menanti Malam Hari Raya Kedua" (*Utusan Zaman*, Mei 1957), "Sapu Tangan Tanda Kasih" (*Rumaja*, Oktober 1955), secara tidak langsung menggambarkan A. Samad Said pada tahap ini masih terbawa-bawa dengan tradisi lama, persoalan-persoalan stereotaip tentang cinta dan masalah remaja, pengangguran, kesesakan hidup masyarakat pinggiran yang serba daif dan seperti lazimnya pada waktu itu cerpen-cerpen hanya memaparkan peristiwa-peristiwa — memperlihatkan *snapshot-snapshot*, beberapa antaranya menarik dan *graphic* tetapi tidak ada usaha mendalaminya, menganalisis atau memberikan penyelesaian yang wajar. Walaupun begitu di tahap ini sudah kelihatan kerlipan-kerlipan potensi A. Samad Said sebagai cerpenis berbakat dari segi kesungguhannya, humornya, kecenderungan menyiasat dan mendedahkan serta mengungkapkan watak-watak

kosmopolitan sebagai pendatang baru dalam karangan cereka Melayu.

Tahap kedua dalam perkembangan A. Samad Said sebagai penulis cerpen adalah bersamaan dengan zaman pencapaian kemerdekaan Malaya pada waktu api nasionalisme memarak kuat dan terdapat usaha-usaha besar dalam perancangan dan pengisian kemerdekaan yang sudah tercapai, khususnya yang relevan di sini ialah perjuangan mendaulatkan bahasa dan kebudayaan Melayu.

Pada ketika-ketika ini kekuatan penulis-penulis ASAS 50 sudah pudar walaupun diakui falsafah perjuangannya menentang penjajahan dan kejahilan serta menuntut keadilan sosial melalui sastera yang *committed* masih lagi mempunyai pengaruh. Jadi dengan latar kedudukan ASAS 50 yang merosot dan obsesi mencorakkan budaya kebangsaan yang berdaulat di Kuala Lumpur, maka lahirlah satu golongan penulis baru yang dapat dijadikan batu pemisah dan pengganti kepada penulis-penulis ASAS 50 yang membawa aspirasi baru dalam negara muda dan tumbuh dari latar belakang pendidikan serta profesion yang beraneka – Shahnnon Ahmad, Alias Ali, Rokiah Abu Bakar, Shukor Harun, Kassim Ahmad dan Anis Sabirin. Dalam beberapa banyak hal, tegasnya dalam bidang cerpen, secara disadari atau tidak, A. Samad Said merupakan perintis jalan kepada golongan baru yang dengan yakin telah mula mengorak langkah secara sendiri dan bebas meneroka dan mencari pembaharuan dalam dunia penulisan cerpen. Cerpen Melayu mendapat tenaga baru dan memasuki satu tahap kedewasaan pula di tangan A. Samad Said.

Rata-rata A. Samad Said memberikan penyorotan khas kepada masyarakat bawahan yang terlantar,

masyarakat kekotaan pinggiran yang sebetulnya – drebar, buruh, pelacur dan peneropongannya dibuat tanpa romantik atau drama. Di sinilah letaknya keistimewaan A. Samad Said kebolehan menulis secara “*detached*” tetapi bukan tidak simpatis memasukkan teknik-teknik bercerita yang dipelajarinya daripada penulis-penulis Barat dengan berkesan, menggunakan dialog-dialog yang lincah dan natural dan lebih-lebih lagi keupayaan deskriptif yang terperinci, sarat dan tidak apologis.

A. Samad Said ialah orang yang kuat daya imajinasinya; ingatan dan persepsi dunia penulisan dan wataknya amat tajam dan beliau dapat mengeksploitasi bahasa Melayu moden dengan baik untuk karyanya. Kejayaan A. Samad Said terletak kepada penguasaan teknik dan kekuatan pengucapan serta daya deskriptifnya yang dapat menggerakkan gambaran dan watak yang hidup dan menarik untuk mengisi ruang dan waktu.

Cerpen-cerpen sindiran yang pernah diperkenalkan oleh Samad Ismail mendapat tenaga baru dan menjadi *trend* pula di tangan A. Samad Said. Cerpen-cerpen jenis ini meneropong kehidupan kepura-puraan dan penuh hipokrisi di satu golongan manusia yang baru lahir dalam Malaya Merdeka – golongan birokrasi (Ahmad Zago), dan ahli politik (M.P. Gudu-Gudu). Kebenciannya terhadap golongan ini dapat dilihat dalam ucapan seorang watak dalam cerpen Ahmad Zago:

“Yang aku tak suka ialah *snobbish* dan kepura-puraan beberapa orang yang menjadi intelek. Kalau mahu jadi intelek kita harus jadi intelek yang sebenar, intelek yang insaf dan praktikal.”

Ketokohan A. Samad Said dalam bidang cerpen

samalah pentingnya dengan ketokohan pengarang besar dan *mastercraftsman* Keris Mas dalam zaman masing-masing. A. Samad Said menyambung usaha-usaha yang diasaskan oleh Keris Mas dan Samad Ismail dan dengan ketekunan dan kesungguhan bereksperimen, ia membawa nafas dan tenaga baru kepada cerpen.

Hari Ini, Hari Gembira

TIGA hari yang tetap hidup dalam kenanganku ialah hari perkelahan, hari berkasihan dan hari perkahwinan. Ketiga-tiga hari ini – hari gembira – aku selalu mempunyai perasaan yang bercampuran benci dan sayang. Mengapa pula demikian perasaanku, itu tidak dapatlah kujelaskan sekarang Tetapi pada kebiasaannya siapakah yang tidak akan bersuka ria pada hari perkelahan? Siapakah yang tidak akan berasa mesra pada hari perkasihan? Dan siapakah pula yang tidak akan memuncak kegembiraannya pada hari perkahwinannya? Aku fikir dengan tegas orang akan berkata: Ah, sungguh penuh kegembiraan pada hari yang ketiga-tiga ini! Ini selalu menjadi pertanyaanku.

Segala yang jauh akan merapat dan segala yang dekat akan meninggalkan kita. Ini ialah perjalanan masa, dan sekarang hari perkelahan sudah berlalu. Hari perkasihan pun begitu. Hari ini hari perkahwinan. Hari ini hari kegembiraan. Benar, hari ini hari kegembiraan, hari memadukan kasih dengan cara membawa hadiah, cincin, loket, kerabu, baju, kain, mangkuk dan pinggan untuk kegunaan pengantin, pengantin baru itu; masing-masing beria ketawa dan berjenaka, seolah-olah tiada sesuatu hal pun yang

hendak disusahkan, tiada suatu hal pun yang menyusahkan. Hari ini hari perkahwinan, hari gembira.

Jalan mengarah ke rumah pengantin baru itu boleh dikatakan setiap saat diarusi oleh para jemputan. Aku juga turut dalam arus para jemputan itu. Mereka datang dengan pakaian yang cantik. Merah, biru, hijau dan kuning. Semua raya. Semua suka dan semua merasa megah. Sesungguhnya, memandang sekali pada peristiwa itu memang menggembirakan. Oleh sebab terlampau rapi kegembiraan pada saat itu, maka apa yang berlaku pada pagi tadi – perkelahian di antara Cik Timah dengan Mak Som – semuanya serasa tidak terjadi. Hal ini membawa kegembiraan. Benar-benar hari perkahwinan hari kegembiraan.

Aku masih teringat lagi, sebagaimana aku masih lagi teringat cara itu begini: Pemuda, pemuda yang berkenalan dengan gadis itu, telah memenangi hadiah pertama dalam peraduan menyanyi. (Pernah pada saat tersebut pada saat pemuda itu mengambil hadiahnya aku mendengar seorang gadis berkata: "Suaranya lemak manis, sepatutnya dia menang"). Manakala gadis, gadis yang berjaya berkenalan dengan pemuda itu, telah memenangi hadiah pertama dalam peraduan menganyam ketupat (dan saat gadis itu menerima hadiahnya serasa ada terdengar olehku akan suatu suara jiwa yang berkata: Pandai sungguh gadis itu menganyam ketupat). Mereka kedua, pemuda dan pemudi tersebut, rupanya sudah bertukar pandangan dan sebagai manusia biasa, sebagai pemuda dan pemudi yang sudah semestinya akan menemui alam kasih, dengan tidak diketahui oleh ahli-ahli perkelahan yang lain, telah memadu kasih. Dalam pandangan mereka, senang sungguh mereka membelai kasih. Sekejap benar mereka sudah mesra.

Hari itu hari gembira bagi mereka!

Pada suatu ketika, ketika yang memberi peluang, pemuda tersebut telah menghulurkan autografnya kepada gadis untuk dicatat. Si gadis itu dengan senang dan penuh kerelaan telah menurunkan nama serta alamatnya yang terang dalam autograf tersebut. Ini dituliskan dengan huruf yang romantik. Ditulisnya juga dalam autograf tersebut kata-kata: Diharap persahabatan kita yang baru ini akan hidup dengan mesra.

"Boleh saya berutus surat dengan saudari?" demikian tanya pemuda tersebut dengan memberanikan hatinya, sewaktu gadis itu menghulurkan semula autografnya.

"Boleh asal saja menulis secara jujur," jawab gadis tersebut dengan suara yang manis disertai senyum dan jelingan yang menawan.

Kedua-duanya selepas itu nyata girang seperti anak yang baru sahaja dapat gula-gula daripada ibunya. Keadaan ahli-ahli perkelahan yang lain tidak kurang juga gembiranya. Dengan pendek, dapat dikatakan semuanya bergembira.

Di dalam lori, sewaktu perjalanan pulang, pandangan mereka – antara pemuda dan pemudi yang baru berkenalan itu – tidak mahal harganya. Senyuman daripada mereka kedua pun amat murah. Boleh dikatakan setiap kali mata bertemu, ada sahaja senyuman yang mengiringinya. Mereka kedua faham dan mereka kedua merasa rasa asmara.

Si gadis turun kerana sudah tiba tempatnya. Mata pemuda tidak lepas mendakap erat ke tubuh si gadis. Matanya tepat dan tidak berkelip-kelip seperti mata seorang mahasiswa yang asyik menumpukan perhatiannya kepada penerangan profesor di papan hitam. Si gadis sewaktu sebelum beredar sudah mem-

berikan sebuah senyuman manis. Senyuman memberi erti dan ini sudah membayangkan dengan terang, seterang suatu tanda dakwat pada kain yang putih, akan kejayaan dalam persahabatan mereka. Lori bergerak dengan perlahan seolah-olah tidak mahu meninggalkan gadis itu. Gadis melangkah dengan separuh berdaya, kemudian semua berpisah. Tetapi ingatan, ingatan mengharu, tidak sedikit pun luntur daripada ingatan si pemuda.

Ah, itulah permulaan persahabatan itu kemudiannya makin teguh! Dengan menerusi surat, masanya seminggu sampai dua pucuk surat tiap-tiap seorang mengirim. Persahabatan mereka makin nyata pula pertapakannya. Akhirnya surat mengandungi isi asmara telah mula menyatakan keinginan untuk bertemu terhasil pada empat mata sahaja pun ikut sama lahir. Dalam sepucuk surat keinginan ini telah dilahirkan. Ia menerima persetujuan dengan tidak menerima apa-apa bantangan, tidak seperti yang selalu berlaku di dalam sebuah kongres sewaktu suatu cadangan dimajukan.

Perjumpaan yang *private* itu sudah tercapai, dan hari perjumpaan yang dara itu tetap sebagai penutup perjumpaan mereka, antara lain mereka berkata:

"Bilakah dapat kita berjumpa lagi?"

"Bila-bila saja."

Perjumpaan seperti air terjun tidak mempunyai apa-apa halangan, terus berjalan. Dan akhirnya kerana sudah mempelajari dan mengetahui masing-masing, mereka pun mengikat janji untuk hidup bersama. Ini telah terkunci kata-kata yang berbunyi: "Semua benda di muka bumi ini tidak abadi", telah membuktikan kebenaran persahabatan mereka. Satu perkelahan lain telah membawa satu perubahan, mendukacitakan. Pada perkelahan lain si pemuda

tidak dapat menyertai si pemudi disebabkan suatu hal yang tidak dapat dielakkan. Si pemudi pula, oleh sebab sudah bayar wang perkelahan tersebut, terpaksa pergi menghiburkan hati di perkelahan itu.

Lain masa lain rasa. Pada perkelahan ini perasaan yang baru menjalar di hati pemudi. Yang selalu menjemukan dan barangkali kerana hendak mengikut perubahan masa dan tidak menghendakkan sesuatu yang menjemukan, maka rasa sayang itu pun harus menerima perubahan, terus hidup bersesuaian dengan perubahan zamannya juga. Demikian pendapat si pemudi. Selanjutnya si pemudi berpendapat: Kalau suatu itu tidak bergerak, tentu sahaja suatu itu tidak menunjukkan kemajuannya, tidak maju. Yang demikian tentu tidak bersalahan sekiranya rasa kasih itu diubah tempatnya daripada seorang kepada yang lain. Sebenarnya, ini sudah berlalu, sudah berlaku. Si pemudi sudah memberikan rasa sayangnya kepada pemuda yang lain.

Dengan berlakunya ini segenap harapan pemuda yang pertama – harapannya untuk mendirikan sebuah rumah tangga yang aman damai itu – dengan sendirinya mati. Dan ternyatalah satu perubahan – perubahan sebagaimana yang dikehendaki oleh si gadis itu – sudah mula sihat hidupnya di bumi kenyataan. Kejayaan ini adalah merupakan suatu kemenangan yang besar bagi si gadis itu. Padanya hari perkelahan itu adalah hari gembira, hari kemenangan.

Hari ini juga hari kemenangan, hari gembira, hari perkahwinan. Hari ini pemudi yang membawa pembaharuan dalam soal kasih mesra itu, mula memasuki gerbang suami isteri. Kerananya, semua bergembira, semua datang dengan pakaian yang cantik-cantik, semua datang membawa hadiah, semua

datang untuk meraikan perkahwinan si gadis itu dengan, ya dengan pemuda yang dimenangnya di dalam perkelahan yang keempat. Dan ini bermakna sudah empatlah pemuda yang menjadi "kekasih" si gadis itu.

Sekarang, pemuda yang pertama sedang mengingatkan peristiwa perjumpaan dengan si gadis itu. Ia masih teringat akan isi surat-surat gadis itu, terbayang akan perjumpaan *privatenya*. Pemuda pertama masih teringat akan segala kenangan yang harum. Ingatannya, kenangan dan bayangan yang serupa ini sama-sama dialami oleh pemuda yang kedua dan ketiga. Ini tentu. Hari ini hari perkahwinan, hari gembira, benarkah begitu?

Masa ini perkahwinan mereka – si gadis dengan pemuda keempat – sedang berjalan dengan meriah-meriah, dengan penuh sambutan. Dan antara arus orang yang ramai itu, aku terus dihanyutkan oleh ingatan lama. Dan sekarang, aku mula tertanya-tanya sama ada perkahwinan mereka akan maut apabila kedua pengantin baru ini pergi berkelah nanti dan adakah si gadis itu akan terus mencari pembaharuan di dalam alam kasih? Adakah ini akan menjadi pelopor yang menjadi pembaharuan tersebut? Kalau ya, siapa pula pengikut-pengikutnya nanti? Siapa pula yang mahu menjadi pengikutnya?

Semasa aku menghulurkan hadiah perkahwinan kepada Sarinah – gadis yang kuceritakan itu – aku dapat menentang matanya. Kali ini matanya hanya merupakan sebuah kaca bulat, kaca yang tidak memberi apa-apa sinaran sebagaimana yang pernah kuterima dulu. Dalam kegelapan matanya itu aku sendiri tidak dapat menyelam apa-apa yang tersembunyi – Benci? Kesal? Kasih? Atau marah? Hari ini hari perkahwinannya, hari gembira, tetapi dalam

kegembiraan itu aku akan dirundung malang kerana pengharapanku itu sudah runtuh, sudah tidak bernafas lagi.

Tiga hari yang tidak dapat hilang dalam ingatanku ialah hari perkelahan, berkasihan dan hari perkahwinannya. Kesemua hari tersebut ialah hari gembira, hari yang membawa pembaharuan di alam asmara. Sungguhpun demikian kesemua kegembiraan itu tidak ada padaku, kerana akulah pemuda yang pertama dahulu. Ya, akulah pemuda pertama yang kuceritakan itu.

Suasana, 8 Oktober 1954

Antara Kembang dan Layu

KALAU orang kata perkara, “kucing ada tanduknya”, itu ganjil, maka seganjil itu jugalah punca perkenalanku dengannya itu. Aku mula berkenalan dengannya dalam suasana kesusahan, semasa sebuah keluarga mencucurkan air mata mereka kerana kehilangan satu jiwa yang mereka sangat sayangi.

Semenjak malamnya Mak Limah sudah berkepayahan hendak bernafas. Katanya rumah itu gelap dan berkunci rapi pula segenap pintu dan tingkapnya. Yang sebenarnya kata-katanya itu tidak benar belaka. Tingkap dan pintu rumahnya adalah terbuka dengan selebar-lebarnya. Sememangnya kata-kata orang tua itu tidak boleh disalahkan, maklum sahajalah saat perkembaliannya itu telah mendadak datang, dan tentu sahajalah perjalanan aliran fikirannya kusut. Pagi esoknya Mak Limah telah tidak bergerak lagi, tidak berkata-kata lagi. Mak Limah telah dengan tenang memulakan perjalanannya ke dunia abadi.

Pada pukul 3.00 pagi semalamnya dan pada saat itu, kedukaan mula menjelang. Tangisan daripada ahli keluarga Mak Limah boleh didengar. Dan dalam suasana kedukaan itulah kataku tadi, aku mula

berkenalan dengan dia. Aku berkenalan dengannya di bumi duka.

Pagi-pagi hari pemergian Mak Limah itu dia sudah berada di rumah Mak Limah. Dan kebetulan pula pada masa itu aku berada dalam cuti sebulan. Dan aku turut sama memberikan tenaga ku menolong apa-apa yang patut dibuatnya daripada mencuci kain dan pinggan mangkuk. Kerana di tempat air amat sukar untuk mengerjakan itu semua, maka pekerjaan itu dibuatnya di rumah sahaja. Akulah yang tolong mengangkat air untuk cucianya itu. Akulah yang berpeluh menunggu giliran mengambil air dan mengangkatannya itu.

Pada hari pertama sahaja dia sudah memanggilku dengan panggilan "abang". Hal ini tidaklah menghairankan kerana sememangnya aku tua daripadanya beberapa tahun. Aku juga percaya bahawa dia belum begitu faham akan makna lain "panggilan" abang itu. Kalaulah diketahuinya, kurasa pada umur yang muda itu tentu dia belum mahir dalam menggunakan kata-kata itu. Sangkaanku itu benar-benar sebesar Gunung Tahan yang tidak dapat dialihkan kedudukan asalnya.

Sehari-hari itu dialah yang menyiapkan makanan untukku, dan boleh dikatakan sehari-hari itu aku sering berdekatan dengannya Membantu segala pekerjaan yang kufikir harus menerima bantuan. Pergaulanku dengannya sehari itu tidak ubah seperti pergaulan antara adik beradik sahaja. Kami mesra – kami mesra bagai telah kami berkenalan dari kecil.

Daripada Pak Cik Dollah, suami Mak Limah, aku dapat butir-butir yang lebih lanjut tentang dirinya – diri si dia yang kuceritakan itu. Dan segenap butir-butir itu telah membawa satu perubahan baru di dalam alam perasaanku. Sebagaimana tidak relanya

aku apabila melihat binatang seperti anjing dan kucing diseksa, maka sebegitu jugalah sikap dan perasaanmu sewaktu melihat manusia terseksa. Mendengarkan sahaja kisah dirinya daripada Pak Cik Dollah aku sudah ditikam seribu luka. Dan luka-luka inilah yang membawa pembauran perasaan di dalam hatiku – rasa sayang kepadanya, sayang antara kekasih. Hal ini berlaku, setahun sesudah perjumpaan pertamaku dengannya, semasa Pak Cik Dollah mengadakan kenduri arwah – arwah Mak Limah.

Malamnya – tengah malam sesudah kenduri arwah tersebut berlaku, aku dan Pak Cik Dollah duduk di hadapan rumahnya – berehat. Dan pada waktu itulah kisah dirinya – gadis yang mula berbunga di hatiku itu – tersebar. Kalau senandung cengkerik dan katak dari belukar di belakang rumah, pada biasanya, boleh memberikan perasaan indah kepada seorang penyajak, tetapi padaku senandung tersebut pada masa itu tidak menjadi apa-apa irama dan perasaan yang seni. Aku tetap hidup dengan cerita yang diberikan oleh Pak Cik Dollah dan aku merasa hidup dalam cerita itu. Mendekati pada penghabisan ceritanya itu ada Pak Cik Dollah berkata: "Baik benar budak itu, kerjanya lekas, kemas dan sempurna, budi bahasanya lemah lembut dan kelakuannya, terutama terhadap orang tua, amatlah baik Dan lagipun dia bukannya tak cantik"

Dengan kata-kata tersebut aku fahamlah dengan terang akan maksud Pak Cik Dollah itu sebagaimana terangnya pengetahuanku pada kira-kira satu campur satu jadi dua.

Katakui tadi aku tidak sangka yang ia boleh membawa perubahan pada diriku dengan cepat ini memang benar, sinar matahari yang tetap terbit di timur dan hilang di barat. Masih lagi dapatku ingat-

kan dengan terangnya akan peristiwa pertama aku menyatakan hasrat kasihku kepadanya. Pada menerima kata-kata itu dia hanya dapat memainkan hujung bajunya dengan jarinya manakala kepalanya tunduk ke lantai. Aku, kerana terlampau terharu, telah mendesak supaya ia berterus terang di dalam memberikan jawapan yang kudahagikan itu. Kesanggupannya menerima kasihku tidak dinyatakan dengan susunan kata-kata yang teratur, tetapi dengan gerak-gerinya sahaja. Kalau semasa kecilku dulu aku sudah berbesar hati apabila menerima gula-gula daripada ayahku, maka sebesar itu jugalah hatiku bilamana dia memberikan jawapannya, walaupun dengan antara gerak-geri sahaja. Aku faham bahawa orang tidak sahaja dapat melahirkan perasaan hatinya melalui percakapan, tulisan dan lukisan, tetapi orang dapat juga menyatakan kebencian, kasih, rindu dan kemarahan seseorang dengan hanya melalui gerak-gerinya, dan gerak-geri dia dengan mencuri beberapa pandangan ke wajahku melalui beberapa jelingan yang pantas dan tajam, dan dengan mengutamakan beberapa senyuman di bibirnya serta disulami permainan tangannya kepada hujung bajunya. Kesemua ini sudah dapat membenarkan makna persetujuan terhadap permintaanku. Masih dapat kulihat ombakan nafas di dadanya yang kian mencepat pada saat penyataan hasrat kami itu terlahir, dirinya menemu gelora, aku tahu!

Segala perasaan kasih yang terpendam di lubuk hati seseorang tidak boleh berdiam dengan begitu sahaja selamanya. Api perasaan kasihnya telah mula membahang di dadanya sendiri, dan akhirnya kerana tidak dapat lagi hendak dia menahan kepanasan itu maka dia dengan merasa separuh malu telah menyatakan kesanggupannya membalas kasihku melalui

mulutnya sendiri.

Mana satu pemuda yang tidak akan berasa bangga apabila seorang gadis yang menjadi idamannya itu membalas cintanya Mana satu! Memang segala yang telah, sedang dan akan berlaku tidak dapat kita mencegahnya – tidak ada satu jiwa dan kuasa yang boleh menandingi kuasa Tuhan.

Begitulah aku tidak berdaya dan berkuasa mencegah perkahwinannya dengan cucu Adam yang lain. Kudrat telah berlaku, terpaksa berkahwin dengan seorang anak cucu Adam yang kaya-raya. Ini berlaku dengan tidak menerima persetujuan daripada dirinya sendiri.

Paksaan bukanlah satu senjata yang baik untuk dikenakan kepada tiap-tiap insan, dan paksaan tidak juga dapat melahirkan perdamaian. Demikianlah perdamaian tidak hidup pada rumah tangganya. Keadaan ini akhirnya.

Suasana, 5 November 1954

SUDAH setahun aku tidak mengutus surat kepadanya. Ya, setahun sudah. Tetapi rasaku setahun itu tidak lama dan aku percaya baginya pun tentu begitu juga, setahun itu tidak lama. Maklumlah kami bukannya dua kekasih yang saling mencintai, yang sering merasa lesu hendak menunggukan setahun. Kami hanya kawan biasa sahaja.

Setahun memang tidak lama. Ini memang benar. Tetapi dalam setahun itu rasaku banyak hal yang dapat diperkatakan, dan mungkin antara hal-hal yang banyak itu ada hal yang sangat menarik hati. Umpamanya tentang perubahan diri kami pada waktu yang akhir-akhir ini. Oleh sebab sesuatu sebab yang lain, maka itulah aku menulis sepucuk surat kepadanya. Antara isi suratku itu ada kutulis di sini: "Tak usahlah saudari terperanjat kalau kali ini saya pula yang menceritakan hal perubahan diri saudari itu."

Sungguhpun aku amat jarang sekali bertemu dengannya terutama sekali dalam setahun ini, tetapi tentang hal dirinya itu sering kali aku mendengarnya, terutama sekali menerusi rakannya sendiri. Yang demikian rasaku tentulah dia tidak berasa hairan kalau aku dapat membentangkan hal perubahan

dirinya itu dengan jelas.

Biasanya memanglah tidak baik dan tidak patut menceritakan tentang hal diri orang lain, lebih-lebih lagi kisah sahabat sendiri. Tetapi oleh sebab dia pernah memberikan kebenaran padaku untuk menegur segala perbuatannya yang salah, maka itulah aku mengambil kesempatan dengan memberi alasan yang sedemikian. Aku pun melanjutkan suratku begini: "... yang demikian tentulah tidak salah kalau saya menegur kesalahan saudari kali ini – kali pertama. Siapa tahu kalau-kalau teguran saya ini akan memberi guna kepada saudari. Begitulah harapan besar saya."

Aku tidak berasa iri hati kalau perubahan pada dirinya itu, adalah perubahan yang membawa untung kepada dirinya, keluarganya serta bangsanya. Kalaulah perubahan yang sedemikian itu yang berlaku ke atasnya maka sudah tentulah tidak aku menulis surat ini kepadanya – maksudku tidak akan menulis surat yang berupa teguran itu. Kalaupun aku menulis sudah tentu sahaja surat itu merupakan surat pujian semata-mata. Dan ini memang sudah sepatutnya.

Kawan-kawanku pernah menyatakan padaku bahawa dia sudah bermohican *haircut*, dan aku sendiri pun sudah melihatnya. Salahkah dia bermohican *haircut* itu? Mungkin dia bertanya demikian. Jawapannya tentu tidak, dan aku juga tidak menyalahkan dia, malah setahuku rambut yang sedemikian itulah yang lebih progresif menurut istilah orang sekarang. Lebih baik dan lebih manis kalau dipandang dari segi ilmu kesihatan. Yang demikian nyatalah aku ini tidak marah pada fesyen rambutnya itu. Tetapi aku berasa kurang puas hati dengan hal yang lain pula. Dan untuk menyatakan hal ini aku menulis demikian: "Khabarnya nama saudari pada akhir-akhir

ini telah berubah. Pada mulanya tak saya hiraukan khabar angin itu, tetapi sesudah rakan-rakan saudari sendiri membenarkan itu, maka barulah saya percaya. Khabar ini sesungguhnya mendukacitakan. Dan saya merasa terlalu kecewa kerana saudari terlalu mudah terpengaruh.”

Setahuku, nama penuhnya ialah Hamidah binti Jantan, dan nama ringkasnya yang sering dipanggil oleh kawan-kawannya ialah Midah. Aku sendiri memanggilnya Midah. Nama itu sungguh manis, dan bukan aku seorang sahaja yang mengakui tentang kemanisan namanya itu. Tetapi banyak lagi pemuda lain yang turut bersetuju juga, terutamanya mereka yang sudah terjerat olehnya, dan ini sudah sepatutnya.

Bukan setakat namanya itu sahaja yang manis, malah parasnya itu pun sungguh cantik dan menarik, mungkin secantik bulan purnama kalau mengikut ukuran orang-orang pada zaman datuk nenek dahulu. Dan sebab kecantikannya itulah maka kedatangan banyak pemuda yang menyungkur kepadanya.

Sesungguhnya aku sendiri berasa hairan apakah sebab-sebabnya yang boleh membawa dia tergamak mengubah namanya itu? Menurut pendapatku mungkin dia hendak menyesuaikan nama tersebut dengan fesyen rambutnya yang baru itu. Ini hanya pendapatku yang cetek sahaja, dan pada lanjutan suratku aku menulis begini: “Nama Baratmu – Rita Hamidah itu sememangnya manis, mungkin semanis gula madu dan nama tersebut sememangnya bagus kalau kena pada tempatnya. Saya tidak berasa hairan kalau Laksmi, gadis India di sebelah rumah saya itu, memakai nama Rozy Laksmi kerana dia sudah memeluk agama Kristian. Tetapi macam saudari pula bagaimana halnya? Apa saudari pun sudah ...?”

Banyak juga rakan-rakanku menyatakan padaku bahawa dia adalah seorang gadis yang progresif dan sosial. Tetapi entah sejauh mana yang dikatakan progresif dan sosialnya itu tidak dapatlah aku menduganya. Kalaulah hanya setakat maju dalam berfesyen rambut *mohican haircut*, berpakaian yang mempunyai seribu satu nama, dan menukar nama, maka itu belumlah dapat dikatakan yang dia sudah progresif. Dan kalau hanya selalu bergaul bebas di dalam sesebuah perkelahan maka itu juga belum boleh dikatakan yang dia sudah sosial. Entahlah kalau dia sendiri yang mengaku dirinya sudah progresif dan sosial, itu tidak dapatlah aku pengapakan.

"Saudari Midah," kataku lagi dalam suratku itu. "Saya, malah banyak lagi manusia lain telah menduga kalaulah terus-menerus saudari berlagak seperti sekarang ini, maka tentulah seorang manusia, (maksud saya manusia lelaki) yang tahu erti kata rumah tangga yang sebenarnya, akan berfikir panjang sebelum mengahwini saudari. Tambahan pula sekiranya mereka itu melihat sendiri keadaan saudari yang berlebih-lebihan, terutamanya sewaktu dalam sebuah perkelahan. Semakin ngeri lagi mereka itu kalau diketahui bahawa saudari selalu saja berubah-ubah kawan - *boyfriend* - kata saudari."

Baru-baru ini Bedah, kawan karibnya, telah mengatakan padaku bahawa dia pernah menasihati Midah. Tetapi kata Bedah segala nasihatnya itu telah dibalas oleh Midah dengan kata-kata "*Why worry, that's my own affair?*"

Pada akhir suratku itu aku menulis begini: "Saudari, saya tahu benar bahawa Bedah sudah tidak berkawan lagi dengan saudari. Ini adalah disebabkan Bedah tidak mengikut jejak langkah saudari yang melampau itu. Walau bagaimanapun nampaknya Be-

dah masih tetap berlaku baik dan adil terhadap saudari. Telah beberapa kali Bedah mendesak saya supaya menasihati saudari, dan sebagai memenuhi hasrat hatinya itu maka saya mengambil kesempatan menulis surat ini.

"Saudari sendiri tentu faham betapa besarnya harapan saya agar saudari balik kepada jalan yang baik. Sebagai seorang yang terpelajar tentu saudari tahu bahawa saya sendiri tidak dapat berbuat apa-apa sekiranya saudari sendiri tidak mahu turut berusaha membaiki diri saudari itu. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa saya hanya dapat menasihati saudari dan terpulanglah pula di atas diri saudari sendiri untuk lekas insaf. Sebaliknya kalaulah saudari masih juga terus-menerus mahu berpendirian "*Why worry, that's my own affair?*" saya percaya lambat-laun akan saudari rasakan sendiri akibatnya, akibat yang menyedihkan."

Dia pernah melihat dengan mata kepala sendiri akan kejadian hina yang telah menimpa diri Rafeah. Dan dia juga pernah melafazkan belas kasihannya terhadap Gayah yang tidak bersuami sedemikian lama kerana tempang kakinya. Dengan menjinjit kejadian ini semua, rasaku dapatlah aku menginsafkan dia. Sebagai penutup suratku itu aku menulis demikian:

"Sekali lagi saya ulangi supaya saudari faham benar, tetapi besar harapan saya, Gayah dan Bedah agar saudari berbalik kepada jalan yang benar, dan agar saudari singkirkan faham "*Why worry that's my own affair*" itu. Sekian."

Demikianlah serba sedikit isi suratku yang kubacakan semula kepada Bedah dan Gayah. Surat itu telah dikembalikan semula kepadaku oleh Rita Hamidah. Bersama-sama surat ini ada juga dilampirkan

sepotong surat yang bertulis, "*Why worry, that's my own affair?*"

Aku, Bedah dan Gayah, ketiga-tiganya berdiam diri. Masing-masing merasakan kesan balas jawapan surat Rita Hamidah itu. Senang sekali balasannya itu ya! "*Why worry, that's my own affair?*"

Rumaja, Februari 1955

Serangkai Kata untuk Dinda

SHAMSI AH, dindaku,

Surat dinda ada kanda simpan dengan melimpah kasih sayang. Surat itu manis benar, dan kanda selalunya membacanya dengan seluruh kasih mesra. Kanda membacanya berulang-ulang, terutama kali semasa kanda hendak tidur. Membaca surat dinda pada waktu ini sungguh nikmat, rasanya. Bertambah mesra kanda kepada dinda rasanya. Benar dinda, bertambah mesra kanda.

Tapi kan baru seminggu sahaja surat dinda itu di tangan kanda? Dan kenapa pula selaku bertahun sudah surat itu tidak berbalas? Barangkali itu sudah memang satu adat bagi manusia yang bercinta. Tapi inilah surat kanda sebagai balasan, untuk menghalau segala keraguan. Tentu dinda sekarang menunggu kedatangan surat kanda itu. Benarkah begitu dinda manjaku?

Dalam surat akhir dinda itu, dinda telah memuji kanda sahaja. Kanda berbesar hati. Tapi mengapa pula terlalu sangat dinda memujinya! Dinda terlalu sangat menyamakan kanda dengan bulan – bulan penuh di langit yang biru bersih. Dan dinda pula sering mengatakan bahawa kanda ini jauh tinggi di awan. Susah hendak dicapai tangan kata dinda.

Mengapa dinda selalu berkata: Ingin hati nak memeluk gunung, apa daya tangan tak sampai? Ah, dinda tak usahlah terlalu sangat memuji-muji kanda, nanti kanda remuk di lautan itu, nanti kanda lupa diri selalu!

Dan oleh sebab terlampau sangat memuji itu, fikir kanda, maka dinda terlupa kepada kesusahan – pada peperangan. Ya, kerana terlalu sangat dilamun rindu itulah, maka dinda lupa pada padang perjuangan. Dinda lupa bagaimana dahsyatnya manusia mati di padang peperangan. Badan-badan mereka – badan-badan pejuang – bergelimpangan tak bersalah ditimbus peluru. Ada yang hangus sampai hitam, ada yang patah-patah tangan dan kaki, ada yang berkecai-kecai dagingnya. Dan di sana sini akan kedengaran pula mereka menyebut-nyebut nama anak, isteri, adik, ibu, ayah dan kekasih mereka. Berulang-ulang kali mereka menyebut nama Tuhan. Mereka ini, dinda, juga ada anak, isteri, adik, ibu, ayah, kekasih dan Tuhan. Tapi mereka terpaksa meninggalkan keluarga mereka yang sangat mereka sayangi. Dan, ada kalanya (biasanya selalu) semasa pejuang itu pulang kepada keluarga-keluarga mereka, mereka telah cacat. Patah kaki, umpamanya. Dan sekiranya kandalah yang patah kaki masih tetapkah cinta dinda itu? Masih tetapkah janji sejiwa itu? Ini kanda ragu. Kanda masih dapat lihat Jamilah yang tempang itu hingga saat ini belum bersuami lagi. Pada sebelum tercederanya dahulu ada puluhan pemuda yang bersumpah rela sehidup semati dengannya. Ah, sumpah manusia sekarang penuh bersarang curang! Dan, kiranya kanda yang patah kaki mungkingkah kanda akan senasib dengan Jamilah? Itu kanda tak tahu kerana belum berlaku.

Oh, ya, kanda sedang berkata-kata tentang pe-

juang! Pejuang-pejuang yang berjuang di medan perjuangan itu meninggalkan segala kesayangan mereka untuk mencari keamanan. Ah, mencari keamanan! Dan ini mengingatkan pula kanda kepada pilihanraya yang akan diadakan tidak berapa lama lagi. Pilihanraya ini pun bertujuan untuk mencari keamanan dan sekarang ini sahaja sudah kanda, juga dinda, dapat selalu mendengar seruan-seruan yang menyuruh rakyat mendaftarkan diri sebagai pengundi. "Mendaftarlah, mendaftarlah, mendaftarlah untuk kebaikan bersama!" Demikian seruan itu.

Dan tidak berapa lama lagi (malah sekarang pun sudah mula diamalkan) kanda dan dinda, akan dapat sama melihat calon-calon bagi pilihanraya yang memakai serba tak patah kanji itu, bersyarah bersungguh-sungguh. Dan masing-masing akan menalikan syarahan-syarahan mereka itu dengan "rakyat", dengan "keadilan". Kemudian rakyat yang mengelilinginya itu akan ternganga pula mendengarkan syarahan-syarahan yang berjela-jela panjangnya, dengan disulami kata-kata yang indah-indah. Calon-calon itu selanjutnya, dengan gerak-geri yang penuh bermakna, akan berkata: "Kita akan bekerja untuk tuan-tuan. Akan kita banyakkkan sekolah untuk anak-anak tuan. Akan kita dirikan rumah lebih banyak lagi bagi tuan-tuan. Sewa tentu murah. Kami jamin ini. Ingat! Tuan-tuan harus beri sokongan yang penuh kepada parti kami. Dan, hanya parti kamilah yang akan berusaha bersungguh-sungguh untuk tuan-tuan semua. Untuk rakyat, percayalah. Akan kami kotakan segenap kata-kata kami itu." Kemudian selepas mengesat peluh yang membasahi pipinya itu dengan sehelai sapu tangan yang bermandi air wangi, calon itu akan melanjutkan syarahannya lagi begini: "Kami faham benar akan pendirian rakyat. Kami juga

merasa segala kesusahan yang tuan-tuan rasakan itu, (sebenarnya mereka tidak pun merasa sepenuhnya) kami insaf ini. Dan kami tahu benar bahawa kedudukan rakyat sekarang ini adalah serba menderita. Dan semata-mata untuk merekalah kami berdiri dengan seluruh keikhlasan." Selanjutnya lagi kanda, juga dinda, akan sama-sama dapat mendengarkan calon-calon itu berbicara tentang kerosakan yang telah berlaku kerana banjir di beberapa tempat dan, rakyat yang mendengar syarahan-syarahan itu – rakyat yang terganga tadi – akan berasa bangga, terutama sekali kerana mendengar si calon-calon tadi menyebut-nyebut mereka sebagai "tuan-tuan". Lepas itu, kanda dan dinda akan dapat pula melihat calon-calon tadi berlalu di dalam sebuah motokar besar yang berkilat, dengan puas hati kerana berjaya mempengaruhi sebahagian rakyat, menuju ke sebuah restoran atau mungkin juga menuju ke sebuah kabaret. Dan di antara gelak ketawa akan kelihatanlah mereka *berdancing* dengan penari-penari yang cantik-cantik. Penari-penari itu pun tentulah rakyat yang akan ditolongi nanti kalau mereka berjaya di dalam pilihanraya itu. Dan biasanya kata-kata mereka yang berapi-api itu tenggelam di dalam ayunan tarian mesra itu.

Ya, masih kanda ingat betul hasil-hasil yang lahir berkesudahan daripada pilihanraya tahun yang sudah. Tempat perlindungan telah didirikan di beberapa perhentian bas. Itu memang nyata. Rumah yang cantik-cantik banyak dibangunkan, itu pula dapat kanda dan dinda melihatnya. Jalan raya diperbesarkan lagi dengan serba aneka hiasan yang menarik. Benar dinda, banyak rumah sudah terdiri. Katanya untuk kita – si miskin – tetapi sewa-sewa rumah tersebut masih lagi terlalu mencekik leher kita. Juga

rumah-rumah tersebut masih payah untuk mendapatkannya. Masih dapat lagi kanda bayangkan betapa payahnya Pak Dollah mengisi borang untuk mendapatkan rumah itu. Kasihan, Pak Dollah terpaksa mengupahkan orang untuk mengisi borang permintaan rumah itu. Maklum sahajalah Pak Dollah tidak pernah menjamah bangku sekolah semasa kecilnya dahulu. Dan, tahukah dinda berapa lama baru Pak Dollah mendapat rumah barunya? Hampir dua tahun, dinda. Ya, hampir dua tahun. Kanda tidak bohong.

Ah, tahun ini akan ada pilihanraya juga! Dan sesudah berjaya di dalam pilihanraya itu nanti, tentulah calon-calon yang menang itu mengadakan jamuan yang besar. Jamuan bukan untuk rakyat, tetapi adalah untuk yang "besar sama besar" juga. Dan tentulah akan terdengar calon-calon yang menang itu memulakan ucapannya. *Gentlemen, I am indeed very happy today. First of all ... er ... er ... I must thank you all for your coming ...* Selain daripada itu tentu pula hadirin-hadirin yang lain turut memberi ucapan dalam bahasa Inggeris juga. Ah, maklumlah yang hadir itu kesemuanya pandai berbahasa "Yes - No"! Selepas itu tentu pula ada calon-calon yang berkemabukan - terhuyung-hayang ke sana dan ke mari. Dan antara ucapan "yamseng" yang bergemuruh itu tentulah isi-isi syarahan yang dilafzkannya dulu itu akan hilang daripada ingatannya. Dan, jauh sedikit dari tempat temasya itu akan kelihatanlah *driver-driver* yang setengah mengantuk menunggukan tamatnya jamuan besar itu. Mereka ini pun rakyat yang dijanjikan pembelaan.

Sesudah itu tentu, rumah-rumah dan sekolah-sekolah lebih diperbanyakkan lagi. Jalan-jalan raya tentulah lebih diperbesarkan dan diperindahkan. Dan, tentu sahaja di atasnya boleh dilalui oleh ba-

nyak kereta yang lebih besar dan lebih kilat, kereta-kereta tuan yang menang dalam pilihanraya itu, umpamanya. Dan, kita tentu lebih harus berhati-hati sewaktu berjalan di jalan raya nanti. Juga kita mungkin tersedut hama-hama T.B. yang berterbangan kerana laluan kereta yang kilat dan cepat itu.

Oh, ya, di beberapa bahagian di sebelah bandaraya tentu akan lebih diperindahkan, terutama sekali di bangunan-bangunan yang bertentangan dengan laut! Dan, kalau pelawat-pelawat dari luar negeri datang tentu sahaja mereka itu akan berkata: "*Oh, look at Singapore City. Wonderful!*" Kemudian tentu sahaja pelawat-pelawat itu akan dibawa melawat-lawat ke Raffles Place, ke Raffles atau Adelphie Hotel dan ke Cathay atau ke Odeon Cinema. Ya, tentu sahaja rumah-rumah kita – rumah dinda, kanda dan lain-lain manusia yang miskin – yang buruk itu tidak menjadi perhatian bagi pelawat-pelawat kita ini nanti, kalau ditunjukkan akan merosakkan nama Singapore City. *City* bukankah bandaraya? Kemudian dengan melihat kesemua tempat-tempat yang istimewa ini akan berkatalah pelawat tadi: "*Ah, Singapore does steal my attention wholly!*"

Tentang rumah-rumah baru itu pula dinda, di sana tentu banyak manusia – Melayu, Cina, India, Nasrani tinggal bergaul. Ini bersatu namanya. Di sini semuanya bergaul satu. Biasanya semuanya beradada.

Dan di dalam pergaulan, sebagai biasanya, tentu lahir pengaruh. Kalaulah dinda tinggal di salah satu rumah-rumah tersebut (siapalah tahu) tentulah nanti dinda turut merasa pengaruh tersebut. Mereka – Cina, India dan Nasrani bolehlah dikatakan rata-ratanya berbahasa, "*Yes – No*" dan tentu juga dinda akan terikut-ikut nanti. Tapi kanda berharap, tak

usahlah dinda akan terikut-ikut, nanti dinda tak boleh bertutur bahasa Melayu dengan betul. Ini kanda malu. Dan kebanyakan mereka – Cina, India dan Nasrani – di sini kebanyakannya kebaratan. Tapi, kanda harap, tak usahlah juga dinda turut kebaratan sama. Juga tak usahlah dinda menggunakan nama Inggeris, misalnya tak usah pakai nama Todi Shamsiah, atau Rita Shamsiah, pakailah nama Shamsiah sahaja, nama itu lebih manis. Kanda suka ini. Selanjutnya tak usahlah dinda terpengaruh sangat dengan fesyen baju baru. Ini akan lebih membebankan belanja. Kanda miskin. Kanda tak mampu ini semua. Benar dinda, kanda tak mampu. Lagi pula kalau dinda sudah terlampau kebaratan nanti dinda akan turut berjauhan dengan ajaran-ajaran agama Islam. Hendaknya tidak sampai berlaku ini. Kita beragama Islam, kita seharusnya patuh dengan Islam kita itu. Tidakkah begitu dinda? Tidakkah benar kataku manja?

Dinda, kanda tulis surat ini pada malam hari – hampir pukul satu. Semua keluarga kanda sudah tidur. Semuanya sudah nyenyak, begitu juga jiran-jiran kanda, semuanya sudah nyenyak. Ada yang sedang berdengkur. Hanya titisan hujan masih lagi menikam atap rumah kanda dengan malas. Sekarang kanda pun sudah mengantuk. Sebenarnya telah berkali-kali kanda menguap. Biarlah kanda tidur. Semoga kanda akan bermimpi bersama dinda dalam pelukan mesra. Sekian dinda sayang, sekian dinda pujaan.

Asmara, 8 Mac 1955

HARI itu aku menerima sepucuk surat daripadanya menyuruh aku bertemu dengannya di kebun bunga. Aku kenal dia. Dia Hamidah. Setahun agaknya aku tidak berjumpa dengannya, sebab itulah aku terima permintaannya itu dengan penuh hati.

"Mengapa saudari, saudarikh Hamidah?" tanya-ku.

"Benar, saya Hamidah. Apa sudah lama saudara sampai?" Dia menjawab langsung menanya.

"Tidak baru saja," jawabku pendek.

Kami diam sebentar, sama-sama mencari isi yang hendak dikeluarkan.

"Bagaimanakah keadaan saudari sekarang?" tanya-ku tiba-tiba.

"Macam biasa, cuma"

"Cuma apa?" Aku memotong cepat.

"Saya sudah diceraikan oleh suami saya," jawabnya dengan tegas sambil mengarahkan pandangannya kepada seekor kumbang yang berterbangan di sekeliling sekuntum bunga.

"Saya menumpang sedih atas kejadian itu. Dan bersama siapa pula saudari tinggal sekarang?"

"Saya menumpang."

"Dengan siapa?"

"Dengan Mak Limah. Sebenarnya saya hendak menjauhkan diri daripada saudara mak saya, tapi Mak Limah tak membenarkannya." Dia menerangkan.

"Tindakan Mak Limah itu memang benar." Aku diam sejeurus kemudian menyambung: "Saya sungguh tidak menyangka yang saudara boleh berpisah dengan suami saudari."

"Saya sendiri tidak menyangkanya, tapi apalah hendak dikatakan, takdir sudah berlaku, saya terpaksa menerimanya dengan penuh sabar."

"Benar saudari, kita manusia harus bersikap sedemikian, harus selalu sabar." Aku mengiakan.

"Saya setuju dengan kata-kata saudara itu, tapi saya rasa tidak pula harus kita terlampau sabar dalam semua hal." Dia memandang tepat ke mukaku.

"Mengapa saudari berkata demikian?" Aku bertanya kembali membalas pandangannya itu.

"Tidak payah saudara mencari jauh tentang sebab-sebabnya. Kerana terlampau bersabarlah saya berpecah-belah dengan suami saya." Matanya memandang kepada kumbang tadi yang berterbangan di sekeliling bunga yang lain. Dan, dia meneruskan: "Saudara tentu faham bahawa kerana terlampau sabar itulah masyarakat kita dalam serba menderita sekarang ini."

"Mengapa pula sampai begitu jauh sekali saudari memberi tafsiran?"

"Saya lebih senang begitu, kerana tragedi saya adalah tragedi keluarga dan selanjutnya masyarakat." Dia berbicara sebagai seorang yang intelek.

"Saya akui itu, tapi mengapa pula saudari diceraikan? Apa barangkali saudara bercabang kasih?"

"Itu hanya anggapan saudara." Dia menangis. "Saya pantang bercabang kasih."

"Kalau tidak sebab itu, apa pula? Cuba saudari

katakan kalau saudari tidak keberatan."

"Kerana hasutan dalam," jawabnya sambil tersedu.

"Dari dalam, dari siapa?"

"Dari Zaitun kawan baik saya."

"Mengapa pula dia tergamak berbuat demikian? Ah, tidakkah dia patuh dengan undang-undang persahabatan?"

"Patuh? Manusia sekarang mana mengenal patuh?" Dia melepaskan dendamnya.

"Tidak semua, saudari."

"Siapa kata?"

"Biarlah kita tinggalkan saja soal 'patuh' itu. Dan sekarang bagaimana Zaitun, sudah puas dia dengan kemenangannya?"

"Lebih dari puas. Selain berjaya memisahkan kami, dia juga berjaya memenangi suami saya."

"Saya sungguh hairan, mengapa dia yang seisi sekuku dengan saudari sampai hati berbuat demikian?"

"Rakan baik? Ah, rakan baiklah yang harus ditakutkan sekarang. Kerana rakan baiklah saya menjadi tak baik." Dia berbicara dengan penuh dendam.

"Maksud saudari?" tanyaku pendek.

"Saya jadi pelayan."

"Apa saudari berjenaka?" Aku kurang percaya.

"Mengapa mesti saya demikian?" Lekas dia menjawab.

"Saya tak fikir saudari tergamak bekerja sebagai ..."

"Apa pekerjaan itu hina?" Dia memotong cakap.

"Tidak, tidak ... cuma saya kurang percaya bahawa saudari yang mempunyai pelajaran mahu menjadi pelayan. Apa tidak adakah perkerjaan yang selayak dengan pelajaran saudari itu?"

"Ada, dan sudah saya mencubanya tapi kerana hendakkan pekerjaan itulah saya ternoda." Dia berterus terang. "Saya kira orang yang mencarikan saya kerja itu ialah orang yang bertimbang rasa. Dan, saya kira pertolongan itu adalah serba ikhlas. Rupanya dugaan saya itu salah. Dia menolong saya dengan mendendamkan sesuatu. Dan dari sekarang saya yakin pertolongan seseorang selalu membawa maksud. Beri pertolongan tapi dalam pada itu bersedia menghirup hasil pertolongan itu. Tak ubah seperti dasar penjajah."

"Sabar saudari. Usah diikutkan perasaan hati." Aku cuba menenangkan dia.

"Mengapa ... mengapa mesti saya bersabar lagi?" Dia menangis kuat. "Saya sudah selalu sabar, dan saya sudah selalu buat baik. Tapi apa yang saya terima?" Tangisnya semakin kuat.

"Tapi kan ada masanya nanti saudari menerima kebahagiaan?"

"Mahu nanti sampai saya mati? Sepatutnya sekarang saya harus terima bahagia Ini pula saya terima cerca." Lebih kuat tangisannya.

"Siapa yang mencerca?"

"Masyarakat."

"Mengapa pula?"

"Saya ... saya ... saya sudah berbadan dua." Dia menutup mukanya dengan kedua-dua tapak tangannya.

Aku terdiam seketika. Kemudian berkata dengan lembut: "Mengapa saudari melakukan pekerjaan hina itu?"

"Jawab dahulu mengapa suami saya tergamak menceraikan saya?" Dia menanya aku.

"Dia, dia memang sudah gila melayankan hawa nafsu."

"Saya juga begitulah."

"Ah, tak sangka yang saudari akan menjalani hidup sebegini!"

"Itu kan sudah tulisan saya."

"Tapi usah saudari fikir tulisan itu berakhir di situ. Saudari berpeluang balik ke jalan bahagia."

"Saya pun mengharap-harapkan itu, tapi siapalah yang sanggup memberi saya bahagia?" Dia bersuara dengan penuh harapan.

"Saya," jawabku pendek.

"Saudara?" Dia kehairanan.

"Ya." Aku menegaskan lagi.

"Mengapa begitu bodoh mengambil orang yang sudah ternoda?"

"Itu membela namanya," jawabku.

"Membela sambil merosakkan diri sendiri?" Dia menanya dengan mata yang bercahaya.

"Itu memang pendirian saya," jawabku megah. "Apa tidakkah saudari sudi menerima saya?"

"Saya sedia menerimanya dengan nyiru, tapi tidakkah saudara menyesal nanti? Saudara kan masih teruna?"

"Mengapa mesti saya menyesal, dan apa salahkah saya berkahwin janda?"

"Benar tak salah, tapi takkah saudara merasa kurang bahagia ...?"

"Apa dari anak dara sajakah ada bahagia?"

Dia tersipu-sipu lalu menundukkan mukanya.

"Tapi bagaimana ibu dan ayah saudara, tidakkah mereka marah?" Dia menanti jawabku.

"Kan bukan mereka yang kahwin?" tanyaku.

"Benar, tapi kan mereka marah?"

"Mengapa mereka mesti begitu?" tanyaku lagi.

"Yalah, siapa tahu." Dia menjeling manja padaku.

"Tidak, tak usah khuatir."

"Saya memang percaya itu, tapi sebelum itu boleh tak saya berkata sedikit." Dia meminta izin.

"Mengapa pula tak boleh? Silakan."

"Saya telah ... telah berdusta tahu?"

"Kepada siapa?" Aku kehairanan.

"Pada saudara." Pendek jawabnya.

"Pada saya, dusta apa?" Aku semakin hairan.

"Sebenarnya saya belum bersuami. Dan yang kahwin ialah kakak saya, dan mereka sekarang dalam aman damai."

"Astaghfirullah, jadi sejak tadi saudari mempermainkan sayalah?"

"Benar, saya menduga hati saudara, marahkah?" Dia bersuara dengan iringan senyum dan jeling.

"Mengapa mesti saya marah? Sepatutnya saya mesti bergembira kerana berpeluang berjumpa dengan saudari, dan boleh saya panggil saudari dinda?"

"Tidak ada halangan," jawabnya rela.

"Setahun ya, kita tidak berjumpa dinda?" Aku bertanya manja.

"Ya, setahun. Berubahkah saya?"

"Tentu, bertambah cantik nampaknya."

"Ah, itulah sifat teruna, tahu memuja saja." Dia menyindir.

"Habis mestikah saya keji orang yang saya cinta?"

Kami sama-sama tertawa dan sama-sama merasa.

Asmara, April 1955

Mengandung

SABARLAH Mal, tak usah diikutkan hati yang panas. Dia sudahlah panas, ini pula engkau turut sama, nanti semakin jadilah." Demikian Bang Mansor cuba memadamkan api kemarahan Kamal, yang pada masa itu sedang berada di ambang pintu biliknya dengan sebelah tangannya tergeggam panas hatinya.

Dari biliknya terdengar suara seorang perempuan menangis teresak-esak. Perempuan tersebut ialah Maimunah, isteri Kamal. Mereka bergaduh.

"Mak Nah yang beri makan sekian lama belum pernah menampar Nah seperti ini," merungut Maimunah dalam esakannya. "Ini dia pula berani menampar kuat-kuat." Sambil meraba pipinya, tangisannya memuncak.

Kah Jah (Khatijah) yang berada di samping suaminya, Mansor, turut sama mendamaikan pergaduhan itu.

"Agaknya engkau masih tak tahu, Kamal, yang isteri engkau tu sedang mengandung," berkata Kak Jah kepada Kamal. Kamal terkejut mendengar ini. Isterinya tidak memberitahu hal ini kepadanya.

"Dan, pembawaan budak dalam perut itulah yang sebenarnya menukarkan tabiat Munah tu." Dia men-

jeling suaminya seketika kemudian, "Pergi sajalah dulu engkau bersiar-siar di luar Mal, nanti bila agak dah reda sedikit perasaan marah kau, pulanglah."

Kamal, seperti seorang hamba yang patuh kepada tuannya, turut sahaja nasihat Kak Jah. Dia masuk ke biliknya, tukar pakaiannya, kemudian dengan tidak berkata sepatah pun kepada Kak Jah dan Bang Mansor, terus sahaja keluar.

Sedu-sedan dari bilik yang serba sederhana itu masih lagi jelas nadanya. Dan, Kak Jah masuk pula ke dalam untuk menenangkan Maimunah.

Di luar, Bang Mansor, dengan menggoyangkan kepalanya dan menarik nafas panjang, bersuara, "Ah, budak-budak ini!" Dia tersenyum. Dia faham bahawa Maimunah bunting pelamin. "Ah, budak-budak ini!" Dia ulang lagi.

* * *

"Ah, *you* ini tak segan-seganlah. Di situkan ada orang? *You* nak peluk *I* pula." Maimunah memberi ingat dengan suara yang melimpah manja.

Demikian menari satu kenangan mesra di kepala Kamal. Dia masih ingat terang akan peristiwa semasa dia mula mencuba hendak memeluk Maimunah. Maimunah meronta-ronta malu, pura-pura malu.

Ah, manis sungguh kenangan itu!

"Mal, *you* tu, *I* masih ingat lagi peristiwa semasa *you* pulangkan kad pengenalan *I* dulu. *You* pandang *I* macam serigala saja," berkata Maimunah lembut, mengejek.

"Apa?" *You* berkata *I* pandang *you* macam serigala?" tanya Kamal sambil mencekup mesra sebahagian rambut Maimunah dengan tiba-tiba. (Ada sebahagian rambutnya sengaja dijatuhkan ke dahinya.

Rambut ini menari-nari lembut ditiup angin. Semakin cantik Maimunah).

"Ala, *you* ni, *you* cekup rambut / kuat-kuat, sakitlah." Maimunah pura-pura merajuk, tetapi mata jernihnya memancarkan sesuatu – satu cahaya yang terlalu indah.

"*Sorry*lah." Kamal menuntut maaf.

Kenangan wangi dan mesra ini bergerak-gerak manja di kepala Kamal.

* * *

Kamal memandang penuh pada ombak yang memecah indah. Sayu hatinya. Di atas kepalanya, bulan sabit tersenyum mesra, dan kenangan lain pula memenuhi kepalanya. Di tepi laut itu juga berlakunya, terang sungguh.

"Ah, *I* tahu *you* ada berbaik dengan Jamilah sekarang. *You* memang mata keranjang!" Maimunah menuduh Kamal.

"Hai, *you* ni salah sangkalah! *You* ni kenapa tak fasal-fasal berkata begini." Kamal kehairanan.

"Jamilah kan hanya kawan biasa / dan kawan baik *you*. Dan, tidak ada perhubungan lain pun di antara / dengan dia," Kamal menerangkan.

"Kawan? Ah, *you* memang pandai memberi alasan! Lelaki memang pandai menanam tebu di bibir." Maimunah tidak mahu kalah.

"*You* ni tak baik tahu begini. Tak baik *you* menganggap yang Jamilah tu cuba memutuskan perhubungan kita. Dia kan lurus dan baik orangnya? Bukan *you* tak tahu itu."

"Yalah, dia memang lurus dan baik orangnya. Sebab itu kan *you* rapat dengannya sekarang? / buruk, / hodoh." Maimunah bersuara dengan iringan

sedu. Minta dipujuk, nadanya.

"I tak kata *you* buruk dan I tak kata *you* hodoh. Pada I hanya *you* seoranglah yang cantik. Dan, pada *you* seorang sajalah yang I kasih. I janji ini." Kamal cuba memegang kedua-dua bahu Maimunah.

Maimunah meronta tidak rela. "Kalau membuat janji, *you* memang tidak kalah dengan calon-calon pilihanraya."

Pertengkaran dingin berjalan terus beberapa ketika. Kemudian dari mulut Kamal terkeluar pula perkataan:

"Yalah, kalau *you* sudah tetap menganggap I begitu, apa hendak I katakan. I terima sajalah tuduhan *you*." Kamal menjawab hampa sambil bangun hendak berlalu.

"Mal," teriak Maimunah lembut. Dia bangun mendapatkan Kamal yang baru jalan beberapa tapak sahaja.

"Mal! Benarkah *you* tidak menaruh hati kepada Jamilah?" Maimunah bertanya dengan bersungguh hati.

"*You* ni tak percaya kata-kata I rupanya. Denganya I hanya kawan biasa. Hanya dengan *you* seorang I kasih."

"Sungguh?" tanya Maimunah kurang puas.

"Mengapa mesti I bohong? Ah, *you* ni cemburu rupanya!" Kamal merenung Maimunah dengan penuh hati. "*You* cemburuan?" Kamal mengulang.

"Benar, tapi ... tapi lahir cemburu kan kerana sayang?"

"Pandai sungguh *you* berfalsafah. Ya, sebab terlalu kasih itulah lahir pula bimbang." Kamal berfalsafah juga.

Ah, mesra sungguh kenangan lalu itu! Hati Kamal tenteram benar. Terasa benar dia hendak pulang ke

rumah untuk memujuk isterinya yang baru pertama kali ditamparnya. "Tidak adil aku." Hati kecilnya bersuara sendiri.

"Tidak adil aku."

* * *

Pintu biliknya tidak berkunci. Dengan senang sahaja Kamal masuk. Di tepi katil Maimunah sedang duduk bertelimpuh. Serentak dengan saat Kamal masuk, dia memandang Kamal. Penuh minta dikasihani pandangannya itu. Di matanya – di kelopak matanya – masih bergayut satu linangan air mata. Dia masih bersedih. Kamal kesal.

Dengan tidak berkata apa, Maimunah memeluk suaminya dengan iringan tangisan keriaan. Kuat tangisannya. Penuh mesranya.

"Bang, bang" Perkataan ini sahaja lahir dalam selangan tangisan Maimunah.

Kah Jah dan Bang Mansor datang berlari-lari anak kerana hendak tahukan mengapa ada tangisan yang sebegitu kuat.

Melihat Kamal dan Maimunah berpelukan erat, Kak Jah dan Bang Mansor mula menjengket-jengket pulang ke bilik mereka. Mereka tahu sebabnya sekarang.

"Maafkan abang, Nah, kerana menampar Nah!" Kamal menuntut maaf. "Mengapa Nah tak terangkan abang yang Nah sedang mengandung?"

Lebih erat pelukan mereka. Lebih meresap rasa yang mesra.

"Nah yang bersalah bang, Nah tak mahu menyusahkan abang," jawab Maimunah sambil mendongak – merenung muka suaminya.

"Nah tak boleh begitu tahu? Nah patut beritahu

abang tentang hal ini, kerana kalau Nah sakit kan abang juga yang susah nanti?" Kamal menerangkan sambil tangannya merayap ke seluruh badan isterinya. Liar tangannya. Liar.

Di bilik sebelah, Kak Jah dan Bang Mansor tidak lagi mendengar tangisan. Mereka mendengar decupan cium. Berkali-kali didengar mereka. Mereka berpandangan sesama sendiri. Mereka faham yang Maimunah dan Kamal sudah berdamai.

Rumaja, April - Mei 1955

Mesranya Malam Pertama

JOGET yang menyerikan malam perkahwinannya baru sahaja selesai. Dan sekarang dia berada di tengah-tengah beberapa orang tua. Orang tua di situ mengusik-usik sahaja dia dengan aneka sindiran. Sambil mendongakkan kepalanya, Pak Dollah berkata:

“Wah, malam ni dah gelap nampaknya. Hujanlah ni pendeknya heh ...! Sejuknya sampai ke tulang hitam rasanya.”

Sesudah menjeling orang-orang tua yang lainnya, Pak Dollah menyambung: “Untunglah orang yang dah ada orang yang punya.”

Pada peringkat ini berdekah-dekahlah ketawa orang-orang tua di situ. Pak Cik Ali yang rongak itu, reti betul apa yang dimaksudkan dengan percakapan Pak Dollah itu. Dibuatnya tidak tahu sahaja. Shamsir (itulah pemuda yang baru kahwin hari itu) meminta sangat (ini dalam hatinya sahaja) supaya orang-orang tua itu lekas bersurai. Dia rasa tidak sedap dengan sindiran-sindiran daripada orang-orang tua itu. Dia teringin sangat hendak bertemu dengan Saadiah yang sudah menjadi isterinya. Mata Saadiah yang hitam jernih serta lesung pipinya yang terbentuk sewaktu dia tersenyum itu, itulah yang sangat

dihajati untuk melihatnya.

Orang-orang tua di situ terus sahaja dengan perbualan masing-masing. Ada yang tergamak mencecitkan bagaimana rasanya sewaktu malam pertama perkahwinannya dahulu. Berdekah-dekahlah ketawa masing-masing.

"Hai, tak boleh hendak dikenang-kenang masa muda-muda dulu. Hendak saya berbalik muda, rasanya!" berkata Wak Ahmad dengan tidak silu-silu. Digeleng-gelengkan kepalanya yang sudah tiga suku putih itu. "Mengapa aku ini tua?" Agaknya itulah yang dikesalkan.

Percakapan orang-orang tua itu semuanya tenggelam sahaja daripada pendengaran Shamsir. Dia berada dalam alam kenangannya sendiri. Kenangannya terlempar jauh ke masa dia mula bertemu Saadiah dulu.

"Heh, tengok tu!" Jari penunjuk Shamsir terarah kepada seorang gadis. Gadis tersebut kira-kira 17 tahun umurnya; berpakaian seluruh hijau muda dan rambut beralah *mohican haircut*.

"Mana, mana?" Kamal kawannya, cepat bertanya. Biji matanya yang hitam pekat kelihatan ganas mencari sasarannya. Apabila bertemu, dia terus bersuara, "Ai sey, manis dah!"

"Ah, dia inilah yang *I* jumpa tak lama dulu, Mal! *I* jumpa dia di depan *fair*. Alamak! Nasib baik *I* dapat jumpa dia lagi. Ada harapan nampaknya ni, mari kita *follow*, Mal."

"O.K.," Kamal setuju.

Mereka menghampiri gadis itu. Kamal malu-malu juga hendak merenung gadis itu tepat-tepat. Tapi Shamsir tidak. Matanya tetap terlempar ke seluruh gadis itu – ke dada, terutamanya. Orang dekat perhentian bas itu banyak juga, tapi itu tidak menjadi ha-

langan Shamsir.

Kamal menyinggung Shamsir dengan sikunya. "Hei, Baba Cina tu tengok kat *you* dah!"

"Ah, pedulilah. Bukannya anak dia yang *I* tengok!" kata Shamsir terus tersinggung sedikit kerana gangguan itu. Matanya kembali terlempar ke arah gadis itu. Kali ini lebih tajam tikaman renungannya.

Sekali lagi Kamal menyiku Shamsir. "Boleh tahan dah. Tengok keningnya lebar, macam bulu kening Elizabeth Taylor."

Shamsir memandang Kamal. Matanya sahaja memberi isyarat: Ah, diam-diam dah. Orang tengah sedap merenung ni!

Bas datang, orang ramai tergesa naik. Gadis itu naik. Shamsir dan Kamal berasa tidak tentu arah, kerana orang banyak di pintu bas itu. "Eh, sudah cukup, sudah cukup!" Konduktor bas Cina itu memberi amaran. "Tolong naik bas belakang. *Go head!*"

Bas bergerak. Amaran konduktor bas itu tidak masuk di kepala Shamsir dan Kamal. (Di sekolah dahulu mereka memang dikenal keras kepalanya). Mereka berdua bergayut di pintu bas yang sedang bergerak itu.

Baba Cina yang memerhatikan gelagat mereka itu menggeleng-gelengkan kepalanya.

"Oh, di situ rupanya rumahnya. Bolehlah kita berpusing-pusing di sana nanti!" kata Shamsir sesudah mereka berjaya mengekori gadis tersebut hingga ke rumahnya.

"Alamak tak sangka dah, dia *speaking*. Berabuk betul *Englishnya!*" kata Kamal pula.

"Macam mana, Mal, senyumnya? Manis tak?" tanya Shamsir, kemudian terus menyambung, "Itulah, pendek kata kalau Shamsirlah orangnya semua anak gadis suka. Tengok tadi baru saja *I* beri sebuah

senyum, dibalasnya dengan dua tiga.”

“Ah, jalan dah, sana boleh cakap!” jawab Kamal. (Dia memang selalu menggunakan kalimat, “Sana boleh cakap”, itu). Dia marah juga, kerana dia selalu sahaja tidak bernasib baik.

Kenangan Shamsir terusik. Dia tersentak. Pak Dollah bersuara, “Apa yang ditunggukan lagi?”

Pak Cik Ali dan dua tiga orang tua di situ mengongsi ketawa, terbahak benar.

Tempat di situ memang sudah lengang, para tetamu semuanya sudah pulang. Ada dua tiga budak masih lagi bermain kejar-kejar.

“Masuklah Sir!” Bersuara mak mentuanya, “Masuklah makan.”

Shamsir memang tunggu pelawaan tersebut, tetapi oleh sebab masih berada orang-orang tua di situ, dia pura-puralah menolak.

“Biar dulu mak. Masih siang lagi.”

“Eh, siang ke apa ni. Dah gelap keliling!” Mak mentuanya membalas.

“Aa, ah, pergilah!” sampuk Pak Dollah. “Kita ni tak usah dikisahkan. Kita orang jauh.”

Mendengar ini hati Shamsir berlonjak ria. Dia sudah bosan di luar. Ingin benar dia masuk ke dalam melihat bentuk tubuh, memegang-megang tangan serta mengusap-usap rambut isterinya. Walau macam mana pun dia pura-pura terpaksa berlalu dari tempatnya. Yang sebenarnya perbuatannya itu hanya menyembunyikan kemarakan hasratnya untuk bertemu Saadiah.

Sedang dia hendak masuk ke biliknya – bilik pengantin – terdengar ketawa dari orang-orang tua yang ditinggalkannya itu. Terbahak-bahak ketawa mereka. Entah apa yang diketawakan tidaklah Shamsir ketahui. Ah, apa yang ada pada ketawa itu, fikirnya!

Dilihatnya di lantai sudah terbentang tikar. Di atasnya cuma baru terletak air basuh tangan sahaja.

"Ah, duduklah dulu!" Mak mentuanya menyuruh. "Yah lagi menyenduk nasi."

Mak mentuanya keluar. Sentil tembakaunya ditolakannya ke celah bibirnya – ke kiri ditolakkannya. Ria benar nampaknya mak Saadiah. Dapat menantulah, katakan!

Shamsir merenung penuh ke dalam tempat air basuh tangan itu. Diperhatikan seekor agas berterbangan mengelilingi mangkuk air basuh tangan itu. Jatuhlah ia ke dalam mangkuk air basuh tangan itu. Terusiklah air yang di dalamnya – beriak-riak. Dan terbentuk pulalah kenangan di kepala Shamsir. Kenangan mesranya berlari jauh ke dunia silam.

Ombak-ombak kecil merayap sesekali di antara batu-batu karang. Sungguh menyayat hati iramanya. Putih-putih ombak yang memecah sesekali sampai juga menjamah betis Saadiah yang sangat padat itu. Bulan sabit tenang sahaja, dan angin yang bertiup sesekali mencium badan Shamsir dan Saadiah.

"Ala tangan *you* ni jahatlah!" Saadiah menepis tangan Shamsir yang cuba hendak merayap ke seluruh tubuhnya.

Shamsir membatalkan rayapan tangannya sebentar, kemudian tangannya memeluk pinggang Saadiah. (Pinggang itu *ramping!*) Saadiah tidak menepis kali ini. Dia penuh rela.

"Cantik ya bulan?" kata Shamsir separuh berbisik. Matanya tepat menikam mata Saadiah. Seolah-olah diminta jawabnya dari mata juga. Saadiah tidak mahu kalah. Matanya bulat menentang mata Shamsir.

"Buat apa bulan cantik?"

Shamsir menjawab. "Cantik dah. Wajah *you* se-cantik bulan itulah."

Saadiah tersenyum senang mendengar ini. Barisan giginya yang putih mengilap-ngilap kerana tikaman cahaya bulan sabit. Geram hati Shamsir dibuatnya. Tangannya mula merayap-rayap lebih liar. Seluruh tubuh Saadiah berada dalam pelukan eratnya. Dan, kali ini rayapan tangannya disertai dengan tenggelam hidungnya ke dalam pipi Saadiah. Saadiah tidak marah, dia cuma berkata:

"Ala *you* ni dahsyat dah."

Kenangan yang mesra ini terusik lagi. Shamsir tersentak lagi. Saadiah masuk dengan menatang hidangan. Malu-malu benar nampaknya Saadiah. Di-letakkannya hidangan itu dengan penuh tertib. Shamsir sudah tersila. Dia pun tertib juga. Mata Shamsir kali ini sudah tidak tertumpu kepada agas yang masih berenang-renang hendak melepaskan dirinya daripada maut. Matanya terlekat penuh kepada Saadiah. Tengok Saadiah direnungnya puas-puas. Sayang benar dia kepada Saadiah.

"Jemput makanlah bang," mesra benar pelawaan Saadiah. Serasa hilang semangatnya apabila mendengarkan suara yang menjemput dia makan itu. Inilah pertama kali Saadiah memanggilnya dengan panggilan "Abang". Ah, mesra benar panggilan itu. Lapang benar hati Shamsir!

"Makanlah bang," Saadiah ulangi lagi. "Biarlah Yah rapatkan pintu." Saadiah pergi merapatkan pintu, kemudian kembali menemani suaminya makan. Tertib kedua-duanya. Dan Shamsir berasa terhibur dengan layanan Saadiah itu.

Terdengar kersak-kersuk di luar dari celah-celah dinding bilik mereka. Kemudian terdengar suara mak Saadiah memarahkan:

"Apa ni, anak-anak dara mengintip pengantin makan!"

Bunyi tapak kaki berlari kedengaran. Anak-anak dara yang mengintai itu semuanya lari. Hati masing-masing mengerutuk kerana peluangnya hendak melihat bagaimana cara pengantin makan, telah dirosakkan oleh mak Saadiah.

Saadiah dan Shamsir berpandang-pandangan. Mereka balas membalas senyum. Mata Shamsir seolah-olah berkata-kata: Dahsyatlah anak-anak dara di sini. Orang makan pun diintipnya.

Saadiah tunduk berasa malu dia.

Lampu bilik sebelah-menyebelah semuanya sudah mati. Sudah tenteram suasana sekeliling. Dengkur orang tidur dapat didengar. Dan, ini diselangi dengan batuk Pak Dollah yang seperti batuk kucing tercekik tulang bunyinya. Sekali-sekali sahaja.

Bilik pengantin, lampunya masih belum padam. Entah apa yang dirundingkan oleh kedua-dua pengantin itu, tidaklah begitu dapat didengar. Bisik-bisik mesra memang ada terdengar, tetapi butir-butir bisikannya itu tidak jelas. Dan sebentar bisikan itu menjadi jelas.

"Padamkan lampu Yah!" Suara Shamsir menyuruh dengan sayang.

Lampu bilik padam. Semua menjadi pekat hitam. Agak seketika terdengar satu tepukan yang agak kuat, disusul pula dengan suara Saadiah.

"Abang ni dahsyat dah. Kuat-kuat paha orang ditepuknya. Cuba kalau paha abang dipukul sekuat itu, apa rasa?"

"Ala, orang pukul sayang pun hendak marah?" Terdengar suara Shamsir.

Kata-katanya ini dibalas Saadiah dengan pukulan - pukul sayang tentunya.

Batuk Pak Dollah yang seperti batuk kucing itu memberhentikan Saadiah daripada memukul suami-

nya berterusan. Dia syak tentu Pak Dollah dengar pukulannya itu.

"Ssst!" Terdengar suara Shamsir menyuruh diam. Dia pun ragu.

Kemudian semua suasana dipeluk gelita dan sunyi.

Asmara, Julai 1955

Pencuri yang Tidak Adil Dihukum

SEBENARNYA aku sendiri tidak menyangka yang dia boleh tergamak menjadi seorang pencuri. Aku penuh tidak percaya. Tetapi, pencurian sudah berlaku. Satu benda yang sangat berharga telah kecurian.

Ibuku marah-marah kepadaku kerana aku masih lagi belum mahu menyatakan siapa dia si pencuri itu. "Mestikah engkau berdiam-diam membiarkan si pencuri itu lepas dengan tidak kena apa-apa balasan? Mestikah engkau yang tahu siapa dia si pencuri itu berdiam saja dengan tidak mahu mengambil apa-apa tindakan?" tanya ibu dengan tidak jenuh-jenuh.

Aku faham benar bahawa perbuatan membiarkan si pencuri itu lepas, padahal aku tahu siapa dia orangnya, itu adalah salah. Aku seolah-olah tidak bertanggungjawab dalam menegakkan satu masyarakat yang adil. Aku memang tahu si pencurinya, tapi, aku masih ragu hendak menyatakan orangnya, kerana akulah seorang sahaja yang menyaksikan pencurian itu. Aku seorang yang menampaknya, itu tidak cukup. Orang-orang tentu tidak mempercayai aku kalau aku katakan siapa dia si pencuri itu. Orang sekarang mahu buktinya, bukti yang dapat dirasa.

Sebenarnya bukanlah aku takut yang si pencuri

itu akan membalas dendamnya nanti terhadapku. Aku tidak takut seperti aku tidak takutkan hantu. Tetapi, aku hanya berasa kurang adil menghukum seorang pencuri yang baru sekali melakukan kesalahan, apalagi bila si pencuri itu adalah seorang wanita, seorang wanita yang muda lagi cantik.

Si pencuri itu memangnya seorang gadis yang muda. Kira-kira 16 tahun usianya. Dan pada pandanganku – pandangan seorang jejaka – dia sememangnya cantik. Rambut, mata, hidung, mulut, telinga malah bahagian anggotanya yang lain pun sememangnya cantik. Budi bahasa serta sopan santunnya pun. Aku tahu kesemua ini adalah kerana aku memang selalu pergi ke rumah gadis tersebut, dan selalu pula aku berpeluang melihat gadis itu membuat pekerjaan rumahnya. Memang baik dia. Aku berani mengatakan ini. Dan dalam satu lawatanku ke rumahnya itulah barang yang sangat-sangat kuhargai itu dicurinya. Tidak patut sungguh.

Dan adakah kerana kejelitaannya maka mesti aku membiarkan sahaja kesalahannya daripada terhukum? Mestikah kerana dia bersopan santun dan baik budi bahasanya maka kesalahannya mesti aku rela membiarkan? Apakah disebabkan itu semua maka aku tidak sanggup mengambil tindakan? Pertanyaan sedemikian selalu menziarahi aku.

Pada ibu aku menyatakan bahawa bukanlah kerana itu semua maka aku tidak mahu bertindak. Berkata aku: "Bagaimanakah Samad harus menuduh dia terang-terangan, mak, sedangkan tidak ada satu bukti yang sah dapat Samad tunjukkan. Bagaimanakah harus Samad bertindak, sedangkan barang yang dicurinya tidak pun terjumpa. Samad tentu saja tidak dapat berbuat apa-apa selagi belum Samad dapatkan bukti-bukti yang sah." Dan mendengar ini

ibu diam. Aku turut sama.

Tentang pencurian ini tidak aku hebahkan. Yang tahu hanyalah ibu, abang serta dua orang kawan yang sangat kupercayai. Aku memang tidak mahu ribut-ribut tentang kehilangan itu. "Apalah gunanya ribut-ribut?" kata hatiku sendiri. Tetapi apa hal ibu? Ibu tidak boleh demikian. Ibu ambil berat tentang kecurian itu. Dan hal itu sudah sepatutnyalah, kerana barang yang kecurian itu adalah barang yang sangat kuhargai, bukan barang orang lain. Dan apa yang membawa ibu ingin tahu benar kerana aku tidak mahu menyatakan barang apa yang dicuri oleh si gadis itu. "Barang apa yang dicurinya, Mad?" tanya ibu berulang-ulang. "Ibu penuh sedia menggantikannya."

"Tidak apa-apalah, mak. Dan harap tak usahlah diheboh-hebohkan tentang hal ini." Aku meminta ibu bersikap demikian. "Nanti Samad katakan juga apa barang yang dicurinya itu." Aku berjanji. Ibu akhirnya menjadi jemu, seperti memuncak jemunya mendengarkan lagu "Nona Singapura". Kalaulah ditanyanya pun, tidaklah soal barang apa yang kecurian, tetapi soal siapa yang mencurinya.

Kepada abang serta dua orang kawan rapatku telah kunyatakan siapa dia pencuri itu. Tetapi, belum jelas lagi buktinya, kuterangkan pada mereka. Jadi, pada mereka aku meminta juga pertolongan. Mereka berjanji menolong menangkapnya. Janji mereka sederhana, tidak seperti janji calon-calon oportunist yang hendak memenangi kerusi.

Masa yang berlari semakin memberatkan fikiran-ku. Tentang si pencuri itu sahaja yang selalu aku fikirkan. Aku fikirkan bagaimana hendak menangkapnya. Aku merencanakan pelan hendak menangkapnya, sebagai jeneral perang yang mengaturkan pelan

hendak menakluki kubu-kubu musuh yang kuat.

Waktu malam aku selalu tidak dapat melelepkan mata. Asal sahaja lelap mataku, si pencurinya aku temui dalam mimpi, seolah-olah mimpi itu adalah tempat si pencuri itu tinggal. Dan apa yang selalu berlaku dalam mimpiku ialah si pencuri itu selalu bertanya dengan nada minta dikasihani: "Apa tergamakkah engkau menangkap aku, teruna?" Dan ini selalu membikin aku terkejut, dan langsung mencegahkan daripada tidur hingga ke paginya. Boleh dikatakan setiap malam kejadian begini berulang-ulang lakunya. Seolah-olah ia adalah sebagai matahari yang mesti terbit tiap-tiap pagi. Bertanya ibu selalu:

"Mengapa tak tidur, Mad?"

"Badan Samad tidak sedap, mak. Sudah dua tiga hari ini." Aku memberi alasan.

Sebenarnya bukan setakat itu sahaja. Aku juga selalu seperti orang sudah kehilangan tempat berpijak. Makan sudah tidak begitu kuat. Kalau mandi, serasa pula sudah tidak basah.

Dan hal inilah yang mendukacitakan ibu. Sudah tidak tertahan sabarnya, ibu terus bertanya: "Barang apa yang dicurinya hingga membawa engkau terlalu berduka?" Menjawabnya aku teragak: "Bu ... bu ... bukan, mak, tidak ada barang yang mahal yang hilang. Cuma ... cuma ..."

"Cuma apa?" potong ibu cepat.

Untung sekali, kawanku, Kamal datang. Ibu menjadi tidak bertanya. "Masuk, Mal!" Ibu pelawa Kamal masuk, dan ibu keluar untuk membawakan hidangan. (Aku tidak ada adik atau kakak untuk membawa hidangan).

Baik juga ibu tidak menanya hal itu lagi apabila Kamal telah pulang. Ibu tahu aku tidak mahu ditanya.

Tabiatku memang sudah dalam keceknya. Lalu di-biarkan sahaja aku berkelakuan seperti orang yang sedang mabuk.

"Apakah orang mesti membiarkan barang kehilanganku itu dengan tidak dipulangkan oleh orang yang mencurinya?" bertanya bertalu hatiku. "Apakah aku tidak mahu kepada barang yang telah kehilangan itu, sedangkan aku tahu siapa dia si pencurinya?" Hatiku mengulang bertanya.

Sememangnya aku ingin kepada barang yang telah kehilangan itu. Dan sememangnya aku mahu menghukum si pencuri itu – tidak, tidak menghukumnya dengan kasar, tetapi aku mahu adil. Dan kerana itu aku akan berusaha menangkapnya.

Satu malam, agak semua keluargaku telah tidur, aku menulis sepucuk surat untuk si pencuri itu. Suratnya aku tulis baik-baik. Teratur dan santun, surat itu. Aku faham tidak semestinya aku menulis kasar terhadap seorang pencuri. Dia juga kenal kepada sopan santun, tetapi keadaanlah yang memaksanya melakukan perbuatan yang dipandang buruk itu.

Surat itu besoknya kuposkan. Selamat sampailah kepada si pencuri yang jelita itu. Aku berdoa dengan penuh hati.

Tidak payah aku menunggu lama untuk jawapannya, tidak seperti menunggu jawapan meminta rumah S.I.T. flat. Satu hari sesudah suratku sampai kepadanya, si pencuri itu membalas. Yang bagusnyalah si pencuri itu jujur. Aku sangat tertarik hati dengan keberanian si pencuri itu mengaku kesalahannya. Dia mengaku dengan tidak berselindung-selindung. Tetapi hanya satu yang menganehkan. Katanya, aku juga adalah seorang pencuri. Aku juga mencuri barang yang sangat-sangat dihargainya.

Terang-terangan dia menuduh aku, seolah-olah dia membalas dendam. Dan oleh sebab itu, katanya, tidaklah boleh aku menghukumnya. "Kita sama-sama mencuri dan sama-sama kecurian," katanya. "Jadi sama-samalah kita ampun-mengampuni dosa masing-masing."

Mendapat surat ini aku lekas-lekas menjumpai ibu. Ibu terperanjat besar kerana aku datang terlalu mengejut - aku terlalu kegirangan.

"Siapa dia si pencuri itu?" tanya ibu terlalu lekas.

Aku berhenti lama. Ibu menjadi tidak sabar.

"Siapa dia pencurinya?" menunda lagi pertanyaan ibu. Aku diam lagi, lama sedikit. Kemudian:

"Si pencuri itu ialah" Aku mendekati ibu lalu menyatakan nama si pencuri itu menerusi telinganya. Aku berbisik sahaja.

Ibu setengah tercengang.

Menjeling surat yang terpegang di tanganku, aku pun bersuara: "Ini dia mak, buktinya."

Benarlah surat si pencuri itu sudah berada di tanganku. Surat itu terlalu aku sayangi, walaupun tidak begitu banyak yang ditulisnya. Memang tidak banyak yang ditulisnya. Dia hanya menyatakan bahawa dia tidak menyangka sama sekali yang dia sebegitu miskin dapat memenangi hatiku, hati jejak yang telah lama dirindu-rindukan. Dan, dia penuh syukur kerana aku sendiri sudah mengaku yang dia telah berjaya mencuri seluruh hatiku. Dia penuh ria, berulang-ulang ini ditegaskan.

Selanjutnya dikatakan bahawa yang sebenarnya aku juga adalah seorang pencuri. Katanya, akulah yang mula-mula mencuri hatinya, sebab itulah dia berusaha pula mencuri hatiku.

Akhirnya dikatakan, oleh sebab kami berdua adalah masing-masing pencuri, yang demikian tidak

payahlah kami hukum-menghukumi diri masing-masing. Dia meminta supaya kami maaf-bermaafan sahaja. Dan mulalah dari saat itu kami memupuk rasa mesra yang baru bertemu itu.

Ibu memandang aku dengan penuh hati, tersenyum kemudian lalu bersuara: "Patutlah engkau menjadi kurus, rupanya engkau kehilangan hati!"

Kegembiraan jelas terbayang di muka ibu. Ibu senang hati kerana sudah tahu siapa pencurinya. Ibu menguntumkan senyum lagi – tanda penuh geli hati.

Dan bagiku jawapan ini tentu sahaja bermakna satu kejayaan yang penuh kubanggakan. Aku telah berjaya menangkap si pencuri yang mencuri hatiku. Dan yang lebih menggembirakan ialah aku dengan tidak kuduga aku berjaya pula mencuri hati si pencuri itu.

Bintang, 1 Ogos 1955

Si Juita

BELUM lagi pukul sepuluh malam itu, Shamsir sudah pergi ke tempat tidurnya. Dia tidak mengantuk, tetapi, sengaja hendak berbaring-barang di tempat tidurnya. Semua pakaiannya sudah dilucutkan, cuma kainnya sahaja yang dipakai.

Pintu biliknya tidak berkunci. Sengaja tidak dikuncinya. Dan dalam pembaringannya itu dia memandang ke arah pintunya sahaja, seolah-olah ada sesuatu yang ditunggunya.

Senang hatinya apabila daun pintu biliknya terbuka sedikit. Yang ditunggunya sudah menjengukkan mukanya. Si Juita sudah menjengukkan mukanya.

Si Juita, sesudah menoleh ke kiri dan ke kanan, dengan tidak segan-segan masuk ke bilik itu. Terus sahaja Juita menuju ke katil. Naik ke tilam, mengesel-gesekan pipinya dengan pipi Shamsir, kemudian membaringkan dirinya pula di atas tilam yang lembut itu.

Si Juita tetap tenang. Matanya memandang mesra kepada Shamsir.

Shamsir yang berada di atas tempat tidur itu membiarkan sahaja gelagat Si Juita. Tetapi sesudah Si Juita tenang betul, barulah Shamsir mula merapat. Didekati betul-betul Si Juita. Juita tetap tidak mem-

bantah. Penuh rela dia. Dia rela baring di situ bersama Shamsir. Sewaktu hendak memegang badan Si Juita, Shamsir teringatkan pintunya yang belum berkunci. Dia bangun segera pergi menguncikannya.

Dirapati semula Si Juita. Si Juita tidak lari. Dia tetap memandang Shamsir. Dia penuh manja. Shamsir lebih mendekati, dan mula mengurut-urut belakang Si Juita. Si Juita, oleh sebab diurut-urut badannya, mula melelap-lelapkan matanya; kesedapan sangat, agaknya. Urutan Shamsir semakin mesra, dan Shamsir kemudiannya memegang muka Si Juita. Kerana tidak ada bantahan daripada Si Juita, maka mula pulalah dia mendekati muka Si Juita ke mukanya. Pipi Si Juita dipegang-pegang mesra. Lalu kemudiannya seluruh badan Si Juita tenggelam dalam pelukan Shamsir, dalam pelukan yang penuh sayang. Sesekali Si Juita terpaksa menepis-nepis tangan Shamsir yang sudah mula menjadi liar itu. Tepisnya acuh tak acuh sahaja.

Melihat Si Juita manja dan rela benar, mulalah Shamsir mencium Si Juita. Si Juita mengelak-elakkan ciuman itu. Si Juita merasa geli!

Shamsir berasa seolah-olah hampa apabila pintunya diketuk orang. Dia segera bangun. Si Juita tetap tidak berundur dari katilnya. Si Juita berbaring sahaja, seolah-olah tidak ada sesuatu yang hendak ditakutkan.

Membuka pintu perlahan-lahan, Shamsir dapati isterinya di luar.

"Hendak apa, Nah?" tanya Shamsir.

Isterinya kelihatan marah.

"Hendak apa, Nah?" Shamsir mengulang pertanyaannya.

Isterinya tetap tidak menjawab. Dia membuka daun pintu bilik itu lebar sedikit. Memuncak marah-

nya apabila dilihatnya Si Juita ada di atas katil suaminya.

"Patutlah dia tidak ada di luar. Rupa-rupanya dia ada sedap-sedap di sini," bersuara si isteri dengan penuh geram.

Shamsir diam seperti tunggul. Dia tahu isterinya marah.

Kemarahan marahnya, walau bagaimanapun, menurun sendiri apabila dilihatnya Si Juita diam sahaja. Dia turut menenangkan hatinya.

"Juita ... Juita ... Juita!" teriak si isteri. Marahnya sudah reda.

Si Juita lekas-lekas bangun dan mengekori isteri Shamsir, manakala Shamsirnya melihatkan sahaja Si Juita keluar. Di matanya ada cahaya mesra untuk Si Juita.

Sampai di ambang pintu Si Juita menoleh ke arah Shamsir. Kemudian Si Juita mengiau: "Miau ... miau ... miau."

"Pergi ikut emak engkau makan," Shamsir menyuruh Si Juita mengikut isterinya. Dia menyuruh sayang.

Si isteri memandang Si suaminya dengan penuh kesal. Dia kesal kerana bersikap panas terhadap suaminya. Sampai di ambang dia turut menoleh ke arah suaminya.

"Jangan marah, ya bang," Si isteri menuntut maaf, "Saya panas hati mencari Si Juita tadi. Penat saya mencarinya"

"Hai, marah apa pulak?" jawab Shamsir, "Tetapi jangan terlalu meradang, nanti anak yang di dalam perut tu menurut pula tabiat awak." Shamsir melanjutkan dengan berjenaka.

Si isteri tersenyum malu. Dia mengandung. Sudah lapan bulan.

"Mari Juita kita pergi makan!" Si isteri mengajak kucing comelnya. Kucing kesayangannya itu diberi nama: Juita.

Asmara, Ogos 1955

Kenangan yang Jernih

DARI tingkap rumah saya, saya pandang ke luar. Di bawah kolong rumah Pak Leman saya dapati sekumpulan budak-budak kecil sedang ria bermain. Mereka main "cik kak-cik kak".

Melihat budak-budak itu bermain, teringatlah saya akan hal semasa kecil-kecil dulu. Saya pun seperti mereka itu juga. Saya, Dolah, Kalsom dan Zariah main masak-masak di bawah kolong juga tempat kami bermain. Dan selalulah terjadi pertengkaran. Biasanya sayalah yang membawa punca pertengkaran itu.

Saya ingat dengan terang lagi akan satu peristiwa semasa kecil-kecil dahulu. Berlakunya kejadian ini ialah semasa kami bermain "pengantin-pengantin". Dalam permainan kami itu, Zariah (konon-kononnya) kahwin dengan Si Dolah. Inilah yang saya tidak sukakan. Saya mahu biarlah Zariah kahwin dengan saya. Kawan saya tidak membenarkan ini. Lalu saya pun bertindaklah.

Pelamin yang telah dibuat oleh Dolah, Mahmud, Kalsom dan Zariah daripada ranting-ranting kayu dan dua buah tunggul itu segera saya terbalikkan. Hidangan makanan-makanan untuk tetamu, yang terdiri daripada kulit-kulit pisang, padi dan kulit-kulit

manggis, habis saya sepak-sepakkannya. Bersepahlah tempurung-tempurung, gelas-gelas dan pinggan-pinggan retak yang menjadi pinggan mangkuk kami.

Suasana menjadi tegang. Dolah marah saya. Dia dengan berani menentang saya. Hati saya pun panaslah. Dengan mengesat hingus saya ke lengan baju, saya pun memulakan perlawanan. Kami bergumpal. Dan semasa kami bergumpal-gumpalan itu, selalunya, Si Kalsom dan Si Zariah memekik – menyuruh kami berdamai.

Sesudah bergaduh akan tidak bertegur-tegurannya kami. Tetapi ini hanya seketika sahaja. Si Dolah akan menjumpai saya dengan menunjukkan muka yang manis. Lalu kami berkawanlah semula.

Mengingatkan peristiwa itu semula, saya sungguh berasa riang. Rasanya hendak saya balik ke zaman budak-budak semula.

Saya renung budak-budak yang di bawah kolong itu dengan hati yang ria. Damai benar nampaknya mereka. Mereka bermain "cik kak-cik kak" dengan tenang sahaja.

Sebenarnya saya pun akan bermain-main sedemikian tidak lama lagi. Bukan main yang olok-olok. Seperti masa saya kecil-kecil dahulu. Saya akan kahwin "benar-benar". Dengan siapa saya akan kahwin, itu biarlah saya rahsiakan. Saya malu.

Rumaja, Oktober 1955

Sayangkah Dara Padaku Seorang?

SUDAH empat bulan saya berkenalan dengannya. Dan dalam empat bulan itu saya dan dia hanya bersahabat di hujung pena sahaja. Di hujung penalah saya selalu bermesra: Kami bercerita tentang diri serta tempat masing-masing. Selalu benar soal ini yang kami utamakan. Tetapi dalam tulisan-tulisan kami itu, selalu benar kami selangkan dengan soal anggota masyarakat yang lain. Demikianlah kami bermesra.

Dalam kemesraan kami itu lahir rasa kasih. Saya sayangkan dia dan dia juga begitu sebaliknya. Dan rasa kesayangan ini – lebih tegas kalau saya katakan rasa kasih – baru sahaja lahir dengan tegapnya dalam sebulan ini. Dalam bulan-bulan yang lepas kami sama-sama menahan hati, sama-sama berpendirian tidak mahu kalah. Memanglah begitu sifat manusia pada lazimnya. Tetapi akhirnya kami sama-sama menyerah kalah. Dia kalah. Saya pun begitu juga. Lalu mulalah erat rasa sayang kami berdua.

Hendak saya ketawa rasanya kalau saya ingatkan segala apa yang berlaku ke atas kami berdua. Kami terlalu sangat menyimpan-nyimpan rasa. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan dalam tiap-tiap surat kami selalu kami bayangkan rasa kasih masing-

masing. Kami bayangkan dengan tertib, kerana kami sama-sama menjaga hati masing-masing.

Sudah bermesra kami sekarang ini. Kami sudah berani menyatakan isi hati masing-masing. Selalu dalam permulaan surat saya, saya tulis: "Hamidah buah hati abang seorang." Dan dia pula selalu memulakan suratnya: "Hamid yang selalu dinda rindurindukan." Begitulah kami bermesra dalam surat-surat kami.

Teradat sudah bagi sesiapa pun untuk merasa kasih yang sebenar-benarnya. Begitu jugalah kami. Maksudnya, kami ingin menjumpai diri masing-masing. Kami ingin bertemu muka, kami ingin bercakap berhadap-hadapan, kami ingin bertukar-tukar senyum dan bertukar-tukar jeling manja dalam surat-surat kami yang akhir-akhir ini, hal ini sahajalah yang kami iktibarkan.

Akhirnya terwujud juga keinginan kami itu. Kami berjumpa juga.

Pada hari yang dijadualkan untuk bertemu, saya sudah siang-siang bersiap. Saya pakai sederhana sahaja dan memanglah saya tidak mempunyai pakaian-pakaian yang baik-baik atau yang mahal-mahal. Di pergelangan tangan saya, tidak ada jam dan di jari manis saya, tidak ada cincin. Memanglah saya tidak ada barang-barang perhiasan!

Tetapi kalaulah saya ada barang-barang perhiasan yang mahal-mahal tidaklah hendak saya memakainya. Saya suka kepada pakaian-pakaian yang sederhana. Lagi pula memanglah tidak saya mahu dia tertarik kepada saya hanya disebabkan barang-barang perhiasan saya itu. Kasih yang berdasarkan kebendaan memang tidak baik. Itulah yang saya mahu jauhkan.

Jadi saya (sebenarnya dia yang hendak begitu),

saya harus ada di tempatnya pada pukul 11.00 pagi. Saya meminta tunggu di perhentian bas. Dan kerana takut lambat saya pun segera naik bas ekspres ke Johor. Pukul 9.30 saya menaiki bas itu.

Di dalam bas bercampur aduklah fikiran saya. Ah, bagaimanalah sewaktu berjumpa nanti. Kekokkah saya ini nanti? Itulah yang selalu mengusik fikiran saya. Saya cuba seberapa boleh menenangkan fikiran saya. Tenanglah, tenanglah – saya meminta demikian.

Bas yang membawa saya sampai dengan selamatnya ke Johor. Saya tiba pukul 10.30. Kekok benar saya di bandar itu. Bandarnya memanglah tidak begitu sibuk seperti bandar Singapura, tetapi oleh sebab saya hanya baru sekali itu ke tempat tersebut, maka itulah saya seperti orang pulau kecil yang tidak tahukan jalan.

Maknanya, memanglah saya belum tahu lagi, jadi saya pun menyusurlah kaki-kaki lima di situ. Saya jalan perlahan-lahan. Dan saya camkan betul-betul di mana saya akan belok, kerana saya takut kalau-kalau saya sesat nanti. Berhati-hati benar saya.

Memang terasa penat saya berjalan itu dan saya rasa macam ada orang melihatkan kelakuan saya itu. Saya serasa terdengar orang berkata: "Eh, sesat agaknya orang ini? Terpusing-pusing saja dia di sini!"

Kerana penat saya pun berhenti. Saya berhenti di perhentian bas. Lama benar saya tunggu di perhentian bas itu tetapi tidak juga saya terlihat si anak dara yang saya rindui itu. Mata saya turut penat. Saya lihat jam di kedai kopi. Sudah pukul 11.00. Ah, mungkin agaknya kekasih saya ini – saya mengagak begitu. Ah, tidak mungkinlah dia akan sampai hati berbuat begitu! Diri saya membelanya.

Tergerak hati saya hendak ke arah pasar. Barang-

kali di sana dapat saya berjumpa dia nanti – kata hati saya. Saya seperti orang bodoh mengikut sahaja kata hati saya itu. Saya mengarah ke pasar, tetapi belum pun setengah jalan, saya ternampak dia. Entah mengapa mata saya ini lekas kenal akan dirinya, padahal belum pernah saya menjumpainya dahulu. Walau bagaimanapun, gambarnya selalulah saya renung, terutama sekali semasa saya berasa sepi.

Saya lihat dia mengarah ke kaki lima. Saya pun segera mengarah ke situ. Saya lekas ke kedai India membeli surat khabar kemudian melihat ke arahnya. Ah, dia pun kenal saya. Barangkali dia pun selalunya selalu merenungi gambar saya semasa sepinya!

Dengan mata saya menegurnya. Membalasnya dia juga menggunakan mata. Ah, benarlah kalau kata orang, matalah bahasa yang terlalu halus sekali! Pada saya berdua telah terbukti kebenarannya.

Dia merapati saya dan berjalan bersama. Kami berjalan seperti orang yang sudah biasa berjumpa.

“Boleh tidak kita balik pukul 1.30?” Dia bertanya demikian.

Saya terperanjat.

“Mengapa pula begitu lekas? Sekarangkan sudah pukul 11.30?” Saya minta dia bersimpati.

“Kalau pukul 1.30 berpisah kita mesti ke mana?” Saya terus menanya. Sebelum dia sempat menjawab saya melangsungkan. “Kita ke zoo?”

“Eh, ke zoo terlalu siang sekarang ini!”

“Kita ke Singapura, boleh?”

“Kalau begitu biarlah saya balik hantar Rosnah dulu.” Yang (sebenarnya dia memang membawa adik) dia meminta demikian.

“Yalah.” Saya membenarkan. Saya menyambung “Mengapa terlalu sunyi benar di Johor ini?”

“Tentulah begitu. Johor bandar kecil, tidak

seperti di Singapura yang sering saja sibuk."

"Oh, begitu!"

"Saya pulang dulu menghantar Rosnah, ya?"

"Baiklah."

* * *

Bas berjalan dengan lajunya. Kami berserta penumpang-penumpang lain berada di dalamnya. Perbualan kami sebentar sahaja menjadi terlalu mesra. Macam-macam hal yang bersangkutan paut dengan kami menjadi isi perbualan.

"Ini potongan-potongan tulisan awak," kata saya sambil menghulurkan potongan-potongan tulisannya.

Dia membaca dan: "Yang ini saya tak mahu awak simpan, tetapi yang ini saya benarkan."

"Baiklah," kata saya menyetujuinya.

Dan berlanjutanlah perbualan mesra kami. Ah, mesra benar perbualan kami itu!

Setiba di Singapura sudah pukul 1.00. Saya berasa lapar benar, lalu saya mengajak dia pergi makan.

"Saya laparlah. Mari kita pergi makan dulu, ya?"

"Eh, saya tidak laparlah!"

"Tidak lapar? Mana boleh?"

"Eh, benar saya tidak bohong!"

"Saya tidak mahu begitu. Awak mesti makan bersama saya. Makan perlu tahu dalam hidup?"

"Baiklah kerana awak saya ikut."

"Ah, begitulah kalau orang sayangkan abang!"
Saya berjenaka.

"Ala awak ni!" Suaranya lahir diiringi dengan jeling manja.

Kami masuk ke kedai makan dan kami tidak menyangka bahawa kedai yang kami masuk itu ada

menggunakan pelayan-pelayan wanita.

Tengah makan Hamidah berkata: "Kasihlah ya, mereka?"

"Apa hendak dikatakan, untuk hidup mereka terpaksa berbuat demikian." Saya menjawab.

Saya pandang Hamidah dengan penuh perhatian. Saya terlalu bergembira kerana Hamidah melimpah dengan rasa kemanusiaan. Beruntung benarlah saya kerana mempunyai seorang kawan yang demikian.

"Makanlah, jangan malu-malu. Makanlah!" Saya menyuruh.

Dalam kami makan itu, tidaklah sunyi kami berjenaka dan bergurau. Memanglah saya rasa terlalu mesra benar dengan Hamidah. Saya rasa seolah-olah saya berada di dalam rumah saya sendiri. Hati saya bersuara sendiri, "Alangkah bahagianya saya kalau dapat saya bersama-sama dengannya." Tetapi kadang-kadang saya sendiri merasa luka hati, kerana saya adalah manusia yang tidak beruntung. Saya manusia miskin dalam segala-galanya. Maka itulah hati saya selalu menanya saya: "Ah, terdayalah engkau memetik bunga yang di kemuncak gunung, sedangkan engkau hanya kelana hina di rimba raya?"

Tetapi, apabila saya renung wajahnya, seolah-olah sebagai ada suatu bisikan halus dari jiwanya, dan segala apa yang saya rayukan itu seolah-olah dijawabnya dengan hati yang seluruh melimpah mesra.

"Tidak Mid, tidak. Midah bukanlah bunga yang di kemuncak gunung. Midah hanya bunga yang di tanah datar saja. Petiklah Midah dan suntinglah Midah, Mid. Bagiku abang bukanlah kelana hina di rimba raya. Tapi, abangku adalah teruna kesatria harapan negara."

Begitulah kedengaran di telinga saya, antara

bisikan yang keluar dari hatinya.

Setelah makan, kami pun keluar dari kedai itu. Hajat kami daripada mulanya, memang mahu ke kebun bunga. Jadi, kami penuhi hasrat kami itu.

Setibanya kami di kebun bunga, saya bawa dia bersiar-siar. Semasa kami melalui kolam teratai di kebun, dengan berjenaka Hamidah mengusik:

"Mid, cuba awak tengok namanya saja *Botanical Garden*, tapi, cuba lihat tu, di kolam itu, sudahlah airnya kotor, daun-daun teratainya pula layu-layu saja. Lihat rumput ni, penuh dengan daun-daun kering pula. Mengapa ya, *garden* yang indah namanya tiada teratur rapi? Cubalah pergi ke kebun bunga Johor. Semuanya kelihatan indah! Hinggakan mahu menjumpai daun kering sehelai di rumpunnya pun sangat susah!"

Mendengarkan jenaknya, saya mengalah: "Benarlah sayang. Kalaulah tidak awak yang memuji tempat tumpah darah awak siapa lagi yang mesti memujinya"

Mendengar cakap saya ini, dia ketawa.

Rata di sekeliling kebun bunga itu sudah kami berjalan.

Sambil berjalan-jalan itu, kami selangi dengan jenaka dan ketawa kecil. Setelah kaki merasa penat, dengan permintaan Hamidah, kami pun berhenti di bawah sephohon pokok yang rendang. Tempat kami berhenti ini, tidaklah terpencil daripada pandangan umum. Memang sengaja Hamidah memilih tempat itu dan setelah membetulkan kedudukan masing-masing kami pun mula berbual-bual.

Di dalam perbualan kami itu, tidaklah kami melakukan sebagaimana yang biasa dilakukan oleh gadis dan teruna yang sedang bercinta, semasa

mereka bertemu. Kami tidak bercumbu-cumbu tidak menyatakan gelora cinta yang sedang kami hadapi, tetapi apa yang menjadi pokok perbualan kami berdua itu ialah tentang kejadian-kejadian yang berlaku di sekeliling kami. Saya ceritakan kepada Hamidah bagaimana sempit serta pedihnya penanggungan sebahagian besar orang-orang Melayu di Singapura ini. Soal rumah, soal gaji, dan soal pelajaran anak-anak mereka itulah yang saya tegaskan.

Kemudian perbualan kami berubah pula kepada soal bahasa. Soal ini, memanglah saya utamakan untuk Hamidah, kerana Hamidah kesayangan saya ini, sangat mencintai kesusasteraan.

Dalam perbualan ini, sayalah mengambil peranan yang utama manakala dia hanya mendengarkan sahaja apa yang saya bicarakan itu. Dan, kadangkang diselangnya juga dengan beberapa pertanyaan yang tiada difahaminya. Saya jelaskan kepadanya apa yang saya tahu.

Sungguhpun dalam pertemuan kami itu, tidak kami menitikberatkan soal hati atau soal cinta, namun ini bukanlah bererti bahawa saya tidak kasihkan dia. Saya sangat cintakan dia. Saya sangat sayangkan dia, sebagaimana saya sayangkan diri saya sendiri.

"Mid, sudah pukul 4.00, eloklah kita pulang. Nanti lambat sampai ke rumah, saya kkuatir kalau-kalau ibu-bimbang pula," kata Hamidah, semasa melihat jam tangannya.

"Benarkah begitu dik?" Saya mengusik dia dengan seluruh kemesraan. Dia tidak menjawab tetapi dari cahaya matanya seolah-olah dia menegaskan bahawa dia tidak sanggup berpisah dengan saya. Tetapi digagahnya hatinya dan kami pun beransur dari situ menuju ke jalan raya.

Jalan raya sangat sibuk dengan kenderaan. Mak-

lumlah, *Singapura City*. Kadang-kadang sedang kami berjalan itu dengan tiba-tiba muncullah isyarat lampu merah. Kerananya terpaksa kami berhenti beberapa ketika. Apabila terbit sahaja lampu hijau, barulah kami berjalan semula bersama-sama manusia yang lain-lainnya.

Kalau melintas jalan yang sangat sibuk dengan lalu lintas, akan terpaksa saya memimpin tangannya. Yang bagus, dia patuh sahaja dengan apa yang saya lakukan itu. Dan semasa memimpinnya melintas jalan itu saya iringi dengan jenaka.

"Hai, susahnya membawa anak orang berjalan. Melintas jalan pun terpaksa dipimpin"

Mendengarkan jenaka saya itu, dia ketawa, dan saya pun turutlah tertawa sama!

Begitulah hal kami semasa menuju stesen bas. Setiap kali melintas jalan yang sibuk, setiap kali itu pula saya terpaksa memimpinnya. Dan memanglah rasa saya, sayalah yang bertanggungjawab di atas keselamatan dirinya. Dan bagi Hamidah, nampaknya pada sayalah tempatnya menumpang keselamatan dirinya, seolah-olah sayalah pelindungnya.

Melalui jalan yang sempit, saya dahulukan dia melaluinya. Dan semasa menaiki bas pula, saya dahulukan dia menaikinya. Saya lakukan ini adalah semata-mata untuk menghormati dia sebagai seorang wanita - manusia yang bersifat lemah.

Semasa dalam perjalanan menghantarkan dia pulang itu, kami tiadalah banyak bercakap. Agaknya dia berasa hiba kerana saat perpisahan antara dia dan saya itu sudah hampir.

Pada saat kegelisahan kami itu, hanya deru enjin bas itulah sahaja yang menghiburkan kami. Dan dalam suasana yang merunsingkan fikiran kami itu, saya cuba selangkah juga dengan perbualan. Nam-

paknya Hamidah malas sahaja berbual. Tentunya dia sedang dilamun kerunsingan!

Sangat berat hatinya untuk berpisah dengan saya. Melihat perubahan yang terjadi di atas dirinya ini, saya mula berasa sangat kasihan kepadanya.

Tetapi apa hendak dikatakan! Bandaraya Singapura sudah jauh kami tinggalkan. Dan, oleh kuatnya goncangan bas itu, maka ini menyebabkan badan saya berasa letih. Saya minta izin daripadanya untuk merebahkan kepala saya ke atas bahunya. Permittaan saya ini dibenarkannya dengan seluruh kasih sayang.

Sebagai anak kecil yang sedang bermanja dengan ibunya, saya rebahkan kepala saya di bahunya. Segala apa yang saya lakukan ini diterimanya dengan rela. Ini menyebabkan hati saya semakin mesra padanya. Kemudian dengan suara yang agak perlahan, saya membisikkan ke telinganya:

"Midah, Midah sayangkan saya atau tidak?"

"Mid, tak percayakah awak pada kesetiaan saya? Saya sangat sayangkan awak, dan pada awaklah tempat saya menggantungkan harapan pada masa hadapan."

Mendengarkan jawapannya itu, menjalarlah rasa mesra dan kasih sayang saya padanya.

Tempat yang kami tuju itu telah sampai. Dengan suara yang hiba, sambil menggenggam tangannya kuat-kuat, saya tanya dia:

"Sayangkah dara padaku seorang?"

Dan, dengan wajah yang sayu, menjawablah Hamidah:

"Limpahan sayang Midah untuk abang saja."

Dan apabila bas berhenti, menjalarlah rasa hiba di hati kami. Saya lepaskan Hamidah dari sisi saya dengan hati yang luluh. Dari jendela bas itu, saya

pandang dia berjalan dan dengan tidak saya sedari, terkeluarlah beberapa patah perkataan dari bibir saya:

“Selamat jalanlah Hamidahku. Semoga kita akan bertemu lagi, dik.”

Asmara, Oktober – November 1955

Sapu Tangan Tanda Kasih

DAHULU pun memang selalu saya menerima sapu tangan. Berbagai-bagai jenis sapu tangan yang saya terima daripada ibu saya. Yang birulah, yang hijaulah dan ada pula berbunga-bunga. Dan kesemua sapu tangan itu saya gunakan untuk pengesat hingus dan peluh sahaja.

Penerimaan dahulu memang tidak begitu mesra seperti penerimaan sekarang ini. Sapu tangan yang baru saya terima ini lebih saya sayangi. Tidak saya buat pengesat hingus atau pengesat peluh. Saya cium selalu sapu tangan itu.

Nama sapu tangan itu ialah "Sapu tangan tanda kasih". Kekasih sayalah yang memberinya. Dijahitnya sendiri sapu tangan itu dan diberikan namanya "sapu tangan tanda kasih" dan tidak hairanlah mengapa saya sebegitu sayangkan sapu tangan itu.

Sebenarnya sapu tangan yang cantik-cantik memang senang saya dapati Kalau ada duit akan dapatlah saya membelinya. Tetap sapu tangan yang dibeli tidak membanggakan hati, sebab itu adalah sapu tangan yang biasa sahaja. Ada duit ada dia, dan tiada duit tiadalah dia.

Tanyalah siapa yang pernah menerima sapu tangan daripada kekasihnya, ria tidak hatinya? Saya

percaya dia akan menarik nafas panjang, kemudian berkata:

"Sayang sungguh adikku kepada abang ini. Bangga hatiku."

Dan saya berasa demikian jugalah. Sebenarnya bukanlah setakat itu sahaja yang saya rasakan. Saya rasa kekasih saya yang sekarang ini rela membuatkan sehelai sapu tangan untuk saya, akan bersedia pula membuatkan saya baju dan kain apabila kami sudah berumah tangga nanti. Dan siapakah yang tidak berasa bangga kalau sudah ada orang yang sedia menjahitkan baju seluar dan kainnya? Dan siapa pula yang tidak akan berasa megah kalau yang rela menjahitkannya itu ialah kekasih hatinya sendiri?

Memanglah untuk kali ini baru sehelai sapu tangan sahaja yang menjadi pemberian kasih daripadanya. Tetapi saya percaya pada masa yang akan datang dia tidak akan berasa jenuh menjahitkan baju, seluar dan kain saya pula dan kalau kami ada cahaya mata tentulah dia tidak berkeberatan menjahitkan barutnya

Bagi saya sapu tangan tanda kasih ini adalah punca berkembangnya rasa kasih kami berdua. Semoga akan abadikan rasa itu!

Rumaja, November 1955

Dahagikan Cahaya Kasih Mesra

SEMASA kecil dahulu kepala Si Saadiah selalu benar saya jotosi. Saya terpaksa berbuat demikian kerana Si Saadiah selalu mengacau saya sewaktu saya bermain. Dan kadang-kadang oleh sebab terlampau marah, saya tidak keberatan pula menghukum kawan-kawan Si Saadiah yang tidak bersalah.

Kesan memukul orang yang tidak bersalah ini sesungguhnya berat. Selalunya akan datanglah Mak Cik Munah, Mak Cik Leha dan Mak Si Maznah mengkhabarkan kenakalan saya itu kepada ibu saya. Dan sebentar kemudiannya, akan saya terimalah pula bahagian yang adil sesahan rotan halus!

"Hendak buat lagi, tidak?" tanya ibu saya dengan menunjukkan rotan yang halus. Di depan rotan yang halus itu akan segeralah saya menjawab:

"Tidak, mak, tidak"

Besok lusanya berulang semulalah kenakalan saya itu dan sesahan rotan pun akan berulang lagilah.

Sebenarnya bukanlah saya selalu yang salah dalam hal ini. Saya jarang memulakan pergaduhan. Dan kalau salah pun saya ialah kerana menghukumi mereka yang tidak bersalah. Itu sahajalah kesalahan saya.

Selalunya Si Saadiah dahululah yang mengacau saya. Kalau saya sedang asyik melukis gambar-gambar orang di atas tanah, akan datanglah Si Saadiah memadam-madamkan lukisan saya itu dengan kakinya. Sesudah memadamkannya akan segeralah pula dia mengejek saya dengan menjelir-jelirkan lidahnya. Kerana ejekannya inilah maka marah hati saya.

Saya kejar, tangkap lalu cekup rambutnya yang panjang dan kusut itu.

"Hendak usik aku lagi, tidak?" Saya tanya dia dengan suara marah. Rambutnya semakin saya tarik kuat. Dengan lelehan air mata akan dijawabnya:

"Tidak, sumpah, tidak"

Dan kadang-kadang sesudah melepaskan rambutnya dan dia agak sudah jauh sedikit dari saya, akan mula semula dia mengejek saya. Ini semakin memanas hati saya. Saya kejar dia bermati-matian dan kalau dapat akan saya beratkan lagi hukumannya.

Semasa kecil memang begitulah keadaan saya dengan Si Saadiah. Tetapi sekarang ini sudah tidak demikian. Jangankan hendak menarik rambutnya, hendak menjentik badannya pun saya tidak dapat. Dia sudah anak dara, jadi tidaklah boleh seorang bujang seperti saya ini menjentik dirinya!

Saya masih ingat lagi bahawa semasa umur saya 14 tahun, saya berpisah dengan Si Saadiah kerana famili saya ke Singapura. Pada waktu itu Si Saadiah baru sahaja 11 tahun umurnya. Dan semasa kereta api hendak berjalan membawa famili saya ke Singapura tidak sedikit pun saya berasa sedih meninggalkan Si Saadiah, malah dari tingkap kereta api saya mengejek-ejek dia pula:

"Eh, tinggal, eh, tinggal ...!" Dan dari luar dia tidak pula keberatan membalas ejekan saya itu. Semakin dipanjang-panjangkan lidahnya.

Memang semasa berpisah dengannya dahulu tidak sedikit pun saya berasa susah. Saya terlau ria kerana berada di dalam kereta api.

Enam tahun semasa di Singapura saya tidak berjumpa-jumpa dengan Si Saadiah. Berutus-utus surat dengannya pun tidak. Dan berani saya mengatakan bahawa selama di Singapura itu saya terlupa langsung akan Si Saadiah.

Tetapi entah mengapa saya tertarik dengan Si Saadiah sekarang ini tidaklah saya ketahui dengan jelasnya. Yang saya tahu ialah sekarang ini Si Saadiah sudah berada di Singapura dan saya pula sudah sering ke rumahnya.

Sebenarnya baru setahun inilah saya bertemu dengan Saadiah semula. Dan dalam setahun inilah saya terpicat olehnya. Sudah tidak terpandang lagi oleh saya lelehan hingusnya, dan sudah tidak terpandang juga oleh saya rambutnya yang panjang dan kusut itu. Saadiah sudah terlalu bersih; tidak berselekeh dengan hingus lagi seperti semasa kanak-kanak dahulu, dan rambutnya pula sudah dipotong cara *mohican*.

Tetapi bukanlah pula kerana Si Saadiah sudah berambut cara *mohican* itu maka saya tertarik kepadanya. Kalaulah kerana potongan cara *mohican*, maka sepatutnya saya sudah tertarik pada kawan-kawan wanita saya yang lain yang kebanyakannya berambut cara *mohican*. Dan tidak pula kerana rupanya yang cantik sebab antara kawan-kawan wanita saya yang lain ada yang mengatasi kecantikannya.

Saya mengaku kalau orang kata saya tertarik kerana sopan santunnya. Benarlah kerana itu. Si Saadiah terlalu sopan terhadap saya! Dan kelakuan yang serupa inilah yang tidak saya dapati pada

kebanyakan kawan wanita saya. Kebanyakan mereka tidak berkeberatan ketawa kuat-kuat di depan saya dan tidak juga keberatan bercakap dengan suara yang agak kuat. Kelakuan mereka itu saya amati betul-betul. Dan pada saya kelakuan mereka itu bukanlah kelakuan perempuan. Kelakuan perempuan adalah lemah dan lembut, seperti kelakuan Saadiah sekarang ini.

Sekarang ini memang saya selalu mencari peluang untuk pergi ke rumah Si Saadiah. Saya memang tidak puas menjumpainya. Kalau boleh hari-hari hendak saya temui dia.

Dalam tiap-tiap pertemuan saya dengannya itu, saya cuba, secara ringan, melahirkan rasa kasih saya kepadanya. Dari mata, tutur kata dan gerak-geri saya lahirkan hasrat hati saya itu. Selalu saya lakukan ini. Dan selalunya tidak sedikit pun terbayang kesan balasan daripada Si Saadiah. Dia tetap berlaku seperti biasa sahaja. Dan kerana kelakuannya yang demikian itu maka hampir-hampir kecewalah saya dibuatnya.

Rupa-rupanya orang-orang perempuan ini pandai sungguh menyimpan rahsia hati mereka. Terlalu pandai Si Saadiah menyimpan rasa kasihnya terhadap saya, hingga saya rasa dia benar-benar tidak menaruh minat ke atas diri saya. Hampir saya kecewa.

Dalam kehampaan hati, walau bagaimanapun, saya cuba juga menulis surat kepadanya. Saya nyatakan segenap hasrat hati saya itu kepadanya. Dengan bahasa yang lemah lembut dan sopan pula saya menyatakan hasrat hati saya itu. Saya nekad.

Dalam menunggukan jawapan saya gelisah benar. Saya rasa diri saya dihukum olehnya. Walau bagaimanapun, setelah seminggu baru dia menjawab surat saya itu.

Terketar tangan saya waktu membaca pantun yang menjadi jawabannya. Saya terlalu terharu dan sepatutnyalah saya demikian, kerana siapakah yang tidak akan terharu kalau orang yang diharap-harapkan memberikan harapan dengan pantun yang berbunyi:

*Bulan jernih bersenyum mesra,
Tersenyum kepada murba yang papa;
Bunga di taman sekuntum sahaja,
Kalau sudi suntinglah segera.*

Entah bagaimana besarnya hati saya semasa menerima suratnya itu tidaklah dapat saya bayangkan. Tetapi saya kira tidaklah berlebihan kalau saya katakan bahawa semasa menerima suratnya itu, hati saya sebesar hati Ketua Menteri Singapura, Tuan David Marshall, semasa mengetahui dirinya menang dalam pilihanraya Singapura dahulu. Dan terlalu sayang saya akan surat itu hingga saya tidak keberatan membawa surat itu tidur bersama saya!

Semalam saya pergi ke rumah Si Saadiah lagi. Niat saya ke rumahnya itu tidaklah lain – saya hendak berjumpa dengan Si Saadiah. Saya ingin tahu sama ada dia benar-benar mencintai saya atau tidak. Saya mahukan jawapan yang keluar dari mulutnya sendiri.

Seperti biasa juga, pada mulanya saya terpaksa berbual-bual dengan ibu Saadiah. Macam-macam soal yang menjadi perbualan kami. Tetapi saya mengaku saya tidak begitu senang hati dengan perbualan itu. Maklum yang saya niatkan bukanlah berbualkan kisah itu melainkan saya ingin berbualkan kisah hati.

Walau bagaimanapun, berpeluang jugalah saya akhirnya berhadapan dengan Saadiah. Agak berlain-

an juga keadaan saya saat itu. Selalunya tidak sedikit pun gementar hati saya apabila berhadapan dengannya. Tetapi hari itu tidak demikian. Seluruh hati saya berdebar sahaja. Dan saya rasa air peluh sejuk merayap segenap badan saya.

Lama saya berdiam. Dia pun begitu. Tetapi saya kumpulkan juga tenaga untuk bertanya:

"Sungguhkah, Yah, jawapan Yah tempoh hari?"

Saadiah tunduk. Saya menjadi lebih gelisah.

"Bilanglah, Yah, sungguhkah?"

Dengan malu-malu Saadiah bersuara:

"Benar, Sam, tapi"

"Tapi apa Yah?" Saya tidak sabar.

"Tapi janganlah ketuk-ketuk kepala saya lagi macam dahulu," dengan manja dia berkata.

Perkataannya itu segera menyangkan semula segala peristiwa semasa kami kecil-kecil dahulu.

"Tidak Yah, saya tidak akan mengetuk kepala Yah lagi."

Kami sama-sama ketawa – ketawa mesra. Dan dalam ketawa itu saya segera nampak Saadiah memancarkan suatu cahaya – cahaya kasih mesra – dari matanya. Cahayanya itulah yang saya dahagakan selama ini!

Utusan Filem dan Sport, 29 November 1955

Bekas-Bekas Tapak di Lumpur Kering

KAMPUNG kami kehilangan seorang penduduk pada hari ini. Wak Dollah yang baik hati telah meninggal dunia, dan jelas sekali suasana kesedihan menjangingi kampung kami.

Kehilangan Wak Dollah memang terasa benar oleh kami sebagai kehilangan satu barang yang amat berharga, dan tidak berlebihan rasanya kalau saya katakan bahawa kami serupa kehilangan air di padang pasir.

Memang benar, baiknya hati Wak Dollah terasa oleh kami. Begitu jugalah tentang murah hatinya itu, dan inilah sebab-sebab utama mengapa kami berasa kehilangan yang besar sekali, apabila Wak Dollah meninggalkan kami.

Saya masih ingat akan satu ketika dahulu, iaitu semasa Wak Dollah diminta datang segera ke rumah Mak Si Maznah pada malam hari buta. Waktu itu sudah pukul tiga, sayalah yang memanggil Wak Dollah, saya disuruh oleh Mak Si Maznah.

Wak Dollah bangun tergesa-gesa apabila dikejutkan, digosok matanya berkali-kali. Pandangannya masih belum terang.

“Ada apa, Mat?”

“Mak Si Maznah suruh memanggil Wak.”

"Fasal apa?"

"Katanya Maznah sakit."

"Ah, apa kenanya budak itu? Nanti dulu Mat, Wak salin baju."

Wak Dollah tidak membuang masa, segera dia mengenakan pakaiannya, dan kami pergi ke rumah Mak Si Maznah.

Kampung kami itu jauh dari bandar, agak lima batu begitu jauhnya. Dan kerana kejauhan itu jadi sukarlah bagi orang-orang kampung kami untuk mendapatkan seorang doktor dengan segera. Lebih sukar lagi jikalau waktu malam. Lagi pula kami ini rata-ratanya tidak mampu untuk menggunakan seorang doktor. Memanggilnya sahaja sudah memerlukan tambangnya, belum lagi wang ubatnya.

Walau bagaimanapun, beruntung jugalah kami kerana mempunyai seorang "doktor" (Wak Dollah) sendiri. Sungguhpun ubat-ubatnya itu kurang sempurna (maklum ia tidak mempunyai peluang untuk belajar ilmu kedokteran), tetapi dengan pertolongannya itu banyak jugalah penyakit yang berjaya disembuhkannya, terutama sekali penyakit-penyakit yang dihadapi oleh anak-anak kecil.

"Sakit budak ini tidak berat, Cik Limah. Janganlah Cik Limah khuatirkan, dia akan sembuh segera. Wak Dollah menenangkan hati Mak Si Maznah.

Mendengarkan kata-kata Wak Dollah ini terpancarlah sekelip cahaya dari mata Mak Si Maznah – cahaya harapan. Ditatapinya muka anaknya yang pucat itu dengan seluruh kemesraan. Kemudian ditatapinya pula muka Wak Dollah.

"Terima kasih banyaklah, Wak. Bersusah payah benar Wak ni."

"Apa pula susahnya, menolong sesama mahluk itu bukankah satu kewajipan manusia? Hari ini hari

Cik Limah dan hari lain nanti hari saya pula, bukankah begitu?" Demikian Wak Dollah membalas ucapan terima kasih Mak Si Maznah itu. Demikian jugalah selalunya Wak Dollah membalas sebarang ucapan terima kasih daripada sesiapa juga pun.

Selalu benar orang-orang yang ditolongnya itu cuba memberi sedikit wang kepadanya kerana susah payahnya itu. Orang tua itu kesempitan hidup. Dia seorang penyabit rumput. Tetapi jarang sekali Wak Dollah mahu menerima wang pemberian mereka itu, kalau tidak orang memaksanya. Wak Dollah pun tahu kemiskinan hidup yang dialami oleh orang-orang kampungnya. Inilah satu daripada kebaikan-kebaikan Wak Dollah. Pertolongannya tidak diharapkan apa-apa balasan. Inilah falsafahnya hingga saat matinya falsafah ini dibawanya.

Dan sekarang ini, "dokter" kami sudah tiada nafasnya lagi. Kami sudah kehilangan seorang "dokter". "Dokter" yang baik hati.

Bagi saya kematian Wak Dollah bermakna kemusnahan tempat bertanya, tempat meminta nasihat serta falsafah hidup. Selama hidup saya, terutama dalam setahun dua ini, pada Wak Dollah tempat saya bertanyakan sebarang apa yang saya kurang faham, dan daripadanya selalu ada jawapan yang memuaskan.

Akhir-akhir ini saya mulai sedar akan erti hidup, saya mulai ketahui apa, mengapa dan bagaimana hidup ini. Kesemua ini adalah disebabkan Wak Dollah belaka. Wak Dollahlah yang membukakan mata saya.

"Mat, engkau seorang pemuda, dan engkau mesti sedar bahawa sebagai seorang pemuda engkau adalah satu tenaga yang besar. Engkau harus faham segala kewajipan engkau terhadap masyarakat. Di bahu engkaulah terletak tugas yang besar." Demikian

nasihat Wak Dollah kepada saya apabila didapatinya saya sudah mula tertarik kepadanya.

Saya menatap wajah Wak Dollah. Wak Dollah melangsungkan:

“Kampung kita ini mundur sangat, kita mesti membaikinya, kita mesti membaiki nasib kita sendiri, kita tidak boleh mengharap orang lain.”

Kata-kata Wak Dollah berkesan benar di hati saya, dan berkesan juga di hati pemuda-pemuda lain. Dengan usaha dan pimpinan Wak Dollah lahirlah satu badan kebajikan di kampung kami.

Saya lalu menjadi mesra dengan Wak Dollah. Tiap malam saya datangi rumahnya, saya belajar agama daripadanya. Sebenarnya tidak sahaja rahsia akhirat yang saya dapati daripadanya malah rahsia dunia pun tidak lokek-lokek Wak Dollah mengajarnya.

“Pelajaran tidak harus disimpan-simpan, ia harus diajari kepada sesiapa saja yang benar-benar menghendakinya.” Demikian sikap Wak Dollah dalam mengajar sesuatu. Dia tidak mahu menyimpan sebarang pelajaran di dalam dadanya sahaja.

Empat orang pemuda sedang mengangkat mayat Wak Dollah untuk dimandikan. Dari paip air di tepi jalan saya melihat mayat itu, saya menunggukan air yang belum penuh-penuh lagi di dalam baldi air untuk memandikan Wak Dollah.

Ingatan saya kembali lagi ke minggu lalu – minggu lalu saya menjumpai Wak Dollah kerana meminta fikirannya tentang suatu hal yang saya dapati sulit, saya nyatakan seterang-terangnya tentang kedudukan hal yang sulit itu kepadanya. Wak Dollah mendengarnya dengan penuh perhatian. Dia memang selalu demikian, dan akhirnya dia berkata:

“Tidak boleh, Mat. Engkau tidak boleh bertindak begitu, engkau harus berusaha mencari jalan supaya

dapat berdamai dengan keluarganya.”

“Hendak berdamai bagaimana Wak? Sedangkan saya sama sekali tidak disukai oleh keluarganya?” Saya menerangkan kedudukan soal itu lebih lanjut.

“Tidak, bukan mereka tidak sukakan engkau. Mereka belum tahu tentang diri engkau, tentulah mereka tidak sukakan engkau. Cuba mereka sudah berkenal dengan engkau lebih dekat, tentulah mereka akan sukakan engkau.”

“Tidak, Wak! Ibunya sudah tahu tentang diri saya, dia tahu saya orang miskin dan orang biasa pula, sebab itulah dia mencegah anaknya untuk berkasih dengan saya.”

“Engkau jangan salah sangka, Mat. Mustahil ibunya sebegitu dangkal sekali fikirannya. Barangkali dia cuma tahu kemiskinan engkau, tetapi belum tahu tentang sifat-sifat engkau yang lain. Kalau dia tahu ini tentulah dia tidak bertindak sedemikian.”

Wak Dollah diam sebentar, kemudian:

“Ibu mana pun akan menaruh kecurigaan yang serupa itu. Mana satu ibu yang mahu anak gadisnya terlepas ke tangan pemuda yang berhidung belang? Ibunya tidak bersalah bertindak begitu. Cubalah engkau memenangi hati ibunya. Tunjukkan yang engkau ini bukan seorang pemuda yang rendah seperti yang difikirkannya itu.”

“Tetapi, Wak, mustahillah ibunya tidak tahu tentang diri saya, sedangkan semua surat-surat saya untuk anaknya sudah dibacanya!” Saya menerangkan lagi.

“Mengenali engkau daripada surat-surat saja belum cukup, Mat. Sebab dalam surat semuanya tidak mustahil, engkau boleh tulis seribu perkataan cinta dalamnya, tetapi ibunya masih tetap tidak mempercayai engkau, kerana menulis tidak payah. Dia

tentu mahu mempelajari tentang diri engkau dari dekat.”

“Barangkali jugalah dia mahu mempelajari tentang diri saya dari dekat terlebih dahulu. Saya akan berusaha memperkenalkan diri saya kepada ibunya. Terima kasih, Wak.”

“Ya, cubalah!” Wak Dollah menamatkan kata-katanya.

Air yang saya tadah sudah penuh. Saya mengangkat air itu ke arah tempat mayat Wak Dollah. Dan, Wak Dollah sudah tidak ada lagi sekarang. Orang kampung saya kehilangan seorang “dokter”, seorang pemimpin dan seorang penasihat yang baik hati. Sedangkan saya kehilangan lebih daripada itu. Wak Dollah adalah seorang guru kepada saya, kepada siapa selalu saya menanyakan soal-soal dunia dan akhirat. Saya kehilangan seorang guru!

Belia, 27 Januari 1956

Sekolah

KETIKA itu hari masih pagi benar. Baru pukul lima setengah. Raziah sudah berada di dapur untuk menyediakan sarapan. Sibuk benar dia.

Selalunya tidak sepagi itu Raziah bangun. Dia bangun agak lambat sedikit. Biasanya pukul enam setengah, begitulah. Tetapi pagi itu dia terpaksa mengurangkan waktu tidurnya, terpaksa bangun pagi sedikit dan walaupun mengikut undang-undang kesihatan perbuatan itu adalah salah – kerana akan mendatangkan penyakit – tetapi dia terpaksa. Anak-nya hendak dimasukkan ke sekolah pada hari itu. Jamilah hendak dimasukkan ke sekolah – Sekolah Melayu.

Sebelum itu – dahulu – sudah berlaku sedikit pertengkaran di antara Raziah dan suaminya, Hussin. Suaminya mahu supaya Jamilah dimasukkan sahaja ke sekolah Inggeris. Itu mustahak sekali untuk penghidupan Jamilah yang sempurna pada masa depan, katanya. Raziah membangkang. Walaupun dia faham bahawa untuk menjamin penghidupan anaknya pada masa depan dia terpaksa menghantarkannya ke sekolah Inggeris, tetapi dia terpaksa membangkangnya apabila mengenangkan kesulitan tentang soal kewangan. Sekolah Inggeris perlukan wang yang bukan

sedikit. Ini adalah satu kenyataan yang sebesar gunung. Dan ini sudah ada buktinya apabila anaknya yang sulung, Abdullah, terpaksa diberhentikan daripada sekolahnya kerana kesulitan wang.

"Kita ini bukannya kaya, bang. Hidup kita miskin. Abang bukan tidak tahu untuk hidup sehari-hari kita berhutang dan bergadai," berkata Raziah sambil teresak-esak hiba kerana terpaksa menentang usul suaminya itu. Memang dia jarang membangkangnya. Dia selalunya patuh.

Suaminya tunduk. Dia segera kenal kebenaran kata-kata isterinya itu.

"Baiklah, Yah. Kita masukkan sajalah Jamilah ke sekolah Melayu. Dan kalau ada rezekinya nanti, kita masukkanlah dia pula ke sekolah Inggeris."

Jamilah dikejutkan. Pagi-pagi benar telah dikejutkan. Jamilah bangun segera dan taat menurut perintah ibunya: Mandi, bersiap pakaian dan makan pagi. Memang Jamilah terlalu girang kerana hendak ke sekolah itu. Dan ibunya pula pada akhir-akhir ini tidak jenuh-jenuh mengajar anaknya membaca dan menulis alif, ba, ta, dan A, B dan C. Dan Jamilah nyatalah rajinnya mengikuti pengajaran ibunya.

Dari rumah ke sekolah perjalanannya kira-kira satu setengah batu jauhnya. Dan inilah juga sebenarnya Raziah bangun pagi. Dia terpaksa berjalan kaki. Anaknya juga terpaksa berjalan sama.

Anak bongusnya – berumur satu tahun – digendongnya di pinggang kirinya. Dan dengan tangan kanannya dia memimpin Jamilah. Cermat dipimpinya anaknya itu, maklum sahajalah sepanjang jalan yang dilaluinya itu terlalu sibuk dengan kenderaan – kereta-kereta besar, lori-lori, motosikal-motosikal dan beca-beca roda tiga. Dan anak kecilnya itu dipeluknya kuat-kuat kerana takut anaknya itu terpe-

ranjat oleh hon-hon kereta dan lori yang seolah-olah berkata: "Hai ... lalu, kami akan jalan dahulu!"

Dalam perjalanannya itu Raziah melalui sebuah sekolah Inggeris. Sekolah itu besar. Bangunannya juga indah dan gagah.

Di dalam kawasan sekolah itu sudah banyak anak sekolah. Anak-anak yang baru mahu masuk sekolah terlalu banyak sekali. Dan keriuhan yang bertakhta menjadikan suasana sekolah itu sebagai suasana sebuah pasar.

Kereta-kereta besar – bermacam-macam jenisnya – tidak putus-putus memasuki pintu gerbang sekolah itu. Di dalamnya duduk bersandarlah anak-anak sekolah berserta ibu-ibu atau orang-orang gaji yang menghantar anak-anak.

Raziah terus sahaja berjalan. Dan anaknya tetap cermat dipimpinya. Dia tidak mahu berkata apa-apa dengan anaknya, Jamilah sewaktu di depan sekolah Inggeris itu tadi. Dia terlalu hiba melihatkan keadaan yang jauh berbeza antara anaknya dengan anak-anak orang yang bersekolah Inggeris, dan di antara dirinya dan orang-orang yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris itu. Jauh benar perbezaannya seperti jauh berbezanya di antara seekor gajah dan seekor semut, menikam benar kesedihan ini ke hati Raziah.

Tiba di sebuah simpang jalan, Raziah berhenti. Di situ kenderaan lebih sibuk dan laju lagi. Jalan di situ seolah-olah dipunyai oleh tuan-tuan yang berkereta besar sahaja. Laju, laju kereta-kereta mereka bergerak tidak memikirkan orang-orang yang mahu menyeberang. Raziah sabar menantikan saat yang selamat untuk menyeberang. Berhati-hati benar dia.

"Hei, mahu matikah?" keluar sebuah suara membentak. Suara itu kasar dan keluar daripada seorang

tuan yang gemuk. Raziah segera menepi semula. Kereta yang membawa tuan besar itu kereta jenis Plymouth – segera bergerak dengan megahnya. Burrrrr! Laju sekali.

“Mau matikah?” Raziah mengulangi kata-kata tuan besar itu dalam hatinya apabila telah selamat dia dan anak-anaknya menyeberangi jalan. “Siapa yang mahu mati dilanggar kereta? Kalau aku dan anak-anakku mahu mati mengapa mesti aku susah-susah menyekolahkan. Bukankah aku menghantarnya ke sekolah itu untuk mendapat kesempurnaan hidupnya pada masa akan datang, bukan untuk dilanggar kereta. Engkaulah yang mampus! Tidak berbelas kasihan sedikit pun sesama makhluk. Gemuk saja yang diharapkan!” Hati Raziah mengutuk tuan besar itu. Penuh geram dikutuknya.

Raziah dan anak-anaknya memasuki pintu gerbang sekolah – Sekolah Melayu. Sekolah itu terlalu sederhana. Dan suasananya tidak pula riuh seperti suasana di pasar.

Banyak juga ibu serta anak mereka yang sudah bersedia di situ. Ibu-ibu itu juga mahu memasukkan anak-anak mereka ke sekolah – mahu menyempurnakan penghidupan anak-anak mereka, bukan mahu membiarkan anak-anak mereka mati dilanggar kereta!

Nyata terlalu tenang sekali suasana di sekolah itu. Ibu-ibu serta anak-anak yang memasukinya boleh dikatakan rata-rata datang berjalan kaki sahaja. Jarang sekali yang berkereta dan sebab itulah suasana di sekolah itu terlalu tenang.

“Eh, Cik Yah! Datang hantar anak, Cik Yah?”

Raziah ditegur oleh seorang wanita dengan tiba-tiba.

“Oh, awak Cik Limah! Ahh, ahh, saya datang hantar anak saya ini!”

"Saya pun begitu juga. Lama benar kita tidak berjumpa, ya. Sudah enam tahun. Cik Yah masih tinggal di tempat lama juga, ya?"

"Ya. Saya masih tinggal di tempat lama juga. Awak, Cik Limah?"

"Saya? Saya sudah beberapa kali pindah. Sekarang saya tinggal di Tangling".

"Awak datang dengan siapa Cik Limah?" Raziah lanjut bertanya.

"Datang seorang. Bapa Si Maznah pergi kerja, jadi terpaksa saya sendiri menghantar Maznah."

"Saya pun sama juga Cik Limah. Cik Limah datang dengan apa?"

"Jalan kakilah, apa lagi. Kita ni bukannya orang yang berada."

Loceng sekolah berbunyi. Suasana sekolah menjadi agak riuh sedikit. Guru-guru sekolah mulai memanggil nama murid-murid baru dan kemudian membahagikannya kepada beberapa darjah yang tertentu. Murid-murid baru itu diberikannya tanda dengan menyematkan kertas berwarna berbentuk empat persegi ke baju murid-murid mengikut kelas-kelas yang dibahagikannya. Ada yang bertanda biru, ada yang merah dan ada yang hijau. Anak Raziah bertanda biru.

Murid-murid baru itu kemudiannya dipandu ke bilik darjah masing-masing. Ibu-ibu (ada juga kaum bapa) mengikut sama ke bilik darjah anak masing-masing untuk memberikan butir-butir keterangan yang lanjut tentang anak masing-masing kepada guru-guru yang bertanggungjawab. Sebentar kemudian ibu-ibu (juga bapa-bapa) turun ke bawah. Mereka duduk berkelompok-kelompok lalu bercerita tentang penghidupan sehari-hari – tentang penghidupan yang semakin hari semakin menekan.

"Anak awak yang lelaki itu masih lagi bersekolah, Cik Yah?" Cik Limah mula bertanya lagi.

"Sudah berhenti, Cik Limah. Baru ini berhenti."

"Eh, kenapa pula diberhentikan, Cik Yah? Bukankah sayang pelajarannya itu tergalang di tengah?"

"Apa nak buat, tak kecukupan wang. Awak bukan tak tahu hal sekolah Inggeris. Sikit-sikit wang. Sikit-sikit wang. Manalah hendak ayahnya korekkan."

"Jadi bekerjalah dia sekarang, Cik Yah?"

"Ya."

"Kerja apa dia sekarang?"

"Kerja apa lagi. Kerja tambilah. Darjah lima sekolah Inggeris bukannya tinggi. Tetapi baik jugalah dia sekolah malam sekarang ini."

"Ah, baguslah begitu. Dan Encik Hussin masih kerja lama jugakah?"

"Ya, Cik Limah. Padanlah anak dengan bapa. Anak jadi tambu, bapa jadi drebar, tetapi syukurlah."

Mereka diam sebentar. Masing-masing tenggelam dalam alam pemikiran yang tidak bersempadan. Kemudian:

"Suami Cik Limah masih kerja lama itu jugakah?"

"Ya, Cik Yah. Kerja drebar juga. Samalah nasib kita berdua ini, Cik Yah. Entahkan bila kita ini akan senang. Entahlah?"

Perbualan mereka terencat apabila Jamilah datang berlari. Mata Raziah bulat ke arah anaknya.

"Ada apa, Milah?" tanya Raziah tidak sabar.

"Mak, cikgu minta duit buku."

"Minta duit buku? Berapa, nak?"

"Entah, Milah tak tahu, mak."

Raziah bangun daripada duduknya. Dialihkan gendongan anak kecilnya ke punggung kirinya. Tangannya dimasukkan di celah tali pinggangnya. Jari-nya mencari-cari wang yang terselit di celah tali

pinggang itu. Wang itu terkeluar bersama sekeping surat yang nipis – surat pajak! Raziah segera memandang Cik Halimah, dan dia tersenyum pahit.

“Saya pun begitu juga, Cik Yah,” bersuara Cik Halimah. “Saya gadaikan cincin saya untuk wang buku anak saya.”

Cik Halimah turut bangun sama. Dan mereka menuju ke bilik darjah anaknya untuk memberikan wang buku anak masing-masing.

Utusan Zaman, 29 Januari 1956

Ke Daerah yang Lebih Kerdil

PAK LEMAN dan keluarganya terpaksa pindah. Rumah yang didiaminya semenjak tujuh tahun itu mahu dirobuhkan. Di tempat itu mahu dibangunkan rumah-rumah flat yang lebih tinggi dan lebih indah.

Memang telah lama dia mendengar khabar bahawa rumah itu mahu dirobuhkan. Tetapi khabar itu hanya khabar yang dibawa oleh tetangganya sahaja. Dan khabar sedemikian tidak merunsingkan sangat hatinya, sebab khabar itu hanya sekadar khabar angin sahaja. Dia tidak percaya dengan khabar-khabar angin. Khabar kosong, katanya!

Tetapi sekarang ini khabar yang sebenarnya sudah diterima semenjak tiga bulan yang lalu. Dia menerima surat rasmi yang menyuruh dia berpindah dari rumahnya – rumah anaknya itu. Dan khabar itu disambutnya dengan hati yang luka.

Di rumahnya itu bukanlah dia sekeluarga sahaja yang tinggal. Ada sebanyak tujuh keluarga tinggal di dalamnya. Dan itu hanya di rumahnya sahaja. Di sekeliling rumahnya – semuanya berhampiran belaka – ada lima buah rumah lagi. Dan di tiap-tiap rumah itu ada pula ditinggali sekurang-kurangnya lima keluarga.

Keenam-enam buah rumah itu telah membentuk

sebuah kampung yang kecil semenjak tujuh tahun yang lalu.

Walaupun rumah-rumah di situ kalau dilihat dari segi ilmu bangunan agak kurang baik nampaknya ataupun kalau dilihat dari segi ilmu kesihatan agak kurang bersih, tetapi bagi keluarga-keluarga yang tinggal di situ, rumah-rumah mereka itu sesungguhnya menyenangkan hati benar. Dan ini adalah kerana mereka yang tinggal di situ boleh dikatakan mewarisi nasib yang serupa sahaja. Semuanya rata-ratanya miskin. Dan kemiskinan inilah yang mengikat tali persahabatan mereka lebih erat lagi.

Tiga bulan yang lalu orang-orang sekampung itu terperanjat besar bila menerima surat amaran. Rumah-rumah mereka mahu dirobohkan! Bertakhtalah kesedihan di hati mereka dan suasana kampung dengan serta-merta menjadi muram. Di situ seolah-olah ada seorang pemimpin besar yang mati. Sunyi dan muram selalu. Dan semakin dekat hari yang ditetapkan bagi mereka untuk berpindah itu, semakin memberat-besi hati masing-masing.

Semenjak menerima berita luka itu mulalah kepala-kepala keluarga sibuk mencari rumah-rumah kosong. Dan semenjak itulah juga soal perumahan menjadi pokok perbualan mereka yang hangat. Nyatalah dalam berbual-bual itu di muka mereka terbayang jelas kepahitan rasa yang terlalu menekan.

"Sehari-hari ni puaslah saya berkeliling mencari rumah kosong, Cik Mad. Penat betul saya berjalan kaki, tak juga dapat rumah. Ada pula bilik, sewanya terlampau mahal pula. Sudahlah itu, ada pula wang kopinya. Beratus ringgit wang kopinya saja," berkata Pak Leman kepada Pak Cik Ahmad.

"Saya pun begitu juga, Pak Leman. Hari itu sehari suntuk saya mencari bilik. Tak juga dapat. Entahlah

kalau tak dapat juga bilik, tak tahulah saya ke mana harus saya pergi.”

Pak Cik Ahmad diam sejeurus. Dikeluarkannya sebatang rokok – rokok pakau – dipasanginya, dihisapnya, dihembuskan asapnya keluar, lalu memulakan lagi. “Pak Leman fikir kita ni akan diberi rumah nanti atau tidak?”

“Entahlah, Cik Mad. Tetapi sepatutnya kita ni mesti diberinya rumah, rumah yang mampu kita bayar sewanya. Nampaknya sampai sekarang ni tak ada pula terdengar berita tentang rumah-rumah yang rendah sewanya tu.”

“Agaknya kerana kita tak minta rumah-rumah yang rendah sewanya dulu, kita tidak diberinya rumah. Begitukan?”

“Tak minta apa, Cik Mad? Dulu Cik Ali, Cik Hamid dan saya sendiri sudah meminta rumah yang rendah sewanya. Sebulan baru kami dapat jawapan. Katanya rumah-rumah yang rendah sewanya itu belum ada. Yang ada cuma rumah-rumah yang bersewa 50 ringgit sebulan. Itu pun tak termasuk wang lampu dan air. Aaaaah, manalah terbayar oleh orang-orang yang seperti kita ni!”

“Saya dengar khabar pun begitu juga hari tu. Memang banyak rumah baru yang didirikan sekarang ini. Tapi itulah sewanya mencekik leher sangat. Gaji kita ni bukannya beratus-ratus. Sedangkan hendak membayar dua puluh ringgit sebulan saja bukan main perit rasanya. Inikan pula sampai berlipat ganda dari itu!”

Sebulan dahulu keluarga Encik Ali, tetangga Pak Leman, telah berpindah. Dia telah mendapat rumah; rumah atap juga. Tetapi khabarnya untuk mendapatkan rumah itu dia terpaksa membayar wang kopi sebanyak seratus ringgit. Memanglah perit baginya

untuk membayar wang kopi sejumlah itu. Tetapi apa yang hendak dikatakan; dia terpaksa. Kalau tidak dibayarnya, tidak pula dapat rumah itu nanti, sedangkan banyak orang yang bersedia membayar wang kopi sejumlah itu. Rumah susah sekarang ini!

Dan dengan mengorbankan beberapa barang perhiasan isteri dan anaknya ke dalam pajak, dibayarkannya jugalah wang kopi itu. "Ah, tak apalah, asal ada rumah!" katanya.

Dua minggu yang lalu keluarga Wak Seman pula berangkat. Dia pun dapat rumah atap juga dan kena wang kopi itu juga dia! Lebih dari seratus ringgit khabarnya.

Sewaktu memunggah barang-barangnya ke dalam lori, Wak Seman ditolongi tetangga-tetangganya. Apa benarlah harta benda rumahnya itu: Katil buruk, tilam bantal buruk, almari buruk, meja buruk dan beberapa barang keperluan dapur seperti periuk, belanga dan kualiti yang kesemuanya sudah sompek-sompek belaka. Sebuah lori sahaja cukup untuk mengangkat kesemua barang-barang tuanya itu.

"Senang-senang datanglah ke rumah saya yang baru tu, Cik Leman, Cik Mad dan Cik Karim. Bukan-nya jauh benar. Dua batu saja," pelawa Wak Seman kepada tetangga-tetangganya.

"A, insya-Allah, Wak Seman, insya-Allah!" Sayu sahaja balasan tetangga-tetangganya itu.

Dan di dapur terdengar pula isteri Wak Seman, Asiah, bersuara dengan hibanya. "Cik Yah, Cik Jah dan Cik Hendon, maafkanlah segala apa yang sudah saya termakan dan terminum, ya?"

"Kami pun begitu jugalah."

"E, jangan lupa datanglah ke rumah saya bila senang!"

"Insya-Allah, insya-Allah."

Hari ini tibalah pula giliran Pak Leman untuk berpindah. Hari inilah dia akan meninggalkan tempat yang selama tujuh tahun ini menjadi kesayangannya. Hiba benar dia!

Semasa mengangkat barang-barang rumahnya ke dalam lori, terbayanglah dia segala kejadian mesra di tempatnya itu. Terbayang dia wajah-wajah tetangganya yang sama senasib dengannya itu. Mesra benar!

Baik-baik benar tetangganya itu. Kalau tidak ada beras, garam, gula ataupun wang seringgit dua, dapat dia meminjamnya daripada tetangga-tetangganya yang baik hati itu. Terngiang-ngianglah di telinganya suara isterinya. "Cik Yah, Cik Yah, awak ada dulu beras empat ling, tolong pinjamkan saya. Nanti pagi esok saya ganti."

Permintaan isterinya itu jaranglah hampa. Dan sebaliknya dia pula tidak sepi dari meminjamkan beras atau wang kepada tetangga-tetangganya. Dan memanglah begitu keadaan orang-orang di kampungnya itu. Saling bantu-membantu.

Di kampung itu sering terhibur hatinya oleh riuh-rendah anak-anak yang sedang bermain. Ah, mesra benar suasana tempat yang terpaksa ditinggalkannya itu! Sedap benar matanya memandang anak-anak yang senasib itu - miskin - bermain dengan begitu mesranya. Memang senang benar hatinya apabila melihat cucunya, Rukiah, turut bermain dengan anak-anak tetangganya yang lain. Terhibur selalu hatinya apabila melihatkan cucunya turut sama menyuarakan:

*Bang serbu kual i sawa
hujan gunung mandi Katung
sirih rampai pinang puteri
minta peluk tangan kiri!*

Tetapi sekarang dia terpaksa meninggalkan tempat yang sangat disayanginya itu. Banyak anak tetangga yang harus ditinggalkannya. Betapa pilu sekali hatinya!

"Aaaiii, Pak Leman ni sugul saja nampaknya?" Dia ditegur oleh Cik Halim. Tersentak dia dari fikirannya yang mengembara panjang itu.

"O, Cik Halim! Macam manalah tak sugul, Cik Halim. Tengah sedap-sedap di sini, tahu-tahu terpaksa pindah."

"Nak diapakan lagi, Pak Leman? Bukan kita yang berkuasa."

"Bukan begitu Cik Halim. Kalau ya pun, sedaplah benar hati kita kalau disediakanya rumah-rumah yang murah sewanya. Ini menderita kita dibuatnya. Mana hendak mencarikan rezeki anak bini, mana hendak mencarikan rumahnya. Agaknya orang yang berkuasa itu tidak berhati perut?"

"Entahlah."

Barang-barang yang diperlukan semuanya sudah termuat di dalam lori. Dan lori itu memulakan enjinnya merengek, tetapi segera hidup.

"Ah, Munah! Munah duduk depan sama mak, ya? Biar bapa dan adik-adik engkau duduk di belakang. Bapa hendak pegang almari pinggan mangkuk kita ini. Jalan di sini lekak-lekuk. Kalau tak dipegang nanti pecah pula."

Lori bergerak.

"Selamat tinggal, Cik Halim. Datanglah ke rumah saya nanti."

"Kalau ada masa, insya-Allah saya datang."

Dari dalam lorinya Pak Leman memandang ke arah rumahnya yang terpaksa ditinggalkannya itu. Sedih benar hatinya.

Tidak berapa jauh dari rumahnya itu dilihatnya

ada sebuah traktor sedang meratakan tanah. Dan tidak berapa jauh dari traktor itu sudah pula terpacak sebuah papan tanda besar yang menyatakan bahawa di tanah itu akan didirikan lima buah rumah flat yang masing-masing enam tingkat tingginya!

Pak Lemah menggeleng-gelengkan kepalanya. Di matanya terbayang rumah barunya. Rumahnya itu hanyalah sebuah bilik yang lebih kecil daripada biliknya yang dahulu.

Lori terus berjalan membawa Pak Lemah dan keluarganya ke daerah yang lebih kerdil!

Utusan Zaman, 26 Februari 1956

Langit Malam Tiada Berbintang

LANGIT tiada berbintang langsung malam itu. Warnanya tetap hitam pekat. Dan angin yang sekejap keras dan sekejap lembut tiupannya itu memberikan alamat bahawa hujan akan turun – hujan lebat! Memang sejak siang tadi hawa terlalu terik panasnya, dan kerana itu maka tentu sahajalah hujan yang datang ini akan disambut baik oleh mereka yang kepanasan.

Syamsir berbaring di atas sebuah amben yang tidak rata susunan papannya. Matanya yang sudah mula mencengkung, kesan daripada selalu lambat tidur itu, dilemparkan ke atap rumahnya. Dia memandang ke atas rumahnya itu selaku seorang yang sedang mencari sesuatu yang berharga di celah-celah atap itu. Dan angin yang sekejap keras dan sekejap lembut tiupannya itu menikami tubuh badannya yang tiada berbaju – jelas kelihatan rangka tulang badannya sudah banyak yang timbul.

Matanya masih tetap mengawasi atap rumahnya yang sebahagiannya telah disarangi lubang. Dia faham benar bahawa dari lubang-lubang itulah akan menitis air, sekiranya hujan turun nanti dan kerana itu dia mesti pula bersedia.

Di amben – di dalam bilik – anaknya sedang nye-

nyak tidur. Ada dua orang anaknya. Mereka masih kecil belaka. Kamal, anaknya yang tua, baru sahaja berumur tiga tahun. Hamid baru pula menjejak dua tahun.

Di dapur, dengan diterangi oleh lampu pelita yang tidak tentu arah tari apinya, isterinya, Saadiah, sedang bekerja. Setiap malam memang demikian sahaja lakunya. Selalunya dari pagi menjejak ke malam, Saadiah tiada putus dengan pekerjaannya. Ada sahaja pekerjaan yang mesti dibuatnya. Saadiah seorang gadis yang berasal daripada keluarga kaya, dikahwininya empat tahun yang lalu. Kerana kasihlah maka Saadiah meninggalkan kekayaan untuk hidup menderita dengan Syamsir. Dan selama empat tahun ini tiada sedikit pun timbul tanda-tanda yang menunjukkan Saadiah terasa kesal hidup dengan suaminya itu.

"Mari makan, bang!"

Syamsir terusik fikirannya. Dia memaling dan mendapati isterinya sedang tersenyum. Walaupun nyata seluruh pakaian isterinya itu tidak teratur dan juga kotor, tetapi cahaya matanya yang sebegitu jernih masih membuktikan bahawa Saadiah adalah cantik orangnya.

"Marilah makan, bang!" Diulangi lagi ucapannya dengan sopan.

"Kamal dan Hamid sudah makan, Yah?"

"Sudah bang. Siang-siang tadi Yah sudah beri mereka makan."

Kedua-dua suami isteri itu makan dengan mesranya. Makanan mereka hanyalah terdiri daripada nasi (bercampur dengan keraknya), sambal belacan dan tiga ekor ikan sepat goreng.

"Dapat kerja yang abang minta itu?" Saadiah menanyai suaminya. Nafasnya berdebar cepat kerana

dia terlalu mengharapkan jawapan yang berisi.

Syamsir kelihatan lesu. Dia menggelengkan kepalanya. Saadiah segera tunduk. Matanya segera terisi dengan air mata hampa. Dia faham bahawa pekerjaan masih tidak ada.

"Abang telah pergi ke tiga buah pejabat hari ini. Semuanya tidak memerlukan orang."

Syamsir membisu seketika, kemudian:

"Masih ada beras lagi, Yah?"

Nasi yang hendak disuapkan ke mulutnya itu segera terhenti. Saadiah menjelaskan:

"Sudah habis, bang. Semalam berasnya sudah habis"

"Habis bagaimana Yah masak hari ini?"

"Yah pinjam beras Mak Cik Bedah empat ling hari ini."

"Mak Cik Bedah bukankah susah juga serupa kita? Mengapa dipinjam darinya?"

"Yah memang tak mahu meminjamnya, tetapi Mak Cik Bedah berkeras suruh mengambil berasnya juga."

Syamsir menggelengkan kepalanya sekali lagi. Hatinya terlalu terharu kerana kebaikan hati jirannya, Mak Cik Bedah itu.

Mereka sama-sama diam. Sejurus kemudian Saadiah merenungi suaminya dengan penuh hati. Suapan nasinya terhenti. Selaku terpaksa Saadiah mengadu:

"Bang."

Syamsir segera merenungi muka isterinya.

"Apa Yah?" tanya Syamsir mesra.

"Bang, Cina kopi datang lagi meminta hutangnya pagi tadi. Dia memarahi Yah kerana tidak membayar hutangnya sekian lama."

Saadiah mendiam seketika.

Syamsir mendengarkan segala apa pengaduan daripada isterinya dengan teliti. Hatinya semakin memberat pilu.

"Yah tak katakan yang abang masih mogok?"

"Yah katakan itu, tetapi dia tidak peduli."

Nasi di pingganinya masih belum habis tetapi Syamsir sudah membasuh tangannya. Melihat ini Saadiah tidak sedap hatinya, lalu bertanya:

"Mengapa abang makan sedikit saja?"

"Tidak ada apa-apa, Yah. Abang kenyang hari ini."

Saadiah membisu. Syamsir bangun lalu menuju ke amben semula. Dia duduk di atas ambennya semula. Matanya terlempar lagi ke atap rumahnya.

Angin mula menokok kekuatan tiupannya sedang langit semakin bertambah pekat hitamnya.

Syamsir menjadi drebar dalam sebuah syarikat. Sudah tujuh tahun dia bekerja dengan syarikat itu. Dan sekarang ini pekerja-pekerja syarikatnya itu sedang menjalankan pemogokan. Mereka menuntut keadaan kerja yang lebih baik serta pendapatan yang lebih berpatutan pula. Dan pemogokan mereka sudah berjalan selama dua bulan lebih. Berapa kali sudah perwakilan daripada Kesatuan Pekerja-Pekerjanya itu menawarkan satu perundingan bertolak ansur dengan pihak syarikat itu, tetapi ternyata pihak syarikatnya masih membatu.

Dalam dua bulan lebih ini banyak juga penderitaan hidup yang telah dialami oleh Syamsir dan isterinya. Barang-barang keperluan hidup sering putus bagi mereka. Tetapi mereka terpaksa meneruskan kehidupannya.

Untuk meneruskan kehidupan banyak sudah barang perhiasan isterinya, juga barangnya sendiri, telah dipajakkan. Dan barang-barang perhiasan isterinya adalah yang paling banyak terkorban. Gelang

tanggannya yang hanya dua pasang, cincin masnya yang sebetulnya serta kain batik kesayangannya yang hanya beberapa helai telah terpajak semua. Sedangkan Syamsir sendiri terpaksa pula mengorbankan jam tangannya.

Setiap hari yang berlalu, barang-barang yang hendak dijadikan korban sedikit bilangannya. Dan tulangnya yang empat kerat itu pula sudah tidak mendapat penghargaan sewajarnya daripada pihak majikan.

Sudah empat kali kesatuannya mengadakan mesyuarat yang besar. Dan sekian kali itu pula Syamsir menghadirinya. Dalam tiap-tiap kehadirannya itu hatinya selalu terisi dengan harapan supaya pemogokan segera dapat berakhir, dan supaya tuntutan kesatuannya yang adil itu dapat pula terisi. Sayang sekali mesyuarat yang sekian kali itu masih terpaksa membawa keputusan yang sama. Azam perjuangan untuk mendapatkan keadilan semakin dibajai, dan pemogokan terus berjalan. Pihak majikan terus membatu.

Dalam mesyuarat yang terakhir, Presiden Kesatuan bangun lagi seperti biasa memberi sedikit kata-kata yang bersemangat dalam bahasa Melayu tetapi berloghat Cina (presidennya memang seorang Cina).

"Kita mesti lawan sampai habit. Kita tak mau kita jadi muacam bulak-bulak. Kita kalija banyak kuat, kita mau alil (adil), kita mesti lawan tulus (terus). Madika!"

"Ini air tehnya, bang." Saadiah meletakkan secawan air teh di atas ambin berdekatan dengan suaminya. Dia masuk ke dalam sebentar. Kemudian keluar dengan membawa bakul jahitannya. Dia duduk berdepan dengan suaminya, lalu memulakan jahitannya.

Batuk Hamid yang berturut-turut segera mem-

bawa Saadiah masuk ke dalam. Dia menepuk anaknya sehingga tidur, kemudian keluar semula meneruskan jahitannya.

"Sudah beransur baikkah demamnya, Yah?"

"Sudah bang, cuma batuknya saja yang masih belum hilang lagi."

"Ubat batuknya masih ada lagi?"

"Ada, tapi hanya tinggal sedikit saja. Cukuplah agaknya untuk tiga kali minum lagi."

Syamsir menghirup air tehnya sedikit. Dia merenungi baju kurung fesyen Johor yang sedang dijahit oleh isterinya.

"Baju siapa yang Yah jahit ini?"

"Baju Kak Som."

"Yang Yah jahit hari itu, baju siapa?"

"Itu baju Rosnah. Baju Kak Som ini Yah hendak habiskan malam ini juga. Kalau boleh Yah hendak menghantarkannya esok."

Syamsir merasa penuh kasihan melihat isterinya yang tidak mengenal jerih untuk membantu dirinya dalam meneruskan perjuangan hidup mereka. Dia penuh berasa untung kerana mendapat seorang isteri yang sebegitu bertimbang rasa dan kenal pula tanggungjawabnya.

"Tidakkah Yah berasa penat bekerja sehari suntuk? Abang lihat Yah tak berhenti-henti kerja dari pagi hingga malam."

"Penat juga, tapi ini sudah memang kewajipan Yah. Dan Yah tetap suka dengan pekerjaan rumah tangga ini. Lagi pula dengan menjahit ini akan dapatlah Yah menolong abang sedikit."

Syamsir diam sebentar. Dia mula merebahkan dirinya.

"Hendak bangun jam berapa besok, bang?"

"Kejutkanlah abang siang sedikit, agak jam lima

begitu. Abang hendak berjumpa Pak Cik Leman. Dia kata di tempat kerjanya ada hendak pakai orang."

"Baiklah."

Hujan turun mencurah-curah. Saadiah tergesa-gesa mengalihkan tempat tidur anaknya. Rumahnya terlalu bocor. Syamsir segera mencari kadbod untuk menutup lubang-lubang atap rumahnya yang bocor itu.

"Kalaulah wang yang tercurah dari lubang atap yang bocor ini alangkah bagusnya," hati Syamsir bersuara sendiri.

Dari sebuah lubang atap Syamsir mendapati bahawa malam terlalu pekat hitamnya. Dan langit malam masih terus tiada berbintang.

Utusan Zaman, 11 Mac 1956

Tiada Lagi Jadi Kebanggaan

HAMIDAH tentulah bangga kerana apabila dilahirkan dia sudah bertitle. Sesudah lahir sahaja namanya ialah Syarifah Hamidah. Dan memang *title* 'Syarifah' ini biasanya menjadi puncak kebanggaan bagi setengah-setengah kaum Hawa kerana menurut mereka *title* tersebut mengandungi penghormatan yang boleh dibangga-banggakan.

Sebenarnya sudah sembilan belas tahun Hamidah menggunakan *title* 'Syarifah'nya itu. Dan selama itu tentu sahaja *title* tersebut menjadi menara kebanggaannya.

Tetapi hal ini tidak tinggal begitu sahaja. Usianya yang kian meningkat membawa perubahan rasa yang baru di dalam hatinya. Pasti hatinya berubah terus. Dan perubahan inilah yang membawa Hamidah melamparkan *title* 'Syarifahnya'.

Pernah pada suatu ketika dalam sepucuk surat untuk kekasihnya dahulu dikatakan: "Midah kesal kerana Midah dilahirkan dengan *title* 'Syarifah' itu. Alangkah bagusnya kalau Midah dilahirkan dengan nama Hamidah saja. Tentulah lebih senang dapat Midah mendampingi kanda; tidak seperti sekarang ini Midah harus menghadapi beberapa persoalan yang tidak mendatangkan keuntungan sama sekali."

Memang ada keinginannya sejak dia anak dara sunti dahulu untuk mendapatkan seorang suami yang *bertitle*, turunan 'Syed' umpamanya. Tetapi keinginannya ini sudah luntur dari hatinya sekarang. Dia sudah tidak lagi mengharapkan lamaran daripada seorang yang berketurunan 'Syed'. Itu tidak perlu baginya. Sudah tetap pendiriannya.

Dahulu memang ditahunya bahawa kahwin dengan seorang yang berketurunan Syed itu bererti mendapat satu penghormatan dan mendapat jaminan untuk hidup bahagia. Kalau berjalan dengan seorang suami yang *bertitle* orang akan menghormatinya. Demikian yang diketahuinya. Dan kalau berumah tangga dengan orang yang sedemikian, barang-barang perhiasan tidak akan kurang. Ini sebahagian daripada kebahagiaan hidup. Dan memang banyak rakannya yang lebih tua daripadanya telah bersuamikan orang-orang yang sedarjat dengan mereka. Enggang sama enggang! Sayangnya, setengah-setengah daripada mereka terpaksa kahwin kerana memelihara darjat sahaja.

Penghidupan rakan-rakannya itu telah juga dipelajarinya. Agak teliti dipelajarinya. Memang benar dilihatnya bahawa rakan-rakannya itu digayuti barang-barang perhiasan yang mahal-mahal – cincin permata intan, loket intan, anting-anting berlian dan gelang tangan mas yang hingga sepuluh pasang banyaknya dan sekali imbas akan kelihatan bahawa yang memakainya itu sesungguhnya berbahagia.

Tetapi, semakin dalam Hamidah mempelajari penghidupan rakan-rakannya itu maka semakin banyak pula rahsia di sebalik gayutan barang-barang perhiasan itu diketahuinya. Rakannya, Syarifah Zari-dah, umpamanya, diperhatikan semakin hari semakin kurus. Begitu jugalah halnya dengan Syarifah

Amnah. Mengapa? Mengapa? Hatinya bertanya.

Suatu hari Hamidah memberanikan diri lalu bertanya:

"Dah, Dah ... mengapa Dah kurus? Dah kan banyak barang-barang perhiasan?"

Syarifah Zaridah memandang tenang kepadanya. Matanya dahulu yang menjawab. Kemudian dia bersuara:

"Barang-barang perhiasan memang banyak, tetapi bukan itu yang menentukan kebahagiaan hidup. Apalah ertinya berumah tangga kalau terkurung saja seperti burung di dalam sangkar emas. Apa ertinya barang-barang ini semua kalau hati selalu tidak tenang?"

Fahamlah Hamidah bahawa rakan-rakannya itu mengalami penderitaan batin. Batin mereka terseksa benar. Dan tahulah Hamidah bahawa apa yang dilihatnya bergayutan di badan rakan-rakannya itu (barang-barang perhiasan yang mahal-mahal) adalah sebagai satu topeng yang menutup segala kesedihan belaka. Satu topeng yang menyembunyikan penderitaan batin rakan-rakannya itu.

Memang Hamidah bukan anak-anak lagi. Dia sudah dewasa dan sudah ada kesanggupan untuk memikirkan tentang kebaikan dan keburukan sesuatu hal. Dia sudah mempunyai fikiran yang waras untuk memikirkan ini semua. Apalagi dia memang tekun membaca buku-buku pengetahuan dan sudi pula bergaul dengan orang-orang yang terhitung di dalam kelas bawah.

Daripada pembacaannya yang mendalam dan pergaulan yang meluas - walaupun mendapat tentangan daripada keluarganya sendiri - banyaklah yang dipelajari tentang kehidupan rakan-rakannya yang terhitung di dalam kelas bawah itu. Dan se-

lalunya dia turut merasakan penderitaan yang dirasakan oleh rakan-rakannya yang kurang bernasib baik itu. Merasakan ini dia segera berasa insaf. Dia semakin mesra dengan orang-orang miskin, kerana didapatinya bahawa pada mereka itulah ada rasa saling bantu-membantu yang sangat-sangat didahagakan oleh masyarakat sekarang ini.

Daripada pergaulannya itu banyak dia menyaksikan perkahwinan rakan-rakannya yang miskin dan yang tidak mempunyai *title* apa-apa. Dan daripada penyaksiannya itu dapat jugalah dia mempelajari sedikit sebanyak tentang kehidupan suami isteri rakan-rakannya yang miskin dan tiada bertitle itu. Lama dipelajarinya dan tahulah dia bahawa apa yang berkurangan dalam kesentosaan hidup suami isteri rakan-rakannya yang miskin dan tiada bertitle itu ialah dalam hal wang sahaja. Tetapi dia berasa senang hatinya apabila dilihat rakan-rakannya itu walaupun dengan tiada mempunyai barang-barang perhiasan yang mahal-mahal dapat mendalami rasa kasih sayang di antara suami isteri. Dan bagi Hamidah memang sejak tumbuhnya rasa ingin ber-suami di hatinya itulah yang sangat-sangat dirindui. Rasa saling sayang-menyayangi di antara suami dan isteri itulah kebahagiaan yang besar baginya.

Sebenarnya dia sendiri pun sudah mempunyai seorang kekasih yang diharapkan dapat hidup di sampingnya hingga ke akhir hayatnya. Kesan daripada pandangannya yang jauh serta dengan ketelitiannya dalam memilih, dia telah menumpahkan kasih sayangnya kepada seorang pemuda yang bukan daripada golongan orang kaya ataupun yang bertitle 'Syed'. Dia mencintai seorang pemuda daripada golongan orang biasa sahaja.

Hamidah memang sudah lama berasa bosan

dengan sikap setengah-setengah keluarganya yang mengagung-agungkan darjah keluarga mereka. Dan kerana itulah dia berusaha meleburkan benteng yang sengaja mahu memihak-mihakkan satu kelompok manusia dengan yang lainnya. Dia memang tidak suka kepada pemihakan yang serupa itu. Baginya manusia adalah sederjah sahaja dan dia faham bahawa segenap kelas-kelas dalam masyarakat ini adalah dibentuk oleh manusia sendiri, sehingga menimbulkan beberapa hal yang tiada adil di dalam dunia ini. Dan memanglah dia benci kepada sebarang hal yang tiada adil. Seluruh hati dibencinya!

Pemuda yang dicintainya itu adalah seorang pemuda biasa sahaja. Pemuda itu tiada mempunyai sebarang *title* dan selain daripada itu dia juga adalah seorang yang terhimpit dalam hidupnya. Walau bagaimanapun Hamidah telah berasa sayang terhadap pemuda tersebut. Seluruh hati disayanginya, tidak adanya *title* dan terhimpitnya hidup pemuda tersebut tidak menjadi benteng yang dapat memisahkan rasa kasih sayang di antara mereka.

Persahabatannya dengan pemuda itu baru sahaja masuk ke tahun yang keduanya. Dan rasa cinta di antara mereka itu baru sahaja lahir – lahir dengan sahnya – dalam tahun yang kedua.

Menerusi surat banyaklah yang dipelajarinya tentang diri pemuda itu. Malah lebih banyak itu dipelajarinya daripada pergaulannya dengan pemuda itu sendiri. Dan dalam pengujiannya yang teliti ke atas pemuda tersebut didapati pemuda itu, walaupun miskin dengan kebendaan, sangat kaya dengan budi bahasanya. Memang kerana itulah timbul rasa kasihnya terhadap pemuda tersebut.

Dan kesan persahabatan itu yang bersopan santun dan persesuaian jiwa yang bertunas di hati

masing-masing inilah yang menimbulkan rasa mesra – rasa kasih. Ini sebenarnya telah lama dibayangkan dalam surat-suratnya yang akhir-akhir ini. Pembayangan rasa kasih ini lekas pula ditangkap oleh pemuda tersebut. Dibalasnya kasihnya, lalu terikatnya tali cinta di antara mereka berdua.

Cintanya yang mendalam terhadap pemuda tersebut telah pula membawa beberapa perubahan dalam dirinya. Sejak mula mencintai pemuda itu dia sudah menunjukkan kerelaan untuk mengorbankan segala apa yang ada padanya bagi pemuda yang dikasihinya itu. Kerana pemuda itu dia sanggup membuang *title* 'Syarifah' yang telah lama menjadi kebanggaan dirinya. Juga kerana itu dia telah sedia membuat beberapa rencana yang kalau berhasil akan memeranjatkan keluarganya sendiri. Benteng kelas dalam masyarakat akan dileburkan!

Selalu benar kekasihnya bertanya sebab-sebab mengapa dia tergamak mengorbankan segala-gala baginya. Dia akan memulangkan semula kata-kata kekasihnya yang berbunyi: Cinta sejati adalah pengorbanan lahir dan batin. Bagi mereka yang benar-benar mencintai seseorang itu mestilah sanggup mengorbankan apa sahaja yang ada padanya – yang lahir dan yang batin sekali!

Utusan Zaman, 25 Mac 1956

Dari Tanah ke Tanah

BEBERAPA ekor agas berterbangan mengelilingi lampu pelita yang terletak di atas sebuah meja yang buruk. Dua ekor daripada agas-agas itu telah kehilangan kepaknya, dan mereka merayap-rayap sahaja di atas meja itu.

Api pelita itu tidak begitu besar. Dan apinya menari-nari lesu oleh tiupan angin yang tidak begitu kuat. Dan ini membuat bilik Hasyim kelihatan samar-samar sahaja.

Di sebelah pelita itu duduk Hasyim. Dia kelihatan bersedih hati. Matanya terlempar ke arah dua ekor agas yang sedang merayap-rayap. Sebenarnya matanya sahaja yang terarah ke sana, sedang pandangnya tidak terpusat kepada agas-agas itu. Mata fikirannya menjalar jauh.

Dadanya kelihatan berombak lambat-lambat. Sekali ditariknya nafasnya kuat-kuat dan dilepaskan pula nafas itu dengan satu keluhan yang mendalam, satu keluhan yang terisi dengan kesalan.

"Mengapa manusia tidak begitu bertimbang rasa?" Hatinya bertanya. Dan pertanyaan ini berulang-ulang kali diucapkan oleh hatinya.

Matanya ditutupinya seketika. Kemudian dibukanya semula. Terasa olehnya bahawa air mata sedang

menyelubungi matanya. Kesedihannya lebih mendalam lagi. Segera kepalanya ditenggelamkan ke dalam dua tapak tangannya. Dan dia teresak-esak.

"Mengapa manusia tidak begitu bertimbang rasa?" Hatinya bertanya lagi.

Ditutupinya matanya lagi. Dan ingatannya menjalar semula ke peristiwa yang berlaku semalam.

"Tuan, bini saya sakit, tuan. Tolong kasi saya cuti. Saya mesti balik. Saya dapat telegram ini hari. Saya mahu balik!"

"Ya, awak boleh balik, tetapi awak punya kerja habis ini hari."

"Habis? Mengapa tuan? Mengapa saya punya kerja habis ini hari?"

"Awak sudah selalu ini macam. Sekejap mak sakit, sekejap bini sakit. Awak fikir saya kayu?"

"Saya tidak bohong, tuan. Saya punya bini sakit kuat."

Dibukanya matanya. Setitik air mata jatuh membasahi meja.

Isterinya sedang sakit di kampung. Isterinya itu sudah lama sakit. Pada masa yang sudah-sudah tidak pernah isterinya itu mengirinkan segala berita dengan telegram. Selalunya dengan surat sahaja. Tetapi semalam dikirimkannya berita dengan telegram. "Kamariah sakit kuat. Balik segera." Demikian isi telegram itu.

Masih terang lagi dalam ingatannya peristiwa semasa dia dihantarkan isterinya ke stesen kereta api dahulu. Waktu itu isterinya sudah sakit. Memang berat hatinya untuk meninggalkan isterinya, tetapi isterinya menyuruh juga dia pergi.

"Yah tidak sakit, bang," kata-katanya itu disulaminya dengan senyuman kasihnya yang jernih.

Wajah isterinya ditatapinya dengan penuh hati.

Dan didapatinya ada air mata tergenang di kelopak mata isterinya itu. Pulu sungguh hatinya. Rasanya hendak dibatalkan pemergiannya itu.

Dan apabila isyarat untuk kereta api berjalan sudah berlalu, mulanya dilihatnya isterinya menangis. Jelas dilihatnya isterinya menangis. Hancur hatinya.

Setitik lagi air matanya menikam muka meja. Dan kali ini tikaman air matanya itu mengenai seekor agas yang sedang merayap-rayap di situ. Agas itu mencuba melepaskan dirinya dari setitik air mata itu. Sayang, tidak berjaya.

Hasyim membesarkan sedikit api lampu pelitanya. Dilihatnya ke arah sebuah sudut biliknya itu. Di sana terletak sebuah beg yang sederhana besarnya. Dia tahu bahawa di dalam beg itu hanya ada beberapa helai baju sahaja. Kebanyakan bajunya itu sudah dikorbankan ke dalam pajak. Dan segala wangnya dihantarkannya kepada isterinya. Dan dengan wang yang dikirimkannya itu diiringkannya juga doanya supaya isterinya itu segera sembuh. Sepenuh hati doanya itu.

Sekarang ini masih ada lagi baju-baju yang boleh dijadikan korban. Jam tangan serta sebarang cincin masih ada lagi. Dan telah bulat hatinya untuk mengorbankan hartanya yang tidak seberapa itu. Dan sudah bulat pula fikirannya untuk pulang menemui isterinya.

Agas-agas semakin banyak. Dan semakin banyak pula yang kehilangan kepaknya. Agas yang dijirus air mata tadi telah pun mati keleemasan. Dilihatnya agas itu. Kaku!

Dicubanya menenangkan hatinya. Sayang tidak berjaya. Hatinya tetap ditusuk pilu. Dan matanya dilihatkannya pula ke arah meja lagi. Sudah banyak

agas yang merayap-rayap dengan tidak tentu arahnya lagi.

Matanya dilelapkannya lagi. Dibukanya semula. Dan bertitisanlah jatuh air matanya. Tiga ekor agas disiram air mata kali ini. Dan semuanya berusaha hendak melepaskan dirinya.

Kenangan Hasyim mengembara lagi.

"Abang tidak boleh diam begini saja, Yah. Kalau abang diam saja di sini, apalah nanti yang harus kita makan?"

Dia diam seketika. Matanya memeluk seluruh wajah isterinya.

"Yah bukan tak tahu, di kampung tidak ada pekerjaan yang dapat menentukan nasib Yah dan ibu. Kita menderita saja. Apalagi sesudah kuatkuasa undang-undang darurat ini. Penghidupan kita semakin terjerat."

Isterinya masih tetap membisu.

"Yah, bagaimana kalau abang ke Singapura ...?"

Segera muka Kamariah terangkat. Mukanya pucat seketika. Kemudian berdarah semula. Tetapi tidak ada jawapan yang dapat dikeluarkannya. Matanya sahaja yang membayangkan kesedihan dan matanya itu juga seolah-olah menjawab:

"Sampainya hati abang."

Isterinya menggigit bibir. Dia tunduk dan air matanya menuruni pipinya.

"Yah, mengapa menangis? Yah tak mengizinkan abang ke Singapura?"

Kamariah mengangkat mukanya. Matanya berkaca. Dan dengan lesu dia menggeleng-geleng. Kemudian menunduk semula dia.

Lama dipujuk isterinya itu. Akhirnya dia berjaya. Dia dibebaskan, tetapi:

"Tapi, abang jangan lupa Yah, ya?"

"Ya, ya, mengapa pula abang mesti lupakan Yah. Abang pergi untuk mencari pekerjaan, untuk kesenangan Yah dan ibu. Bukannya untuk meninggalkan Yah!"

Titik-titik hujan sudah turun. Atap rumahnya ditikami hujan. Api pelitanya semakin tidak menentu tarinya. Api itu seolah-olah di dalam kecemasan juga.

Kenangan Hasyim merayap terus.

"Abang."

"Apa Yah?"

"Abang pergi jangan lama tahu? Sebab"

"Sebab apa Yah?"

Kamariah tidak dapat menerangkan terang-terangan. Didekatkan mulutnya ke telinga suaminya. Dan dengan mesra dia menyuarakan: "Yah mengandung, bang."

"Ah! Yah mengandung?"

Kamariah mengangguk malu.

Kemesraan segera menjalar ke seluruh urat-urat nadi Hasyim. Isterinya yang sudah tiga tahun dikahwininya itu baru inilah mengandung. Besar hatinya. Dan terasa olehnya bahawa sudah ada tali yang erat mengikat perhubungannya. Seorang manusia baru akan mengeratkan lagi perhubungannya dengan isterinya.

"Abang berjanji Yah, abang akan pulang segera. Yah tinggal baik-baik dengan ibu ya!" Pelukannya semakin diertatkan mesra!

Dalam hujan-hujan itu Hasyim mengulangi katanya: "Aku mesti pulang, aku mesti pulang."

Di kampungnya itu penghidupan amat menyedihkan. Lama diharapkan oleh orang-orang kampung agar kampung mereka itu terlepas daripada kongkongan undang-undang darurat. Malang, harapan mereka itu semakin hitam.

Undang-undang ini sudah lama mengikat kehidupan kampung mereka. Sudah sering mereka terhukum. Dan sudah pernah juga Hasyim terhukum. Dan dia benci kepada undang-undang yang men-cengkam itu.

"Benar Yah, abang sudah tak tahan lagi di sini. Yah fikirilah, sanggupkah Yah melihat orang-orang kampung yang sekejap-sekejap terhukum, padahal apa sajalah kesalahan mereka? Mereka membawa seketul dua ubi kayu dan keledak untuk makanan mereka. Tapi kerana itu pula mereka dihukum. Haruskah mereka berlapar-lapar semasa menoreh getah itu?"

"Nak diapakan, bang. Itu undang-undang. Kita tidak boleh menentangnya."

Hujan merajalela. Suara Hasyim masih juga terdengar: "Aku mesti pulang esok. Aku mesti pulang."

Pagi.

"Mak cik, tolong tengok-tengokkan bilik saya ini. Saya hendak pulang ke kampung hari ini. Kalau ada surat-surat datang nanti tolonglah mak cik simpankan. Dan kalau ada surat telegram mak cik bukalah dan tolong kirimkan beritanya kepada saya."

"Hai, kenapa pula terkejut saja engkau hendak pulang ke kampung?"

"Saya terpaksa mak cik. Yah sakit kuat."

"Yah sakit?"

"Ya, mak cik."

"Baiklah, Syim. Mak cik tengokkan bilik engkau dan jangan lupa sampaikan salam mak cik kepada Yah dan ibu engkau."

"Insya-Allah."

Petang itu ada telegram datang. Dan kerana sudah diwakilkan Mak Cik Munah pun membuka telegram itu. Terperanjat dia. Matanya terbeliak mulut-

nya setengah terbuka. Yang dilihatnya ialah:

"Kamariah meninggal. Anak selamat. Pulang segera."

Utusan Zaman, 8 April 1956

Sebuah Bangunan Tiga Tingkat

HATINYA berdebar sahaja. Saat yang ditunggunya itu sudah hampir tiba: Hanya lagi 15 minut.

Sebenarnya sudah lama dia sampai ke tempat itu. Satu jam sudah sampainya itu. Dan untuk menghabiskan masanya itu dia berpusing-pusing sahaja di sekeliling tempat itu. Untuk berdiri sahaja di situ memang dia tidak senang.

Matanya sering dilemparkannya ke bangunan yang di seberang jalan itu. Bangunan itu tiga tingkat. Dan matanya merayapi ke seluruh bangunan tersebut. Dia tertanya-tanya – dalam hatinya sahaja – tingkat manakah yang seharusnya ditujunya nanti? Dan dia tidak dapat menjawab pertanyaan itu sendiri.

Bangunan yang tiga tingkat itu kelihatan baru sahaja diperbaharui. Pada tiap-tiap tingkatnya itu ada papan nama yang besar menghiasinya. Papan-papan nama itu berlainan warna dan jenisnya. Ini menambahkan kegagahan bangunan itu. Dan di sebelah kanan dan kiri bangunan itu terdiri pula bangunan-bangunan yang lainnya. Bangunan-bangunan itu kurang indah dan papan-papan namanya pun kurang besar dan kurang gagah.

Karim – demikian nama orang yang sedang berdebar-debar hatinya itu – berhenti seketika. Dia berhenti betul-betul bertentangan dengan bangunan yang mahu dinaikinya itu. Matanya tertumpu kepada motokar-motokar yang sedang berhenti berderet di tepi bangunan tersebut. Macam-macam jenisnya motokar-motokar itu. Dan di hujung sekali – di sebelah kanan – terhenti pula sebuah lori yang besar. Di atasnya berdiri dua orang tegap yang berleenggang menolong menaikkan peti besar yang sedang diangkat oleh seorang yang lainnya. Di atas lori itu sudah pun ada terisi dengan beberapa peti besar juga. Dan entah apa yang terisi di dalam peti-peti itu tidaklah Karim maklumi.

Di hadapan bangunan yang direnunginya itu ada terhenti sebuah motokar jenis De Soto. Motokar itu panjang dan berkilat-kilat pula kerana ditikami cahaya matahari. Dan di belakang motokar itu – di luarnya – kelihatan ada seorang yang setengah umur sedang membongkok. Di tepi kakinya terletak sebuah baldi dan di tangannya pula ada kain kuning. Orang itu sedang membersihkan kereta besar itu!

Selang tidak berapa jauh dari motokar itu ada pula terhenti sebuah motokar yang sejenis itu juga. Warnanya sahaja yang lain: Hijau muda. Dan di dalamnya – di sebelah hadapannya – kelihatan drebarnya sedang bersandar. Di hadapannya terbuka lebar beberapa kepingan surat khabar. Dia sedang enak membaca!

Karim kegelisahan lagi. Dia lalu berjalan. Tetapi baru sahaja separuh jalan dia terlihat orang berkumpul di kaki lima yang tidak berapa jauh darinya. Dia menuju ke sana. Dan didapatinya orang yang ramai – lima orang – itu sedang mengelilingi seorang tukang tilik nasib. Tukang tilik nasib itu duduk bersila

di atas sehelai tikar kecil. Di hadapannya di atas sehelai kain putih yang bersih – terletak tiga buah buku yang agak tebal. Dan di sebelah kanan buku-buku itu terbentang sebuah gambar lukisan; gambar beberapa buah tapak tangan dengan urat-uratnya sekali. Urat-urat itu ada pula diiringi nama-namanya. Ganjil-ganjil.

Tukang tilik nasib itu mendongak. "Tengok nasib?" Dia bertanya. Dua orang pemuda yang beruniform kuning dan bersongkok hitam berpandangan sesama sendiri. Mata mereka seolah-olah sama-sama mengajak. "Mari kita cuba tengok nasib kita!"

Gelisah hati Karim. Dia berlalu. Tempatnya dipenuhi pula oleh seorang lain. Dia berjalan dan kemudian melihat jam di sebuah kedai kopi. Sudah pukul 10. Sudah masanya. Dirabanya saku seluarnya. Terasa masih ada surat dalam sakunya itu. Dia melangkah longkang dan sedia pula untuk melintas ke seberang jalan. Banyak kenderaan yang berlalu lintas di situ. Jalan raya bandarlah katakan! Dia menanti. Kemudian melintas. Di hadapan muka tangga bangunan itu dia berhenti lagi. Dikeluarkannya surat dalam sakunya itu. Dilihatnya surat itu. Betul, itulah tempatnya!

Dia menaiki tangga bangunan itu dengan hatinya yang penuh mengharap. "Baiklah nasibku hendaknya," demikian hatinya meminta. Dan dia terus menaiki tangga itu. Sampai ke tingkat satu dia berhenti. Di tepi tangga itu ada terduduk seorang yang beruniform khaki. Dia bertanyakan sesuatu kepada orang yang beruniform khaki itu. Orang itu menunjukkan ke arah atas.

"Tingkat tiga, ya?" Karim meminta kepastian.

Orang itu mengangguk. Karim naik lagi.

Di tepi tangga tingkat yang ketiga itu pun ada

seorang yang beruniform. Warna *uniform*nya sahaja yang berlainan. Karim bertanyakan sesuatu kepadanya pula. Orang itu menunjukkan ke arah sebuah bilik. Bilik-biliknya sederet panjang.

"Yang hujung sekali, ya?"

"Bukan. Yang nombor empat."

"Terima kasih."

Melalui bilik-bilik yang sederet itu, Karim mendengar bunyi ketikan *typewriter* yang berlawan-lawan cepatnya. Bunyi *typewriter* diselangi pula dengan bunyi orang batuk. Dan dari bilik hujung – entah bilik ke berapa – terdengar telefon berdering. Karim menuju ke bilik nombor empat.

Karim mengetuk pintu bilik nombor empat itu.

"*Come in,*" suara besar mempelawa dalam bahasa Inggeris.

Karim menolak daun pintu yang berspring itu, lalu masuk.

Bilik yang dimasukinya itu tidak besar. Alat-alat di dalamnya tidak banyak. Yang ada cuma dua buah almari besi, dua buah meja – yang sebuah besar dan yang sebuah lagi kecil – tiga buah kerusi dan sebuah bakul sampah. Di atas meja yang besar itu bersusun buku-buku dan beberapa buah fail. Di sebelah sudut kanannya terletak sebuah telefon. Di atas meja yang kecil itu pula terletak beberapa buah fail dan sebuah *typewriter*. Dan bilik itu "disejuki" oleh sebuah kipas angin – kipas angin gantung – dan diterangi oleh sebuah lampu neon yang panjang.

"Ya, awak mahu apa?" tanya seorang yang berbadan besar dan gemuk. Orang itu duduk menghadapi meja yang besar itu.

Karim segera mengeluarkan surat dari saku se luarnya. Dengan hormat dia menghulurkannya kepada orang yang gemuk itu. Orang itu mengambil dan

mengeluarkan surat dari sampulnya. Dibacanya surat itu. Belum pun habis dia membacanya dia telah diganggu oleh deringan telefon. Dia mengangkatnya dan terus bercakap. Matanya terbeliak seketika, menandakan kehairanan, kemudian segera dia ketawa. Dia meletakkan telefon itu lalu melemparkan pandangannya ke arah seorang gadis muda dan cantik yang sedang mengetik sesuatu di meja sebelahnya. Dia mencakapkan sesuatu kepadanya. Gadis itu memberikan sebuah senyuman yang manis kepadanya pula. Hanya Karim terpaku bisu.

Tuan itu membaca surat Karim semula. Dan:

"O, awak mahu kerja?"

"Ya, tuan," jawapan Karim terlalu sopan.

"Mahu jadi apa?"

"Apa pun boleh tuan. Tuan kasi sajarah apa kerja yang patut."

"Awak pas berapa?"

"Pas lima Sekolah Melayu, tuan."

Tuan itu memandang gadis manis yang di sebelahnya itu lagi. Dia mencakapkan sesuatu yang tidak dapat difahami oleh Karim. Karim memang buta bahasa Inggeris. Mereka sama tergelak. Karim resah hatinya.

"Pas lima Sekolah Melayu saja?" Tuan itu mengulangi. Dan surat yang di tangannya itu diletakkan di atas meja. Jari telunjuk tangan kanannya mengusik-usik tengah kepalanya yang hampir botak. Dia mengigit bibirnya. Dahinya dikerutkannya pula seolah-olah memikirkan sesuatu.

"Err, dulu awak ada pernah kerja?"

"Pernah tuan."

"Kerja apa?"

"Jadi drebar, tuan."

"Drebar? Habis apa pasal awak berhenti?"

"Saya punya tuan balik negeri, tuan."

"Sudah lama awak berhenti?"

"Baru tiga bulan, tuan."

Tuan itu berhenti menggaruk kepalanya. Dia memegang surat yang di atas meja itu semula. Dan dia meminta sesuatu dari gadis yang muda itu. Gadis itu menghulurkan sekeping kertas.

"Saya boleh kasi awak kerja, tapi awak mesti isi ini *form* dulu. Awak mesti ikut dia punya *rule*. Awak mahu itu macam?"

Karim terdiam seketika. *Form* yang dihadapinya itu tertulis dalam bahasa Inggeris. Karim tidak faham. Aturan-aturannya pun tertulis dalam bahasa Inggeris. Dia memberanikan hatinya untuk bertanya. "Apa dia punya *rule*, tuan?"

"Itu *rule* tak ada susah. Ini macam saja. Awak isi ini *form*. Sudah awak isi ini *form* nanti saya carikan awak punya kerja. Dan bila awak dapat kerja, awak mesti bayar pada saya 20 persen daripada awak punya gaji. Awak kena bayar satu kali saja. Apa macam sekarang? Mahu tidak?"

Karim terdiam lagi. Di kepalanya berdengung pertanyaan. "Mesti bayar 20 persen?" Pertanyaan ini dikalahkan oleh bayang-bayang wajah anak-anak dan isterinya di rumah. Mereka sedang mengharapkan sesuatu darinya. Dan ini segera membawa Karim menjawab: "Boleh tuan, saya mahu!"

"Bagus. Tapi sebelum awak isi ini *form*, awak mesti bayar lima ringgit dulu."

"Kena bayar lima ringgit dulu, tuan?"

"Ya, semua orang kena bayar juga. Bukan awak seorang."

Karim tidak berdaya menjawab. Kekecewaan segera membanjiri hatinya. Di sakunya tidak ada wang sejumlah lima ringgit. Dia cuma ada seringgit

lebih. Itu sahajalah.

"Mahu tidak? Jangan takut, awak tentu ada nasib baik kalau awak isi ini *form*."

Karim teringatkan tukang tilik nasib yang di kaki lima tadi. "Nasib baik?" Kepalanya terusik.

"Ss ... satu ringgit boleh tidak, tuan?"

"Satu ringgit?" Tuan itu segera memandang gadis manis yang di sebelahnya itu. Gadis itu membalas pandangannya. Mereka bertukar senyum. "Satu ringgit mana boleh? Semua orang kena bayar lima ringgit."

"Saya tidak cukup duit, tuan." Karim mengaku.

"Tak cukup duit. Tidak apa lain kali bila awak ada duit awak boleh datang. Saya tunggu."

Kekecewaan langsung menyelubungi hati Karim. Wajah anak-anak dan isterinya yang sedang mengharapkan sesuatu yang berisi darinya itu jelas terbayang di matanya. Dia benar-benar luka.

Karim menuruni tangga bangunan yang tiga tingkat itu dengan lesunya. Peon-peon yang berada di tepi tangga tiap-tiap tingkat bangunan itu meregunya apabila dia melewati mereka. Mereka tahu bahawa Karim kehampaan. Dari air mukanya mereka tahu.

Karim menyeberangi jalan. Dilihatnya drebar yang membersihkan motokar De Soto dan yang membaca surat khabar itu masih lagi dengan tugas masing-masing. Dua orang kuli yang di atas lori itu pun dilihatnya masih bekerja. Dia sahaja yang kehampaan.

Di pandangnya bangunan yang tiga tingkat itu. Megah berdirinya. Papan-papan nama warna-warni yang menghiasi bangunan itu terlalu indah. Dan kereta De Soto yang berhenti itu pun tetap berkilat-kilat oleh tikaman cahaya matahari. Ah, semuanya

megah di situ! Bandarlah!

Karim terus berjalan. Di kepalanya masih jelas wajah tuan gemuk yang botak tengah itu. Dan suara itu masih terang memenuhi telinganya. "Awak mesti bayar lima ringgit dahulu. Awak mesti bayar 20 per-sen daripada gaji awak. Tidak banyak. Cuma satu kali saja."

"Satu ringgit boleh, tuan?" Dia ingat dia meminta demikian.

Dan terang dapat digambarkannya bagaimana tuan gemuk dan gadis muda itu mentertawakannya.

Utusan Zaman, 24 Jun 1956

Pengalaman di Sebuah Rumah Sakit

ORANG telah ramai menduduki bangku-bangku yang tersusun berbaris-baris itu. Di hujung sekali, berdekatan dengan bilik yang bernombor dua, duduklah beberapa orang wanita. Separuh daripada mereka dengan anak-anak kecilnya. Di bahagian tengah bangku-bangku yang tersusun itu, duduklah pula beberapa orang wanita lain yang rata-ratanya bersama anak-anak kecilnya. Dan di bahagian yang hampir dengan bilik mendaftar nama orang yang sakit baru, duduklah beberapa orang lelaki yang terdiri daripada beberapa bangsa. Kesemua orang yang menantikan kedatangan doktor dan menantikan gilirannya untuk menemui doktor itu kelihatan dalam keadaan yang susah belaka!

Wak Lemau duduk di tengah-tengah orang lelaki yang banyak itu. Dia gelisah benar nampaknya. Matanya sering berputar dari meja hujung – meja yang berdekatan dengan bilik yang bernombor dua – ke meja yang berdekatan dengan bilik mendaftar nama orang-orang sakit yang baru.

Di bangku, berdepan dengan meja yang di hujung sekali itu, dilihatnya ada terduduk tiga orang. Dua daripada orang yang duduk itu adalah *nurse* dan attendannya. Mereka itu sedang sibuk mendaftarkan

nama wanita-wanita yang sedang menghadapi penyakit kepala, dada, perut, tangan dan kaki. Ketigatiga orang yang berdepan dengan meja itu kelihatan garang sahaja.

Di bangku tengah pula terduduk tiga orang pendaftar nama yang lain. Seorang daripada mereka adalah *nurse* dan dua orang daripada mereka pula ialah orang lelaki. Mereka ini pun sedang mendaftarkan nama anak-anak yang sedang sakit.

Di bangku hujung berdepan dengan meja yang agak besar sedikit, terduduk dua orang sahaja. Mereka ini duduk betul-betul berdepan dengan Wak Leman. Kedua-duanya itu lelaki. Mereka ini didapatinya lebih bengis lagi daripada pendaftar nama di meja yang berdekatan dengan bilik nombor dua dan tengah itu. Mereka sedang mendaftarkan nama orang-orang sakit lelaki.

Wak Leman tidak gemar benar dengan gelagat orang yang mendaftarkan nama orang-orang sakit itu. Didapatinya orang itu semuanya betul-betul kurang sopan. Mereka selalu benar marah-marah serta menengking-nengking orang-orang yang terketar sakit itu. Kemarahan Wak Leman terhadap orang yang kurang sopan itu ditenggelamkan sahaja di dalam dadanya. Dia tahu bahawa dia tidak berkuasa untuk berbuat apa-apa di tempat itu.

Wak Leman terusik fikirannya apabila seorang Cina tua, agak-agak empat puluh tahun umurnya datang duduk di sebelahnya. Cina tua itu kurus dan dia terbatuk berterus-terusan. Dari saku bajunya, apik tua itu mengeluarkan tualanya yang sudah hitam. Dia segera menutup mulutnya dengan sapu tangan itu.

"Apa fasal, apik?" tanya Wak Leman dengan rasa mesra.

"Wa banyak sakitlah. Sutak satu bulan wa batuk. Pigi loktor amek ubat tidak baik. Aha, ini macam banyak susah!"

Wak Leman mengangguk sahaja. Dia tahu bahawa rakan barunya itu menghidap sakit batuk; mungkin batuk kering, fikirnya. Untuk lebih memesrakan hubungannya itu, maka Wak Leman lanjut menanya:

"Apa lu tatak pigi sana? Sana tempat batuk."

"Sana wa sutak pigi. Sutak amek gambak. Loktor bilang gua bukan tibi. Loktor suluh wa latang sini."

Wak Leman mengangguk lagi. Dia memerhatikan muka rakan barunya itu. Cengkung benar. Dan di-intainya juga dada kawan barunya itu. Nampak tulang-tulangnya.

"Lu sutak amek lumbor?" Wak Leman menanyai apik itu.

"Lumbor apa?" tanya Cina itu, kerana tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Wak Leman.

"Lumbor mahu jumpa doktor! Ini macam punya lumbor," kata Wak Leman sambil menunjukkan kadnya yang bernombor.

"Oh, wa belum amek. Mana amek, kawan?" Apik Cina itu menanya.

"Sana, itu lekat kelani," jawab Wak Leman sambil menunjukkan kerani lelaki dua orang yang sedang berlagak sibuk itu.

Apik itu bangun dan dengan terbatuk-batuk pergi ke meja kerani yang sedang berlagak sibuk itu.

"Encik!" Apik itu memulakan, "Wa mau amek lumbor, mau jumpa loktor."

Seorang daripada kerani yang berlagak sibuk itu mengangkat mukanya. Matanya liar memandangi apik tua itu.

"Mau apa?" Dia bertanya kasar kepada orang Cina yang tua itu.

"Mau lumbor, mau jumpa loktor, encik," jawab apik itu dengan terketar.

"Apa sakit?" pertanyaan kerani yang berlagak sombong itu melancar keluar.

"Wa batuk, encik," jawab apik itu tertunduk-tunduk.

"*Tengki u bo?*" Kerani itu menanya apik itu dalam bahasa Cina.

"*Tengki, ha?*" Apik itu meminta kepastian kerana dia kurang dengar.

"Yalah! Apa takda dengarkah," jawab kerani itu dengan kasar.

"*U, holah,*" jawab apik dengan iringan senyum yang terpaksa dibuatnya untuk memelihara hati kerani yang dilihatnya garang itu.

"Kasi keluar lakat," hukum kerani itu.

"*Ho lah, ho lah,*" menjawab apik itu sambil terketar-ketar mengeluarkan kad pengenalnya. Dalam ketarannya itu Apik itu terbatuk. Batuknya itu memanjang dan ini mengganggu kerani yang berlagak sibuk itu.

"Hei, pigi sana batuklah. Sini jangan batuk!" Marah kerani yang sedang mendaftarkan nama seorang yang sakit.

Apik itu terangguk-angguk lagi lalu berkata dalam batuk-batuknya itu:

"Baik encik, baik encik!"

"Lakatlah kasi *tengki!*" Kerani yang sedang menunggu itu membentak lagi.

"Baik encik," jawab apik Cina itu. Batuknya bertunas semula.

Dengan terketar-ketar dikeluarkan kad pengenalnya dan menghulurkannya kepada kerani yang dilihatnya sedang menantikan kadnya itu. Kad yang dihulurkannya itu berlipat-lipat. Kerani melihat de-

ngan mata yang garang. Kebengisan itu semakin ditunjukkannya dalam menyuarakan:

"Hei, bukak ini *tengki*. Apa ini macam banyak kotor sekali!"

"Wa bukak, encik! Wa bukak encik," kata apik tua itu sambil mengambil kadnya untuk dibukanya. Sesudah dibukanya diletakkannya semula ke meja kerani yang hendak mendaftarkan namanya itu.

Kerani itu melihat kad pengenalannya itu. Nyata dia kurang senang melihat kad pengenalan itu.

"Apa ini macam kotor? Nama tatak nampak. Kasi lu punya nama lakat!"

"Wa punya nama ya encik?" tanya apik itu kerana meminta kepastian lagi.

"Yalah!" Kerani itu menengking lagi.

"Wa nama Lim Chong Englah."

Kerani itu menulis di atas sekeping kad dan mengisi butir-butir penerangan yang selanjutnya. Sedang menulis itu, kerani itu terhenti lagi. Didekatkannya matanya ke kad pengenalan yang telah kabur tulisannya itu. Kemarahannya naik kembali.

"Lu mana keleja?"

"Wa keleja sampan, encik."

Kerani itu lanjut menulis. Sesudah menulis segala butir-butir penerangan yang diperlukannya itu dia pun memberikan beberapa keping kad dan sekeping kadbod kecil empat persegi yang bernombor kepada apik tua itu.

"Ambil ini, pigi tunggu sana! Nanti gua panggil nombor lu boleh masuk jumpa loktor."

"*Holah*, encik. Tabiklah encik!" Apik itu memberi hormat.

Apik itu berlalu ke tempatnya yang mula-mula tadi. Dia memandangi Wak Leman lalu tersenyum. Melopong sahaja senyumannya itu. Giginya banyak

yang sudah terjatuh.

"Wah banyak susah kawan, banyak susah! Itu kelani banyak sombong. Olang tua lia tatak peluli. Ini macam *bo* babutlah."

Wak Leman mengangguk, tanda setuju. "Ya ini kelani banyak sombong. Olang sakit lia lagi mau malah. Ini macam tada patut."

Apik itu duduk semula di bangkunya. Dia memasukkan nombor yang didapatnya itu ke dalam sakunya dan matanya mula memandang ke arah kerani yang sedang berlagak sibuk itu. Orang-orang yang banyak yang hendakkan nombor itu dilihatnya mulai berkerumun mengelilingi meja kerani itu. Kebanyakannya dari mereka menghulurkan kad pengenalan mereka.

Sebentar kemudian kerani yang terkerumun itu bangun. Matanya sengaja dibeliakkan. Dan dengan suara yang penuh menengking dia memulakan:

"Hai, pigi duduklah semua olang. Jangan sini berdiri. Tak taukah olang banyak kerja? Pigi sanalah, bodoh!"

Seorang atendan yang berdekatan dengan kerani itu cuba membantunya dengan berkata:

"Yalah, semua pergi duduk lekat. Apa sini datang? Sini bukan ada daging. Pigi duduk. Lu olang sini, kelani banyak susat mau tulis. Aiya, ini olang Asia banyak susat sekali. Satu kali cakap, tada harti!"

Kerani yang berdiri itu menyambung.

"Pigi duduklah. Apa lu olang tada hartikah kita punya cakap!"

Orang-orang yang mengelilingi meja itu semuanya mulai undur. Mereka undur perlahan-lahan kerana mereka ingin mendapat nombornya lekas.

Wak Leman nyata tidak sedap memandang gelagat kerani yang terlalu kasar itu. Wak Leman memaman-

dang muka kawan barunya itu. Apik Cina itu menggelengkan kepalanya.

"Ini macam *bo ho* – lah. Kita sama-sama susat. Ini macam *bo holah*."

"Ya, ini macam tada baik!" Wak Lemman membenarkan kata rakan Cinanya itu.

Mata Wak Lemman mengarah ke kerani itu pula. Hanya sebentar, matanya itu terarah kepada seorang *sister* bangsa Inggeris yang sedang hendak ke meja kerani itu. Wak Lemman segera tahu mengapa kerani itu cuba hendak menengking-nengking itu. Rupa-rupanya dia hendak menunjukkan betapa sibuknya dia kepada *sister* yang berkuasa di tempatnya itu.

"Rama, apa macam, banyak orang ini hari?" tanya *sister* orang putih itu kepada kerani India yang pura-pura sibuk itu.

"Ya mem, banyak orang. Ini orang tak tau *rule*. Saya suruh dia orang duduk, dia orang datang sini juga. Orang Asia tak tau *rule* sekali!" jawab kerani itu dengan bangganya.

Wak Lemman meluat melihatkan kerani itu. Wak Lemman benci melihatkan kerani yang cuba hendak membusukkan orang lain kerana hendak menonjolkan kesibukannya itu.

"Ya, jangan kasi orang banyak dekat meja. Suruh dia orang duduk. Panggil dia orang satu-satu," hukum *sister* orang putih itu, lalu pergi ke meja yang tengah itu pula.

Atendan yang berada berdekatan dengan kerani itu berasa bangga sama kerana berada di depan kerani itu, semasa *sister* itu bercakap tadi. Dia tersenyum-senyum kambing. Tetapi matanya segera terbeliak semula apabila dilihatnya orang-orang mulai hendak merapati meja kerana hendak segera mendaftarkan nama mereka itu.

Dia menjeling ke arah *sister* yang sedang bercakap dengan *nurse* di meja tengah itu, kemudian meninggikan suaranya lalu memarah.

"Hei, semua orang pigi duduklah. Apa tada harti basakah?"

Dia segera merapati orang-orang yang mula hendak mengelilingi meja itu sambil menolak mereka.

"Pigilah, pigilah!" Dia melanjutkan.

Seorang India yang tergaol dalam kumpulan itu berasa tidak puas hati dengan gelagat atendan yang agak terlalu kasar itu. Dia segera bersuara:

"Hei, encik, ini macam jangan bikinlah. Ini macam kuat-kuat tolak tada baik, tau? Sini olang semua sakit, kalau jatuh banyak susah. Sikit cakap sudahlah."

Atendan itu menumpukan pandangannya kepada orang India yang bercakap itu. Berangnya jelas bertambah lalu dia meletus:

"Hei, ane! Lu jangan cakap banyak tau. Lu orang tada arti mesti kita tolak. Sana pigi semua. Sana pigi!"

Orang India itu tidak kuasa menjawab selanjutnya kerana dia tahu bahawa tidak ada guna menjawabnya. Orang-orang yang kena marah itu semuanya berundur ke belakang. Kebanyakan daripada mereka merungut. Seorang daripada yang banyak itu, kerana terlalu panas, bersuara: "Kita macam lembu."

Wak Leman dan apik Cina itu berpandangan sama sendiri semula. Mereka sama-sama melahirkan ketidakpuasan mereka itu melalui mata masing-masing. Kemudian mereka sama-sama menggelengkan kepala masing-masing.

Bangku-bangku di depan mereka yang tadinya kosong itu telah mulai dipenuhi orang yang kena halau seperti lembu itu. Mereka yang kena halau itu duduk dengan kegelisahan menggayuti di hati mereka.

Di depan bangku Wak Leman duduklah orang India yang bersuara itu tadi. Dia menoleh ke belakang. Dilihatnya Wak Leman tersenyum. Dia membalas senyum, lalu bersuara:

"Ini olang, ini macam tada baiklah. Kita semua sakit, dia ini macam bikin. Itu macam ada patutkah?"

Wak Leman dan apik Cina itu menggelengkan kepala mereka. Dan Wak Leman menambahkan: "Sini dia olang rajalah!"

Dari meja hujung berdekatan dengan bilik bernombor dua itu kedengaran sedikit keriuhan. Seorang *nurse* dengan seorang wanita yang sakit sedang bertengkar. Suara *nurse* yang kecil tetapi nyaring itu jelas kedengaran:

"Berapa kali saya mesti teriak sama awak? Apa awak tidak dengarkah?"

"Bukan tidak dengar, *nurse*. Saya punya anak mau kencing. Saya hantar dia kencing."

"Lain kali sini tunggu. Saya panggil awak mesti lekas datang! Ada harti?"

"Kalau saya punya anak mau kencing, apa macam?"

"Sudah diam, awak jangan banyak cakap. Ambik ini nombor!"

Wanita yang sedang mengendong anaknya itu tidak membantah lagi. Dia segera mengambil nombor yang diberikan oleh *nurse* itu kepadanya. Dia pergi ke tempat duduknya semula.

"Haiya! Anak mau kencing pun tak boleh. Apa macam! Ini *nurse* tatak hotak punya olang," kata apik itu. Wak Leman mengangguk-anggukkan kepalanya dan orang India yang berada di depan mereka itu berkata.

"Ini olang mana ada hati dia. Semua olang salah juga."

Seorang *nurse* yang duduk di meja tengah itu bangun, lalu berjalan menuju ke meja yang berdekatan dengan tempat Wak Leman dan kawan-kawannya duduk. Tiba di depan meja itu, *nurse* itu pun bersuara:

"Apa macam Rama, *very hard working?*"

"Oh, Nancy! *Yes*lah. Kepala pusing, *men!* Ini orang semua tak tau *hard. Very hard?*"

"Sana lagi *horrible, men! Sometimes I* marah dia orang semua!"

"Mau pigi mana, Nancy?"

"Eh, *tea time*, da!"

Kerani itu segera menutupkan buku yang terbuka di depannya itu. Dia menyelitkan *fountain pen*nya di saku bajunya lalu beredar bersama *nurse* Nancy.

Seorang yang masih ada di depan meja itu segera hendak mengeluarkan kad pengenalannya kepada seorang kerani yang masih menulis itu.

"Encik, saya mahu *register*. Encik, saya mahu jumpa doktor," kata orang itu.

Kerannya segera memandangi ke arah orang itu lalu berkata:

"Pigi duduk dulu. Sekarang *tea time*. Nanti jam sebelas!"

Kerani itu bangun lalu berlalu.

Wak Leman berpandangan dengan apik Cina itu. Orang India di depan mereka itu pula menoleh ke belakang. Mereka ketiga-tiganya menggelengkan kepala masing-masing.

"Lia olang cakap kita tatak hadat. Itu tatak apa, kita olang semua tatak sekolah tinggi. Lia olang lagi tatak hadat. Itu tatak baiklah; lia olang pigi sekolah tinggi," kata apik Cina itu.

"Itu betul apik," bersuara orang India itu pula. "Ini orang semua pigi sekolah tinggi saja. Dia olang tada

belajar hadat."

Wak Leman mengangguk dengan iringan senyum. Dia membenarkan kata rakan-rakan yang senasib dengannya itu. Dan mereka sama-sama menunggu tibanya jam sebelas.

Utusan Zaman, 16 September 1956

Dari Tingkap Sebuah Bangunan

DARI tingkap sebuah bangunan saya memandang keluar. Saya berada di bangunan tersebut bukanlah kerana saya bekerja ataupun tinggal di situ, tetapi kerana ingin bertemu dengan pengurus sebuah kompeni. Saya hendak meminta pekerjaan.

Pemandangan dari bangunan itu sesungguhnya indah. Dari tingkap tersebut dapat saya melihat sebuah padang – berhadapan dengan bangunan di mana saya berada – sebuah jalan raya yang sibuk dengan kenderaan, dua buah traktor yang sedang meratakan tanah di tepi laut serta beberapa buah kapal yang sedang berlabuh di tengah laut dengan malasnya.

Memang sudah lama saya menunggu pengurus itu, tetapi belum juga berpeluang untuk menemuinya. Kata seorang peon di situ, pengurusnya sedang sibuk benar dengan urusannya. Dan sambil menunggu itulah maka saya lemparkan pandangan saya ke luar.

Saya lemparkan pandangan saya ke arah beberapa ekor burung yang sibuk berterbangan di atas padang itu. Burung-burung itu sedang mencari makan. Mereka mencari ulat untuk habuan perut mereka. Dan saya dapati mereka giat benar men-

carinya. Iri pula hati saya apabila melihat burung-burung yang kecil itu berkicau-kicau ria semasa mencari makanannya itu. Nyata benarlah mereka tidak payah bersusah seperti saya ini. Dengan tidak mempunyai sebarang diploma atau *certificate* mereka dapat mencari makan. Dan senang pula mereka mencarinya. Inilah yang mengirikan hati saya!

Sudah enam bulan saya tidak bekerja. Dan ini bermakna sudah enam bulan pula periuk nasi saya terancam. Kalaulah periuk nasi saya seorang memanglah tidak begitu saya susahkan. Tetapi periuk nasi saya itu adalah untuk lima orang. Jadi, terancamnya periuk nasi saya itu bermaknalah terancamnya perut lima orang. Dan kerana inilah maka saya terlalu risau.

Sudah puas saya berikhtiar untuk mendapatkan pekerjaan. Boleh dikatakan saban hari saya mencarinya. Tetapi hasilnya selalu sama. Tidak ada pekerjaan buat saya, kerana kerja yang kosong itu selalunya memerlukan *certificate* sekolah Inggeris. Saya hanya mempunyai *certificate* sekolah Melayu. *Certificate* sekolah Melayu itu memang payah hendak menjamin sebarang kerja.

"Kadang-kadang hati saya menjadi geram apabila melihatkan *certificate* saya itu. Rasa saya hendak saya jadikan kertas pembungkus belacan sahaja!

Walau bagaimanapun saya faham bahawa bukanlah *certificate* itu yang bersalah. *Certificate* hanyalah sekeping kertas pengakuan sahaja. Yang salah ialah pengakuan yang tertulis di atasnya. Pengakuan yang tertulis di atas *certificate* saya itu menyatakan bahawa saya lulus darjah enam sekolah Melayu dengan memperoleh pangkat yang kedua. Itu sahajalah yang tertulis di atasnya: Tidak lebih dan tidak kurang daripada itu.

Pengakuan ini tidak berjaya menolong saya dalam mendapatkan pekerjaan. Ini ternyata benar, kerana sudah enam bulan saya mencarinya, tetapi belum juga berhasil.

Mengapa pengakuan itu tidak dapat menolong saya, itu sebenarnya adalah soal dasar pengajaran. Dasar pengajaran sekolah Melayu sangat rendah. Dan kerana kerendahan dasar pengajaran itulah maka rendah pula harga *certificate*.

Bagi saya *certificate* itu belum lagi dapat ditafsirkan harganya, kerana sudah enam bulan saya cuba mencarinya tetapi selama itu pula saya kecewa untuk mendapatkannya. Tetapi bagi kawan saya, Jalil, sudah dapat dia mentafsirkan harga *certificatenya* itu. Harganya hanyalah tujuh puluh lima ringgit sebulan. Memang terlalu murah sekali harganya.

Terusik fikiran saya apabila dua orang budak Melayu berjalan di atas padang itu. Burung-burung yang sedang mencari makan itu segera terbang.

Saya pandang budak-budak itu dengan penuh perasaan hiba. Terasa bahawa mereka itu pun akan senasib dengan saya, kerana mereka itu bersekolah Melayu. Saya lihat mereka pakai songkok yang agak usang dan berkasut putih yang sudah koyak kulit hadapannya. Saya tahu bahawa selalunya budak-budak sekolah Melayulah yang berkeadaan sedemikian. Mereka rata-ratanya miskin.

Tetapi akan baik sedikit nasib mereka, fikir saya pula, kalau sekolah Melayu sudah mengadakan sekolah lanjutannya. Memang saya harap akan lekaslah diadakan sekolah lanjutan itu. *Certificate* dari sekolah lanjutan mungkin akan lebih tinggi sedikit harganya.

Mata saya mengikut sahaja arah budak-budak itu berjalan. Mereka berjalan mengarah ke jalan raya yang sedang sibuk dengan kenderaan. Mereka me-

nyeberangi jalan yang sibuk itu dengan hati-hati dan kemudian mereka dilindungi oleh kereta-kereta yang banyak.

Jalan raya itu memang sibuk sahaja sejak tadi. Di atasnya tidak berhenti-henti dilalui kereta. Kebanyakan kereta itu berkilat belaka. Jenisnya beraneka macam dan boleh dikatakan kesemuanya laju-laju pula.

Saya perhatikan kereta-kereta yang banyak itu, dan saya dapati kebanyakan kereta yang besar dan berkilat itu dibawa oleh orang-orang Melayu belaka. Tetapi di dalam kereta itu – di bahagian belakangnya – tersandar pula orang-orang yang selalunya boleh dikatakan gemuk dan berpakaian bersih. Biasanya mereka itu orang bangsa lain.

Melihat kereta-kereta berkilat itu teringat pula saya akan Wak Dollah. Wak Dollah pun jadi drebar juga. Sudah dua puluh tahun dia memegang stereng kereta. Dan apabila teringatkan Wak Dollah saya mesti pula teringatkan anaknya, Karim. Karim baik benar dengan saya. Dia pun terpaksa mengikuti jejak langkah ayahnya itu. Jadi drebar juga dia.

Memang ada niatnya dahulu hendak bekerja di *office*, tetapi niatnya itu tidak berhasil. *Certificat*nya tidak laku untuk bekerja di *office*!

Mata saya menjadi sakit kerana terlampau kerap melihatkan kereta yang banyak itu. Rasa hendak mabuk saya dibuatnya. Dan oleh kerana itu, saya arahkan pandangan saya ke tempat lain pula – ke laut.

Di tepi laut itu saya lihat ada dua buah traktor sedang meratakan tanah. Bunyi traktor yang sedang bertugas itu dapat saya dengar, walaupun tidak dengan terangnya.

Waktu itu jam baru pukul sebelas, tetapi bahang

daripada cahaya matahari terasa benar panasnya. Dan saya hairan bagaimana drebar-drebar traktor itu boleh tahan berjam-jam dalam traktornya yang panas itu. Tentu kerana perutlah maka mereka rela ditikam panas. Saya percaya demikian.

Saya dapati sudah tiga suku bahagian tanah di situ diratakan oleh traktor itu dan di sebelah kiri tanah yang diratakan itu telah pun tertanam beberapa asas pertapakan untuk bangunan rumah yang tinggi.

Saya percaya bahawa di tempat itulah akan dinaikkan bangunan yang indah-indah. Akan semakin indahlah bandar Singapura ini apabila sudah terdiri sahaja bangunan-bangunan yang indah itu.

Tiga hari dahulu, iaitu dalam perjalanan saya mencari pekerjaan, saya bertemu dengan kawan saya, Khalil. Katanya, di tanah yang sedang diratakan itu akan didirikan satu bangunan indah untuk sebuah perusahaan besar. Entah siapa yang memberitahunya demikian tidaklah saya ketahui. Tetapi kalaulah benar seperti yang dikatakannya itu, maka saya percaya tentulah syarikat itu akan memerlukan banyak kakitangan baru. Cuma sayangnya kakitangan yang dikehendaknya itu tentulah orang-orang yang mempunyai *certificate* sekolah Inggeris. Kerja di situ semuanya susah. Tidak akan terbuat oleh orang-orang yang berkelulusan sekolah Melayu.

Terkejut saya apabila saya dipanggil masuk untuk jumpa dengan pengurus yang memang hendak saya temui. Besarnya hati saya apabila saya dipanggilnya itu.

Terlalu besarlah pula hati saya apabila dikatakan oleh pengurus itu, bahawa saya diterima untuk bekerja dengan perusahaannya itu. Mulai dari awal bulan hadapanlah saya akan memulakan pekerjaan,

demikian dia memaklumkan. Dan ini bermakna bahawa akan kurang terancamlah periuk nasi saya yang menjadi periuk nasi lima orang juga.

Dan fahamlah saya sekarang bahawa *certificate* saya – *certificate* sekolah Melayu – itu sudah tertafsir harganya. Yang saya sedihkan ialah satu sahaja. Harga *certificate* saya itu terlalu murah. Harganya hanyalah enam puluh lima ringgit sebulan!

Utusan Zaman, 6 November 1956

HARI itu hari Minggu, dan kerana itu maka tidak begitu sibuk tempat saya bekerja, apalagi waktu sudah menjelang petang. Selalunya, tempat saya bekerja itu sering dipenuhi orang-orang sakit dan keluarganya, setengah-setengah kerana menghantar saudara-mara mereka yang terpaksa masuk ke dalam wad, manakala setengah-setengah kerana datang menanyakan tentang keluarga mereka yang sakit itu.

Kerana tidak ada apa-apa yang hendak saya kerjakan – sesuatu yang mustahak, maksud saya – maka saya pun membelek-belek sahaja kad-kad yang harus saya susun mengikut abjadnya. Kad-kad ini ialah kad-kad yang di atasnya tertulis tarikh masuk, nombor wad, nama dan nombor orang sakit yang terpaksa tinggal di wad itu. Kad-kad tersebut memang sejak tengah hari lagi sudah saya mulai menyusunnya, tapi kerana banyaknya, juga kerana tidak bersungguh-sungguh saya menyusunnya, maka banyaklah lagi yang harus saya susunkan. Memang saya tidak begitu gemar dengan pekerjaan menyusun kad-kad itu: Menjemukan! Dan kalaulah tidak kerana memikirkan bahawa membiarkannya bermakna mengendalakan perjalanan pekerjaan saya, maka tentu sahajalah

saya tidak menyusunnya.

Kad-kad tersebut saya belek sahaja untuk beberapa ketika, kemudian menyusunnya dengan malas. Sambil menyusun itu saya memerhatikan ke arah kereta sakit yang terhenti tidak berapa jauh dari bilik pejabat saya. Drebarnya, seorang Sikh yang kurus, berjambang dan bertoncet pendek, sedang menghulurkan kepalanya keluar tingkap kereta itu, melihatkan tiga ekor anjing – dua ekor kuning dan seekor putih bertompok-tompok hitam – yang sedang berkejar-kejaran segar di sekeliling keretanya itu. Drebar tersebut kelihatan terhibur melihatkan anjing-anjing itu bermain riang. Pandangan saya terhadap drebar dan anjing-anjing tersebut terkacau pula apabila telefon di bilik saya itu berdering. Belum sempat saya mengangkatnya, kawan saya, Murthi – seorang pemuda yang sehitam arang kulitnya – telah mengangkatnya. Dia bersoal jawab menerusi telefon itu. Saya memerhatikan ke arah drebar kereta sakit itu. Saya lihat kepalanya semakin dijulurkan, hingga toncetnya yang tidak begitu panjang terlentok ke hadapan, kerana hendak melihatkan tiga ekor anjing yang telah mula berkejar-kejaran di bawah keretanya pula. Perhatian saya terkacau sekali lagi apabila Murthi memberitahu saya bahawa dia hendak keluar kerana ada panggilan dari luar. Dia keluar, berjalan menuju ke kereta sakit yang berhenti itu, lalu menaikinya. Drebarnya, orang Sikh yang bertoncet pendek itu, segera memulakan enjin kereta tersebut. Kereta sakit itu segera bergerak dengan diekori oleh tiga ekor anjing yang sedang berkejar-kejaran itu. Anjing-anjing itu mengekorinya untuk beberapa ela sahaja.

Dengan perginya kereta itu maka semakin sunyilah lagi jadinya tempat saya itu. Dan tinggallah saya

bersama Chang, seorang pemuda Cina berbadan kurus dan berambut potongan "*apache*", di dalam bilik itu. Chang, saya dapati, sedang mencorengkan sesuatu di atas sekeping kad. Saya sangka tentulah dia sedang mencatatkan butir-butir keterangan tentang orang-orang sakit di atas kad itu. Tapi apabila saya memanjangkan leher, saya dapati, Chang sedang melengkapkan lukisannya: Seekor kuda! Dan di bawah lukisan itu ditulisnya sepotong ayat dalam bahasa Inggeris yang berbunyi: *CINEMASCOPE*, mengapakah engkau kalah semalam?

Chang berpaling kepada saya. Melihatkan saya memerhatikannya, dia segera tersenyum. Kemudian berkata: "Tak ada nasib. Kalau tidak, boleh aku ke negeri Jepun!"

Saya membalas senyumnya, tapi tidak pula berkata apa-apa. Saya lanjutkan menyusun kad-kad yang masih banyak itu. Saya menyusunnya dengan malas.

Sedang saya menyusun itu, sebuah teksi berhenti di hadapan bilik pejabat saya. Dari dalamnya keluar seorang perempuan Melayu yang sudah agak lanjut usianya. Wanita itu keluar dengan tergesa-gesa dan daripada ketergesaannya itu tahulah saya bahawa dia sedang berada dalam kecemasan. Wanita itu segera berlari memasuki bilik saya lalu, dengan ter-cungap-cungap, menanya:

"Tuan, di mana mesti saya jumpa doktor? Laki saya sakit kuat!"

Matanya saya dapati berair, rambutnya kusut dan bibirnya terketar-ketar.

"Masuklah ke sebelah sana tu. Dalam bilik itulah doktor. Berikanlah kad pengenalan mak cik kepada kerani yang duduk di tepi pintu hendak masuk itu." Saya menyuruh.

Wanita itu segera keluar lalu memasuki teksi itu

semula. Dia tolong mengeluarkan suaminya yang kerana sakitnya yang amat sangat, sudah tidak berdaya berjalan. Seorang atendan segera datang menyorongkan sebuah kerusi beroda. Mak cik itu, dengan dibantu oleh atendan yang menyorong kerusi beroda itu, telah mendudukkan suaminya di atas kerusi tersebut. Atendan itu segera menolak kerusi tersebut ke dalam, manakala mak cik itu membayar tambang teksi yang dinaikinya itu. Sesudah membayarnya dia pun segera berlari masuk, menyongsong suaminya yang telah terlebih dahulu dibawa masuk oleh atendan itu.

Agak lama juga mak cik itu bersama suaminya masuk. Selama lima belas minit, kalau saya tidak silap. Dan selama itu, saya teruskan juga pekerjaan saya yang tidak menarik hati itu. Dan sedang saya menyusun kad-kad itu, saya terdengarkan satu raungan wanita dari dalam bilik pemeriksaan orang sakit. Tidak saya menyangka sama sekali bahawa yang menangis itu ialah mak cik tersebut, kerana saya dengarkan suara tangisan itu terlalu keras dan meninggi nadanya. Saya, kerana ingin tahu, segera meletakkan kad-kad yang saya pegang itu, lalu keluar. Saya segera masuk semula kerana mak cik tersebut, bersama-sama dengan suaminya yang disorongi oleh seorang atendan, datang menghala ke bilik saya. Mak cik itu masuk ke bilik dengan tangisannya yang terlalu meninggi nadanya.

"Tolong beri saya kad pengenalan pak cik. Kad mak cik pun berikanlah sekali." Saya meminta sesudah sahaja mak cik itu menghulurkan sekeping kertas yang ada menerangkan bahawa pak cik tersebut perlu tinggal di wad.

Mak cik itu, dalam ketidaktentuannya, mengeluarkan kad pengenalan suaminya dan kadnya juga. Kad-

kad itu dihulurkannya kepada saya. Sedang saya menuliskan butir-butir keterangan yang sepatutnya diisikan ke dalam beberapa keping kad, mak cik itu, dalam sedu-sedannya, menanya:

"Mestikah suami saya tinggal di sini? Lamakah, kalau dia tinggal di sini?"

"Ya, mak cik, suami mak cik mesti tinggal di sini. Tentang lamanya saya tak tahu. Mungkin lama, mungkin tidak. Kalau lama pun jangan mak cik khawatirkan. Dia lebih baik kalau tinggal di sini."

Dengan matanya yang penuh ingin tahu dan suaranya penuh keharuan, dia menanya lagi:

"Sakitnya teruk tidak, nak?"

Saya menjeling ke kad yang ada tertulis jenis penyakit suaminya itu. Dan saya dapati pada kad itu tertulis: *Bronco-appendicitis*. Segeralah saya tahu bahawa penyakitnya itu sememangnya berbahaya dan orang yang menghadapi penyakit tersebut terpaksa dibedah perutnya.

"Sakitnya teruk tidak, nak?" Mak cik itu mendesak terus dan memandang muka saya, kemudian memandang pula muka suaminya yang sedang melentok lesu itu.

Untuk menenangkan hatinya, juga untuk menghiburkannya, saya terpaksa berdusta:

"Sakit suami mak cik itu tidak teruk."

Hendak saya menyambungnyanya dan mengatakan bahawa suaminya itu terpaksa dibedah perutnya, tetapi tidak pula sampai hati saya untuk memberitahunya. Saya khawatir kalau-kalau dia tidak sedarkan dirinya nanti sekiranya saya mengatakan hal itu pada saat yang sememang sudah tidak tenang baginya itu.

Wanita itu masih tetap merenungi wajah saya, penuh tidak percaya akan segala apa yang telah saya

khabarkan kepadanya itu. Dengan keraguan yang masih menebal, dia mengulangi pertanyaannya lagi:

“Betulkah nak, sakitnya tidak teruk?”

Sekali lagi, dengan gaya yang penuh keyakinan, saya berdusta:

“Betul, mak cik!”

“Kalau tidak teruk mengapa pula disuruhnya tinggal di wad?”

Hampir tergamam hendak saya menjawabnya. Untung juga saya dapat bertenang. Saya pun menerangkan:

“Suami mak cik ditahan di sini untuk dirawat supaya segera sembuh. Buat apalah mak cik diamkan dia di rumah. Di sini dia akan dapat jagaan yang baik dan teratur.”

Mak cik itu menangis lagi. Dalam sedu-sedannya yang semakin tersentak-sentak itu, dia menerangkan:

“Kata orang kalau pergi ke hospital, suami saya akan diinjek. Dan kalau tidak baik, akan diinjek dengan ubat keras pula”

“Tidak mak cik, siapa kata begitu? Suami mak cik akan tetap dijaga dengan baik. Mak cik tidak usah dengarkan cakap orang. Orang-orang yang bercakap itu tidak tahu akan apa yang berlaku di dalam hospital. Mak cik tidak usah khuatir.” Saya menerangkan dengan maksud menenangkan hatinya yang sudah mula disarangi dengan sangkaan-sangkaan yang buruk.

Saya kembalikan kad-kad yang telah saya isikan dengan butir-butir keterangan yang diperlukan kepadanya, lalu menyuruhnya mengikut attendan yang akan membawanya ke wad yang telah ditetapkan untuk suaminya itu. Dia mengikut sahaja suruhan saya itu.

Semenjak hari itu selalulah saya menjumpai wa-

nita itu. Pada tiap-tiap petang, kerana saya bekerja petang, seringkalilah saya menjumpainya. Dia datang untuk melihat suaminya yang sedang sakit itu. Dalam perbualan saya dengannya itu, saya dapati, dia tidak segan-segan menceritakan tentang dirinya. Dan kerana penuh kepercayaannya terhadap saya (entah mengapa dia demikian tidak saya ketahui benar), maka banyaklah juga yang saya ketahui tentangnya.

Suaminya itu sebelum jatuh sakit dahulu bekerja sebagai seorang drebar kepada seorang tauke Cina. Semenjak sakitnya itu, dia telah tidak diperlukan lagi. Keadaan orang tua itu semakin membahayakan dan untuk mengubatnya, telah banyaklah wang yang dikorbankan. Oleh kerana hendak menutup segala kekurangan itu, kekurangan yang selalunya ada pada keluarganya, mak cik itu telah mulai menjual kuih. Wang daripada penjualan ini, walaupun tidak seberapa, dapat jugalah dia memenuhi kekurangan yang kecil-kecil. Dan untuk menutup kekurangan yang besar itu, mak cik tersebut telah berjumpa dengan badan kebajikan masyarakat. Kesan daripada pertemuannya itu, dia telah mendapat pertolongan wang sebanyak tiga puluh ringgit lebih sebulan.

Anaknya ada dua orang. Kedua-dua masih gadis. Yang muda masih anak dara sunti lagi, manakala yang tua, walaupun sudah boleh dihitng anak dara tua, tapi kerana cacatnya, masih belum lagi dipinang orang.

"Cukuplah wang pemberian yang sebanyak tiga puluh ringgit itu untuk mak cik anak-beranak?" Saya menanya orang tua itu pada suatu petang.

Dia tidak segera menjawab. Dia merenungi saya dengan matanya. Dan mata itu seolah-olah bertanya: Cukupkah kau fikir sekeluarga empat orang hidup dengan wang tiga puluh ringgit sebulan?

"Mak cik tidak ada saudara-mara di Singapura ini?" Saya menanyai dengan satu pertanyaan lain pula.

"Saudara-mara? Saudara mak cik memang ada. Tapi, tapi selama ini begini jugalah keadaan mak cik sekeluarga"

Saya segera faham maksud penerangannya itu.

"Bagaimana keadaan suami mak cik? Sudah beransur sembuhkah?" Saya menukarkan pokok perbualan, sebab tentang hal itu belum saya tanyakan sejak mulanya.

"Dua tiga hari yang lalu, baik. Tapi kata suami mak cik malam semalam dia tidak dapat tidur. Tempat yang dibedahnya sakit benar katanya."

Saya tidak berani melanjutkan pertanyaan tentang hal itu lagi. Saya sedar bahawa melanjutkannya akan mengalirkan satu linangan air mata sahaja bagi mak cik itu.

"Leha dan Midah tidak datang hari ini, kenapa?" Saya menimbulkan pertanyaan yang lebih baru.

"Manalah terdaya selalu-selalu membawa mereka, nak. Mak cik tidak tahan tambangnya. Sekali datang sekurang-kurangnya ringgit. Itu pun kalau mak cik seorang. Dan kalau datang bertiga"

Mak cik itu berhenti kerana saya terpaksa melayani satu panggilan telefon. Dan sesudah melayani panggilan itu, saya pun mendekati mak cik itu semula, lalu:

"Kalau datang bertiga, berapa biasanya tambangnya?"

"Dua ringgit setengah."

"Habis, jualan mak cik biasanya berapa lakunya?"

"Tidak sampai empat ringgit pun kadang-kadang."

Saya tidak menanya lagi. Saya tahu bahawa selama orang tua itu masuk ke hospital, selama se-

minggu sudah, maka selama itulah mak cik itu mendatanginya. Dan dalam kepala saya cuba menggambarkan kesukaran yang dihadapinya – mendapatkan wang untuk pergi melihat suaminya itu, suami yang selama ini menjadi sumber tenaga bagi dia dan anaknya yang dua orang itu.

“Aii, sudah hampir jam empat tiga suku. Baiklah mak cik pergi ke wad itu sekarang, nanti sudah banyak orang, susah pula hendak berasak-asak masuk.”

Mak cik itu segera pergi dengan membimbing bakul makanan yang tiap petang dibawanya. Kegeulisahannya tidak lagi saya dapati. Tidak seperti hari yang pertama dan kedua dahulu.

Tiga hari yang lalu, tiga hari sesudah suaminya berada di hospital, mak cik itu telah menceritakan tentang kesukarannya kepada saya. Cerita itu, walaupun tidak berdaya melelehkan air mata saya, mungkin kerana dia tidak menceritakannya dengan sungguh-sungguh, meninggalkan juga beberapa titik air mata di kelopak mata saya. Anaknya yang dua orang, yang pada waktu itu mengikutnya, tidak berani menentang wajah saya, bukan kerana malu, tapi kerana tidak tertahan mengalami satu tragedi yang mereka sendiri terlingkup di dalamnya.

Malam hari yang ketiga dahulu saya terima berita dari wad suami mak cik itu. Berita itu agak memeranjatkan juga, sebab saya diminta supaya memberitahu kepada keluarganya tentang keadaannya yang tenat itu. Memang terlalu berat hati saya hendak menyampaikan berita yang sesedih itu, kerana saya penuh percaya bahawa berita yang sedih itu akan menggelapkan lagi fikiran mak cik dan dua orang anaknya itu. Tapi kerana kewajipan, maka antara mahu dan tidak, pada malam itu juga, saya

menyampaikan berita yang menyayat hati itu. Dan esoknya mak cik itu datang lebih siang lagi daripada biasa.

Keadaannya yang tenat itu beransur baik seketika. Dan seperti yang dikatakan oleh mak cik itu tadi, suaminya mulai tidak dapat tidur pada malam semalamnya. Dan itu, saya tahu, adalah tanda yang kurang baik bagi orang yang menghidap penyakit yang serupa itu. Hal ini, walau bagaimanapun, tidak saya khabarkan kepada mak cik itu. Dan mungkin kerana itu jugalah maka tidak tergaris sedikit pun tanda-tanda kegelisahan pada muka mak cik itu.

Di hadapan bilik saya sudah tidak ada sebuah pun kereta sakit lagi. Kesemuanya telah keluar mengambil orang-orang yang kemalangan. Di luar bilik itu, hanya berkumpul tiga orang atendan yang sejak maghrib tadi membincangkan tentang masalah tingkatan gaji mereka. Suara Fong, seorang atendan yang memang selalu suka berdebat, saya dapati meninggi mengatasi suara kawan-kawannya yang dua orang lagi itu.

“Apa lu fikir sekarang punya gaji cukupkah? Apa kita tak ada anak? Apa anak tak mahu kasi sekolah? Apa buku tak mahu beli? Duit mana mahu korek?” Fong memberi alasan.

Perbincangan itu berlanjut. Dan saya dengar juga suara Pillai, seorang atendan yang memang sering mengeluarkan sesuatu dengan tidak kuasa memikirkannya lebih panjang:

“Ai, Fong! Lu sini jangan loya buruklah. Pigi dekat yunien, sana pegi cakaplah”

Telinga saya tidak lagi menangkap isi perdebatan mereka itu, sebab saya mula menumpukan perhatian saya kepada kerja mengatur kad-kad itu. Chang, saya dapati seperti selalunya, sedang melukiskan sebuah

gambar lagi. Tidak kuasa saya hendak melihat gambarnya itu, sebab saya penuh yakin bahawa tentulah gambar kuda *CINEMASCOPE* itu juga yang dilukiskannya. Dan memang tidak kuasa saya hendak melihat lukisannya itu kalau tidak kerana saya mendengar Chang bersuara: "O, *how much I love you?*" Saya berasa takjub apakah kawan saya itu sedang berkasih mesra dengan kuda *CINEMASCOPE* itu. Menjenguk ke gambar itu, saya segera dapati dia sebenarnya sedang menyiapkan sebuah lukisan baru, bukan seekor kuda, tapi seorang manusia jenis lawannya. Di bawah lukisan itu ada pula ditulisnya: "Aduh manisku, engkau lembut seperti Kim Novak!"

Saya hampir-hampir ketawa besar kerana memikirkan kelakuan kawan saya itu. Dalam jangka waktu yang sebegitu pendek, seminggu hanya, lukisannya sudah berubah daripada seekor kuda kepada seorang manusia.

Telefon yang berhampiran dengan Chang berdering. Tapi kerana dia masih mahu mengindahkan lukisannya, apalagi kerana saya tidak berapa jauh dari telefon itu, maka Chang pun tidak kuasa mengangkatnya. Saya segera mengangkatnya. Dan menerima berita kematian suami mak cik itu.

Saya diam beberapa ketika. Kawan saya, Chang, segera menghulurkan gambar yang sudah disiapkannya dan berkata:

"Ai, engkau pikir *nurse* Nancy itu macam Kim Novak tidak?"

"Dia sudah mati," kata saya.

"Siapa? Siapa ... ?"

Utusan Zaman, 25 November 1956

Kawan di Kelas Lima 'B'

PETANG itu Shamsir telah didatangi seorang kawan. Sudah lama benar tidak ditemuinya kawan itu. Dan kalau dia tidak silap mereka berpisah sejak tahun 1950 dahulu.

Pertemuan yang tidak mereka sangkakan itu sungguh menggembirakan hati mereka berdua. Mereka banyak berbicara tentang kisah-kisah semasa mereka masih di bangku sekolah dahulu. Kawannya itu mengingatkannya kepada peristiwa semasa mereka bermain bola. Kisah tersebut sudah mulai luntur dalam kepalanya. Tetapi mereka masih dapat mengingatkannya.

Shamsir ingat benar akan peristiwa semasa dia menjadi apit kiri dalam pasukan bola kelasnya dahulu. Dan kawannya itu menjadi kapten pasukan bola kelasnya. Mereka yang belajar di dalam Kelas Lima 'B' sering mencari lawannya. Dan selalunya yang bersedia melawan pasukan mereka hanyalah Kelas Lima 'D', sebab kelas ini sahajalah yang sering mempunyai kesanggupan dan tenaga untuk menentang pasukan mereka, sedangkan Kelas Lima 'A' murid-muridnya banyak yang berkawan dengan buku-buku pelajaran semata, dan murid-murid di Kelas Lima 'C' pula tidak banyak tertarik dengan per-

mainan bola sepak.

Dalam satu permainan dengan pasukan Kelas Lima 'D' mereka semua telah bermain kasar. Shamsir yang bermain sebagai apit kiri hari itu telah terpaksa keluar padang kerana kesan tapakan daripada seorang pemain Kelas Lima 'D'. Kesan daripada tapakan ini, dan memang kurang baik niatnya, telah membikin hati kawannya itu meradang, lalu dia pun turut bermain kasar juga. Dan akibatnya mereka telah bertumbukan di tengah padang dengan pemain-pemain Darjah Lima 'D'.

Mereka ketawa bersama apabila mengenangkan kembali kesemua peristiwa yang menggelikan hati itu. Dan kawannya itulah yang paling besar sekali ketawanya, kerana dialah yang sedar bahawa pada hari itulah mereka semua mulai dicegah oleh gugurnya daripada bermain bola selama dua minggu. Cegahan itu rupa-rupanya hanya untuk menakutkan mereka sahaja, sebab belum pun masuk ke minggu yang kedua mereka sudah ditawarkan semula oleh gurunya untuk bermain dengan satu pasukan bola sekolah lain. Dan mulai dari hari perlawanan dengan sekolah lain itu mereka mulai bermain lagi dengan Darjah Lima 'D'. Mereka bermain lebih giat dan selalunya lebih liar!

Bukan itu sahaja yang terdaya mereka mengingatkan. Mereka dapat juga mengingatkan peristiwa yang lain, satu peristiwa yang mereka percaya tidak akan dapat mereka melupakannya selagi mereka masih bernafas. Peristiwa itu ialah peristiwa yang berlaku semasa mereka mencuri buah jambu batu di kawasan rumah wak kebun sekolah mereka.

Sebenarnya bukanlah jambu batu itu sahaja yang mereka idamkan. Malah mereka mempunyai idaman yang lain juga. Apa yang mereka idam-idamkan itu

ialah anak gadis wak kebun sekolah mereka – seorang gadis yang baru meningkat empat belas tahun, yang selalu, apabila menumbuk sambal, kedengaran bunyinya hingga ke darjah mereka.

Sebagai anak yang baru naik dan baru mulai mengenal jenis lawannya secara agak mendalam sedikit, maka mereka merasa sesuatu yang indah kalau sudah dapat berbual-bual dengan anak wak kebun yang pandai menumbuk sambal itu. Dan semakin indah lagi rasanya hati mereka apabila mereka diupahi senyum oleh anak wak kebun yang manis itu.

Pada suatu ketika semasa berada di atas pokok jambu, mereka telah berbual-bual dengan anak wak kebun itu. Dan sedang enak mereka berbual-bual dengannya, wak tukang kebun itu datang dan segera mendapati mereka sedang mencuri jambu batunya di samping mengusik anaknya yang baru sahaja meningkat empat belas tahun itu. Mereka segera diburunya. Mereka terjun, lalu memanjat pagar untuk melepaskan diri masing-masing. Shamsir beruntung kerana sempat melarikan dirinya. Tetapi kawannya itu menemui hari buruknya. Semasa dia hendak memanjat pagar dawai yang agak tinggi itu, dia telah jatuh. Dan kakinya tersalah urat. Lalu selama seminggu dia tidak dapat pergi ke sekolah.

Ketawa mereka semakin liar kedengaran apabila mereka mengenangkan betapa baiknya hati wak kebun yang memburu mereka itu. Sebab apabila didapatinya mangsanya itu jatuh dia segera mengangkatnya lalu mengurutkan kaki mangsa yang tersalah urat itu. Dan anaknya yang manis itu disuruhnya pula menjerangkan air untuk mereka berdua itu. Dan memang selama itu, itulah yang paling diharapkan oleh mereka, segelas air kopi atau teh daripada seorang yang mereka puja!

Agak panjang juga mereka berbicara tentang kisah semasa mereka bersekolah itu. Dan mereka tidak pula berasa jemu semasa mengulang kembali segala cerita mesra yang mereka sendiri terlingkup di dalamnya. Malah mereka berulang kali membalik-balikkan semula kisah mereka mengusik anak wak kebun yang pandai menumbuk sambal itu.

Kisah persekolahan yang paling akhir mereka bicarakan ialah kisah yang berlaku pada sekitar tahun 1950. Pada masa itu mereka hendak dipindahkan ke sekolah *secondary*. Untuk itu satu peperiksaan pemilihan telah diadakan dan mereka keduanya telah memasuki peperiksaan tersebut.

Bagi mereka yang masih belum begitu sedar akan faedah peperiksaan itu, mereka tidak mengambil berat benar tentang peperiksaan itu. Mereka mengambalnya seperti mereka mengambil peperiksaan di Kelas Lima 'B' itu sahaja: Dengan cara yang sering pura-pura kejatuhan kertas peperiksaan ataupun getah padam mereka! Dan sewaktu menjawab soalan-soalannya pula mereka tidak begitu bersungguh-sungguh, lebih-lebih lagi kawannya itu bernyanyi lagu "Rasa Sayang" dengan perlahan-lahan mengulangi kata-kata: "Asal pandai menumbuk sambal!"

Hanya sesudah tersiarnya keputusan peperiksaan itu sahajalah baru mereka berasa kerugian. Dan berasa sedih kerana mereka terpaksa berpisah. Kawannya yang menjawab soalan-soalan peperiksaan dengan tidak sesungguh hati itu telah kecewa di dalam pemilihan masuk ke darjah *secondary*. Dan dia terpaksa berhenti setakat Darjah Lima 'B' sahaja.

Dan semenjak hari itulah mereka berpisah. Walaupun pada mulanya ada juga mereka kunjung-mengunjungi rumah masing-masing, tetapi lamakelamaan kunjungan itu sudah tidak dapat mereka

lanjutkan kerana kawannya itu telah pulang ke kampungnya di Belimbing Dalam, Melaka.

Dan semalamlah baru dia menemui kembali kawannya itu. Pertemuan mereka ini bukan lagi seperti pertemuan semasa di sekolah dahulu: Bergayut di antara satu sama lain. Pertemuan kali ini adalah pertemuan yang lebih dewasa, pertemuan yang lebih mesra dan lebih bererti.

Memang banyak perubahan yang dapat dilihatnya pada kawannya itu. Tubuh badannya bertambah besar, terutama pada bahagian lengannya. Dan kalau pada lengan kawannya itu dia hanya dapat melihat percikan panau yang bertompok-tompok, tetapi kali ini pada beberapa bahagian tempat panau itu ke-liaran terbentuk sekumpulan panau yang menyerupai benar dengan peta gugusan pulau-pulau Indonesia.

Pengetahuannya, dia dapati, semakin mendalam juga. Dan kali ini pengetahuan itu bukan sahaja terbatas kepada beberapa potong sajak-sajak Inggeris yang diperlukan mengingatnya semasa di bangku sekolah Inggeris dahulu, tetapi juga beberapa potongan sajak-sajak Melayu yang ada semangatnya. Tidak juga pengetahuannya itu terbatas kepada sejarah orang Inggeris belayar, berniaga dan menjajah beberapa pelosok dunia ini, tetapi dia mulai tahu juga akan sejarah perkembangan politik di tanah air yang sedang hendak menuju ke arah kemerdekaan itu.

Seperti orang yang telah dewasa dan mempunyai kesedaran terhadap perkembangan politik di tanah airnya, maka kawannya banyak juga berbicara tentang hal itu. Dan ini menjadi seronok sekali apabila Shamsir memang gemarkan perbincangan tentang soal-soal politik. Lalu licin jugalah perbualan mereka

tentang hal yang mendapat tempat yang baik dalam negerinya dalam tahun yang akhir-akhir ini.

Pengetahuannya tentang politik, Shamsir dapati, bukanlah terbatas kepada Malaya sahaja. Pengetahuannya itu menjalar juga ke luar negeri. Dan nyatalah dia sedang mengikuti perkembangan politik di Mesir, Hungary dan Indonesia.

"Engkau tahu, Sir," katanya kepada Shamsir semasa mereka lanjut berbicara tentang politik di Malaya. "Sebuah pertubuhan politik sebenarnya menyamai benar dengan sebuah pasukan bola. Tujuan utama kebanyakan pasukan itu ialah hendak mengalahkan lawannya dengan memasukkan seberapa gol yang terdaya olehnya."

"Dengan berbuat demikian, orang yang diwakilinya nanti akan merasa girang dan terus bersorak keriang. Orang-orang yang bersorak riang itulah yang dalam bumi politik dinamakan rakyat biasa yang kebanyakannya kurang faham tentang selok-belok politik."

Shamsir terdiam seketika kerana dia masih belum dapat kebenaran perbandingan yang diberikan oleh kawannya itu.

Agak seketika dia menanya: "Mana pula boleh sebuah pertubuhan politik awak samakan dengan sebuah pasukan bola? Pasukan bola sepak hanya mencari nama, orang di samping berexercise, sedangkan kepada penontonnya ia memberikan hiburan semata."

"Itu tidak benar. Barangkali awak tidak melihat permainan bola sekarang ini. Sebab itulah awak berpendapat begitu. Sebenarnya sekarang ini kita sudah tidak boleh memandang permainan bola itu dari jurusan keolahragaan belaka, sebab kalau kita berbuat demikian tentulah kita akan pandang kejujuran

permainan bola sepak itu belaka.”

“Padahal kejujuran begitu sudah jarang diperhatikan orang. Di padang bola orang sudah mula bertaruh wang. Dan tiap-tiap gol yang dijaringkan mempunyai harganya yang tersendiri. Dan begitulah halnya dengan kebanyakan parti politik kita sekarang, mencuba membuat gol yang mempunyai harganya yang tersendiri.”

“Barangkali awak betul, tetapi tidaklah pula semua ahli politik kita itu yang begitu. Tentulah banyak juga ahli politik kita yang sedar akan peranan besar yang sedang dipegangnya itu dan kepada orang-orang yang serupa itulah kita harapkan sekarang.”

“Ya, ahli-ahli yang begitu memang ada. Tetapi terlalu kecil bilangannya. Mereka ini saya khuatir akan senang dikalahkan oleh bilangan ahli-ahli politik yang banyak itu.”

Shamsir diam seketika, kemudian: “Saya pun sebenarnya sudah melihat banyak ahli politik yang tidak teguh pendiriannya. Sekejap masuk parti politik ini dan sekejap masuk parti politik itu. Yang kebanyakannya hanya pandai mengingatkannya tarikh 31 Ogos 1957, itu saja.”

“Ya, itu saya sudah melihatnya juga! Tetapi itu tidak seberapa. Ada lagi yang lain, yang membikin saya ketawa besar apabila melihatnya. Dan kadangkadangkang terlalu jijik pula. Pernah tidak awak melihat ahli-ahli politik yang menyimpan janggut?”

“Oh, itu! Itulah ahli politik yang baru bertatih-tatih namanya. Orang yang serupa itu kebanyakannya mencuba hendak menunjukkan betapa kesibukan mereka di dalam politik hingga hendak mencukur janggut pun tidak mempunyai waktu. Dan mereka itu menyangka hanya dengan berbuat de-

mikian itu sajalah mereka akan kelihatan seperti jago politik yang sebenarnya."

"Kata awak itu benar. Saya sendiri pernah melihat orang yang serupa itu. Sebenarnya bukan itu saja caranya mereka menonjolkan dirinya sebagai seorang jago politik. Ada lagi cara lain, cara yang sesungguhnya menggelikan hati: Cara mengepit-engepit fail-fail yang tebal, umpamanya!"

Mereka berdua terbahak-bahak. Sesudah itu kawannya itu melanjutkan: "Yang begitu pun memangnya ada. Mereka yang mengepit-engepit fail itu pun kebanyakannya hendak menunjukkan kononnya mereka sibuk bermesyuarat tentang hal-hal politik yang penting. Kalau tidak buat begitu, nanti orang tidak akan mengetahuinya.

"Dan memang penyakit menyimpan janggut dan mengepit fail yang tebal-tebal itu kini sudah mulai menjalar. Kalau awak tidak percaya awak lihatlah saja berapa banyak pemuda kita yang baru saja setahun jagung masuk parti politik sudah menyimpan janggut!"

Ketawa mereka memanjang dan menjadi lebih liar.

"Ah, sudahlah! Janganlah kita membicarakan tentang hal politik itu. Kita ini bukannya mahir benar dalam soal ini. Biarkanlah orang-orang yang benar tahu tentangnya membicarakannya," kata Shamsir mencuba hendak mematikan perbualan tentang politik itu.

"Begitu tidak boleh. Sebab masa ini kita tidak sebanyak sedikit mesti mengetahui tentang politik. Pengetahuan ini perlu bagi kita yang hendak menuju ke sebuah negara yang merdeka atau sekurang-kurangnya pengetahuan ini dapat menolong kita daripada diperdayakan oleh ahli-ahli politik yang sedang

berselindung di sebalik janggut dan failnya yang tebal itu."

Shamsir tersenyum mendengarkan penerangan kawannya yang ternyata tertarik benar dengan soal politik itu.

Untuk mengelakkan daripada merebaknya soal itu dibicarakan, maka Shamsir pun memajukan pokok perbincangan yang lain pula.

"Sesudah lepas sekolah dulu awak buat apa?"

"Saya? Saya langsung hendak kerja saja, tetapi orang tua saya tidak membenarkannya. Saya disuruhnya melanjutkan pelajaran ke sekolah *private*. Hanya setahun saja di sekolah tersebut. Saya tak lulus, lalu pulang ke kampung saya menolong orang tua saya menoreh getah."

"Awak kerja menoreh getah sajakah di sana?"

"Tidak juga. Hanya mula-mula dahulu saya menoreh getah, tapi sekarang ini saya turut ke sawah juga."

"Hmmmmmm, patutlah jiwa pak tani itu sudah meresap ke jiwa awak! Saya pun tahu pak tani sekarang ini sudah banyak juga yang tahukan harga titik peluh mereka. Tidak macam pak tani dahulu."

"Itu sudah semestinyalah," jawab kawan Shamsir itu dengan penuh puas hati.

"Macam mana, awak tidak main bola lagi sekarang ini?"

"Ai, macam mana pula hendak main bola? Dekat tempat saya bukannya ada padang bola. Dan kami bukannya ada pasukan bola. Kami ada pasukan penoreh getah dan penanam padi saja. Pasukan ini lebih hebat lagi perjuangannya."

Mereka ketawa bersama.

"Tidak teringat lagikah awak akan anak wak tukang kebun yang pandai menumbuk sambal itu?"

Shamsir menanyai kawannya dengan maksud hendak berjenaka.

"O, itu! Sekarang ini tidak payah mengingatkannya lagi. Sebab dia sudah terlalu dekat dengan saya. Saya datang ke Singapura ini kerana hendak mengambilnyalah."

"Hmmmmmm, begitu rupanya. Jadi kali ini pasukan apa pula yang awak akan bawa?"

"Bukan pasukan bola Lima 'B' yang hendak menentang pasukan Lima 'D'. Tapi pasukan pak tani hendak merapatkan hubungan pasukan wak tukang kebun!"

Ketawa mereka sampai ke puncaknya.

Utusan Zaman, 30 Disember 1956

Daun Jejawi

JUNID duduk di bawah lindungan sehelai kanvas yang menjadi atap bagi pondok seorang penjual kopi bangsa Benggali. Junid duduk agak ke hadapan sedikit dari tempat yang sepatutnya, maka itu hanya sebahagian badannya sahaja yang terlindung daripada panahan cahaya mentari yang mulai membara itu.

Gelas kopinya yang terletak di atas sehelai surat khabar yang sudah usang itu masih belum diminumnya lagi. Kopi tersebut masih agak panas. Dan Junid yang memang tidak suka meminum air semasa panasnya itu, menunggukan sahaja hingga kopi itu menjadi sejuk sedikit. Dan walaupun Junid mengetahui bahawa panasnya itu sudah tidak seberapa – sesudah merasanya – tetapi oleh kerana masih terdampak lagi lenggangan wap yang menyerupai asap tipis itu naik, maka Junid tidak kuasa menjamahnya.

Penjual kopi yang tidak berapa ela sahaja darinya itu kelihatan sedang sibuk benar menyediakan air kopi dan serbatnya. Dua orang atendan, kedua-duanya bangsa India dan mereka kelihatan terlalu lapar, sedang merasa-rasa karipap yang hendak dibelinya itu. Penjual kopi yang sepet matanya itu – kesan daripada kurang tidur barangkali – memerhatikan

sahaja tangan-tangan yang sedang memicit karipapnya yang sudah hampir lemau itu. Sambil mengacau kopi, ia, mengingatkan:

"Ei, jangan picit-picitlah. Nanti orang tak mahu beli!"

Kedua-dua orang atendan itu masing-masing memilih karipapnya lalu pergi duduk di sebelah bakul penjual kopi itu. Sambil memakan karipap mereka, seorang daripadanya – seorang yang pendek dan berkumis nipis – memerintah.

"E, bai! Kasi kopi setengah, dua gelas!"

Junid meraba gelas kopi yang telah agak lama terbiar di atas sehelai surat khabar yang sudah buruk itu. Panasnya sudah menurun. Junid mengangkatnya dan meminum hanya suku bahagian daripadanya sahaja.

Mata Junid terlalu perit benar kerana tertikam oleh cahaya mentari yang terlalu garang itu. Dia mengarahkan pandangannya ke pokok yang hanya beberapa ela sahaja dari tempat penjual kopi itu. Pokok itu – pokok jejawi – berbatang besar dan batangnya dikelilinginya oleh akar-akarnya yang sebesar ular sawa. Akar-akar yang berbelit-belit. Dan kebanyakan daripada akar-akar itu menikam masuk ke dalam tanah.

Di bawah pokok jejawi itu berselerakan daun-daunnya yang sudah kering. Kebanyakan daripada daun-daun itu berkumpul rapat. Tetapi semakin jauh daripada pokok itu kumpulan daun-daun tersebut semakin renggang. Di tengah *park* motokar yang letaknya tidak berapa jauh dari pokok itu, hanya terdapat lima enam helai daun yang kebiaran. Ada juga daun-daun yang terlekap – setengah-setengahnya terlentang dan setengah-setengahnya terlangkup – di atas beberapa buah motokar yang sedang ber-

henti berderetan di situ.

Dan pokok itu Junid perhatikan hampir gondol. Hanya dahan-dahan dan cabang-cabang rantingnya sahaja yang kelihatan menjulang kaku. Dahan-dahan dan cabang-cabang ranting itu hampir-hampir menyerupai tangan hantu yang sedang hendak mencekau sesuatu di udara yang panas itu. Mengerikan!

Tempat penjual kopi itu mulai dipenuhi manusia. Kebanyakannya yang datang itu terdiri daripada drebar-drebar dan atendan-atendan belaka. Dan memang tempat itu amat jarang sekali didatangi orang yang agak lebih tinggi sedikit pangkatnya!

Junid minum seteguk lagi kopinya yang mulai sejuk itu. Beberapa helai daun jejawi yang sudah kering itu jatuh melenggang-lenggang di hadapannya. Sehelai daripadanya singgah di kepalanya. Junid mengebasnya. Dan daun tersebut jatuh terlentang di atas tanah. Sekumpulan semut hitam yang tertimpa olehnya segera bersurai dengan tidak tentu arah.

Mata Junid semakin perit lagi, apalagi apabila ia ditikami cahaya mentari yang dipancarkan semula oleh cermin tingkap sebuah motokar jenis Consul yang mulai bergerak. Junid tunduk tetapi kemudian memandang ke hadapan kerana hendak mengetahui siapa dia gerakan orang yang menjalankan motokar itu. Junid dapati dia seorang lelaki setengah umur berkaca mata. Dan dari pakaiannya itu tahulah Junid bahawa dia seorang doktor. Di sebelahnya, Junid dapati, tersandar seorang wanita.

Motokar itu bergerak, mula-mula mengejut kemudian meluncur senang, meninggalkan asap yang berkepul dan mengembang di belakangnya. Asap itu mengembang terus hingga hilang ditelan udara yang panas itu. Dan dari celah-celah deretan motokar yang berhenti itu, Junid ternampakkan tiga batang tubuh:

Satu besar dua kecil.

Tubuh-tubuh ini semakin mara ke tempat asap yang menghilang tadi itu. Tubuh-tubuh itu semakin jelas kelihatan; seorang perempuan dan dua orang budak. Dan daripada cara berjalannya itu tahulah Junid bahawa mereka sedang tergesa-gesa. Seorang anak yang dipimpin oleh perempuan itu jelas terlari-lari kerana hendak menyamakan langkah kecilnya dengan langkah perempuan yang memimpinya itu. Dan anak kecil yang digendong oleh perempuan itu kelihatan sedang menyepak-nyepak udara yang panas itu.

Apabila mereka hanya beberapa ela dari Junid, dan Junid mulai mengenali mereka. Sebenarnya Junid sudah mengenali mereka sejak seminggu yang lalu. Dan dia mengenalinya semasa menolong perempuan itu – menunjukkan tempat doktor memeriksa anak-anak kecil yang sakit.

“Datang lagi, kak?”

“O, Junid. A, ya, kakak datang lagi, datang mengambil ubat Si Majaah ni!”

“Hari Selasa yang lalu kakak datang juga, kan?”

“Ya, tapi hari itu kakak datang kerana hendak menginjekkan Majaah. Doktornya suruh datang injek hari tu.”

“Tak ambil ubatkah hari tu?”

“Ambil juga. Ambil ubat cuci perut. Tapi dah habis.”

Perempuan tersebut menurunkan anak yang digendongnya itu. Anak itu segera berpaling kepada penjual kopi itu lalu meminta dengan suara yang agak kuat:

“Hendak roti, mak. Hendak roti.”

“Jamal hendak nasi lemak, mak,” sambung abang kepada anak yang kecil itu.

Si ibu pergi mengambil apa yang diminta oleh anaknya itu. Kemudian dia datang duduk berhampiran dengan Junid; dia duduk di atas sebuah bangku kecil dan rendah, manakala anaknya yang dua orang itu duduk di atas tanah, memakan roti dan nasi lemak masing-masing.

Mata tiga empat orang atendan tertumpu ke arah Junid seketika. Mata tersebut kemudiannya terlekat semula kepada makanan yang sedang mereka hadapi itu.

"Masih belum terima balasan surat yang tempoh hari tu lagi, kak?" Junid menimbulkan semula kisah yang tersimpan selama dua minggu itu.

"Belum. Kakak memang tidak harapkan jawapan surat itu."

"Kenapa pula begitu, kak?"

"Buat apa mengharap-harap sangat kalau orang yang kakak harap-harapkan itu tidak mengendahkanannya."

"Barangkali dia banyak kerja, kak. Dia mesti jawab. Takkanlah saudara tidak boleh menolong saudaranya sendiri. Kalau tidak dapat datang pun, takkanlah tidak boleh dia membalas surat kakak itu."

Perempuan tersebut tidak menjawab. Matanya sahaja yang merenungi anak-anaknya yang sedang mengutip daun-daun jejawi yang kering itu.

"Dulu kakak pernah menghantar surat kepadanya atau tidak?"

Dia mengangguk. Dan segumpal rambutnya yang kusut itu segera menutup dahinya.

"Tapi tidak dibalas?"

Dia mengangguk lagi. Kali ini hujung bajunya dilekapkan ke matanya. Dan anak-anak angin yang mulai bertiup itu melenggang-lenggangkan rambutnya.

Junid tahu bahawa perempuan tersebut sedang menangis kerana mengenangkan nasibnya yang malang itu.

Junid diam seketika. Junid pandang sekeliling dan terlihatkan seorang atendan yang dikenalnya – Ramakrishnan – sedang memerhatikannya. Matanya seolah-olah menanya Junid. “Kenapa perempuan itu menangis?”

“Kenapa kakak tak pergi saja ke kampung berjumpa dengannya?”

Dia menggelengkan kepalanya.

“Kenapa kakak tak mahu?”

Tangisnya bertambah.

Junid terpaksa diam lagi. Junid pandang sekeliling dan mendapati bahawa atendan yang memerhatikannya itu masih lagi memandangnya. Tanda tanya yang tersimpan di matanya itu semakin membesar.

“Kenapa kakak tak mahu jumpa dia?”

Dia menggelengkan kepalanya lagi.

“Kenapa?”

Dia mengangkat kepalanya, merenungi anaknya yang masih mengatur daun-daun jejawi yang kering itu, kemudian memandang muka Junid dengan matanya yang semakin basah.

“Junid fikir dia boleh menolong kakak?”

“Kenapa pula tidak? Kakak bukannya saudaranya?”

Dia diam sebentar. Kemudian dengan keyakinan yang penuh dia berkata:

“Kalau dia mahu menolong kakak dari dulu lagi dia boleh menolongnya. Kalau dia mahu menolong kakak, takkan kakak boleh jadi semelarat ini? Dah empat tahun kakak terbiar”

Junid diam. Matanya merayapi baju perempuan

itu yang banyak bertampal-tampal. Setengah daripada bekas tampal itu sudah berbulu. Benangnya sudah terlepas.

"Kenapa kakak tak cuba saja pulang ke sana? Kalau dia tak mahu menolong kakak, kakak boleh pulang semula ke sini."

"Kakak tak mahu pulang ke tempat kakak tu. Kakak tak mahu. Kakak tak tahan hati melihatkan tempat suami kakak ... suami kakak" Dia hanya dapat menangis. Nada tangisannya itu berombak-ombak pilu.

Daripada kata-katanya yang tidak terhabis itu tahulah Junid bahawa ada sesuatu yang cuba dirahsiakan di hatinya, sesuatu yang selama dua minggu ini dirahsiakannya kepadanya.

"Di sana tempat suami kakak? Kenapa dia di sana?" Junid menyanyainya dengan penuh ingin tahu.

Perempuan itu menangis lebih sungguh-sungguh. Anaknya yang besar itu memandangkan sahaja ibunya yang sedang menangis itu. Dia kemudiannya segera memegang tangan ibunya. Tetapi anaknya yang kecil itu masih terus menyusun daun jejawi yang kering itu. Mulutnya terkumat-kumat, mungkin kerana menghitung daun itu.

"Kenapa kakak masih mahu merahsiakan tentang hal kakak tu kepada saya? Sudah banyak juga tentang kakak yang kakak khabarkan kepada saya. Mengapa tak kakak terangkan saja tentang yang masih tersembunyi itu? Siapa tahu barangkali saya dapat menolong kakak."

Dia tunduk seketika. Bibir diketapkan. Kemudian seperti terpaksa dia mencurahkan:

"Suami kakak mati semasa kakak tinggal di tempat itu"

Junid terpaksa bisu.

Perempuan itu dengan tersedu-sedu lalu menceritakan segala kisah yang selama ini menyayat hatinya itu.

Tahulah Junid kemudiannya bahawa perempuan tersebut kahwin dalam tahun 1947. Dia kahwin dengan seorang askar. Ketika itu keadaan di tempatnya, malah di banyak tempat di Malaya, sudah mulai bergelora. Darurat mulai berjiwa.

Dalam dua tahun dia kahwin itu kemesraan berbunga terus. Walaupun suaminya itu terkadang-kadang terpaksa berbulan-bulan di dalam hutan, namun kemesraan mereka tidak pernah terencat. Dan selalunya apabila suaminya pulang dari hutan itu, dia segera melepaskan niat; sekecil-kecilnya sesisir pisang! Dan di hatinya selalu meminta: Tak usahlah suaminya itu ke hutan lagi. Dia benci melihatkan manusia berbunuhan sama sendiri.

Pada pertengahan tahun 1948 dia dikurniai seorang anak lelaki. Dan diberinya nama Karim. Dan kemudian – setahun kemudiannya – menyusul pula seorang adik kepada anaknya yang sulung itu. Ketika mengandung anaknya yang kedua itulah kecelakaan menimpa dirinya. Ketika hampir saat dia hendak melahirkan anaknya yang kedua itu, tidak disangka-sangka, suaminya telah menerima perintah untuk pergi ke Gua Musang. Dan di sanalah dia mati dalam sebuah pertempuran yang ngeri.

“Dia baik sekali kepada kakak,” katanya, mengengangkan kembali kenangannya yang indah itu. “Pada hari dia hendak berangkat ke Gua Musang itu dulu dia kelihatan muram sedikit. Kakak lebih sedih lagi. Dan semasa dia hendak meninggalkan kakak hanya satu saja yang dipesannya. Dia seolah-olah hendak membuang tabiatnya. Dia berpesan: ‘Kalau abang mati,’ katanya sungguh-sungguh, ‘Mah jangan lupa

bacakan Yasin untuk abang selalu.' Kakak tak beri dia melanjutkan kata-katanya itu. Kakak tutup mulutnya itu. Dia ... dia pergi dan dan"

Perempuan tersebut menangis sekehendak hatinya.

"Dahsyat matinya tu," dia melanjutkan dalam tangisannya. "Menurut kawan yang bersama dengannya, dia mati kena bom lempar. Dadanya habis hangus"

Perempuan itu menangis lagi. Kesedihannya benar-benar menikam.

"Kenapa kakak tidak tinggal di tempat lama tu juga? Kenapa kakak datang ke Singapura?"

"Kakak tak sanggup tinggal di sana. Kakak tak sanggup mengingatkan kejadian yang dahsyat itu. Lagi pula kebanyakan daripada teman tetangga kakak dah pindah dari kampung kakak. Tempat itu semakin berbahaya."

"Te ... tapi kenapa kakak ke Singapura; kakak ke Singapura ikut sapa?"

Lama perempuan itu diam.

"Ikut kawan kakak." Dia menjawab hanya soalan yang kedua sahaja. "Dan ... dan di rumahnyalah kakak tumpang selama ni."

Orang-orang yang makan dan berbual-bual di tempat penjual kopi itu sudah banyak yang berlalu. Hanya tinggal tiga orang sahaja. Mereka ini tidak mengambil berat tentang apa yang dibualkan oleh Junid dengan perempuan itu. Mereka sendiri kelihatan sedang berbual tentang kisah hidup masing-masing.

"Kakak tinggal di rumah kawan kakak tu? Tentang makan bagaimana?"

Perempuan tersebut merenungi muka anaknya yang besar itu, menggosok-gosok kepala anaknya,

kemudian berkata:

"Kakak buat jualan. Anak kakak yang inilah menjajanya."

Junid merenungi muka anak tersebut. Mata bu-dak itu jernih. Dan nyata memang ada sesuatu yang dapat diharapkan daripada anak tersebut.

"Betulkah kakak tak mahu pulang ke tempat kakak tu semula?" Junid menanyai perempuan itu lagi sesudah mereka berdiam beberapa ketika.

Perempuan itu tunduk. Matanya terpaku ke ba-risan semut yang mulai berjalan menuju ke arah tiga empat biji nasi yang terbiar. "Kakak tak sanggup mengingatkan Gua Musang," katanya dalam sedu-sedannya.

Beberapa helai daun jejawi gugur lagi di hadapan mereka. Anaknya yang kecil itu segera berlari me-mungutnya. Abangnya mengekori adiknya pula. Ke-dua-dua melonjak keriaan.

"Baik juga kakak ada anak yang boleh diharapkan. Kecil-kecil begitu dah tahu membalas jasa emaknya ... dan ... dan kasihan kecil-kecil begitu dan terpaksa memikul bebanan hidup," kata Junid setakat itu. Dia sendiri tidak dapat melanjutkan.

Perempuan tersebut mengesat air mata yang tergenang lagi itu dengan hujung tangan bajunya. Dia menggigit bibir bawahnya beberapa kali cuba me-nahan kesedihan yang mendesak-desak, tetapi tidak berdaya. Dia tunduk lalu cepat-cepat mengesat air mata yang mendesak keluar.

"Karim memang baik," katanya dengan susah kerana sedu-sedannya. "Dia macam arwah ayahnya juga ... ya, dia macam arwah ayahnya"

Karim dan adiknya datang semula ke arah me-reka. Adiknya segera mendekati ibunya yang sedang pilu tersedu itu, sedang Karim memandang ke atas

pokok jejawi yang besar dan tua itu. Dia mengharapkan supaya banyak lagi daun-daun jejawi itu gugur.

"Karim!" Junid memanggilnya. Karim datang tetapi tidak sepenuh hati. "Karim bila dah besar hendak jadi apa?"

Anak yang masih kecil itu segera menunjuk ke sehelai daun jejawi kering yang sedang melenggang-lenggang jatuh.

"Karim nak jadi daun," katanya senang.

Perempuan itu segera melengkapkan kedua-dua belah tapak tangannya ke muka. Dia menangis lebih tersedu-sedu.

Junid mendongak, memandangkan daun jejawi yang sedang gugur itu. Dan dia sendiri merasa gerun apabila melihatkan dahan dan cabang-cabang ranting pokok jejawi yang menyerupai tangan hantu yang sedia hendak mencekau sesuatu di udara yang panas itu.

"Karim nak jadi daun," kata anak kecil itu lagi sambil melonjak-lonjak suka.

Lima enam helai daun jejawi gugur melenggang-lenggang. Mereka dua beradik lari mengejanya ...

Daripada Fail Penulis, 1956

DI KEDAI kopi tempat saya dan seorang kawan saya singgah itu orang terlalu banyak sekali. Kebanyakan daripada mereka singgah ke kedai tersebut untuk berlindung daripada hujan yang mulai turun mencurah-curah. Dan kebanyakan daripada mereka hanya berdiri di kaki lima kedai itu. Di dalam kedai tersebut sudah terlalu banyak orang. Semua kerusi yang ada di kedai itu sudah diduduki orang belaka.

Malam itu memang tidak tersangka oleh saya akan hujan. Waktu petangnya, semasa saya dan kawan saya berjalan-jalan di Elizabeth Walks cuaca baik sekali. Ketika itu anak bulan yang bertanduk kelihatan sudah timbul dengan tenang. Dan hanya sesudah jam sepuluh lebih baru kelihatan langit muram; tidak berapa muram. Kami waktu itu tetap juga berjalan hingga kami sampai ke kedai kopi yang sedang kami berteduh itu. Sebelum sampai ke kedai tersebut kami telah ditikami jarum hujan juga, tetapi tidak begitu basah.

Suasana tempat kami singgah itu terlalu sibuk. Dan terlalu bising pula. Kedai tersebut di samping dipenuhi suara orang-orang yang sedang asyik berbual-bual dipenuhi juga oleh suara peti radio Rediffusion

yang sedang menyiarkan lagu-lagu Cina kuno dan suara peti *juke-box* yang sedang menyampaikan 'Meraaaahhh ...'. Kebisingan itu, walau bagaimanapun, tidak sampai mengacau kami yang sedang bercerita tentang pengalaman masing-masing: Saya menceritakan pengalaman saya semasa bekerja di hospital, sedangkan kawan saya menceritakan pengalamannya semasa menjalankan tugasnya di hutan – di daerah berkurung. Cerita saya itu banyak yang mentertawakannya, kerana banyak lucunya, sedangkan ceritanya sering mengeruhkan air muka saya, kerana terlalu memilukan hati.

Hujan semakin lebat. Orang banyak yang mencuba masuk ke dalam kedai itu untuk turut mengelakkan diri masing-masing daripada ditikami jarum hujan kasar-kasar yang turunnya mencondong tujuh puluh lima darjah itu. Dua orang anak dara sunti yang berjaja kuih di kaki lima kedai itu terpaksa mengangkat dulang kuih dan tongnya – tong yang dijadikan meja untuk dulangnya itu – masuk sedikit ke dalam kedai itu. Dulang kuih dan tongnya itu letakkannya berhampiran benar dengan kami. Dan kemudian kedua-dua orang anak gadis itu memeluk tubuh masing-masing, mungkin kerana kesekukan!

Banyak juga mata anak-anak muda yang singgah berteduh di situ merayap-rayap ke dada gadis yang kelihatan gembur itu. Mata itu termasuklah mata kami sendiri – mata orang muda! Beberapa orang yang agak sudah lanjut usianya, kerana tidak berani merenungi kedua-dua anak gadis itu secara tajam, berpura-pura memerhatikan tong dan dulang kuih mereka itu terlebih dahulu. Dan dari situ mata mereka perlahan-lahan mulai memanjat ke tubuh anak gadis yang dua orang itu. Pandangan mereka lebih

lama dan lebih hebat!

Jalan raya yang ditikami jarum hujan itu menyerupai sekeping cermin panjang yang sudah retak-retak. Dan di atas jalan raya itu masih banyak kenderaan yang lalu-lalang. Kebanyakannya teksi yang mencuba berhenti seketika di hadapan kedai kopi itu dan kedai-kedai yang sederet dengannya untuk mendapatkan para penumpang. Banyak juga orang yang menaiki teksi yang singgah berhenti itu, maka lapanglah sedikit kaki lima kedai kopi tersebut. Di hadapan saya dan kawasan saya duduk itu tidak banyak orang yang berdiri. Yang berdiri di hadapan kami hanya empat orang, termasuk dua orang anak gadis yang sedang berpeluk tubuh itu. Kerana lapangnya di hadapan kami itu maka dapatlah kami memerhatikan jalan raya yang menyerupai sekeping cermin yang retak itu dengan jelasnya. Lampu-lampu neon yang terpasang di sepanjang jalan raya tergambar di atas muka jalan raya yang menyerupai sekeping cermin yang retak-retak itu. Dan jelaslah juga kelihatan loncatan-loncatan jarum-jarum hujan yang menikam jalan raya tersebut.

Kilat mengenyit. Orang yang sedang berteduh banyak yang tersentak. Dan hampir semua mencuba masuk ke dalam kedai kopi itu. Anak gadis yang berdada gembur itu segera melekapkan tapak tangan mereka ke telinga masing-masing. Agak seketika – hanya beberapa saat – bunyi guruh memekik. Tangan mereka segera terjatuh kembali dan mereka segera memandang sesama sendiri lalu tersenyum. Mata mereka seolah-olah berbahasa: E, e, kuatnya bunyi guruh. Kita takut! Orang-orang yang memerhatikan gelagat mereka – yang muda-muda terutamanya – turut bergembira.

Sebuah beca berkampuh (bertutup) seluruh ber-

henti tidak berapa jauh dari kedai tempat kami duduk itu. Ada agaknya dua puluh depa jaraknya. Seorang perempuan Melayu, dalam lingkungan tiga puluh tahun usianya, keluar dari beca tersebut lalu segera berlari masuk ke kaki lima. Wanita itu kemudiannya mengibas-ngibas air hujan yang terlekap di baju dan mukanya berjalan melalui hadapan kedai kopi tempat kami duduk, sedang beca yang dinaikinya itu berlalu.

Banyak mata yang melekap kepadanya, walaupun dianya, menurut pandangan saya – pandangan orang muda – tidak begitu cantik orangnya. Seorang tua merenunginya dengan mata yang menyerupai mata anak muda yang sedang melihat tunangnya lari di balik pintu. Orang tua itu berseluar yang kelihatan terlalu besar untuknya dan berbaju kemeja lepas yang berbelang-belang warnanya.

Saya rasa sayalah yang paling bersungguh-sungguh memerhatikan wanita itu. Dan ini bukanlah kerana saya menyimpan maksud seperti orang tua yang berkemeja lepas yang berbelang-belang warnanya itu, tetapi kerana terasa oleh saya adanya satu pertalian antara saya dengan wanita itu. Dan saya segera dapat mengingatkan kembali akan tempat di mana mula-mula saya berkenalan dengannya: Di sebuah kampung di mana terdiri beberapa buah rumah atap yang menyerupai kandang kambing sahaja bentuknya. Dan memang rumah-rumah itu asalnya kandang kambing, tetapi dengan tidak diketahui oleh pihak yang berkuasa, telah dijadikan rumah sewaan oleh tuan-tuan empunya kandang-kandang tersebut.

Wanita itu berjalan melalui saya dengan tidak sedikit pun memandangi saya. Dan dia segera menghilang di selekoh sebelah kiri kedai kopi itu. Saya,

entah mengapa, terlalu ingin mengetahui ke bahagian mana deretan kedai-kedai di situ yang ditujunya dan kerana itu, dengan mengatakan saya hendak membeli rokok, maka saya pun pergi menyusuli wanita itu. Saya ikut membelok ke kiri kedai itu tetapi tidak menjumpai wanita yang hendak saya temui itu. Saya berjalan dua kali ulang-alik di hadapan sederet kedai-kedai di situ. Tidak ada kedai atau rumah Melayu di kedai-kedai yang sederet itu. Kebanyakan daripada kedai tersebut kepunyaan orang Cina. Hanya ada dua buah kedai kepunyaan orang India. Di hujung – hujung sekali – kedai-kedai yang sederet itu ialah sebuah hotel. Di hadapan hotel tersebut terhenti dua buah beca.

Orang-orang yang berteduh di situ memandangi saya. Saya maklum mengapa mereka memandangi saya. Lalu saya, untuk mengelakkan buruk sangka orang-orang itu, segera singgah ke sebuah kedai India untuk membeli rokok. Dan kemudian berlalu dari tempat itu.

Saya pergi semula ke kedai kopi itu. Tetapi kali ini dengan fikiran yang bergolak hebat. Saya tertanya-tanya apakah wanita yang saya ekori itu benar-benar Manisah Cantik yang saya kenal baik semasa saya tinggal di rumah kandang kambing itu dahulu. Dan hati saya tetap mempercayai bahawa dialah Manisah.

"Awak kenal tidak perempuan yang turun dari beca itu tadi?" Saya menanyai kawan saya.

"Yang baru lalu tadi itu?"

"Ya."

"O, jadi yang awak kata awak hendak membeli rokok tadi itu sebenarnya awak hendak mengekori perempuan itulah, ya?"

"Benar. Saya rasa saya kenal dia."

"Ah, merepek saja awak. Segala perempuan di tepi jalan semua awak kenal!"

"Ya. Dialah Manisah, kalau saya tidak silap."

"Entahlah saya tidak tahu," kata kawan saya sambil melemparkan matanya ke arah dua orang anak gadis yang berdada gembur itu.

Kenangan saya melayang; melayangnya terlalu jauh.

Saya masih ingat benar bahawa saya kenal baik akan wanita itu kira-kira delapan atau sembilan tahun yang lampau. Ketika itu saya masih lagi di bangku sekolah dalam darjah *Special Malay Class*. Dan umur saya baru meningkat dua belas tahun.

Kami tinggal di sebuah kampung yang rumah-rumahnya didirikan di antara celah-celah pohon pisang yang tertanam dengan tidak teratur. Kampung itu sebenarnya digelar Kampung Kambing, pertama di kampung itu memang banyak kambing. Dan kedua, kerana rumah-rumah kambing itulah yang sebenarnya dibesarkan untuk dijadikan rumah-rumah sewaan. Dan tidak berapa jauh dari rumah-rumah kambing itu kemudiannya didirikan pula kandang-kandang kambing yang baru dan pondok ini pun akhirnya menjadi rumah-rumah sewaan yang baru.

Rumah saya berhadapan dengan rumahnya. Yang memisahkan rumah kami itu hanyalah beberapa batang pohon pisang yang sudah hampir busuk batangnya. Hanya sebatang daripada pohon-pohon pisang itu yang agak terpelihara baik, kerana dipelihara oleh kakak sendiri. Dan kemudiannya saya pula turut tolong memelihara pokok pisang itu kerana diupah oleh kakak untuk menjaganya.

Tidak begitu saya ingat, bagaimana mulanya kami menjadi demikian mesra sekali. Yang saya tahu hanyalah saya terlalu mesra dengannya. Dan nyata

sekali dia terlalu menyayangi saya, kerana boleh dikatakan wang persekolahan saya – wang tambang ke sekolah, wang untuk makan dan untuk membeli buku-buku – dialah yang memberinya, dan saya memanggilnya “kakak”. Panggilan itu mesra sekali bagi saya dan baginya.

Kakak saya ini tidak sahaja menyayangi saya, tetapi menyayangi binatang peliharaan juga. Dia memelihara kucing lebih daripada sepuluh ekor. Kerana kucing-kucing itulah maka rezeki saya selalu sahaja ada. Sebab sayalah yang selalu disuruhnya pergi membelikan anak ikan untuk makanan kucing-kucingnya itu dan ketika itu sebenarnya saya sudah pandai membelit juga. Saya sering mengurangkan wang untuk membeli ikan itu untuk kantung saya, di samping menggondol lagi wang upahan yang selalunya tidak kurang daripada dua puluh sen. Wang belian dan upahan itu selalunya saya gunakan untuk menonton.

Kakak tidak tinggal seorang. Di samping kucing-kucingnya itu ada seorang manusia lain yang tinggal bersamanya. Orang itu orang lelaki. Pada masa itu saya tidak tahu siapa sebenarnya orang itu bagi kakak. Tetapi apabila saya menanyai tentang orang itu kepada kakak, kakak akan menjawab: “Itulah Abang Samad”. Lalu saya memanggil orang itu “abang”.

Abang ini orangnya agak kakak. Dia berbadan tegap. Tetapi apa yang paling saya ingat tentang rupanya ialah di sebelah pipi kirinya ada satu tanda bekas luka yang lebar; garisnya melengkung. Dia selalu berpakaian bersih dan keras (berkanji) sahaja. Dan pakaiannya itu selalunya saya ambilkan dari kedai dobi.

Saya tidak begitu berkenan kepada abang. Saya

rasa saya membencinya delapan puluh peratus daripada saya menyukainya. Saya membencinya itu kerana sesuatu sebab yang tidak dapat saya lupakan selama-lamanya.

Pada suatu masa semasa saya memasuki biliknya, dia telah menunjukkan mukanya yang masam dan kemudian menghalau saya. Saya sebenarnya bukan sengaja mahu memasuki biliknya itu. Saya sedang memberi daun angka kepada lima ekor kambing – dua ekor besar dan yang tiga ekor lagi masih anak-anak lagi – apabila saya terdengar kakak menjerit kesakitan. Saya berlari masuk ke bilik itu dan mendapati kakak sedang digigit pipinya oleh abang. Mereka bergelut. Apabila abang mendapati saya menjengukkan muka saya segera dimarahinya. Dan kerana tidak rela kakak “digigit” abang itu, maka saya pun segera pergi menjumpai pak cik (tidak saya tahu ke mana pak cik itu sekarang, kerana menurut ibu ini kemudiannya saya tahu – orang itu sebenarnya bukan pak cik saya, tetapi orang pelayaran yang menumpang) lalu memberitahukan hal itu kepadanya. Pak cik tidak sedikit pun terperanjat semasa mendengarkan berita itu. Malah dia kelihatan riang dan mengajak saya pergi melihat kakak dan abang yang sedang “bergaduh” itu.

“Mari, mari kita pergi mengintip. Dan nanti kalau abang pukul kakak, pak cik akan tolong,” katanya kepada saya.

“Pak cik tolong, ya? Nanti Samad tolong pak cik.” Saya turut berjanji.

Lalu kami pun mengintiplah. Tetapi yang benar-benar berpeluang mengintip pak cik seoranglah, sebab dia memborongi lubang intipan yang kebetulan hanya satu sahaja. Saya kerana tidak berpeluang segera pergi ke kandang kambing untuk memberinya

daun angka semula. Dan semasa saya berlalu saya terdengar pak cik berkata:

"Samad pergi dahulu, ya. Nanti bila abang dan kakak gaduh, pak cik panggil Samad."

Apabila saya menjumpai kakak pada petangnya, iaitu semasa saya disuruhnya membeli ikan untuk kucing-kucingnya, saya bertanya:

"Mengapa kakak bergaduh?"

Dia dengan mukanya yang tidak berubah sedikit pun menjawab:

"Abang kau jahat, dik."

Saya lantas menerangkan kepadanya bahawa saya memanggil pak cik untuk menolongnya. Dan saya katakan jugalah bahawa pak cik bersedia membantunya. "Dia mengintip," saya melanjutkan.

"Pak cik tidak kata apa?" Dia menanya.

"Ada," jawab saya. "Katanya kakak bergaduh."

"Samad tengok tidak?" Dia bertanya dengan mata yang lebar.

"Samad tidak dapat tengok," jawab saya lurus. "Pak cik seorang yang tengok. Samad pergi beri makan kambing."

"Sudah! Pergi lekas belikan ikan." Dia memerintah.

Saya pergi segera.

Bukan itu sahaja yang membikin saya benci kepada abang. Saya membencinya lebih daripada sebab-sebab itu, kerana kalau dia ada di rumah biasanya saya tidak berpeluang langsung untuk masuk bermain di bilik kakak dan agak menjengkelkan apabila saya dapati dia selalu sahaja ada di bilik kakak. Kadang-kadang sehari suntuk dia "bergaduh" dengan kakak dan kalau tidak "bergaduh" dia akan saya dapati tidur di atas katil dengan cara yang selalunya serupa: Badannya terbongkok dengan ta-

ngannya – kedua-duanya – dimasukkan ke celah kelengkangannya; dan dengkurinya terlalu tinggi! Hanya waktu petang, apabila kakak sudah keluar pergi kerja – baru dia keluar, tetapi entah ke mana dia pergi semasa keluar itu tidaklah saya ketahui. Saya hanya tahu bahawa apabila pulang jauh malam matanya sering merah dan jalannya terhuyung-hayang sahaja. Sambil berjalan itu dia akan menyanyi lagu Hindustan yang tersemat benar di hatinya: “*Mera Bolbol Sorahahey*”. Dan apabila sampai di hadapan pintu rumahnya dia akan mengetuk lalu bersuara keras-keras.”

“Hei Manisah buka pintu!”

Kemudian dia akan menyambung lagu “*Mera Bolbol*” itu.

Akhirnya tahulah saya bahawa kelakuannya yang kurang baik itu adalah kerana minum air dari botol yang bercap seekor harimau yang berdiri di bawah seponon kelapa.

Pernah juga saya menanyai kakak tentang abang itu. Kakak selalunya menyebelahi abang. Kalau saya kata abang jahat, dia akan menjawab, “Abang penat, dik, sebab itulah dia marah-marah.” Dan apabila kakak sudah menjawab begitu saya akan lanjut bertanya: “Kalau dia tidak jahat kenapa kakak selalu dipukul?” Kakak akan menjawab: “Jangan fikirkan itu ya, dik. Samad belum mengerti lagi.” Keinginan saya untuk bertanya itu segera dibekukannya dengan memberi saya sebatang coklat ataupun wang untuk membeli apa-apa yang saya gemari.

Keinginan saya untuk bertanya itu selalunya timbul semula. Dan tidaklah berdaya hendak kakak membekukannya dengan coklat ataupun wang.

Kerana selalu benar saya dapati abang ada di rumah, maka saya menjadi terlalu jengkel kepadanya

dan keinginan saya untuk bertanya tentang itu semakin membara kerana kejangkelan.

Pada suatu petang Jumaat, semasa saya mengikut kakak ke pohon pisang yang dipeliharanya baik-baik untuk menggoncangkan sebuah tin yang berisikan sepuluh angka yang sudah sedia tergulung, saya mulai menyanyainya:

“Kak, kenapa abang tidak pergi kerja?”

“Abang sakit, dik.”

“Abang sakit? Tapi kenapa dia selalu pukul kakak?”

“Ssssyyy, diam dik. Samad goncangkan nombor ini dahulu ya dik?” Dia menyuruh saya, sambil menghulurkan tin yang berisikan sepuluh angka yang sudah sedia tergulung itu.

Saya menggoncangkan tin itu. Dan terkeluar satu gulungan daripada gulungan-gulungan angka yang sepuluh itu. Kakak mengambilnya lalu membukanya. Dan saya melanjutkan:

“Kak, kak, kenapa kakak suruh Samad goncang nombor ini?”

“Nasib Samad baik, dik.”

“Nasib Samad baik, ya, kak? Kenapa kakak tak goncang nombor ini di hadapan Samad saja? Kenapa kakak goncang nombor ini di hadapan pokok pisang? Pokok pisang kan tak ada nasib, kak?”

“Ssssyyy, Samad ini beteslah. Lekas goncang lagi tin ini, dik!” Dia menyuruh.

Saya menggoncangnya – terkeluar lagi segulungan angka.

“Kak, kak kenapa abang tidak pergi kerja?” Saya bertanya lagi.

“Bukankah kakak sudah katakan tadi, abang sakit.” Dia menjawab sambil membuka gulungan angka itu dengan hati-hati.

"Tapi kenapa abang selalu pukul kakak?"

"Kakak jahat," katanya sambil mellihatkan juga gulungan angka yang dibukanya itu.

"Kakak tak jahat. Abanglah yang jahat. Abang tidur saja. Kakak tidak. Kakak pergi kerja tiap-tiap malam. Kakak baik."

"Kata Samad kakak baik. Kata abang tidak, dik".

"Abang jahat!"

Gulungan nombor yang telah dibukanya itu digulungkannya kembali.

"Abang kan boleh kerja, kak?"

"Boleh, tapi abang belum dapat kerja. Belum ada pekerjaan yang kosong."

"Tempat kakak kan ada kerja? Kakak selalu pergi malam-malam dan bila pulang bawa duit banyak. Di tempat kakak kan ada kerja?"

"Di situ tempat orang perempuan saja, dik."

"Kakak bohong. Orang jantan pun ada."

"Tidak dik, tidak ada."

"Kakak bohong. Malam dahulu kakak bawa Samad ke tempat tu. Samad tengok orang jantan pun ada. Orang jantan jalan-jalan terus masuk dan kakak yang bawa masuk. Kata kakak dia cari kerja. Kenapa kakak tidak bawa abang kerja di sana?"

Kakak terkumat-kamit mulutnya semasa menghadapi pokok pisang itu. Dia seolah-olah sedang mendoakan sesuatu, sesuatu yang terlalu diharapkannya. Sesudah terkumat-kamit mulutnya agak lama, kakak mengajak saya pulang.

"Kenapa kakak tidak carikan abang kerja di tempat kakak?"

"Sudah diam ya, dik. Nanti kakak carikan."

Hujan sudah berhenti. Bulan yang berbentuk tanduk lembu itu kelihatan tersepit di antara awan-awan yang bersisik. Bintang-bintang sudah banyak kelihat-

an. Mereka berkelip-kelip bisu.

Jalan raya yang menyerupai cermin retak itu sudah mulai dipenuhi manusia dan kenderaan. Terlalu sibuk jadinya.

Di kedai kopi itu sudah tidak begitu ramai lagi orang seperti pada seketika hujan mencurah tadi. Orang-orang yang tinggal kebanyakannya orang yang sudah melebihi tiga puluh tahun usianya dan mereka ini kebanyakannya berbual-bual tentang kisah-kisah yang dewasa. Ada di antara mereka berbicara begitu sungguh-sungguh hingga kelihatan dahinya berkerut, manakala matanya sekejap-kejap terbeliak. Keriuhan di kedai itu semakin menjadi-jadi apabila suara radio Rediffusion yang menyiarkan lagu Cina kuno dan suara juke-box yang sedang menyampaikan lagu "*Mambo Rock*" turut berpadu.

Saya masih juga duduk di tempat tadi, tetapi kawan saya sudah tidak ada lagi kerana dia terpaksa pulang ke khemahnya malam itu juga. Di hadapan saya – di atas meja – masih terletak cawan kopi yang masih ada suku bahagian lagi kopinya. Dan di tepi cawan itu sudah tersedia wang bayaran untuknya masih lagi belum diambil oleh orang suruhan kedai kopi itu.

Dari selekoh sebelah kedai kopi itu – muncul perempuan yang saya ikuti tadi. Dia berjalan agak perlahan. Saya segera meninggalkan tempat saya itu lalu pergi menjumpainya. Dia agak terperanjat apabila mendapati saya datang dengan mengejut itu. Dipandangnya saya dengan teliti. Dan sebelum sempat dia bersuara, saya telah terlebih dahulu bertanya:

"Kakak kenal saya lagi tidak?"

Dia terpegun seketika, dan terus merenungi wajah saya.

"Mustahil kakak sudah melupai saya," kata saya.
"Ya, kakak kenal," jawabnya pendek.
Dan matanya segera berair.

Utusan Zaman, 19 Mac 1957

Sentil Tembakau

SEMENJAK datang ke Kuala Lumpur dua tahun yang lalu, baru sekarang inilah terniat di hatinya hendak pakai cantik-cantik sedikit. Pada mula datangnya dahulu, berpakaian cantik itu dirasanya tidak perlu, sebab dengan tidak berpakaian cantik-cantik pun dia masih tetap seorang manusia juga fikirnya.

Kenapa baru sekarang ini giat benar dia menempah pakaian-pakaian yang cantik dan mahal, itu menjadi pertanyaan besar bagi Mak Milah, jiran tetangganya.

“Dah mula hendak melawa saja budak ni nampaknya,” kata Mak Milah kepada jirannya yang lain. Jirannya itu akan menjawab:

“Ai, budak muda! Lagi pula dia seorang saja di tempat ini. Jadi banyaklah duitnya dan bolehlah menempah pakaian yang cantik-cantik dan mahal.”

Mak Milah akan diam, sebab sentil tembakaunya telah ditolaknyanya ke kiri bibirnya yang hampir merah kehitam-hitaman itu.

Dan Jack Khalil – nama pemuda itu (sebenarnya Khalil sahaja) – akan berpura-pura tidak tahu sahaja. Semakin dikata-katakan orang tentang dirinya, semakin melawa lagi dia.

"Tahukah tidak awak kenapa budak ni dah bertukar benar? Asyik melawa saja sekarang ni!" Jiran Mak Milah lanjut bertanya.

"Orang muda, apa lagi kalau tidak kerana hendak memikat," menjawab Mak Milah sambil menolakkan pula sentil tembakaunya itu ke sebelah kanan bibirnya.

"Tapi khabarnya dia sudah bertunang di kampungnya," kata jiran itu lagi.

"Kampung hal kampunglah. Lebih banyak anak gadis yang lawa. Apalagi anak-anak gadis di sini boleh keluar."

"Ohhh! Begitu?" Jirannya itu seolah-olah baru tahu tentang hal di bandarnya itu.

Dia diam sebentar, kemudian:

"Ah, tapi tak baiklah buat begitu. Dah ada yang di kampung, terkejar-kejar pula yang di bandar!"

"Ei, dia hendak memilih dulu. Kan sosial sekarang ini?" menjawab Mak Milah dengan mengempal-ngempalkan sentil tembakaunya.

"Kalau sosial pun takkanlah sampai menganiaya yang di kampung pula. Sosial apa namanya tu: Sosial ayam? Ei, sosial ayam!" berkata si jirannya itu sambil melatah.

Mak Milah tergelak sama. Kemudian ditonyohkannya semula sentil tembakau yang dikepal-kepalannya tadi ke ceruk bibirnya.

Geli benar hati mereka.

Benarlah Si Jack Khalil sudah bukan Khalil dahulu lagi. Sekarang namanya ada tambahan: Jack! Kenapa pula bertambah namanya itu sekarang ini hanya Khalil sendirilah yang benar-benar tahu. Dan bila pula mula bertambah namanya itu, Khalil jugalah yang tahu. Walau macam mana pun Khalil bangga dengan namanya itu: Jack Khalil! Hah! Hah!

Semenjak bertukar nama – bertambah nama – itulah Jack Khalil mula pakai cantik-cantik sedikit. Dia hendak sepadankan dengan namanya itu: Jack Khalil!

“Tak tahukah awak ke mana yang disusur budak Khalil ini, Cik Milah?” bertanya jiran Mak Milah pada suatu petang.

“Entahlah, tapi rasa saya tak jauh. Dekat di sini juga!” menjawab Mak Milah sambil meludah.

“Jangan-jangan dia pergi ke rumah Pak Hitam, tidak? Anak Pak Hitam itu ada tiga orang. Putih-putih semuanya dan manis-manis pula. Tentulah ke sana perginya,” kata jirannya itu.

“Barangkali jugalah. Tapi anak-anak Pak Hitam tu bukan gadis sebarangan. Kalau tak betul-betul orangnya takkan mereka mahu. Mereka cantik-cantik dan sekolah orang putih pula.”

“Si Khalil itu pun sekolah orang putih juga. *Standard* sepuluh, ei, *standard* sepuluh pulak!” menjawab si jiran dengan melatah lagi.

“Tapi Pak Hitam itu takkan mahu dengan Si Khalil. Dia mahu anak-anaknya kahwin dengan orang-orang besar. Kerani-kerani ni ditolaknyanya sajalah. Apalagi Si Khalil orang dagang.” Mak Milah meludah lagi. Kali ini ludahnya pekat. Merah.

“Ei, entahlah Si Khalil tu. Baik-baik yang di kampung, yang di sini pula yang digila-gilakannya. Memang mata keranjang budak itu. Kalaulah anak saya, saya picit saja, ei, picit pulak!” Si jiran menjawab dengan latahnya.

Seminggu yang lalu Si Khalil ke pasar minggu. Dengan pakaian cantiknya, dia ke sana. Di lehernya terlilit sehelai *muffler*. Sebenarnya baru kali itulah dia memakai *muffler*. Dia memakainya itu kerana tiap-tiap kali dia ke pasar minggu dia dapati anak muda

memakai *muffler*. Kenapa *muffler* menjadi kegemaran anak-anak itu dapatlah diselami juga: Hendak lawa. Tapi, sungguhpun dia memakainya dengan maksud melawa, alasan lain telah disediakan. Kalau ditanya orang, dia akan menjawab: Dada saya sejuk, sebab itulah saya pakai *muffler*.

Hari itu dia ke pasar minggu kerana ada hal yang mustahak. Terlalu penting. Dan tergesa-gesa benar dia bersiap-siap petang itu.

Petang minggu (hari Sabtu), Mak Milah yang sedang mengumpulkan kain baju jemurannya takjub sebentar melihat Jack Khalil. Fasal apa tergesa-gesa benar budak itu, fikirannya. Ada apa-apa barangkali. Barangkali berjanji dan takut lambat.

Apabila Jack Khalil turun daripada rumahnya petang itu, Mak Milah bertanya:

"Kenapa Khalil, tergesa-gesa benar?"

"Ada fasal, mak cik," pendek Khalil menjawab.

"Kenapa bertutup leher tu? Sakitkah?"

"Ya, mak cik. Dada saya sejuk." Khalil membohong.

Khalil terus pergi. Tinggal Mak Milah terkelip-ke-lip. Apabila Khalil sudah jauh, dia melontarkan pandangannya ke arah tingkap bilik jirannya. Jirannya ada di tingkap itu. Dia berteriak:

"Hah, ah, awak nampak tadi? Tergesa-gesa benar budak tu. Ke mana agaknya?"

Si jiran menjerit balik:

"Ke mana lagi kalau tidak pergi berjumpa Si Jamilah, anak Pak Hitam tu!"

"Karut! Budak-budak ni!" Mak Milah membalas.

Si jiran tergelak dari tingkapnya.

Di pasar minggu itu Jack Khalil berulang alik beberapa kali. Yang dicarinya itu masih lagi belum ditemuinya. Dia terus berulang-alik, sedang hari ber-

ahsur malam. Dan pasar minggu itu mulai ramai.

Beberapa kali dia membetulkan *mufflerya* itu. Dia membetulkannya itu apabila tiba di tempat gelap sahaja, sebab dia malu hendak membetulnya di tempat terang. Dan apabila berhadapan dengan kumpulan pemuda yang bermuffler sepertinya, dia berasa kurang senang; dia berasa *mufflerya* itu salah sahaja lilitannya. Dan dia berasa orang seolah-olah tahu dia bermuffler itu bukannya kerana kesejukan, tapi kerana hendak melawa sahaja.

Hatinya semakin berdebar apabila sejam lebih dia di situ orang yang ditunggunya itu tidak ditemuinya lagi. Mungkir janjikh orang itu? Hatinya bertanya. Dan segera hatinya menjawab: "Tidak, tidak, mustahillah dia akan mungkir janji!"

Besar benar hatinya apabila orang yang dinanti-nantikan itu dinampaknya juga akhir-akhirnya. Orang itu tidak menampakkannya, tapi dari gaya pandangnya itu tahulah dia bahawa orang itu pun sedang pula mencari-carinya. Jack Khalil segera menyusuli orang yang dicarinya itu.

Jumpa.

Sampai di tempat yang agak gelap sedikit baru Jack bersuara:

"Aisey, *I* penat cari *you* tahu. *I* fikir *you* tak datang."

"Eh, eh, *you* ni tak baik. Takkanlah *I* tak datang. *I* kan dah janji. *I* tak suka mungkir janji. *I* juga mencari *you*. *I* pun penat juga!"

"Macam mana *you* datang ini. Orang rumah *you* tak marahkah?"

"Mereka cegah *I* juga, sebab keluarga *I* semuanya ke Petaling Jaya. Tapi *I* keluar juga. *I* bohongkan nenek *I*. *I* kata *I* hendak pergi ke rumah Zainun - hendak pergi ambil *history notes*."

"Eh, eh, *you* bohongkan orang tua. Tak baik!"

"*I* bohong kerana *you* juga. Tapi tak apalah bukannya selalu."

Mereka berdua-duanya ketawa. Lalu lanjut berbual.

Kebetulan dalam banjirang orang ramai di pasar minggu itu, tergaul juga Mak Milah dan jirannya. Mereka datang dengan beberapa orang lain. Entah mengapa tergerak sahaja mereka hendak ke tempat itu hari itu. Berleka-lekalah mereka di tempat itu. Sambil berjalan sambil berbual dan sambil memandang pula.

Yang paling seronok berbual ialah Mak Milah. Ada sahaja yang hendak dikatakannya. Itulah, inilah dan selanjutnya. Sentil tembakaunya masih juga disorokkan di sebalik bibir kirinya. Terjojol sahaja bibir itu.

Sedang memandang itu Mak Milah separuh terjerit.

"Ha, hah! Itu dia Si Khalil! Ai, dengan siapa pula dia tu. Dengan perempuan nampaknya?"

Semua mata ahli kumpulannya terarah ke arah tangannya yang menunjuk itu.

"Betullah kata saya tadi Khalil hendak jumpa perempuan. Dah pun kita nampak sekarang. Tapi siapa pula perempuan itu?"

"Entahlah, kurang nampak pula mata saya ini. Mari kita dekat!"

"Buat apa pula?"

"Ah, marilah!"

Mereka pergi ke tempat Khalil dengan si manisnya.

"Hendak ke mana kita?" Mereka mendengar perempuan itu bersuara.

"Ke *garden*, bagaimana?"

Si gadis mengangguk setuju. Mereka lalu meng-

hilang dalam orang ramai itu.

"Eei, ei, ei, ke *garden*?" Mulut Mak Milah setengah terbuka. Tangannya segera menolak sentil tembakaunya ke sudut kanan bibirnya.

"Haah! Itulah sosial ayam eh, sosial ayam pulak!" berkata si jiran dengan melatah.

Fikiran Rakyat, 19 April 1957

Menanti Malam Hari Raya Kedua

LAMPU biliknya yang sepatutnya sudah dipadamkan masih lagi bernyala menerangi biliknya yang kecil tapi teratur rapi kelengkapannya. Kawannya, seorang perempuan yang baru meningkat dua puluh tujuh tahun dan gempal pula badannya, sudah pun tidur sebelahnyanya. Kawannya itu berkain dan bercoli sahaja. Dan rambutnya terburai lebat di atas bantal.

Pada masa yang sedemikian sepatutnya dia sudah tidur juga. Sudah hampir jam tiga. Tapi entah mengapa begitu dicubanya melelapkan matanya, tidak juga mahu terlelap mata itu. Seolah-olah malam adalah siang bagi matanya itu.

Di kepalanya bermain sesuatu. Wajah seorang inspektor yang sudah banyak kali datang menghampirinya, menjenguk beberapa kali di kepalanya. Wajah itu sudah mesra dan senang pula dibayangkannya.

Radiah, kawannya yang sedang enak tidur, itulah memperkenalkan inspektor itu kepadanya. Menurut kawannya itu inspektor itu baik. Dan satu yang selalu diulang-ulangkan oleh kawannya itu ialah: "Dia murah hati. Jangan dilepaskan orang yang sebegitu. Ikat saja segera dan jangan dilepas-lepaskan lagi!"

Dia tersenyum sendirian apabila meningkatkan kata-kata kawannya itu. Dipandangnya kawannya yang sedang lenyap tidur itu. Lalu senyumannya melebar lagi; sedang wajah inspektor muda itu mencuri masuk lagi kepalanya. Terlalu mesra.

Dalam mengenang-ngenangkan inspektor muda itu, wajah ibunya yang 200 batu jauh darinya itu tidak dapat dilupakannya juga. Orang tua itu sudah hampir lima puluh tahun usianya dan sedang melanjutkan hidupnya dengan wang yang dikirimnya.

Terlalu disayanginya ibunya itu. Sejak kecil hingga dia berumah tangga kemudian menjadi janda lalu merantau pula ke Singapura, kasih ibunya itu terlalu dirasakannya dan kasih itu tidak dapat dilupakannya. "Ibu jangan khuatir. Saya pergi ke Singapura bukan untuk apa-apa tetapi untuk mencari makan buat ibu dan adik saya!" Dia mengingati kata-kata yang dilafzkannya kepada ibunya semasa hendak ke Singapura dahulu. Masih dapat dilihatnya bagaimana orang tua itu menangis melepaskannya. "Baik-baik di rantau orang, nak. Baik-baik ...!" kata ibunya dalam tangisan yang terlalu menyucuk-nyucukkan hatinya.

Dalam berbaring itu, meleleh juga air matanya. Dengan sapu tangannya yang penuh air wangi dikesatnya air mata yang sedang merayap-rayap di pipinya itu.

"Jangan peluklah di sini. Orang banyak!" Suara kawannya yang sedang mengigau itu kedengaran. Dia mendengari igauan kawannya itu. Dalam bersedih itu sanggup juga dia tersenyum, kerana dia tahu siapa dia yang dimaksudkan oleh kawannya, Radiah itu. Orangnyalah Musa, seorang kerani dan kawan kepada inspektor yang mesra di kenangannya itu.

"Orang banyaklah, bang. Janganlah." Igauan kawannya itu berlanjutan.

Dia tidak tersenyum lagi. Wajah ibu dan inspektor berganti-ganti mencuri masuk kepalanya. Keduanya mesra.

Dia masih ingat isi surat pertama daripada ibunya itu. Surat itu pendek sahaja, tapi meriakan hatinya. "Mila, ibunda sudah terima wang kirimanmu. Begitulah selalu anakanda hendaknya. Ibunda mendoakan kesejahteraanmu."

Surat-surat lain dan kiriman wang terus berlanjutan. Kemesraan tetap ada dalam tiap-tiap surat ibunya. Dan dia berasa terlalu riang.

Dia sedar benar bahawa dia bukanlah anak ibunya yang sebenar. Ini diketahuinya sesudah dia pandai berfikir. Dia tahu – menerusi orang dan dalam pencariannya sendiri – bahawa dia anak Cina sebenarnya. Dan dia telah diserahkan kepada ibunya itu sejak kecil-kecil lagi. Apakah dia anak yang halal atau haram tidak diketahuinya dan tidak pula mahu dia menanya kepada ibunya itu. Malah soal haram atau halal itu tidak mahu langsung difikirkannya, sebab soal itu terlalu menikam ketenteraman hatinya. Suaminya yang telah menceraikannya itu pernah mengatakan: "Heh, kalau sudah anak buangan, anak buangan juga ... !" Dan kata-kata itu tetap sebagai racun bagi hatinya yang memang telah lama luka.

"Bang janganlah ...!" Igauan Radiah kedengaran lagi.

Dia tidak menghiraukannya.

"Sudah tahu saya anak buangan mengapa abang kahwin saya?" Dia ingat, dia menanyi suaminya. Dan ingat juga dia jawapan apa yang diterimanya: Sepak dan terajang yang tidak bertimbang rasa. Kemudian diusulkan pula dengan cerai talak dua. Dan mengapa dia diceraikan itu dia tahu. Suaminya sudah menumpahkan kasih sayangnya kepada seorang pelayan!

"Biarkan dia membuat kau, nak!" demikian kata ibunya semasa dia kembali ke rumah ibunya semula. "Biarkan dia menganiayai dirimu. Sabar sajalah. Tuhan akan menolongmu dan akan mengutuki dia."

Selama setahun dia bergantung kepada orang tuanya. Dirasakannya terlalu dia membebani orang tua itu. Dan dirasakan juga bahawa kurang baik begitu. Maka itulah diputuskan fikirannya untuk ke Singapura, mengikut kawannya – seorang janda juga – bekerja di bandar yang besar itu.

Di bandar, mahu tidak mahu, dia menjadi pelayan. Modal kecantikan ada padanya. Walaupun modal itu tidak sanggup digunakan beberapa lama, kerana dia seberapa boleh hendak bekerja sebagai tukang cuci kain atau kerja lain yang agak manis, namun akhirnya, kerana terdesak, terpaksa juga digunakan modal kecantikannya itu. Modal itu terlalu berbahaya. Dan bahayanya telah ditanggungnya juga. Berapa kali sudah dia dikotori. Terpaksa, kerana selalu sangat serangan datang. Dan dia tahu bahawa dia berdosa.

Wajah inspektor menjengah lagi. Kemudian padam kerana wajah ibunya menggantikan tempat itu. Dia tidak dapat menahan tangisannya. Dirasakannya bahawa segala kekotorannya itu telah terdedah di mata inspektor dan ibunya itu. Dia terlalu malu, terutama kepada ibunya yang tua itu.

"Anakanda sihat dan walafiat di sini ibunda Tidak ada apa-apa yang mengacau" Demikian selalu yang dikhabarkan kepada orang tuanya itu. Dia terus menangis, kerana dia tahu bahawa dia membohongi orang tuanya itu.

"Alhamdulillah, syukurlah ibu kepada Tuhan kerana telah menetapkan imanmu!" Demikian pula ibunya selalu menjawab.

Dia terus sahaja menangis. Terus.

"Abang ni, dahsyatlah" Igauan Radiah didegarinya lagi. Igauan itu diselangi dengan ketawa kecil yang bernada manja. Dan bantal peluk yang dipeluknya itu semakin erat terpeluk.

Dia tidak mempedulikan juga igauan kawannya itu. Baginya hal itu sudah sesuatu yang biasa. Apalagi pada akhir-akhir ini, kawannya itu selalu sahaja mengigau: Menyebut-nyebut nama kerani yang selalu mengusiknya.

"Ibu, tentu ibu tahu saya bukan saja hendak jahat. Di bandar banyak godaan, bu. Telah saya cuba melawan segala godaan itu, tapi sia-sia. Siapakah dapat menahan nafsu kalau sudah selalu-selalu rapat dengan jenis lawannya?" Demikian kepada wajah ibunya yang terdedah di kepalanya itu dikhabarkannya. Dirasakannya ibunya mendengar segala yang dikatakannya itu. Dan seolah-olah nampak dia kemarahan ibunya yang memuncak. Dia terus menangis.

"Saya tahu Cik Mila sudah lama. Saya memerhatikannya. Dan janganlah pula Cik Mila menyangka semua lelaki di dunia ini serupa mahu meneguk madu semata-mata." Didengarinya pula kata-kata inspektor yang sangat mesra baginya itu. Wajah inspektor itu semakin terang di kepalanya. Dan kata-kata inspektor lanjut didengarinya: "Benar Cik Mila, saya tidak bohong. Saya mahu Cik Mila menjadi isteri saya. Cik Mila fikirkanlah masak-masak. Kemudian berilah saya jawapannya. Saya akan datang ke sini lagi pada malam hari raya yang kedua. Berilah jawapan pada ketika itu nanti!"

Dia ingat: Mulutnya tidak terbuka langsung pada saat inspektor itu berkata demikian. Ada sesuatu yang terlalu mesra dirasakannya. Dan walaupun pada ketika itu mahu dia membentangkan kepada

inspektor itu segala riwayatnya yang kotor itu, mulutnya tidak terbuka. Mulutnya seolah-olah turut takut untuk menyatakan segala kekotoran yang telah dilakukannya.

"Ei, ei, Encik Musa ni cium orang di tengah oranglah" Igauan Radiah terus berlanjutan. Bantal peluk yang dipeluknya itu bengkok sahaja kerana terlalu erat dipeluki.

Dia membiarkan sahaja kawannya bermesra dengan igauannya itu. Dia tahu kawannya sedang sampai ke puncak igauannya.

"Ibunda, pada hari raya ini anakanda tidak dapat pulang ke kampung!" Demikian surat akhirnya kepada ibunya. "Kerja terlalu banyak, ibunda. Sebab itulah anakanda tidak dapat pulang. Janganlah ibunda terasa luka hati. Jiwa anakanda tetap berada di sisi ibunda. Dan terimalah kiriman wang ini untuk ibunda dan adinda."

Suratnya itu masih lagi belum diterima balasan-nya. Sudah hampir seminggu dikirimkannya. Khuatir juga hatinya kalah-kalau Dalim yang tolong menulis surat-surat ibunya itu sedang sakit. Atau khuatir juga dia kalau-kalau ibunya terluka hati kerana mendengar berita: Dia tidak dapat pulang ke kampung.

Masa berjalan cepat, sudah jam tiga, tiga suku. Matanya dan hatinya juga masih belum tenteram. Ingin benar dia melelepkan matanya atau menenteramkan hati dan fikirannya. Tapi sia-sia sahaja. Hati dan fikirannya yang tidak tenteram itulah sebenarnya menyenggang matanya. Wajah inspektor dan ibunya berganti-ganti mencuri masuk ke kepalanya lagi. Kedua-duanya mesra. Tapi kedua-duanya merunsingkan.

Apabila wajah inspektor mencuri masuk ke kepalanya, kata-kata inspektor yang terakhir itu tidak dapat dilupakannya: "Saya akan ke sini lagi pada

malam hari raya yang kedua. Berilah jawapan pada ketika itu nanti." Dan apabila pula wajah ibunya mencuri masuk ke kepalanya, kegelisahan semakin bertambah-tambah di hatinya. Apakah ibunya itu terluka hati kerana dia tidak pulang ke kampung pada hari raya ini?

Dua wajah yang mesra itu berbaur. Fikirannya bergaul. Dan dia berada di puncak kegelisahannya.

Dalam keadaan yang demikian, dia mendengar lanjutan igauan kawannya itu. "Ah, abang bohong. Abang cuma hendak mencium-cium saya, tapi tidak mahu mengambil saya sebagai isteri yang halal!"

Jamilah yang mendengarnya mencururkan air matanya.

Fikiran Rakyat, 1 Mei 1957

Kerani Besar

PEJABAT PENTADBIRAN hospital tersebut sibuk benar suasananya pagi itu. Pagi tersebut ialah pagi membayar gaji kepada kakitangan hospital kesemuanya.

Di hujung bilik pejabat yang panjang itu – berhampiran dengan muka pintu – telah beratur beberapa orang *nurse* yang menantikan kedatangan wang gaji mereka yang masih belum sampai ke pejabat itu lagi. Di tempat itu juga berdiri beberapa orang *hospital attendant* dan *dispensary*. Mereka pun turut menantikan gaji mereka. Tidak jauh dari mereka bersandar seorang peon di sebuah kabinet menyimpan fail-fail. Matanya dipusatkannya kepada *nurse-nurse* yang cantik-cantik itu.

Tidak berapa jauh dari tempat nurse itu, beratur berderet-deret tiga buah meja yang besar-besar. Di atas meja itu tersusun beberapa buah fail dan buku-buku. Juga di atas meja itu berselerakan alat-alat pejabat seperti *stampad*, botol-botol dakwat, mata pen dan pensel, kertas lap, *typewriter* dan telefon. Di ketiga-tiga meja itu duduk tiga orang kerani tua yang nampaknya tidak sedikit pun mengambil endah akan *nurse-nurse* yang cantik itu.

Seorang anak muda yang usianya dalam ling-

kungan 21 tahun sedang berdiri di hadapan sebuah daripada tiga buah meja yang besar itu. Duduk di hadapannya ialah seorang kerani tua bangsa Nasrani yang telah bergaris-garis mukanya kerana kulitnya yang telah tua itu. Kerani tua itu ialah kerani besar di pejabat itu.

Agak lama kerani tua tersebut merenung telefon yang terletak bisu di hadapan mejanya. Dia seolah-olah berkira-kira apa yang hendak dicakapkannya kepada anak muda yang sedang berdiri dengan tenangnya di hadapannya itu.

Seorang peon datang ke meja besar itu lalu menaruhkan beberapa helai kertas ke dalam *entry*nya. Kemudian dia berlalu dari situ. Kerani besar itu mendiamkan sahaja peon itu berlalu dengan tidak menyuruh mengesposkan beberapa pucuk surat mustahak yang sepatutnya diposkan. Matanya masih merayap-rayap ke telefon yang di atas mejanya itu.

"Awak tahu Syamsir?" Dia memulakan sesudah sahaja matanya itu diangkat dari telefonnya dan sesudah apa yang hendak dicakapkannya itu menjulur-julur di kepalanya. "Pekerjaan susah sekarang ini. Awak harus fikir habis-habis sebelum awak memajukan surat permohonan berhenti ini." Dia berhenti seketika. Matanya diarahkannya pula ke arah seorang kerani Melayu tua yang tertunduk-tunduk benar di atas surat yang sedang dibacanya itu. Kerani Melayu itu bergelas mata yang tebal.

"Awak lihat saja Cik Mail itu! Dia melanjutkan dengan mengarahkan kepalanya ke arah Cik Ismail yang sedang berteliti benar membaca surat yang harus dipertanggungjawabkannya. "Dia bekerja di sini sudah dua puluh dua tahun lamanya. Dia tidak pun berkecoh-kecoh seperti awak. Baru saja lapan bulan kerja sudah hendak berhenti."

Anak muda yang berkaca mata tipis di hadapannya itu memandang tepat kepada kerani Serani yang sedang berbicara kepadanya. Dari pandangannya yang tajam itu nyatalah ada sesuatu yang terbuku di hatinya, sesuatu yang menjadi punca pemberhentianya itu.

"Cuba awak fikir lagi!" Kerani Serani itu mengulangi lagi.

Nurse-nurse yang beratur dan beberapa orang *atendan* yang berkumpul untuk mengambil gajinya mula beratur dengan teratur kerana peti yang berisi gajinya itu telah tiba ke pejabat tersebut. Suasana di tempat itu mula menjadi semakin sibuk, kerana beberapa orang kerani yang sedang bekerja turut segera bangun untuk berebut-rebut mengambil gaji masing-masing.

"Sudah saya katakan kepada tuan saya mahu berhenti. Sebab itulah saya sampaikan surat permohonan berhenti ini." Anak muda itu mula menjawab sambil matanya masih tetap berisi dengan sesuatu yang mengandungi rahsia yang kurang menyenangkan.

"Saya tahu itu, saya tahu. Tetapi mustahillah awak tidak boleh berfikir sekali lagi. Awak sendiri tahu kerja-kerja di tempat ini banyak dan pemergian awak dari sini akan melumpuhkan perjalanan pejabat ini, sebab tidak mudah hendak mengajar orang baru untuk membuat pekerjaan awak itu."

"Benar tuan, tetapi saya sudah mengambil ketetapan. Saya akan bekerja di tempat lain. Dan saya mahu berhenti dari tempat ini."

"Lagi-lagi itu yang awak katakan, lagi-lagi itu," berkata kerani itu sambil mengayun tangan kanannya seolah-olah ayunan tangan itu lebih menjelaskan lagi kejemumannya mendengarkan jawapan anak muda itu.

"Itu saya tahu tapi awak mestilah fikir hari depan awak. Awak muda dan mempunyai kesempatan yang baik untuk menjawat kerja yang baik di tempat ini sekiranya awak sanggup bekerja keras di tempat ini."

"Selama ini apakah saya tidak bekerja keras?"

"Saya tahu awak bekerja keras. Dan saya tahu awak marah kepada saya kerana saya memberi awak sekeping memo menyuruh awak bekerja sampai malam sedikit untuk mengisi butir-butir kad rekod kerja yang terpaksa dihantar ke Pejabat Statistik pada pertengahan bulan ini. Tetapi tidakkanlah awak tidak boleh bertahan dengan kerja yang hanya memakan beberapa waktu saja. Waktu saya muda-muda dulu saya bekerja lebih dari itu. Kadang-kadang saya berkerja sampai tengah malam."

Mata anak muda itu merenungi juga kerani yang sedang bercakap kepadanya itu. Cahayanya tidak mesra.

Ketetapan untuk berhenti itu telah lama diambilnya. Sejak sebulan yang lalu telah terencana ketetapan itu. Tetapi hanya pada hari itulah dia mengambil keputusan yang muktamad.

Dia bekerja di hospital itu memang tidak lama. Hanya baru masuk delapan bulan sahaja. Dan di dalam delapan bulan itu banyak jugalah yang telah dipelajarinya, terutama sekali semasa dia bekerja di Pejabat Pentadbiran di hospital itu.

Dirasanya memang sedap bekerja di tempat tersebut semasa mula-mula dipindahkan ke pejabat itu. Di tempat itu dia sering berhadapan dengan atendan dan peon - kelas terbawah di hospital - yang kerana hendak meminta cuti harus menemuinya. Daripada penemuan hari-hari itu banyaklah cerita dan peristiwa yang melukakan, juga yang meriakan telah dihadapinya. Daripada penemuan itu juga banyak yang

dapat dipelajarinya: Pelajaran hidup yang benar-benar hidup.

Pada mula datangnya di tempat itu dia hanya berkenalan dengan Karim seorang peon di situ. Walaupun Karim ini dirasakannya tidak begitu se-cocok untuk berkawan dengannya, kerana Karim sering suka mengusik *nurse-nurse* di hadapan khalayak ramai, namun banyak yang dapat dipelajarinya daripada peon tersebut. Daripada Karim banyak rahsia tentang *nurse-nurse* dan amah-amah juga atendan-atendan di hospital itu diketahuinya. Malah rahsia-rahsia yang lebih buruk yang dilakukan oleh *nurse-nurse* termasuk *student-student*, doktor-doktor dapat juga diketahuinya. Memang baginya untuk menyatakan tentang hal itu berterang-terang dirasakannya memalukan sahaja, tetapi tidak sanggup pula dia membiarkan sahaja hal itu daripada berlaku. Dan walaupun bukan kewajibannya untuk mencegah kerja-kerja yang padanya kotor itu, namun dirasakannya benar-benar bahawa melihat kejadian-kejadian itu adalah satu dosa yang tidak termaafkan juga.

Pada suatu ketika, semasa dia bekerja sampai malam (kerana disuruh – sebenarnya paksa) dia telah menyaksikan satu peristiwa yang memalukan dirinya sendiri. Semasa dia hendak masuk ke bilik tempat buang air dia telah mendengar bunyi orang kesakitan. Baginya hal itu adalah satu soal yang biasa. Tetapi kerana cungan kesakitan itu datangnya dari tempat bilik air itu, maka dirasakannya ganjil juga. Pada hematnya tentulah ada orang sakit. Dan dia terus menerpa masuk: Mendedahkan pintu yang sebenarnya tidak berkunci. Berderau dadanya.

Ada dua manusia mengerjakan sesuatu yang buruk, bukan pula pada tempatnya.

“Tolonglah jangan *direportkan*,” berkata seorang

nurse yang masih muda, dipercayai masih gadis lagi(?)

"Ya, tolonglah!" menyambung *hospital attendant* muda yang sedang mengongsi "kemesraan" bersama itu.

Dia tidak terdaya untuk berkata apa-apa. Pintu itu ditutupkannya semula dengan lesu. Dan semasa dia berlalu masih juga didengarnya suara *nurse* itu:

"Tolonglah jangan *direportkan*."

Dan suara cungan kesakitan itu meninggi nadanya.

Sebenarnya bukan pula peristiwa itu sahaja yang menjadi punca besarnya untuk berhenti itu. Kejadian sedemikian semakin hari semakin lumrah baginya. Dan dia tidak dapat menahannya.

Punca sebenarnya ialah perselisihan dengan kerani besar itu. Kerani besar itu tidak sedikit pun pernah memberi kerjasama kepadanya. Semenjak masuknya ke pejabat itu dia selalu disalahkan belaka. Dan itu tidak dapat ditahannya lebih dari lapan bulan lagi.

Pernah dia bertengkar dengan kerani besarnya itu.

"Orang macam awak hendak menjalankan pentadbiran negeri ini?" Demikian meledak kerani besarnya apabila pekerjaannya (bila Syamsir) didapatinya lambat.

Syamsir tidak dapat menjawab apa-apa. Memang pekerjaannya itu lambat. Tapi bagaimanakah pekerjaan yang hanya baru dibuatnya dalam seminggu mesti dilakukannya seperti suatu pekerjaan yang sudah dibuatnya selama dua atau tiga tahun? Dan memang mahu dia membantah, tetapi pesan ibunya masih tidak lupa di kepalanya: "Jangan diambil peduli kemarahan kerani besar. Dia hanya mencuba."

Memang disangkanya kerani besar itu mencuba juga. Maka dia diam sahaja. Tapi apabila kerani itu meledak dengan kata-kata: "Orang macam awak hanya pandai memanaskan tempat duduk saja!" Dia menjadi semakin tidak tahan, dia bukannya anak-anak lagi yang tidak tahu sindiran. Dan semakin menggelegak hatinya apabila kerani itu, pada suatu ketika, tegak-tegak mengatannya: "Orang macam awak tidak boleh jadi macam Sir Winston Churchill!"

Rasa kemarahannya meningkat naik sahaja. *Degree* panasnya tidak kurang daripada 90 darjah ke atas. Dan dia sendiri sedar bahawa pada suatu masa dia pula akan meledak.

Pembahagian gaji telah dimulai. *Nurse-nurse* dan *hospital-hospital attendant* yang beratur sudah mula membuat bising. Keadaan pejabat itu sudah menyamai keadaan di sebuah pasar.

Anak muda itu masih juga di hadapan kerani besarnya dengan tidak bersuara sepele pun. Kerani besarnya masih juga diam. Matanya menjalari seluruh badan anak muda itu. Kemudian dengan mendongak lagi dia memulakan:

"Tidakkah boleh awak bersabar lama sedikit! Tidakkah awak boleh menjadi seperti Cik Mail itu?"

Anak muda itu merenungi kerani besarnya. Lebih tajam.

"Kenapa awak tidak jawab?"

Bibir anak muda itu mulai bergerak-gerak. Kemudian dengan tiba-tiba anak muda itu meledak:

"Saya sudah lama bersabar. Ini sudah saya katakan tadi. Dan saya bukan Encik Mail. Barangkali Encik Mail boleh sabar. Saya tahu sebabnya: Encik Mail sudah ada anak dan isteri dan Encik Mail tidak lama lagi akan pencen. Kerana itulah dia takut hendak membantah sebarang suruhan, walaupun sebenar-

nya suruhan itu keterlaluhan. Tapi saya tidak. Saya masih muda. Masih banyak usaha yang boleh saya kerjakan. Dan saya tidak percaya kalau saya tidak bekerja di sini saya akan kebulur. Barangkali kalau tuan tidak bekerja di sini tuan akan kebulur. Saya tahu apa yang tuan pandai buat: Datang lambat-lambat. Kemudian berpura-pura pula sibuk dan kalau ada hari *race* kuda, kerja tuan, tuan serahkan kepada saya dan tuan pergi ke padang kuda! Apa itukah yang dinamakan saya mesti sabar?"

Mata kerani itu mulai dipenuhi api kemarahan. Apinya baru berbara sahaja. Dalam keadaannya yang begitu, anak muda itu melanjutkan:

"Tuan hanya pandai berkata: Saya tidak tahu berbuat apa-apa. Tuan hanya pandai menyebut nama Sir Winston Churchill. Dan tuan hanya pandai mengata bahawa orang yang semacam saya tidak pandai menjalankan pentadbiran negeri. Barangkali tuan benar. Tapi saya rasa pada masa tuan berumur semuda saya ini dulu, tuan hanya pandai menghitung wang masuk dan wang keluar pejabat ini saja. Barangkali juga pada masa itu tuan tidak kenal pun siapa dia Sir Winston Churchill itu! Sekurang-kurangnya pada masa ini saya kenal juga siapa dia Presiden Eisenhower, siapa dia Anthony Eden, siapa dia Dag Hammersjold dan siapa dia Nehru dan Soekarno. Dan saya rasa saya lebih bangga kerana sekurang-kurangnya dalam usia saya sebegini saya lebih kenal orang-orang yang ternama di tanah air ini sendiri, seperti Lim Yew Hock, Lee Kuan Yew, Hamid Jumat, Dato' Onn, Ahmad Boestamam dan Doktor Burhanuddin. Kadang-kadang saya sendiri merasa malu kerana sudah setua ini, sudah sedemikian lama hidup, tuan hanya baru mengenal seorang saja: Sir Winston Churchill. Itu pun saya kira tuan hanya pandai me-

nyebut nama orang itu saja. Dan tuan tidak tahu riwayat ringkasnya pun."

Wajah kerani besar itu semakin merah jadinya. Nyata ada tanda-tanda dia mahu meledak, tapi entah mengapa dia terpaku sahaja. Encik Mail, kerani tua, yang tidak berapa jauh darinya itu mencuri-curi melihat wajah kerani besar yang selama ini tidak berani dibantahnya. Cik Mail kelihatan ketakutan, seolah-olah dia yang sedang menjawab, bukan Syamsir.

"Dan tuan tahu megnapa saya mahu berhenti sekarang?" Anak muda itu lanjut bertanya. Dan dia sendiri menjawabnya:

"Ya, kalau saya bekerja di tempat ini saya akan hanya menjadi kerani besar saja. Dan kalau saya di tempat ini saya hanya dapat belajar tentang wang keluar masuk saja. Dan kalau saya di sini saya hanya dapat berkenalan dengan orang-orang yang hanya mengenal anak seorang pembesar di dunia - Sir Winston Churchill - tetapi hanya mengenal namanya saja dan nama beberapa ekor kuda! Apa guna saya mengenal nama seorang pembesar dunia dan nama beberapa ekor kuda?"

Anak muda itu berhenti seketika. Kemudian dengan nada lebih keras, dia mengakhiri kata-katanya:

"Saya keluar sebab saya mahu jadi lebih besar dari kerani besar. Dan saya keluar sebab saya mahu jadi lebih besar dari orang yang pandai menyebut Sir Winston Churchill saja!"

Hilaian ketawa *nurse-nurse* yang sedang mengambil gaji itu kedengaran.

Mata kerani besar itu terus merah.

Fikiran Rakyat, 17 Mei 1957

Kereta Api ke Kuala Lumpur

BARU sahaja tiga bulan saya berada di Singapura, saya telah menerima sepucuk telegram daripada orang rumah saya. Telegram itu memberitahu bahawa isteri saya yang saya tinggalkan itu sedang sakit kuat. Dan saya diminta untuk pulang segera.

Walaupun saya baru sahaja tiga bulan di Singapura itu, sebenarnya hanya baru sebulan setengah sahaja saya bekerja di tempat itu. Saya rasa di antara kawan-kawan saya yang banyak ke Singapura itu, sayalah yang agak beruntung sekali, sebab kebanyakan daripada kawan-kawan saya itu masih belum mendapat pekerjaan hingga ke saat ini.

Dan pekerjaan yang saya dapat itu tidaklah lain daripada menjadi seorang buruh di pelabuhan, di *Harbour Board*.

Di Persekutuan sebenarnya sudah hampir satu tahun setengah saya tidak bekerja. Dan tiada ada sebarang tanda pun yang saya akan mendapat pekerjaan di Persekutuan. Kerana kegelisahan yang demikian memanjang akhirnya tergerak pulalah hati saya untuk ke Singapura. Di Singapura saya ada seorang kawan sekolah yang sekarang ini menjadi seorang mata-mata. Dan ke rumahnyalah saya menumpang untuk beberapa waktu. Akhirnya dengan

pertolongan kawan saya itu jugalah saya mendapat pekerjaan sebagai seorang buruh pelabuhan itu.

Kegelisahan yang bergayut di hati saya selama setahun setengah di Persekutuan itu mempertajam azam saya untuk bekerja lebih kuat di Singapura. Dan azam itu lebih tajam lagi jadinya apabila saya mengingatkan bahawa selama setahun setengah ini masih belum dapat saya berikan kebahagiaan rumah tangga yang sebenarnya kepada isteri yang sungguh taat kepada saya.

Memanglah sudah nasib kami barangkali hendak menjalani hidup yang bersusah-susah dahulu. Dan untung pula orang yang hidup di samping saya ini tahu benar erti susah dan erti bantu-membantu terhadap suami isteri. Dan kerana adanya kesedaran inilah, maka dalam setahun setengah ini saya lebih bergantung pada pencariannya. Walaupun sebenarnya pencariannya ini tidak seberapa tapi dapat jugalah kami menyambung hidup kami yang terlalu sederhana ini.

Sekarang ini isteri yang saya sayangi dan terhutang budi itu sedang sakit. Teruk benar, menurut telegram yang saya terima itu.

Saya pun minta cuti seminggu daripada pihak yang berkenaan lalu bersiap untuk ke kampung saya.

Saya ke stesen kereta api seorang sahaja malam itu. Kawan saya Ali tidak dapat menghantarkan sebab dia dalam *duty*. Walaupun tidak ada orang yang menghantar saya ke stesen itu tidak pula saya rasa terbuang, sebab semasa menantikan kereta api yang hendak saya naiki itu saya telah bertemu dengan seorang kawan yang telah menganggur beberapa lama di Persekutuan dan di Singapura juga.

"Kenapa balik ke kampung?" Saya bertanya kepadanya.

"Eh, buat apa duduk di sini? Kerja bukannya ada. Tinggal tempat kawan, sehari dua bolehlah. Ini sudah berbulan, menyusahkan pula kawan. Baiklah pulang saja. Lapar dan mati biarlah di tempat sendiri. Ibu dapat melihat dan adik beradik pun dapat melihat," jawab kawan saya itu dengan panjang sedikit.

"Dulu kan kata kau nak dapat kerja di bank?" Saya lanjut bertanya.

"Dah nak dapat memang. Tapi tak dapat. Orang lain yang dapat – orang pandai main bola. Kaki saya kaki bangku, orang mahu kaki bola."

"O!" kata saya mengangguk-angguk.

Kami diam seketika. Saya kemudian memulakan semula:

"Dulu kan Mat Dali hendak beri kerja? Katanya keraninya hendak tolong."

Dengan wajah yang nampak penuh kebencian kawan saya itu menjawab:

"Mat Dali memang hendak kasi kerja, tapi bukan dia yang berkuasa. Keraninya yang hendak tolong, tapi, ah, kerani tak ada otak, dia hendak menolong kalau ada wang kopi. Mana hendak korek sampai lima puluh ringgit?"

"Jadi tak ada kerjalah sampai sekarang ni?"

"Ala ditanya pula. Kalau ada kerja takkan saya hendak pulang."

Saya diam sebentar. Dalam diam itu saya berfikir.

"Kalau ada kerja di pelabuhan jadi buruh, hendak?" Tiba-tiba saya bertanya seolah-olah hendak memberi harapan kepadanya.

"Aii, sudahlah biar saya pulang saja. Dah banyak yang berjanji. Memakan janji saja sudah hampir lima bulan. Takkan boleh kenyang perut makan janji saja. Perut hendak nasi."

"Eh, saya cakap betul ni! Kalau ada kerja di

tempat saya, saya panggil awak.”

“Kalau!” Kawan saya itu mengulangi perkataan “kalau” itu sambil menarik nafasnya ke dalam. Sesudah itu dia menyambung:

“Ah, baiklah saya pulang! Ibu dan bapa pun dah suruh beberapa kali. Duduk di kampung mengerjakan sawah sudah. Dan kalau ada jodoh kahwin, kemudian beranak dan mati. Habis kisah.”

Saya diam sahaja. Tetapi kawan saya itu ketawa, seolah-olah tak ada sesuatu pun yang disusahkannya lagi.

“Awak ke kampung kerana apa pula?” Dia menyal saya pula.

“Isteri saya sakit kuat,” jawab saya pendek.

“Ala, kenapa tinggalkan dia di sana pula? Bawalah ke Singapura, kalau sakit pun senang, tak berbalik-balik begini!”

“Belum ada tempat tinggal yang betul di sini. Lagi pula saya baru saja sebulan setengah bekerja.”

“O,” kata kawan saya itu memanjang. Kemudian: “Sakit apa?”

“Tak tahulah! Tapi dari suratnya yang lalu khabarnya harinya dah cukup.”

“Ha, hari apa?”

“Hari untuk melahirkan anak.”

“O, kalau gitu tak kuatlah sakitnya. Jangan di khawatirkan. Jadi ayah pulalah awak, ya?”

“Ya,” jawab saya bangga.

Kami menaiki kereta api kelas tiga. Kami menaiki petak kedua kelas tersebut. Saya duduk sebangku dengan kawan saya itu.

Di hadapan kami – jarak dua bangku – ada seorang perempuan muda, gemuk dan gempal, perempuan itu merokok dan bibirnya merah pula. Matanya liar macam mata pencuri.

Saya dan kawan saya duduk diam sahaja beberapa lama, tetapi apabila kereta api itu sampai ke Johor, dan apabila kastam memeriksa beg baju perempuan yang gemuk gempal itu, perhatian kami terhadap perempuan itu semakin bertambah.

"Ada bawa barang-barang baru?" tanya kastam itu kepadanya.

Perempuan itu menggeleng.

"Boleh saya periksa?" tanya kastam itu sambil memegang beg perempuan itu.

"Boleh," jawabnya dengan lembut, "tapi apakah yang hendak diperiksa, bukannya ada apa-apa," tambahannya dengan tersenyum pula.

Kastam itu tidak jadi memeriksanya, dan perempuan itu menghembuskan asap rokoknya keluar tingkap apabila kastam itu beredar. Apabila dia memandang kepada kami, perempuan itu segera melemparkan semula mukanya keluar jendela.

Kastam itu datang kepada kami dan bertanya kepada saya: "Ada baju-baju baru?"

"Tak ada."

"Cuba tengok."

Kastam itu menjenguk ke dalam beg saya yang buruk itu. Diangkatnya beberapa helai baju saya yang kebanyakannya masih belum lagi dicuci. Kastam itu kemudiannya memeriksa beg kawan saya yang hanya terisi tiga helai baju dan dua helai seluar yang sudah buruk-buruk.

"Mengada-ada saja kastam tu," kata kawan saya. "Kalau kita diperiksa. Kalau perempuan cantik, di-biarkan."

Kata-kata kawan saya itu kedengaran oleh perempuan itu. Mukanya masam. Dan dia melemparkan mukanya keluar tingkap lagi.

Kereta api mengengsot, kemudian berlari kuat.

Dalam perjalanan kereta api itu kawan saya tidur. Dia sudah tiga malam tidak tidur betul, katanya. Saya membiarkannya tidur. Saya sendiri memang hendak tidur, tetapi goncangan kereta api yang selalu mengejut-ngejut itu tidak dapat menenteramkan tidur saya itu. Saya berjaga sahaja dalam setengah mengantuk itu.

Kerana wanita yang gemuk gempal itu duduk berhadapan dengan saya, jadi mahu tidak mahu saya terpaksa melihatnya apabila mata saya terhala ke hadapan. Hendak saya menghalakan mata saya ke sebelah kanan, saya tidak berani, sebab di sebelah kanan saya ada sepasang orang laki isteri. Jadi terpaksa saya memandang ke hadapan sahaja, dan melihat kelakuan wanita yang gemuk gempal itu.

Dalam perjalanan kereta api itu saya perhatikan dia tidak putus-putus menghisap rokok. Dan rokoknya itu di dalam tin.

Semenjak saya bekerja tidak pernahlah saya menghisap rokok kalau sekiranya rokok itu tidak datangnya daripada seorang kawan. Kalaupun saya menghisapnya, rokok saya rokok murah sahaja. Tetapi perempuan itu menghisap rokok yang mahal dan di dalam tin pula. Tentulah dia orang banyak wang, berkata hati saya.

Dalam menghisap-hisap rokoknya itu perempuan itu memandang saya juga. Daripada pandangannya yang selalu dibuang-buang kembali mukanya itu ketahulah saya bahawa dia tidak suka melihat muka saya. Barangkali muka saya ini tidak cantik atau muka kurang rezekinya.

Saya memang tidak mahu memandangnya, tetapi apakan daya. Dia di hadapan saya. Ke manalah hendak saya sorokkan pandangan saya itu!

Sekali, waktu saya pandang dia tepat-tepat, dia

pun tengah memandangi saya juga. Bibirnya dicebikkan. Saya menunduk sambil ketawa sendirian. Hati saya geli benar kerana mendapati bahawa perempuan yang gemuk gempal itu masih berkelakuan anak-anak lagi. Kalaulah benar pun kami dipandang jijik, mengapa pula harus kami dicebikkan? Kamu bukannya anak-anak. Tetapi, itulah kelakuannya – kelakuan anak-anak.

Saya memang tidak senang kalau orang memandangi saya begitu. Saya tidak salah kerana itulah saya mengambil kesempatan untuk berbual-bual dengannya. Tetapi, bagaimana?

Saya diam sahaja sambil mencari jalan untuk berkenalan dengannya. Dalam kocek saya masih ada sebatang rokok. Kotak mancis pun ada, tetapi kerana hendak mencari jalan berkenalan dengannya itu maka kotak mancis saya itu saya masukkan ke dalam beg saya. Saya segera mengeluarkan rokok dan dengan memberanikan hati menuju kepadanya.

"Boleh saya pinjam mancis?" kata saya agak terketar juga. "Mancis saya dah habis." Saya menerangkan.

Perempuan itu tidak berkata apa-apa. Dia menghulurkan sahaja kotak mancisnya. Saya menggunakannya. Sepasang suami isteri yang duduk di kanan saya itu memerhatikan sahaja gelagat saya. Mereka nampaknya mulai curiga.

"Terima kasih," kata saya sambil memulangkan semula kotak mancisnya.

Perempuan itu tidak menjawab. Dia mengangguk sahaja. Dan saya berlalu darinya semula sambil memerhatikan sepasang suami isteri yang masih lagi memandangi gelagat saya. Saya terasa ketaran saya sendiri.

Peluang untuk saya berkenalan dengannya itu

masih tidak terluang.

Dalam perjalanan kereta api itu yang kira-kira sudah tiga jam, penjual kopi berlalu di dalam petak itu. Saya membeli dua cawan sambil mengejutkan kawan saya supaya bangun meminumnya. Kawan saya bangun dan mengesat-ngesat matanya.

"Kenapa dikejutkan?" Kawan saya itu bertanya. "Lain kali minum sajalah sendiri."

Dia menghabiskan kopinya lalu tidur lagi.

Perempuan yang gemuk gempal itu membeli kopi juga. Dan semasa hendak membayarnya, wang syilingnya bertaburan keluar. Wang syilingnya itu bergolek di atas lantai. Saya segera tolong memungutnya dan memulangkannya.

"Terima kasih." Dia mula bercakap.

Dan kali ini saya pula yang mengangguk. Sepasang suami isteri yang di kanan saya itu memerhatikan lagi kelakuan saya. Tentulah pada hematnya saya ini ialah seorang penjarah.

Kereta api lanjut berlari.

Sesudah peristiwa memungutkan wangnya yang jatuh itu, apabila memandang saya perempuan gemuk gempal itu mesti tersenyum. Saya pun membalasnya. Dan ketahuilah saya bahawa peluang untuk berkenalan dengannya itu sudah terluang.

Agak lama dia berdiam. Kemudian dia mula-mula mengetuk-ngetuk rokoknya. Memandang kepada saya, dihulurkan tin rokoknya. Kerana tidak mahu merendharkannya, apalagi kerana saya sendiri telah kehabisan rokok, maka saya tariklah sebatang rokok dari tinnya itu.

"Terima kasih," kata saya.

Dan kali ini dia menjawab: "Sama-sama."

Saya duduk di tempat saya semula sambil mengambil kotak mancis dari beg lalu menggunakannya.

"Tadi kata awak tak ada mancis?" Perempuan itu bertanya.

Saya mula sedar kesalahan saya. Saya tersengih sahaja. Perempuan itu turut ketawa sama. Dan sepasang suami isteri di kanan saya itu agaknya mulai merasa pelik – si isteri mula berbisik kepada suaminya. Dan si suami tergelak sahaja.

"Ke mana sebenarnya awak?"

"Apa?" Perempuan itu bertanya kembali. Dia kurang dengar kerana bunyi kereta api yang berlari itu terlalu bising.

"Ke mana awak?" Saya mengulangi.

"Marilah ke sini," katanya mengajak, "Saya tak dengar."

Saya datang duduk di sebelahnya lalu melanjutkan pertanyaan saya itu.

"Oo, saya hendak ke Kuala Lumpur, mak saya sakit kuat. Dan awak ke mana pula?"

"Kebetulan saya juga hendak ke Kuala Lumpur. Isteri saya sakit kuat." Saya menjawab.

"Isteri awak?"

"Ya, ya, isteri saya."

"Senasiblah kita ni," katanya.

Saya mengangguk sambil ketawa.

"Mana tempat awak?" Saya bersuara pula.

"Petaling, Petaling Jaya. Awak?"

"Saya? Saya di Setapak."

"Oooo!"

Kami diam sejeurus, kemudian saya bertanya: "Kenapa awak sombong saja tadi?"

"Sombong?"

"HMMMMMMMM, hMMMMMMMM."

Perempuan itu ketawa. "Saya khuatir, sebab saya seorang diri."

Saya tergelak dan dia turut tergelak sama. Kawan

saya yang kebetulan bangun tercengang melihatkan kami berdua tergelak meninggi itu.

Fikiran Rakyat, 31 Mei 1957

Lahirnya Seorang Anak

TENGAH malam benar ketika saya dipanggilnya. Tergopoh-gopoh saya bangun dan tergopoh pula pergi menemui Kak Syamsiah. Dia berada dalam keadaan yang sangat genting.

"Sir, tolong pergi panggilkan Mak Kamariah segera. Ini alamatnya. Bilangkan Kak Syamsiah sedang sakit benar!"

Saya tidak bersuara apa-apa. Saya ambil secebis surat yang dituliskan alamat Mak Kamariah itu lalu merenungnya. Di Setapak tempatnya, kira-kira dua batu dari tempat saya itu. Mahu saya bertanya tentang tempat yang hendak saya pergi itu sedikit, sebab belum pernah saya ke tempat itu – ke rumah itu – tapi kerana mendengarkan erangan Kak Syamsiah dari dalam maka segera sahaja saya berlalu.

Sedang saya memasang api lampu basikal, Asmah menghampiri saya.

"Suruh dia datang cepat-cepat juga!" Dia menyuruh. "Kak Syamsiah sakit benar. Tinggal menunggu masa saja."

Saya hanya mengangguk lalu menunggang basikal. Pada tengah malam yang sejuk itu saya menunggang basikal.

Mata saya terlalu mengantuk sangat. Malam itu

saya tidur lambat. Saya berborak-borak lama di Pasar Minggu – berborak-borak tentang tari bogel, tari *rock and roll* dan menjalarlah kisah-kisah yang agak penting. Pak Karim, kami gelarkan Pak Kaduk, bercerita tentang halnya semasa muda-muda dahulu: Tentang dia memanjat tingkap rumah Mak Timah untuk mengusik-usik Mak Timah itu. Diceritakannya tentang keberaniannya dan tentang dirinya yang menjadi Romeo atau Kasanova di kampungnya dahulu.

“Errrrrrr, Pak Karim dulu kacak. Gadis-gadis kampung Pak Karim semua tergila-gilakan Pak Karim, semua hendakkan Pak Karim, apalagi kerana Pak Karim gagah,” kata Pak Karim dengan bangga.

Dan kami yang mendengarnya walaupun tidak percaya benar dengan temberang Pak Karim itu, berpura-pura tertarik hati dengan ceritanya itu. Apabila melihat kami laku ditemberangnya, Pak Karim pun lanjutlah menggoreng:

“Satu kali semasa Pak Karim memanjat tingkap rumah Mak Timah, Pak Karim dinampak orang. Orang segera menjerit, Pak Karim segera dikejar orang. Pak Karim melompat. Cepat betul. Pendek kata macam herolah Pak Karim.” Pak Karim menggoreng dengan bangganya.

“Kalau begitu Pak Karim ni Burt Lancasterlah ya?” kata Syahrin, kawan kami yang hantu wayang itu.

“Siapa Lancaster?” tanya Pak Karim ragu-ragu.

“Ala, hero wayang yang pandai melompat itu!”

“Ha, bbb ... betullah Pak Karim macam hero itu!” Pak Karim segera mengaku.

Kami memandang sesama sendiri. Mentertawakannya di dalam hati.

“Tidak pernah sekalipun Pak Karim tertangkap?”

tanya saya. Dengan angkuh Pak Karim menjawab:

"Pendek kata tak sekali."

"Jadi Pak Karim ni adalah kaliber Errol Flynn jugalah, ya?" Syahrin yang banyak menengok wayang itu menanya lagi.

"Apa dia kaliber? Dan siapa dia Errol Flynn? bertanya Pak Karim.

"Kaliber ertinya kepandaian dan Errol Flynn, hero bintang filem yang misainya macam misai saya ini," menjawab Syahrin yang bermisai ala Errol Flynn itu.

"Ya, betul, betul Pak Karim pun macam Errol Flynn dulu. Memang dulu Pak Karim pun pakai misai ... macam misai Syahrin ini!"

Kami memandang sesama sendiri lagi. Dan mentertawakannya lagi di dalam hati kami sahaja.

"Jadi *famous*lah Pak Karim pada ketika itu, ya?" menyampuk seorang kawan lagi.

"Boleh tidak!" jawab Pak Karim dengan bangga lagi.

Kami memandang sesama sendiri lagi.

Saya berkayuh juga untuk ke Setapak itu. Dan gambaran perbualan kami dengan Pak Karim itu masih terang juga.

"Tapi, kenapa Pak Karim kahwin dengan Mak Seha?" tanya Jamil yang rambutnya kontot-kontot itu.

"Sebab Mak Seha pakai minyak guna-guna. Bapak Mak Seha tu bomoh," menjawab Pak Karim, menerangkan.

"Habis tak sedihkah Pak Karim kerana kehilangan Mak Timah itu?" bertanya pula seorang daripada kawan-kawan kami, Helmi, yang sebenarnya sedang bercinta panjang.

"Nak disedihkan apa lagi. Dah kena ubat guna-guna."

Kami tergelak bersama-sama Pak Karim.

"Lebih tak ingat lagilah, sekarang anak Pak Karim pun dah tujuh." Pak Karim menerangkan lebih lanjut.

Ketawa kami semakin membesar.

Selalunya begitulah hal saya. Lebih suka menghabiskan masa di Pasar Minggu itu berbual-bual dengan kawan-kawan, lebih-lebih lagi dengan Pak Karim. Perbualan begini dapat menyenangkan hati saya yang mengembara di tempat orang. Apalagi apabila mengenangkan diri sebatang kara di rantau orang.

Saya berkayuh terus. Dan kepala saya masih terus dipenuhi gambar-gambar tadi:

"Apa Pak Karim tak ada ilmukah – ilmu macam ilmu Mak Seha itu?" tanya pula Junadi, seorang kawan kami yang sebenarnya ada menaruh hati terhadap anak Pak Karim yang bongso.

"Ada, tapi, tak kuatlah. Kalau kuat, takkan Pak Karim terpikat olehnya pula."

"Bbbb, boleh Pak Karim turunkan ilmu itu kepada saya?" tanya Junadi lagi yang berniat hendak menggunakan ilmu itu semula untuk memenangi Sartina, anak Pak Karim itu.

"Tak boleh, tak boleh. Pak Karim tak mahu mengajar engkau orang ilmu itu semua. Lagi pula ilmu begini bukannya kuat lagi. Sebab sudah banyak wayar-wayar karan sekarang ini."

Junadi nampak gelisah. Kami mendengarkan terus.

Saya berkayuh terus. Tapi gambaran itu masih juga terang:

"Mak Timah tidak mencari Pak Karim sesudah dia tahu Pak Karim tergila-gilakan Mak Seha itu?" bertanya Syahari yang bermisai ala Errol Flynn tadi."

"Nak mencari macam mana lagi. Pak Karim dan Mak Seha sudah cabut dari kampung itu."

"Jadi macam hero dengan heroin di dalam cerita *"Now and Forever"*lah Pak Karim dan Mak Seha ni," kata Syahrin yang hantu wayang itu.

Pak Karim yang tidak tahu apa dia *"Now and Forever"* itu mengangguk-anggukkan kepalanya sahaja.

"Handal jugalah Pak Karim ini ya?" kata Hilmi pula.

"Iya, Romeolah katakan," puji Syahari.

Senyum Pak Karim melebar kerana pujian sedemikian yang memang pula diharap-harapkannya.

Sedang sedap kami berbual Mak Seha datang. Pak Karim segera bangun.

"Iya, takut juga Pak Karim ni kepada Mak Seha," berkata Kamal yang sejak mulanya diam sahaja.

"Bukan takut," kata Pak Karim menerangkan, "Tapi sayang. Nanti kalau kau sudah berbini kau tahulah." Pak Karim nenerangkan sambil berlalu dari meja itu.

Kawan kami - Syahrin - nampaknya terhibur mendengarkan perkataan "sayang" itu. Seperti terlena sahaja dia. Barangkali tergambar pula di kepalanya wajah Siti Zaiton yang sedang menjadi tunangnya.

"Sayang!" Dia mengeluh sendiri.

"Ei, jangan banyak angan-anganlah!" kata Syahrin, lalu kami semuanya beredar dari tempat itu.

Tidak sedar saya Setapak sudah dekat dan saya mulai berkayuh dengan perlahan-lahan.

* * *

Saya berbaring di atas katil lipat saya. Mata saya merenungi baju kotor saya yang masih banyak yang belum saya basuh-basuh lagi. Baju-baju itu tersidai

semuanya. Dan baunya masam benar!

Mahu saya lelapkan mata kerana terlalu mengantuk itu, tapi tidak pula tergamak hati saya untuk tidur sebab saya terpaksa menunggukan sebarang suruhan yang dikirakan perlu untuk saya menolongi Kak Syamsiah. Lebih tidak dapat saya melelapkan mata saya apabila mendengarkan erangan sakit Kak Syamsiah itu. Seperti saya yang sakit sendiri.

Saya bangun lalu mengambil buku tebal pemberian kekasih saya. Dalam buku tebal itu ada juga gambar kekasih saya itu. Dan memang saya mengambil buku itu kerana hendak melihat gambar itulah.

Serentak dengan masa saya melihat gambar kekasih saya itu, saya terdengarkan suara anak kecil menangis panjang dan beralun-alun.

Kak Syamsiah sudah melahirkan anaknya.

Segera saya menyimpan semula buku saya itu. Dan menanti sebarang suruhan. Saya mendengarkan Mak Bidan bersuara:

"Bawa besen air panas itu ke mari."

Saya tetap menunggu.

Sebentar kemudian saya dengar tapak kaki orang menghampiri bilik saya. Asmah mendatangi bilik saya, lalu berkata:

"Sudah selamat. Anak perempuan!"

Saya hanya mengangguk. Tidak tahu apa yang hendak saya katakan. Dan Asmah lalu keluar.

Kak Syamsiah ini sekadar tetangga saya sahaja. Kalau mengikut umur sayalah yang lebih tua daripadanya. Tapi sejak mula, sebagai menghormati, saya panggil dia Kak Syamsiah. Saya rasa panggilan itu secocok sebab dia sebenarnya sudah mempunyai suami. Tapi ganjil, semenjak saya berada di tempat itu hingga ke masa ini belum pernah sekali saya melihat suaminya. Dan belum pernah pula sekali Kak

Syamsiah ini menceritakan kepada saya tentang suaminya itu.

Tapi perhubungan saya dengannya sebagai tetangga dan sebagai orang dagang pula sungguh baik sekali. Kebaikan kami yang demikian rapat terkadang-kadang merisaukan saya juga kerana ada terdengar desas-desus tentang perhubungan kami itu. Bagi saya desas-desus itu adalah sesuatu yang biasa. Kerana itu, tidaklah begitu saya endahkan.

Di kampung itu, saya baru sahaja dua bulan. Tapi kerana berani saya menebalkan muka, maka banyak juga saya mempunyai kawan. Dan di antaranya termasuklah Kak Syamsiah dan Asmah, adik perempuannya.

Kepada Asmah pernah sekali saya tanyakan tentang hal mereka. Memang pertanyaan saya tentang diri mereka itu telah dengan tidak disengajakan terkeluar. Dan Asmah entah bagaimana pula telah begitu mempercayai saya, lalu menceritakan tentang diri mereka sekadar ringkas.

Mereka orang Negeri Sembilan. Mereka hanya tinggal berdua sahaja. Ayah dan ibu mereka keduanya sudah tidak ada. Dan mereka adalah dua orang kakak beradik yang hidup. Syamsiah kahwin dengan seorang ahli pasukan kawalan. Dan Asmah kerana tiada tempat bergantungnya yang lain, lalu menumpang dengan kakak dan abang iparnya sementara menantikan dirinya dilamari orang.

Dan tidak saya tanyai dia tentang suami kakaknya itu. Saya berasa tidak berhak menanyai sejauh itu. Lalu cerita itu mati setakat itu sahaja.

"Kerana ke sini?" tanya Asmah sesudah sahaja cerita tentang diri saya pula saya dipaparkan. "Di Singapurakan banyak kerja?"

Saya mengangguk. Tapi tidak pula memberi ja-

wapan kepadanya dan Asmah tidak menanya lagi.

Di kampung itu Asmah membuat kuih. Seorang budak mengambil dalal menjualnya. Itulah penghidupannya sehari-hari.

Akhirnya, selepas tiga bulan, tentang diri mereka itu saya ketahui juga. Kak Syamsiah sendiri yang membuka sejarah hidupnya. Saya mendengar sahaja.

"Kakak ikut dia. Kakak harapkan perlindungan darinya, kerana kakak tidak berayah dan beribu. Tapi harapan kakak sesia saja. Dia hanya mempermainkan saja. Sesudah bersuka-suka selama tiga bulan, kakak ditinggalkannya. Sebulan dari itu kakak hanya menerima surat cerai. Kakak tidak tahu di mana dia berada. Tapi menurut cap di atas *envelope* surat itu dia berada di Kedah. Kakak dengar khabar, entah benar entah tidak kakak tak tahu, dia sudah kahwin. Orang tuanya memaksa dan kakak"

Dia hanya menangis di hadapan saya. Asmah turut merasai penderitaan kakaknya.

Saya yang mendengarnya tidak tahu apa yang hendak saya katakan. Tidak dapat saya membantu mereka sebab keadaan saya sendiri belum betul.

Semakin hari semakin terseluklah saya rasa duka dua orang makhluk ini. Kami sama-sama orang terbuang di tempat itu. Sebagai menolongnya saya mengupah mereka membasuhkan baju saya dan turut pula membayar makan kepada mereka. Dan dalam hati saya, saya masih tetap berdoa agar kedua-dua makhluk ini akan dapat menemui hari depan yang berbahagia. Hari itu masih lagi kami menantikan dengan tabah.

Saya sedang asyik duduk di kedai kopi bersama-sama kawan saya. Kami berbual-bual macam selalu dan Pak Karim masih tetap menjadi orang terpenting di dalam perbualan kami itu. Banyak lagi kisah-kisah

Romeonya yang baru yang dikeluarkan. Dan kami yang tahu temberangnya masih tetap suka juga mendengarkan temberangnya itu.

Sedang asyik saya mendengarkan perbualan itu, Asmah dengan pakaiannya yang tidak menentu datang menjumpai saya. Saya agak terperanjat melihat keadaannya lalu segera menemuinya.

"Kakak panggil," katanya dengan mata yang penuh air mata.

"Kenapa?" Saya menanya agak runsing.

Asmah tidak menjawab malah terus menangis sahaja.

Saya dan dia segera ke rumah.

Apabila masuk ke bilik Kak Syamsiah saya nampak dia tengah memangku anaknya. Anaknya itu kelihatan pucat, mata hitamnya – ter naik ke atas.

"Tolong panggilkan Pak Dukun Aziz!" Kak Syamsiah meminta tolong. "Anak kakak kena sawan." Dia menerangkan dengan tangisan yang terhisir.

Seperti pada malam melahirkan anaknya dahulu, saya dengan menunggang basikal, segera ke rumah Pak Dukun Aziz. Di dalam kepala saya tergambar: Pak Karim yang sedang asyik bertemberang di tengah-tengah kawan-kawan saya yang pura-pura gemar mendengarkan temberangnya. Syamsiah yang menangis hiba dengan anak di pangkuannya yang sedang sawan, Asmah yang turut tidak ketentuan arah melihatkan keadaan kakak dan anak kakaknya dan suami Kak Syamsiah yang wajahnya cuba saya bentuk sendiri. Bengis, garang dan tidak bertimbang rasa.

Saya terus berkayuh.

Fikiran Rakyat, 14 Jun 1957

JAMIL berjalan ke pejabatnya dengan hati yang gelisah. Melalui dewan besar tempat orang-orang sakit menunggukan giliran masing-masing untuk diperiksa, tidak sedikit pun tergerak hatinya untuk menoleh ke meja hujung dewan itu, tempat duduk *nurse* Kathleen Preira yang selalu tersenyum kepadanya. Orang-orang yang menantikan gilirannya untuk diperiksa terlalu banyak hari itu. Bisingsnya di dewan itu hampir benar dengan dengan bisings di Pasar Besi, Singapura. Tapi kebisingan itu tidak pula mengusik hati Jamil – hati yang memang sudah terbakar sejak beberapa lama.

Terlalu bosan benar dia di tempat itu. Hari-hari hampir dua bulan sudah – dia terpaksa pulang lambat. Dia dipaksa – melalui sekeping memo yang ditandatangani oleh kerani besarnya – untuk bekerja hingga jauh malam kerana menyiapkan kad kerja (*service cards*) yang belum penuh dilengkapi dengan butir-butir yang diperlukan, untuk dihantarkan ke pejabat statistik. Pekerjaan itu terlalu baru baginya. Dan dimintanya pula dia melengkapi butir-butir yang diperlukan itu dalam masa seminggu sahaja. Dalam kemarahan yang amat sangat, dia mengerjakan juga suruhan itu.

Sepulang dari pejabat semalam, kerana terlalu bosan dan panas hati, dan juga kerana bermaksud hendak menenangkan hatinya, dia pun pergi ke Elizabeth Walks. Di tepi pantai itu dia berdiri sambil melemparkan pandangannya ke arah langit yang jernih. Bulan besar dan indah benar. Dua pasang merpati (sebenarnya manusia), tidak berapa jauh darinya, sedang bermesra: Yang Si Adam memeluk pinggang Si Hawa, manakala yang Si Hawa pula, dengan manja-manja, mendekatkan mukanya ke muka Si Adam.

Malam semalam belum pun sempat dia tidur dengan lena – kerana tergambar-gambar semula segala yang dilihatnya di Elizabeth Walks itu – sudah terpaksa dia bangun. Hujan yang turun dengan lebatnya membasahinya yang tidur betul-betul di bawah lubang atap yang bocor itu. Dia bangun, kemudian duduk, dan terkelip-kelip sahaja matanya hingga hujan itu berhenti. Dan apabila tergerak hatinya untuk tidur semula, jam sudah berdentang enam kali. Terpaksa dia bangun kerana khuatir tidak dapat mandi, sebab banyaknya orang di tempat tinggalnya itu.

Dan pagi itu dia ke pejabat lagi – ke pejabat yang sudah delapan bulan tidak menyenangkan hatinya.

Selepas sahaja melalui dewan tempat orang-orang sakit menantikan giliran masing-masing untuk diperiksa doktor, Jamil pun bersaing pula dengan seorang atendan yang kebetulan sedang menolak sebuah *stretcher* beroda yang sedang dipenuhi oleh alat-alat perubatan, buku-buku, kad-kad dan fail-fail untuk dibawa ke wadnya. Atendan itu tersenyum sahaja apabila melihatnya. Dan apabila mereka sudah hampir benar, atendan itu, dalam bahasa Inggeris, mula berucap:

“*Good morning, Mr. Jamil.*”

Atendan itu kemudiannya ketawa – menampakan giginya yang sudah banyak yang rongak dan kuning-kuning pula.

“Pagi benar datang hari ini nampaknya,” berkata atendan itu. Matanya dilemparkannya ke amah yang sedang melampauinya, lalu menyambung:

“Ha, boleh tahan!”

Jamil mendiampkannya sahaja. Dan atendan itu membaharui pertanyaannya:

“Pagi benar datang hari ini Encik Jamil, ada apa-akah?” Matanya masih tetap mengekori amah yang berjalan melenggang lembut itu.

“Terpaksa,” jawab Jamil sambil turut bantu menolak keretanya kerana mendaki jalan yang membukit.

“Pasal apa pula terpaksa?” Dia lanjut bertanya, tapi matanya masih tidak mahu melepaskan amah yang jalan berlenggang lembut itu.

“Hendak menghabiskan kerja orang. Sudah berapa malam, itu pun belum habis juga.”

“Encik Jamil kenal amah itu?” Atendan itu menukarkan pokok percakapan mereka itu dengan tiba-tiba sahaja.

Jamil menggelengkan kepalanya.

“Itu amah baru masuk. Baru dua bulan. Kawan saya merekomenkannya. Cantik, ya?”

Jamil tidak menjawab dan tidak pula mengangguk. Jamil menolak kereta itu dengan lebih ber tenaga lagi.

“Dia kerja di wad 23.” Atendan itu menerangkan dengan tidak Jamil memintanya dan kemudian, dengan tiba-tiba, atendan itu membelokkan keretanya itu ke kiri.

“Biar saya lalu di sini sajalah hari ini.” Dia memberitahu.

"Kenapa?" Jamil menanya kerana berasa hairan, sebab wad ke tempatnya itu bukan seharusnya jalan ke kiri itu.

"Saya ternampakkan imbasan Jauhara Singh di hadapan itu. Saya belum bayar lagi hutangnya. Bunganya pun sudah dua bulan saya tidak bayar."

Jamil menggelengkan kepalanya sambil melepaskan kereta itu belok ke kiri. Sebelum berpisah sempat juga atendan itu mengenyitkan mata kanannya kepada Jamil. Sambil mengenyitkan mata itu, dia menerangkan: "Tak cukuplah Encik Jamil kalau hendak diharapkan gaji sahaja. Anak saya empat." Dia langsung ketawa. Giginya yang rongak itu terdedah lagi.

"Jangan kapur sudahlah," kata Jamil pula. Mereka sama-sama ketawa.

Membelok ke kiri untuk ke pejabatnya, Jamil menemui Miss Weng Lan, seorang *typist*. Dia sedang berdiri di hadapan pintu pejabat kecilnya. Dia berbaju *you-can-see* yang berlubang-lubang dan bergaun hijau yang dipenuhi gambar beberapa orang koboi mengejar lembu yang sedang keliaran lari. Miss Weng Lan tersenyum apabila memerhatikan wajah Jamil muram. Dalam bahasa Inggeris, dia bertanya:

"Thinking of somebody?"

Jamil mentertawakannya sahaja.

Di sebelah kiri tidak berapa jauh dari Miss Weng, dan berdekatan dengan pintu besar, terdiri seorang Benggali jaga: Jauhara Singh! Dia sedang memutar-kan misainya yang tajam itu. Hujung misai itu menunjuk ke langit. Matanya yang terspek ke dalam, kerana terlalu mancung hidungnya itu, kelihatan liar. Miss Weng menjadi sasarannya.

"Sakitkah Jamil?" Miss Weng bertanya.

"Ya, hati banyak sakit!"

"*You crazy!*" katanya.

Jamil melampauinya.

Jamil masuk ke pejabat melalui bilik makan. Di dalam bilik makan itu seperti biasa Kamid, seorang peon, telah sedia ada. Dia sedang membaca sebuah buku tawarikh: *Tawarikh East India Company*.

"Susahlah Encik Jamil. Periksa sudah dekat benar ini".

"Apa yang senang? Kalau hendak diikutkan makan pun susah juga."

"Saya tak faham benar tentang East India Company ini." Dia mengakui. "Encik Jamil tolonglah terangkan."

"Sekarang ini saya tak boleh. Saya sedang marah sekarang. Lain kali sajalah." Jamil menerangkan kepadanya. Dia memang tahu benar bahawa Jamil gelisah benar beberapa lama ini.

"Saya rasa saya hendak berhenti saja dari sekolah malam ini, Encik Jamil. Ada saja masalah hendak belajar. Mana hendak kerja; mana hendak belajar; mana hendak memikirkan tentang hal-hal di rumah yang tak pernah menyenangkan hati. Ah, susah benarlah ...!"

"Tak usah begitu. Janganlah sekerat jalan saja belajar Encik Kamid. Kalau selama ini Encik Kamid tahan, tahanlah untuk berapa tahun saja."

"Saya sudah tidak terdaya benar Encik Jamil. Kepala saya ini sudah beku benar. Fikiran saya sudah terlalu banyak sekarang ini. Kalau tidaklah kerana hendak naik gaji harus belajar bahasa Inggeris, haram saya tak belajar. Tak patut benarlah. Hendak naik gaji pun kena periksa Inggeris. Padahal bila kita disuruh, selalunya bahasa Melayu itulah yang digunakan. Tak adil benarlah. Hendak mematikan peon saja undang-undang ini."

"Ai, begitulah Encik Kamid! Kita bekerja di bawah perintah orang, terpaksa ikut segala yang telah diperintah dan diundang-undangkan. Kalau dihendakkan seorang peon harus tahu bahasa Inggeris darjah sembilan, Encik Kamid terpaksa mematuhiya."

"Kebulurlah orang-orang yang semacam saya ini kalau begitu."

"Apa hendak dikatakan, kalau memang sudah dipaksakan begitu."

Jamil menggogok air paip yang ada di bilik makan itu, lalu masuk ke dalam pejabat. Bilik pejabat Jamil itu panjang. Dan meja Jamil di hujung sekali.

Memang masih pagi lagi Jamil datang hari itu, baru jam delapan. Di pejabat itu masih lagi belum ada orang datang selain daripada empat orang peon. Peon-peon ini sedang membersihkan meja-meja dan mengangkat *typewriter* ke meja-meja yang diperlukan. Seorang daripada mereka, kerana terlalu penat barangkali, sedang duduk di kerusi kerani besar. Barangkali dia sedang berangan-angan sebagai seorang kerani besar yang sedang mentadbirkan kerja-kerja dalam pejabat itu. Apabila terlihat Jamil datang, kakinya yang terletak di atas *in-tray* meja itu segera dijatuhkan. Dia tersengih sahaja. Dia merasa bersalah dan malu.

"Tak apalah Muthu, duduklah. Sekarang Muthu jadi kerani besar," berkata Jamil sambil ketawa. Dia turut ketawa sama. Giginya yang merah kerana air sirih itu, terdedah.

Dia segera bangun lalu menghampiri Jamil. Dan menanya:

"Encik Jamil, itu kad mahu hantar *statistic department* sudah habis bikinkah?"

Jamil menggelengkan kepalanya sambil menambah:

"Lagi dua hari pun belum tentu habis."

"Ayo, yo!" Muthu seolah-olah terperanjat.

Jamil berjalan ke mejanya. Dan berasa bosan apabila memerhatikan kad-kad yang masih banyak lagi bersusun itu.

Dengan hatinya yang mendongkol itu, dia memulakan kerjanya, walaupun waktu itu masih belum lagi waktunya untuk memulakan pekerjaan.

Sebentar kemudian, Muthu datang membawakan teh susu untuk Jamil. Teh ini sebenarnya *ration* yang diterima tiap-tiap pagi oleh peon-peon itu. Dan diberinya teh itu kepada Jamil kerana Jamil baik kepada mereka.

"Encik Jamil, Miss Janet sudah datang tau? Tengoklah, dia ini hari banyak cantik," Muthu memberitahu.

Jamil menoleh dan mendapati Janet sudah berada di hadapan meja *typewriternya*. Janet tidak pula memulakan kerjanya, kerana masih belum jam sembilan lagi, malah selalunya selepas jam sembilan pun tidak pernah dimulakan kerjanya. Waktu itu dia akan masih lagi berceloteh-celoteh dengan kerani besar.

Janet sedang membetulkan rambutnya yang berfesyen *Mohican hair-cut* itu.

Dia memandang Jamil, lalu berkata:

"*Work hard, eh? You can be chief clerk soon!*"

Jamil tidak menjawab. Dia tahu bahawa Janet ialah kesayangan kerani besar.

Berhadapan dengan kad-kad kerja pekerja-pekerja yang banyak itu membosankan. Sebenarnya itu bukanlah pekerjaannya. Pekerjaannya ialah menulis nama dan memasukkan hari cuti atendan ke dalam buku-buku yang tertentu, di samping membuat beberapa pekerjaan seperti menyusun fail dan menaip. Tapi Jamil disuruh untuk membuat pekerjaan yang

tidak diketahui selok-beloknya benar-benar.

"Awak muda. Awak harus belajar kerja-kerja ini semua. Nanti awak akan senang." Itulah ubat pil yang selalu diberi oleh kerani besar itu kepadanya. Dan selalunya Janet yang berhampiran dengan kerani besar itu akan menambahkan:

"Itu benar, benar."

Kerani besar itu akan tersenyum kepada Janet kerana selalu rela menyebelahnya.

Dan Jamil mendongkol.

Jamil menghabiskan juga pekerjaannya itu, tapi kepalanya tetap dipenuhi beberapa fikiran yang muram-muram belaka. Ya, fikiran-fikiran yang muram.

Kadang-kadang berasa hairan juga dia mengapa seorang kerani besar yang sudah demikian lama hidup dan melalui kerja-kerja di pejabat itu harus dan masih bersikap seperti orang yang demikian kurang adil juga. Mengapa dipandangnya Jamil sebagai seorang anak yang masih belum tahu menghitung satu dua tiga? Dan mengapa pula selalu benar dia kurang percaya kepada apa yang telah dibuat oleh Jamil? Selalu benar pula semasa menghampiri Jamil dia akan berkata:

"Kerja kuat-kuat Jamil. Kasi taruk semua tenaga dalam awak punya kerja. Ikut macam Sir Winston Churchill. Awak boleh jadi macam saya nanti. Jadi kerani besar!"

Dan Jamil yang tetap panas itu akan membiarkan sahaja kemarahannya membara di dadanya.

Jamil harus bekerja kuat-kuat katanya. Jamil tidak harus membuang masa. Ini menghairankan Jamil, sebab apa yang selalu dipandang oleh kerani besar itu hanyalah tentang dirinya sahaja. Dan apa yang dikirakan salah selalunya difikirkan datangnya daripada Jamil juga. Orang-orang lain tidak demikian.

Orang-orang lain semuanya bekerja kuat. Tentu sahaja dia sendiri termasuk di dalam senarai orang yang bekerja kuat itu.

Jamil merasa takjub juga mengapa seorang kerani besar yang menjadi kepala di pejabat itu mesti bersikap begitu. Mengapa harus dia seorang yang dicurigai mencuri tulang? Dan Jamil sering bertanyanya di dalam hatinya sendiri: Mengapakah kerani besar itu tidak melihat betul-betul kelakuan setengah-setengah kerani yang mencuri tulang dengan cara yang paling manis sekali: Menghabiskan beberapa batang rokok sambil melayang-layangkan fikiran atau angan-angan mereka ke alam yang mesra-mesra. Mengapa tidak dilihatnya sendiri Janet, *typist* yang disayanginya itu, mencuri masa kerjanya itu dengan mengilatkan kuku atau memerahkan bibirnya selalu? Mengapa juga selalunya dilupakannya sama sekali kelakuan kerani *despatch* yang lebih banyak menyanyi "tra na na na" dengan iringan goncangan kepala yang terlalu terketar, menyerupai ketaran orang yang dihinggapi malaria? Dan mengapa pula tidak diperhatikan dirinya sendiri, yang sewaktu dikirakan *secretary* pejabat itu tiada, bersenang-senang membaca surat khabar sambil meneliti nama-nama kuda yang mahu digantungkan nasibnya atau bersenda-senda pula dengan *typist* yang muda dan cantik itu?

Hati Jamil menjadi terlalu panas. Dia berhenti daripada kerjanya, kerana meneguk air teh yang disediakan oleh Muthu tadi.

Jamil berpaling dan mendapati Janet masih lagi bersolek. Kali ini baju yang di bahagian pinggangnya itu yang dibetulkan. Salleh, seorang peon lagi, yang memandangnya dari jauh, bersiul.

Banyak juga kerani dan kakitangan lainnya yang sudah datang. Tapi kebanyakannya masih lagi sedap

berbual-bual tentang kuda. Dan di dalamnya termasuklah Muthu yang mencuba hendak mendapatkan *tip* yang baik. Di atas kertas yang secebis ditulisnyalah: Professor Becolf – nama seekor kuda!

Di hujung – di sebelah kiri berhampiran dengan pintu masuk – Mr. Tong macam selalu, asyik mendongak ke atas. Matanya itu memang selalu dilemparkannya keluar untuk menjalari hostel *nurse* yang tidak berapa jauh dari pejabat kami itu. Dan memang selalu, apabila hari petang, dari tingkap-tingkap hostel itu kelihatan terjulur tangan-tangan halus melambai-lambai dengan tiada penatnya.

Hari itu Jamil membuat kerjanya langsung tidak dengan kesungguhan hati. Beberapa kali dihempaskannya kad-kad yang banyak itu ke dalam kabinet tempat menyimpannya. Dan tiap-tiap kali dia berbuat demikian, kerani besar akan memandangnya. Kerani itu akan menggeleng-gelengkan kepala botaknya yang menghampiri kepala Yul Brynner itu. Janet juga akan memaling dan akan menggeleng-gelengkan kepalanya sama. Kemudian dia akan menguntumkan senyum yang paling manis untuk kerani besar itu, lalu melanjutkan kerjanya: Memperindah kuku panjangnya yang berwarna merah itu.

Pada tengah harinya Jamil menghadapi makan yang serupa: Nasi campur yang diminta seorang peon membelikannya. Dan sedang dia makan, kerani besar itu menghampirinya lalu menanya:

“Sudah habis kerjamu?”

Nasi yang mahu masuk ke mulut Jamil itu ditempatkannya semula ke upihnya, dia lalu menjawab:

“Kalau lagi dua orang menolong saya pun kerja itu masih belum boleh disiapkan dalam dua hari ini. Banyak kad-kad yang hilang. Saya tidak tahu ke mana kad-kad itu sebab saya baru ini menjaganya.”

"Tak apa, tak apa. Kerjakanlah dengan sungguh-sungguh dan jangan lupa selesaikan kesemuanya dalam dua hari ini juga," berkata kerani besar itu sambil berlalu dari tempat Jamil itu, menuju pula ke Janet yang sedang makan dua biji telur setengah masak bersama beberapa keping roti yang sudah dipanggang.

"Boleh saya turut makan, Janet." Kerani itu bersuara kepada Janet dengan lembut.

Janet segera berpaling dan menjawab dengan manja:

"Apa salahnya. Silakan."

Mendongkol hati Jamil. "Itulah tokoh besar di pejabat ini!" Hatinya mencetus sendiri.

Hari itu sampai malam juga Jamil bekerja. Sampai jam delapan dan pekerjaannya itu masih juga belum selesai. Kerana mengingat bahawa dia telah berjanji kepada ibunya untuk pulang segera hari itu, maka dia pun segeralah mengemaskan segala alat-alat di atas mejanya yang perlu disimpan dan diatur; apalagi kerana mengingat bahawa dia telah berjanji kepada adik-adiknya untuk membawa mereka menonton "Semerah Padi".

Jam delapan suku baru Jamil berlepas dari pejabatnya. Dia lalu di hadapan hostel *nurse* itu dan terdengarkan suara radiogram berbunyi agak nyaring – Bill Haley sedang memekik: "*See You Later Alligator!*" Dan menerusi tingkap dewan hostel itu kelihatan beberapa orang *nurse* sedang berlatih menari *rock 'n roll*. Tidak berapa jauh dari hostel itu berkumpul beberapa orang anak muda – anak-anak kakitangan hostel yang tinggal di *quarters* di situ. Mereka sedang menikmati temasya indah itu. Dan dari mulut seorang daripada anak-anak muda itu terkeluar kata-kata:

"Alangkah baiknya kalau diajaknya kita berrock 'n roll dengan mereka."

Jamil segera berlari kerana bas yang berhenti di perhentianya sedang hendak bergerak.

Dalam berlari itu kepalanya masih juga dipenuhi dengan kebosanan. Dan dia tahu bahawa kebosanan yang bergelut dengannya sehari itu akan lahir semula pada esok harinya.

Utusan Zaman, 16 Jun 1957

Perempuan dari Kampung Kambing

SAYA hampir tidak percaya bahawa perempuan yang saya jumpai itu ialah Kalsom. Dia sudah dewasa benar – badannya. Cara cakupnya malah pakaiannya juga. Dan tempat yang saya jumpai dia itu juga sebenarnya “dewasa” juga: Di restoran.

Kami telah berpisah selama tiga tahun. Ketika mula kami berpisah itu umurnya, kalau saya tidak silap, baru empat belas tahun sahaja. Dan ketika saya berpisah dengannya itu wajahnya terlalu keanakan benar. Pendeknya ketika itu dia belum dewasa.

Dia sekampung dengan kami. Sama-sama tinggal di sebuah kampung yang dinamakan orang “Kampung Kambing” (rumah kami itu sebenarnya asalnya kandang kambing dan dari situlah nama kampung itu diambil). Dan saya tinggal sebelah-menyebelah dengannya pula. Malah, kadang-kadang saya turut menumpang tidur di rumahnya ketika saya pulang lambat kerana menonton wayang *mid-night*. Dan dia pun begitu apabila ibunya tidak pulang semalam-malaman. Dia menumpang tidur di rumah saya.

Di kampung itu dialah tinggal dahulu. Saya, keluarga saya, datang ke kampung itu setahun sesudah dia

tinggal di tempat itu. Dan kami menjadi begitu mesra.

Semasa di Kampung Kambing, Kalsom adalah orang yang paling rapat dengan saya. Kami sama-sama mencuri air di berek *Municipal* pada malam hari. Kami sama-sama mencuri telur ayam kepunyaan Muthiah Samy, tuan rumah kami. Malah, malam-malam kami sering sama-sama keluarga menonton wayang gambar sepuluh sen yang ditayangkan di sebuah kawasan yang tidak berapa jauh dari kampung kami itu.

Pada masa itu Kalsom ini, walaupun sudah empat belas tahun usianya, masih terlalu keanak-anakan benar. Dia selalu bergantung kepada saya; hendak mencuri air umpamanya. Dia sering menyuruh saya pergi mencurinya dahulu dan apakala saya telah berjaya mengambil air beberapa baldi barulah dia memulakan pencuriannya itu. Selalunya kami akan dikejar oleh orang yang menjaga air paip di bangunan *Municipal* itu. Dan saya sering terpaksa menarik tangan Kalsom seerat-eratnya untuk sama berlari.

Apakala sampai ke tempat kami, dengan tercu-ngap-cungap, Kalsom akan berkata:

"Celakalah orang yang menjaga paip itu. Kalau kita mengambil air dikejarnya. Kalau Idah dibiarkannya."

Dan saya dalam kecu-ngapan juga akan menjawab: "Dia tidak mengejar Idah sebab Idah cantik. Dia sayang Idah."

Agak beberapa hari dari peristiwa dikejar orang itu saya ternampakkan perubahan pada diri Kalsom. Dia mulai bersolek. Dan apabila menjumpai saya dia akan bertanya:

"Macam Idah tidak Som ini?"

Dengan menggaruk-garuk kepala saya mengiyakan.

"Jadi saya ini cantiklah," katanya dengan penuh kegirangan.

Itu tiga tahun dahulu. Ketika itu walaupun sebenarnya Kalsom ini tidak cantik, tapi kerana menjaga hatinya, saya tetap mengatakan dirinya cantik. Tapi pada ketika ini Kalsom benar-benar cantik dan benar-benar dewasa pula.

Semasa saya duduk di restoran dan menantikan pelayannya datang, Kalsomlah yang datang. Saya tidak menyangka sama sekali bahawa yang datang itu ialah Kalsom. Hanya sesudah Kalsom sendiri menyebut nama saya dan mengingatkan semula peristiwa kami mencuri air di Kampung Kambing itu, baru saya mengenalnya.

Ya, siapa yang dapat mengenalnya kalau dia sudah begitu cantik dan begitu dewasa pula!

"Selama pindah dari Kampung Kambing, Som tinggal di mana?" Saya menanyai dia.

"Tinggal di Keppel Harbour."

"Dengan siapa?"

"Dengan emak dan suaminya."

"Emak dan suaminya? Apa emak Som kahwin lagi?"

"Ya."

"Kahwin dengan siapa?"

"Seorang kerani di Harbour Board."

"Ke mana pula perginya bapa tiri Som yang dulu?"

"Belayar. Katanya ke San Francisco. Dan di Jepun katanya dia sudah kahwin lagi."

Saya diam. Mata saya menyeluruhi pakaian Kalsom. Barang-barang yang mahal dipakainya menunjukkan bahawa dia senang sekarang.

"Som tinggal di mana pula sekarang?"

"Tinggal sendiri di Geylang."

"Tinggal sendiri? Emak Som ke mana?"

"Ikut suaminya ke Perak!"

"Kenapa ke Perak? Kata Som suaminya kerja kerani di Harbour Board?"

"Ini suami barunya. Kerja sojar. Sarjan pangkatnya."

Saya berdiam sebentar. Agak terperanjat sebab mendengarkan penerangan daripada Kalsom itu. Semasa di Kampung Kambing dahulu, sepanjang yang saya ingat, Suminah (ibu Som) telah dua kali tukar suami. Malah sebelum itu dia sudah dua kali kahwin.

"Kenapa Som tidak tinggal dengan mak Som saja?"

"Sebab ketika mak kahwin dulu Som sudah kahwin dan Som tinggal dengan suami Som."

"Err, jadi Som sudah pernah bersuami?"

"Ya, sudah dua kali."

Mendengarkan penerangannya itu saya menjadi semakin kagum. Saya tidak menyangka bahawa Kalsom yang sebegitu keanak-anakan dahulu sudah mempunyai suami dua orang. Sudah terlalu dewasa.

Kalsom tetap diam apabila diperhatikannya saya diam sahaja. Barangkali dia sedar benar bahawa saya hairan mendengarkan berita dia sudah bersuami dua kali itu. Lalu dia menanyai saya:

"Awak belum kahwin lagikah?"

Tergamam saya hendak menjawabnya. Tapi saya menjawab juga:

"Belum."

"Belum bertunang juga?"

Saya menggelengkan kepala saya dengan berkata:

"Belum."

"Dulu katanya awak hendak kahwin dengan Idah."

"Siapa kata?"

"Eh, awak juga. Ingat tidak awak kata begitu semasa kita mencuri air di bangunan *Municipal* dulu?"

Saya memang ada berkata demikian. Tapi kata-kata itu sebenarnya kata-kata daripada orang yang belum dewasa. Orang yang belum mengetahui hakikat dan tujuan berumah tangga yang sebenar.

"Ya, dulu memang ada saya berkata begitu. Tapi itu cakap anak-anak."

"Oh, dulu cakap anak-anak ya!" Kalsom berkata dengan ketawa. Dia semakin cantik ketika ketawanya itu.

"Kenapa som mentertawakan saya?" Saya menanyainya.

"Sebab awak saya perhatikan masih seperti anak-anak juga. Kawan-kawan awak semuanya sudah berumah tangga, tapi awak masih tetap keseorangan juga."

"Keseorangan bukan bererti keanak-anakan," kata saya.

"Itu anggapan awak, tapi bagi saya keseorangan bererti keanak-anakan," katanya.

"Kalau begitu Som juga keanak-anakanlah sekarang ini, sebab Som juga keseorangan sekarang?"

"Ya, tapi untuk dua tiga hari ini saja. Som akan kahwin lagi. Kali ini Som kahwin untuk selamanya!"

"Dengan siapa?" Saya segera menanya.

"Dengan seorang lelaki kapal."

Saya terdiam. Dan saya teringatkan kembali ayah tiri Kalsom yang telah belayar ke San Francisco dan berkahwin di negeri Jepun.

Utusan Zaman, 4 Ogos 1957

PAGI. Ketika Jamil mencelikkan matanya dia terdengar satu keriuhan kecil di luar. Beberapa orang wanita, termasuk seorang lelaki, yang dikenalnya sebagai Robert Nadaiyah, sedang berbual tentang bulan berpesawat, satu perbualan yang tidak sebenarnya sungguh-sungguh.

Jam di bilik sebelahnya – bilik Hassan Kudut (begitu gelaran orang) – berbunyi delapan kali; pekak bunyinya. Dan suara anak kecil melalak tersekat-sekat, kedengaran, diselangi pula suara seorang ibu – Limah Pendek (gelaran orang juga) – yang mencuba mendiamkan anaknya dengan membawakan lagu “Lompat Si Katak Lompat”.

Jamil menggeliat. Kemudian menguap – mulutnya terbuka lebar berbentuk “O” lonjong. Digosoknya matanya, lalu memandang melepasi tingkapnya. Beberapa orang wanita – termasuk Robert Nadaiyah – sedang ketawa. Dan ketawa Robert Nadaiyah – dengan suara *baritonnya* – paling tinggi; perutnya yang sememangnya menyerupai perut perempuan mengandung sembilan bulan, bergerak-gerak kuat, menyamai gerakan buih nasi mendidih. Tangisan anak kecil bergaul dengan nyanyian Limah Pendek di sebelah rumahnya yang menambahkan lagi keriuhan.

Dan Jamil baru sahaja hendak merebahkan badannya yang dijojoli tulang itu lagi, apakala adiknya, Habibah, datang.

"Abang tak mahu bangun?"

Jamil menguap lagi sambil memandang adiknya dengan matanya yang masih diselaputi tahi mata yang masih basah lagi. Memang masih terlalu berat kelopak matanya, kerana pada malam semalamnya hampir jam tiga pagi baru dia tidur. Dia asyik berbual-bual dengan kawannya, Abdul Mutalib, seorang pemuda yang lebih banyak berbicara tentang *historic materialism*, atau sekurang-kurangnya tentang *human freedom*.

"Bangunlah bang, mak sudah pergi pasar."

Jamil menguap lagi. Kali ini bentuk "O" mulutnya semakin besar, dan ternampak anak tekaknya yang merah pucat, bergerak-gerak. Matanya melepasi tingkap lagi. Kali ini dinampaknya perut Vijayatimala pula ikut bergerak-gerak kerana terlampau sampai ke puncak ketawanya itu.

Jamil memandang adiknya, lalu menyuruh: "Siapkan air di bilik mandi. Abang hendak ke 'bank' dahulu."

Adiknya, seorang anak perempuan berkulit putih, berbaju kurung yang bergambar perempuan Hawaii membuaikan punggungnya, tersenyum melihatan abangnya. Dia segera pergi dengan meng'hmhm'kan lagu "Nak Ikut Bersama Abang, Walaupun Masuk Ke Kandang" mengikutkan lagu yang terpancar dari Radio Malaya.

Ekor mata Jamil menemani Habibah yang pergi itu. Mata itu kemudian melepasi tingkap semula.

"Kata surat khabar semalam kita boleh tampak 'bulan terbang'," Vijayatimala berkata sambil menyidai baju seragam *trolley-bus* suaminya.

"Radio pun ada kata." Zaleha Bibi menokok.

"Tapi saya tak ada nampak," kata Robert Nadaiyah dengan suara *baritonnya* sambil meraba perutnya yang hampir sebesar perut Vijayatimala itu.

"Saya tunggu dari pukul lapan sampai sembilan, tapi tak nampak." Zainon pula menyampuk sambil memerintah anaknya yang sedang menjongkok itu supaya bangun. Budak itu bangun, dan ada selongkok benda kuning cair yang ditinggalkannya. Benda itu berasap-asap tipis, dan beberapa ekor lalat datang berdengung-dengung mengelilinginya.

Terasa muak tekak Jamil. Dia segera bangun. Tak sepenuh hati. Bantal peluknya jatuh. Dipungutnya, kemudian dilontarkannya ke atas katil. Kucing yang sedang sedap tidur di sebelahnya kena lontaran itu. Ia terperanjat, segera lari.

"Kita tak ada teropong mana boleh nampak?"

Jamil terdengar suara itu semasa hendak ke pintu. Tak kuasa hendak dilihatnya siapa orangnya yang berkata itu. Tapi, dia kenal suara itu; suara yang ada bergaul kahak: Suara Pak Karim, seorang tua yang terlalu alim di kampungnya (tapi menurut cucunya, juga anaknya yang selalu ke kabaret, Pak Karim hanya baru setahun dua ini alim).

"Airnya sudah penuh, bang," suara Habibah memberitahu.

"Ah, biarlah. Abang hendak ke 'bank' dahulu!" katanya sambil mencapai tuala mandi yang sudah berlubang-lubang, lalu keluar untuk ke jamban.

Dia terpaksa menjongkok. Di luar. Di dalam jamban ada seorang lain sedang menjongkok. Daun pintu jamban itu bergoyang-goyang mengikut rentak sebuah irama "impor". Dan sebuah suara, walaupun tidak jelas, kedengaran menyampaikan: "*Jareja ja nindiya ya*" sebuah lagu Hindustan yang dalam piring

aslinya disampaikan oleh Lata Mangheskar, tapi oleh R. Azmi disampaikannya pula dengan: "Hitam manis, yang hitam manis pandang tak jemu, pandang tak jemu".

Walaupun perutnya tidak begitu senang, tapi tidak kuasa dia meneriak keluar orang yang berada di jamban itu. Di hatinya hanya dipenuhi kemarahan: "Hai, dibuatnya bilik pancaran radio pula jamban itu!" Dan tidak lebih yang terkeluar dari mulutnya, kerana baru sahaja kemarahan itu hendak memanjat lebih tinggi lagi, penghuni jamban itu sudah pun keluar. Musa. Seorang pemuda berbadan besar berambut "apache" yang kenal benar dengan Panggung Garrick.

"Sudah lama tunggu?" Pertanyaan Musa beriring senyum.

"Tidak. Kau hendak menyanyi, menyanyilah lagi!"

Musa hanya ketawa lalu mengarah ke bilik mandi dengan melanjutkan "*Jareja ja nindinya ja*"nya. Kali ini nyanyian itu diiringkannya sekali dengan goyangan kepala, dengan keningnya ter naik-naik, dan petikan jari yang berdetak-detak bunyinya.

Jamil melihat ke arah Musa seketika, kemudian mengarah ke 'bank'nya pula. Sambil berjalan diperhatikannya sebarisan kanak-kanak, semuanya dua belas tahun ke bawah, yang sedang berjalan sambil menyampaikan lagu "Bersatu" – lagu nasional. Barisan itu dikepalai seorang anak yang tertua daripada semuanya – seramai sembilan orang – bernama Salleh, seorang anak yang lebih mengenal wajah Randolph Scott daripada wajah datuk-datuknya yang baru dua tahun alim itu!

Hanya seminit dua sahaja dia di 'bank'nya. Dia tak tahan lama-lama. Lalu keluar. Sebarisan kanak-kanak yang tadinya begitu bertatertib membawa-

kan "Bersatu" sekarang sudah pun berkeliaran – bermain koboi-koboian. Seorang daripadanya, seorang yang memanjat pokok ceri yang rendang pura-pura jatuh sewaktu dirinya "ditembak" seorang kawannya. Dia memekik: "Aiiiyuuuh!" dan seekor kucing yang sedang sedap memainkan seekor tikus yang sudah mati di bawah pokok ceri itu, terkejut, lalu lari masuk ke semak-semak di belakang jamban. Dua ekor itik yang sedang duduk untuk bertelur di semak-semak itu berkuek takut kerana diganggu kucing yang menerpa masuk, satu terpaan masuk yang sungguh "darurat". Dan seorang anak yang sedang menunggu telur itik itu merasa hampa, kerana itik yang hendak bertelur itu sudah pun berlari jauh.

Jamil hanya ketawa. Sendirian. Kemudian mengarah ke bilik mandi. Ketawa juga.

Tiga orang masih berada di bilik mandi. Di luarnya. Seorang mak cik membasuh kain, dengan seguli sentil tembakau yang menyerupai sejempit cacing hitam kehangusan menojol di sudut kiri bibirnya, sedang berleter dalam membasuhnya itu. Ruslan, seorang pemuda kurus berkaca mata tebal dan berbekas tokak besar – satu parut yang diterimanya sewaktu Singapura dipanggil Syonan-to – di kakinya, sedang berdiri berdekatan dengan mak cik itu. Sedang Musa, pembawa lagu Lata Mangheshkar, pula masih tetap membawakan lagunya itu dengan penuh khusyuk. Dan di dalam bilik mandi pula ada seorang lagi: Siew Fong, seorang apek yang menjadi "kegemarannya" berkahak tiap-tiap tiga minit sekali!

"Anak emak Si Munah tu memang cantik, tapi budak tu sosial benar. Mak cik tak suka. Kalau anak mak cik kahwin dengan dia, hai, jahanamlah rumah-tangga!" Orang tua yang bersentil tembakau itu berleter sambil mengesat buih sabun yang hinggap di

dahinya dengan siku bajunya.

Mereka semua membiarkan. Cuma Musa sahaja yang bersuara – mengulangkan lagu "*Jareja ja nindiya ja*", mengulangkannya lagi dengan senang hati seperti ulang menyebut nama Zuleka, kekasihnya, yang menurutnya macam Madhubala atau campuran dari mata Nadira dan punggung Geeta Bali.

"Tapi budak Sudin tu gilalah. Budak itu juga yang dimahunya. Apa cantiknya? Cantik lagi anak Pak Khamis hidung terung itu."

Semua masih berdiam. Siew Fong keluar dengan berkahak juga. Musa menjelingnya. Matanya penuh benci, tapi di bibirnya masih segar: "*Jareja ja nindiya ja*".

Ruslan mengangkat baldinya yang penuh air, lalu masuk ke bilik mandi itu pula. Musa dan Jamil menanti giliran.

"Kenapa budak tu yang disukanya? Hai ...!" kata mak cik itu sambil memasukkan baju yang dibasuhnya itu ke dalam baldi yang lebih bersih sedikit.

Suara ketawa tidak berapa jauh dari bilik mandi itu kedengaran. Suara Robert Nadaiyah yang paling ke puncak sekali. Suara Vijayatimala kedua, dan Zaiton, ketiga.

Mereka masih membicarakan tentang "sputnik".

"Perempuan sekarang tak berguna. Senang dilihat, bebas bergaul, terlalu murah." Mak cik itu menyambung sambil meludahkan sesuatu yang merah kehitaman dari mulutnya. Dan menyambung: "Mak cik dahulu tak begini. Pak cik kau tak dapat hendak jumpa mak cik. Dia terpaksa mengintip. Orang begitulah hendaknya. Jangan terlalu murah."

Bajunya dihempaskannya. Dua ekor itik yang sedang menyudu air berhampiran dengannya segera lari. Terkedek-kedek.

Mak cik itu diam. Musa dan Jamil juga. Lagu "Jareja ja nindiya ja" mati. Tapi keriuhan masih bernyawa: Suara ketawa sekumpulan manusia diketuai Robert Nadaiyah, suara anak-anak bermain koboi-koboian, suara radio di sebelah membawakan lagu dari tanah padang pasir dan suara M.N. Suppiah melagukan selebar dua kisah dari *Bagavad-Gita*.

Sarapan paginya sudah di meja. Dan Jamil duduk di hadapan sarapan itu dengan membaca akhbar yang mengkhabarkan tentang "sputnik" yang dinampak orang malam semalamnya. Kopi di hadapannya berasap-asap tipis. Dia meminumnya sedikit sambil menyeluruhi berita besar itu.

"Abang tak siap? Sudah pukul sembilan." Adiknya bersuara sambil membetulkan baju anak patungnya yang sedang hendak ditidurkannya.

Dengan tidak melepaskan matanya dari akhbar yang dibacanya itu, dia hanya berkata dengan irama kata penuh kemalasan: "Tak payah. Tujuh hari dah keluar tak juga dapat kerja, hari ini cutilah."

Adiknya diam. Anak patungnya ditidurkannya. Jamil terus membaca, tapi telinganya masih dapat menyerkup suara Limah Pendek yang masih membawakan "Lompat Si Katak Lompat" yang menjadi lagu "candunya". Dan suara anak menyedut susunya kedengaran berciut-ciut.

Pembacaannya terusik apakala keriuhan menja-jah suasana. Ada pertengkaran tidak berapa jauh dari rumahnya. Macam dahulu.

Adiknya yang sedang bermain anak patung itu segera berlari keluar. Perut Robert Nadaiyah bergoyang-goyang berat apakala dia sendiri berlari untuk ke tempat pertengkaran itu. Hassan Kudut (kebetulan menganggur), Limah Pendek dengan menggendong anaknya, Vijayatimala yang sudah sarat

dengan "Gopal Ketiga" dalam perutnya, Pak Karim "alim", Musa Garrick, Ruslan, Siew Fong "Kahak" dan kanak-kanak yang bermain koboi-koboi bersama orang-orang kampung lainnya, segera menuju ke tempat itu.

Keriuhan melebar, tapi tidak begitu terang pokok pertengkarnya. Suara orang menyabarkan, suara kanak-kanak menjerit kesukaan, suara anjing menggonggong kebingungan dan suara radio yang masih bernyawa, semakin menimbus suara orang yang bertengkar itu. Tetapi sesekali terserkup juga suara nyaring – kalau menyanyi tentu "soprano" suaranya – wanita yang bertengkar itu ke telinga Jamil yang sedang mendengar dari biliknya sahaja.

"Hei, kau jangan fikir orang macam aku tak laku, tahu? Aku masih muda. Satu pergi, sepuluh yang datang. Kau barang kali tak laku. Kau barang kali perigi mencari timba. Siapa hendak curi laki kau haaaah?"

Suara itu tenggelam lagi digogok suara orang ramai.

Adik Jamil berlari masuk ke biliknya, tercungap-cungap. Pekikan kanak-kanak kekhuatiran, suara orang menyabar dan gonggongan anjing yang semakin kebingungan, mencapai tingkatan suara "do" yang tertinggi.

"Bang, dia bergasak," kata adiknya dengan cunngapan yang terlalu menyekat-nyekat.

"Siapa suruh tengok? Pergi ambil baju abang lekas. Abang tak mahu duduk rumah. Lebih baik abang keluar cari kerja. Bising sangat di sini."

Jamil keluar rumahnya – dengan satu penentuan di hatinya juga: Mencari pekerjaan. Dia melepasi bilik M.N. Suppiah, pembaca *Bagavad Gita*, masih berirama. Kemudian melepasi bilik Musa, Siew Fong,

Vijayatimala, Zaleha Bibi, langsung keluar.

Kumpulan Robert Nadaiyah masih dapat dilihat lagi. Sekali ini bukan soal "sputnik" lagi yang diceritakannya; kali ini kisah pertengkaran tadi – kisah satu pergi sepuluh datang. Dan mereka semua masih tetap ketawa. Dari mulut Zaleha Bibi terlepas:

"Tadi bukan bulan terbang, tahu? Tadi piring terbang!"

Semua ketawa. Puncaknya.

"Ke mana tu?" bertanya Pak Karim. Cermin matanya terturun sedikit.

"Ke Taijin. Sudah delapan bulan masih belum berjawab. Takkan hendak duduk juga."

Jamil berjalan, dan apabila dia menoleh semula masih dapat dilihatnya sebarisan kanak-kanak yang sedang membawakan lagu "Bersatu"; kali ini lebih bersemangat.

Dan Hussein, anak yang berumur dua tahun setengah – tidak berseluar atau berbaju – ikut sama menyanyi dan berbaris di belakang sekali dengan tangan kirinya menggentel sesuatu benda di anggotanya yang sepatutnya disorokkan.

Jamil tersenyum.

Mastika, Disember 1957

Di Tepi Jalan

CAHAYA matahari yang selalunya menimpa daun-daun pokok sena, kemudian mencuri-curi masuk di celah daun-daunnya untuk menerpa ke badan Salleh Giman, Dollah Kapok, Ramakrishnan, Tambyah, Gopal dan Sim Phuay, sekarang ini terus sahaja menerpa ke badan mereka. Pokok sena yang besar dan lebat itu sudah ditumbang kerana ia memasuki kawasan jalan yang hendak diperbaiki, diperindah.

Salleh Giman dengan baju dalamnya yang berlubang-lubang sedang mencangkul tanah dalam sebuah lubang di tepi jalan itu. Ramakrishnan sedang memasukkan tanah yang dikorek itu ke dalam beberapa buah pongkes, sementara Sim Phuay mengangkat pongkes-pongkes tanah itu untuk ditimbunkan ke suatu tempat yang berdekatan dengan sebuah kereta kopi serbat. Dollah Kapok sedang duduk berehat di sebuah kerusi pendek kereta kopi serbat itu, di tangannya ada segelas kopi-O yang hanya tinggal suku bahagian. Dia melihatkan kawan-kawannya dan di bibirnya tersumbang sebuah senyum yang mendukung rasa geli hatinya. Kopinya disedut sedikit lagi, kemudian matanya diserangkapkan ke pongkes yang penuh berisi tanah hitam. Dia senyum lagi. Geli hati.

"Hei lekas minumlah!" kata Salleh Gimán yang sedang berdiri separuh condong ke hadapan badannya dengan tangan kanannya dilekap-lekapkan ke belakang pinggangnya. Tangan kirinya segera menjalar ke saku seluarnya yang dari dalamnya terjulur sehelai sapu tangan biru luntur yang telah ronyok. "Lekas minumlah kawan, ganti kawan pulalah. Kawan hendak minum juga." Sapu tangannya segera menjamah dahinya. Dan basah.

Ramakrishnan turut terdiam seketika. Dia membuka sebuah bungkusan kertas yang berisi sirih yang sudah lisut. "Lekaslah dey, kita sudah penatlah. Sekarang kerani tak ada, gantilah." Sehelai sirih segera dikesat-kesatkannya dengan tapak tangannya.

Dollah Kapok segera menghabiskan air kopinya. Senyumannya makin melebar. "Nantilah," katanya sambil menghulur wang lima sen kepada Bai kopi serbat. Kemudian dia menuju kepada Salleh dengan senyuman yang masih belum putus-putus. Geli hati.

"Hei, apa ni, asyik senyum saja?" tanya Salleh Gimán yang pada ketika itu sudah pun keluar dari lubang tempat dia mencangkul itu.

"Pongkeslah," kata Dollah Kapok dengan senyumnya yang masih berekor-ekor.

Mata Salleh Gimán, Ramakrishnan, Tambyah, Gopal dan Sim Phuay segera menerpa ke arah sebuah hotel yang hanya beberapa rantai sahaja dari mereka. Memang betul ada pongkes di sana - "pongkes hidup". Mereka terus sahaja memandangi ke arah hotel itu, pandangan padu.

Seorang wanita yang muda sedang turun dari sebuah basikal roda tiga yang dikayuh oleh seorang Cina beca yang sudah tinggal tulang sahaja. Wanita inilah yang sebenarnya "pongkes" bagi Salleh Gimán,

Ramakrishnan, Tambyah, Gopal, Sim Phuay dan Dollah Kapok.

Wanita itu turun dari becanya, memandang ke tembok hotel itu seketika kemudian masuk ke dalam hotel itu. Mata mereka merayapi tembok hotel itu juga seketika. Di sana tertampal beberapa buah gambar calon-calon pilihanraya sedang memperjudikan nasibnya untuk menjadi ahli Mesyuarat Bandaran 21 Disember. Berselang-selang dengan gambar calon-calon itu ada juga poster *Strip-tease Show*. Mata mereka segera ke pintu spring yang masih berayun-ayun daun pintunya. "Pongkes" itu sudah masuk. Tanpa bekas.

"Celaka," kata Sim Phuay sambil mengangkat pongkesnya yang sudah dikosongkan. Dia tiba-tiba melihat pongkes yang diangkatnya itu. Kemudian, pongkes itu dihempaskannya kuat-kuat. "*Sueh!*"

Salleh Gimán segera ke kereta kopi serbat. Yang lain-lain masih terpesona. "Kopi setengah, Bai," katanya. Kemudian duduk di atas sebuah bangku pendek. Matanya ke Bai serbat. Bai itu sedang sama terpesona. "Hey Bai, kopi setengahlah!" Salleh Gimán mengulang. Bai kopi terkejut, kemudian segera mengambil sebiji gelas.

"Kopi ya?" Dia meminta kepastian.

"Ya, ya," kata Salleh Gimán dengan matanya memusat ke arah kawan-kawannya. Semua sudah memulakan pekerjaan masing-masing, cuma Dollah Kapok masih memandang hotel.

"Hei kawan, kerjalah!" teriak Salleh.

Dollah tersenyum sambil memegang cangkul. Dia terjun ke dalam lubang yang sudah terkeruk, lalu mengayun cangkulnya tinggi-tinggi. Sinar matahari yang panas masih menyeluruhi badan mereka.

"Sini tempat selalu *sueh*lah," kata Bai kopi.

"Kenapa?" tanya Salleh.

"Banyak kotor," katanya sambil tangannya mengarah ke hotel itu.

"Apa Bai selalu kena tangkapkah?"

"Ya, selalu."

"Jadi itu tempat dan itu orang salahkah?" tanya Salleh Gimán.

"Yalah. Dia punya pasallah, saya sini selalu kena tangkap," katanya sambil melayani Sim Phuay pula.

"Itu orang cari makan, macam kita. Mana boleh kata dia orang kotor, ha?"

"Mesti boleh bilanglah. Sebab saya selalu kena tangkap."

"Itu Bailah salah kerana jual tengah jalan."

"O, jadi itu orang tak ada salah ya? Banyak bagus!"

"Apa bising, Bai?" Sim Phuay menanyanya, menyampuk.

"Itulah," katanya sambil mengarahkan semula tangannya ke hotel itu.

"Oh itu, dia orang cari makanlah macam kita juga, Bai!"

"Hoh!" kata Bai sambil mengacau kopinya.

Dollah ketawa, matanya segera tertarik ke kedai kopi yang tidak berjauhan dengan dia. Di dalamnya ada budak-budak muda sedang terkinja-kinja mengikutkan lagu "*Hound-dog*" oleh Elvis Presley.

"Itu lagi gila," kata Salleh sambil menunjukkan ke arah budak-budak muda yang sedang berjoget liar.

"Itu budak-budak," kata Bai itu.

"Budak?" kata Salleh.

Sim Phuay ketawa. Kopinya dihirupnya sedikit.

"Hei kerani datanglah!" jerit Ramakrishnan.

Salleh tergesa menghabiskan air kopinya. Begitu

juga Sim Phuay. Mereka ke tempat kerja dan bekerja semula.

"Mana kerani?"

"Itu datang dengan beca."

O, ya!"

Mereka bekerja.

"Sana bila mahu cangkul?" tanya kerani.

"Ini petang boleh habislah," kata Salleh.

"HMMMMMMMMM."

"Dollah mana?" tanya kerani lagi.

"Itu!" jawab Salleh sambil menunjukkan Dollah yang sedang menjongkok dalam lubang tanah itu.

"HMMMMM," kata kerani itu. Matanya menyeluruhi orang-orang yang di bawah jagaannya. Segera dia menyambung: "Kerja lekas ya, nanti saya datang!"

Dia segera pergi lagi. Separuh jalan dia menaiki beca.

"Hei Ramakrishnan pergi minum kopi pulalah!" kata Dollah.

"Ya, ya"

"Celaka!" kata Sim Phuay.

Matahari yang bersinar panas itu masih menyeluruhi badan mereka. Dollah mendongak dari lubang tanahnya, kemudian: "Hei pongkes keluarlah."

Semua memandang. Pandangan padu.

"Celaka," kata Bai kopi, tapi matanya tidak lepas daripada "barang" yang dikatanya "celaka" itu!

Sim Phuay yang di tangannya terpegang pongkes berisi tanah segera menghempaskan pongkes itu. "Sueh!" katanya.

Tambyah yang sejak mula-mula tadi diam seperti batu nisan sekarang sudah kelihatan garang seperti ahli Kempeitai Jepun. Bendera merah yang terpegang di tangannya sebagai kegunaan untuk menahan ke-

reta apabila perlu dicampakkannya ke dalam lubang tempat Dollah Kapok sedang bekerja.

"Hei, apa pasal?" tanya Dollah Kapok.

Jari telunjuk Tambyah mengarah ke keraninya yang sedang berada di dalam basikal roda tiga, menuju ke kedai todi (ini diketahuinya). "Itu lagi celaka," katanya penuh geram. "Sekejap dia mari, sekejap dia pigi."

"Dia pun cari makan jugalah," kata Salleh Giman menyampuk. "Nanti kalau kita jadi kerani, kita pun macam itu jugalah."

Sim Phuay meludah. "Kita tak boleh jadi kerani-lah. Kita pegang ini cangkul sahaja sampai mati. Lu tahu?"

Cahaya matahari yang semakin terik itu terus sahaja memerah badan mereka. Dari dahi, hidung, badan, tangan dan paha mereka semuanya keluar peluh. Salleh Giman kelihatan separuh lesu bekerja; Ramakrishnan sedang asyik menarik keluar sebatang akar pokok sena yang tumbang itu yang masih belum mahu melepaskan dirinya dari tempat hidupnya; Gopal sedang menurunkan batu-batu besi kecil dari sebuah kereta kecil; Tambyah masih memegang bendera merahnya; Sim Phuay sedang mengangkat tanah dengan pongkesnya yang sudah buruk, dan Dollah Kapok sedang mengayunkan cangkulnya tinggi-tinggi.

Pokok sena yang besar dan lebat daunnya itu (kebanyakannya sudah kering) masih tetap terbaring mati di kawasan jalan yang hendak diperbaiki, diperindah.

Dan mereka tetap bekerja di bawah pancaran sinar matahari yang begitu terik.

Utusan Zaman, 8 Disember 1957

Penyerahan

MAAROF dan isterinya, Latifah, baru sahaja terdengarkan berita bahawa perang sudah tamat. Hati mereka segera merasa sesenang menerima nasi pada waktu kebuluran. Tidak berapa ketika lagi askar pihak lawan – Jepun – akan dapat dilihatnya. (Entah bagaimanalah rupa mereka!) Berita itu disampaikan oleh Mohinder Singh, dengan termengah-mengah kepenatan, yang baru sahaja pulang dari Bukit Timah kerana mengangkut peti kain bajunya.

“Saya sudah nampak dua orang Jepun. Banyak janggut, macam Benggali juga,” kata Mohinder Singh, termengah-mengah. Janggutnya digosoknya dengan tangannya yang berbulu roma liar, kemudian peluh di dahinya yang bertitik-titik itu dikesatnya dengan hujung baju kemeja putih berlapuk yang sudah koyak di sana sini.

Maarof dan Latifah menghadapi Mohinder Singh dengan mata bercahaya. Dan Mohinder Singh semakin berminat menceritakan tentang askar Jepun itu. “Banyak janggut, banyak,” katanya berulang-ulang. “Jepun macam Benggali juga. Banyak sama.”

“Kalau betul,” kata Maarof, “kita boleh bawa kereta nanti. Barangkali Jepun banyak baik daripada

Mat Salleh.”

“Bapa boleh belikan roti,” kata Yusuf, anak Maarof berusia enam tahun yang ada di situ mendengarkan cerita.

“Kalau dah bawa kereta semula bapa ada duit. Bapa boleh belikan,” kata Maarof.

“Semua boleh beli,” tambah Mohinder Singh dengan ketawa.

Mohinder Singh ialah kawan Maarof yang bekerja di Singapore Traction Company Ltd., sebagai drebar *trolley-bus*. Tiga bulan yang lepas dia tercedera oleh serpihan-serpihan bom ketika menjalankan *trolley-bus* di Victoria Street. Ketika itu 17 orang mati, lima luka parah, dan dia sendiri bersama seorang penumpang lagi tercedera sedikit. Penumpang itu cedera di lengannya, Mohinder luka di pahanya.

Tiga empat jam yang lepas suara siulan dan demberangan *shell* sudah pun terhenti. Suasana dengan serta-merta menjadi sesunyi Kubur Bidadari pada tengah malam, sehingga kesunyian pun begitu menakutkan, menyeramkan. Manusia yang sudah jemu dengan perang itu berdoa-doa siang dan malam supaya benar-benarlah perang tamat, sebab, kalau perang bernafas terus beberapa lama lagi tentulah mereka, walaupun tidak menjadi mangsa bom atau serpihan-serpihan *shell*, akan mati kebuluran kerana terpaksa berkurung sahaja di rumah.

Zubaidah sedang berada di bilik atas ketika Latifah menyampaikan berita gembira itu. Dia ketawa ketika mendengarkan berita tersebut, tapi matanya segera pula berair. Dia keriang dalam hatinya yang begitu kacau selama ini akan dapat ditenangkannya, apakala perang benar-benar tamat. Tapi tiba-tiba hatinya gelisah semula, kerana merasa khuatir kalau-kalau ayahnya – berusia 46 tahun dan sering tergigit

secara mendadak kerana serangan malaria – masih belum pulang dari Bukit Timah (mengangkat barang-barang yang perlu di rumah lamanya itu) – kemalangan.

“Betulkah?” tanya Zubaidah, hatinya berdebar-debar.

“Ya, perang sudah habis!” kata Latifah cepat-cepat sambil memandang keluar tingkap, memerhatikan sebuah masjid yang telah roboh dan hangus separuh kerana terbom beberapa hari yang lalu. Kemudian dia segera keluar.

Rumah tempat Maarof berdiam bersama keluarganya itu (dia, anaknya dua orang dan isterinya yang tidak putus-putus kekhuatiran) sebenarnya kepunyaan seorang Cina tua – penghisap candu – yang tidak berapa lama dahulu telah mati kerana ditembusi serpihan-serpihan bom di dadanya. Dia mati hanya ditemani gebar dan bantal kayu, pelita kecil dan buluh penghisap candunya yang tengik dan memeningkan baunya itu. Zubaidah berdiam bersama ayahnya di tempat itu. Ayahnya bekerja di Traction Company juga sebagai seorang *fitter*, dan itulah sebabnya maka Maarof sekeluarga berpeluang menyewa di rumah tersebut, apakala sahaja rumah sementaranya yang lama (rumah dahulunya terbom) – sebuah pondok di Bukit Timah – terpaksa ditinggalkannya kerana askar Jepun sudah semakin mara, dan peluru meriam, senapang dan mesin-gan sudah selalu meluru cergas dengan membuta-tuli ke sana ke mari.

Zubaidah berdebar benar hatinya apakala selama dua jam menanti ayahnya, orang tua itu masih juga belum pulang. Tentulah berlaku sesuatu, tentu berlaku sesuatu Hatinya sudah menyangka yang bukan-bukan, dan yang bukan-bukan itu bukan ke-

palang melukakan hatinya. Dia terbayangkan – dalam mata kelapanya – ayahnya yang terketar-ketar itu sedang terbaring tercungap-cungap dengan dadanya berdarah kerana ditembusi peluru. Cuba dihalaunya gambaran yang menakutkan itu, gambaran itu semakin jelas membayang. Dia takut, hatinya menangis kuat. Dan pada ketika itu dia terkejut, kerana mendengar keriuhan di jalan bawah. Dia pergi ke tingkap perlahan-lahan lalu berdiri di sana dan dengan berhati-hati memandang ke bawah menerusi lubang-lubang kecil tingkap itu (daun tingkapnya tertutup). Diperhatikan askar-askar Jepun pendek-gemuk berjanggal dan berpakaian seragam sudah pun mula berlalu-lalang dengan megahnya di jalan raya yang kotor berserak dengan serpihan-serpihan batu, kayu, besi dan sampah yang sudah terbiar beberapa bulan. Longkang-longkang yang sudah pecah kerana terbom bertakungan airnya dan penuh dengan sampah-sarap dan buih-buih yang meloyakan tekak.

Hatinya segera teringatkan semula ayahnya, dan dia menangis tersedu-sedu. Sedang dia berdiri dan menangis itu Latifah menerpa masuk ke dalam biliknya yang muram itu. Terpaan itu begitu tiba-tiba. Zubaidah terkejut besar, tapi dia cuba tersenyum apakala didapatinya yang berdiri di hadapannya dengan mata dan mulut terbuka dan kekhuatiran benar itu ialah Latifah.

“A ... ada apa?” Dia menanyai Latifah sambil memandang askar-askar Jepun yang pergi balik di bawah.

“Jepun ada di bawah,” kata Latifah tercungap-cungap kekhuatiran. Matanya sebentar-bentar memerhatikan ke bawah tangga.

“O yang berjanggal, pendek-pendek dan berbaju

hijau kotor itu Jepun, ya?" kata Zubaidah.

"Jepun ada di bawah!" Latifah mengulangi, lebih kekhuatiran.

"Kenapa? Biarkan sajalah," katanya cuba menenangkan suaranya yang sebenarnya terketar-ketar juga.

"Tidak boleh. Dia cari orang Cina. Semua laki-laki Cina dia suruh keluar," kata Latifah dengan sebentar memerhatikan ke bawah lagi kerana kluatir kalau-kalau askar Jepun yang ada di bawah itu sudah pun naik ke atas.

"Saya bukan Cina, saya bukan laki-laki ...," suaranya masih juga terketar.

"Ya ... t ... tapi baiklah turun juga"

Samurai San sudah pun ada di hadapan pintu!

Hampir hilang semangat Latifah. Dia tergilig-gilig dan menangis di situ.

Samurai San yang berbaju dan berseluar panjang hijau dengan bosiynya terperuk di kepalanya dan di pinggang terlekap hebat pedang samurainya yang berlilit kain putih berdiri dengan mata liar yang tidak berkelip-kelip. Dia tegap orangnya berusia kira-kira 26 tahun, tapi kerana janggutnya dan misainya yang hitam kasar berkeliaran itu, dia kelihatan seperti seorang yang sudah lebih 40 tahun umurnya. Kulitnya putih, matanya bersinar-sinar garang. Mata itu meliar ke sana ke mari ke seluruh bilik itu.

Samurai San mengisyaratkan dengan tangannya – bersarung kulit hitam – supaya Latifah keluar. Latifah yang semakin kuat ketaran seluruh anggota badannya itu segera berlari keluar sambil menangis. Tangisannya lebih meninggi sebaik sahaja dia berada di luar bilik itu. Dan Zubaidah yang berdiri dengan rambutnya terbiar tidak berikat (ini semakin menambahkan seri wajahnya) di hadapan tingkap itu mula

merasa takut yang amat sangat, tapi tidak sedikit pun berkata apa-apa selain daripada merasakan debaran hatinya semakin kuat itu.

"Kau takut?"

Zubaidah tidak menjawab. Suara Samurai San didengarnya begitu kasar. Dipandangnya sahaja Samurai San dengan pandangan yang serba kkuatir dan serba penuh syak wasangka yang bukan-bukan. Tak sepatah yang meluncur dari bibirnya yang sudah pun bergerak-gerak sebenarnya.

"Ada laki-laki Cina di sini?"

"Tidak," baru suara itu terluncur. Dan ganjil bunyi suaranya sendiri dirasakannya.

"Kau seorang?"

Zubaidah mengangguk. Ketaran badannya mulai dirasakannya.

"Bohong!"

Zubaidah berkejut. Hatinya begitu lesu rasanya.

"Kau bohong, bukan?"

Zubaidah mahu menjawab, tapi tidak diketahuinya sama ada mahu terus berbohong atau mahu terus terang sahaja. Tidak diketahuinya isi hati orang yang berada di hadapannya itu. Dia kebingungan dan kekhuatiran.

"Kau bohong sebab kau takut bukan?"

Zubaidah tergamam. Matanya yang tertumpu pada mata Samurai San segera keluar ke tingkap.

"Jawab!"

"Betul," segera Zubaidah menjawab.

"Jadi ada orang laki-laki Cina di sini?"

Zubaidah mengangguk kebingungan.

"Jawab. Jangan angguk-angguk saja."

"Ya."

Maarof dan isterinya kegelisahan di bawah. Maarof mahu naik ke atas, tapi ditahan oleh isteri-

nya. Mereka tahu bahawa tentulah akan berlaku sesuatu yang tidak sopan di atas. Apakah yang akan berlaku kalau seorang askar yang sudah berbulan-bulan di hutan tidak menjumpai wanita kemudian dengan tiba-tiba berhadapan dengan seorang wanita muda dan cantik berusia 17 tahun? Mereka tahu, mereka tahu

“Biar abang pergi”

Latifah yang sedang memeluk anak-anaknya itu segera memegang tangan baju suaminya.

“Jangan bang, janganlah. Kalau abang tak pandang saya, pandanglah anak-anak kita yang dua orang ini. Abang tengoklah saja Cina yang hadapan itu. Bagaimana dia disepak terajang oleh Jepun. Kita seorang dua saja di sini, apalah yang boleh kita buat.” Latifah meminta.

Hati Maarof terlalu panas, tergilil badannya. Diketuainya bahawa sememangnyaalah tanggungjawabnya melindungi Zubaidah daripada sebarang bahaya. Dia telah berdiam selama enam bulan bersama Zubaidah dan ayahnya. Dan dalam keadaan yang berpancaroba dan begitu darurat itu mereka sudah seperti sekeluarga. Masakan tergamak dia membiarkan seorang daripada ahli “keluarganya” diseksa Jepun.

“Biarlah abang naik”

“Jangan bang, jangan bang” Latifah meminta dengan iringan tangis yang begitu memilukan.

Maarof memerhatikan anaknya yang dua orang itu – kedua-duanya laki-laki; seorang enam tahun, seorang lagi lapan tahun. Anaknya yang kecil itu berseluar buruk tiada berbaju dan nampak tulang rusuknya dan matanya yang cengkung. Dari air muka mereka diketahuinya bahawa kedua-dua orang anaknya itu ketakutan benar. Dan kata-kata sayu isterinya

itu berkesan benar di hatinya, lebih berkesan lagi – sekesan membayangkan beras yang susah benar hendak didupakannya – apabila diperhatikan anaknya yang dua orang itu. “Ya, apa yang boleh aku buat bila berhadapan dengan seorang yang buas yang selama beberapa bulan ini membunuh saja kerjanya?”

Maarof sekeluarga terdengar suara kerusi meja berjatuhan di atas. Kemudian terdengar pula daun pintu berlaga. Mata mereka segera ke anak tangga. Kerusi buruk berjatuhan dari seanak tangga ke seanak tangga. Kemudian didengarnya pula suara tangisan Zubaidah yang sebentar-bentar meninggi, sebentar-bentar merendah. Dan ditambah pula dengan suara wanita menangis dan kerahan askar Jepun di jalanan.

Suara orang bergelutan di atas kedengaran pula. Gelutan itu sungguh-sungguh benar. Dan jeritan yang mengiringi meninggi merendah itu lebih sungguh-sungguh lagi. Hati Maarof menjadi lebih berbara, kemarahan sehebat bara yang sedang menghanguskan ranting-ranting kering! Dan sudah tergerak benar hatinya untuk meluru ke atas sahaja untuk beradu tinju atau apa sahaja dengan Jepun penyeksa itu, tapi mata isterinya yang penuh meminta kasihan terse-luruh penuh pada mukanya. Dan dia terpaksa menahan sahaja hatinya yang melidah-lidah api bara kemarahannya itu.

Kemudian tiada terdengar apa-apa pun. Maarof dan Latifah berpandangan sesama sendiri.

Maarof dan Latifah sedang berdiri tegak di hadapan tiga orang askar Jepun – dua orang pendek-gemuk, seorang kurus berjanggut lebat – yang garang, ketika Samurai San turun dari atas. Tiga orang askar Jepun itu segera berdiri setegak dan

sekaku batu peringatan perang menghormati Samur-
rai San dengan mata mereka meliar-liar penuh takjub.
Daripada suara Samurai San yang meninggi itu
sahaja, ketahuilah Maarof dan Latifah – yang semakin
terketar-ketar itu – bahawa Samurai San sedang
memarahi askar-askar itu. Mereka tahu juga – ba-
hawa tentulah Samurai San ini lebih tinggi pang-
katnya daripada mereka itu.

Askar-askar itu segera pergi dengan membong-
kok hormat serentak sebelum pergi. Samurai San
membetulkan kelepak baju dan letak tali pinggang
coklat yang besar berkilat, kemudian memandang
Maarof dengan pandangan yang tidak diketahui
langsung oleh Maarof sama ada penuh dengan rasa
marah, puas ataupun suka. Latifah sendiri sudah
semakin meningkat ketaran anggotanya kerana ter-
lalu takut.

“Awak semua jangan keluar,” kata Samurai San,
masih lagi membetulkan kelepak kemeja dan tali
pinggangnya. “Sekarang undang-undang tentera.” Sa-
murai San berhenti seketika kerana terdengarkan
suara tangisan Zubaidah yang menyaring halus.
“Kalau awak keluar suka hati saja,” suaranya mula
kurang tenaga, “awak akan ditembak. Jangan keluar.”

Maarof dan Latifah yang terketar-ketar itu meng-
angguk. Anggukan Latifah lebih bersungguh-sung-
guh.

“Perempuan di atas itu pun jangan beri keluar,”
kata Samurai San. Matanya meluru tepat ke muka
Maarof. Bertanya-tanya. Kemudian dia berhenti be-
berapa lama. Dipandangnya keluar dan mendapati,
beberapa orang laki-laki Cina yang kekhuatiran
nampaknya, sedang dikerah masuk dengan bengis-
nya oleh serdadu-serdadu Jepun yang berbenet
tajam mengilat pada hujung senapangnya, ke dalam

lori *military* Jepun yang sebenarnya terlalu penuh manusia untuk diisi lagi. Seorang daripada laki-laki Cina itu dihentak bahunya dengan belakang senapang yang berat itu. Laki-laki itu jatuh, memegang bahunya seketika, kemudian dengan ditolong oleh dua orang kawannya segera naik ke atas lori penuh sesak itu. Mereka digesa dengan pekikan perintah yang menggerunkan. Samurai San memandang tepat kepada Maarof dan Latifah. (Kepada Latifah pandangan Samurai San itu lebih menge-rikan).

"Sini betul tidak ada laki-laki Cina, ya?" tanya Samurai San dengan suara yang tidak pun membayangkan sebarang kekerasan.

"A ... ada ... ada tuan, ada ...," kata Latifah ter-gagap-gagap sebelum suaminya dapat menjawab apa-apa.

"Saya tahu, saya tahu. Satu orang saja, bukan?" kata Samurai San.

"Ya," jawab Maarof. "Bapak itu perempuan. T ... tapi dia sudah masuk Melayu ... masuk Islam, tuan."

Samurai San memandang tepat kepada dua orang suami isteri itu. Tidak ternampak apa-apa makna yang tersimpan dalam matanya itu. Matanya berlari ke sana ke mari dengan liar seketika, kemudian tertumpu pula kepada Maarof dan Latifah semula. Latifah gemetar benar!

"Kalau dia pulang," kata Samurai San dengan suara yang tidak juga menunjukkan sebarang kemarahan. "Suruh dia ikut lori itu. Nanti saya akan cari dia."

Mata Samurai San segera terarah ke atas seketika kemudian memandang Maarof dan isterinya dengan tidak pun mengandungi erti apa-apa. Dia berlalu.

Sebaik-baik sahaja Samurai San keluar, Latifah

segera berlari ke atas. Pintu bilik yang sememangnya
tidak tertutup rapat itu ditolaknyanya agak kuat juga.
Zubaidah sedang teresak-esak di atas katil!

Daripada Fail Penulis, 1957

Ada Sayang di Malam Kalam

PADA saat yang akhir-akhir ini wajah Banon selalu benar memenuhi kepalanya. Dan kerana selalunya itu, maka dia menjadi serba tidak senang pula.

Mengapa wajah Banon pula memenuhi kepalanya sekarang ini tidaklah dia dapat menjawabnya dengan tepat. Hendak dikatakan dia mencintai Banon, itu tidak mungkin, sebab sejak dahulu – sejak mereka berkenalan dahulu – dia memang tidak sedikit menaruh perhatian yang mendalam pun terhadap Banon. Baginya Banon hanyalah seorang sahabat wanita. Dan tidak lebih daripada itu.

Keadaannya berubah ini – mengenangi Banon selalu – telah dinyatakannya kepada seorang kawan wanitanya yang paling baik – Rugayah. Mendengarkan segala hal yang diceritakannya itu, Rugayah segera tersenyum. Dan kerana senyuman Rugayah itu, maka iri pula hatinya. Dia berasa seolah-olah diejek. Lalu kerana itu, dia menanyai Rugayah:

“Kenapa awak tersenyum?”

Dengan tidak berselindung, Rugayah menjawab tenang:

“Ah, awak sedang bercinta, Rim. Awak mencintai Banon!”

“Apa?” Karim hampir berteriak. “Awak kata saya sedang bercinta, bercinta dengan Banon? Heh! Barangkali awak ni dah gila!”

Mendengarkan ini, Rugayah mulai ketawa pula. Dan dalam tertawanya itu, dia melanjutkan:

“Ah, janganlah awak hendak berselindung dari saya. Saya ni kan kawan awak? Saya tetap dapat membaca apa yang ada di dalam hati awak.”

Karim diam. Dia tidak mahu menanya selanjutnya. Dia tahu bahawa Rugayah salah dalam terkaannya itu. Dia tidak mahu jawapan yang salah. Dan kerana tidak ada apa-apa lagi yang ditanyakan, maka Rugayah pun tidak bersuara. Senang dan lapang rasanya hati Karim. Tapi sebentar kemudian hatinya mulai gelisah lagi. Wanita yang dikatakan itu mulai memenuhi kepalanya. Lebih terang!

Dia tidak ada menaruh sebarang perhatian yang mendalam terhadap Banon. Itu benar sekali. Tetapi ini tidak pula bermakna bahawa dia membenci Banon. Memang dia tidak membenci Banon. Cuma dia mengakui bahawa dia tidak mencintainya. Dan itu dapat diakuinya dengan dada selapang-lapangnya.

Dia tidak mencintainya, tetapi mengapa pula wajah Banon selalu benar memenuhi kepalanya sekarang ini? Ya, mengapa pula demikian halnya? Dia pernah mendengar orang mengatakan bahawa seseorang itu tidak akan terbayangkan seseorang yang lainnya – jenis lawannya – kalau orang itu tidak mencintai gadis lawannya itu.

Tetapi hal yang dihadapinya ini berlainan sekali dengan apa yang pernah dikatakan orang. Dia berasa demikian. Dia terkenangkan Banon itu bukanlah kerana dia mencintainya. Dan kalau dipinta dia bersumpah untuk itu, dia sanggup. Pada Rugayah selalu

dikatakannya demikian.

Wajah Banon itu, sebenarnya, baru memenuhi kepalanya dalam sebulan dua ini: Sejak dia menjumpainya di belakang sebuah bangunan yang agak besar pada satu malam yang kelam. Memang sejak perjumpaannya itulah mulai dia terkenangkan Banon. Tapi kenangan itu bukanlah satu kenangan yang mesra. Baginya kenangan itu adalah satu kenangan yang paling mengerikan. Dan dia percaya bahawa kenangan itu tidak akan menggelisahkan dia sahaja, malah akan menggelisahkan juga hati manusia lain yang benar-benar berlimpahan dengan rasa perike-manusiaan.

Ketika itu malam: Malam Jumaat. Dia sedang berjalan hendak ke rumah seorang kawannya yang sedang sakit. Dan kerana inginkan sampai segera, maka dia memotong jalan, iaitu dengan melalui sebuah lorong yang agak sempit dan samar-samar.

Lorong itu tidak begitu panjang. Dan di antara rumah-rumah – belakangnya – itu ada sebuah daripada pintu-pintu belakangnya yang terdedah. Dan di atas pintu itu terpasang pula sebuah lampu yang tidak begitu terang cahayanya. Melalui jalan yang sempit dan samar-samar itu, gementar hatinya. Dia amat jarang melalui lorong itu dan tidak mengetahui sama sekali apa yang ada di lorong itu. Dia jalan juga.

Sampai sahaja dia ke tempat yang agak terang itu, dia ternampakkan sebuah tubuh sederhana sedang tersandar pada pintu rumah. Di sana dia ternampakkan juga sekeping *signboard* kecil tergantung, dan daripada *signboard* itu ketahuilah dia bahawa tempat itu ialah sebuah hotel. Semasa berjalan itu sempat juga dia mengerling wajah wanita itu, kerana

dia terhenti seketika. Dan semasa dia hendak bergerak semula, dia telah diteguri oleh wanita itu dengan:

"Tidak singgah?" Lembut dan mesra sekali suara itu.

Sebagai menghormatinya, Karim menjawab:

"Terima kasih sajalah. Saya ada urusan penting."

Wanita tersebut keluar sahaja dari pintu dan segera memegang bahunya. Dia agak terketar, tetapi tidak pula dia tampakkan ketakutannya itu. Dia segera menanya:

"Mengapa? Mengapa awak pegang saya?"

"Tidak apa-apa," jawab wanita itu, "cuma mustahillah sebentar pun awak tidak boleh singgah."

Kengerian segera menjalar ke seluruh badannya. Dan sekali lagi dia terpaksa berlembut terhadap wanita itu. Dia ada hal yang penting, katanya.

"Ada hal? Kalau ada hal mengapa pula awak jalan di sini? Di sini bukannya tempat wanita-wanita mencari harapan?"

Semakin terasa ketarannya. Segera dia menyatakan bahawa dia hendak lekas ke rumah seorang kawannya yang sedang sakit. Dan kerana hendak sampai cepat itulah, maka dia melalui jalan itu, dia menerangkan.

Pegangan wanita itu semakin mencengkam. Dia semakin ditarik. Dan entah mengapa pula dia tidak mahu membantah akan tarikan wanita itu, tidaklah diketahuinya. Dia berasa bahawa dia telah dikuasai oleh wanita itu sama sekali. Dan kerana itulah, maka dia mengikut sahaja wanita itu sampai ke pintu tempat wanita itu berdiri tadi. Di bawah lampu itu, jelas dapat dilihat wajah wanita itu. Dia segera terperanjat, sebab dia kenal betul akan wajah itu. Wanita itu ialah Banon. Ya, tak salah.

"Awak ini Banon, bukan?" Dia bertanya kepadanya.

"Saya? Saya Banon kata awak?" Dia ditanyai wanita itu pula.

"Ya, saya kenal ... saya kenal awak inilah Banon!"

Wanita itu terus ketawa besar. Dan menegaskan lagi:

"Ya, saya wanita tak bernama. Awak tak percayakah?"

Karim segera berasa tidak senang. Wanita tidak bernama? Hatinya bertanya sendirian. Mana pula ada wanita yang tidak bernama dalam dunia ini? Dan kerana dia tidak mempercayai kata-kata wanita itu, maka dia pun mengulangi pertanyaannya:

"Siapa nama awak sebenarnya?"

"Saya sudah katakan tadi: Saya wanita tak bernama."

Mendengar kesungguhan jawapan wanita itu, hatinya semakin gelisah. Dia merasakan bahawa ada sesuatu yang ganjil. Dan tidak berapa lama dia mulai berasa takut. Walau bagaimanapun, dia masih tetap memberanikan hatinya.

"Awak tak mahu singgah? Betulkah awak tak mahu singgah? Tapi sekarang ni awak dah singgah. Kalau awak tak mahu singgah bermaknalah awak akan hampakan hati seorang wanita yang mengharapkan pertolongan awak. Saya harapkan orang yang seperti awak ini. Saya perlu hidup dan awaklah satu-satunya manusia yang dapat melanjutkan kehidupan saya."

Karim dengar jelas akan kata-kata wanita itu. Suara itu bernada sedih: Suara minta dikasihani. Dia segera melepaskan pegangan tangan wanita itu dari bajunya dan segera pula bersuara:

"Sayang sekali saya tidak dapat memenuhi

permintaan awak. Tapi ... tapi ... terimalah pemberian saya yang tidak seberapa ini."

Wanita itu menyambut wang daripadanya dengan penuh sopan dan bertanya:

"Awak tak mahu hiburanakah?"

Karim menggelengkan kepalanya.

"Ambillah wang itu sebagai pemberian ikhlas saja."

Wanita itu merenungi Karim dengan sepenuh hatinya. Karim kegelisahan. Dan sebelum berpisah, dia menanya:

"Benarkah awak ni bukan Banon?"

Wanita itu diam seketika. Kemudian:

"Wanita-wanita di sini, saya rasa, tidak perlu disebutkan namanya. Mereka sudah mengotori namanya masing-masing."

Belum pun sempat Karim hendak menanyakan selanjutnya, wanita itu telah menghilangkan dirinya ke dalam. Karim berlalu. Dan sebelum dia membelok, dia nampak dua orang gemuk dan tegap sedang menuju ke pintu itu. Dan ketahuilah Karim bahawa orang-orang yang serupa itulah yang dikatakan oleh wanita itu sebagai orang-orang yang dapat melanjutkan penghidupannya.

Dan sekarang ini timbul pula soalan mengapa Karim selalu teringatkan Banon. Yang diketahuinya hanyalah Banon sudah lama diceraikan oleh suaminya. Khabarnya lakinya itu kahwin baru. Dan semenjak penceraian mereka itu, Karim tidak lagi menemui mereka. Baru malam itu – malam yang bersejarah itu – dia menemui wanita yang dia penuh percaya ialah Banon. Dan apabila ditanyakan hal ini kepada kawannya – Rugayah – kawannya itu masih tetap menjawab:

"Ah, awak sedang bercinta. Awak cintakan Banon

sekarang. Belalah nasibnya yang malang itu!"

Dan di kepala Karim masih berdengung kata-kata:

"Awak adalah satu-satunya manusia yang dapat melanjutkan kehidupan saya."

Daripada Fail Penulis, 1957

Gelap

MOOI YING memasukkan fail-fail yang sudah digunakan ke dalam kabinet yang terdedah di hadapannya. Banyak yang sudah dimasukkannya. Kerja memasukkan semula fail-fail ini ke dalam kabinetnya terkadang-kadang menjemukan, kerana fail-fail itu terpaksa disusun baik-baik mengikut susunan abjadnya. Matanya memerhatikan lesu meja yang masih belum terkemas baik dan *typewriter* besar dengan beberapa helai kertas yang berselerak juga. Kesemua ini harus dikemas terlebih dahulu sebelum dia pulang.

Hari ini sememangnya dirasakan badannya yang seberat 94 paun itu letih. Pada waktu siang, sejak jam 10.00 pagi lagi hingga ke jam empat setengah banyak orang yang cacat dan tua datang ke bilik *almoner* untuk mengadu hal dan mengambil wang bantuan yang diberikan kepada mereka.

Kebanyakan mereka yang datang itu orang Cina yang sama sekali tidak tahu berbahasa Melayu, jadi Mooi Yinglah yang menjadi penterjemahnya. Apa yang diadukan atau diterangkan oleh mereka yang cacat dan tua itu kepadanya diterangkannya dalam bahasa Inggeris kepada *almoner* Miss Betsy Taylor yang berumur 44 tahun itu. Kerja serupa ini me-

merlukan kesabaran yang amat tinggi. Dan Mooi Ying berasa gembira juga kerana selama ini hatinya tabah menghadapi kerja yang sepayah itu.

Tengah hari tadi ada seorang perempuan tua Melayu menangis-nangis datang kepadanya. Perempuan tua Melayu ini mengatakan bahawa cucunya sakit dan dia terpaksa berjalan kaki sahaja sampai ke hospital membawa cucunya. Sewaktu menanyakan tempat untuk mendapatkan bantuan wang di hospital itu, beberapa orang atendan dengan tidak pun mengambil berat menunjukkan arah bilik *almoner* itu sahaja.

Orang tua itu berjalanlah ke sana ke mari beberapa waktu sehingga dia menangis sendiri. Sewaktu mencari-cari itulah dia dijumpai Mooi Ying yang kebetulan baru sahaja lepas makan dari kantin. Mooi Ying membawanya ke bilik *almoner* dan menerangkan kedudukan soal itu kepada Miss Betsy Taylor. Senang jugalah hatinya kerana dapat menolong perempuan tua itu. Perempuan tua tersebut mengucapkan terima kasih berulang kali kepadanya apakala sahaja *almoner* itu memberinya wang sebanyak \$1.50. Mooi Ying tersenyum pedih sahaja.

Telefon di meja *almoner* berdering. Mooi Ying segera meletakkan fail-fail yang sedang di tangannya itu di atas meja lalu mengangkat *receiver* telefon itu.

"Pejabat *almoner*," katanya.

"Itu Miss Mooi?" Suara lelaki bertanya lembut.

"Ya."

"Bagaimana, sayang?"

Mooi Ying segera meletakkan semula *receiver* telefon itu ke tempatnya. Hatinya segera panas dan rasa marah itu semakin meluap-luap, kerana badannya yang letih dan kerja-kerja yang harus dibuatnya masih belum selesai. Diangkatnya semula fail-fail

yang diletakkannya di atas meja itu lalu pergi ke kabinet untuk menyusunnya.

Memang selalu begitu. Kalau pagi-pagi sebelum jam sepuluh, dan petang selepas jam empat setengah selalu benar telefon berdering. Kalau sepuluh kali telefon itu berdering hanya sekali dua sahajalah benar-benar yang perlu bercakap dengan Miss Betsy Taylor. Yang selebihnya semuanya mahu bercakap dengannya. Sewaktu mula-mula bekerja memang dilayannya juga bualan beberapa orang anak muda yang mengakui bekerja di hospital itu. Tetapi selepas beberapa hari, dia mulai belajar bahawa kebanyakannya bercakap dengan maksud yang tidak sihat. Mulailah Mooi Ying berhati-hati sewaktu menjawab sebarang panggilan telefon. Biarpun begitu anak-anak muda semakin giat menelefonnya; yang ada adanya sampai berani berkurang ajar!

Pagi tadi sebelum ke tempat kerjanya, Mooi Ying sudah terlebih dahulu memberitahu ibunya yang selalu sakit-sakit semput itu bahawa dia mahu menonton wayang. Kepada adiknya dua orang – yang seorang masih dalam *Form I* dan seorang lagi dalam *Form II* – telah diberitahu supaya jangan keluar ke mana-mana, kerana khuatir kalau-kalau semput ibunya itu datang dengan tiba-tiba sahaja. Sebenarnya sudah tiga kali rancangannya hendak pergi menonton wayang terpaksa dibatalkannya kerana memikirkan kesihatan ibunya yang membimbangkannya itu. Pagi itu ibunya nampaknya sihat sedikit, dan ibunya juga mendorongnya supaya pergi menonton wayang kerana kasihan melihat anaknya itu bekerja sahaja terus-terusan dengan tidak menghiburkan hatinya hampir sebulan.

Telefon berdering lagi. Kali ini Mooi Ying segera juga meletakkan fail-fail yang tinggal dua tiga buah

sahaja itu di atas meja, lalu segera pergi mengangkat *receiver* telefon itu.

"Pejabat *almoner*," katanya.

"Kenapa diletakkan telefonnya tadi, sayang? Kan saya"

Mooi Ying segera meletakkan *receiver* telefon itu lagi. Hatinya membara semula. Sewaktu mengangkat *receiver* telefon itu sebenarnya yang diharapkannya bersuara itu biarlah kekasihnya. Tetapi kekasihnya itu masih belum menelefonnya lagi, walaupun kekasihnya itu berjanji akan menelefonnya agak siang sedikit hari ini.

Mooi Ying berjalan semula ke fail-failnya dan mengambil fail-fail itu dengan tangan yang lemah sahaja. Matanya segera mengerling ke jam yang terlekap pada dinding; sudah jam lima. Dia segera menyusun fail-fail itu untuk mengemaskan barang-barang yang di atas meja pula.

"Mak perhatikan kau susah benar sejak beberapa bulan ini," seperti terdengar-dengar suara ibunya. Suara tersebut terputus.

Mooi Ying berhenti ketika di hadapan kabinet itu dan menampak dengan terangnya wajah ibunya yang muram dan sesak nafas itu di matanya. Hatinya begitu hiba. Tetapi dia tersenyum sedikit kerana sayang benar akan ibunya yang selama beberapa tahun sejak kecilnya itu menjaganya dengan baik, walaupun dia bukanlah anak ibunya yang sebenar.

Menurut ibunya sejak usia Mooi Ying tiga tahun ayahnya itu mengahwininya. Isteri ayahnya yang pertama ialah kakak kepada ibunya yang sekarang. Sebab itulah, Mooi Ying tidak mengalami nasib yang tidak menyenangkan.

"Mak cuma fikirkan saya susah," kata Mooi Ying cuba menenangkan hati ibunya.

"Mak tahu, mak tahu," kata ibunya yang sebenarnya dapat menyelami lubuk hati anaknya itu.

Mooi Ying segera mencium pipi ibunya kerana sayangnya yang amat sangat dan ibunya pula segera memeluknya dengan air mata meleleh di pipinya.

"Mak jangan susah," kata Mooi Ying.

Ibunya mengangguk sambil menggigit bibirnya kerana menahan air matanya yang mahu keluar sahaja itu.

Sekarang ini dirinya sahaja tempat ibunya dan dua orang adiknya yang masih bersekolah itu bergantung. Dirasakannya benar-benar betapa ibunya mengharapkannya. Kegagalannya bererti kegagalan keluarganya. Dan untuk ini jugalah hanya selepas beberapa bulan dia mendapat pekerjaan sebagai kerani di hospital, ayahnya meninggal dunia. Kalau tidak keadaan keluarganya tentulah lebih memilukan.

Barang-barang di meja semuanya sudah disusunnya baik-baik. Dan ketika dia menyarungkan *typewriter* dengan sarung getahnya, telefon berdering lagi. Hatinya segera sahaja marah. Dia membiarkan telefon itu berdering beberapa ketika, kemudian baru dia pergi mengangkatnya. Sewaktu diangkatnya dia tidak mengatakan bahawa tempat itu pejabat *almoner*. Dia mendengarnya sahaja. Dan dia tidak juga mendengar suara orang dari telefon itu. Rasa marahnya segera bertambah, lalu dengan suara keras dia berkata:

"Awak fikir sini tempat perempuan tak baik, ya?"

"E, Ying, Ying!" Dia segera terdengarkan suara. Kemarahannya segera cair dan hatinya segera mesra. Suara yang didengarnya itu ialah suara kekasihnya. "Kenapa Ying marah saya?"

Mooi Ying geli hati bukan kepalang lagi. Dalam pada itu dia merasa bersalah juga. Dia ketawa kecil

dengan suara manja.

"*Sorry, Zid,*" katanya, masih tergelak. "Saya fikirkan siapa tadi."

"Kenapa tiba-tiba saja marah begitu?" tanya Yazid.

"Sudah berapa kali orang telefon. Mereka mengusik. Jadi saya kira tadi orang lain juga," jawab Mooi Ying.

"Masih belum habis kerja?"

"Dah. Saya nantikan telefon dari Zid."

"*Sorry*lah kerana terlambat. Saya pun terlambat keluar pejabat. Saya telefon di luar ni. Bagaimana, jadi menonton?"

"Boleh."

"Dah cakap mak belum?"

"Sudah."

"Mak benarkan?"

"Hmmmmm, hmmmmm."

"Dah kurang sakitnya?"

"Dah tiga hari ni nampaknya begitulah."

"Tak bawa ke doktor?"

"Besok atau lusa, tengoklah."

"Baguslah kalau gitu ... dan bagaimana? Saya datang mengambil awak ya?"

"Nanti Zid penat."

"Aha, mengusik, ya? Takkanlah penat."

"Menonton di mana nanti?"

"Nanti bolehlah kita rundingkan."

"Baiklah. Saya datang, tau?"

"Hmmmmmmm, hmmmmmmm."

Mooi Ying meletakkan *receiver* telefon, lalu duduk melepakan matanya. Seperti tergambar semula kisah-kisah lama di hadapan matanya. Dapat digambarkan semula bagaimana dia mula berkenalan dengan Yazid pada masa sekolah dahulu. Mereka

berkenalan dalam satu temasya *fun-fair*, setelah diperkenalkan oleh beberapa orang kawan. Persahabatan itu tidak disangkanya boleh begitu memanjang.

Sewaktu sama-sama masih anak sekolah dahulu Mooi Ying tidak terlintas soal berumah tangga. Persahabatan sekadar persahabatan biasa. Perhubungan itu tidak disangkanya menjadi semakin mesra dari sehari ke sehari. Dan kemesraan itu benar-benar dirasakannya selama enam bulan ini apakala mereka berduanya sudah bekerja dan mulai bercita-cita hendak mendirikan rumah tangga. Perasaan mesra ini datang dengan tiada dipintanya, dan mereka sama-sama tahu bahawa mereka sama-sama memerlukan masing-masing. Itulah sebabnya juga terkadang-kadang mereka langsung memperkatakan soal alam berumah tangga.

Perhubungannya ini sebenarnya diketahui oleh ibunya. Ini diketahuinya sejak mereka masih sama-sama bersekolah lagi. Dan daripada gerak-geri ibunya itu dapatlah Mooi Ying menyelami bahawa ibunya tidak menghalang perhubungannya dengan Yazid. Itu jugalah satu daripada sebabnya yang mendekatkan perhubungannya dengan Yazid.

"Kenapa Yazid sudah lama tak datang?" Ibunya pernah bertanya.

Dengan memandang wajah ibunya seluruhnya, Mooi Ying menjelaskan: "Dia sibuk, mak."

"Kau gaduhkah dengan dia?"

"Dia sibuk, mak." Mooi Ying mengulangi.

Ibunya memandang Mooi Ying sepenuhnya, kemudian dia tersenyum. Kalau sudah begitu, Mooi Ying tidak tunggu lagi mencium pipi ibunya yang sangat dikasihinya itu.

Petang itu mereka tidak memilih-milih benar menonton filem. Apabila sahaja bersua, Yazid menanya

ke panggung mana Mooi Ying ingin pergi. Dengan tersenyum dan suara manja Mooi Ying meminta Yazid sendiri menentukannya.

"Baiklah Ying sendiri yang menentukan." Yazid meminta.

"Tak mahu. Zidlah sendiri tentukan."

"Yinglah."

Mooi Ying menggelengkan kepalanya. Matanya begitu bercahaya-cahaya. Mesra cahayanya. Leher-nya begitu putih. Mendebarkan dan memesrakan.

"Kita ke Capitol, ya?"

Mooi Ying segera mengangguk dan tersenyum.

"Tak kesal?" tanya Yazid.

Mooi Ying menjeling. Agak seketika baru dia menggeleng-gelengkan kepalanya.

Selepas menonton mereka terus sahaja duduk di bawah seponon pokok berhampiran dengan Elizabeth Walks. Lama Yazid dan Mooi Ying terdiam. Filem yang ditontonnya itu memberikan kesan benar. Biar-pun mereka sama-sama tahu bahawa filem itu diciptakan untuk hiburan belaka, tetapi bagi mereka, terutama bagi Mooi Ying sendiri, filem tersebut meninggalkan kesan benar. Dia merasakan sendiri kehampaan yang bukan kepalang apabila para kekasih di dalam filem yang ditontonnya itu tidak dapat melanjutkan cita-cita mereka yang sudah lama dibinanya. Cerita kasih yang berakhir dengan tragedi begini tidak sanggup dihadapinya dengan hati yang tenang. Air mata segera menawannya, dan hatinya segera sahaja hiba dan terus hiba.

"Ying." Yazid memanggil.

Mooi Ying segera menoleh, tetapi tidak bersuara.

"Itukan filem saja?" kata Yazid, cuba menghiburkan.

Mooi Ying cuba tersenyum. Tetapi senyumannya

itu ternyata tidak sungguh. Dia mengetahuinya sendiri.

"Ying percaya semua yang berlaku dalam filem itu?"

Mooi Ying memerhatikan wajah Yazid. Dia cuba tersenyum lagi, kemudian mengesat-ngesat air mata yang berkumpul sedikit di kelopak matanya. Diketahui bahawa dia seharusnya tidak mempercayai apa yang berlaku di dalam filem itu. Ini disedarinya benar. Tetapi kehibaan tidak dapat ditahannya.

"Saya tak percaya. Tapi hati saya hiba," katanya sambil merapatkan badannya lagi kepada Yazid yang bersandar pada batang pokok yang rendang itu.

"Saya tahu Ying membiarkan perasaan diayun oleh filem itu," kata Yazid sambil memeluk pinggang Mooi Ying.

Mooi Ying mengangguk, mengakuinya.

Apabila duduk berdua-duaan begitu yang dirasakannya hanya kemesraan sahaja. Sememangnya setiap kali mereka berdua-duaan di tempat itu mereka akan merasakan kemesraan dan memperkatakan tentang kemesraan juga. Dan apabila kemesraan sudah merayap-rayap benar cita-cita untuk mendirikan rumah tangga lebih bersungguh-sungguh diperkatakan mereka. Dalam perbualan-perbualan itu bukan tidak timbul soal diri mereka yang berlainan bangsa itu.

Tetapi mereka kedua-duanya sama berpendapat bahawa perbezaan bangsa itu tidak lagi menjadi satu halangan yang besar. Cinta tidak mempunyai bangsa - cinta serupa sahaja. Soal-soal halangan seperti perbezaan bangsa ini dapat diselesaikan dengan baiknya bagi mereka berdua apabila sahaja rumah tangga itu mahu didirikan. Mereka mempercayai ini.

"Zid," kata Mooi Ying apakala sahaja kehibaan

hatinya mulai surut.

"Ya," jawab Yazid sambil mendekatkan mukanya ke muka Mooi Ying.

Mooi Ying lebih merapatkan mukanya ke muka Yazid dan Yazid menciuminya sekali.

"Ada apa?" katanya.

"Zid benar-benar cintakan Ying, bukan?"

"Tak percaya?"

"Bukan begitu," jawab Mooi Ying, membiarkan pipinya diciumi Yazid.

"Ying ragu-ragu barangkali sebab banyak berlaku lelaki tak bersungguh-sungguh bila bercinta dengan perempuan bangsa asing?" tanya Yazid.

"Sekali dulu memang saya anggap begitu. Tetapi pada Yazid saya tak pernah menyangka begitu," kata Mooi Ying.

Yazid tersenyum.

"Zid percaya tak?"

Yazid menciumi tengkuknya.

"Percaya tak?"

"Ya, percaya, percaya!"

Mereka kemudiannya diam beberapa ketika. Di dalam hati masing-masing ada kata-kata yang hendak disampaikan. Kata-kata itu bergomol di dalam hati dan kepala masing-masing.

Mooi Ying memerhatikan para kekasih yang duduk berdua-duaan di bawah pohon rendang tidak berjauhan dari mereka. Hatinya begitu aman seketika. Diketuainya bahawa tentulah mereka juga sedang mempersoalkan tentang kemesraan dan hati. Matanya itu segera memerhatikan ke bawah pohon rendang lainnya. Para kekasih begitu rapat berdua-duaan. Hanya apabila melihatkan keliling setenangtenangnya. Alangkah baiknya kalau tidak ada sebarang persoalan yang harus difikirkan!

"Zid betul hendak mendirikan rumah tangga dengan saya bukan?" tanya kemudian.

"Ya!"

"Zid tak keberatan menunggu beberapa waktu lagi, kan?"

Yazid tersenyum memandangnya. Pelukan di pinggangnya itu semakin dieratkan.

"Saya tahu kadang-kadang orang tak sabar menunggu," kata Mooi Ying. "Saya harus terangkan hal-hal perhubungan kita sejelas-jelasnya kepada ibu saya. Saya harus bersabar. Itulah saya minta Zid bersabar juga."

"Saya tak keberatan menunggu, Ying. Soalnya, asal Ying benar-benar cintakan saya," kata Yazid.

Mereka berdiam semula beberapa waktu. Hati mereka sendiri berkata-kata tentang kemesraan dan debaran hati.

"Zid." Mooi Ying berbisik.

"Yazid segera memandang muka Mooi Ying dan mendekatkan mukanya ke muka Ying.

"Ada apa?"

"Ada sesuatu yang dah lama hendak saya cakapkan," kata Mooi Ying.

"Apa? Katakanlah!"

"Berat benar hendak diterangkan. Saya takut Zid tak setuju," kata Mooi Ying.

"Katakanlah. Kenapa harus khuatir? Kalau soal yang dicakapkan itu merupakan persoalan, bolehlah kita fikirkan bersama," kata Yazid.

"Memanglah ia satu persoalan. Tapi Zid boleh memutuskannya."

"Katakanlah."

Mooi Ying terdiam lama juga. Yazid menungukannya sahaja.

"Begini." Mooi Ying memulakan. Matanya penuh

ke muka Yazid. "Kalau kita kahwin nanti, biarlah kita tinggal dengan mak dan adik-adik saya, ya?"

Yazid ketawa. Mooi Ying gelisah. Di dalam ketawanya itu Yazid merapatkan badan Mooi Ying kepadanya lagi. "Itu, itu bukan persoalan," katanya.

"Bukan?"

"Ya, bukan."

"Ibu saya selalu sempit-sempit dan adik saya yang dua orang itu masih bersekolah lagi. Saya harus jaga mereka. Zid tahulah," katanya menerangkan.

"Itu bukan persoalan."

"Jadi, jadi Zid bersedialah begitu?"

"Ingat dulu Ying kata: Cinta itu tiada berbangsa, cinta itu pengorbanan? Hah, inilah dia cinta. Inilah sebahagian daripada percintaan!" kata Yazid.

"Jadi Zid setuju?"

Yazid merenungi muka Mooi Ying dalam samar-samar cahaya di bawah pohon yang berhampiran dengan tepi jalan.

"Tengok mata ini, tengok. Tengok apa katanya, setuju tak?"

Mooi Ying sengaja merenungi mata Yazid dekat-dekat. Dia tersenyum.

"Di sini gelap, mata Zid pun gelap. Saya tak tahu."

Daripada Fail Penulis, 1957

Pulang Malam

SEPANJANG wad di hospital itu sunyi sahaja. Hanya sesekali terdengar orang mengerang diselangi dengan tangisan anak kecil dari wad yang terlalu jauh. Sepanjang jalan kecil untuk sampai ke pintu besar itu hanya diterangi oleh lampu-lampu kecil yang kuasa cahayanya tiada seberapa, apalagi lampu-lampu itu terlalu jauh jaraknya antara satu sama lain. Kesunyian dan kesamaran ini menjadikan tempat itu lebih membimbangkan.

Jonah berjalan cepat-cepat melalui jalan kecil yang samar-samar itu. Pada ketika-ketiknya langkahnya itu dicepatkan, tetapi dia sendiri kkuatir kerana terdengarkan bunyi selipar getahnya yang tipis itu. Bunyi itu seolah-olah diiringi bunyi kaki orang lain. Dengan debaran hati yang tidak aman, Jonah menoleh perlahan-lahan, dan dia sendiri segera terkejut apabila didapatinya seperti ada orang panjang mengikutinya hampir benar. Tetapi ketakutan itu menurun sedikit kerana orang panjang yang disangkanya itu ialah bayang-bayangnya sendiri.

Jonah memandang ke hadapan. Jalan sempit itu masih panjang di hadapan. Semakin di hadapan dilihatnya semakin kelim benar cahaya lampu yang menerangi jalan sempit itu. Ini mendorongnya untuk

berjalan cepat-cepat, tetapi bunyi seliparnya itu lagi memaksanya untuk melangkah lebih perlahan lagi.

Malam itu sudah jam sembilan suku. Sepatutnya jam sembilan dia sudah keluar dari wadnya, tetapi kerana seorang anak kecil menjatuhkan pinggan bu-burnya, dia terpaksa membersihkan lantai dan memungut pecahan pinggan itu. Kerana itu dia tidak dapat bersaing pulang dengan *Nurse Jenny Wee* dan *Hospital Assistant Larry Tambayah*.

Jonah baru 19 tahun umurnya. Dalam umur yang semuda itu, dia sebenarnya sudah dua kali jadi janda. Pertama kali kahwin ketika usianya baru 15 tahun. Ketika itu dia masih bersekolah lagi. Setiap pagi dan tengah hari ketika dia pergi dan pulang sekolah ada sahaja pemuda yang mengikutinya. Seorang daripada pemuda-pemuda inilah yang menghantar rombongan bertemu keluarganya. Dan walaupun dia menyatakan kepada ibu bapanya bahawa dia masih belum bersedia untuk kahwin, tetapi ibu bapanya memaksanya juga.

"Biar aku jaga kerbau, aku tak sanggup jaga anak dara lama-lama," kata ibunya.

Lalu kahwinlah dia. Hanya setahun setengah sahaja dia menjadi suri rumah tangga. Suaminya itu selalu sahaja pulang jauh-jauh malam kerana tergilagila seorang perempuan joget. Tarikan dari pentas joget kemudiannya lebih berkesan, dan rumah tangganya runtuh.

Enam bulan Jonah duduk di rumah ibu bapanya. Anaknya yang baru tiga bulan itu dijaganya. Tujuh bulan selepas itu seorang drebar yang membayar makan dengan ibunya memajukan keinginannya. Jonah tidak banyak kata. Dia mempersetujui sahaja. Perkahwinan ini pun tiada ada sebarang kemesraan.

Hanya selepas beberapa waktu sahaja baru di-

ketahui pemuda yang mengahwininya itu sudah pun mempunyai isteri dan tiga orang anak. Sebelum dia membuka mulut minta cerai, lelaki itu terlebih dahulu sudah meninggalkannya, dengan susulan surat cerai sebulan selepas itu. Waktu itu perut Jonah sudah besar lagi. Dan dalam usianya semula itu diketahuinyalah bahawa sebenarnya alam ini pahit.

Jonah terperanjat apakala satu lembaga putih dengan tiba-tiba sahaja menerpa keluar dari sebuah wad yang berdekatan. Hilang semangatnya. Kekhua-tirannya itu menurun segera apabila didapati lembaga putih ialah seorang doktor. Doktor tersebut tersenyum melihatnya.

"Apa awak fikir saya hantukah?" Bersuara doktor itu dengan tersenyum.

Jonah membalas senyuman itu sahaja, lalu berjalan semula dengan langkah yang lebih pendek-pendek.

Diingatnya benar-benar bagaimana sukarnya dia mula hendak mendapatkan kerja amah di hospital itu. Ibu dan ayahnya sendiri menghalangnya kerana mereka masih berpendapat bahawa Jonah harus berumah tangga. Jonah menentangnya, dan tegas mengatakan bahawa dia tidak mahu mendirikan rumah tangga sekurang-kurangnya selama empat lima tahun lagi. Ibu bapanya terpaksa menunduk kerana percubaan mereka hendak membahagiakan anaknya itu dalam sebuah rumah tangga telah gagal.

"Apa awak tahu berapa orang minta kerja jadi amah sini?" Diingatnya Rajaswari menanya dia sambil memandang tepat dadanya.

"Saya tak tahu, tuan," jawab Jonah sambil menaikkan anak-anak rambutnya yang terlekap di dahinya yang berpeluh. "Kawan saya kata ada kerja kosong."

Rajaswari mengambil sebuah buku besar yang tebal lalu membelek-belek beberapa helai kertas buku itu. Dia berhenti lalu menerangkan:

"Awak tengok ini. Ini semua nama orang. Ada lebih lima ratus. Semua mahu jadi amah."

Hati Jonah hiba. Air mukanya segera muram. Dia menundukkan mukanya, memandang ke kanan kiri lantai batu yang sudah sompek-sompek sedikit itu. Di kepalanya terbayang anaknya yang sedang menangis. Kehibaannya semakin mendalam.

"Jadi tidak ada kerjalah tuan?" tanya Jonah.

Rajaswari yang setengah umur itu memerhatikannya dari kepala ke kakinya, tetapi lebih lama menghinggapkan pandangannya pada dadanya. Mukanya dimaniskannya.

"Saya tulis nama awak dalam buku ini, ya. Nanti bila mahu pakai orang, saya panggil awak."

Jonah memberikan butir-butir keterangan yang diperlukan, kemudian pulang ke rumahnya dengan hati hampa.

Tidak pun sampai seminggu Jonah sudah dipanggil menerusi seorang amah yang tinggal hanya lat lima enam buah rumah dari rumahnya. Jonah terkejut mendengarkan khabar itu. Bukan surat yang datang. Dia tidak percaya dia mendapat kerja sese-gera itu, padahal menurut Rajaswari ada lebih lima ratus orang yang menantikan giliran masing-masing. Di kepalanya segera timbul gambaran-gambaran yang kurang baik, tetapi Jonah pergi juga, kerana baginya pekerjaan adalah perlu kerana dia hendak menghidupkan dua orang anaknya yang masih kecil itu.

"Pasal awak susah, saya kasi awak kerja," kata Rajaswari dengan iringan senyum yang mengandungi rahsia. Seorang *hospital assistant* Melayu yang masih muda dan berjerawat menggerutu di mukanya turut

tersenyum sama. Jonah segera tahu bahawa ada sesuatu yang terlindung di sebalik pemberian peluang baginya bekerja itu.

"Terima kasih, tuan," jawab Jonah dengan tidak pun berani mengangkat muka.

"Besok awak datang *report*, nanti saya kasi tahu bila awak mula kerja," kata Rajaswari, tenang.

"Ai, awak ni malu-malu pula?" Terdengar suara *hospital assistant* Melayu itu mencelah. "Di sini awak tak boleh malu-malu, tahu!"

Di dalam hatinya Jonah mengutuk!

Setiap kali Jonah *mereport duty* kepada Rajaswari, dia akan tersenyum-senyum kepada Jonah. Dan bagi Jonah yang mengetahui bahawa orang ini sudah berbudi, maka dia pun turut tersenyum juga. Biarpun begitu baginya, senyuman itu diberikannya bukanlah kerana sesuatu maksud yang tertentu. Hanya Rajaswari sahaja yang menganggapnya demikian.

Pada suatu petang dia pernah dipanggil oleh seorang atendan untuk menemui Rajaswari. Jonah memikirkan bahawa panggilan itu tentulah ada sangkut-pautnya dengan tugasnya sehari-hari. Dengan tiada sebarang syak wasangka Jonah pun pergi. Pada waktu petang serupa itu orang tiada langsung di bilik Rajaswari. Pekerja-pekerja seperti *typist* dan dua orang kerani biasa sudah pulang, dan seorang *hospital assistant* yang biasanya ada, tiada pula pada petang itu. Bilik itu tersorok tempatnya, maka gelap lah ia.

Ketika Jonah masuk dia disambut dengan senyum manis oleh Rajaswari yang berbadan besar, berambut jarang-jarang, bermisai terjaga baik, tetapi rongak sebatang. Bilik kosong itu segera menyeyamkan hati Jonah, tetapi diberanikan juga hatinya, dan dihilangkannya juga fikiran-fikiran yang merun-

singkan. Senyuman Rajaswari yang berusia 47 tahun itu dibalasnya.

"Ada apa tuan?" tanya Jonah sambil berdiri agak berjauhan dari meja besar Rajaswari.

Lelaki berbadan besar itu membuka sebuah buku kecil, membalik-balikkan beberapa helai kertas buku itu, sambil memerhatikannya. Agak seketika baru dia berkata:

"Mari dekat sini saya mahu cakap."

Hati Jonah mulai tidak senang. Dia merapati meja Rajaswari, tetapi tidak benar-benar rapat. Badannya segera seram sejuk.

"Pasal apa tuan?" katanya. Suaranya itu sudah mulai terketar-ketar.

"Mari dekat lagilah saya mahu cakap," kata Rajaswari masih juga membalik-balikkan beberapa helai kertas buku besar itu.

Jonah merapat lagi.

"Duduk dekat kerusi sini," kata Rajaswari.

Semakin terketar badan Jonah. Dia sudah merasakan sesuatu yang kurang menyenangkan. Kepalanya segera memikirkan soal betapa segera permohonannya meminta kerja itu terpenuhi. Apakah tidak ada hubungannya soal itu dengan hal yang dihadapinya sekarang? Apa yang difikirkannya ini lebih mendebarkan dadanya.

"Duduk dekat ini kerusi!" Rajaswari mengulangi.

Walaupun hatinya sebenarnya semakin bertambah takut, tetapi Jonah memberanikannya juga. Dia berjalan perlahan-lahan lalu menempatkan punggungnya di atas sebuah kerusi yang betul-betul berhadapan dengan lelaki bermisai terjaga baik itu.

"Awak tengok dekat sini!" Rajaswari menyuruh dengan nada suara yang sedikit pun tidak menampakkan bahawa dia akan mengapa-apakan Jonah.

Jonah memanjangkan lehernya dan melihat tulisan-tulisan yang bercakaran. Tulisan itu dalam bahasa Inggris, maka itu dia tidak tahu ertinya. Selepas menengok itu, Jonah menganggukkan kepalanya.

"Ini ada *complaint*," kata Rajaswari. Sewaktu berkata itu matanya sebenarnya tertumpu penuh kepada tengkuk Jonah yang putih itu.

"Pasal apa?" tanya Jonah dengan matanya bulat dan jernih terarah ke muka Rajaswari.

Lelaki berusia 47 tahun itu mengangguk sedikit. Matanya menyeluruhi kening, pipi dan bibir Jonah dengan penuh keinginan. Dengan matanya masih menyeluruhi juga muka Jonah, dia menerangkan tidak sungguh-sungguh:

"*Sister Molly* kata awak kerja tak baik."

Jonah terdiam lama. Wajah *Sister Molly* segera memenuhi kepalanya; wajah itu manis. Dan Jonah merasa takjub bagaimana *Sister Molly* yang begitu bertimbang rasa dengannya sanggup membuat *complaint* begitu. Dan pada ketika itu juga cuba diingatkan sejelas-jelasnya bila dia ada membuat kesalahan. Sukar hendak diingatkannya. Sukar!

"Awak tahu saya rekomen awak? Sekarang saya malu," kata Rajaswari, menggosok-gosok dahinya.

Jonah tidak berkata apa-apa. Kepalanya ditundukkannya. Wajah *Sister Molly* memenuhi kepalanya. Wajah itu mesra.

"Apa salah saya, tuan?" Jonah bertanya.

"Ya, awak tak tahu apa salah awak, tapi dia *complaint*. Kalau dia *complaint* tentu ada salah. Nanti dia hantar *report* baru saya tahu," kata Rajaswari. "Awak tengok ini," tambahnya sambil menunjukkan muka lain buku tersebut.

Jonah menghulurkan lehernya lagi. Mata Rajaswari semakin bernafsu, dan dengan tidak berkata

apa-apa segera dia memeluk Jonah lalu menciumi tengkuk Jonah secepat yang terdapat olehnya. Pada ketika itu juga mulut Jonah ditekapkannya dengan tangannya. Dirinya yang tegap dan besar itu menguasai Jonah.

Wanita muda itu meronta dan cuba menjerit, tetapi tidak berhasil, sebab sapu tangan bergumpal telah dilekapkan segera ke mulut Jonah. Pipi dan tengkuknya dicitumi lagi sementara pinggangnya dipeluknya erat-erat. Dan apabila Rajaswari melepaskannya Jonah segera lari keluar dengan air mata meleleh di pipinya, menangis sekuat-kuat hati. Badannya sejuk oleh kekhuatirannya. Kepalanya tidak dapat berfikir lagi.

Kejadian itu tidak dikhabarkannya kepada sesiapa pun. Walaupun pada mulanya mahu dikhabarkannya kepada *Hospital Assistant* Mohd. Nor yang begitu baik dan begitu hormat kepadanya, tetapi keinginan itu ditenggelamkannya.

Diketahuinya bahawa walaupun soal itu dikhabarkannya, tentulah sukar hendak dia meyakinkan kebenarannya. Apalagi kerana waktu kejadian itu berlaku tiada siapa pun yang menjadi saksi. Semakin ditenggelamkannya keinginan untuk mengkhabarkan soal itu, apalagi dia teringatkan anaknya yang dua orang di rumah itu. Baginya sebagai orang bawahan tentulah senang teraniaya sekiranya dia cuba menentang seorang yang mempunyai pengaruh yang besar di hospital seperti Rajaswari itu.

Jonah sampai ke sebuah selekoh. Dari selekoh itu dia terpaksa berjalan kira-kira 30 ela lagi untuk ke pintu gerbang hospital itu. Sewaktu menyelekoh inilah hatinya kurang senang. Beberapa kali sewaktu dia berjalan di situ pada waktu malam, dia mendapati seorang dua *nurse* ataupun amah membuat perhu-

bungan mesra dengan *hospital assistant* ataupun atendan. Di selekoh itu ada sebuah tangga untuk ke wad atas dan di tangga itulah biasanya para kekasih itu melepaskan rindu dendam masing-masing walaupun untuk sekejap masa. Selalu benar di tangga itu dia dan kawan-kawannya diusik oleh beberapa orang atendan ataupun *hospital assistant*.

Sewaktu membelok itu matanya mengerling cepat ke tangga yang samar itu. Dinampaknya bayang kaki orang berseluar putih dan bersepatu getah hitam. Hatinya segera berdebar. Dia mencepatkan langkahnya. Dan serasa hilang semangatnya apabila dia ditegur: "Jonah, Jonah, mari sini."

Dikenalnya betul-betul itu suara Rajaswari. Segera badannya sejuk dan segera kakinya lemah. Tetapi dicubanya juga lari sekuat-kuat hatinya. Bunyi selipar getahnya yang menyepak-nyepak lantai batu jalan kecil itu membuatnya menyangka bahawa ada orang yang mengejanya sekuat-kuat hatinya. Badannya semakin sejuk dan dia lari semakin kuat, walaupun dirasakannya bahawa sebenarnya dia seolah-olah tidak berlari. Air mata segera sahaja menenggelami pandangannya. Hatinya begitu kkuatir, begitu takut, hingga air mata itu keluar dengan tidak disedarinya.

Serasa hilang sekali semangatnya apabila dia terlanggar satu tubuh yang kebetulan juga sedang berlari anak dari hadapannya. Mahu dia undur ke belakang, tetapi apabila didapatinya orang yang dilanggarnya itu Mohd. Nor segera sahaja dipeluknya sekuat hatinya sambil menunjukkan tangan ke belakang – ke arah selekoh.

"Kenapa?" tanya Mohd. Nor yang singkat-singkat juga nafasnya.

Jonah menangis dan teresak-esak besar. Nafasnya

turun naik lebih cepat, dan Mohd. Nor dapat merasakan naik dadanya itu pada dadanya yang terlekap oleh dada Jonah itu.

"Kenapa?" tanya Mohd. Nor lagi sambil memerhatikan ke arah selekoh.

Tangan kanan Jonah terarah ke selekoh itu lagi, tetapi dia masih belum dapat bersuara. Tangisannya masih menyekat-nyekat suaranya yang hendak dikeluarkannya.

"Saya dengar ada orang memekik. Itulah saya lari. Saya kirakan siapa," kata Mohd. Nor. "Ada orangkah?"

Jonah mengangguk.

"Awak tunggu sini biar saya pergi tengok," kata Mohd. Nor.

Jonah memegang baju Mohd. Nor kuat-kuat. "Jangan, jangan," katanya. "Saya takut."

"Kalau begitu marilah kita keluar."

Jonah melepaskan regangan tangannya ke baju Mohd. Nor itu perlahan-lahan. Matanya masih kelihatan bersinar-sinar ketakutan. Mohd. Nor memegang tangannya erat dan berjalan bersamanya.

"Jangan takut, Jonah."

Sampai keluar pintu gerbang lampu terang sedikit. Biarpun begitu Jonah masih tidak mahu melepaskan tangannya daripada tangan Mohd. Nor. Hatinya masih khuatir. Sewaktu melepasi tangga, Tara Singh tersenyum kerana memikirkan bahawa mereka baru lepas bercumbuan, seperti yang selalu dilakukan oleh *nurse-nurse*, amah-amah, *hospital-hospital assistant* dan atendan-atendan. Dia berdeham empat kali sambil menggenyeh-genyeh janggutnya. Tetapi apabila Mohd. Nor memandang tepat ke mukanya dia pura-pura memandang ke tempat lain.

Jalan keluar untuk ke perhentian bas itu agak

jauh. Sebelum sampai ke jalan raya mereka terpaksa melalui jalan sempit yang berbengkok-bengkok dipagari oleh beberapa batang pokok-pokok rendah yang tumbuhnya jarak sepuluh depa antara satu sama lain. Jalan yang hanya diterangi oleh tiga empat batang tiang lampu yang terlalu jauh letaknya itu, menakutkan Jonah. Tidak berani hatinya untuk melalui jalan itu seorang diri terutama sekali dalam keadaannya yang masih kekhuatiran itu.

"Jonah berani keluar sendiri dari sini?" tanya Mohd. Nor.

Jonah memandang muka Mohd. Nor dengan air mata yang benar-benar minta dikasihani. Dia segera menggelengkan kepalanya, kemudian tunduk.

"Jonah mahu saya hantarkan sampai luar?" tanya Mohd. Nor memerhatikan Jonah dengan kehibaan bermain-main di hatinya.

Jonah memandang muka Mohd. Nor lagi kemudian mengangguk. Tangannya yang masih memegang tangan Mohd. Nor itu masih tidak sanggup dilepaskannya. Hatinya masih begitu ketakutan dan dia tidak berani melepaskan pegangan tangannya itu. Walaupun barulah hari itu dia memegang tangan Mohd. Nor dan memeluk badan anak muda itu, tetapi kerana rasa takutnya yang amat sangat itu dia melupakan rasa malunya.

"Kita pergi ke *admission room* dulu, ya?" kata Mohd. Nor.

"Kenapa?" Baru Jonah bersuara lagi. Masih terketar-ketar suaranya itu.

"Saya hendak telefon ke wad saya dulu. Saya khuatir nanti Arumugam cari saya pula," jawab Mohd. Nor.

"Baiklah."

Apabila sampai ke *admission room*, kerani *ad-*

mission room dan dua orang *hospital assistant* bersama seorang atendan memerhatikan mereka. Hanya Mohd. Nor sahaja yang masuk ke dalam untuk menelefon, sedang Jonah menantikannya tidak berjauhan dari bilik itu.

Mereka yang di dalam *admission room* itu berdehem beberapa kali apabila Mohd. Nor dan Jonah berjalan semula. Deheman itu diiringi sekali dengan kata-kata: "Ai sei ada can, nampak!"

Mohd. Nor dan Jonah tidak mepedulikan deheman dan usikan itu. Agak jauh sedikit Jonah memegang semula tangan Mohd. Nor.

"Saya hantar awak sampai rumah, ya?"

"Sampai rumah!"

Jonah segera memerhatikan muka Mohd. Nor. "Tak apalah. Sampai di luar saja cukuplah," katanya.

"Saya dah beritahu kawan saya, saya pulang lambat sikit. Bolehlah saya hantar awak. Awak masih takut lagi. Saya hantar awak, ya?" kata Mohd. Nor.

Jonah memandang agak lama, kemudian mengangguk lesu.

Daripada Fail Penulis, 1957

Menanti

AZIZAH berpaling ke kiri sambil membuka matanya yang tidak mahu terlelap itu. Diperhatikannya wanita Cina di katil hadapannya itu sudah pun tidur dengan nyenyaknya. Perutnya, terutama di sebelah kanan, masih mencucuk-cucuk sakitnya. Perut itu dipegangnya beberapa kali. Kemudian dia menelentang semula.

Petang tadi suaminya melawatnya. Wajah suaminya itu terlalu manis di matanya. Senyum manis dinampaknya jelas, dan kemesraan senyumannya itu dirasakannya benar. Di dalam sakit-sakitnya itu dia tersenyum juga.

"Bila barangkali Zah akan melahirkan anak?" tanya suaminya lagi.

Azizah memandang penuh muka suaminya, Johari, menyeluruhi rambutnya yang keriting sedikit dan bekas luka di dahi kanannya. Bukan sekali itu Johari yang berbadan gempal, berusia 25 tahun, mengemukakan pertanyaan serupa itu. Azizah tersenyum sambil memandang mata suaminya yang sebentar-bentar merenung perutnya yang besar itu.

"Dalam dua tiga hari ini, kata doktor."

"Jadi, dalam dua tiga hari ini kita jadi ayah dan ibu, ya?" tanya suaminya dengan tersenyum.

Menelan air liurnya sendiri dua tiga kali, Azizah membisikkan perlahan, "Ya." Bisikan itu diiringkannya dengan anggukan dan senyuman.

"Zah suka?" tanya suaminya, mukanya berseri-seri.

"Suka? Abang?"

"Zahlah. Abang tanya Zah."

"Tak mahu. Abang cakap dulu."

Johari memandang isterinya tepat ke matanya, dan tersenyum panjang. "Abang suka," katanya.

"Zah pun suka ...," kata-kata itu terencat. Tangan Azizah segera menekap sebelah kiri perutnya. "Nakal, anak abang ni nakal. Kaki dan tangan kirinya tak boleh diam."

Johari tersenyum. "Ikut kaki dan tangan abang," katanya.

Kemesraan segera memeluk erat hati Azizah. Dipercayainya bahawa suaminya juga merasakan kemesraan yang dirasakannya itu.

"Abang tak susah tinggal seorang di rumah?" tanya Azizah tiba-tiba.

"Susah? Susah bagaimana?"

"Makan dan minum."

"O, makan dan minum?" kata Johari, tersenyum. "Makan abang beli nasi bungkus; minum abang masak air sendiri," jawabnya.

Azizah segera mencari tangan Johari, lalu memeriksanya dengan teliti.

"Kasihannya," katanya. "Tangan kasar ini memasak?" Azizah cuba menyembunyikan mukanya ke bawah bantal. Ketawanya kedengaran.

"Kenapa Zah?"

Mata Azizah menyeluruhi wajah suaminya semula. Dahinya dikerutkannya; bibirnya terukir senyuman manja.

"Tengok tangan abang lagi," katanya. Tangan kanan suaminya ditelitinya. "Tangan ini memasak?" Azizah ketawa mengejut, tetapi, segera menangkap sebelah kiri perutnya. "Nakal."

Mereka baru berumah tangga setahun dua bulan. Dalam setahun dua bulan itu bukanlah tidak pernah berlaku sebarang pertengkaran kecil di antara dia dan suaminya itu. Di mana harus diletakkan meja cermin? Di mana harus diletakkan meja? Baju warna apa yang harus dibeli? Soal-soal kecil itu memerikikan perdebatan kecil. Tetapi pertengkaran itu tidak pernah berpanjangan. Suaminya itu bertimbang rasa dan tahu menjaga keadaan dan suasana. Begitulah menurut pandangan Azizah. Sebab itulah pertengkaran yang kecil-kecil itu dapat diakhirkan dengan cubitan pipi dan paha.

Azizah ingat benar: Perhubungan kasih mereka memakan masa dua tahun sahaja. Azizah berkenalan dengan suaminya itu ketika dia dilanggar basikal dan buku-buku yang bertaburan itu dipungut dan dimasukkan semula ke dalam beg sekolahnya oleh suaminya itu. Azizah sedar bahawa dia sendiri yang bersalah kerana cuba hendak menyeberang jalan dengan tidak terlebih dahulu teliti memandang ke kiri kanan jalan. Dan apabila Johari menyebelahnya memarahkan penunggang basikal, Azizah memintanya supaya jangan, kerana dia sendiri yang bersalah.

Perhubungan mereka kemudiannya banyak juga selok-belok sehingga Johari memajukan pertanyaan apakah dirinya rela kalau menjadi isterinya. Azizah tidak pernah menjawab soalan itu dengan kata-kata. Mukanya sahaja yang tertunduk dan tiga bulan selepas itu rombongan pinangan sampai sahaja. Azizah menundukkan mukanya lagi. Tetapi keluarganya tahu bahawa tundukan itu tundukan setuju. Dan apabila

kawan-kawan sebaya dengannya mengusik-usiknya, barulah Azizah tersenyum.

"Awak tak hendak belajar lagi, Zah?" tanya Jamilah.

"Dia tak perlukan ijazah, dia perlukan abang Johari," sampuk Rafidah.

"Mana penting, Milah? Ijazah atau abang?" tanya Rosnah, tergelak.

"Abanglah. Ijazah kertas; abang, orang. Abanglah," jawab Jamilah.

Azizah tersenyum sendirian. Kenangan itu menyelinap segar.

"Kanda bimbang benar, kalau-kalau rombongan kanda itu ditolak." Demikian di antara isi surat Johari yang diantarnya hanya beberapa hari selepas rombonganannya itu melamar Azizah. "Kanda kira tentulah Zah tak sudi. Maklumlah kanda kerani kecil saja."

Kemesraan bermain-main di hatinya sewaktu membaca surat itu. Lebih-lebih lagi dirasakannya mesra apabila menyadari bahawa dia sebenarnya sudah pun menjadi tunangan Johari. Dengan hati yang berdebar-debar Azizah membalas surat itu. Tangannya terketar-ketar sewaktu menulis. Antara lain dikatakannya:

"Pandai kanda mengusik. Masakanlah dinda memandang pekerjaan kanda. Bukankah sudah dinda katakan dulu lagi bahawa dinda mengasihi kanda sepenuh hati? Hanya hati kanda sendirilah saja yang masih menyangsikan lagi kasih sayang dinda."

Antara mereka tidak banyak surat yang bertukar ganti. Masa pertunangan yang hanya satu tahun terlalu lekas untuk mereka bertukar-tukar surat mesra. Biarpun begitu masa pertunangan yang singkat itu

memang mendebarkan hati mereka.

Surat terakhir daripada Johari sebelum mereka memijak jinjang pelamin antara lain berbunyi:

"Seminggu lagi mulalah kita bercakap pasal asam dan belacan, gula dan beras. Dan waktu itu sibuklah Zah membasuhkan baju kanda yang sentiasa kotor itu. (Kanda memang tidak cermat pakai baju!). Agaknya dinda akan membeliak-beliakkan matamu bila melihatkan selalu benar baju kanda kotor."

Azizah tersenyum membaca surat tersebut. Johari seolah-olah berada di hadapannya, dan dirasakannya seolah-olah dia sudah pun berumah tangga. Alangkah mesranya.

Azizah berpaling semula ke kiri. Wanita yang tidur di hadapannya itu masih nyenyak tidur. Wad itu begitu sunyi. Hanya sesekali kesunyian disiat oleh suara wanita mengerang atau suara anak yang baru lahir memekik sayup-sayup. Mendengarkan suara wanita mengerang dan anak menangis kuat itu membimbangkan hatinya juga. Hatinya yang sememangnya tidak tenang beberapa waktu ini menjadi semakin tidak tenang apabila masa untuk melahirkan itu semakin hampir.

Nurse Nancy Wee lalu di hadapannya dan ter-nampaknya yang masih belum tidur itu. *Nurse Nancy* segera merapati dia lalu bertanya:

"Sakit?"

"Tidak," jawab Azizah walaupun sebenarnya perutnya sakit sedikit-sedikit.

"Kenapa tak tidur? Sudah pukul dua setengah," kata *Nurse Nancy* sambil memerhatikan jam tangannya.

"Nanti saya tidur," kata Azizah berjanji.

"Tidurlah," kata *Nurse Nancy* lagi.

Azizah mengangguk.

Dia sendiri sebenarnya ingin hendak tidur. Berkali-kali sudah matanya itu dilelapkannya, tetapi sewaktu dilelapkan itu macam-macam gambaran masih dinampaknya juga dalam kepalanya. Gambaran-gambaran itu begitu hidup sehingga terkadang-kadang dia merasakan bahwa sebenarnya dia berada di dalam kejadian itu.

Semasa mengandung empat bulan pernah sekali dia bergaduh dengan suaminya. Johari lambat pulang, dan tidak pula membawa belimbing yang dipesannya. Dia tidak bertanya tentang sebab-sebabnya suaminya pulang lambat; yang ditanyakannya ialah tentang buah belimbing itu. Suaminya segera teringat, dan tidak sempat makan malam, Johari segera keluar semula mencarikan buah tersebut. Sewaktu suaminya membawa pulang belimbing Azizah tidak mempedulikannya. Dia pura-pura tidur.

"Zah," kata suaminya perlahan-lahan di telinganya sambil mencuit-cuit badannya itu hati-hati.

Azizah tidak bergerak.

Suaminya itu meletakkan beberapa buah belimbing di tepi meja yang rapat dengan katilnya, dan meletakkan sebiji buah belimbing ke dalam genggamannya Azizah. Kemudian suaminya itu membisikkan: "Zah marah abang, ya?"

Azizah tidak bergerak.

Malam tersebut suaminya membongkar dapur sendiri. Selepas makan, suaminya itu baring di sebelahnya diam-diam. Apabila difikirkan suaminya sudah tertidur, Azizah pun segera berpaling. Buah belimbing yang di dalam genggamannya tangannya digenggamnya erat-erat. Hatinya hiba sendiri apabila dibiarkan suaminya membongkar dapur sendiri. Di-

sedarinya bahawa dia bersalah, tetapi hatinya dikeraskannya juga. Dan semasa memerhatikan wajah suaminya yang sedang tidur itu, air matanya terkumpul di kelopak matanya sedikit. Tangan suaminya yang berhampiran dengannya itu dipegangnya lalu didekatkannya ke mulutnya. Tangan itu diciumnya dengan bibirnya. Air mata yang terkumpul di kelopak matanya menitis setitis demi setitis. Diketahui bahawa dia berdosa, dan inilah penghabisan yang menghibakan benar hatinya.

Dia bangun perlahan-lahan dan mendekati dirinya kepada suaminya. Dan dengan hati-hati dan penuh kemesraan di hatinya, dahi suaminya diciumi beberapa kali. Kemudian dibisikkannya dua tiga kali kata-kata: "Kasih abang." Dan sambil memerhatikan wajah suaminya itu, dia memakan dua buah belimbing yang diletakkan oleh suaminya ke dalam tangannya itu. Dan sebelum tidur tangan suaminya itu dipegangnya erat-erat sampailah ke pagi.

Azizah terkejut dari kenangannya itu apabila didengarnya seorang wanita yang lat tiga katil darinya mengerang. Wanita itu mengerang dan memanggil-manggil *nurse* dengan suara yang penuh kesakitan. Azizah tolong memanggilkan sama. Apabila *nurse* datang, Azizah tidur terlentang semula. Hatinya berdebar sahaja. Hati itu kemudiannya sayu.

Perasaan takut mulai menyelinap di dalam hatinya ketika perutnya semakin besar. Seringkali sewaktu tidurnya itu dia tersentak-sentak dan terkadang-kadang sampai menjerit. Suaminya terpaksa menenangkan hatinya beberapa ketika. Dan dia merasakan beruntung mempunyai suami yang terkadang-kadang semalam-malaman menjaganya.

Pada suatu malam Azizah pernah termimpikan seorang wanita tua. Tentang polong dan pontianak

sering diceritakan oleh nenek dan ibunya, dan cerita ini semakin melekat di kepalanya dan hatinya pada waktu mengandungnya itu. Sewaktu termimpikan wanita tua itulah Azizah memekik. Dirasakannya seolah-olah wanita tua itu datang hendak mengambil anaknya, dan dia meronta-ronta tidak rela memberikannya. Dalam pergelutan itulah dia memekik.

"Bang, Zah takut," katanya dengan tergigil-gigil sewaktu dia disedarkan oleh suaminya.

Suaminya segera memberinya air panas dan selepas itu baru diceritakannya mimpinya itu dengan suara yang masih berketar-ketar dan tersekat-sekat. Suaminya cuba menenangkannya dengan kata-kata yang menghiburkan.

"Apa alamatnya, bang? Alamat tak baik, ya?" tanya Azizah dengan dada yang masih turun naik dengan lekasnya.

"Tak ada apa-apa. Itukan mimpi saja. Zah takut tak pasal-pasal. Bukannya apa-apa. Abang ada di sini," kata suaminya cuba menenangkannya.

"Bukan alamat tak baik?" tanyanya lagi.

"Bukan, bukan!"

Selepas itu dia merapatkan dirinya kepada suaminya, malah semalam-malaman dia tidur dalam pelukan suaminya sahaja.

Nurse Nancy Wee berjalan di hadapannya lagi. Azizah segera melelepkan matanya pura-pura tidur lena. Apabila *Nurse Nancy* jauh darinya mata itu dibukanya semula. Kemudian dipandangnya sekeliling. Begitu menyeramkan. Segera dia takut. Matanya ditutupkannya semula. Tetapi sia-sia. Fikirannya bersimpang-siur memenuhi kepalanya.

Dua bulan sebelum dia masuk ke hospital soal tempat Azizah harus melahirkan anaknya telah diperkatakan olehnya dan suaminya. Menurut ibunya

sendiri, lebih molek sekiranya Azizah beranak di rumah sahaja. Tetapi Johari memujuk isterinya itu supaya melahirkan anaknya di hospital dengan memberikan beberapa alasan kesihatan yang baik.

"Di hospital kalau sakit selalu kena injek," kata Azizah.

"Yalah," kata suaminya. "Tapi injek itu untuk memulihkan kesihatan."

"Zah, takut."

"E, apa yang harus ditakutkan!"

Azizah merenung wajah suaminya. Dia tahu bahawa suaminya itu berkata dengan sungguh-sungguh. Dan dia cuba mempersoalkan hal itu sungguh-sungguh juga.

"Kalau beranak di hospital tak ada orang jaga," kata Azizah dengan tidak berfikir panjang.

"Siapa kata?" tanya suaminya.

"Mak kata," jawabnya.

Johari ketawa kecil. Dia memandang isterinya dengan penuh belas kasihan.

"Mak kata gitu?"

Azizah mengangguk.

"Di hospital ada doktor, ada *nurse*, ada amah, Zah," kata suaminya menerangkan. "Bukan Zah terbiar seorang."

"Tapi abang datang-datanglah selalu melihat, Zah," kata Azizah.

"Itu mestilah. Tapi Zah tak lama di hospital."

Azizah berpaling semula ke kiri. Perutnya dirasakan mulai sakit. Dia cuba menahan nafasnya seketika dan apabila dilepaskan nafasnya itu perutnya semakin sakit. Apakah saat untuk melahirkan anak itu sudah tiba? Dia menanya sendiri.

Matanya mencari-cari *Nurse Wee*. *Nurse* tidak ada. Perutnya dirabanya lagi. Nafasnya ditahannya, kemu-

dian dilepaskannya semula. Semakin sakit. Dia berdiam seketika. Di dalam berdiam-diam itu hatinya merasa takut. Wajah suaminya, ibu dan ayahnya terbayang berganti-ganti di kepalanya. Wajah suaminya ialah yang lama. Air mata dengan tidak dipaksanya mulai berkumpul di matanya. Kesakitan yang menendang di perutnya itu mengumpulkan air mata dan peluh.

"Abang." Dari mulutnya terucap panggilan itu.

Dia memandang sekeliling. Begitu sunyi, begitu menakutkan. Matanya segera mencari-cari *Nurse* Nancy; *nurse* tersebut masih juga tiada. Dia mencari pula amah; amah juga tiada. Hatinya semakin takut segera. Wajah suaminya, ibunya dan ayahnya datang berganti-ganti lagi di kepalanya.

"Di hospital ada doktor, ada *nurse* dan ada amah," kata-kata ini terulang di dalam hatinya sendiri. "Ya, di rumah ada mak. Tapi kan lebih baik kalau Zah dijaga oleh doktor, *nurse* dan amah?"

Matanya segera mencari *nurse* dan amah. Ketakutan memanjat-manjat hatinya lagi. Perutnya yang sakit itu semakin bertambah sakit. Dan kali ini nafasnya mulai turun naik cepat-cepat, dan ini lebih menyakitkan perutnya itu.

Badannya dirasa dengan tangan. Sudah berpeluh benar. Dan apabila dirasa dahinya, peluhnya bukan sedikit. Mula dirasakan kesejukan merayap-rayap seluruh badannya.

"Zah takut, bang." Diingatnya semula perbualannya dengan suaminya dahulu.

"E, apa yang harus ditakutkan?"

"Kalau beranak di hospital tak ada orang jaga."

"Siapa kata?"

"Mak!"

Perbualan itu mendebarkan hatinya. Dan kesu-

nyian di wadnya itu dengan sekali-sekala diselangi dengan erangan dan tangisan anak-anak kecil lebih menakutkannya. Dan segeralah Azizah meneriak: "Nurse!"

Teriakan itu begitu kuat.

Dan Azizah tidak sedarkan dirinya ...

Ketika dibuka matanya semula segala-gala dinampaknya begitu samar-samar. Hari sudah siang. Dan seluruh anggotanya terlalu, terlalu lemah. Di hadapannya mulai terbayang wajah seseorang. Tidak dapat diterkanya mula-mula kerana wajah itu samar-samar. Tetapi seketika kemudian pandangannya semakin terang. Johari di hadapannya!

"Abang?"

Johari mengangguk dan senyum sedia di bibirnya.

"Dah lama abang datang?"

"Ya, Zah."

"Dari pukul berapa?"

"Enam pagi tadi."

"Enam pagi?"

Johari mengangguk dengan senyum terketar di bibirnya.

"Sekarang, sekarang pukul berapa?"

Suaminya melihat jam tangannya: "Sembilan, pukul sembilan."

"Sembilan?"

Suaminya mengangguk sambil memegang tangannya.

"Mak mana?"

"Nanti dia datang."

Azizah terdiam seketika. Kelemahan seluruh badannya itu dirasakannya. Perutnya begitu lapang, dirasakannya, tetapi masih sakit benar. Dia menelan air ludahnya dua tiga kali, kerana dirasanya tekaknya

begitu kering.

Wajah suaminya dipandangnya lagi dengan penuh mesra. Kemudian dilihatnya perutnya sendiri, cuba tersenyum.

"Abang dah tengok anak kita?" tanya Azizah.

"Sudah!"

"Sudah?"

Suaminya mengangguk dengan iringan senyum.

"Perempuan?"

"Lelaki-perempuan"

"Apa?" Azizah segera memotong.

"Lelaki-perempuan."

"Lelaki-perempuan?"

"Ya," jawab suaminya, tersenyum.

"Dua?"

Johari tersenyum, lambat-lambat baru mengangguk.

"Dua? Kembar?"

Di mata Azizah segera terkumpul air mata. Air mata itu keluar dengan sendirinya. Wajah suaminya mula kelam di hadapannya. Hatinya begitu kegirangan. Suaminya menghulurkan sapu tangan, dan Azizah mengambilnya lalu mengesat air matanya. Wajah suaminya mula jelas semula.

"Dua ya bang? Kembar?" tanyanya lagi.

"HMMMMMMMM, hMMMMMMMMM. Dua, kembar."

Tangan suaminya yang masih berada di tangannya itu segera dipegangnya erat-erat. Terlalu riang hatinya. Tangan suaminya diciumnya beberapa kali.

Daripada Fail Penulis, 1957

Asap Berkalung

ARSHAD dan Jaafar sedang asyik berbual-bual tentang hal-hal di sekitar pilihanraya ketika mereka tiba-tiba diteriak oleh seorang kawannya yang sedang menunggang sebuah basikal buruk. Kawan yang memanggil berambut mengerbang dan bermisai tebal menutup bibirnya itu berhenti, tersenyum, kemudian menyandarkan basikalnya pada dua tiga buah peti buruk yang tersusun di tepi sebuah kedai.

"Apa khabar?" tanya kawan tersebut, garau.

"Baik, baik," kata Arshad menggenyeh hidungnya. "Hendak ke mana, Sein?"

"Ai, ke mana lagi, ke rumahlah! Balik dari pekan tadi. Membeli belah sikit. Tiba-tiba saja saya nampak awak berdua di sini," kata kawan tersebut sambil mengesat peluh di dahi dan di tengkuknya.

Sebelum kawan Arshad itu duduk, dia memperkenalkannya kepada Jaafar. Hussein, nama orang itu. Orang itu kurus hitam, berbaju putih bertampal-tampal, tapi bersih, berseluar biru yang sudah pudar benar warnanya. Jaafar tersenyum kepada Hussein ketika dijabatnya tangan Hussein erat-erat. Hussein membalas senyuman itu, menampakkan dua batang giginya yang sudah berlubang hitam.

Tentang Hussein ini Jaafar pernah mendengarnya daripada Arshad. Arshad orang politik, dan Hussein sendiri pada suatu ketika orang politik juga. Agak aneh kawan yang begitu baik, satu kampung, satu sekolah dan satu tempat kerja dahulunya itu, berlainan parti politik pula. Biar pun begitu menyenangkan hati Jaafar juga, ketika Arshad menerangkan bahawa walaupun mereka berlainan parti politik, tetapi tidaklah pula mereka merenggang seperti kebanyakan ahli politik. Pendeknya bagi mereka pandangan dan faham politik yang berbeza tidak lagi menjadi jambatan putus bagi persahabatan mereka.

"Macam mana, dah lama tak dengar suara awak di akhbar-akhbar lagi?" tanya Arshad dengan ketawa, dan memandang Jaafar pula. "Inilah dia Hussein kawan saya, orang politik besar yang saya katakan dulu tu."

Jaafar tersenyum; Hussein juga tersenyum sambil mengeluarkan rokok dan menghulurkannya kepada Arshad. Kotak rokok itu sudah kemek-kemek dan rokoknya hanya tinggal empat batang sahaja.

"Hisap?" katanya mempelawa.

"Saya tak merokok," kata Jaafar.

Arshad mengambil sebatang rokok, mengetuk hujung rokok itu pada ibu jarinya dan kemudian meletakkannya ke bibirnya yang basah oleh air kopi.

"Macam mana, tak aktif lagi?" tanya Arshad, mengulangi. Sambil bertanya itu sambil pula tangannya mengibas, beberapa ekor lalat yang bertenggek pada cawan kopinya.

"Dah *retire*"

"Ai, jangan main-main kawan. Dengan saya janganlah awak hendak temberang. Diam-diam awak tu berisi!"

Hussein ketawa tiba-tiba, mengeluarkan semula

rokok yang sudah pun tercecah di bibirnya. "Betullah tu," katanya. "Diam-diam saya memang berisi. Anak saya dah bertambah."

Mereka ketiga-tiganya ketawa serentak keras dan meninggi.

"Itulah sebabnya bila suara awak tak terdengar di surat-surat khabar lagi saya masih percaya awak masih tetap aktif juga," kata Arshad, menghulurkan api yang menyala ke rokok Hussein.

"Saya tidak ... tidak aktif lagi," kata Hussein mula menyedut rokoknya dalam-dalam. Asapnya dikeluarkan sekali hembus, dan matanya merenungi asap yang mengembang dan melenggang hilang.

"Ah, jangan bohong-bohonglah, Sein!"

"Hendak dibohongkan apa?"

"Betulkah awak dah tak aktif?"

Hussein mengangguk. "Bukan itu saja. Saya dah tak dalam parti lagi."

"Betul awak dah tak masuk parti lagi?"

"Betul!"

"Masuk sajalah parti saya," kata Arshad berjenaka.

"Saya tak mahu masuk mana-mana parti pun."

"Wah ganjil benar. Orang yang pernah berapi-api cakupnya lari dari pentas politik. Ganjil benar!" Suara Arshad meninggi.

Mereka bertiga mulalah berbual tentang parti-parti politik dan tentang pilihanraya negeri dan pilihanraya umum yang akan datang. Arshad dan Hussein berbual tidak berselindung-selindung, sementara Jaafar tersenyum mendengar, dan kadangkadangkang tumpang terbahak-bahak sama.

Hanya sekali-sekala Jaafar cuba mencelah, dan apa yang dicelahinya pun bukanlah soal-soal yang penting benar. Pada masa dua orang kawan lama itu

berbual, Jaafar sering mengangguk-angguk dan memandang keluar.

Menurut Hussein bukanlah tiada bersebab dia berhenti daripada politik itu. Dia menyedari benar betapa perlunya orang-orang muda sekarang berpolitik. Tetapi, katanya, biarlah kalau hendak berpolitik itu dengan kesungguhan dan kesedaran. Banyak orang, menurutnya, giat berpolitik hanya apabila dekat waktu hendak berpilihanraya. Orang-orang begini, menurutnya, bukanlah berpolitik namanya. Orang-orang begini hendak merebut kerusi sahaja. Ini dikesalnya benar.

Diberikannya contoh tentang parti politik di kampungnya sahaja.

"Kampung saya," katanya, menyedut rokoknya dalam-dalam, "banyak juga orang yang berpolitik," asap rokoknya mengembang keluar. "Tapi sebenarnya banyak yang mendaftarkan namanya saja. Banyak yang jadi tukang turut, tukang ekor."

Hussein menerangkan bahawa kalau timbul satu soal politik di surat-surat khabar, orang-orang tukang ekor inilah yang akan bertengkar sesama sendiri. Politik, bukankah gunanya hendak mencari kebaikan? Dalam kampung, dalam bandar dan dalam negeri, politik sebenarnya untuk perbaiki nasib, untuk kemajuan negeri.

"Tapi di kampung saya tidak," kata Hussein. "Orang terus bertengkar-tengkar hanya kerana berbeza parti politik. Soal hakikat yang sebenar dalam politik tidak difikirkan secara sungguh-sungguh. Politik apa itu? Kau tau Shad, politik apa itu?"

"Politik bertengkar, politik dangkal," kata Arshad.

"Saya bosan begini," kata Hussein, meraba-rabacawan kopi yang baru dihantarkan untuknya.

"Kalau orang bodoh, awak tak boleh ikut bodoh

juga, Sein," kata Arshad. "Awak memang tahu sendiri orang-orang di kampung kebanyakannya buta politik. Banyak yang masuk parti itu bukan apa; demokrasi, sama rata sama rasa, rakyat.

"Awak tahulah orang kampung, mereka terpesona dengan kata-kata itu. Jadi, orang-orang seperti awaklah yang harus membuka mata mereka, buka hati mereka, sedarkan mereka!"

"Sudah puas kawan, sudah puas." Hussein memotong cepat. "Sudah berapa kali saya cuba terangkan soal itu kepada mereka; sudah berapa kali saya terangkan hakikat politik; sudah berapa kali saya tunjukkan jalan berpolitik yang sihat. Tapi, saya tak berjaya."

Hussein memandang tepat kepada Arshad dan Jaafar berganti-ganti. Arshad tenang menyedut rokok, kemudian melihat kalungan asap yang dikeluarkannya, sedang Jaafar menghirup kopi yang sudah tinggal separuh.

"Awak tahu apa yang dah berlaku?" tanya Hussein.

Arshad dan Jaafar membesarkan mata menanti jawapannya sahaja.

"Politik sudah terus masuk ke tingkap rumah orang-orang di kampung saya. Terus masuk, ya, terus masuk ke dapur mereka," kata Hussein turut membesarkan suara dan matanya sekali. "Seminggu dulu ada seorang kawan meninggal," Hussein menyambungkan. "Ahli-ahli dari parti lain tidak melawat. Sehari dulu sewaktu kawan lain adakan kenduri, ahli-ahli parti lain tidak datang. Politik sudah masuk sampai ke soal maut dan kenduri arwah."

"Apa ertinya ini? Ini perpecahan, kawan. Ini perpecahan. Politik bukan perpecahan. Bagi saya, bagi Hussein ini, politik bukan perpecahan. Memang

betul kita berlainan parti, tapi janganlah dalam soal nikah kahwin, mati dan kenduri arwah kita terus tebal dengan semangat parti kita. Apa untungnya kalau begitu?"

Arshad memandang Jaafar yang tunduk melihat air kopi yang tumpah. Fikiran masih menjalar-jalar. Arshad sendiri memang pernah mendengar soal-soal serupa itu. Dia sendiri benci mendengarkan khabar-khabar begitu. Malah apabila berhadapan dengan ahli-ahli politik, dia pernah menimbulkan soal itu juga. Dan selalunya perbincangan berjalan separuh jalan, kerana tokoh-tokoh yang diajak memikirkan soal itu lebih suka berhadapan dengan jurang daripada menyelesaikan soal itu secara sihat.

"Ini sebenarnya penyakit," kata Arshad sambil mendongak memandang kipas yang sedang berpusing perlahan-lahan. Pandangannya berpindah kepada Hussein. "Kita tidak harus membiarkan penyakit ini."

"Di samping menjayakan cita-cita kita masing-masing dalam parti politik, kita harus mengalirkan pengertian yang lebih luas tentang politik ini. Kalau kita biarkan saja begitu, hah, penyakit ini akan jadi kudis buta yang menjangkit!"

Mereka berdiam lagi kerana masing-masing melihat kanak-kanak kecil berlari-lari riang di hadapan mereka. Mereka semuanya mengarah ke jalan raya. Semasa mereka berlari-lari keriangannya itu terdengar suara ibu dan kakak mereka berteriak suruh bermain di hadapan rumah sahaja. Jeritan kanak-kanak semakin tinggi menelan jeritan ibu dan kakak-kakak mereka. Kaki mereka segar ke jalan raya.

Dalam keriuhan suara anak-anak itu meninggi pula suara kasar melalui corong pembesar suara. Suara itu semakin meninggi, semakin meninggi.

Rupa-rupa kerana terdengarkan suara itulah, maka kanak-kanak tadi segera berlari hendak melihatnya. Penyuaranya itu menyatakan bahawa pada petang itu akan diadakan perjumpaan ramai di padang berhadapan dengan masjid. Ini berulang-ulang disampaikan dalam bahasa Melayu, Cina, India dan Inggeris.

"Dah mulalah sibuk-sibuk sekarang," kata Jaafar.

"Ya, sekarang musimnya," kata Hussein.

"Ei kawan, saya orang politik tahu? Jangan cakap-cakap tak tentu," kata Arshad, ketawa.

"Kita dah tahu, dah tahu." Hussein mencelah segera.

Dan mereka ketawa sama-sama.

"Bagaimana awak?" tanya Hussein kepada Arshad.

"Bagaimana saya? Bagaimana apa?"

"Keadaan awak."

"Keadaan saya? Macam biasa! Tengok badan ni, 131 *pound* dulu, 131 *pound* sekarang. Macam biasa," kata Arshad.

"Bukan itu. Maksud saya, awak tak masuk bertanding?"

Arshad mengenyit ke arah Jaafar, diekori oleh ketawa memanjang.

"Niat itu ada, niat itu ada," katanya, "Tapi, tapi hah ini, wangnya, ya kawan, wangnya!"

"Ada parti."

"Benar, tapi tak akan semua hendak harapkan parti. Lagi pula banyak orang yang hendak masuk bertanding. Berilah peluang kepada mereka yang berkebolehan. Saya sendiri nantilah. Belajar dulu sekarang.

"Dah tau betul selok-beloknya barulah saya pula masuk bertanding. Saya hendak bersungguh-sungguh."

guh, ya sungguh-sungguh. Bukan hendak aktif hanya ketika ada pilihanraya. Saya hendak sungguh-sungguh."

"Betul begitu, betul," kata Hussein, menyedut rokoknya yang baru disambungnyanya. "Yang kita mahu orang-orang begitulah: Orang-orang yang benar-benar mahu berjuang untuk orang ramai dan jujur pula. Orang yang berjuang bukannya hanya bila pilihanraya hampir tiba, tapi berjuang setiap masa!"

"Wah, masih berapi-api lagi kata-kata awak tu!" kata Arshad. "Saya fikirkan dah lama tinggal gelanggang, suara pun ikut lesu juga. Rupa-rupanya tidak, makin mendebarkan pula."

Hussein ketawa, dan dalam ketawanya itu dia berkata: "Walaupun diri saya dah tak di dalam parti lagi, tapi semangat itu ada. Saya sebenarnya menanti saat baik untuk giat semula dalam parti.

"Sekarang ni saya cuba baikkan suasana di kampung dulu. Kalau sebagai orang parti, payah hendak mencubanya. Parti ini kata kita begini, parti itu pula kata kita begini. Kalau kita tak berparti senang sikit."

"Jadi awak berhenti dari parti ini pun bersebab jugalah, ya?"

"Orang macam saya lebih senang membuat segala-gala dengan bersebab. Orang-orang gila sajalah yang bertindak dengan tidak bersebab," kata Hussein.

"Mengangkat diri nampak," kata Arshad, ketawa.

"Kalau hendak dikirakan begitu memanglah. Tapi saya kata ni dari hati yang bersih." Hussein menerangkan.

Mereka ketawa serentak agak memanjang. Ketawa itu mengendur semula kemudiannya kerana mereka terdengarkan suara kasar dari corong pembesar suara yang meninggi semula di hadapan mengulang-

ulangkan: "Tuan-tuan pilihlah calon parti kami. Calon kami akan membela tuan-tuan semua!"

"Saya harap termasuk kita semua: Awak saya dan kawan awak ... sapa ni?"

"Jaafar."

"O, ya, termasuk Encik Jaafar juga!" kata Hussein.

"Ya, saya harap juga begitu," kata Jaafar, melihat kanak-kanak yang berkejar semula ke jalan raya. "Sebab, sebab saya sendiri dah menganggur setahun setengah di tengah-tengah bandar makmur ini."

"Percayalah tuan-tuan, tugas calon kami ialah untuk memberikan kebahagiaan dan kemakmuran kepada tuan-tuan semua," suara kasar dari corong pembesar suara itu melaung tinggi.

"Juga pertama-tamanya untuk kebahagiaan dan kemakmuran calon itu sendiri," kata Hussein, terbahak.

"Ya, juga untuk sanak saudara dan cucu cicitnya," tambah Jaafar.

Arshad menghembuskan asap berkalung ke udara, melihat asap itu mengembang dan menghilang

Daripada Fail Penulis, 1957

KOPRAL MOHSIN sedang hendak lari ketika dia disuruh berhenti oleh suara yang tidak dikenalnya. Matanya cepat memerhatikan arah tempat suara itu datang, dan kemudian menyadari bahawa tentulah musuh berada tidak berapa jauh darinya. Dia tahu bahawa kalau dia ditawan, tentulah kawan-kawannya yang baru beberapa waktu sahaja lari tadi akan dapat dikesan perjalanannya. Mereka akan maut juga.

Dengan tidak berfikir panjang, Mohsin segera meniarap, lalu merangkak-rangkak di dalam semak itu. Ketika sampai di pagar, tempat dia hendak meluluskan dirinya, tembakan didengar. Dia segera bangun dengan cepat berlari. Bunyi mesingan kedengaran. Mohsin serta-merta itu juga tersadai pada dawai-dawai duri itu, menggelepar seketika, kemudian terlentok mati.

* * *

Habibah teresak-esak bukan kepalang. Hamid yang berada di sebelahnya tunduk dengan sebuah gelas berisi oren di tangannya. Di dalam kepalanya tergambar beberapa peristiwa yang tidak dapat ditang-

kapnya dengan baik. Gambaran itu berupa ceraiian kisah dalam hidupnya.

Dia memandang Habibah seketika, dan apabila dilihatnya masih juga teresak-esak dia berpaling memandang ke tengah pentas tempat orang sedang menari dengan riangnya. Sejam tadi dia sendiri berada di tengah-tengah pentas itu, tapi entah mengapa hatinya tidak senang! Dia memanggil Habibah ke mejanya, dan mereka berbual-bual tentang sesuatu yang sememangnya lama hendak dibualkannya.

"Awak terasa ganjilkah saya panggil awak kali ini?" katanya itu terulang di dalam kepalanya semula.

"Kenapa ganjil? Encik Hamid selalu panggil saya."

"Tapi sekarang ni dalam hati saya ada maksud."

"Maksud?"

"Ya, maksud."

Hamid pun hendak berterus-terang menyatakan keinginannya yang sebenarnya sudah begitu lama disimpan sahaja. Dia tahu bahawa kepada seorang wanita tidak baik dia berterang-terangan begitu. Sudah difikirkannya hal itu lama-lama, tapi hatinya memaksa.

"Bibah wanita pelayan," kata hatinya itu. "Dia sudah kenal dengan tabiat lelaki. Biar berselindung pun dia tahu lelaki."

Dia mengiya-iyakan hal itu beberapa ketika sebelum hendak menyatakan hasrat hatinya itu. Kemudian dengan berani dia menerangkan:

"Bibah."

"Ya."

"Awak tak marah?"

"Marah apa? Belum dicakap kenapa hendak marah?"

"Tapi, awak tak marah?"

"Yalah marah apa?"

"Begini Bibah ..."

* * *

Kesal benar hatinya kerana tidak menerangkan apa yang seharusnya diterangkan. Sudah di bibirnya kata-kata itu semua, tapi untuk melafazkan keluar, bibirnya itu tidak sanggup. Kenapa begitu? Kenapa?

"Dia wanita pelayan, kenapa aku harus berselindung-selindung?" tanya hatinya lagi.

Hamid pergi ke tingkap memerhatikan manusia yang sibuk di bawah. Di kedai kopi diperhatikannya budak-budak muda mengelilingi *juke-box*, dan entah mengapa hatinya marah sahaja. Dia memandang ke hadapan dan ternampak palang salib gereja. Dia terdiam. Kemudian dia teringatkan Habibah semula.

"Bibah. Saya dah lama perhatikan awak. Saya bujang, tahu? Saya, saya mahu awak jadi isteri saya saja," katanya.

Tapi kenapa di dalam bilik begini aku berani? kata hatinya sendiri. Kenapa sekarang kata-kata itu boleh terlepas dengan mudahnya? Kenapa tidak aku lafazkan sahaja ketika berada di hadapan Habibah semalam? Aku sudah rancang. Dan bila harus aku mengatakannya lagi? Dalam seminggu ini sahaja? Selepas itu aku tidak ada lagi di sini. Aku akan pergi ke Australia melanjutkan pelajaran *accountancy*ku. Aku akan berada selama lima tahun di sana. Habibah akan jadi apa nanti dalam lima tahun itu?

"Bibah. Betul Bibah, saya kasihkan awak," katanya dengan sekuat-kuat hatinya.

Dia pergi ke mejanya, mengambil gelas yang masih berisi air kopi, kemudian dengan penuh marah menghempas gelas itu.

"Kenapa Encik Hamid?" kata orang gajinya yang dengan segera masuk terperanjat.

"Aku kasihkan Bibah!"

* * *

"Kau tahu dia masih muda. Aku tak boleh perdayakan pemuda yang semuda itu," kata Habibah dengan teresak-esak.

"Tapi kau kata umurnya 24 tahun."

"Ya, ya."

"24 tahun dah dewasa, tahu?"

"Dalam pengalaman tidak."

"Aku tahu, Bibah, aku tahu. Tapi kalau dia kata dia hendak cakapkan sesuatu yang rahsia, kau tahu apa maksudnya. Bukan setahun dua ini kau jadi pelayan. Mustahillah kau tak tahu lelaki," kata Aminah.

Habibah tersedu sahaja. Matanya menyeluruhi Aminah yang tiga tahun lebih tua daripadanya seketika. Dia segera bangun, mengambil rokok dari kotak rokoknya, mengeluarkannya sebatang, meletakkannya di bibirnya, lalu memancisinya.

"Kau tahu maksud anak muda tu, kan?" Aminah mengulangi pertanyaannya sambil menyapu *cream* di mukanya.

Habibah terus sahaja menghisap rokoknya, kemudian menaikkan rambut kusutnya yang jatuh di dahinya. Dia memandang Aminah dengan pandangan hampa. Perlahan-lahan dia menggelengkan kepalanya.

"Mustahil Bibah, mustahil. Kau tentu tahu niat pemuda tu. Kau mesti tahu. Kenapa kau harus tolak peluang begitu? Kenapa? Aku tahu kau hendak jadi baik. Sekarang peluangnya ada."

Habibah diam.

"Kau masih belum hendak insaf agaknya. Kau masih hendak jadi pelayan terus-menerus. Begitu-kah? Aku Bibah, aku dah lama hendak berumah-tangga. Aku hendak hidup berumah tangga. Aku meminta-minta benar dengan Tuhan, kalau aku diberikan seorang suami, suami yang tahu menjaga aku, aku bersyukur.

"Aku mahu jadi baik, beramal, beramal, beramal sampai hari mati. Aku tak mahu lelaki banyak. Aku tak mahu aku dikelilingi lelaki. Aku mahu seorang lelaki, seorang saja, seorang yang tahu dan mahu menjaga aku," kata Aminah penuh perasaan.

Habibah memandang wajah kawannya sewaktu mendengar kata-kata itu. Dia segera mematikan api rokoknya yang masih panjang lagi. Dia bangun semula, pergi ke katilnya, membuka bajunya untuk mengganti baju lain. Sewaktu hendak memakai baju barunya itu, didengarnya suara kawannya menangis teresak-esak.

"Kenapa Minah, kenapa kau yang menangis?" Dia bertanya.

Tangisan Aminah terus berlanjut. Aminah mengambil sapu tangan dari bawah bantal di katilnya, menghembuskan hingusnya, kemudian meneruskan tangisannya lebih sungguh-sungguh lagi.

"Kau mahu aku kahwin dengan pemuda itu bukan?"

Aminah mengangguk.

* * *

Hamid bertopang dagu di atas mejanya. Dia kelihatan begitu sugul. Air oren di atas mejanya baru diminumnya sedikit. Di hadapannya riuh-rendah empat orang pemuda yang sedang meminum *beer*, dan

berlumba-lumba hendak memilih penari joget. Di belakangnya duduk dua orang tua yang terkekeh-kekeh ketawa kerana keriangannya. Di kirinya ada dua meja kosong, sementara di kanannya duduk seorang lelaki setengah umur yang diam sahaja sejak tadi.

Ketika Aminah mengatakan bahawa Habibah tidak datang hari itu, hati Hamid terlalu hiba. Dari rumah tadi sudah dirancang-rancangannya segala apa yang hendak dinyatakannya. Habibah harus ada hari itu. Dia mahu menyatakan segala-gala – segala-galanya! Sekarang hendak dikatakannya apa? Dia memandang air oren di hadapannya dan seketika itu juga dia masuk di dalam alam khayalannya sendiri

“Saya tahu Bibah, saya tahu awak meragu-ragukan saya. Awak fikir semua lelaki sama. Awak fikir saya datang dengan satu niat busuk saja,” katanya di dalam khayalannya.

Keningnya dikerutkannya. Tangannya yang menopang dagu segera mengurut-urut pipinya. Kemudian tangan itu ke dagunya semula. Matanya terarah ke air oren lagi.

“Saya tahu awak kasihkan saya juga Bibah, saya tahu,” katanya. “Saya tahu. Saya tenung mata awak saya tahu. Saya percaya awak tentu tahu saya kasihkan awak benar. Kita sama-sama malu. Tapi, tapi kenapa harus malu? Kenapa harus malu kalau niat kita baik?”

Keriuhan yang menajam menyedarkan Hamid. Dia memandang ke hadapan. Anak-anak muda yang empat orang itu sedang ketawa mengilai dan berbual dengan suara yang terlalu tinggi. Dia merasa jijik, dan memandang orennya semula. Khayalannya itu bersambung.

“Katakanlah awak tak kasihkan saya, kenapa awak ceritakan tentang suami awak yang mati dalam

perang itu? Tidakkah awak ceritakan itu, semata-mata kerana hendak menerangkan selama ini awak kesunyian, keseorangan, dan awak perlukan orang yang melindungi awak? Apa bezanya saya dengan suami awak? Kami sama-sama lelaki. Apa bezanya? Kerjanya? Dia sojar, saya *accountant*. Tapi itu bukan halangan. Bukan. Awak tahu kan? Yang perlu orang lelaki itu harus menjaga awak. Saya hendak menjaga awak”

“Encik Hamid, saya percaya Bibah tak datang hari ini,” kata Aminah kepada Hamid yang masih berkhayal itu.

“Se ... siapa tak datang?” tanya Hamid, terpe-
ranjat.

“Bibah.”

“Tapi, saya hendak jaga dia”

* * *

“Apa yang harus aku katakan lagi, Bibah? Mestikah aku berbohong kepadanya? Kau ni ganjil Bibah. Kenapa kau tak mahu dia? Kenapa?” tanya Aminah.

“Aku tak tahu”

“O, kau tak tahu, hah? Itu bukan jawapan. Kau tahu kan? Itu bukan jawapan!”

“Tapi apa yang harus aku jawab kalau aku tak tahu?” jawab Habibah dengan suara meninggi.

“Itu bukan jawapan, Bibah. Bukan!”

“Aku tak tahuuuuuuuuu!”

Aminah terdiam. Tidak pernah Habibah sekasar itu. Dia tidak berniat hendak melukakan hati Habibah. Dia cuma hendak menolong kawannya itu, kerana diketahuinya bahawa Hamid memang benar bersungguh-sungguh dalam soal rumah tangga itu. Sekarang hatinya terlalu pilu. Dia cuba hendak se-

gera keluar untuk ke dapur, tapi tiba di pintu dia digalang oleh Habibah. Habibah memandangnya dengan air muka sedih, meminta maaf atas kasar bahasanya.

"Kau ambil hati, Minah?" tanya Habibah.

"Tidak," kata Aminah dan segera menangis kuat-kuat.

"Aku tahu aku salah, Minah. Aku tahu. Janganlah menangis. Kau lebih memilukan hatiku kalau kau menangis. Aku tidak ada sesiapa lagi di dunia ini. Kau seorang, kau tahu, kan?" kata Habibah, tidak dapat menahan sedunya pula.

Mereka sama-sama menangis beberapa ketika. Mereka berpelukan. Dalam hati masing-masing merasa belas sesamanya semakin bertambah, dan tiap tangisan ditambahkannya dengan erat pelukan lagi.

"Bibah."

"Ya."

"Kau tahu bukan mengapa aku suruh kau kahwin saja dengan Hamid?"

"Tahu."

"Tapi kenapa kau tak mahu?"

Habibah tidak menjawab. Air matanya bertambah. Dia ke belakang sedikit untuk melihat wajah Aminah. Sesudah memandang sungguh-sungguh, dia berkata:

"Perlukah aku kahwin dengannya, Minah?"

"Kenapa pula tak perlu?"

"Sesudah berlama-lama di tempat hina ini?"

"Bibah"

* * *

Aminah berdiri di hadapan Hamid dalam keadaan yang sedih. Kepalanya tertunduk sahaja, kerana di

matanya terleleh air mata yang dikesat-kesatnya beberapa ketika. Hamid sendiri terjengah-jengah memandang orang ramai yang sedang berbual – ada yang gelak ketawa, ada yang tersedu-sedu menangis. Di belakang mereka kapal yang sedia hendak belayar berlabuh gagah. Bunyi semboyan kapal kedengaran beberapa kali.

“Saya tak faham sungguh, tak faham,” kata Hamid, matanya masih juga mengharapakan Habibah.

Aminah tidak menjawab, selain daripada terus tersedu.

“Tidak adakah sebab yang boleh diberikannya? Kalau dia tak suka saya tak adakah sebabnya? Saya ini jahatkah?” suara Hamid begitu penuh perasaan.

Dia berhenti seketika, memandang Aminah yang masih tunduk, memandang pula kepada orang ramai, kemudian memandang semula kepada Aminah.

“Kenapa Minah, kenapa dia tak datang? Kenapa dia tak sukakan saya? Tentu ada sebabnya. Kenapa? Kenapa?”

Aminah bertambah sedunya. Dia cuba memandang wajah Hamid seketika, tapi kepalanya segera ditundukkannya semula. Dia tidak tahan hati berhadapan dengan manusia yang penuh harap, tapi dihampakan. Dan dia lebih tidak tahan lagi, apabila hendak menyatakan sesuatu yang tentu sekali akan melukakan hati Hamid.

“Tidakkah Bibah terangkan kenapa dia tak sudi menjadi isteri saya?”

“Ada, ada,” jawab Aminah di dalam hatinya, sekuat-kuatnya.

“Kalau dia tak sukakan saya, mengapa dia tak mahu datang menghantar saya? Mengapa sampai begitu sekali?”

Aminah mengesat air matanya, tapi sedunya se-

makin bertambah. Kali ini dia memandang wajah Hamid, dan bibirnya mula bergerak untuk mengkhabarkan sesuatu yang sejak tadi tidak dapat di-khabarkanya. Tapi sebelum dia memulakan, Hamid sudah pun bertanya.

"Awak yang banyak tahu hal kami berdua, Minah. Cubalah awak terangkan kenapa Bibah menolak niat baik saya? Kalaupun dia tidak hendakkan saya, apa salahnya dia terangkan saja sebabnya. Akan puas hati saya. Minah, cubalah awak terangkan."

Bibir Aminah bergerak-gerak lagi. Kali ini hatinya diberanikannya sungguh-sungguh. Biarlah apa yang akan jadi, hal yang sebenar tidaklah seharusnya dirahsiakan lagi. Dia memandang wajah Hamid sungguh-sungguh, dan kemudian dengan suara yang terpaksa dikeraskan, diterangkannya:

"Bibah ... Bibah menolak kerana dia sedang mengandung sekarang!"

Seluruh anggota Hamid lesu ketika itu juga. Dan di sebelahnya, Aminah menangis sekuat-kuat hatinya.

Orang ramai memandang ke arah mereka.

* * *

Bunyi riuh-rendah orang ketawa dan bersorak riang berekor-ekor. Aminah tunduk membisu. Di sebelahnya Habibah dengan sapu tangan sedia ditekap pada bibirnya – bibir yang menggeletar. Faridah, gadis kurus, 22 tahun, turut membisu.

"Takkan boleh kita begini saja," kata Aminah sayu.

"Ya, takkan boleh!"

"Kita harus lupakan segala yang luka," kata Aminah lagi.

"Benar, Cik Bibah. Tapi, tapi saya tahu saya yang bersalah. Saya yang menyebabkan segala-gala ini. Cik Bibah begitu bertimbang rasa, sedia berkorban untuk saya. Saya takkan lupa budi itu selamalamanya. Dan saya akan jaga Hamid sepenuh hati saya mulai dari sekarang," kata Faridah.

Aminah memandang Habibah yang mulai tersedu semula, mula-mula perlahan dengan ketapan bibir, tetapi sedu ini kemudiannya bertukar menjadi esakan yang sungguh-sungguh.

"Kita harus belajar melupakan kisah-kisah pilu, Bibah." Aminah menasihatkan.

Suasana di sekitar meja mereka hanya terusik oleh sedu beberapa ketika. Kemudian, Habibah mengangkat mukanya penuh yakin, mengesat air matanya, dan memandang keliling. Lagu rancak di dengarnya beralun mengiringi beberapa pasangan penari yang sedang bergelak ketawa menari.

"Ya, kita harus lupakan segala yang luka," kata Habibah, bangun menuju ke tengah pentas, sebelum sempat Aminah menahannya.

Di tengah pentas yang sibuk dengan pasangan penari, tiba-tiba sahaja Habibah menangis sekuat-kuat hatinya.

Daripada Fail Penulis, 1957

Sebuah Bilik

KHATIJAH dengan berlenggang-lenggang senang berjalan menuju ke *Admission Room*. Di tangannya sehelai form yang hendak disampaikan kepada kerani *Admission Room* itu. *Form* tersebut tidak dipegangnya hati-hati; memang sudah begitu perangnya, seolah-olah memegang secebis akhbar buruk bekas pembungkus belacan sahaja, tidak lebih daripada itu.

Soal yang dihadapinya tetap serupa. Bernada serupa: Membawa *form-form* yang menyatakan tentang kematian atau ketenatan sakit seseorang *patient* kepada saudara-maranya. Dan Khatijah tidak akan terharu dengan berita-berita tragik yang sedemikian itu; hal sedemikian sudah umum baginya – seperti juruhebah Radio Malaysia dengan warta berita – semua itu tidak melekap perasaannya lagi. Apa yang mengharukannya ialah peristiwa dirinya diusik orang di *Admission Room* itu, satu peristiwa yang tidak menjadi keberatan baginya. Malah satu peristiwa yang paling diharap-harapkannya, walaupun tidak dinyatakannya berterang-terangan.

Khatijah berjalan melewati beberapa orang doktor – mereka berbaju putih panjang dan satu benda yang panjang seperti ular tersangkut di leher atau

terjuler di sakunya – yang berjalan cepat menuju ke bilik rehatnya; melewati dua orang atendan yang menolak *stretcher* beroda berisi botol-botol obat, kotak-kotak, gabus penutup botol, kad-kad putih, hijau muda dan biru muda, sarung surat yang kebanyakannya besar bentuknya untuk kegunaan *X-Ray* dan beberapa kotak pensel dan berus. Seorang daripada atendan itu yang panjang kurus, rambutnya tegak seperti jambul nanas lalu menyapa: "Leha, apa macam Baba Patrick Luan?" Khatijah berjalan dengan tidak pun menoleh. Dia kenal benar atendan itu, Pek Kim, yang selama seminggu ini asyik terkejar-kejarkan Molly Chang, seorang amah yang baru masuk kerja, yang ukuran dadanya lebih *vital* daripada ukuran punggungnya.

Di sebuah lorong mengarah ke *Admission Room* Khatijah berhadapan dengan tiga orang: Seorang anak yang gemuk tapi terlalu pucat, seorang perempuan kurus yang terbayang kehuru-haraan hatinya dengan beberapa helai rambutnya terjuler kusut ke dahinya yang sudah berkedut enam itu dan seorang perempuan tua, yang juga kelihatan cemas sedang memegang erat tangan budak itu, dengan matanya yang menyatakan sesuatu pertanyaan yang demikian lama terbedung.

"Nyonya, *A theatre* mana?" Perempuan kurus yang penuh kehuru-haraan hatinya itu menyalai Khatijah, sambil matanya sekilas terlempar ke anaknya yang pucat dan dengan cepat kembali ke Khatijah semula.

"Lu jalan sini, pusing sana, habis pusing kiri." Khatijah berkata sambil mengarahkan jari telunjuknya ke tempat yang mesti dituju. Khatijah ternampak dua orang atendan yang menolak *stretcher* beroda itu memandang ke arahnya, dia segera memasamkan

mukanya. Atendan itu ketawa. Bererti. Mereka kemudian membelok hilang ditelan selekoh.

"Situ betul, nyonya?" tanya perempuan kurus itu meminta kepastian, kerana sekali dahulu pernah dirinya diarahkan orang – seorang amah juga – ke tempat yang salah.

"Yalah!" kata Khatijah agak marah sedikit, satu kebiasaan yang sudah menjadi asam garam baginya – juga bagi beberapa orang kawannya.

"Banyak terima kasih ya, nyonya," kata perempuan kurus yang penuh kekhuru-haraan hatinya itu dengan kesalan bergantung-gantung di hatinya. Dan ketiga-tiganya pun berlalu; perempuan kurus itu dalam tergesa-gesanya, anaknya yang gemuk pucat itu dalam ketidaktentuan rasanya dan orang tua yang memegang tangan anak itu dalam terketar-ketarnya. Satu gambaran tragik yang sudah tidak mengharukan lagi bagi Khatijah dan kebanyakan kawan-kawannya, termasuk doktor, *nurse*, *hospital assistant*, amah, atendan dan peon yang sering berhadapan dengan sandiwara hidup yang hampir serupa tiap-tiap hari

Khatijah berasa senang hatinya. Terlalu lapang. Jalannya lebih melenggang lagi dengan *form* yang hendak dihantarkannya itu masih dimain-mainkan di tangannya. Sekali-sekali dia menoleh ke belakang, tolehan yang tak sepenuh hati, ternampak dia tiga orang itu masih berjalan tergesa-gesa, dengan langkah yang penuh kekhawatiran. Dia memandang ke hadapan semula dan di hadapannya terhampar pandangan sebuah dewan yang penuh berisi manusia yang menanti giliran untuk menemui doktor.

Dewan itu besar juga, tapi sempit bagi manusia yang begitu ramai. Di sebelah kiri sekali, dari arah Khatijah datang, berkumpul kanak-kanak dan ibu-ibu

yang kebanyakannya duduk di kerusi yang telah disediakan. Kumpulan inilah yang paling bising sekali: Suara kanak-kanak menangis, menjerit, ketawa dan menyanyi dan suara ibu yang menyuruh anak-anak mereka diam, memarahkannya, memujuknya dan menyanyikannya sambil menepuk-nepuk paha, pipi, punggung dan lengan kanak-kanak itu diselangi dengan suara-suara *nurse* (seorang perawakannya pendek dan bertahi lalat di hidungnya dan seorang gemuk yang kepalanya agak terlalu tidak seimbang dengan *proportion* badannya yang terlalu gedempol), suara-suara kerani (enam orang semuanya: Tiga Cina, satu Melayu dan dua India) dan suara-suara dua orang atendan yang kedua-duanya panjang dan kurus menyerupai tiang kipas angin yang sedia terdiri berhampiran dengan mereka – yang meneriak nama-nama orang sakit untuk datang mengambil kad giliran menunggu. Semuanya itu berbaur menjadi satu dengungan irama klasik yang agak harmonis bagi pendengaran Khatijah, tapi tidak begitu harmonis bagi pendengaran orang-orang yang hanya baru sekali dua menjijakkan kaki ke tempat itu!

Khatijah masih juga terus berjalan melenggang melalui dewan itu. Tiba di kawasan tempat orang lelaki berkumpul, dia terdengar dengungan suara yang tidak seberapa tinggi nadanya, tapi mendengar suara kerani muda yang tegap besar berkaca mata yang tebal dan hitam tangkainya, terpekik dengan suara nada 'A' yang penuh marah: "Nombor 23! Berapa kali mesti panggil sama lu? Tak mahu kadkah? Tak mahu boleh balik tidurlah!"

Yang menanti-nanti giliran kebanyakannya memerhatikan pemuda yang tegap gempal berkaca mata itu. Pandangan mereka lebih banyak diisi perasaan khuatir dan takut, kecuali dua orang muda yang

kelihatan tidak begitu senang melihat kerani itu; ada pergolakan di dalam hati seorang pemuda Melayu berkulit hitam manis dan berambut panjang yang disisir melengkok di belakang tengkuknya. Dia berbisik kepada seorang tua yang tiap-tiap dua minit terbatuk sekali: "Baru jadi kerani, belum lagi jadi orang besar!" Orang tua itu tersenyum pahit sahaja. Seluruh perhatiannya lebih ditumpukan kepada kerani yang sedang meneriak nama-nama orang yang harus mengambil kad untuk menanti gilirannya. Dia menantikan gilirannya dengan debaran hati yang tidak tentu detak-detiknya seperti menanti "rumah baru" S.I.T. yang sudah begitu lama diminta, tapi masih belum diperolehinya.

Kerani muda - Chandra - yang meneriakkan nama itu memandang kepada Khatijah. Matanya lebih terpusat kepada sesuatu yang menggelembung di dada Khatijah. Dia tersenyum bermaksud. Khatijah tersenyum lebih bermaksud. Kemudian separuh memandang kepada kad yang dipegangnya dan separuh pula kepada Khatijah yang sedang hendak membelok ke *Admission Room* itu, dia bersuara dengan dasar nada "A" juga:

"Ramakrishnan! Tidurkah? Ambil nomborlah." Dan ditambah dengan: "*Yennadaaaa*"

Seorang India tua yang keseluruhan badannya lebih dijojoli tulang daripada diselaputi daging, keluar separuh berlari dengan air muka yang penuh kekhawatiran pergi mendapatkannya.

"Tabik encik," katanya.

Kerani tersebut merasa senang, dan apabila matanya - mata penuh keinginan - hendak menyeluruhi dada Khatijah semula, Khatijah sudah ditelan manusia ramai.

Di luar *Admission Room* itu sibuk benar. Sesibuk

pasar. Ada beberapa orang yang rata-ratanya tua – laki-laki perempuan – sedang berdiri di luar bilik *almoner* yang berhampiran dengan *Admission Room* itu masing-masing menantikan gilirannya untuk menemui *almoner*, meminta sesuatu yang berwarna biru, hijau atau merah! Antaranya termasuk seorang nenek tua – hampir 70 tahun umurnya – dan seorang laki-laki tua – barang setahun dua sahaja lebih tuanya – yang berkeadaan pucat, menggeletar dan bertongkat. Seorang wanita muda bergaun corak gambar ikan berenang di celah-celah bunga dan lumut laut dan bibirnya merah bercat dengan gincu bibir *Ribbon Kiss Proof*, menjengukkan mukanya yang bujur sirih bentuknya keluar pintu lalu memanggil nama seseorang. Seorang Cina tua kurus kecil yang termasuk ke dalam bibirnya, berjalan dengan tidak begitu tetap masuk ke dalam, terangguk-angguk lalu memberi hormat apabila sampai di ambang pintu. Wanita muda itu menjengah keluar lagi. Melihat orang masih banyak di luar dia hanya dapat berkata dengan penuh kecewa: “*Good Heaven!*” satu kalimat pendek yang selalu dilepaskannya dengan susulan tarikan nafas yang panjang ke dalam.

Khatijah melampaui bilik *almoner* itu memandang ke arah sebuah kereta ambulans yang hijau berkilat berhenti, dengan drebaranya duduk mencangkung berbual-bual dengan kawan-kawannya. Sambil melontarkan selingan ketawa kepada seorang gadis Cina yang baru mahu subur badannya menjual botol-botol kosong, kemudian memandang ke tingkap berkotak-kotak kecil *Admission Room* matanya terlelap seketika sebab ditikami pancaran silau cahaya matahari yang terpancar dari cermin sebuah motor Ford Prefect yang baru tiba, menikam ke cermin tingkap berkotak-kotak kecil itu.

Di hadapan tingkap berjaring-jaring besi, di sebelah pintu *Admission Room* itu, berdiri seorang wanita Cina yang setengah umur – rambut bahagian dahinya hampir-hampir putih dan sesekali simpang perenang ditiup angin. Dia menghantuk-hantukkan kepalanya ke besi-besi palang berkerawang yang dipegangnya dengan kedua-dua belah tangannya sekuat-kuat hatinya. Matanya penuh berlinang air mata yang sedang meleleh bercucuran menuruni pipinya yang sudah begitu lisut nampaknya. Mukanya semakin merah apakala dia mencuba melepaskan segala kesedihan yang terbendung di hatinya, sehingga matanya menjadi begitu tersepet-sepet, satu air muka yang sungguh menyedihkan. Dia menuturkan kedukacitaannya dalam bahasa Cina yang tidak dapat difahami ertinya, curahan perasaan hati yang penuh bermakna, tapi tidak pula tentu hujung pangkalnya.

Khatijah seketika memerhatikan sahaja, dan dengan berlenggang-lenggang masuk ke dalam bilik itu. Mukanya seperti biasa keriang, walaupun dalam suasana yang begitu keruh; wanita Cina itu menangis serela-rela dan semahu-mahu hatinya. Orang ramai yang berdiri berkerumun melihatkan tragedi manusia yang begitu menyayat perasaan, tapi tidak begitu dirasakan oleh kebanyakan daripada mereka. Dari mulut seorang atendan yang tua dan kurus, berambut separuh putih separuh hitam, terlepas kata-kata: "Dia punya anak matilah. Sekolah punya anak, sudah sebelas tahun." Sambil disusuli ludah air siri merah ke parit di luar yang tidak berjauhan dari papan tanda "Dilarang Meludah Di Sini".

Kebanyakan daripada mereka yang memerhatikannya itu diam sahaja. Ada yang membatu seperti tembok *Admission Room* itu sendiri! Mereka memer-

hatikan tragedi manusia itu seolah-olah menonton pertunjukan aneka warna belaka, walaupun di dalam hati beberapa orang yang mempunyai anak satu rasa memberat pula. Melukai dan menyedihkan. Hanya seorang ibu yang kelihatan berubah benar air mukanya. Jelas terbayang kepiluan terlalu. Tapi dari bibirnya tidak terlepas sebarang kata-kata pun. Dia hanya merapatkan anak kecil yang dipimpinya itu ke pinggangnya lagi, seolah-olah perbuatannya itu menyatakan: "Jangan hendaknya kau begitu, ya cu? Nenek jaga kau."

Khatijah menghulurkan *admission form* itu kepada seorang kerani muda kira-kira dua puluh satu tahun umurnya – yang sedang menyusun kad-kad kecil mengikut abjadnya dalam sebuah laci kabinet panjang yang telah dikeluarkannya, terjulur dan mencondong 30 *degree* ke bawah. Mata kerani itu tidak sungguh-sungguh ke sana sebab dia lebih memerhatikan wanita yang meraung berhampiran dengannya yang pada waktu itu sedang meronta-ronta daripada pegangan dua orang – seorang setengah umur berbadan tegap dan seorang pemuda berbadan tegap juga – yang mencuba membawanya ke kereta Ford Prefect yang sedang berhenti, tapi masih terketar-ketar enjinnya.

"Nah, ambil *form* ini," kata Khatijah kepada kerani muda itu sambil memerhati pada wanita yang menangis yang sedang ditarik oleh kedua-dua orang lelaki itu. "Mahu kerjakah, mahu tengok?" sambungannya seakan-akan mencemuh.

Kerani itu berpaling lalu tersenyum kepada Khatijah. Senyum biasa. Khatijah masih lagi memerhatikan wanita yang dimasukkan ke dalam kereta itu. "Ee, Leha cakap gua jangan tengok. *You* sendiri tengok. Tak patutlah."

Khatijah baru memandang kepada kerani itu. Tepat. Kereta Prefect itu sudah beredar. Cuma kepulan asap yang ditinggalkannya sahaja masih berkembang dan menghilang. Dan orang-orang yang berkerumun pada mulanya itu sudah mula bersurai. Masing-masing menerima kesan peristiwa itu menurut reaksi mereka sendiri-sendiri. Tapi masih ada orang tergelak dan bergurau, dan tidak pula seorang dua!

Mata kerani yang melihat itu serupa sahaja dengan mata Chandra. Tapi mata Chia lebih tajam, lebih muda dan lebih bernafsu. Khatijah tahu erti pandangan Chia itu, tapi dia sengaja mendekatkan dirinya kepada Chia, menambahkan pergolakan dada, mata dan kepala Chia; di samping memanjakan mata anak muda itu terlempar ke tempat yang membengkak di dadanya itu.

"Ee, jangan susun kad sahajalah. Ini bukan kerja kerani tahu?" Dia berkata kepada Chia dengan senyuman istimewa di bibirnya. "Ini ada *form*lah; lekas kasi tahu polis. Dia mahu pulang lekaslah."

"Siapa mati?" Chia bertanya, sambil mengambil *form* itu lalu melihatnya. Dan sebelum matanya menyeluruh *form* itu, Khatijah sudah menerangkannya terlebih dahulu: "Orang tualah. Orang Cina. Dia baru masuk wad ini pagi. Sudah teruk, baru hantar. Mesti matilah. Kalau *you* pun mesti mati juga."

"Ee, Tijah. Jangan cakap gua matilah. *I say*, gua belum kahwin tahu. Kalau sudah kahwin, mati tak apa," kata Chia sambil menyeluruhi lagi surat yang dibacanya itu. Dia segera mengangkat telefon menyampaikan berita kematian itu ke *police station* yang berhampiran supaya disampaikan berita kematian itu kepada orang yang berkenaan.

Seorang *hospital assistant* masuk ke *Admission*

Room itu. Dialah Luan yang disebut atendan awal-awal tadi. Melihat Khatijah ada di bilik itu, segera sahaja terpancar dari mulutnya: "Alamak, Khatijah ada sini, ya?"

Khatijah ketawa. Bergula. Diperhatikannya kepala Luan yang besar dan jarang-jarang rambutnya itu. Kemudian diperhatikannya pula mata Luan. Terlalu menikam. Sampai ke merata.

"Tak ada orang mati dari pagi, itu sebablah *I tak* datang sini. Kalau ada orang mati baru *I* datang," kata Khatijah sambil menumpahkan semula pandangannya kepada Chia yang sedang bercakap melalui telefon; Chia tidak memerhatikannya.

Luan yang gemuk dan sudah hampir-hampir botak itu terpandang kepada Muthu – seorang atendan yang lebih merupakan tulang sahaja – yang sedang tolong menyusun kad mengikut susunan abjadnya. "Ee Muthu!" perintahnya. "Pergi beli kopi lekaslah. Tijah sudah datang sini," sambil mengeluarkan wang dari sakunya untuk diberikannya kepada Muthu. Dia berbicara semula kepada Khatijah pula. Lembut: "Tijah, kenapa *you* banyak cantik? Kalau *you* datang sini hari-hari baguslah. Hati gua senang sahaja."

"*You* mahu *I* selalu datang sini, boleh! Doalah biar banyak orang mati dalam *I* punya wad. Satu orang mati, satu kali *I* datang sini. Dua orang, dua kali. Kalau banyak orang, banyak kalilah *I* datang. Minta sama topekonglah biar banyak orang mati."

"Ee, gua bukan sembah topekonglah. Gua pergi gereja punya orang, tahu?"

Chia semakin melekapkan telinganya ke mulut telefon itu. Sebelah telinganya ditutup dengan jari telunjuk tangan kirinya. Percakapan antara Luan dengan Khatijah, dan ditokok pula dengan perca-

kapan tiga orang Cina yang baru masuk ke *Admission Room* itu mengganggu, mengaburkan pendengarannya.

Seorang daripada yang baru datang itu – yang agak kurus dan berjanggut panjang dan liar tanda tidak terpelihara – pergi menjumpai Preira, seorang *hospital assistant* berambut mirip “apache” yang sejak tadi asyik menulis sesuatu di sebuah papan hitam. Tanya jawab dimulakan antara mereka.

“Ee Khatijah, tak baik tahu suruh orang mati banyak!” Luan melanjutkan perbualannya dengan Khatijah dengan tidak mempedulikan tentang orang lain. Dan kepada Muthu pula dia segera berkata: “Ee Muthu, pergi lekaslah!”

“Habis *you* kata suruh *I* datang selalu. *I* boleh datang bila ada orang mati atau sakit. Jadi kalau banyak orang mati, tentu banyak kali *I* boleh datang hantar *form* sini.” Khatijah menerangkan dengan bersahaja sambil matanya mengekori Muthu yang sedang mengambil wang daripada Luan dan lalu keluar dengan sebuah teko yang sejak semalamnya tidak bercuci. Matanya kemudian merayap ke arah Preira yang sedang berbicara dengan Cina berjanggut panjang dan liar itu. Apa yang mereka katakan tidak termasuk langsung ke telinga Khatijah. Dia lalu memandang Luan semula. Tepat.

“Ee Tijah gua cakap betul-betul tahu?” kata Luan sambil matanya menyeluruhi baju Khatijah, istimewa ke tempat gelebungnya.

“*I* pun cakap betul jugalah,” kata Khatijah sambil melemparkan pandangannya pula kepada Chia yang kelihatan sedang mengangguk-anggukkan kepalanya.

“Khatijah, mari dekat gua sedikitlah,” kata Luan dengan tidak menghiraukan Preira dan Chia.

“Tak mahulah! Dekat Chia apa salah?” kata Kha-

tijah sambil matanya meluru ke arah Chia lagi. Tapi Chia sedikit pun tidak terusik dengan kata-katanya itu.

Dari bilik sebelah – tempat pemeriksaan dijalankan – kedengaran jeritan seorang anak. Kemudian disusul oleh suara perempuan menyuruh anak yang menjerit itu diam. Jeritan terus berjela.

Khatijah terusik sedikit dengan pekikan itu, kerana nyaringnya, dan kerana ia berekor dengan satu tangisan yang agak kuat. Matanya segera memandang keluar ke celah tingkap berkotak-kotak dari mana terdengar suara orang mengerang. Kemudian dia nampak seorang atendan tua menyorong sebuah tempat pembaringan beroda yang di atasnya terbaring seorang tua Melayu yang pucat mukanya, yang sudah tidak begitu bergerak-gerak mata dan tubuh badannya.

“Ee Khatijah. Satu hari jalan sama gua, mahu?” Luan begitu nekad sahaja bertanya. Tapi pertanyaan sebegini bukanlah sekali dua kali keluar dari mulutnya; bila-bila sahaja, ketika nafsunya melonjak naik seperti api yang berlidah-lidah.

“Ajak *Nurse* Nancy lah,” jawab Khatijah sambil melihat orang tua atas *stretcher* beroda itu ditolak masuk. Matanya kemudian meleret ke tempat ambulans berhenti dan masih dia terlihat drebar ambulans itu berbual-bual dengan budak Cina yang menjual botol-botol kosong tadi. Semakin seronok mereka nampaknya.

“*Nurse* Nancy tak bolehlah. Dia orang baik-baik. Gua tak berani.” Luan menjelaskan. Bermaksud sesuatu.

“O, jadi *you* pun pandai, ya? Mahu makan orang tengok-tengok dahulu. Jadi *Nurse* Nancy *you* fikir banyak baik, ya? Macam orang alim, ya?” Khatijah

menjawab, tapi masih tidak memandangi muka Luan. Dia masih memerhatikan drebar ambulans yang sedang tergelak bersama-sama budak Cina yang menjual botol kosong itu. Ada sesuatu yang menggelikan hati mereka, tapi Khatijah tidak dapat meneka apa. "Eee!" sambungnya lagi, "Nancy nampak saja baik tahu? Tapi hmmmmm banyak *nurse* lain – pun macam Nancy juga. Luar diam macam tikus saja, tapi hmmmmm dia orang lebih celaka daripada kita. Dia orang punya jahat tidak nampak." Khatijah terhenti seketika kerana dia disinggung dengan tidak sengaja oleh seorang Cina yang tergesa-gesa masuk menemui Preira yang masih lagi belum habis urusannya dengan seorang Cina yang kurus dan berambut "jambul nanas" itu. "Kalau *you* tidak percaya datanglah malam-malam bila bulan terang. Periksalah siapa duduk bawah pokok dekat sana."

Luan memang maklum tentang hal itu. Terlalu maklum, tapi sengaja dia tak mahu memperkatakan tentang hal itu, sebab dia sendiri pernah duduk di bawah pokok dalam kawasan hospital itu apabila waktu bulan mengambang indah. Sampai jam tiga pagi kadang-kadang. Dan dengan siapa? Orang itu sengaja disimpan sahaja dalam hatinya.

"Khatijah, tak usah cakap pasal Nancy lah. Cakap pasal *you* lah." *Hospital assistant* yang gemuk dan berambut jarang itu meminta sambil matanya mengikut tiga orang Cina yang selesai berbicara dengan Preira. "*You* tak ada laki bukan?" Pertanyaan itu pergi serentak dengan matanya yang berapi dan nafsu menjilat kepada Khatijah.

"Hmmmmm, hmmmmm," kata Khatijah langsung ketawa.

Muthu datang dengan teko yang dibawanya keluar tadi. Dia masuk ke *Admission Room* itu dengan

senyuman yang diistimewakan untuk Khatijah sahaja. Khatijah membayar senyumannya itu dengan senyumannya pula: Lebih manis dan lebih berharga. Menusuk, kalau bagi Luan.

"/ tak ada lakilah, Baba." Khatijah berkata dengan ketawa-ketawanya juga. "Ada laki kita kena ikat. Banyak jantan sayang kita kalau kita bukan dia orang punya bini. Kalau bini, hah, satu malam dia tengok, enam malam dia diam-diam saja!"

Khatijah ketawa lagi. Seolah-olah ada sesuatu yang menggelikan hatinya. Dan ketawa lagi.

"Apa Baba tak ada binikah?"

Hospital assistant Luan tidak menjawab, tapi di kepalanya segera tergambar wajah Marjorie Luan yang sedang bermain-main dengan tiga orang anaknya!

"Tapi tak ada laki lagi senang," berkata Khatijah dalam ketawanya juga. "Tak ada laki kita tidak kena ikat. Kita bebas. Tak ada orang ganggu sama kita. Mana suka boleh pergi. Kalau ada laki satu malam dia tengok sama kita, habis enam malam dia tak peduli bikin apa?"

Baru ketawanya menurun. Dan baru matanya memandang kepada Luan semula. Hanya sebentar.

Telefon yang berhampiran dengan Luan berdering. Luan mengangkatnya. Ada berita tentang kemalangan di luar. Dimintanya butir-butir yang diperlukan, kemudian diletakkannya telefon itu.

"Hei Ibrahim. Pergi Hill Street lekas. Ada satu orang kena langgar!" Luan memerintah. Dan melihat Karim bangun, masih ketawa juga kepada budak Cina penjual botol kosong itu. Segera Karim masuk ke dalam ambulansnya. Luan kemudian berkata kepada Khatijah semula. Suaranya terlalu mengharapakan. Sesuatu yang penting: "Khatijah jalan sama gua, mahu

tak?" Matanya ke Khatijah. Penuh!

Khatijah tidak menjawab. Dia memerhatikan Muthu yang sedang menuangkan kopi susu ke dalam lima biji cawan.

"Khatijah." Chia pula menyampuk, "Ambillah *you* punya *form*. Gua sudah beritahu polis." Chia menghulurkannya, kemudian memulakan semula kerjanya mengatur kad-kad kecil menurut susunan abjadnya. Khatijah menerimanya, membeleknya seketika, kemudian melipatnya, lalu menyelitkannya ke dalam baju, ke celah tempat yang selalu ingin dijengah oleh orang. Laki-laki! "I mahu pergilah," katanya pendek, semakin menyemarakkan keharuan Luan.

"E, e, nantilah dahulu Khatijah. Minum kopi susu dahululah!" Luan berkata (dan apabila tiba kepada perkataan "susu" Luan menumpukan matanya ke dada Khatijah yang menggelembung segar itu). "Ini kita punya Muthu sudah datang," dia meminta. Bermaksud benar. Kemudian dia mengarahkan pula kata-katanya itu kepada Muthu: "Muthu kalau gua jadi *Chief Minister* gua kasi itu Theatre Royallah. Atau gua kasi lu minum todi Sungai Road banyak-banyak. Lu banyak rajinlah. Lekaslah kasi Khatijah kopi!"

Muthu hanya ketawa. Ketawanya terkekeh-kekeh, tapi terperam bunyinya. Kemudian dalam ketawanya yang terperam-peram itu, dia berkata: "Ya, itu bagus Baba; tengok wayang di Theatre Royalkah, minum todi dekat Sungai Road? Saya tak suka hari-hari angkat buku pergi wad, angkat botol pergi wad, angkat teko beli kopi. Saya sudah bikin ini macam punya kerja 17 tahun! Tahu! Tapi bila Baba boleh jadi *Chief Minister*? Bila Baba mahu jadi macam Yew Hock atau Angku Raman?"

Luan ketawa sahaja. Kemudian:

"Khatijah minumlah kopi." Baba Luan menyuruh

Khatijah dengan melupakan orang lain sama sekali. Khatijah mengambilnya lalu minum. Seteguk hanya. Muthu membahagikan empat cawan kopi itu kepada Preira, Chia, Luan dan dirinya sendiri. Air kopi susu dalam cawan-cawan itu masih lagi beruap. Melenggang-lenggang ke atas.

"Apa macam Khatijah, boleh?" kata Luan segera, apakala dia melihat Khatijah segera meletakkan cawan kopinya. Cawan kopinya sendiri baru diangkat dan disampaikan ke bibirnya, dengan mata yang tak terlepas dari Khatijah yang hendak berjalan segera itu. Khatijah memandang Chia. Chia sedang memandang gadis muda di bilik *almoner* yang sedang hendak mengunci bilik *almoner*nya itu. Terpancar sinar iri hatinya. Bergaul cemburu kecil. Chia tersenyum memandang gadis itu. Manis. "*It's very late today. Too many people.*" kata gadis itu kepada Chia sambil berjalan masuk ke arah *Admission Room* itu. Lembut jalannya.

"Ini malam *I* ada kerjalah. Ada orang kahwin *I* punya rumah," kata Khatijah kepada Luan sambil mula berjalan – mulai mahu melenggang juga. Sewaktu hendak melewati pintu matanya tertumpu kepada Chia dan gadis muda yang sedang menghulurkan kunci bilik *almoner* itu kepada Chia. Iri hatinya semakin bernyala.

Luan memerhatikan Khatijah keluar bilik itu. Dia mengeluarkan rokoknya, mencecahkan hujungnya dengan api *lighternya*, meletakkan rokok itu ke bibirnya yang terketar-ketar sedikit, sambil menemani Khatijah yang jalan berlenggang itu dengan ekor matanya. Preira yang berambut "*apache*" itu membiarkan sahaja mereka semua. Dia mengangkat cawan kopinya, meniup kopinya kemudian menghirupnya perlahan-lahan. Sedang Muthu melap-lap meja

yang ditumpahi air kopi. Luan memerhatikan gadis bilik *almoner* – itu seketika. Mereka – gadis itu dan Chia – sedang ketawa keriang. Dan dari bibir gadis itu terkeluar kata-kata: “*See you Sunday at nine, O.K.?*” Chia menganggukkan kepalanya. Gadis itu keluar – berjalan dengan gerakan punggung yang begitu mesra bagi mata Chia!

Sebuah ambulans lain segera tiba. Pintunya terbuka segera dan dua orang – seorang yang besar dan tegap berpakaian *uniform* bomba, dan seorang lagi kurus panjang berbaju putih seluruhnya – keluar, menarik keluar sebuah *stretcher* yang berisi seorang yang tercedera. Orang yang terbaring itu luka, dan hidungnya berdarah. Merah pekat. Dan tangannya terketar-ketar sedikit. Orang yang berhampiran dengan *Admission Room* segera datang melihat, walaupun mereka telah diberitahu beberapa kali supaya jangan mengelilingi seseorang yang sedang cedera.

“Mana kena?” tanya Luan.

“East Coast Road,” jawab orang yang berbaju putih itu, sambil tolong menempatkan orang yang cedera itu ke atas *stretcher* yang beroda. “Motosikal ‘L’ langgar.”

Luan tidak begitu menghiraukan. Matanya segera mencari Khatijah yang sudah hendak membelok ke suatu selekoh. Dia kemudian memandangi Chia. Me-luat. Chia sedang menjawab sesuatu menerusi telefonnya. “Ya, ini ada satu orang baru sampai. Ya, tua! Barangkali dialah.” Sekadar itu yang masuk ke telinga Luan. Luan kemudian memerhatikan Preira. Preira sedang menulis sesuatu yang dia sendiri tak dapat meneka apa. Muthu yang membongkok-bongkok itu dilihatnya sedang meletakkan cawan-cawan yang sudah kosong ke sebuah sudut. Dan walaupun Kha-tijah hilang ditelan selekoh, Luan masih menam-

paknya. Terang. Dia seolah-olah menampaknya datang ke tempatnya semula membawa sebuah *form*. Dalam hatinya: Walaupun tidak sesungguh hati diinginiya, dia masih tetap mengharapkan agar ada orang mati lagi di wad tempat Khatijah bekerja supaya Khatijah dapat datang lagi membawa *form* orang yang mati itu, supaya dapat dia memancing Khatijah selanjutnya! Dan di dalam kepalanya masih bergema kata-kata Khatijah:

“Kalau *you* mahu / datang sini boleh, doalah biar banyak orang mati dalam / punya wad.”

Hatinya bergolak dan berdoa!

Suara Merdeka, Januari 1958

Longkang

EMPAT ekor itik sedang sibuk di sebuah longkang yang airnya hitam berbuih tidak mengalir. Longkang itu terbentuk daripada beberapa buah longkang kecil dari rumah Kamala Bi, Kiah Kedempol, Zaharah Bulat, Marimuthu, Abdul Karim, Kadir Mahmud, Manisah, Abdul Rahman, Haji Musa dan beberapa orang lagi. Longkang-longkang kecil ini bercantum menjadi sebuah longkang yang agak besar – bengkok-bengkok memanjang dan berakhir di rimbun – semak-semak yang bertimbun-timbun dengan kertas-kertas surat khabar lama yang sudah basah dan koyak-koyak, kain-kain perca yang kotor dan ronyok, tin-tin susu bertakungan air yang menjadi dunia bagi beribu-ribu ekor jentik-jentik, botol-botol sompek dan retak yang berminyak dan sisa-sisa makanan basi yang berlendir: Nasi, ikan, sayur-sayur dan hampas kelapa.

Seekor daripada itik-itik itu sedang asyik menyudu air longkang hitam berbuih yang tidak mengalir itu, menjadikan air yang hitam berbuih semakin hitam berbuih. Itik-itik ini menggerakkan ekornya yang kotor meremang, kemudian mengibas-ngibas-pula kepaknya yang basah, sementara itik-itik lain ikut pula menggerak-gerakkan ekor dan mengi-

bas-ngibas kepek mereka sambil menguek-nguek bising – sambil menguek sambil memanjangkan lehernya.

Abdul Karim, suami Zaharah Bulat, melihatkan itik-itik ini, dan terasa sesuatu yang meloyakan tekaknya kerana tidak berapa jauh daripada itik-itik yang sibuk itu, terjongkok beberapa orang kanak-kanak – anaknya, anak Paliamah dan anak Murad Panau. Kanak-kanak ini, sambil melepaskan najis mereka sambil pula melempar-lemparkan tanah dengan tidak mempedulikan badan mereka yang kurus berkudis dan najis mereka yang panas melentok itu dihurungi lalat. Mereka begitu riang.

“Hei!” teriak Abdul Karim. “Jangan main begitu! Kotorlah, ceees!”

Kanak-kanak yang sedang menjongkok itu segera menundukkan kepala mereka, kecuali anak Abdul Karim sendiri – seorang anak yang berusia tiga tahun – tersengih menunjukkan najis yang dikeluarkannya dengan jari telunjuknya yang hampir-hampir mengenai najis panjang beruap tipis yang sedang melentok perlahan-lahan itu.

“Ceh,” kata Abdul Karim memarahi anaknya sambil membeliakkan matanya yang terperosok ke dalam, dan menjelirkan lidahnya yang merah jambu dan panjang – satu kebiasaan baginya, satu kebiasaan yang “diwarisinya” daripada datuknya, Mama Gedegok (Mama Muhammad Kareemuldin).

Itik-itik yang asyik itu segera terusik oleh herdikan Abdul Karim, lalu terkedek-kedek lari menuju ke hujung longkang tempat sampah-sarap bertimbun busuk dihurungi lalat yang tiada terhitung banyaknya. Itik-itik yang empat ekor ini mulai menyudunya sampah-sarap itu pula, dan lalat-lalat yang menghurunginya mulai pula berterbangan, hanya

untuk seketika, kemudian datang menghurungi sampah-sarap itu semula.

Anak Abdul Karim ketawa terkekeh-kekeh, kemudian melemparkan tanah lagi kepada dua orang kawannya yang sedang sama membuang najis itu. Seorang daripadanya – anak Murad Panau – menangis kerana matanya termasuk pasir. Tangisannya meningkat-ningkat kuat, menakutkan itik-itik dan lalat yang sedang sibuk, dan menarik perhatian Murad Panau yang sedang berbaring sedap di sebelah isterinya, Kiah Kedempol, yang berdengkur kasar.

"Hai! Pergi tengok anak kau menangis tu," kata Murad Panau kepada isterinya sambil mencuit badan isterinya yang dua kali ganda besar daripada badannya sendiri. Isterinya itu berpaling, tapi melanjutkan dengkurannya – lebih kasar mulanya, kemudian melembut.

"Hei, pergi tengok anak kau menangis di luar itulah!" Murad Panau menguatkan suara dan cuitannya.

Isterinya menyinggungnya lalu mencelikkan matanya seketika. Tapi menutupkan matanya itu semula, dan berkata perlahan-lahan: "Anak aku kan anak kau juga? Pergilah tengok pasal apa!"

Dia membelakangkan suaminya dan memeluk bantal peluk berlapuk berpeta-peta bekas air liur basi. Murad Panau melihatnya sebentar, mencebikkan bibirnya seketika, mengenyeh-nyeh misainya, kemudian berkata: "Ahhhhh, semakin gemuk semakin tak berguna!"

Isterinya segera menoleh, dan Murad Panau segera keluar.

Di luar Abdul Karim sedang memarahi anaknya. Begitu sungguh-sungguh muka dan kata-kata yang dilafazkannya. Dua orang budak yang duduk sama

dengan anaknya segera berlalu, tinggallah anak Murad Panau menangis semakin kuat sambil mengenyeh-geenyeh matanya. Dan anak Abdul Karim sedang berdiri bisu menundukkan kepala botaknya yang berbenjol di dahi kirinya oleh bisul yang mula menjenguk.

"Kau mahu berakakah atau mahu usik orang, hah?"

Anaknya membisu dan menundukkan kepalanya lebih ke dadanya yang nampak tulang; dan perutnya yang membuyut ke bawah itu bergerak-gerak.

Murad Panau keluar, membetulkan gulungan kain batik isterinya yang dipakainya, lalu segera mendapatkan anaknya yang menangis itu. "Pasal apa?" Dia bertanya sambil mulai memeriksa mata anaknya yang termasuk pasir itu.

"Termasuk pasir," menjawab anaknya dengan suara yang tersekat-sekat oleh sedunya yang mengejut-ngejut itu. Murad Panau segera melihat anak Abdul Karim kemudian melihat Abdul Karim yang sedang menghampiri anaknya untuk dipukul.

"Hah sudah, sudah. Tak usah dipukul lagi. Ini budak-budak; semuanya salah!" kata Murad Panau sambil memeriksa lebih sungguh-sungguh lagi. Tapi isterinya yang gemuk gedempol itu keluar kerana terdengarkan tangisan anaknya yang meninggi tajam.

"Aaaaiiii!" teriaknya dengan mata terbeliak. "Siapa pukul ni? Apa pasal dipukul, hah?"

Murad Panau menyuruhnya masuk. Dia meronta. "Siapa ni yang berani memukul anak aku?" Suaranya meminta dilawan. Lengannya yang sebesar betis suaminya itu diayun-ayunkannya.

Suaminya menyabarkannya, dan agak beruntung sabarnya termakan juga kerana pasir yang termasuk di mata anaknya sudah keluar. Anaknya mula ketawa melihatkan ibunya yang boyak itu mengayun-ayun-

kan tangan. Si ibu terbakar, lalu masuk ke biliknya, dan segera merebahkan badannya di atas tempat tidurnya semula.

"Hmmmmmmm, si gedempol ini. Tidur laaaaagiiiiiii!" berkata Murad Panau. Anaknyanya keriang-an. "Pak, pukul mak, pukul mak!" si anak menyuruh. Ayahnya membeliakkan matanya. Si anak meneruskan: "Hei, bapa takut, bapa takut"

Murad Panau keluar semula. Dilihatnya anak Abdul Karim sudah tiada, tapi Abdul Karim masih berdiri terbongkok memerhatikan itik-itik (dan kali ini termasuk tiga empat ekor ayam) yang sedang menyudu-nyudu (sementara ayamnya mematuk-matuk) sampah-sarap yang dihurungi lalat yang ber-dengung-dengung senang.

"Ah, di situ kotor benar!" kata Murad Panau. Katanya itu ditujukan kepada Abdul Karim.

"Ya, ya." Abdul Karim menjawab, kemudian berhenti seketika kerana melihat seekor ayam jantan sedang mengejar seekor ayam betina. "Kita mesti bekerjasama di sini, kalau tidak semuanya nanti kotor, bikin banyak lalat, nyamuk dan kuman. Bikin orang dapat sakit. Betul tak?"

Murad Panau menganggu-anggu, dan turut sama memerhatikan ayam yang berkejaran hebat itu. "Tapi di sini tak pernah bersatu hati. Jangankan sekeluarga dengan sekeluarga; laki bini pun selalu tak bersatu hati. Semua mahu tunjuk lawa; mahu tunjuk kepala besar. Haaah, sampai sekarang pun longkang-nya tak mahu dibetulkan!"

Murad Panau terus bersyarah – macam selalu. Dia bersyarah tentang orang-orang di situ menunjukkan kepala besar mereka; tidak mempedulikan longkang mereka yang kotor, membiarkan anak-anak mereka berak di mana suka sahaja. Dan dia ber-

syarah juga tentang orang-orang di tempatnya yang suka menjaga tepi kain orang (tentunya tidak termasuk dirinya) dan lanjut bersyarah tentang tempatnya banyak lalat, banyak nyamuk, banyak tikus dan banyak kuman.

Dalam syarahannya itu dia menyesali tabiat dan sikap orang kampungnya. Kalaulah benar mereka ingin tunjuk lawa, katanya, mereka harus "membersihkan" diri mereka, iaitu dengan membersihkan longkang-longkang, mengangkat sampah-sampah yang lama terbenam, membuang tin-tin yang bertakung dengan air hujan dan menyemburkan minyak di tempat-tempat yang banyak jentik-jentik. Dan janganlah mereka terus menjaga tepi kain orang!

"Tengok situ!" katanya sungguh-sungguh. "Banyak tahi. Anak kau berak di sana, anak Kamala berak di sana, anak Zaharah Bulat berak di sana dan anak Manisah berak di sana. Kadang-kadang pada malam hari orang tua pun berak di sana."

(Tidak disebut tentang anaknya dan dirinya sendiri yang berak di sana).

Dia terus bersyarah lagi tentang tidak baiknya dibiarkan hal sedemikian itu berterusan sahaja. Dan mengorek-ngorek modal lamanya tentang bagaimana orang-orang di kampungnya apabila dikhabarkan berita hendak membaiki longkang mereka semuanya bersuka hati, tapi apabila diminta wang untuk menjayakan kerja-kerja itu mereka mendiamkan diri.

"Kalau ini macam saja, tempat ini kotorlah selalu," katanya dengan suara yang semakin ditinggikan. "Banyak lalat, banyak nyamuk dan banyak tikus. Dan kalau orang *city council* datang periksa nanti siapa susah? Kitalah. Kalau orang *city council* saman kita nanti, siapa susah? Kitalah."

Dia mengeluarkan rokok daunnya dari lipatan

kain di pinggangnya; sebatang rokok diletakkan di bibirnya yang kering pucat, manakala sebatang lagi dihulurkannya kepada Abdul Karim yang sedang memerhatikan dua ekor ayam yang sedang "aman" sejenak itu.

Abdul Karim menerima rokok daun itu, matanya tidak lepas daripada ayam tersebut, dan Murad Panau ikut melihat sama. Ayam itu melarikan diri mereka lalu menghilang di sebalik rumah atap yang sederhana besarnya, rumah atap yang begitu banyak ditinggali oleh orang di dalamnya – sebanyak sebelas keluarga, tidak kurang daripada 64 orang!

Mata Murad Panau ke longkang yang airnya hitam berbuih tidak mengalir itu. Empat ekor itik yang tadinya menyudu-nyudu air kotor itu sedang sibuk pula di sebalik beberapa buah tin susu yang ditakungi air hujan. Seekor daripadanya sedang memasukkan muncungnya dan terus menolak tin yang menjadi tempat kediaman ratusan jentik-jentik yang menjentik-jentik sihat. Ia menyudu lebih sungguh-sungguh lagi hingga menggigilkan hujung ekornya.

"Kau tengok saja sana tu!" kata Murad Panau sambil menghalakan tangannya yang berurat-urat itu ke timbunan sampah yang dihurungi lalat. "Berapa kali sudah aku bersihkan, tapi Zaharah Bulat, Kamala Bi, Paliamah dan kawan-kawannya semuanya membuang sampah di situ. Tempat sampah ada di luar, tapi semuanya malas; mahu senang saja."

"Ya, ya," kata Abdul Karim.

"Nanti kalau kita cakap, wah, semua marah; kalau kita bilang sampah itulah yang membanyakkan lalat, nyamuk, tikus dan kuman, waah, semua buat tak peduli saja. Jadi macam mana mesti kita buat lagi? Pergi cakap di telinga mereka? Hah ... orang-orang itu semuanya pekak sebenarnya!"

Abdul Karim tidak berkata apa-apa. Dia mendengar sahaja dan matanya sekarang tertumpu pula kepada anaknya yang sudah pun keluar berlari-lari dengan satu benda kecil di celah kelangkangnya terayun-ayun pantas. Anaknya segera memanjat pokok ceri yang baru naik itu, dan berayun-ayun di dahan pokok yang masih muda lagi.

Dia memarahi anaknya sambil mengambil sebatang ranting kecil di dekatnya untuk memukul. Budak itu lari, tapi mengejeknya: "Bapa hitam hei, bapa hitam hoi, bapa hitam hah!"

"Macam ini tak boleh," Murad Panau mengulangi lagi. "Longkang ini mesti kita bersihkan. Kalau orang *city council* datang kita tak boleh kena saman, dan lalat pun tak ada, nyamuk tak ada dan tikus pun tak ada. Ya, kita mesti bersihkan longkang ini. Kita mesti panggil *meeting* lagi. Kita mesti suruh Haji Musa panggil *meeting* lagi!"

"Hah, hah!" kata Abdul Karim sambil membuang puntung rokok daunnya yang tinggal sedikit sahaja. Segera dua ekor ayam berebut mengejar puntung rokok daun yang berasap itu.

Murah Panau bersyarah terus dan dalam syarahannya itu dia mengakui bahawa dia tahu orang-orang di tempatnya sebenarnya tidak mempunyai wang. Orang-orang di tempat itu semuanya tidak bekerja besar; jadi peon, jadi kuli, jadi drebar dan paling tinggi jadi guru sekolah rakyat di sebuah sekolah atap yang bocor yang tidak berjauhan dari kampung itu. Tapi kalau tiap-tiap seorang mahu keluar seringgit dua pada tiap-tiap bulan - demikian pendapatnya - tentulah longkang dan jamban di situ boleh dibetulkan. Lebih-lebih lagi kalau mereka itu bersedia bekerja bersama pada hari Ahad.

"Ini tidak," katanya keras-keras. "Hari-hari yang

kita dengarkan ialah pergaduhan saja; gaduh pasal airlah, pasal sampahlah, pasal tahi anaklah dan pasal jaga tepi kain oranglah. Bini yang bergaduh, laki pula yang terbawa-bawa. Apa itu semua bagus?"

Abdul Karim menggelengkan kepalanya. Dua tiga ekor lalat terbang mengelilinginya kepalanya yang berambut pendek-pendek dan jarang-jarang itu. Dia mengibasnya, dan menggeleng-geleng kepalanya itu.

Menurut Abdul Karim pula di tempat itu seharusnya ada seorang ketua yang sebenarnya. "Seorang ketua yang mesti cakap betul-betul; orang yang benar-benar dihormati dan dipercayai."

Dia mengibas lalat yang mengelilingi kepalanya lagi dan diam seketika.

"Kalau ada ketua yang begitu semua boleh jadi, kan? Orang-orang di sini bukan kau tak tahu, kalau kena ketuk baru boleh jalan, kalau tidak, tidaklah," katanya lebih lanjut.

Mereka berdua diam. Abdul Karim melihat anak kecilnya yang mulai memanjat pokok ceri itu lagi, sementara Murad Panau melihat pula anaknya yang ikut sama memanjat.

"Tengok itu! Macam itulah budak-budak; sekejap dia bergaduh, sekejap dia berbaik. Jadi apalah gunanya kita bergaduh pasal budak-budak. Tapi orang di sini tak kira itu; pasal itu pun boleh jadi pasal besar," kata Murad Panau.

Dia memandang Abdul Karim dan Abdul Karim memandangnya. Mereka sama-sama tersenyum, kemudian mata mereka terarah kepada Kadir Mahmud – kurus panjang – yang baru sahaja keluar dari jamban. Mama Abdul Karim masuk pula menggantikan Kadir Mahmud. Mama itu tergesa benar!

"Tengoklah Kadir Mahmud itu. Dia sempit. Malam-malam selalu tak dapat tidur. Apa pasal?" tanya

Murad Panau. Dan sesaat itu juga dia melanjutkan: "Pasal longkang kotorlah, pasal jamban kotorlah, pasal semua kotorlah. Kalau bersih mana ada kuman? Kalau tak ada kuman mana ada penyakit? Kalau tak ada penyakit mana boleh dia kurus itu?"

"Ya, ya, ya," kata Abdul Karim mengiyakan sambil mengangguk menguatkan pengiyaannya itu.

Dia bersyarah lagi. Jamban itu, semak-semak itu, longkang itu - katanya - tidak sama-sama mereka mahu tolong membersihkannya. Semuanya mahu tidur, semuanya begitu malas dan bodoh!

"Ya, ya, ya" Abdul Karim mengiyakan dan mengangguk lagi. Kali ini anggukannya lebih sungguh-sungguh.

Membiarkan sahaja hal itu begitu, menurutnya, tidaklah bijak. Mereka mesti lekas bekerja. Kakitangan *city council* selalu datang memeriksa rumah-rumah atap yang didirikan di dalam kawasan bandar. Kalaulah kakitangan ini mendapati bahawa tempat ini demikian keadaannya maka tentulah ada kemungkinan mereka menyaman mereka (orang-orang kampung itu), dan kalau nasib orang-orang kampung itu kurang baik tentulah rumah mereka tidak akan diluluskan. Dan segera Murad Panau mengingatkan lagi: "Bukan mereka tak tahu rumah ini didirikan tidak dengan berpelan."

"Ya, apa yang kau cakap itu semuanya betul," kata Abdul Karim mengiyakan lagi. Matanya terarah kepada isterinya, Zaharah Bulat, yang keluar membawa sebaldi kain baju yang hendak dijemurnya.

"Baiklah besok malam kita panggil orang-orang di sini *meeting*. Kita cakapkan habis-habis tentang hal ini. Kita cari lain ketua. Haji Musa tak ada guna sesen pun. Betul dia tu orang alim tapi"

"Ya, ya," kata Murad Panau memotong cepat.

"Aku fikir kita mesti panggil satu *meeting* lagi. Kali ini kita pilih orang yang betul-betul. Kita tidak mahu Haji Musa lagi."

(Mereka sama-sama diam dan sama-sama berfikir bahawa merekalah orangnya: Merekalah yang sepatutnya dipilih sebagai ketua).

"Hai, masih belum mandikah? Matahari dah lama muncul. Bila lagi nak pergi, nanti hendak mandi payah, orang sudah berderet menunggu. Tak hendak kerjakah? Apa duduk berbual saja boleh datang duit?" Isteri Abdul Karim menanya suaminya sambil mengibaskan kain yang hendak dijemurnya.

"Yalah!" kata Abdul Karim dan berlalu. "Aku pergi mandi dulu. Perempuan ini kuat berleter. Dia tidak tahu kita *meeting* pasal apa? Dia keturunan peleter. Kau tahu: Neneknya, emaknya dan sekarang ini dia pula - semuanya peleter belaka. Jangan-jangan moyangnya dulu kaki berleter juga."

Dia berlalu sambil melihat ke hujung longkang tempat sampah-sarap bertimbun habis dihurung lalat, dan tempat empat ekor itik itu sedang mandi dan mencari makan di dalam longkang yang penuh dengan tin-tin kosong bertakungan air yang berjentik-jentik. Dia menggeleng-geleng kepalanya dan berkata: "Ces kotor! Macam orang di sini juga. Bodoh!"

(Hatinya sendiri menegaskan: "Tidak termasuk aku.")

Murad Panau masuk semula ke tempatnya. Hatinya mulai mendongkol. Isterinya yang gemuk gedempol dilihatnya masih tidur berdengkur. Dan dari mulutnya terlepas:

"Huh, semakin gemuk semakin malas!"

Dia merebahkan dirinya pula di sebelah isterinya. Dan kemudian terlena. Dalam terlenanya itu dia

terdengar suara anaknya menangis di luar. Segera dicelikkan matanya, lalu mencuit isterinya lagi sambil berkata: "Hei, pergi tengok anak kau menangis di luar itulah!"

Isterinya berpaling dan berkata perlahan-lahan: "Anak aku kan anak kau juga? Pergilah tengok pasal apa!"

Kedua-duanya tidur semula!

Lalat dan nyamuk hinggap di badan mereka. Di bawah kolong katilnya tikus berdecit-decit. Di luar, itik-itik kuat menyudu dan ayam mula berkejaran lagi. Dan tangisan anaknya semakin meninggi.

Dewan Bahasa, Jun 1958

Buruh Paksa

USMAN dan saya baru sahaja lepas menonton wayang gambar "Kurama Tenggu", dan sedang beriang-riang apakala kami terlihat beberapa buah lori besar sedia tersusun di hadapan panggung itu. Bagi kami lori yang bersusun-susun itu tidaklah bererti apa-apa pada mulanya, tapi apakala kami terlihat banyak daripada penonton- penonton yang keluar dipaksa masuk ke dalam lori oleh serdadu-serdadu Jepun yang bengis itu, maka mulailah kami berasa gentar. Di saat itu juga baru kami faham mengapa hanya sebuah pintu panggung sahaja yang terbuka, apakala wayang selesai ditayangkan.

Kejadian itu berlaku dalam tahun 2603 (tahun Jepun) atau tahun 1943, ketika serdadu-serdadu Jepun dan kakitangan-kakitangannya selalu memperkatakan tentang usaha serdadu-serdadu Jepun yang melepaskan bangsa-bangsa Asia daripada penjajahan bangsa Barat, dan ketika semboyan-semboyan "Asia untuk Bangsa Asia", selalu dilaung-laungkan oleh serdadu-serdadu dan kakitangan-kakitangan Jepun melalui jalan apa sahaja.

Sebelum itu saya sendiri pernah mendengar berita tentang penangkapan serupa itu. Tapi entah mengapa tidak pula begitu saya percaya tentang

khobar-khabar serupa itu. Saya pernah mendengar seorang jiran menceritakan perihal askar-askar Jepun yang menunggu penonton-penonton di luar panggung wayang dengan beberapa buah lori yang besar-besar. Beberapa banyak orang muda, menurutnya, telah ditangkap dan dipaksa masuk ke dalam lori itu. Jiran saya ini terselamat kerana dia tua. (Jepun mengambil orang-orang muda sahaja).

Sekarang saya sendiri pula yang menghadapinya. Begitu terketar saya, terutama sekali kawan saya, Usman, yang sememangnya terkenal kerana penakutnya sejak mula Jepun menyerang Singapura dahulu. Usman cuba melarikan dirinya, tapi di dalam asakan orang yang ramai dan tidak ketentuan arah itu, percubaannya sia-sia sahaja. Dan saya yang sebenarnya khuatir juga, cuba menyenangkan hati kawan saya itu. Kata saya: "Bukan kau seorang saja yang terpaksa masuk ke dalam lori. Kita semuanya, termasuklah aku."

Benarlah seperti kata-kata jiran saya dahulu: Jepun memilih orang yang dikehendaknya itu. Pada mulanya banyak juga orang-orang tua ditangkapnya (dengan tidak sengaja), tapi orang-orang itu dilepaskannya. Seorang askar Jepun berkata: "Orang tua tak boleh bikin ini kerja. Sekarang orang Asia mesti kerja keras lawan sama orang putih. Sekarang kita sama-sama kerja."

Ketika itu saya masih bersekolah di Kogyo Gakko dan kawan saya pula bekerja di salah sebuah butai di Syonan-to. Apabila sampai ke suatu tempat yang tidak saya tahu di mana, kami telah diturunkan lalu disuruh beratur panjang. Kami semuanya takut, tapi apabila seorang pegawai Jepun yang berpangkat (motokar yang dinaikinya berbendera merah) datang di hadapan kami dengan muka yang tidak sebengis

serdadu-serdadu itu, maka kami merasa mulai tenang sedikit, dan benar-benar menyangka bahawa kami akan dibawa bersama "Membina Negara Asia", atau mengisi semboyannya yang masyhur "Asia untuk Bangsa Asia".

Kami berdiri di panas terik mendengarkan syarahan Jepun itu. Dia berbahasa Jepun dan ada seorang jurubahasanya. Menerusi jurubahasanya itu kami tahu bahawa Jepun yang berpangkat itu menceritakan serba ringkas tentang kebangunan bangsanya dan bagaimana hingga ke masa itu mereka dapat berdiri tegap menyungkurkan kuasa-kuasa penjajah. Dia selanjutnya menerangkan bahawa tidak mencukupi bagi orang-orang Jepun sahaja untuk menyedari harga diri sesuatu bangsa. Dalam soal ini, katanya, bangsa Jepun hanya menjadi pelopornya. Kesedaran haruslah ada di dalam jiwa tiap-tiap orang Asia sendiri. Untuk ini orang-orang Asia sendiri harus memberikan kerjasamanya. "Kami harus bekerja berganding bahu. Ayuhlah bangsa Asia menghalau semua penjajah dari muka bumi ini!"

Kami semuanya segera dibawa ke sebuah kapal (motobot besar sebenarnya) dan dengan tidak tahu ke mana kami akan dibawa, kami pun belayarlah. Pada mulanya layanan yang kami terima tidaklah mengecewakan. Malah ada di antara kami yang benar-benar termakan kata-kata Jepun yang berpangkat tadi berseri-seri mukanya lalu menyanyi lagu "*Otete Sunaide*", dan lagu "*Ichiban No*", menjadikan askar-askar Jepun yang menjaga kami begitu riang, dan turut menyanyi sama dengan penuh semangat. Biar pun begitu banyak juga antara kami yang tetap bersusah hati kerana kami terpaksa pergi dan tidak pun berkesempatan mengkhabarkan tentang pemergian kami itu kepada keluarga kami. "Tidakkah orang

rumah kami akan berdukacita dan ter cari-cari kami?"

Dalam pelayaran itu kawan saya nampaknya paling sugul sahaja. Sese kali apabila Jepun yang menjaga kami itu berlalu di hadapan kami, saya terpaksa memaksa kawan saya supaya memaikan mukanya kerana khuatir kalau-kalau keadaan kami yang sugul itu tidak disukai oleh serdadu-serdadu Jepun yang tidak sebaik pegawai Jepun yang berpangkat itu. Kawan saya ketawa apabila dipaksa, tetapi apabila Jepun pergi, dia mulalah sugul semula. Kerana dia bersugul benar, maka saya mencuba hendak meriakan hati saya pun terikut-ikutlah sugul sama. Apalagi saya sebenarnya sugul!

"Tidak terfikir kah kau kita ini akan dibunuh?" Tiba-tiba kawan saya berkata begitu. Air mukanya bersungguh-sungguh.

Saya segera tersenyum dan menepuk-nepuk bahunya beberapa kali. "Ai, kau ni, mengapa pula kita harus dibunuhnya? Apa salah kita? Kita kan pergi tengok wayang Jepun? Tengok wayang kan tak salah?"

Kawan saya diam. Lama baru dia berkata lagi: "Aku merasa tidak sedap hati sahaja."

"Ah, jangan susah-susah kan hati kau tu. Ayuh mari kita ke sana turut sama-sama menyanyi!" Saya mengajak.

Kawan saya enggan.

Akhirnya kami sampai ke sebuah pulau. Di pulau ini sudah ada beberapa orang serdadu Jepun lainnya. Mereka ini ketawa-ketawa sahaja apabila melihat kami semua. Dan dua tiga orang daripada mereka nampaknya begitu baik menolong kawan-kawan kami turun dari kapal.

Kami dapati di pulau itu tidak ada rumah selain daripada khemah askar-askar yang tidak pun sampai

empat buah banyaknya. Di tepi khemah-khemah itu kami dapati banyak kapak tersusun dan di sampingnya pula ada kotak-kotak panjang yang kemudiannya kami tahu berisi senapang dan mesingan. Boleh dikatakan pulau yang berhutan sahaja. Pokok-pokoknya tinggi dan besar, dan begitu sunyi pula keadaan sekelilingnya. Memandangkan ini, maka segeralah kecut hati saya, saya kira, lebih kecut daripada hati kawan saya yang sememangnya sudah takut dari semula itu. "Mengapa pula kami harus datang ke pulau ini sekiranya kami diminta berganding bahu dengan orang-orang Jepun untuk menghalau orang putih semuanya?" Hati saya bertanya. Pertanyaan itu berdengung-dengung. Dan saya menjadi semakin kacau lagi apabila mendengar kawan saya menangis tersedu-sedu. "Kita akan mati, kita akan dibunuhnya di sini," kata kawan saya dalam sedu-sedunya itu.

Malam itu kami tidak bekerja apa-apa. Kami diberi makan ubi kayu dan ubi keledak rebus dan diberi minum air yang berbau karat tin. Kami ramai-ramai disuruh tidur di bawah pokok-pokok yang besar itu. Seorang daripada pegawai Jepun yang berpangkat berdiri seketika menerangkan sesuatu. Jurubahasanya menerangkan lagi. Kami dapat tahu bahawa esok pagi-pagilah baru kami bekerja. Dan kami diminta bekerja bersungguh-sungguh. Kami harus bekerja dengan semangat "Asia untuk Bangsa Asia." Dan selepas beberapa orang daripada kami menyanyi lagu Jepun, kami pun disuruhlah berehat. Mulalah masing-masing diam, terutama sekali kawan saya.

Malam itu menggelisahkan benar. Terasa benar pilunya hati saya apabila mengingatkan ibu, ayah dan adik-adik saya yang di rumah. Dapat saya meng-

gambarkan sendiri bagaimana susahny mereka mencari-cari saya. Tentulah sampai malam begitu pun ayah saya tidak berputus asa mencari saya. Dan saya ingat betapa susahny hati ibu saya yang sebenarnya selama beberapa hari ini terketar-ketar sahaja kerana diserang penyakit malaria. Dan lebih-lebih pilu lagi hati saya apabila teringatkan ayah saya yang tokak. Bolehkah dia berjalan jauh-jauh mencari saya? Air mata saya berkumpul di mata saya.

Banyak juga kawan kami yang sudah tidur. Tapi lebih banyak yang tidak tidur kerana nyamuk banyak sangat. Nyamuk-nyamuknya besar-besar. Saya sendiri tidak dapat tidur, dan apabila saya melihat kawan saya yang berbaring di sebelah saya, matanya kelihatan berair. Dia melihat saya, dari cahaya bulan dapatlah saya teliti air mukanya benar-benar sedih. Katanya, "Kau fikir bagaimana nenekku di rumah nanti?" Saya terasa sedihnya. Memang benar kawan saya ini tinggal hanya dengan neneknya seorang. Dan bagaimana pula keadaan orang tua itu apabila mendapati cucunya tidak pulang-pulang sampai malam begitu? Dan bagaimana hidupnya nanti?

Malam itu sebenarnya saya tidak dapat tidur langsung. Walaupun suasana begitu sunyi, tapi bunyi ombak memukul pantai dan bunyi nafas kawan-kawan begitu membimbangkan. Beberapa kali saya terpandang-pandang ibu, ayah dan adik-adik saya. Begitu pilu rasanya hati.

Pada keesokan harinya belum pun jam lima kami semua sudah dipaksa bangun. Seorang askar yang bermuka bengis memekik sekuat hatinya, dan banyak kawan kami yang tersentak. Seorang pegawai tingginya memberi syarahan lagi setelah kami disuruh berbaris. Isi syarahannya tetaplah serupa. Dia meminta supaya kami memberikan kerjasama yang

sepenuhnya untuk menjayakan usaha membina benua Asia untuk Bangsa Asia. "Bekerja itulah cogan kita," katanya.

Kami segera diberi kapak yang tersusun di tepi peti-peti yang berisi senjata itu. Perintah yang kami terima selepas diberinya kapak itu ialah: "Tumbangkanlah pokok-pokok kayu di pulau ini!"

Segera kawan saya dan saya memandang pokok-pokok kayu yang besar-besar di sekeliling kami itu begitu banyak! Bilakah akan selesai?

Semasa menjalankan kerja inilah banyak berlaku kejadian yang menyedihkan hati kami. Layanan yang kami terima selepas itu semakin buruk. Kami berasa tujuan utama kami dibawa itu tidak sebenarnya untuk "Bekerja bagi Orang-orang Asia". Ini semakin kami rasakan apabila serdadu-serdadu yang menjaga kami semakin bengis dan semakin tidak berbelas kasihan apakala banyak daripada kawan-kawan yang menghidap demam malaria dan sakit kulit meminta bantuan dan meminta cuti bekerja tidak diindahkannya, padahal cuti adalah perlu bagi mereka. Tidak sahaja kawan-kawan kami itu tidak dibenarkan bercuti, malah kawan-kawan yang sakit juga tidak mendapat rawatan yang baik daripada pihak yang berkuasa. Setelah sebulan kami bekerja itu hanya sekali sahaja kami didatangi doktor. Doktor ini tidak pula memberi rawatan yang baik kepada orang-orang kami yang bekerja itu. Rawatan istimewa telah diberikannya hanya kepada askar-askar Jepun yang sakit.

"Asia untuk Bangsa Asia?" tanya hati saya.

Selama beberapa waktu kami tidak tahu sebenarnya di pulau mana kami berada. Kami tertanya-tanya sendiri, dan tidak seorang pun daripada kami mengetahui di mana kami ditempatkan. Apa yang kami tahu hanyalah kami bekerja sekeras-kerasnya bukan

kerana kami menghormati dan menyedari cogan: "Asia untuk Bangsa Asia" itu, tapi kerana kami dipaksa untuk menghormati dan menyedarinya, satu cara yang tidak menyenangkan hati sebenarnya.

Belum sebulan lebih telah lima enam orang daripada kawan-kawan kami meninggal dunia, akibat sakitnya yang tidak menerima rawatan yang baik. Dan banyak lagi kawan yang lainnya yang sakit – ada yang demam malaria, tapi banyak yang berpenyakit kulit akibat daripada luka-luka yang kemudiannya menjadi tokak yang besar-besar dan busuk baunya.

Di dalam hati kami, kami menyumpah askar-askar Jepun itu. Pada satu ketika sudah juga kami merancang hendak memberontak, tapi apakala kami memikirkan jumlah tenaga kami yang tidak seberapa, dan memikirkan akibat yang akan tertimpa ke atas keluarga-keluarga kami sekiranya kami derhaka, maka kami hentikan sahajalah niat kami itu. Ada seorang dua daripada kami yang terus keras hatinya, dan mereka ini melawan Jepun. Kawan ini terus sahaja terhukum dengan kejamnya. Mayat kawan kami itu telah dipertontonkan kepada kami dan seorang daripada serdadu-serdadu itu menerangkan bahawa sekiranya ada di antara kami yang cuba mencontohi kawan kami yang berani itu maka kami semuanya akan menerima nasib yang serupa. Dan seorang daripada askar-askar yang kelihatan lembut, berkata: "Kami sebenarnya mahu mengajar kamu semua bagaimana hendak melalui semua penderitaan ini. Untuk mencapai kemajuan yang sempurna kamu harus berani melalui penderitaan yang serupa itu. Ini semua satu percubaan saja. Ingatlah, kami mahu menjadikan 'Asia untuk Bangsa Asia'."

Pada suatu petang selepas kami bekerja dan beratur semula untuk mengambil makanan kami, saya

dapati kawan saya tiada. Saya menjadi gusar sekali, kerana kalaulah ditahu askar Jepun tentang ini, maka tentulah saya akan menerima hukuman, apalagi kami selalu sahaja berdua. Secara berbisik-bisik saya menanya seorang kawan lain. Kawan itu berkata bahawa tidak berapa lama sebelum kami berhenti bekerja, dia nampak kawan saya itu pergi di sebalik semak. Dan apa yang berlaku selepas itu tidaklah diketahuinya.

Sebelum itu kami telah terdengar juga sesuatu hal ajaib yang berlaku di pulau itu. Pada suatu ketika tiga orang daripada kawan kami telah hilang, dan dua hari selepas itu kami berjumpa mereka kembali dalam kumpulan kami bersama-sama kami. Seorang daripada mereka mati setelah tiga hari bersama kami, manakala yang dua orang lagi menjadi gila. Dan beberapa orang daripada kami yang mengetahui berkata bahawa di tempat itu ada orang-orang bunian. Dan mereka yang hilang itu telah disembunyikan orang bunian. Khabar ini menakutkan saya dan beberapa kawan lainnya, tapi apakala membuat kerja secara paksa kami disuruh buat itu, maka orang-orang bunian ini tidaklah kami ingat.

Kehilangan kawan saya itu menghebohkan suasana seketika. Tapi agak beruntung bagi saya askar Jepun yang saya sangka-sangka akan menghukum saya itu tidak berbuat apa-apa kepada saya. Seorang dua kawan mengatakan bahawa askar itu sudah tidak mempedulikan kami semua kerana kami sudah tidak dapat memberikan tenaga yang diharapkannya, maklumlah kebanyakan daripada kami semuanya sakit-sakit. Dan ada pula seorang dua daripada kami yang membawa berita gembira, walaupun tidak kami tahu daripada mana berita itu didapatinya. Kata kawan itu: "Orang-orang lain akan dibawa oleh Jepun ke

pulau ini, dan kita akan dihantar semula ke Syonan-to.”

Khabar itu benar rupa-rupanya. Tidak berapa lama selepas mendengar itu, datang kapal lain membawa orang-orang yang akan bekerja untuk mengisi cogan “Asia untuk Bangsa Asia”, dan mula melatih diri untuk derita beberapa lama di pulau itu. Mereka yang datang itu tidak dibenarkan bercampur-gaul dengan kami. Dan kami tidak pula dapat menemui mereka selain daripada memandang mereka dari jauh.

Petang sewaktu datangnya orang baru itu, maju ke muka lagi pegawai Jepun yang berpangkat tinggi. Walaupun kami melihatnya dari jauh, tapi kami tetap tahu bahawa tentulah kata-kata pendorong yang diberikan oleh pegawai Jepun itu. Banyak daripada mereka yang mendengar memandang-mandang kepada kami yang jauh. Tentulah banyak di antara mereka yang merasa ragu-ragu akan kata-kata itu, dan tentu juga tidak kurang banyak daripada mereka yang merasa hiba kerana dibawa ke pulau itu secara tergesa-gesa dan dipaksa.

Dua hari sebelum kami dihantarkan semula ke Syonan-to di dalam keadaan yang serba menghibakan, kawan saya yang hilang itu dengan tiba-tiba sahaja ada di sebelah saya apakala saya tercelik daripada tidur pada satu pagi. Kawan saya bisu dan tidak dapat berkata apa-apa apabila saya tanya ke mana dia menghilangkan diri. Dan hanya sesudah beberapa bulan di Syonan-to baru kawan itu menerangkan bahawa dia telah dibawa oleh orang-orang bunian ke tempat mereka. Katanya “Semuanya cantik-cantik.” Kata-katanya ini hanya saya percaya separuh sahaja, kerana semenjak kehilangannya itu dia terus-menerus gila – tidak menentu apabila bercerita

tentang sesuatu sehinggalah ke masa ini.

Pulau tempat kami dihantar dahulunya, akhirnya barulah kami ketahui namanya. Pulau itu Pulau Kerimun!

Mastika, Oktober 1958

Hati Muda Bulan Muda

DARI jauh lagi *Nurse* Dorsinah sudah ternampakkan Sukon; sebenarnya, sudah dinampaknya sejak dia berada di tepi tingkap hostelnya. Dia tidak marah; cuma tidak melayannya. Baginya orang menelitinya bererti orang meminatinya. Ini membanggakan.

Apabila hampir sahaja dengan pejabat pentadbiran hospital itu, *Nurse* Dorsinah tidak lagi memandang ke tingkap tempat Sukon sedang berdiri. Diketuainya apabila sudah hampir dengan tingkap itu, semestinya banyak orang merenunginya. Itu kebiasaan.

Nurse Dorsinah orang baru di hospital tersebut. Dia dari Kuala Lumpur dan sekarang masih harus menunggu setahun lagi sebelum melayakkan dirinya sebagai seorang *nurse* bertauliah. Umurnya sembilan belas tahun, orangnya kecil menawan, kulitnya hitam manis, bersiput dan wajahnya memberahikan.

"Cik Dorsinah janganlah sombong." Dorsinah mendengar orang bersuara; suara Sukon.

"Apa kita bukan orangkah?" Menyusul suara lain pula; suara Narayanan.

Dorsinah tidak pun memandang. Diketuainya Sukon, Narayanan dan kerani-kerani muda dan tua

lainnya sedia mahu mengupahnya senyum. Seorang dua daripada mereka sedia untuk berlonjak kerana keasyikan sendirian. Ini tidak mahu didoronginya.

Apabila tiba di pintu besar bangunan wad-wad hospital itu, Dorsinah disambut dengan senyum lebih-lebih oleh Kapiar Singh. Dorsinah mengangguk, tanda membalas senyuman itu. Diketuainya, sebagai seorang jaga, Kapiar Singh sentiasa bermanis muka kepada orang-orang atasannya. Pernah sekali dua Kapiar Singh membukakan pintu kereta Doktor Nadeson, memberi hormat kepada Dorsinah yang hendak keluar dari motokar itu. Kapiar Singh penghormat – pengampu!

“Ini hari kerja petang, *nurse*?” tanya Kapiar Singh dengan iringan senyum. Sebenarnya senyuman itu sukar untuk ditentukan kerana bibirnya terlindung langsung oleh misai dan janggut hitamnya yang meliar subur.

Dorsinah mengangguk.

Sewaktu melalui bilik *almoner*, diperhatikannya banyak benar orang yang menanti giliran untuk mendapatkan wang bantuan. Hatinya pernah berasa suka duka orang-orang malang itu, tetapi mereka segera luntur dalam kepalanya apabila dia berasa di sebelah Doktor Nadeson, muda dan segar, yang sedang menjalankan kereta besarnya.

Apabila tiba di sebelah bilik *almoner*, Dorsinah ternampakkan Sukon lagi. Rupa-rupanya Sukon sememangnya sudah bersedia di situ. Bukanlah itu pertama kalinya. Biar pun begitu kehadiran Sukon setiba-tiba itu tetap mendebarkan hatinya. Diketuainya, hasrat anak muda yang melidah-lidah api itu!

“Janganlah sombong, *Nurse* Dorsinah. Mentang-mentanglah kita ni orang bawah,” kata Sukon merendah diri.

Dorsinah membisu mayat. Air mukanya tidak berubah. Sengaja diusahakannya begitu. Ketika dirinya agak jauh, didengarinya Narayanan mengejek Sukon: "Sudahlah orang tak mahu sama engkau. Dia *nurse* engkau apa? Sama amah engkau bolehlah!"

Tentang Sukon ini pernah didengarinya daripada kawan-kawannya. Seorang kawannya menerangkan bahawa Sukon selalu benar bersiul kepadanya. Seorang kawan lain pula mengatakan bahawa Sukon selalu dinampaknya bermesra-mesra dengan tiga orang amah muda di wad 27. Pendeknya Sukon "terkenal".

Dalam berjalan-jalan begitu, wajah Doktor Nadeson terpapar sejelas *colour de-lux* di kepalanya. Bergetar-getar hatinya. Sudah seminggu tidak disuainya Doktor Nadeson. Hatinya berombak-ombak gelisah. Apakah Doktor Nadeson tidak mengasihinya? Apakah Doktor Nadeson *setrademark* dengan Sukon? Mungkin, ya, mungkin ...

Apabila fikirannya berarus-arus ke situ cemburunya semakin memburu-buru. Tidak direlakannya Doktor Nadeson dirampas orang. Itulah juga maknanya sering direlakan Doktor Nadeson memeluknya, menciumnya dan mengucupinya serela-rela hatinya.

Seminggu dahulu, di MacRitchie Reservoir, Doktor Nadeson telah menerangkan rancangannya untuk ke Kuala Lumpur. Rancangan itu seperti petir diterimanya.

"Kau akan khabarkan tentang perhubungan kita?" tanya Dorsinah dalam bahasa Inggeris.

"Akan kucuba."

"Kenapa harus cuba-cuba saja? Kenapa tidak di-khabarkan langsung?" tanya Dorsinah sambil menggigit bibirnya sendiri, menampakkan riak kegelisahannya.

Doktor Nadeson berdiam beberapa detik. Direnungi muka Dorsinah hati-hati. Kemesraan menjalar ke seluruh hatinya. Pelukannya digandakan eratnyanya.

"Aku harus berhati-hati, Dor. Kau tahu soal kau dan aku ini tidak boleh dengan tiba-tiba aku nyatakan kepada keluargaku. Mereka akan terperanjat." Dia diam sebentar kemudian menyambung: "Kau tahu kita berlainan bangsa dan berlainan agama. Aku harus hati-hati."

"Tapi kau kasihkan aku, bukan?"

"Ya, ya."

"Kau tidak memperolokkan aku?"

"Dor, Dor!" kata Doktor Nadeson sambil merapatkan mukanya ke muka Dorsinah.

"Kau tidak memperolokkan aku?"

Doktor Nadeson menggelengkan kepalanya, kemudian membenamkan hidung mancungnya ke dalam pipi Dorsinah yang gebu.

Mesra. Mesra.

Kenangan itu segera terkocak apabila sewaktu membelok ke sebuah lorong kecil untuk ke wad 23, Dorsinah ditegur oleh *Hospital Assistant* Maznor: "Muram nampaknya?"

"Tidak. Saya tak sedap badan," kata Dorsinah, berhenti seketika di hadapan Maznor.

"Tak ambil *sick leave*?"

"Tak payah."

"E, jangan begitu. Jangan fikir *nurse* tak boleh melarat sakitnya!" kata Maznor.

"Baiklah. Saya akan turut nasihat awak," kata Dorsinah, tersenyum. Dan sebelum sempat Maznor bersuara, Dorsinah menyambungkan: "Awak *duty* di mana hari ini?"

"Hari ini kena di *admission room*."

"Sibuk kalau di sana, ya?"

"Ya, tapi tak apalah."

Setelah berdiam beberapa ketika, Dorsinah meminta diri. Tetapi sebelum sempat beredar, Maznor bertanya:

"Awak *duty* di mana?"

"Di wad 23."

"Sibuk juga di sana, kan?"

Dorsinah mengangguk.

Dorsinah tahu bahawa Maznor mengharapkannya supaya memberinya peluang untuk bersenda mesra di hatinya. Di dalam cakap-cakapnya berdua, Dorsinah sering dapat menyelami tasik hasrat pemuda yang hanya tiga empat tahun lebih tua daripadanya itu. Tetapi Doktor Nadeson teguh bertakhta di hatinya. Hanya sesekali apabila dia tidur keseorangan di katilnya, akan dibayangkannya wajah Maznor, pemuda baik hati itu. Tetapi wajah itu segera kabur apabila wajah kekasih pertamanya – seorang pemuda Melayu yang sudah ke England – mencuri-curi masuk ke dalam fikirannya. Dikutuknya kekasih pertamanya itu kerana jalang dalam bercinta. Dan kerana tragedi pertama itulah maka dia melarikan diri ke Singapura untuk menjadi *nurse* di sana, di samping untuk melupakan peristiwa melukakan hati. Padahal cita-citanya bukanlah untuk itu; dia ingin melanjutkan pelajaran *Social Studies*nya ke luar negeri, apalah lagi keluarganya sememangnya mampu – keluarga doktor, loyar dan guru! Dan kerana kejalangan kekasih pertamanya itu juga maka mewabah bencinya terhadap pemuda-pemuda bangsanya sendiri.

"Kenapa Doktor Nadeson begitu kkuatir hendak mengatakan hal ini kepada keluarganya?" Pertanyaan ini bergolak di dalam hatinya. "Apakah dia sendiri tidak dapat mengambil keputusan? Apakah dia terpaksa mematuhi orang tuanya itu? Apa erti pengor-

banan cinta yang sering diucapkannya?"

Pertanyaan-pertanyaan sebegini seperti cemeti mencabuk hatinya. Tidak mahu diingatkannya pertanyaan-pertanyaan serupa itu. Tetapi ia menjongol-jongol juga di dalam hatinya. Pertanyaan itu bergema, bergema, bergema

Dorsinah membelok ke wad 23. Sewaktu memasuki wad tersebut, dia terserempak dengan *Nurse Doreen Tay*. Mereka sama-sama terperanjat dan sama-sama tertawa.

"Aku terperanjat," kata *Doreen Tay*.

"Aku pun."

"Muram nampaknya?"

"Tidak. Aku kurang sihat."

"O."

"Ada apa-apa hari ini di wad kita?"

"Ada juga. Budak di katil nombor 11 meninggal dunia tadi."

"Yakah?"

Doreen Tay mengangguk.

"Kasihlah. Semalam dia bergurau-gurau denganku," kata *Dorsinah* sambil memerhatikan katil nombor 11 yang kosong itu. Serentak dengan itu dirasakannya kepiluan menikam-nikam hatinya. "Ada apa lagi?"

Doreen diam; dicubanya memikirkan sesuatu. Matanya terarah ke katil nombor 14. "Ya ada," katanya, "budak di katil 14 itu panas benar badannya. Kau tengoklah *temperature*nya nanti."

"O.K.lah."

"Kau tak ke mana-mana semalam?"

Dorsinah menggeleng.

"Oh, ya, aku terlupa. Doktor *Nadeson* ke Kuala Lumpur!"

Dorsinah tersenyum. Di dalam senyumannya itu

pun Doreen Tay masih dapat merasakan kehibaan yang menghiris-hiris hati Dorsinah. Doreen tahu, tahu

Doreen Tay hendak terus berjalan, apakala segera diingatkan sesuatu. "Dor," diteriaknya Dorsinah yang kebetulan sudah pun masuk ke dalam. Dorsinah segera menoleh. Doreen Tay menuju kepadanya.

"Tadi ada *trunk call* dari K.L.," kata Doreen Tay.

"Dari Doktor Nadeson, ya?" tanya Dorsinah, tidak sabar.

"Ya."

"Apa katanya?" tanya Dorsinah. Nafasnya tertunda-tunda cepat.

"Tak ada apa-apa. Aku tanyakan juga kalau-kalau ada sebarang pesanan untukmu. Tapi katanya dia hendak memberitahumu sendiri. Dia akan menelefonmu lagi. Tunggu sajalah."

"Kau fikir berita baik atau buruk?" tanya Dorsinah kekhuatiran sangat.

Doreen Tay menggelengkan kepalanya sambil mengangkat bahunya sekali, tanda tidak tahu.

"Kau dengar suaranya macam mana? Nampak dia seperti bergembira atau sedang bimbang?" tanya Dorsinah dengan mata yang terpusat tepat pada Doreen.

Doreen Tay terdiam; cuba diingatkannya; tiada teringat. Suara yang didengarnya melalui *trunk call* sukar untuk ditentukan. Dipandangnya wajah Dorsinah meluntur muram, lalu berkata: "Entahlah. Aku tak dapat menerangkannya. Kau tahulah suara yang melalui *trunk call*."

"Tak apalah," kata Dorsinah. Suaranya penuh kehampaan, kepiluan.

"Kau tunggu sajalah, nanti dia menelefonmu lagi. Jangan susah-susah hati, Dor. Aku percaya tak apa-

apa," kata Doreen cuba menenangkan kawannya.

Dorsinah tersenyum sahaja – senyuman tawar.

"Ingat, jangan susah-susah hati!" Doreen mengulangi.

Dorsinah mengangguk, tapi pada saat itu juga sudah siang-siang dia menangis di dalam hatinya. Dia khuatir!

Ketika masuk ke dalam bilik kecil di dalam wadnya itu, kawannya *Nurse Saroja*, sudah ada. *Hospital Assistant Jimmy Soh*, sedang bercakap melalui telefon. Jimmy tersedar Dorsinah masuk, mengangkat tangan, memberi hormat ketika Dorsinah tersenyum kepadanya.

Dorsinah memerhatikan telefon yang dipegang oleh Jimmy Soh. Telefon mendebarkan hatinya pada saat itu. Bukan sekali itu; sebenarnya selalu. Tetapi kali ini debaran itu begitu hebat. Serasa ada yang menggerunkan, sesuatu yang melesukan kesemua anggota badannya.

Dorsinah kemudiannya duduk di sebelah *Nurse Saroja* yang sedang menulis. Dipandanginya buku besar yang terletak di sebelah *Nurse Saroja*. Sebenarnya matanya sahaja ke situ; tidak fikirannya. Di dalam fikirannya yang terbayang jelas ialah telefon yang sedang berdering berulang-ulang. Mengkhua-tirkan!

Dorsinah sedang menghiburkan seorang anak yang sedang menangis ketika telefon berdering. *Nurse Saroja* sudah tiada di dalam bilik itu kerana pergi mengambil kad-kad, buku dan *chart-chart* yang diperlukan bagi kegunaan wad itu. *Hospital Assistant Jimmy Soh* sedang *inject* paha seorang anak berumur dua belas tahun. Dorsinah segera meninggalkan kanak-kanak itu, walaupun tangisannya meningkat-ningkat kasar. Dorsinah berlari-lari anak.

Sewaktu berlari itu debaran hatinya mencepat.

Terketar benar tangannya ketika mengangkat *receiver* telefon itu. Matanya berair tidak semena-mena. Debaran hatinya berlumba-lumba; badannya seram sejuk!

"Itu Miss Dorsinah, ya?" tanya operator telefon dalam bahasa Inggeris.

Dorsinah mengiyakan dengan suara terlalu terketar-ketar.

"Doktor Nadeson hendak bercakap." Operator telefon itu memberitahu.

Seluruh anggotanya dirasanya lemah ketika itu juga. Hatinya bimbang. Dinantinya suara Doktor Nadeson dengan ketakutan. Apa agaknya, apa agaknya?

Suara Doktor Nadeson kedengaran. Suara itu seperti bukan suaranya, kerana datangnya dari jauh. Dorsinah melepaskan *receiver* itu lebih dekat lagi.

"Itu Doktor Nadeson, ya?" tanyanya, walaupun Doktor Nadeson sudah menerangkannya.

"Ya, sini aku *darling*," kata Doktor Nadeson. "Kau tak kenal suaraku?"

"Kenal, kenal."

"Aku merinduimu sayang"

"Bagaimana soal kita itu. Sudah kau terangkan kepada keluargamu? Apa jawabnya?" Dorsinah meluru ke soal itu.

Suara Doktor Nadeson tidak kedengaran beberapa ketika. Dorsinah bertambah kebimbangan. Matanya sudah mula berair. Mahu diulangkannya pertanyaan itu, tetapi tekaknya serasa tersumbat sesuatu.

"Begini sayang," kedengaran suara Doktor Nadeson hati-hati. "Sebenarnya tentang itulah yang hendak aku terangkan."

Dorsinah semakin tidak senang. Nafasnya menge-

jut-ngejut seperti dirinya dikejar lima orang lelaki.

"Dor sayang," suara Doktor Nadeson kedengaran lagi. "Kau dengar tidak?"

"Aku sudah khabarkan tentang perhubungan kita itu kepada ayah dan ibuku." Doktor Nadeson terhenti agak lama. Caranya menyampaikan berita tersekat-sekat begitu segera menggelorakan hati Dorsinah. "Kata ayah dan ibuku"

"Mereka tidak setuju, kan?" Dorsinah menghamburkan kata-kata itu. Apabila terlepas sahaja kalimat itu, dirasakannya langsung tidak berdaya.

"Ya."

Tangan Dorsinah yang memegang *receiver* itu segera menjadi lemah. *Receiver* itu segera terletak di atas meja. Serentak dengan itu Dorsinah menangis sekuat-kuat hatinya sambil menghantukkan kepalanya ke meja.

Itulah puncak kelesuannya, puncak kepiluannya dan punca, kehampaannya

Dari mulut *receiver* itu masih terus terdengar suara Doktor Nadeson meneriaknya: "Dor, Dor"

Dorsinah semakin kuat menghantukkan kepalanya dengan iringan tangisan yang sungguh-sungguh menghiris hati!

Utusan Zaman, 5 Julai 1959

Ahmad Zago

MOTOKAR Opel Rikard hijau baru berkilat membelok perlahan ke pekarangan rumah Dato' Karim Balak yang berbilik empat. Di tepi batas bunga orkid yang baru berbunga sedikit-sedikit dan terjaga baik berdiri Nutanah dan Sabinah. Melihat kereta itu, Nutanah tersenyum menampakkan sumbi sebatangnya yang lebih memaniskan wajahnya. Ahmad Zago (*B.A. Hons.*) yang bertai dan berkemeja panjang putih keras membalas senyum itu ketika memberhentikan keretanya. Dia meraba-raba misai dan janggutnya yang sengaja dipeliharanya untuk menambahkan "serius" wajah dan "otaknya", kemudian mengerutkan dahinya, lalu membuka pintu motokar itu.

"Aha, orang penting datang!" kata Sabinah, ketawa. Sabinah yang sudah berusia 24 tahun dan lepasan Kirkby itu terlalu manis bagi Ahmad Zago, dan lebih manis daripada – kalau menurut ukurannya sendiri! – Sophia Loren dan Jayne Mansfield digabung satu.

"Ai, sindir ya?" kata Ahmad Zago sambil berdiri tegak menyedut udara di pekarangan rumah yang terlalu, terlalu besar untuk empat orang itu. "*Very sweet, very sweet,*" katanya, dan mengibas-ngibas seluar biru dakronnya yang tidak patah *side* dengan

tangannya yang bercincin permata biru besar dan berjam tangan Rolex empat segi. Matanya kemudian segera menyeluruhi Sabinah.

"Yang *sweet* itu apa, hah? Udaranya? Bunganya? Atau kami?" tanya Nutanah, kakak Sabinah berusia 27 tahun, kerana ragu-ragu.

Ahmad Zago ketawa kecil. Dipandanginya pula Nutanah tepat-tepat dan sambil membetulkan simpulan tai dan perletakan pen Parker 61-nya, dijelaskannya: "Yang manis semua sekali di sini."

Nutanah mencekak pinggang rampingnya dan berjalan merapati Ahmad Zago perlahan-lahan. Ahmad Zago memerhatikan kebaya hijau pendek dan jarang yang dipakai Nutanah dan matanya yang sememangnya mesra dengan benda-benda yang artistik (terutama wanita yang 35 tahun ke bawah) menurun dan meneliti pula kain berbunga-bunga biru besar yang terlekap erat pada punggung Nutanah dan mengecut benar pula pada lututnya, menampakkan keindahan *physical feature* Nutanah. Hebat, hebat

"Tidak semuanya manis di sini. Kalau manis pun ada ketika-ketiknya. Umpamanya hari ini," kata Nutanah sambil menjeling Sabinah yang masih tunduk membersihkan rumput daripada batas orkid itu.

"Ai, sindir lagi nampaknya ni. Tak tahan sungguh kalau gadis yang menyindir-nyindir!" kata Ahmad Zago, berjalan menuju kepada Sabinah. "Ayahnya ada?" tambahnya. Misai dan janggutnya dipegang-pegangnya lagi. Dan mata liarnya seperti "radar" meneliti pula tubuh badan Sabinah yang baru sahaja bangun itu.

"Manusia yang kau benci itu sentiasa ada. Aneh ya, ayah kami kau benci, anaknya kau suka," kata

Sabinah, tersenyum dan membersihkan tangannya dengan sehelai daun kering.

Ahmad Zago ketawa kecil, dan dalam tertawanya itu janggut dan misainya semakin diraba-rabanya seolah-olah ada sesuatu yang dicarinya dalam hutan misai dan janggut yang terpelihara baik itu. "Kau harus tahu mengapa aku benci ayahmu"

"Dan aku tahu juga: Mengapa kau sukakan kami?" potong Nutanah, matanya bercahaya-cahaya.

Ahmad Zago ketawa lagi, lebih meninggi kepura-puraan. Tangannya turun ke tainya dan dia bercekek pinggang pula, menampakkan kebongkakannya, menampakkan *superiority* palsunya. "Segala yang berlaku di dalam dunia ini ada sebab-sebabnya. *Everything has its own logic*," katanya dan tangannya segera mengejut ke dagunya semula; dahinya berkerut empat!

"Ya, aku tahu juga. Tapi terkadang-kadang apa yang kau katakan sendiri tak ada lojiknya. Kau lebih mengutamakan perasaan," sampuk Sabinah. "Cuba terangkan: Mengapa kau tak sukakan ayah kami? Sebab dia ortodoks? Sebab dia tak seprogresif atau *seenergetic* kau ...?"

"O, tidak, tidak. Sebab fanatiknya! Dahulunya, aku fikir semua orang yang bersekolah tinggi progresif dan berfikir baik, tapi tidak. Semakin tua nampaknya ... eh, tak payahlah aku katakan!" kata Ahmad Zago, melepaskan kata-katanya satu persatu, cuba membuktikan bahawa dirinya orang yang terlalu berhati-hati, terlalu pemikir!

"Semakin dungu bukan?" kata Sabinah, matanya tetap ke muka Ahmad Zago.

Ahmad Zago tidak berani menjawab; dimain-mainkannya sahaja janggutnya dan matanya terpaku erat dan anak-anak patung 'geisha' Jepun berpayung

yang terayun-ayun di belakang cermin Opel Rikardnya.

"Ya, itulah yang dimaksudkannya," kata Nutanah. "Dan itulah orangnya Encik Ahmad kita ini. Bila dia mendapat *B.A. Honours*, orang yang tua-tua semuanya sudah tak progresif lagi. Aneh, aneh"

"O.K. ... O.K. *Forget it*. Ayuhlah ajak aku masuk. Takkan berdiri di luar saja ni. Aku haus. Ada milo sejuk?" kata Ahmad Zago, cuba memmaniskan muka.

"Encik Ahmad baiklah di luar," kata Sabinah, membetulkan anak rambutnya yang menari-nari di dahi dan di bulu matanya. "Di dalam, ada orang yang tak progresif. Ayah kami dan beberapa orang yang tua-tua lagi sedang bermesyuarat tentang rancangan mendirikan masjid di sini."

"O, mendirikan masjid? Ha, ha, bila pula orang-orang di sini ingatkan akhirat?" tanya Ahmad Zago sambil mengeluarkan sapu tangan dan mengesat peluh di dahinya. "*Evening in Paris*" segera semerbak. Matanya mula ke dalam menerusi tingkap berjaring-jaring, dan didengarnya suara orang-orang yang sedang bermesyuarat.

"Semenjak orang-orang macam awak banyak," kata Sabinah ketawa sambil membetulkan anak rambutnya lagi.

Ahmad Zago tidak menjawab. Matanya tertumpu kepada batas orkid pula dan ada dua ekor kupu-kupu berterbangan mengelilingi bunga itu. Pandangannya sebenarnya sungguh-sungguh, tapi dahinya sengaja dikerutkannya, membuktikan bahawa dia begitu serius orangnya – satu kebiasaan yang dibentuk-bentuk sendiri sejak akhir-akhir ini. "Orang di sini artistik sekali," katanya tidak sungguh-sungguh. "Ini tanda baik dalam masyarakat kita."

"Memang tanda baik. Tapi tanda baik bagi sego-

longan manusia. Umpamanya motokar Opel Rikard ini pun satu tanda baik juga dalam masyarakat kita, begitu bukan?" tanya Nutanah. "Bila jalan bunyinya dikuatkan sedikit kalau di hadapan rumah orang, dan kalau ada anak gadis bunyikanlah honnya, walaupun di hadapan tak ada apa-apa. Dan jangan lupa tainya dikeluarkan sedikit, melambai-lambai."

"Kau ni ganjil sekali, Nah. Pendeknya keluarga kau semuanya ganjil. Kau menyindir orang-orang intelek, padahal kau semua intelek juga. Kau tahu, sebagai orang-orang intelek, kita harus ada tandanya juga. Umpamanya"

"Umpamanya, bagi laki-laki, janggut dan misai harus dipelihara untuk menampakkan seriusnya. Kalau rosak mata, pakai cermin mata bertangkai hitam tebal. Dan kalau bawa buku janganlah lupa menampakkan nama pengarangnya; Thomas Mann, Steinbeck, Hemingway, Huxley, Faulkner," kata Nutanah.

"Dan Balzac, Flaubert, Zola, Maupassant dan Sartre," tambah Sabinah segera.

"Wah, kau semua ni pakar-pakar belaka. Kadang-kadang aku takut berhadapan dengan orang yang macam kau semua!" kata Ahmad Zago sambil mencebikkan bibirnya sedikit. Dan sesudah berdiam seketika, dengan senyuman yang dilebih-lebihkan, menyambung, "Ya, begitulah. Kita harus pandai jaga personaliti. Kau tahu, personaliti itu penting. Apa erti seorang manusia kalau tiada personalitinya, hah? Orang tak pandang!"

"Apa erti manusia kalau perut kosong? Apa erti personaliti, kalau begitu?" tanya Nutanah.

Dan Sabinah ketawa panjang. "Encik Ahmad, aku bukan antiorang-orang intelek. Aku terangkan, ya? Aku sendiri mahu intelek dan mengharapkan semua

bangsa kita segera jadi intelek. Yang aku tak suka ialah *snobbishnya* dan kepura-puraannya beberapa orang yang sudah jadi intelek. Kalau mahu jadi orang intelek, kita harus jadi intelek sebenar, intelek yang insaf – intelek praktikal. Dan memang kita perlukan orang-orang begitu.”

“Wooooooh, apakah Sabinah fikir orang macam aku ini tak insaf? *O, God! You have to learn lady, you have to,*” kata Ahmad Zago. “Apa *snobbishnya* aku? Dan apa kepura-puraannya aku, hah? Cuba katakan.”

“Selalunya begitu manusia,” kata Nutanah. Matanya yang jernih dan sememangnya mengghairahkan memerhatikan Opel Rikard hijau itu. “Dia tak boleh mencerminkan dirinya sendiri. Dia tak nampak, lebih-lebih lagi orang seperti kau. Cuba katakan: Bagaimana kau tahu ayah kami ortodoks, tak progresif dan fanatik? Dari kaca mata Encik Ahmad, bukan? Hah, salahkah kami, kalau dari kaca mata kami pula, kami nampak Encik Ahmad ini *snobbish* dan kepura-puraan orangnya? Encik Ahmad jadi cermin kepada ayah kami, dan kami pula jadi cermin kepada Encik Ahmad. Bukan begitu?”

Ahmad Zago diam sahaja. Walaupun cuba dima-niskan mukanya, Nutanah dan Sabinah tahu bahawa tentulah terguris juga hati bangganya itu. Dikenalnya Ahmad bukanlah baru. Diketahui-pernya perkembangan diri Ahmad secara kasar, iaitu daripada seorang anak yang terlalu dimanja-manjakan ayah dan mewah wang, bertukar menjadi seorang mahasiswa yang memuja *Socialist Club* di universitinya. Dan kemudian, dengan sekelip mata, bertukar semula sebagai seorang makhluk *snobbish* dan kepura-puraan, selepas mendapat *degree B.A. (Hons.)nya*. Pelajaran tinggi dan pemujaan terhadap *Socialist Club* tidak dapat membentuk dirinya dan memang empat lima

tahun di universiti (yang hanya berkisar dari hostel, bilik kuliah, *library*, panggung wayang ke rumah Nafsiah dan Sally Kang) tidak dapat menggolakkan dirinya daripada seorang yang berjiwa palsu kepada seorang yang berjiwa waja. Malah dirinya sendiri pernah bertanya-tanya tentang hal ini, tapi dirinya juga sendiri tidak sanggup memberi jawapan, bukan kerana tidak tahu, tapi kerana tidak kenal dirinya sendiri.

"Aku eksistensialis," pernah dikatanya sekuat-kuat hatinya sejurus selepas membaca Jean Paul Sartre sungguh-sungguh (iaitu selepas dianjurkan oleh seorang mahasiswa yang bercita-cita kolosal!). "Aku harus hirup dan hadapi hidup ini seberani-berani dan sepuas-puasnya. Diriku sendirilah yang bertanggungjawab terhadap segala yang berlaku ke atas diriku."

"Kau tahu Sabinah, aku ini manusia eksistensialis," katanya tiba-tiba meledak, sesudah berdiam agak lama dan sesudah teringatkan secara tak dipinta-pinta kata-kata lama itu. "Kita harus hirup hidup dan kita bertanggungjawab atas segala yang berlaku pada diri kita sendiri. Dan aku kira apa yang aku lakukan ini tidaklah kepura-puraan, tidak juga *snobbish*," terasa senang hatinya selepas dapat menyampaikan intipati falsafah Jean Paul Sartre, yang dirinya sendiri (Ahmad Zago) masih kesamaran sama ada apa yang dilafazkannya itu benar atau tidak!

"Itu katamu," Sabinah menjawab cepat.

"Ya, kata semua orang sebenarnya, kalau mereka mahu menerima lojik," tambah Ahmad Zago penuh yakin.

"Bukan," sampuk Nutanah pula. "Itu bukan kata semua orang. Itu kata kau saja. Kau ingat apa kata kau dahulu: Aku ini golongan *Beat Generation*. Ke-

mudian: Aku ini golongan *Angry Young Men* dan akhirnya: Aku ini manusia eksistensialis. Yang mana sebenarnya, hah? Yang terapung-apung? Dan kau harus ingat: Di sini bukan Paris! Di sini Persekutuan. Dan di sini bukan tempat Jean Paul Sartre”

“Itu bukan bererti fahamnya tak boleh menjalar di sini. Dan itu bukan pula bererti aku tak boleh menganuti fahamnya.” Ahmad Zago memotong.

“Benar, kata kau adalah hakmu, dan otak kau juga. Tapi aku berani katakan kau ini penganut tempelan. Banyak buktinya. Umpamanya sebelum masuk universiti dulu kau ingat apa kau kata? Kau kata: Sabinah, aku ingin jadi Ahmad Boestamam. Aku ingin jadi penganjur seperti dia. Aku ingin masuk penjara. Kemudian itu hilang. Kau masuk *Socialist Club* pula. Kau ceritakan tentang keadilan masyarakat dan cita-cita kau untuk membaikkannya, dan keinginanmu untuk segera ditangkap polis supaya segera terkenal. Kau ceritakan pula tentang penderitaan manusia di Pantai Timur dan macam-macam lagi. Ketika itu aku tahu kau terlalu bercita-cita, berangan-angan! Dan tak lama kemudiannya kau gembar-gemburkan pula tentang *Beat Generation*; tentang *Angry Young Men* dan eksistensialisme. Sekarang cuba kau katakan: Apakah kau ingat itu semua bila kau duduk di dalam kereta yang memancar itu? Apakah kau masih ingat nelayan yang kau katakan itu? Atau apakah kau ingat tentang sejarah perkembangan dan penderitaan manusia sepanjang zaman ketika kau peluk pinggang Jeanie Klass waktu *berdancing*? Tidak bukan?” kata Sabinah panjang lebar dan bersungguh-sungguh benar.

Ahmad Zago diam sahaja. Matanya memandang Rikardnya, bunga-bunga orkid, Sabinah, kemudian Nutanah. Dia hendak bersuara, tapi tidak diketa-

huinya apa yang harus dikatakannya. Di kepalanya berkisar-kisar: Ahmad Boestamam, *Socialist Club*, *Beat Generation*, *Angry Young Men*, Jean Paul Sartre, Jeanie Klass, Opel Rikard, Sabinah, Nutanah dan dirinya sendiri. Kabur-kabur, kabur-kabur.

Diketahuinya bahawa Nutanah lebih pintar daripadanya kerana dia lebih dahulu ke universiti dan lebih banyak tahu tentang masyarakat sendiri kerana memang mendalam pengetahuannya tentang *Social Studies* dan tawarikh. Dalam ketika-ketika itu rasanya misai dan janggutnya mahu dicukurnya; mahu rasanya dia melontarkan cermin Opel Rikardnya itu dengan batu besar; mahu rasanya dasinya yang baru dan disangkanya secantik-cantik dasi itu dicerutkannya, dan mahu rasanya dirinya sendiri dihamunnya, sebab boleh dikatakan, dia sendiri menyedari – dalam batinnya sahaja – bahawa begitulah dirinya sejak dia lepas dari universiti. Dan disedarinya juga bahawa dirinya itu *snobbish* dan kepura-puraan, tapi dirasakannya pula bahawa dia tidak dapat berbuat apa-apa, kerana *snobbish* dan kepura-puraan itu sudah menjadi darah dagingnya sendiri. Dia boleh melupakan Ahmad Boestamam, *Socialist Club*, *Beat Generation*, *Angry Young Men*, nelayan Pantai Timur, sejarah perkembangan dan penderitaan manusia sepanjang zaman, tapi tidak dapat dilupakannya motokar Rikard, Jeanie Klass, Paris, London, Rome, Long Beach dan, dan

"Ai, sudahlah Cik Nutanah!" katanya mengalah berhadapan dengan manusia-manusia intelek juga. Nafasnya ditariknya panjang, dan kesedihan mengembang dalam dadanya, yang disangkanya mustahil dapat kempis selama-lamanya. "Aku tak mahu bertengkar-tengkar. Aku datang ini hendak ajak Sabinah menonton. Bagaimana?"

"Dari tadi sudah kutahu. Kalau kesunyian, tentulah kau akan ke mari. Tapi aneh, kau masih juga mahu memenangi hati kami dengan kepura-puraan. Di sini tak boleh. Sebab, kami juga pernah begini dahulunya. Kami tahu," kata Nutanah, tersenyum.

"Bagaimana Sabinah?"

Sabinah segera memandang kakaknya dan tersenyum lebar. "Boleh," katanya sambil memandang Ahmad Zago penuh bersimpati. "Asal saja kau tak menganggap aku seperti Jeanie Klass dan Opel Rikardmu. Dan yang penting sekali, asal saja kau tak *snobbish* dan kepura-puraan."

Ahmad Zago cuba tersenyum, tapi di hatinya ter-buku sesuatu. Dia memarahi dirinya sendiri.

"Aku cuba," jawabnya lesu.

Utusan Zaman, 6 September 1959

DEMBERANGAN *shell* yang memeranjatkan mengecilkan hati Siu Lan yang selama beberapa bulan ini sentiasa berdebar khuatir sahaja. Tidak diketahuinya terbayang segala yang mengerikan. Seketika, gambaran seorang tua kehilangan tangan dan kakinya; seketika gambaran seorang anak kecil yang berdarah mengejut-ngejut pada mulutnya; dan seketika gambaran beberapa orang manusia yang bergelimpangan kehangusan dan bergelumang dengan darah.

Demberangan *shell* berekor-ekor lagi; tujuh delapan kali jauh-jauh, sekali dua hampir-hampir bunyinya. Dan hatinya terus mengharapakan supaya segeralah berakhir perang yang mendurjanakan ini.

Ayahnya sedang tidur. Dengkurnya merendah. Muka ayahnya itu diperhatikannya; liar misainya, liar janggutnya. Rambutnya kering dan terlalu panjang pula. Sedih membanjiri hatinya. Di sebelah ayahnya tiada ibunya yang dikasihi. Ia telah menemui mautnya tiga hari yang lalu kerana terhimpit balak besar *shelter* yang diharapkannya dapat menyelamatkannya. Di dalam *shelter* itu juga ibunya ditanamkan. Hatinya kurang senang. Beberapa kali dimintanya ayahnya supaya mengebumikan ibunya itu di tempat

yang lebih sempurna lagi. Ayahnya bersetuju; masanya sahaja belum tiba.

"Engkau masuk, nak, masuk!" Didengarnya kembali suara ibunya yang batuk-batuk berekor-ekor selepas itu. Dia segera masuk *shelter* yang memanjang dan penuh sesak dengan beberapa kelamin itu. Dia sempat masuk ke dalam, tapi ibunya yang baru sahaja berada di muka pintu *shelter* itu terpaksa maut kerana sebiji bom yang memercik panas meruntuhkan pintu dan tiang *shelter* yang berhampiran dengan ibunya itu. Siu Lan tidak sedar apa yang berlaku pada ketika itu. Tapi ketika sedarnya, didapati ibunya yang selalu batuk berekor-ekor itu telah kaku, terbeliak matanya dan terbakar hangus sebahagian kakinya.

Matanya segera berair. Dikesatnya dengan sapu tangan kecil yang sudah tiga hari tiada bercuci. Ketika menghembuskan hidungnya, hidung itu ditutupnya erat-erat; dia khuatir kalau-kalau ayahnya akan tersedar kerana hembusan hidungnya itu. Biar pun kuat ditutupnya, hembusan itu kedengaran juga. Ayahnya segera mencelikkan mata, lalu memandangnya.

"Belum tidur lagi?"

"Belum ayah!"

"Kenapa tak tidur? Kan sudah malam benar?"

Siu Lan tidak menjawab. Dia cuba menyembunyikan matanya yang berair itu, tapi cahaya bulan yang menerpa masuk menerusi tingkap yang terdedah itu mengilat-ngilatkan air matanya yang sudah pun menitis di pipinya.

"Engkau menangis?"

"Tidak ayah, tidak," jawab Siu Lan, cuba menenangkan suaranya yang menggeletar itu.

"Kenapa menangis?"

Siu Lan diam lagi. Ayahnya bangun perlahan-lahan sambil menggosok-gosok matanya lagi. Ditariknya nafasnya panjang-panjang untuk menghilangkan ngantuk. Tapi sesaat itu juga, dia dan Siu Lan terkejut besar. Demberangan *shell* yang berkecaian kedengaran hampir sekali. Kemudian terdengar suara anak menangis ketakutan tidak berapa jauh dari rumah mereka. Gonggongan anjing memanjang, tapi suaranya tidaklah nyaring. Menyayukan, memilukan.

"Kenapa Siu Lan?"

"Lan teringatkan ibu!"

Ayahnya tidak berkata apa-apa. Dia sendiri pun sebenarnya masih teringatkan isteri yang dikasihinya. Tapi perang yang membawa berbagai-bagai persoalan yang mengejut datangnya, melupakan juga dia seketika akan isterinya. Dan apabila kenangan itu kembali, hatinyalah yang pedih sekali. Teringatkan isterinya, mengenangkan nasib anaknya, dan meragukan untung nasibnya sendiri. Apakah ajalnya akan menjemput sehari dua ini sahaja? Apakah malam ini juga dia akan maut? Dia tertanya-tanya. Ya, bukan, ya, bukan!

"Tak usah risau, Siu Lan. Dalam beberapa hari ini saja perang akan selesai. Kata kawan ayah, Jepun sudah di Johor. Tidak lamalah lagi. Bila perang tamat, bolehlah kita tanam ibumu dengan sempurna," kata Siew Fong dengan wajah isterinya terbayang-bayang sayu di ruangan matanya.

"Jepun sudah sampai di Johor?" tanya Siu Lan.

Ayahnya tidak dapat menjawabnya segera, kerana satu demberangan *shell* kedengaran lagi. Selepas sunyi semula, baru Siew Fong menjawab:

"Ya."

"Tak lama lagilah perang ini ...?"

"Ya, tak lama."

Siu Lan dan ayahnya terdiam beberapa ketika. Berita yang disampaikan oleh ayahnya itu tidak banyak sedikit menyenangkan juga hatinya yang beberapa waktu ini tidak tenang. Tamatlah segera perang, tamatlah!

"Sudah berapa lama Lan tak tidur?"

"Dua jam ..."

"Kenapa tak tidur?"

"Mata tak lelap, ayah."

Ayahnya diam. Nafasnya ditariknya dalam-dalam. Kemudian tangannya menggosok-gosok dahinya beberapa kali. Dia memandang keliling, semuanya tidak seindah dahulu. Baju-baju yang buruk bergantung, meja kerusi buruk tiada menentu letaknya, tin-tin kosong bergulingan dan bakul-bakul yang berisi dengan beras sedikit dan ikan kering sedikit tergantung di sudut bilik yang sudah mula disarangi labah-labah.

Dalam saat seperti sekarang, fikirnya, rumah tiada perlu dijaga lagi. Dia sendiri tiada selalu di rumah; terpaksa mencari rezeki dalam keadaan maut menyinga-nyinga mencari mangsanya; dan kalau di rumah pula, terpaksa beberapa kali masuk ke dalam *shelter* yang terbuat daripada longkang yang ditutupi dengan kampil-kampil pasir di atasnya dan rumput yang direlakan liar tumbuhnya.

Tetapi sesudah dua hari ini mereka tidak lagi perlu masuk ke dalam *shelter* longkang itu. Longkang sudah dipenuhi air yang penuh dengan sampah-sarap dan berbuih; nyamuk dan lalat, tikus dan katak, selalu sahaja di tepi longkang. Lagi pula tiada perlu lagi dirasakan mereka masuk ke *shelter* itu. Demberangan *shell* atau percikan pecahan bom sudah tidak putus-putus datangnya. Kalau mahu masuk ke *shelter*, haruslah masuk semalaman dan seharian sekali.

Siew Fong bangun dalam letih-letih dan mengantuknya. Dia memerhatikan anaknya yang masih tunduk-tunduk itu. Dia hendak mengatakan sesuatu, tapi tidak tahu apa yang harus dikatakannya. Dipandanginya sahaja, dan menyedut nafasnya dalam-dalam lagi. Dia berjalan menuju ke tingkap, dan mukanya segera terserlah di dalam cahaya bulan yang begitu terang. Matanya terkelip seketika kerana cahaya bulan yang menerpa masuk ke matanya. Mata itu digenyeh-genyehnya lagi dan dia menguap.

Pandangan di luar begitu memilukan hati. Semuanya memedihkan. Langit yang cerah dan sememangnya indah itu, sebentar-sebentar terang oleh cahaya api memercik. *Shell* bersiul-siul datangnya. Berikut-ikutan. Menjahanamkan, memusnahkan dan membunuh.

Siew Fong memerhatikan di bawah. Tiga buah rumah di hujung hanya tinggal rangka dan hangus-hangus tiangnya. Batu-batu yang hangus bersele-rakan. Empat buah rumah di sebelahnya retak-retak temboknya, dan akan runtuh kalau tergegar oleh bom lagi. Di hadapannya berdiri kaku bangunan sekolah yang sana sininya sudah runtuh oleh *shell*. Di padang hadapan sekolah itulah kelihatan *shelter*, yang baginya dinamakannya "kubur"! Dipercayainya tentulah ada orang yang tidak pulang-pulang ke rumahnya selain daripada duduk sahaja seharian di dalam *shelter* itu. Sekali dahulu dia dan anaknya pernah begitu, tapi sekarang ini dirasakannya tidak perlu. Kalau *shelter* tetap akan dihancurkan bom juga, mengapa harus duduk di dalamnya?

Siew Fong berpaling memerhatikan anaknya. Siu Lan sudah duduk di atas tikar di bawah meja besar yang dijadikan sebagai *shelter*! Sekali lagi mahu dikatakannya sesuatu kepada anaknya, tapi mulutnya

tidak terbuka. Dia memandang keluar semula. Di lihatnya pula masjid yang terletak tidak berapa jauh dari sekolah itu. Matanya menjalar ke belakang masjid itu. Belakangnya kubur.

Masjid itu tempat perlindungan dahulunya. Apabila sahaja kedengaran suara semboyan berombak-ombak, orang-orang yang tinggal berhampiran di situ akan segera berlari-lari menuju ke masjid itu. Mereka tidak mahu mati, tidak mahu cedera. Mereka bersembunyi di dalam masjid, di tepi-tepi masjid, di atas kubur-kubur orang mati di belakang masjid itu. Tapi, masjid juga sudah sekali dua menjadi sasaran bom *shell*. Beberapa orang yang tidak mahu mati, kehilangan tangan, kaki, kepala dan ada yang kehilangan semua – hangus!

Tidak banyak yang bersembunyi di masjid itu lagi. Mereka jemu untuk berlari-lari lagi, sebab sekarang ini semboyan tidak payah berbunyi lagi. Peluru *shell* dan bom datang tunda-menunda, tidak menantikan semboyan berbunyi. Orang tidak sempat lari. Ada yang mati sedang dalam perjalanannya ke masjid; ada yang mati di atas kubur; ada yang mati sebelum keluar dari rumah masing-masing. Mereka tidak perlu lari lagi. Maut tahu mencari mereka. Mereka harus menunggu saatnya sahaja.

Dalam kenangan Siew Fong terkilat gambaran yang mengharukan, menyedihkan dan memanasakan hati. Gambaran isterinya mati di dalam *shelter*, gambaran dia sendiri hampir ditembusi peluru, gambaran kawan baiknya hangus di dalam bas yang sedang dibawanya. Dan gambaran-gambaran maut lainnya.

Mata Siew Fong tiba-tiba tertarik pada bayang-bayang yang tergerak di hadapan masjid. Diperhatikannya sungguh-sungguh. Lembaga itu berjalan perlahan-lahan dan terencot-encot. Kemudian dili-

hatnya pula dua lembaga kecil mengikuti dari belakang. Apabila terserlah di dalam cahaya bulan yang terang itu, segera dikenalnya mereka. Mereka ialah isteri Sapuan, Rahimah, dan dua orang anaknya, Sabtu dan Isnin.

Sapuan ialah kawan sekerja dengannya. Dia pun drebar bas juga. Selepas mereka diusir dari Bukit Timah seminggu yang lalu, dia telah menjemput Sapuan tinggal bersamanya di rumahnya. Kerana rumah Sapuan yang lama telah hancur oleh bom, maka Sapuan pun menerima baik tawaran itu. Sapuan sendiri pernah sekali luka oleh percikan bom, tapi lukanya tidak seberapa. Dirasakannya untunglah begitu. Kalau tidak, bagaimana isteri dan anak-anaknya dua orang yang masih kecil itu?

Dilihatnya *shell* memercik merah di atas bumbung sekolah. Sebuah tembok sekolah yang di bawah tumbang dan genting sekolah berterbangan di udara, yang kebanyakannya menggelongsor ke bawah bersama-sama tembok sekolah itu. Pada saat itu dilihatnya isteri Sapuan dan anak-anaknya sedang meniarap – isteri Sapuan di tengah dan anak kecilnya di kanan dan kirinya. Siulan *shell* bertunda-tunda kedengaran lagi. Percikan *shell* yang seperti bunga api terlihat di sana sini. Siew Fong kekhuatiran benar.

“Kenapa mereka harus keluar rumah?” tanya Siew Fong di dalam hatinya sendiri. “Mengapa harus berlindung di masjid itu lagi?”

Siew Fong kemudiannya diam sendirian dengan fikiran yang kacau-bilau.

Bom dan *shell* tidak kenal manusia. Bom dan *shell* tidak kenal manusia. Bom dan *shell* tidak kenal manusia.

Ini bergema-gema di dalam kepala Siew Fong!

Siew Fong memandang bulan. Bulat dan indah.

Awan memanjang belayar tidak berapa jauh dari bulan itu. Seketika sahaja ini menenangkan hati Siew Fong. Apabila dilihatnya bangunan-bangunan di bawah, hatinya segera tidak aman. "Maut, maut, maut" Bergema di kepalanya.

Siew Fong terperanjat kecil apabila didengarnya suara tapak menghampirinya dengan tiba-tiba sahaja. Segera dia menoleh, dan mendapati anaknya yang sudah anak dara itu berada di sebelahnya. Matanya tertumpu ke muka anaknya. Wajah itu manis, tapi kesedihan yang beriak-riak di dalam hati anaknya itu masih dapat dilihat dari air mukanya itu.

"Masih susah hatimu?"

Siu Lan tidak menjawab, tapi dari air mukanya sahaja Siew Fong mengetahui bahawa sebenarnya anaknya itu berduka. Mahu disusulnya dengan pertanyaan lain, tapi dirasakannya belum perlu. Dia memandang keluar semula.

Isteri Sapuan dan anaknya sedang menuju ke rumahnya dengan langkah yang penuh khuatir. Seketika, apabila siulan *shell* kedengaran, mereka terhenti dan segera meniarap, kemudian berjalan semula dengan penuh ragu-ragu. Siew Fong memerhatikan sahaja dengan rasa yang penuh kasihan.

"Ayah," bersuara Siu Lan antara siulan peluru yang beberapa kali sayup-sayup kedengaran, dan sekali dua hampir benar kedengaran.

Siew Fong segera menoleh ke arah anaknya. Diketuainya bahawa tentulah ada sesuatu yang penting hendak disampaikan oleh anaknya yang kelihatan semakin merana itu. Matanya penuh bertaunya-tanya terlebih dahulu.

"Apa, Lan?"

"Betulkah perang akan tamat tidak lama lagi?"

Ayahnya segera tersenyum ringan. Matanya ber-

cahaya-cahaya menunjukkan bahawa dia kegirangan. Dia meramas-ramas rambutnya yang jarang, mengge-nyeh-geyeh misainya. Sekali dua dia menggeliat kemudian menguap.

"Ya, tak lama lagi."

"Ayah fikir dalam sehari dua ini saja," tanya Siu Lan sambil mencuba tersenyum kepada isteri Sapuan yang mendongak ke atas, walaupun senyumannya itu tidak mudah kelihatan oleh Rahimah.

"Tentulah. Sebab kata orang, Jepun sudah sampai ke Johor," jawab ayahnya sambil memerhatikan isteri Sapuan yang sedang masuk ke dalam rumah.

Siu Lan terdiam seketika. Dia mendengar suara tapak kaki orang berjalan di bawah, dan diketahuinya bahawa yang berjalan itu isteri Sapuan dan anak-anaknya yang dua orang itu. Sejurus kemudian terdengar seorang anak kecil menangis meminta makanan, dan terdengar pula suara isteri Sapuan menyuruh anaknya diam.

"Kau kkuatirkah Siu Lan?" Tiba-tiba tanya ayahnya.

Siu Lan mengangguk perlahan-lahan.

"Kau susah?"

Siu Lan mengangguk lagi.

"Susahkan kerana ibumu?"

Siu Lan segera tersedu.

Siew Fong terdiam. Serasa kesal dia mengemukakan pertanyaan itu, kerana dia sendiri tentunya sudah menduga apa yang memilukan hati anaknya itu. Kepalanya diraba-rabanya lagi dan misainya digenyeh-geyehnya. Dia memandang anaknya seketika, kemudian memandang keluar semula.

Hatinya sendiri lebih pilu. Isterinya yang mati itu dikasihinya benar, kerana boleh dikatakan sejak mula mereka mendirikan rumah tangga, jarang benar ber-

laku perselisihan soal rumah tangga yang sampai melukakan hati. Isterinya itu seorang penimbang rasa, seorang yang baik hati, seorang yang peramah, dan seorang yang pengasih lagi penyayang. Tapi bom tak mengenal itu!

Diingatnya benar-benar bagaimana khuatirnya isterinya itu sehari sebelum dia menemui mautnya. Dia, seperti Siu Lan juga, selalu benar bertanya-tanya bila perang akan tamat.

"Alangkah baik kalau kita terselamat," kata isterinya itu sesudah lama-lama bercakap fasal peperangan Jepun yang menjadi-jadi dan mengkhawatirkan dirinya yang selalu benar sakit itu.

"Jangan khuatir. Tuhan menolongi kita," kata Siew Fong, cuba menenangkan hati isterinya yang kurus itu.

"Saya harap begitu," kata isterinya. Dan selepas berhenti lama dengan memikirkan sesuatu, disambungnya: "Kalau hendak mati pun biarlah mati terus; janganlah seperti Wak Nasir yang hilang kepala dan tangannya."

"Jangan difikirkan yang bukan-bukan. Tuhan melindungi kita," kata Siew Fong.

Kesedihan hatinya bertambah, apabila mengingatkan peristiwa itu. Kenapa orang yang serupa itu harus menjadi mangsa bom? Kenapa orang yang jahat dan menganiaya orang tidak menjadi mangsa bom? Hatinya bertanya-tanya. Diketuainya bahawa yang lahir itu semata-mata perasaan hati yang melimpah-limpah.

Dia menguap. Rambutnya diraba-rabanya dan misainya digenyeh-genyehnya lagi. Matanya merenung ke masjid yang semakin sepi nampaknya. Bayangan wajah isterinya memenuhi kepalanya lagi.

"Kalau saya mati ...?" Nyaring benar suara isteri-

nya didengarnya.

"Tidak, tidak!" Diingatnya segera dia memotong. "Kata saya, Tuhan akan melindungi kita."

Tapi Tuhan juga akan berhak mengambil nyawa kita? Dia yang menentukannya bukan?" kata isterinya, dengan tidak pun mengetahui mengapa dia harus merasakan sesuatu yang seganjil itu.

Siew Fong terdiam. Kesedihan hatinya lebih menyucuk-nyucuk, dan di kepalanya sudah pun tergambar peristiwa yang mengerikan, menyayat, melukakan hatinya. Dipandangnya wajah isterinya dengan penuh mesra sambil memegang baju isterinya itu.

"Janganlah difikirkan yang bukan-bukan," katanya meminta. Isterinya tidak menjawab. Diketahui-nya bahawa dia lebih menyedihkan suaminya itu. Tapi entah mengapa dia sendiri merasakan kurang sedap sahaja.

"Tapi," katanya memulakan lagi. "Kalaulah diumpamakan saya mati ...?"

"Sayang, janganlah kata begitu"

"Katakanlah"

"Jangan, kata saya, jangan." Suaminya meminta.

Mereka diam beberapa ketika. Mei Fei – isterinya itu – masih berasa gelisah benar kerana apa yang terjongol-jongol di dalam hatinya itu masih belum dapat dilahirkannya. Tidak puas hatinya, menggelisahkan.

"Siew, katakanlah." Mei Fei memulakan lagi. Dan apabila didapati Siew Fong tidak lagi sanggup menahannya selain daripada memandangnya sahaja dengan penuh sedih hati, dia meneruskan: "Katakanlah saya mati. Awak berjanji menjaga anak kita baik-baik?"

Siew Fong mengangguk.

"Saya tak mahu awak mengangguk saja. Katakanlah apakah awak berjanji menjaganya baik-baik?"

Dengan air mata menenggelami matanya, Siew Fong berkata: "Ya, sayang, saya berjanji. Awak tak usahlah khuatir tentang hal itu. Lagi pula awak tidak apa-apa. Percayalah!"

"Awak berjanji akan melanjutkan pelajarannya?"

"Ya!"

"Awak berjanji akan menjaga makan minumnya?"

"Tak usahlah dikhuatirkan. Saya ini kan ayahnya. Saya akan menjaganya. Janganlah dibimbangkan. Barangkali badan awak kurang sihat. Baiklah minum ubat yang saya belikan itu," kata Siew Fong.

Mei Fei tersenyum. Sebenarnya dia mahu tersenyum sungguh-sungguh, tapi senyumannya itu tidak menjadi. Biarpun begitu, dicubanya juga memancarkan cahaya kasih sayang dari matanya. Suaminya merenung matanya.

Itulah senyuman terakhir daripada Mei Fei, kerana keesokan harinya dia telah terbenam dalam *shelter* yang beberapa lama menjadi tempat perlindungan dirinya dan beberapa orang lagi. "Mei Fei, Mei Fei!" teriaknya dengan penuh suara harap dan penuh kasih sayang. Mei Fei tidak menyahut lagi!

Mata Siew Fong samar oleh air mata. Dia segera terkejut dari khayalannya apabila terasa tangan anaknya memegang bahunya. Dia menoleh dan merasa malu, dan mencuba mengesat air matanya itu, tapi terlambat benar. Anaknya sendiri sudah menolong mengesatkan.

"Ayah," kata Siu Lan. "Ayah ingatkan ibu, bukan?"

Siew Fong tidak dapat menyembunyikan isi hatinya lagi. Memang benarlah itu yang dirasakannya, memang itulah. Dia segera mengangguk. Untuk bersuara tidak terdaya rasanya, sebab air matanya

sudah menabiri matanya lagi.

"Ibu kau seorang yang baik hati, pengasih, penyayang," kata Siew Fong kemudiannya. Suaranya itu tidak tenang. "Kenapa dia harus mati dalam keadaan yang sedahsyat begitu?"

Kendengaran demberangan *shell* dengan kuatnya. Mereka sama-sama terkejut. Mata mereka segera memerhatikan tembok sekolah yang roboh lagi kerana terkena *shell*. Demberangan itu semakin menghibakan mereka. Seolah-olah pertanyaan yang dikemukakan tadi itu, itulah jawapannya.

Selepas bunyi demberangan yang kuat itu, terdengarlah bunyi tangisan anak Sapuan. Kedua-dua orang sekali menangis. Dan dari jauh – sayup-sayup benar – terdengar suara salakan anjing. Siu Lan memandang ayahnya. Di hatinya menonjol-nonjol soalan yang hendak dikemukakannya. Beberapa ketika hatinya sudah tidak senang, dan diharapkannya selepas apa yang hendak disampaikan itu dapat dilafazkannya, maka barulah akan senang hatinya.

"Ayah," kata Siu Lan.

Ayahnya mengangkat muka perlahan-lahan. Matanya sahaja yang bertanya-tanya. Dilihatnya seperti ada sesuatu yang penting hendak disampaikan oleh anaknya itu. Dalam keadaan yang serupa itu, hatinya segera tidak senang. Segera teringat olehnya akan peristiwa sewaktu isterinya menanyakan tentang perang. Apa yang berlaku esoknya.

"Ayah," kata Siu Lan lagi.

"Ya."

"Betul ya, kata ayah perang hampir tamat?"

"Kenapa?"

"Betul, tidak?"

"Ayah fikir betul."

Siu Lan diam. Dirasakannya dia harus menanti

saat untuk melahirkan isi hatinya.

"Kenapa?"

"Semalam Lan mimpikan ibu. Dahsyat mimpinya. Lan tahu ibu tidak senang terbiar di dalam *shelter* itu juga. Kita harus menanamnya di tempat lain, tempat yang lebih sempurna," kata Siu Lan.

"Ayah pun pernah bermimpi begitu. Ayah ingat tentang hal itu. Kau tak usah khuatir. Kita akan sama-sama mengebumikannya di tempat yang lebih sempurna apabila masa mengizinkan," kata ayahnya sambil merasakan kesedihan hati anaknya itu.

Semakin hampir ke pagi, semakin menjadi-jadi siulan dan demberangan *shell*. Hati Siu Lan dan ayahnya serta orang-orang yang bencikan perang semakin kecil. Masing-masing bertanya-tanya: "Bilakah saat matiku?" Masing-masing menyebut: "Tuhan, Kau yang Maha Esa. Lindungilah kami daripada malapetaka dunia yang dahsyat ini." Masing-masing berniat

Pagi semakin mendekat, perang semakin meng-gila!

Dewan Bahasa, Disember 1959

MP. GUDU-GUDU menguap tiga kali sambil menggeliat seliar-liarnya. Tangan kasarnya yang mencekau-cekau udara sewaktu menguap dan menggeliat itu memeranjatkan beberapa ekor burung pipit yang sedang meloncat-loncat segar di atas dawai-dawai telefon yang berayun-ayun lemah kerana ditiup angin. Ahli Parlimen tersebut melihat burung itu terbang meluru ke atas genting sebuah hotel berhadapan dengan hotelnya; burung-burung itu segera pula terbang semula menuju ke sebatang pokok jejawi tua yang daunnya sentiasa berlenggang-lenggang lemah gugur di atas beberapa buah beca roda tiga dan teksi-teksi yang sedang berhenti lesu di bawahnya.

M.P. Gudu-Gudu menguap lagi dan berpaling perlahan-lahan. Di atas katilnya seorang wanita dalam tiga puluhan masih lena tidur menyembam. Selimut birunya terbuka separuh, mendedahkan belakang badannya yang begitu bersih dengan tali coli hitamnya tergelongsor jauh ke lengan. M.P. Gudu-Gudu merapati katil melihat rambut berombak wanita itu yang terkumpul manis pada dahinya dengan bibirnya yang merah pucat tersenyum tak sengaja. Hati M.P. Gudu-Gudu senang melihatkan wanita secantik itu.

Dia menunduk, mengambil akhbar-akhbar mingguan yang terbiar di atas lantai berkarpet, lalu duduk di kerusi berhampiran dengan katil.

Pada muka hadapan akhbar-akhbar mingguan itu memercik besar tajuk-tajuk berita yang segar dan hangat. Dalam dan luar negeri penuh dengan *intrigue* dan pergolakan yang mendebarkuatirkan. Soal-soal pemulauan barang-barang Afrika Selatan, kemerdekaan dan kehuru-haraan di Kongo, perampasan harta-harta Amerika di Cuba, bahaya permogokan di India, keretakan persahabatan diplomatik Indonesia-Cina, penembakan kapal terbang RB-47 di angkasa Barents Sea, persaingan Kennedy-Johnson sebagai calon Parti Demokrat bagi Presiden Amerika akan datang, laungan soal 16 resolusi Hong Lim dan kegelisahan soal perasmian lantikan Panitia Bahasa Melayu-Indonesia. Tapi mata M.P. Gudu-Gudu meluru kepada satu sudut kecil di mana tersorok berita perogolan seorang anak kecil oleh seorang yang sudah empat lima kali ganda tua daripadanya!

Matanya bernafsu dan bibirnya bergerak-gerak. Seketika dia tersenyum, kemudian melepaskan akhbar Inggeris itu lalu membelek-belek akhbar Melayu yang banyak terisi dengan rencana-rencana bahasa dan sastera. Persoalan bahasa dan sastera sebenarnya sama sekali tidak menarik baginya, walaupun semasa berdiri di atas *platform* berkempen dahulu sering kali juga dia menyebut: "Bahasa Jiwa Bangsa, saudara-saudara. Tegak bahasa tegaklah bangsa."

Matanya yang bercahaya-cahaya segera berkisar ke iklan-iklan kecil di sudut iklan-iklan panggung wayang, radiogram, kipas angin, *tape-recorder*, *refrigerator*, skuter, motor, ubat-ubatan dan iklan "Hei Apa Pasal?" Dan matanya segera dibesarkan apabila ter-nampak gambar seorang wanita jelita separuh ter-

dedah badannya, lalu mata liar itu segera pula meluru kepada wanita manis yang sedang menyembam di atas katilnya. Dia tersenyum.

M.P. Gudu-Gudu bangun, melepaskan akhbar-akhbar dari tangannya. Beberapa helai akhbar itu melayang ditiup angin melayang ke pintu. Dan dia melihatkannya sahaja dengan mata yang malas. Dari bawah didengarnya suara *juke-box* menjerit-jeritkan lagu "O Saya Sayang Sama Nona, Nona Sayang Sama Saya." Dan apabila dia berada di tingkap semula dilihatnya lalu-lintas di bawah sudah sesibuk semut hitam. "Bandar, bandar," katanya dalam hati. "Begitu indah!" Dan sewaktu dia berpaling melihatkan wanita manis yang sedang tidur menyembam itu diulangnya, "Begitu indah!"

Badannya masih terasa letih, walaupun dia bangun ketika matahari agak menggalah naiknya. Kepalanya masih terasa bengal-bengal sedikit, dan dia masih sanggup menguap beberapa kali. Setiap kali menguap setiap kali itu pula tercium bau busuk mulutnya. Dan waktu dia menghampiri cermin bulat sederhana di hadapannya dilihatnya ada tersempal tahi mata kuning keputihan di matanya yang berbulu kening tebal hampir bercantum itu. Dia meraba-raba dagunya dan terasa benar kasarnya janggut yang setiap pagi mesti menjengul-jengul dari dagunya yang terlebih sedikit itu.

"Jahat awak ... awak jahat." Terdengar suara mesra daripada wanita yang tidur menyembam itu.

M.P. Gudu-Gudu menoleh, dan melihat mata wanita itu tetap lelap dengan bulu keningnya yang begitu menebal hitam. Di bibir wanita itu terukir senyum, tapi sejurus kemudian bibir itu merkah semula mengeluarkan suara yang lebih manja dalam tidurnya: "Tak mahu. Saya tak mahu pergi ke Ca-

meron Highlands ikut awak. Jauh.”

M.P. Gudu-Gudu tersenyum. Dan walaupun hatinya ingin merapati wanita yang masih menyembam itu, tapi, entah mengapa, dia tidak sampai hati mengusik. Dia berjalan menuju ke tingkap semula dan dari bawah menjerit pula lagu R. Azmi “Hei, mata keraannjjjaaang!”

Walaupun hatinya pedih juga mendengarkan lagu mengejek itu, tapi apabila dilebarkan dadanya yang berbulu sedikit-sedikit itu terasa juga lapang hatinya. Dan memang sudah menjadi kebiasaan baginya setiap kali melebarkan dada, dia merasakan sesuatu yang enak – merasa besar! Dan pada ketika itu, dia teringat benar dia siapa. Hatinya sendiri berbisik: “Sekarang aku Ahli Parlimen. Ya, M.P. puncak dari taraf tinggi manusia; suara rakyat yang inginkan perbaikan nasib dalam negerinya yang banyak getah dan bijih.”

Dan tiba-tiba sahaja di kepalanya segera tergambar dirinya sendiri sedang berdiri di atas *platform* di hadapan beratus-ratus rakyat yang berbaju koyak, berambut kering, cengkung dan lemah.

“Merdeka!” Dia memekik.

Tangan-tangan rakyat yang kurus-kurus tergenggam berayun-ayun seperti ombak di atas kepala masing-masing dengan iringan gegar “Merdeka!”

“Kurang kuat, saudara-saudara,” katanya seserak suara. “Jeritkan sepenuh hati. ‘Merdeeeekkaa!’” Serentak pula terlepas kuat angin dari tubuhnya sendiri, dan dia tetap berasa senang kerana tiada siapa pun dengar hembusan angin itu dalam gegak-gempita pekikan “Merdeka” itu.

Dia bercakap selama tiga suku jam di atas *platform* yang condong itu, membongkar segala keburukan sistem dan perjalanan pentadbiran negeri dan

nasib rakyat yang selama ini tertindas dalam senyum riang mereka sekali-sekala. Dia berulang-ulang menyatakan bagaimana licinnya penjajah yang memeras bangsanya selama beratus tahun itu meninggalkan kesan yang bukan kepalang pada bangsanya yang mula membangun.

"Kita berasa begitu *inferior*, saudara-saudara, begitu *inferior*!" katanya di puncak tekaknya.

Rakyat beratus-ratus tercengang dan berpandangan sesama sendiri seketika.

"Ya, kita *inferior*! Tapi haruskah kita selamanya jadi kuda dan lembu dalam negara kita yang kaya raya ini?"

Suara gemuruh serentak: "Tidaaak!"

"Ya, tidak, tidak, tidak, tidak, tidaaaaaak!" katanya dengan suara yang meningkat keras. "Sebab itulah saudara-saudara harus berhati-hati memilih wakil saudara-saudara. Jangan sampai terpilih orang yang berjiwa kolonial, koloniiiiaa! Dan saudara-saudara berhak memilih sesiapa yang saudara-saudara kira-kira layak. Tapi ... tapi kalau saudara pilih saya, ya saya, saya akan berjuang sepenuh dan sedaya saya sampai ke liang kubbuuur! Saya akan menjadi suara, nafas, tulang dan daging saudara-saudara semua"

Tiada disangka-sangka meninggi suara tunggal seorang budak di hadapan: "Boleh jadi bapa saya?"

Mata M.P. Gudu-Gudu terbeliak, orang ramai tergelak.

Dan ketika dia mengakhiri pidatonya dengan "Merdeka", dia agak terperanjat sendiri kerana sambutan suara "Merdeka" daripada rakyat yang kurus-kurus dan kelihatan seperti tidak bermaya itu begitu nyaring dan bersemangat sehingga selepas pekikan "Merdeka" sahaja, suara tangisan anak-anak yang terperanjat meliar dan meninggi kedengaran. Dari dahi

M.P. Gudu-Gudu bertitis jatuh peluhnya dan hatinya bergaul gembira dan tak tentu rasa.

Gambaran megah itu segera terusik apakala telefon yang terletak di atas meja di tepi katil berdering beberapa kali. M.P. Gudu-Gudu mengangkat *receivernya* dengan lesu lalu dengan suara garau bertanya: "Hello, siapa?"

Suara jauh kedengaran: "Musfi-Haipo".

"O, Senator Haipo!" kata M.P. Gudu-Gudu dalam ketawanya yang memanjangkan yang menghembuskan air liur ke dalam muncung *receiver* itu. "Dari mana tu? Ada apa?"

Suara jauh lagi: "Dari pejabat akhbar *TULANG BANGSA*."

"Hah? Dari pejabat akhbar?"

Suara jauh mengiyakan.

"Ke ... kenapa? Ada kawankah di sana?"

"Tidak. Hendak jawab tuduhan dan cabaran orang. Di pejabat akhbar ini pun memang ada kawan pemberita."

"O, bagus, bagus. Eerrr ... macam mana kau tahu aku ada di sini?"

"Daiman Kereko beritahu."

"O."

"Kau seorang saja?"

"Ya, ya," kata M.P. Gudu-Gudu sambil menjeling mesra wanita yang tidur menyembam itu. "Sunyiilah."

"Ah, tahu sunyi kenapa tinggalkan bini sendiri?"

"Urusan rakyatlah, urusan rakyat."

"Bini rakyat juga," kata Senator Haipo. "Eerr, boleh aku ke sana nanti?"

"Bbb ... boleh. Tapi biar aku jumpa kau sajalah. Aku memang hendak jumpa kau. Jumpa di mana boleh?"

"Eerrr ... di Makmur Restoran"

"O.K. di Makmur Restoran. Jam?"

"Satu?"

"Ya, ya, boleh."

Ketika diletakkannya *receiver* itu, badannya segera menggeletar. Tidak disangkanya Senator Musfi Haipo tahu dia berada di situ. Dia segera bertambah lemah, lalu duduk di kerusi yang berhampiran dengan meja. Matanya segera tertumpu pada tulisan kasar berita hangat "Huru-hara di Kongo!" Pada sudut kiri di bawah berita itu terselit pula iklan piring hitam yang agak besar juga berbunyi: "Rebutlah piring hitam AYOYO JAMBO CALYPSO."

Badannya begitu letih. Dengan bersinglet sahaja mendedahkan panau berpeta-peta di bahu dan di lengannya – M.P. Gudu-Gudu duduk di tepi tingkap memerhatikan langit senja yang kuning kemerah-merahan itu. Di atas dawai-dawai telefon itu masih meloncat-loncat segar dua tiga ekor burung. Apabila burung-burung tersebut menghilang mata M.P. Gudu-Gudu segera terpusat pada iklan neon kejam celik di hadapan dan tidak berapa jauh dari hotelnya. Iklan neon kejam-celik itu bertulis: *ADUHAI MASSAGE* disertai gambar wanita mengurut badan seorang lelaki yang sentiasa tersenyum.

M.P. Gudu-Gudu memerhatikan iklan neon kejam celik itu lama-lama, sehingga matanya sahaja terarah ke rumah urut itu sedang fikirannya belayar jauh ke hari-hari kesibukan menghadapi pilihanraya. Hidup dan segar benar peristiwa-peristiwa itu dalam hati dan kepalanya ketika itu. Begitu segar.

Dia teringat betapa secara mendadak keinginannya untuk menjadi Ahli Parlimen itu tumbuh, dan secara kebetulan pula. Ketika orang sibuk mengatur persiapan hendak menghadapi pilihanraya, M.P. Gudu-Gudu (ketika itu belum M.P. lagi!) sibuk berlatih

bersyarah untuk menyertai Peraduan Syarahan anjuran "PERKUMPULAN SASTERA BUJANG-BUJANGAN", atas tajuk "Peranan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan". Isi syarahan yang dihafazkannya itu sebenarnya oleh anak buahnya, bekas mahasiswa yang giat mengarang ketika di universiti, giat "berehat" selepasnya.

Kejayaannya sebagai jaguh bersyarah membuka peluangnya untuk menjadi calon, apakala bakal calon sebenarnya mati dua minggu sebelum hari menamakan calon. Orang-orang di tempatnya mendorongnya supaya masuk bertanding kerana pada pandangan mereka hanya dia seorang jaguh bersyarah yang dapat melantangkan suaranya dalam Dewan Parlimen. Lalu tiga hari selepas kematian bakal calon sebenarnya, dia pun kebetulan menjadi ahli ekor-ekor selama ini dalam Parti BERSAMDIPIK – mengemukakan namanya sebagai calon. Dan pada hari menamakan calon terdengarlah nama Musa Gudu-Gudu melalui corong radio selantang-lantangnya, kemudian di akhbar pula semegah-megahnya.

M.P. Gudu-Gudu tersenyum mengingatkan nasib cemerlangnya yang tiada disangka-sangkanya itu. Matanya terpesong semula ke iklan kejam celik *ADUHAI MASSAGE* seketika, kemudian dia tenggelam semula sedalam-dalamnya dalam kenangan sinemas-kopis yang berwarna-warni indah itu.

Dapat dirasakannya benar betapa gementar hati dan tubuh badannya pada hari membuang undi dahulu. Dia pada ketika-ketikanya tidak tahu hendak membuat apa selain daripada mengharap-harapkan sahaja kemenangannya. Apabila dalam keadaan sedemikian di bibirnya terulang-ulanglah berpuluh kali surah Fatimah dan Yasin. Pada waktu-waktunya pula dia pergi turut menyembah pengundi-pengundi

mengharapkan belas kasihan mereka, dan lima minit sebelum peti undi diangkut, dia berpeluang memujuk nenek Limah Asmara yang tua terketar kerana sakit berbulan-bulan untuk mengundinya.

Ketika keputusan pilihanraya hendak diumumkan dia dengan hati berdebar segera menghilangkan dirinya kerana khatir dan takut malu. Dia berdiri di tepi sebuah perigi dengan tidak putus-putus menggigit kukunya kerana hendak menenangkan hatinya yang gelora itu. Dan apabila keputusan undi diumumkan dengan dia mendapat 1960 suara dan lawannya Ahmad Tongkang dari Parti KONGKALIKONG mendapat 1959 suara, M.P. Gudu-Gudu segera melonjak-lonjak keriangannya sehingga tergelincir masuk ke dalam perigi. Penyokong-penyokongnya segera mengangkatnya lalu mengusungnya keliling kampung sambil beramai-ramai menyanyikan lagu "Cik Mek Kena Godam Cik Awang Kena Tumbuk ... uwaaa ... uwaaa ... uwaaa...," sampai jam dua pagi.

Dengan hati yang begitu berdebar-debar kemudiannya M.P. Gudu-Gudu membuat ucapannya yang pertama. Walaupun dia jaguh bersyarah tapi dengan kemenangan yang tiada disangka-sangkanya – kadang-kadang pelik juga rasanya – seluruh anggotanya mudah menggeletar dan dengan suara yang terasa benar terketar-ketar dia memekik: "Merdeka!"

"Saudara-saudara sekalian, kemenangan saya memang tidak terduga. Kemenangan ini sebenarnya kemenangan saudara-saudara sendiri," katanya dengan suara yang masih terharu lagi. "Saudara-saudara sendiri tahu saya mendapat 1960 undi, sementara lawan saya mendapat 1959 undi. Ini bererti saya hanya menang satu saja. Dan satu undi ini ialah undi Nenek Limah Asmara" Dia terhenti. Seketika itu juga dia segera teringatkan Nenek Limah Asmara,

lalu matanya mencari-cari orang tua yang terketar-ketar sakit itu di celah-celah ombak orang ramai. "Mana Nenek Limah?"

Hampir serentak dengan pertanyaannya itu, berlari datang seorang perempuan sekurus batang kelapa dengan rambut mengembang, menangis-nangis bersuara: "Tolonglah, tolong. Nenek saya mati, nenek saya mati ..., " tangisannya memanjang.

Hati dan seluruh tubuh badan M.P. Gudu-Gudu lemah semula.

Telefon di atas meja berdering nyaring. M.P. Gudu-Gudu tersentak dan tersedarkan dirinya masih berada di dalam hotelnya. Pada ketika itu juga dia tersedarkan biliknya yang masih gelap. Dia memetik suis lampu biliknya sebelum mengangkat *receiver* telefon itu dengan malasnya.

"Hello? Siapa?"

"Zaenah di sini."

"O, Zaenah. Manis suaranya!"

Suara kecil: "Manis? Suaranya saja?"

"Kau memang manis, sayang."

"Malam ini tak jalan?"

"E, jalan, jalan!"

"Bila?"

"Sssssekarang pukul berapa?" M.P. Gudu-Gudu bertanya sambil mencari-cari jam tangannya dalam laci meja.

"Pukul tujuh setengah." Zaenah segera memberitahu.

"Tujuh setengah? O, ya. Errr ... pukul sembilan kita jalan, ya?"

"O.K., O.K. Datang tahu?"

"Ya, ya."

"Kau baik."

"Kau rakyat; aku baik dengan rakyat."

M.P. Gudu-Gudu terdengar suara ketawa manja, kemudian suara mengingatkan janjinya.

"Ya, ya. Aku datang sayang, aku datang."

M.P. Gudu-Gudu sedang menyikat rambutnya licin-licin apakala pintu biliknya diketuk orang dua tiga kali. Dia diam seketika kerana mengirakan pintu bilik sebelah diketuk orang, tapi apakala diyakininya pintunya yang diketuk orang segeralah dia pergi membuka pintu. Di hadapannya berdiri seorang muda berkemeja tangan panjang biru air laut, berseluar dakeron coklat dan bertali leher biru tua. Orang muda yang bermisai dan berjanggut sedikit ini tersenyum lebar dengan dahinya berkerut-kerut dan serta-merta itu juga M.P. Gudu-Gudu mengenalnya.

"Masuk Ahmad Zago." Dia menyuruh dengan senyum di bibirnya.

Ahmad Zago masuk dengan dahinya semakin dikerut-kerutkan lagi dan matanya yang bercahaya-cahaya segar memandang ke sekeliling. Dia merabara-raba janggutnya kemudian menyeluk saku seluarnya.

"Siapa beritahu kau aku ada sini?"

"Ai pak cik, bandar di sini bukannya besar. Ia sebesar bilik ni saja. Pak cik bergerak di hujung sana tu, saya dengarlah. *You cannot hide, uncle, you cannot hide!*" kata Ahmad Zago menghampiri ke tingkap pula. Matanya menuju ke iklan kejam celik *ADUHAI MASSAGE* itu.

"Ada apa?"

"Tidak apa-apa. Daiman Kereko telefon saya. Kanya pak cik ada di sini, *so I have come to see you!*" kata Ahmad Zago sambil melihat-lihat M.P. Gudu-Gudu mulai menyikat rambutnya semula.

"O. Aku fikirkan ada apa-apa!" jawab M.P. Gudu-Gudu hatinya mulai lapang sedikit.

"Kenapa pak cik tak beritahu saya pak cik ada di

sini?" tanya Ahmad Zago mulai meraba-raba janggutnya semula.

"Aku datang ini kerana tugas penting, dan tergesa-gesa. Kau tahu bagaimana sibuknya jadi wakil rakyat," kata M.P. Gudu-Gudu, masih lagi memeriksa wajahnya dalam cermin di hadapannya.

"Ya, ya," kata Ahmad Zago dengan matanya masih lagi ke iklan kejam celik. "Bagaimana Parti BERSAMDIPIK sekarang, pak cik?"

"O, bagus. Kuat, bertambah kuat!" kata M.P. Gudu-Gudu mulai menyarungkan stoking ke kaki kanannya.

"Eerrr ... kenapa kau tak mahu masuk parti politik? Kau boleh cepat naik."

Ahmad Zago segera ketawa berdekah-dekah dengan kepala dan dadanya terhenjut-henjut bukan kepalang lagi. "O, *no uncle, no!*" katanya dalam ketawanya yang dilanjutkannya. "*I don't go for politics. I like to be just a civil servant!*"

M.P. Gudu-Gudu turut ketawa. Dan apabila ketawa mereka mulai merendah, M.P. Gudu-Gudu segera mengalih ke soal lain, "Mana kereta kau?"

"Pak cik hendak tumpang? Saya boleh hantar."

"Tak payah, tak payah."

"Bukan Opel lagi, pak cik. Sudah tukar," kata Ahmad Zago, menggosok-gosok cincin permata birunya pada seluar dakronnya kemudian meniup-niup cincin itu.

"Kereta apa?"

"Borgward, pak cik, Borgward."

"Wah, semakin makmur kau ni?"

Ahmad Zago ketawa berdekah-dekah lagi sambil memegang dahinya yang dikerut-kerutkannya itu. "Ke mana betulnya pak cik hendak pergi?"

"*Meeting* kataku."

"*Meeting* secantik ini?"

"Ai, takkan Ahli Parlimen hendak *meeting* dengan singlet dan seluar pendek saja, hah?"

"*I suppose so*," kata Ahmad Zago, tersenyum.

Ahmad Zago keluar dengan kedua-dua belah tangannya tenggelam dalam saku seluarnya sambil berjalan sambil menyiulkan lagu "*Something has changed me*", nyanyian Paul Anka.

Sebelum keluar M.P. Gudu-Gudu pergi ke tingkap menurunkan bidai kerana kkuatir tempias kalau hujan nanti. Sambil menurunkan bidai itu matanya sempat melihat iklan neon kejam celik *ADUHAI MASSAGE* itu.

"Aduhai!" katanya perlahan-lahan.

Utusan Zaman, 24 Julai 1960

Sasterawan Daiman Kereko

BEBERAPA helai kertas yang sudah ter-taip di tepi sebuah mesin taip buruk tergigil-gigil beberapa kali sebelum melenggang-lenggang jatuh ke atas majalah-majalah sastera (KHAIRIN, MASURIN dan ASRAFIN) dan budaya (HWAHUIN, SEDHUSIN dan ARFIN) yang berselerak dan terkibar-kibar lesu lembarannya di atas lantai penuh habuk. Pagi minggu itu sejuk menajam dan angin pagi yang bernafas segar sejak subuh tadi tidak jenuh-jenuh berhembus – sekali lesu, sekali bernafsu. Sasterawan Daiman Kereko – 27 tahun, berbaju sejuk biru dan berkain pelikat merah muda, masih lagi tersandar senyap di kerusi malasnya dengan sebuah akhbar 20 muka terdedah lebar menyerakup separuh badannya yang kurus dan kepalanya yang mulai beruban.

Dua tiga hari yang lalu akhbar tempatan mulai sibuk menjerit-jeritkan soal HAKENA – Hadiah Kesusasteraan Nasional. Akhbar *SUARA BIRU* menekankan soal perlunya HAKENA, bukan sahaja kerana Kesusasteraan Melayu Moden sudah berjalan lebih sepuluh tahun, tetapi juga kerana HAKENA sememangnya perlu untuk menyegarkan semula tenaga sasterawan-sasterawan yang dikatakan lumpuh itu. Akhbar *SUARA UNGU* pula mempersoalkan mutu

hasil-hasil sastera sekarang. Suaranya lebih muram – dan membayangkan nama-nama sasterawan yang seharusnya menerima hadiah itu. Sementara itu akhbar *SUARA PUTIH* menyokong cadangan yang dianggap kolosal itu, tetapi merasakan bahawa penulis-penulis seperti Tun Sri Lanang, Abdullah Munshi dan Abdul Rahim Kajai harus dianugerahkan hadiah itu dahulu kerana jasa-jasa mereka sudah terbukti konkrit.

Rencana sulung tentang HAKENA ini sebenarnya ditulis oleh sasterawan Tudung Periuk (nama sebenarnya: Sued bin Majun bin Mabot bin ... Adam) yang giat menulis sejak tahun 1947 tetapi tidak sebuah pun novelnya yang sanggup diterbitkan oleh penerbit-penerbit tempatan yang lebih terburu-buru menerbitkan buku-buku sekolah. Dan walaupun sudah 12 buah novelnya yang keseluruhannya berkisar atas soal-soal kawasan hitam dan kabus *emergency*, tetapi kerana novelnya itu terpaksa berkurung sahaja, maka sasterawan Tudung Periuk, agak malang, secara automatik, terlontar ke dalam kumpulan GOL (Golongan Orang-orang Lumpuh).

Semalam sebuah rencana menekankan keperluan Hadiah Kesusasteraan Nasional itu ditulis pula oleh sasterawan Lenggang Kangkung (nama sebenarnya: Lembik bin Halus bin Ujang bin ... Adam) dengan beberapa analisis meleret-leret lebih banyak menunjuk-nunjukkan kewajaan penulis-penulis Barat yang meloncat-loncat ke sana ke mari. (Kebetulan sahaja sasterawan ini seorang ahli silat; loncatan-loncatan dalam tulisannya, secara tidak langsung, barangkali, boleh diterima sebagai bayangan keperibadiannya sendiri!). Sasterawan Lenggang Kangkung ini walaupun baru melincah-lincahkan penanya dalam tahun 1950 – ketika penulis-penulis angkatan baru sibuk

melantang-lantangkan suara tentang "seni untuk seni" dan "seni untuk masyarakat" – sudah menerbitkan sepuluh buah novelnya (tiap-tiap sebuah antara 60 hingga 100 muka tebalnya) tentang kejadian-kejadian di ranjang rindu. Novel-novelnya itu berkepala *Tanah Rindu, Baja Rindu, Benih Rindu, Pohon Rindu, Dahan Rindu, Ranting Rindu, Daun Rindu, Pucuk Rindu, Buah Rindu*, dan novel yang terakhirnya, agak aneh, dinamakannya *Ya Salaam, Ustaz!*

Rencana semalam itu, walaupun sebenarnya membosankan, berhasil juga membara-barakan kegiatan sasterawan Daiman Kereko untuk menulis novel siang dan malam dari jam lima pagi (jam 10.00 pagi hingga lima petang pergi kerja) hingga jam 12.00 malam seperti yang pernah dilakukannya dua tahun dahulu. Dan pagi itu, ketika dia sedang giat melonjaklonjakkan jari sembilannya (ibu jari tangan kirinya dimakan *splinter* pada masa Jepun!) di atas mata *typewriternya* dengan lincah, dia segera terhenti kerana membaca, seteliti-telitinya, sebuah rencana dalam akhbar *SUARA HIJAU* yang baru diterimanya.

Hari itu sebuah rencana tentang Hadiah Kesusasteraan Nasional tersiar lagi dan kali ini ditulis pula oleh sasterawan Ketipang Payung (nama sebenarnya: Jumaat bin Sabtu bin Ahad bin ... Adam). Rencana itu pendek – kalimatnya pun pendek-pendek, pada tempat-tempatnya terlalu pendek-pendek sehingga mendebat-debarkan dada – tetapi lebih tegap, tegas malah nyaring suaranya. Pada para akhir rencana itu tercatat hitam-hitam tebal kalimat: "Memang benarlah sudah sampai waktunya – malah saatnya! – bagi kita mengadakan HAKENA di Malaysia!" Dan pada para sebelum itu tertulis: "Ahli-ahli bahasa dan sasterawan-sasterawan kita baik yang sungguh-sungguh ataupun yang hanya tempel-tem-

pelan jangan hanya pandai menyebut-nyebut keperluan sastera nasional ... mereka harus memperlgiat juga tenaganya untuk mengadakan satu hadiah penghargaan dan pendorong seumpama itu!"

Selepas membaca rencana pedas itulah sasterawan Daiman Kereko segera teringatkan novel tebalnya *Damai dan Perang* yang dihasilkannya dua tahun dahulu. Novel yang setebal 827 muka itu telah dilontarkannya ke dalam sebuah peti buruk bersamasama potongan-potongan akhbar, majalah-majalah dan buku-buku buruk lainnya apakala sahaja PENERBIT BANGUNLAH HOI menolak dan memulangkannya dua minggu selepas novel itu dihantarkannya ke penerbit tersebut.

Memang sudah dapat dirasakannya gelegak hatinya yang membuak-buak apabila teringatkan – malah merasakannya sekali – peristiwa pedih dan menghiris itu. Dan dipercayainya bahawa sama sekali mustahil masa dua minggu memadai bagi Badan Penapis Buku-buku PENERBIT BANGUNLAH HOI itu untuk menimbang dan meneliti novelnya. Malah dia sendiri sama sekali sukar dapat memahamkan bagaimana badan penapis yang terdiri daripada tiga orang sasterawan sembang-sembrangan yang lalu tersengguk-sengguk dalam bilik telaahnya itu dapat meneliti dan menimbang novel *Damai dan Perang* sepanjang 827 muka dari segala lorong, liku, sudut, ceruk dan teluk dalam masa hanya dua minggu. Dan dapat diduganya apa yang sebenarnya berlaku di sebalik PENERBIT BANGUNLAH HOI yang sentiasa berminat menerbitkan buku-buku bernafas "asrama menyala di rimba rasa" sahaja.

Sasterawan Daiman Kereko terlihatkan dua buah kapal terbang jet yang menerkam laju beberapa kali di langit sebelah barat. Dia segera tersentak apabila

sebuah kapal terbang jet lainnya meluncur nyaring di atas kepalanya, dan menerusi tingkap berlangsir merah yang berkibar-kibar dapat dilihatnya kapal terbang jet itu mengecil hama sehingga hilang. "Setan," katanya dalam hati. Dan apabila hatinya bersurut-surut tenang, dia berpaling, melepaskan akhbar menggelongsor melayang dari tangannya, bangun kemudian berjalan lesu menuju ke arah sebuah peti buruk sebesar 3' kali 2' dan setinggi 3 $\frac{1}{2}$ '. Di dalam peti itulah terperuk - juga terjeruk - lama novelnya!

"Orang tidak mudah menerima sesuatu yang baru," katanya dalam hati. "Ada kalanya orang tidak mahu menerimanya semata-mata kerana tidak mahu menerimanya saja." Dia meraba-raba papan menggerutu dan berhabuk di atas peti itu. "Betapa dungunya setengah-setengah manusia ini," katanya perlahan-lahan. Matanya tidak tersengaja tertumpu pada gambar-gambar calon pilihanraya tahun lepas dalam surat khabar yang terlekat pada dinding biliknya. "Betapa dungunya." Dia mengulangi.

Sasterawan Daiman Kereko tersentak lagi kerana gegaran tiba-tiba bunyi kapal terbang jet yang terbang meluru dua seiring di atas kepalanya. Hari itu sebenarnya sudah kali yang ke berapa kuasa-kuasa besar bergilir-gilir melaung-laungkan soal keperluan mempercepatkan gencatan senjata dan memberhentikan perledakan-perledakan 'H-bomb' untuk menyelamatkan umat dunia yang semakin sehari semakin berganda-ganda memenuhi dunia yang semakin maju dan semakin layu! Kapal-kapal terbang jet yang berdesing secepat pelesit ke barat itu mempertebalkan lagi kepercayaan sasterawan Daiman Kereko bahawa semboyan-semboyan manis dan berdegar-degar untuk mempercepatkan gencatan senjata dan member-

hentikan perledakan-perledakan 'H-bomb' itu sebenarnya kung kalikung dan dentam-dentuman pihak-pihak kuasa besar itu untuk menyalak penduduk dunia kepada dua bahagian sahaja.

Dia tidak mahu mengingatkan soal itu, tetapi soal itu kadang-kadang menjengul-jengul sahaja dalam kepala dan hatinya. Matanya segera meliar-liar pula menyeluruhi peti buruk di hadapannya, dan segera pula peristiwa lain – juga terlalu mendalam kesannya – menyelinap masuk ke dalam kepala dan hatinya sentiasa merayau-rayau ke sana ke mari.

"Saya tahu novel ini terlalu panjang. Tapi hendaklah janganlah saudara menolak kerana sebab itu semata," katanya sendiri. Dan di dalam kepalanya serentak tergambar tiga orang anggota Badan Penapis Buku-buku PENERBIT BANGUNLAH HOI.

Sasterawan Daiman Kereko segera segar dalam kenangan itu.

"Awak tahu pembaca-pembaca Melayu tak akan sanggup membaca novel sepanjang itu," kata anggota penapis sekurus tiang lampu sambil mengge-nyeh-geyeh hidungnya yang dibarisi jerawat.

"Siapa kata?" tanya sasterawan Daiman Kereko dengan hatinya yang sudah pun meluap-luap marah.

"Dd ... daripada pengalaman. Saya bukan baru dalam tugas ini. Saya tahu kehendak pembaca Melayu, saya tahu selera mereka," jawab anggota penapis segemuk seguni beras sambil menguap lebar-lebar.

"Pembaca kita memerlukan buku-buku yang tipis-tipis dan cerita-cerita khayal seperti *Daun Rindu*, *Pucuk Rindu*, *Buah Rindu*?" tanya sasterawan Daiman Kereko dengan nada suara yang meningkat-tingkat tinggi.

"Ya, ya," jawab anggota penapis gemuk pendek

yang berkilat tengah kepalanya. "Kita harus mengikut selera masyarakat pembaca. Mereka memerlukan cerita-cerita di ... di ranjang asmara, dan kita harus memenuhi selera itu."

"Siapa yang membentuk siapa? Kita harus membentuk mereka atau mereka yang harus membentuk kita?" tanya sasterawan Daiman Kereko dengan mata bernyala.

"Bb ... begini saudara Kereko. Benar kita harus mendidik rakyat pembaca, dan kami sememangnya maklum tugas sastera, o, kami maklum, maklum, tapi"

"Tapi kita harus melihat kantung kita? Kita harus lanjutkan khayalan mereka kerana kantung kita harus penuh. Kita harus candui mereka"

"Bb ... begini saudara Kereko," kata anggota penapis sekurus tiang lampu, masih lagi menggenyeh-genyeh hidungnya. "Bb ... bukan maksud kami hendak mencandui rakyat ..., tidak, tidak," sambungnya dengan menggeleng-gelengkan kepala dan memersuk-mersukkan lehernya. "Kami harus mendidik mereka dan ... eerrr ... dan kami tentunya harus juga memikirkan soal usia penerbitan kami"

"Ya, ya, begitulah," sampuk Si Gemuk Pendek berkepala licin. "Saya kira tentulah saudara Kereko maklum tentang hal itu."

"Saya maklum, saya maklum," kata sasterawan Daiman Kereko dengan iringan anggukan kepala dan kerut empat di dahi. "Dan saya maklum juga sejauh mana kesedaran PENERBIT BANGUNLAH HOI ini untuk mendidik rakyat. Daripada 32 buah yang diterbitkan tahun sudah saya dapati, 30 buah buku itu khusus meneropong ruangan dalam kelambu dan dua buah buku mendedahkan khayalan 7007 malam!"

Anggota penapis sekurus tiang lampu dan gemuk

pendek berkepala licin berlumba-lumbaan turun naik nafasnya kerana menahan marah. Anggota penapis segemuk seguni beras cuba tersenyum walaupun hatinya meliar-liar taufan gelisah.

"Ya, saya tahu setakat mana kesungguhan-kesungguhan penerbit ini," sasterawan Daiman Kereko meneruskan. "Cuba terangkan bagaimana novel setebal 827 muka itu dapat saudara bertiga menelitinya dalam masa tak pun sampai dua minggu? Apakah novel itu benar-benar dibaca atau dihabukkan saja di ceruk meja selama dua minggu untuk dipulangkan semula kepada saya?"

Si Kurus memandang Si Gemuk Pendek; Si Gemuk Pendek memandang Si Gemuk Seguni Beras. Mata mereka memercik-mercikkan bara kemarahan dari hati masing-masing. Si Gemuk Seguni Beras sekali lagi cuba tersenyum walaupun disedarinya benar bahawa senyumannya itu senyuman hipokrit.

"Saudara Kereko," katanya dengan suara merendah; kening lebatnya segera jatuh ke bawah. "Kami dapat memahami mengapa saudara ragu-ragu dan begitu marah-marah." Dia memandang dua orang kawannya yang masih gelisah itu. "Tapi percayalah kami membaca novel saudara itu seteliti-telitinya. Saya dan rakan-rakan saya, Murad Gedobo dan Lazim Kurap ini, sama-sama meneliti, menimbang, malah membahaskannya dari segala sudut. Percayalah."

"Benar saudara Kereko," kata Si Gemuk Pendek. "Percayalah cakap Mohammad Kongga itu."

"Saya tak percaya," kata sasterawan Daiman Kereko. "Dua minggu meneliti novel setebal 827 muka itu dari segala segi? Mustahil!" Dia meraba-raba bekas luka di pipi kirinya yang terperosok ke dalam dan tiba-tiba teringatkan sesuatu. "Kk ... kalau benar saudara-saudara semua menelitinya cuba terangkan

apa yang berlaku ke atas Mahmud Merdeka dengan kawan-kawan tahanannya yang lain ketika lori yang membawa mereka terbalik di Bukit Mantin waktu hujan turun renyai-renyai?

Murad Gedobo, Lazim Kurap dan Muhammad Kongga membisu!

Bunyi kapal terbang jet mendesing lagi di atas kepala sasterawan Daiman Kereko dan dia segera tersedar semula bahawa sebenarnya dia masih berdiri lagi di tepi peti buruk dengan tangannya mengibas-ngibas majalah-majalah lama yang berhabuk itu. Dia meletakkan majalah-majalah itu di tepi peti di mana sekali-sekala seekor tikus yang matanya cergas menjengul-jengulkan muka kecilnya dan mengenyitkan misai halusnyanya. Dan apabila sasterawan Daiman Kereko meragut papan pertama peti itu beberapa ekor lipas dan tikus segera menggelecar lari dari peti itu. Sasterawan Daiman Kereko terusik sejenak, kemudian tersenyum sendirian. Papan Kedua ditariknya pula.

Apabila kelima-lima keping papan itu sudah terbuka, sasterawan Daiman Kereko berhenti sebentar kerana berhenti penat sambil mendengarkan bunyi semboyan memanjang dari sebuah kilang yang tidak berapa jauh. Hatinya mulai meningkat-tingkat hiba. Beberapa buah majalah, buku-buku dan potongan-potongan akhbar buruk di atasnya kelihatan sudah berkecai kerana digigit tikus dan lipas. Tangannya terketar benar apabila dia mengangkat kepingan-kepingan kertas yang ancai itu dari dalam peti busuk berbau bangkai lipas dan tahi tikus.

"Adakah anai-anai di bawahnya?" Hatinya bertanya.

Beberapa ekor lipas dan tikus menggelecar lari lagi dari celah-celah potongan akhbar-akhbar buruk, ma-

jalah-majalah dan buku-buku buruk dari dalam peti itu. Misai-misai lipas yang selincah ekor lembu mengibas lalat dan decitan tikus dari bawah peti itu menokok rasa gelisah sasterawan Daiman Kereko. Dia duduk bersunyi di tepi peti buruk itu, membiarkan fikiran liarnya berkelana dari satu cebisan peristiwa ke cebisan peristiwa yang lain.

"Memang susah novel setebal ini hendak diterima masyarakat," suara penyair Hussein Senja terngiang di telinganya. Dan pada peringkat tersebut peristiwa lama itu memercup segar dalam otaknya.

"Bagaimana kau tahu?" tanya sasterawan Daiman Kereko.

"Kau tengok sajalah novel *Angin Satu Badan*, karangan Ludin Mekar yang setebal 286 muka itu," kata penyair Hussein Senja. "Sudah tiga tahun, naskahnya masih kelihatan tergantung-gantung kuning di kedai. Kau ingat apa kata PENERBIT BANGUNLAH HOI dahulu? 'Selain daripada novel-novel sasterawan Lenggang Kangkung, novel-novel kita hanya berguna untuk disimpan dalam muzium saja,' katanya."

"Ah, orang begitu bercakap dari otak udangnya saja! Dia memandang tidak jauh dari sudut kantungnya sendiri. Laungan-laungannya hendak mendidik rakyat melalui buku-buku hanya lantang dan berguna dalam sakunya sendiri. Dia dan penerbit-penerbit yang senafas dengannya sebenarnya petualang jalan berbaju songket. Kita tidak harus tergesa-gesa mencium tangan kurapnya itu."

Penyair Hussein Senja ketawa terkekeh-kekeh. "Kau ini aneh," katanya dalam kejutan ketawanya. "Orang tidak mahu menerbitkan novelmu, kau kata dia petualang jalan berbaju songket." Ketawanya lebih mengejut-ngejut tinggi lagi.

"Aku memanggilnya petualang jalan berbaju

songket bukan kerana dia tidak sedia menerbitkan novelku, tapi kerana dia begitu berhipokrit di hadapan rakyat. Cuba katakan apa ertinya keinginannya hendak mendidik rakyat, kalau dia sebenarnya lebih giat berlumba-lumba menerbitkan *Baja Rindu*, yang mengisahkan tentang gadis 17 tahun yang suka menjadi pelacur bukan kerana disebabkan tekanan-tekanan ekonomi ataupun tipisnya pendidikan rohani, tapi kerana semata-mata suka begitu? Dd ... dan apa maksudnya mengecap sampai 12 kali novel *Buah Rindu*, yang mendedahkan gambaran sebuah kamar di mana sepasang merpati membahaskan soal-soal hidup dalam pelukan dan kucupan yang bersambung-sambung, sehingga sukar hendak kita tentukan apakah perbincangan tentang persoalan hidup itu yang menjadi soal utamanya ataupun pelukan dan kucupan yang melekit-lekit itu?"

Penyair Hussein Senja ketawa terkekeh-kekeh lagi.

"Ya, cuba katakan. Apakah, itu maksudnya mendidik rakyat?"

"Dalam dunia seliar ini, manusia mudah menjadi api." Penyair Hussein Senja menjawab, bersajak.

"Ya, mereka ini api. Mereka bukan saja meracuni rakyat, tapi membakarnya sekali," kata sasterawan Daiman Kereko. "Membakarnya hangus-hangus."

Kenangan itu terencat dari otaknya apabila se ekor tikus tiba-tiba meloncat dari peti buruk itu lalu meluru lari bersembunyi di sebalik majalah-majalah yang tersusun di sebuah sudut biliknya. Sasterawan Daiman Kereko melihat tikus yang takut-takut berani itu menjengul-jengulkan muka kecilnya kemudian segera teringat lagi bahawa tujuan utama dia berada di tepi peti itu ialah untuk mengeluarkan novelnya yang sudah dua tahun terpendam, bukan-

nya untuk membebaskan fikirannya menjalar-jalar ke peristiwa-peristiwa lama yang mengelar-ngelar hatinya. Dia mula mengangkat majalah-majalah, potongan akhbar dan buku-buku buruk yang kebanyakannya sudah ancai digigit lipas dan tikus. Semakin ke dalam tangannya menyauk isi peti itu semakin gelisah rasa hatinya, kerana semakin ke dalam nampaknya semakin berkecai-kecai kertas-kertas, majalah-majalah dan buku-buku lama yang disimpannya itu.

Seluruh anggotanya menjadi begitu lemah apabila novel yang disimpannya itu didapatinya ancai sama sekali. Dia tidak dapat bangun dari tepi peti itu beberapa ketika dan di hati serta di otaknya berpusar-pusar aneka rasa yang tidak menentu.

Keriuhan suara kanak-kanak yang mula bermain batu "keleret" di bawah mengingatkannya bahawa dia sudah terlalu lama lesu di tepi novelnya yang sudah ancai itu. Dengan hati yang masih menyucuknyucuk pedih, dia berjalan menuju ke mejanya di mana sehelai kertas yang terselit pada mesin taipnya masih berkibar-kibar ditiup angin yang sejuk dan mengejut-ngejut itu. Matanya memerhatikan gambar penyair Chairil Anwar (di atas meja) yang sedang ketawa ngeri dengan sebaris sajaknya: "Aku ingin hidup seribu tahun lagi" melintang di bawahnya. Mata itu segera pula menyeluruhi ke gambarnya sendiri yang sedang ketawa juga ala Chairil Anwar dengan sebaris sajak: "Aku ingin hidup SEJUTA tahun lagi!" tertulis hitam-hitam di bawahnya.

Sasterawan Daiman Kereko duduk di hadapan mesin taipnya semula – meraba-raba dahinya beberapa kali. Dia mendongak, melihatkan kapal terbang jet yang mempelesit nyaring itu, kemudian menoleh lesu semula ke arah novelnya yang sudah berkecai.

"Lipas dan tikus lebih sedia membaca novelku daripada penapis-penapis buku PENERBIT BANGUN-LAH HOI itu. Lipas dan tikus lebih baik daripada mereka," katanya penuh geram.

Utusan Pemuda, 13 Ogos 1960

Malam Merangkak ke Hujungnya

CAHAYA mentari yang mengelip-ngelip di celah-celah daun pokok sena yang menunduk, melenggang, menggeleng dan menggigil-gigil itu menerpa ke muka Budin Kopia yang berparut di pipi sebelah kirinya. Jari tangan kanannya yang panjang-panjang itu merangkak-rangkak lesu seperti kaki labah-labah pergi balik di atas parut di pipinya dan matanya yang bercahaya-cahaya tepat merenung kosong ke arah daun-daun pokok sena yang sedang menari-nari manja mengikut suruhan angin pada waktu senja. Di celah jari tangan kanannya tersepit rokok Cap Kerbau yang berasap kelabu, membengkang-bengkok naik kemudian mengembang hilang ditelan udara.

Sudah lima hari Budin Kopia berada di Kampung Jin Beranak, dan kelima-lima hari itu sedih dan pilu di teluk hatinya semakin terkocak-kocak pedih. Harapannya untuk mencari ketenangan – sesudah berhadapan dengan bandar besar yang serba telan-menelan itu – tenggelam sama sekali digogok oleh suasana suram dan gelisah. Dan keinginannya untuk menemui Bacok Caca hanya menjadi keinginan seorang pak tani tua untuk memandu U-2. Segalanya seperti kosong kampungnya dan hatinya.

Sebuah kereta jenis Mercedes terenjut-enjut lembut melalui lopak-lopak yang ditakungi air hujan. Air yang bertakung itu memercik, berkocak, mengelip-ngelip dan berbuih-buih seketika. Budin Kopia memerhatikan kereta itu, menampak Maria Sunari yang memandu kereta itu tergelak riang menuju ke jalanraya. Di sebelahnya duduk megah Musa Elba yang gemuk-gempal dengan tangan kanannya menjalar, memeluk dan menepuk-nepuk bahu Maria yang gebu itu. Melihatkan Maria Sunari dan Musa Elba hatinya semakin bertambah pedih dan luka. Dan semakin dirasakannya bahawa dalam dunia yang semakin sehari semakin maju dan meragukan ini, ada jarak atau jurang yang begitu memisahkan antara manusia sesamanya, walaupun semua manusia ketika lahirnya sama-sama telanjang, sama-sama menangis.

Kereta itu menderam megah. Air di lopak-lopak itu semakin memercik, berkocak, mengelip-ngelip dan berbuih. Enam orang kanak-kanak – dua orang berseluar kotor tiada berbaju, tiga orang berbaju koyak-koyak tiada berseluar dan seorang tiada berapa-apa – berlari lincah mengejar kereta yang sedang menderam megah itu. Sambil mengejar mereka menjerit keriang. Budin Kopia mendengar seorang anak kecil berusia enam tahun tiada berbaju menjerit girang: "Hei itu kereta bapa aku, kereta bapa aku!" Kemudian seorang anak berusia tiga setengah tahun yang tiada berapa-apa menjerit lebih nyaring: "Bukan, bukan. Itu kereta bapa aku!" Dan seketika sahaja anak-anak itu mulai melagukan serentak:

"Kereta bapa aku ... kereta bapa aku!"

Budin Kopia kenal ayah kedua-dua orang anak itu. Sontel – yang tiada berapa-apa – sudah kehilangan ayah dua bulan yang lalu. Apabila ditanya ke mana ayahnya, dia tidak ragu-ragu menjawab: "Kata

mak, bapa pergi kerja," padahal ayahnya sudah berada di dunia lain. Mentol – yang tiada berbaju – sudah tidak menemui ayahnya selama dua tahun. Apabila ditanya ke mana ayahnya, dia dengan girang mengatakan: "Bapa tinggal di bilik sorang-sorang," padahal ayahnya merengkok di penjara.

Ketika kereta itu menghilang di selekoh, mata Budin Kopia tinggal terpusat pada kanak-kanak yang masih lagi girang meloncat-loncat liar di lopak-lopak yang bertakung air hujan itu. Suara jeritan seorang perempuan tua melarang anak-anak itu bermain air kedengaran di puncak tekaknya, tetapi anak-anak itu tetap meloncat-loncat riuh dan riang juga. Sontel meloncat sekehendak hati, sambil meloncat sambil mengorek-ngorek hidungnya yang berhingus. Tiba-tiba seorang anak lain yang berusia tujuh tahun terhenti lalu meneriak riang: "Hei tengok burung Sontel terbang!" Anak-anak lain semuanya terhenti seketika, melihat ke tempat yang ditunjuk, kemudian meloncat-loncat lebih liar lagi, meneriak serentak berulang-ulang: "Hei burung terbang ... hei burung terbang!"

Dua minggu dahulu, Budin Kopia menerima surat daripada kawannya, Bacok Caca, di Bandar Debrak, menjemputnya menghabiskan masa cutinya di sana. Bandar Debrak ini sudah mulai maju. Rumah-rumah buruknya sudah banyak disungkurkan ke tanah dengan traktor dan bilangan penduduknya melompat-lompat naik bertambah. "Isteriku melahirkan tiga orang anak kembar. Montel-montel," kata Bacok Caca di dalam suratnya sepanjang 15 helai itu. "Datanglah ke sini, melihat aku, isteriku dan anak-anakku yang sudah 10 orang itu."

Walaupun memang tergerak hatinya untuk ke sana, tetapi akhirnya, Budin Kopia lebih memilih

untuk ke Kampung Jin Beranak, tempat dia dilahirkan telanjang; bermain separuh bogel penuh hingus; bersekolah sampai darjah lima Sekolah Melayu Pahagaruhuyung; bercinta-cintaan dengan anak gadis Datuk Kejojol yang kemudiannya kahwin dengan Haji Gedumba; dan patah cinta lalu lari ke Bandar Pestaria, bekerja sebagai drebar sambil merayau-rayau mencari 'mambang' untuk mengisi bilik dan hatinya yang tidak putus-putus sunyi itu.

Dua tahun meninggalkan Kampung Jin Beranak mudah membara-barakan rasa rindu kepada kampungnya itu, lalu dia tergesa-gesa meminta maaf kepada kawannya Bacok Caca, kerana tidak dapat melawat Bandar Debrak yang mulai mercup dengan bangunan-bangunan sepuluh dua belas tingkat setiap tahun.

"Memang ingin hendak aku lihat anak-anak kau yang 10 orang itu. Kata kau mereka semuanya sudah sepanjang bangunan-bangunan yang baru tumbuh itu," katanya dalam balasan suratnya. "Tapi, kali ini biarlah aku pulang ke kampungku, hendak melihat perubahan-perubahan di sana. Khabarnya ada kawan-kawan yang pandai bersyarah sudah jadi pemimpin berbagai-bagai pertubuhan politik dan mereka bertengkar satu sama lain. Dan banyak kampung yang sudah diratakan kerana hendak mendirikan rumah-rumah *flat* tempat tinggal orang-orang bergaji \$300.00 ke atas. Entahlah aku hendak melihatnya sendiri."

Matanya tertumpu semula ke daun-daun pokok sena yang masih lagi menunduk, melenggang, menggeling dan menggigil-gigil itu. Langit senja berwarna-warni begitu indah dan ghairah. Sepatutnya hati Budin Kopia merasa lega dan tenang seperti biasanya. Tapi, petang itu, dengan beberapa pusran fikir-

an dan pengembaraan kenangan bergaul di dalam kepalanya, hatinya dan otaknya tidak dapat tenang. Ada ribut bergolak.

Kanak-kanak yang melonjak-lonjak riang itu lari bertempieran apabila seorang tua yang terbongkok-bongkok mengejar mereka dengan rotan halus di tangannya. Budin Kopia memandang ke situ. Kanak-kanak berdiri berjauhan dari orang tua tersebut lalu mula bertepuk-tepuk tangan melonjak-lonjak sambil menyanyikan: "Nenek, nenek si tua bongkok, mata rabun hidung terperosok!" Orang tua itu mengejar mereka. Kepada Sontel yang sambil menyanyi sambil melihatkan benda kecil tergigil-gigil di celah kelengkangannya, orang tua itu menyuruh: "Baaaalllllliiiiik Soooooonnnntttteeeelllll, baaaaaaalllllliiiiikkkk!" Kanak-kanak lain memerhatikan Sontel seketika, kemudian meneriak girang serentak berulang-ulang. "Hei burung terbang ... hei burung terbang!"

Apabila Sontel lari berhampiran dengan dengan tingkap tempat Budin Kopia sedang memerhatikannya, Budin memanggilnya. Walaupun hanya lima hari Budin Kopia bermesra semula dengan anak kecil itu, tapi, apabila dipanggil, Sontel datang juga. Ketika Sontel naik tangga dengan tidak ragu-ragu dia bertanya: "Ada gula-gula, pak cik?"

"Naik dulu." Budin Kopia menyuruhnya dengan tersenyum.

"Gula-gula?"

"Nanti. Mari dekat pak cik dulu."

Sontel menghampirinya, meraba-raba perutnya yang membuncit, mengesat hingusnya dengan lengannya, kemudian merasa-rasa hingus yang tinggal dengan hujung lidahnya merah muda.

"Syyyytttt, jangan, jangan!" Budin Kopia memarahkannya dengan membeliakkan mata sedikit.

Sontel tersenyum, tapi terus juga merasa-rasa hingusnya.

"Jangan, jangan!" Budin Kopia mengulang. "Sedap?"

Sontel mengangguk. "Sedap," katanya.

"Ceeehhh, jangan ya? Jangan."

Sontel ragu-ragu seketika.

"Pak cik tanya dulu, ya? Nanti pak cik kasi gula-gula."

Sontel mengangguk.

"Mak Sontel mana?"

"Pitaaaaal."

"Pital? O, di hospital, ya?"

"Bapa?"

"Bapa pergi kerja."

Pada saat itu hati Budin Kopia menoreh pedih. Segera dicapainya gula-gula yang terletak di tepi dinding lalu memberikannya kepada Sontel. Sontel dengan mata bercahaya-cahaya segera melonjak kesukaan sambil menjerit: "Hai, pak cik baik, pak cik baik. Aku ada gula-gula ... gula-gula. Pak cik baik, baik!" Kanak-kanak yang berdekatan segera menyerbu ke arah Sontel. Sontel menggelecar lari menuju ke rumahnya. Nenek yang bongkok menjerit lagi: "Baaalllliiikkk Ssoooooonntttteeeelll, baaalllliiikkk!" Kanak-kanak lain terhenti ragu-ragu, kemudian serentak menyanyi: "Nenek-nenek si tua bongkok, mata rabun hidung terperosok"

Malam sudah menyerkup. Bintang berkelip-kelip lesu. Salakan anjing sekali-sekala menyeramkan. Di luar kanak-kanak masih riuh menyanyi. Suara Sontel paling tinggi apabila tiba ke kalimat: "Lembu patah tanduk ... lembu patah tanduk!"

Budin Kopia berbaring di katil, membiarkan fikiran runsingnya berkelana

Suara Sontel mengingatkannya kepada ayah Sontel, Syukur Lopes dan keluarganya. Sejak tibanya di Kampung Jin Beranak semula, beberapa persoalan memberat di dada dan di kepalanya – soal kerja susah, soal penyakit, soal sewa rumah dinaikkan dan yang paling penting soal kampung itu akan dipadang terkukurkan dua bulan lagi. Orang-orang kampung yang terdiri daripada buruh-buruh kasar (yang perempuannya kebanyakannya pencuci kain, pelayan, penari dan pelacur) gelisah mencari rumah murah, gelisah kerana terpaksa berpisah, gelisah kerana gementar memikirkan masa hadapannya.

Barangkali Rumisah Belalak akan dapat sebuah bilik di Kampung Lembu, di mana kandang-kandang lembu diubah menjadi bilik sewa 25 ringgit sebulan bagi manusia. Barangkali Dahlon Senget akan mudah berpindah ke Kampung Terbarai, tempat pak ciknya, Sanusi Boyak, menjual asam-garam-belacan. Dan barangkali Narimah Pongkes akan berdiam terus di Hotel Buaya, tempatnya mengisi perut hari-hari. Tapi bagaimana pula dengan Sontel, ibunya dan neneknya? Syukur Lopes sudah tentu kampungnya – di perkampungan ENKABATA (enam kaki bawah-tanah). Keluarganya harus mencari tempat di atas dunia lebar yang semakin kaya dan semakin mencekik ini!

Budin Kopia berpaling gelisah, tiga kali ke kiri kemudian ke kanan. Dipandangnya langit seketika, terlihatkan awan bersisik tenang dan bintang-bintang mengerdip penuh berahsia di sana sini. Jari tangan kanannya merayap seperti kaki labah-labah merababab dahi dan pipi kirinya yang berparut itu. Dia menarik nafas dalam-dalam, kemudian menutup matanya dengan tangan kirinya. Pada matanya yang tertutup itu terbayang jelas wajah Syukur Lopes, berambut kusut, bermata gelisah dan risau dan

berpeluh di dahi. Budin Kopia segera terlupakan langit luas, awan bersisik dan bintang mengerdip

"Aku tahu kenapa kau marah dan gelisah, Lopes," kata Budin Kopia.

"Ya, banyak yang berkata begitu."

"Tapi aku benar-benar tahu, Lopes."

"Berpuluh orang yang berkata begitu kepadaku."

"Kita sama-sama kecil dan sama-sama besar memanjang"

"Tidak bererti kau tahu hatiku."

"Bayangannya"

"Buat apa bayangannya?"

"Lopes, Lopes ... aku tahu kau ... kau derita sejak kecil," kata Budin Kopia dengan nada cuba menghiburkan.

"Keluargaku semuanya derita"

"Ya, ya aku tahu. A ... aku tahu adik-beradik kau yang 17 orang itu semuanya derita. Aku tahu empat orang daripadanya mati sewaktu kecil; tiga orang menjadi mangsa bom Jepun; dua orang jadi drebar di bandar yang berasingan; dua orang mengembara dunia dan entah di mana mereka sekarang; seorang jadi pelayan, dua orang maafkan aku, menjual diri; seorang dalam penjara"

Syukur Lopes memotong segera dengan nada marah: "Dan seorang lagi di rumah orang buta. Dan, dan aku? Aku sakit dan tidak bekerja di tengah-tengah bandar yang memberi dan menerima sesuatu dengan wang, wang!"

Budin Kopia memandang tenang akan kawannya yang berkerut dahinya itu. Keriuhan di kedai kopi dengan suara juruhebah lantang melaporkan tentang kuda kencang berlari, suara dari *juke box* melancarkan lagu *Hydrogen Rock*, suara orang-orang yang berkumpul membualkan soal kuda dan wanita,

dan hilai pelayan-pelayan yang sentiasa berjalan pergi balik dengan punggungnya terayun-ayun seperti mudah akan tertanggal, bergaul menelan segala suasana duka dan pilu yang dirasakan oleh Budin Kopia dan Syukur Lopes. Budin Kopia menghulurkan rokok Cap Kerbau dan mancis Cap Beruk kepada kawannya yang masih membisu sedih itu.

"Kadang-kadang kita tak harus terlalu memikirkan soal itu, Lopes," kata Budin Kopia memulakan semula. "Nasib kita akan berubah. Mustahil dunia ini sentiasa malam bagi kita, kan?"

Syukur Lopes membisu. Diletakkannya rokok ke bibirnya yang pucat dan mula memasang api ke rokok itu.

"Kau, kau tengok sajalah orang seperti Maria Sunari dan Musa Elba itu"

"Kau tak boleh samakan aku dengan mereka, Kopia. Maria dilahirkan dengan ladang getah ber-ekar-ekar dan rumah sewa berpintu-pintu di tepi telinganya. Dan Musa Elba ... Musa Elba dilahirkan dengan intan permata dan emas berbungkal-bungkal di tepi hidungnya. Macam aku apa yang ditinggalkan oleh bapaku? Dia tinggalkan aku dengan tangan kosong ketika aku bersekolah darjah empat di sekolah Melayu, dan ... dan aku terpaksa meninggalkan sekolah itu. Kami tinggal meninggalkan," kata Syukur Lopes dengan nafasnya turun naik kerana sedih bergaul marah.

"Ya, aku mengerti, aku mengerti," kata Budin Kopia perlahan-lahan. "Tapi Lopes, dalam dunia ini kita nampak juga bagaimana orang miskin itu akhirnya kaya."

"Benar. Tapi untuk kaya orang harus kaya dulu. Kau hendak kaya, kau harus belajar. Kau hendak belajar kau harus ada wang. Kau tak dapat ke sekolah

tinggi kalau tak ada wang," kata Syukur Lopes sambil menghembuskan asap rokok, melihatkannya melenggang-lenggang naik dan mengembang di hadapan muka Budin Kopia.

"Tidak semuanya begitu, Lopes"

"Ya, ya! Tapi umumnya begitu, Kopia. Umumnya. Kau tengok sajalah anak Doktor Jasman Longgok; tiga-tiga orang jadi doktor. Dan kau tengok pula loyar Salam Buruk; dua orang jadi loyar dan seorang jadi doktor. Kau ... kau tengok pula kau dan aku. Tengok, tengok!"

"Lopes, Lopes"

"Ya, kau tengoklah sendiri. Itu kenyataan, kenyataan. Lihat saja diri kau sendiri. Dengan lahir tidak mempunyai emas dan intan di tepi hidung, kau hanya sempat ke sekolah atap bocor. Kau sampai ke mana? Ke mana? Kau pernah berkata dulu moyangkau kaya, dan kerana tak tahu bagaimana hendak menggunakan wang itu, dia kahwin dengan empat orang anak dara di bawah 17 tahun, bukan?"

Budin mengangguk.

"Dan ... dan datuk kau yang mewarisi pusakanya kahwin tiga pula. Ayah kau yang dapat saki-baki harta itu kahwin dua, dan kau, kau yang tidak menerima apa-apa sampai 31 tahun ini masih belum kahwin-kahwin lagi," kata Syukur Lopes sungguh-sungguh.

Budin Kopia tersenyum ragu dalam berbaring mengenangkan peristiwa itu ketika itu, dengan kenyataan yang terbentang di hadapannya, mahu dibenarkannya kata-kata kawannya itu. Sebab, Syukur Lopes yang mati kerana batuk darah, mati bapa, meninggalkan ibu, isteri dan anaknya yang terpaksa berhanyut-hanyut terus dalam gelombang hidup penuh sengsara yang tidak dapat diramalkan hingga ke

pantai mana terdamparnya.

Malam merangkak ke hujungnya. Bulan yang bulat pucat baru menjengulkan mukanya yang begitu tenang dan aman (padahal tentangnya begitu diheboh-hebohkan oleh manusia dunia yang berkejar-kejar riuh untuk memilikinya). Budin Kopia merenung bulan yang tenang itu dengan tidak sedikit pun terharu seperti dahulu. Kalau dahulu boleh cepat menariknya ke dalam lubuk rindunya kepada anak gadis Datuk Kejojol, tapi semenjak wanita itu diragut oleh Haji Gedumba sehingga dia melahirkan dua orang anak yang montel-montel dan dajal-dajal, bulan segera menjadi simbol kepalsuan, kelukaan hati dan kekejaman baginya. Tetapi Budin Kopia tersenyum pahit, memerhatikan bulan yang tenang mengocakkan ketenangan hati dan fikirannya.

Tiba-tiba sahaja kesunyian malam sesepi kubur itu tertoreh oleh igauan Sontel yang sambil menyebut-nyebut nama ayah dan ibunya, menjerit ketakutan kemudian menangis teresak-esak – tambah melukakan dan memilukan hati Budin yang mendengarnya. Dari jauh salakan anjing bermula pula, sambung-menyambung menyeramkan.

“Nen, mana bapa? Mana mak?” tanya Sontel dalam esakannya.

Suara pilu penuh berkahak menjawab: “Ada cu, ada. Besok kita pergi tengok mak sontel, ya?”

“Bapa?”

“Sssssyyyy ... tidur, tidurlah, sayang. Tidur.”

“Bapa?”

Nenek Sontel menjawabnya dengan ragu-ragu dan pilu: “Bapa, ya? Nnnnn ... nanti bapa balik, ya?”

“Besok?”

“lii ... liya, ya besok.”

“Bapa balik dengan mak?”

Kedengaran orang tua itu teresak sedikit, menjawab: "Ya, cu, ya ... ti ... ti tidurlah ya? Tidurlah."

Budin Kopia menangis dalam hatinya sendiri, dan matanya yang melihat bulan itu mulai kabur oleh air mata yang tidak diminta-mintanya. Di kepalanya terbayang wajah arwah rakannya, Syukur Lopes gelisah dan pilu.

Budin Kopia menenung bulan. Pandangannya semakin kabur. Suara salakan anjing semakin jelas kedengaran. Kemudian suara tapak orang dan hilai ketawa yang cuba direndahkan. Narimah Pongkes pulang seiring dengan Rumisah Belalak. Ketika mereka melalui bilik Budin Kopia, dia terdengarkan perbualan mereka.

"Tak banyak jantan di Hotel Buaya?"

Narimah Pongkes menjawab: "Tak lagi. Sejak Hotel Jerung yang empat tingkat itu dibuka, jantan-jantan semuanya menyerbu ke sana."

"O. O!"

"Macam mana pula dengan Taman Ala Sayang?"

Rumisah Belalak menerangkan: "O, semakin kurang jantan juga. Sejak ada Taman Ala Intan, buaya-buaya semuanya melonjak-lonjak di sana."

Subuh merayap datang. Ayam-ayam jantan kepunyaan Zamri Pelahap, Matlob Kedukut, Sudin Kurap dan Tamrin Kapur berkokok berganti-ganti. Itik-itik berkuek-kuek. Subuh yang merayap datang ini ditemani oleh suara ayam dan itik. Mentari menengahkan muka segarnya dan Kampung Jin Beranak menjadi kuning kemerah-merahan disirami oleh cahayanya. Mata Budin Kopia terkelip-kelip.

Suara kanak-kanak kedengaran semula, lebih bersemangat. Mereka berkejaran antara satu sama lain, menjerit-jerit, mengejek-ejek, menyanyi-nyanyi, untuk ke longkang membuang najis bersama-sama.

Sontel dan Montel yang sudah pun menjongkok segera mengejar penjual akhbar bangsa India yang menunggang basikal dengan serentak memekik: "Heh, kasi satu surat khabar."

Penjual akhbar itu sambil menjelirkan lidah dan membeliakkan matanya berkata: "Ceh ... ceh ... angkau punya bapa tak ada baca punya orang, angkau apa macam baca?"

Sontel menjawab: "Mahu tengok gambarlah."

Kanak-kanak yang lain meneriak, "Sontel, Montel mari berak. Mari!" Mereka berlari semula ke tempat kawan-kawannya sedang menjongkok. Montel mencangkung di tepi longkang yang kotor dan berbau busuk, tempat kawan-kawan lainnya sudah pun sedia mencangkung; Sontel mencangkung, lebih ke hadapan sedikit di atas tanah. Ayam-ayam dan itik-itik berjalan terangguk-angguk di sekeliling mereka, menantikan saat baik untuk mematak dan menyudu tahi mereka yang masih panas.

Budin Kopia masih memegang akhbar *Suara Aman* yang belum pun dibaca-bacanya lagi. Matanya tertumpu kepada kanak-kanak yang sedang berak, terutama kepada Si Sontel. Duka yang berakar segar sejak semalam – malam sebelum itu – masih terbawa sampai ke pagi. Pedih! Diperhatikannya Sontel berpindah dari satu tempat ke satu tempat selepas melepaskan tahinya yang berasap.

"E, hei kita lawan tahi siapa besar, hendak?" kata anak Sudin Kurap yang gondol kepalanya.

Kanak-kanak lain menjawab serentak: "Boleh!"

Kemudian masing-masing berkata dengan suara meninggi, berkata sambil menunjukkan najis panas masing-masing: "Hei, tahi aku besar, tahi aku besar!"

Kereta Maria Sunari berjalan terenjut-enjut lembut melalui lopak-lopak yang masih ditakungi air itu.

Di sebelahnya Musa Elba dengan wajah yang sungguh-sungguh riang, masih menjengkau-jengkaukan tangannya ke bahu Maria Sunari yang gebu itu. Kanak-kanak yang sebahagiannya mengejar kereta tersebut, sebahagian mereka menjeritkan: "Hei, e, itu kereta bapa aku!" dan sebahagian lagi menyanyikan: "E, tahi aku besar, hah!" berulang-ulang.

Budin Kopia yang masih pedih di dalam hatinya merasa separuh geli hati melihatkan kanak-kanak itu. Segera dilihatnya muka hadapan akhbar *Suara Aman* yang di tangannya. Terpercik besar kasar berita: KASAVUBU DAN LUMUMBA PECAT-MEMECAT!

Utusan Zaman, 18 September 1960

JAM di atas meja kecil di tepi katil Pagak Aman berdetak-detak patuh menyeramkan Pagak yang sedang gelisah. Diraba-rabanya lampu picit dari bawah bantalnya yang hapak berair liur basi, mengambilnya lalu menyuluh muka jam yang menunjukkan satu tiga suku.

Dia diam seketika mendengarkan cucuran hujan di atas atap, menguap sekali dua kemudian menggosok mata, dahi dan rambutnya yang tegak-tegak. Matanya cuba dilelapkannya semula.

Hujan masih mencurah-curah riuh diselangi kilat dan guruh yang kadang-kadang begitu menyentak-nyentak. Sudah tiga empat kali daun tingkap biliknya yang terkiut-kiut terbuka, ditutupnya dengan perasaan marah. Dan dua tiga buah buku tebal yang basah oleh tempias dialihkannya ke tepi katilnya pula.

Dalam suasana malam sesejuk, seseram, sengeri dan segelisah itu bukan kepalang ingin hatinya hendak tidur – tidur melupakan segala-gala di atas muka bumi yang semakin sehari kelihatan semakin menggelegak bergolak.

Sejak jam sepuluh, dengan badan tergil-gigil, seram sejuk dan selesema, sudah dia terbenam di

atas tilam buruknya terkebil-kebil beberapa lama menantikan matanya terkatup. Dalam kepalanya berpusar-pusar kalimat-kalimat buku yang sudah dibacanya, tidak putus-putus memaparkan berbagai-bagai gambaran yang menggelisahkan dengan wajah Tamrin Gil yang berjanggut dan berjambang, menyelinap segar di dalam ingatannya.

Jam delapan setengah, selepas pulang dari kedai makan – makan sambil mendengarkan bualan beberapa orang tua yang bercerita tentang betapa enak-nya tidur berdua-duaan dalam hujan – dalam tergil-gigilnya dia cuba melangsungkan pembacaan buku *Inilah Falsafahku* yang sejak dua tahun belum juga tamat-tamat dibacanya.

Sebenarnya tidak diketahuinya sungguh-sungguh mengapa harus ditelaahnya buku tersebut, padahal sering sahaja apakala terlepas buku itu dari tangannya, masalah dan keanehan persoalan hidup serta penyakit masyarakat, yang dibincangkan sungguh-sungguh oleh beberapa orang filsuf itu, tidak difikirkannya langsung.

Sesekali apabila dirinya jauh terhanyut dalam laut permenungannya terjengul-jengul juga nama-nama Kant, Freud, Nietzsche, Sartre and Russell dengan iringan kilatan inti-inti falsafah manusia-manusia ini, yang begitu besar, agung, kukuh dan bergema bunyinya di dalam buku, tetapi, aneh, tidak ditapis dan dipergunakan orang secara penuh sedar dalam dunia yang sudah terlalu, terlalu kesusupan ini.

Begitu aneh dirasakannya.

Dan di dalam kegelisahan yang bercabang-cabang itu disedarinya bahawa kecenderungannya pada buku-buku falsafah itu pun, pada hakikatnya, bukan kerana keinginan atau kesungguhan untuk menge-

tahui hakikat-hakikat hidup, ertinya manusia dan kemungkinan menjadikan dunia sebagai tempat singgah yang aman dan damai, tetapi semata-mata, dalam dunia yang serba kejasmanian dan ketauliah-an, dia hendak merasa dirinya besar dan penting di mata rakan-rakan inteleknya, rakan-rakan yang berpeluang menjadi manusia intelek kerana mendapat kesempatan belajar.

Dia sendiri pun mengetahui juga bahawa kebanyakan daripada rakan-rakannya menyebut-nyebut nama filsuf-filsuf besar itu sebenarnya menyatakannya semata-mata kerana ingin menunjukkan betapa ke akarnya mereka kenal manusia-manusia besar itu.

Dia mengutuk dirinya sendiri apabila teringatkan kepalsuan ini, tetapi, entah mengapa, kepura-puraan itu dipupuknya juga, dipupuknya dalam kutukan yang semakin hari semakin membisa.

Malam tersebut di dalam hujan lebat lintasan-lintasan inti falsafah dan kegelisahan yang menjalar-jalar, wajah Tamrin Gil terbayang di matanya, di kepalanya. Pagak aman tertanya-tanya sendiri apakah Tamrin Gil ini sebenar-benarnya gila seperti yang disebut-sebut oleh kebanyakan manusia yang berlumba-lumba pindah ke daerah ALA MAKMUR, pusat tumpuan manusia separuh kaya dengan sesetengah intelek?

Tiga empat kali lampu bilik dimatikannya, tetapi segera dihidupkannya semula, sebab di dalam gelap-gelap itu hampir di merata ceruk biliknya wajah Tamrin Gil seolah-olah semakin jelas terpandang, menakutkan, mendebarkan dan menggelisahkan, walaupun Tamrin Gil – manusia yang dari sehari ke sehari semakin mendorongnya untuk memikirkan tentang erti hidup, kepalsuan dan kebenarannya – begitu baik kepadanya.

Dan apabila wajah itu terpapar di hadapannya segala apa yang pernah diperbualkannya mulai berkisar, fikirannya berpusar, hatinya berdebar, anggotanya menggelisahkan, segala-gala seperti tiada dapat dipercayainya lagi.

Guruh-guruh beberapa kali menggegarkan biliknya dan di sebelah-menyebelah masih didengarnya hilai ketawa wanita-wanita dagangan, bercakap di puncak tekak mereka, tidak lagi segan-segan kepada sesiapa di dalam dunia, kerana keadaan keliling yang pincang mengarahkan perjalanan hidup mereka ke lorong yang gelap, lucah dan hina.

Apabila guruh hebat mendebrak, dalam kepala Pagak Aman serentak terkilat ingatan terhadap adiknya terkorban dalam serangan kapal terbang Jepun, ibu bapanya yang terkorban dalam penyerangan kembali B-29 British dan kakak tunggalnya yang mati beranak sewaktu orang-orang beria-ia menyambut kemerdekaan.

Kilatan-kilatan ingatan itu segera pula terentap, diganti oleh wajah Tamrin Gil, dengan janggut dan jambangnya yang liar, baju dan seluar buruknya yang koyak-koyak, mata cengkungnya yang masih tetap sukar diselam maknanya, dahi berkerutnya yang berparut serta gigi kuningnya yang terketar-ketar ngeri.

Tamrin Gil mulai dikenalnya tiga bulan yang lalu, ketika Tamrin merapatinya meminta wang sepuluh sen entah untuk apa. Manusia ini sebenarnya sudah pun hampir setahun disuanya berkeliaran di merata-rata tempat di daerah ALA MAKMUR dan tidur di tempat duduk dalam kawasan padang kecil, tempat pasangan-pasangan kekasih berpeluk mesra, merajuk, memujuk, merayu, mencumbu dan berkucup panjang sampai badan tergil, nafsu memanggil.

Petang tersebut ketika pulang dari pejabat dalam

hujan lebat, dijumpai Tamrin Gil berteduh di tempat duduk bergenting melengkung – tempat biasa – lalu singgah di situ, berbual-bual sambil menanti teduh. Manusia Tamrin yang dijumpainya petang tersebut sering sahaja terbatuk-batuk memanjang dan apabila berhenti nafasnya mengejar cepat-cepat dengan tangan dan kakinya mudah tergil-gigil.

Kepadanya Tamrin Gil memang merupakan manusia ganjil, satu elemen dalam kehidupan manusia, sebab, manusia yang sudah 34 tahun hidup itu secara mendadak tiga tahun dahulu sanggup terjun ke dalam hidup seperti sekarang, satu keanehan yang terkadang-kadang kuat mendorong Pagak Aman untuk berfikir lebih sungguh-sungguh tentang soal hidup manusia, soal hati dan kelakuan mereka, soal nafsu, fikiran dan cita-cita mereka.

“Kenapa abang masih hendak tinggal di tempat ini juga? Abang berpanas, berembun di sini setiap hari. Dah lama saya ajak abang tinggal saja bersama saya, sekurang-kurangnya sampai sakit abang sembuh,” kata Pagak Aman sambil melihatan Tamrin Gil yang tergil-gigil dan dengan mata yang muram memerhatikan langit digayuti awan berat.

“Tapi di sini sejuk. Sakit abang dah sebulan, abang tak akan sembuh di sini.” Pagak berhenti seketika. “Kenapa abang tak pergi jumpa doktor? Sekurangnya periksalah.” Pagak Aman meneliti bibir Tamrin Gil yang terketar-ketar dan beberapa titik air dilihatnya menggelongsor cepat-cepat di celah-celah janggut dan jambang Tamrin.

Tamrin Gil ketawa tidak bersuara, memerhatikan langit di sekeliling lagi, mengesat-ngesat pipi cengkungnya yang berdaki, kemudian tiba-tiba terbatuk semula – mengejut-ngejut.

“Pergi ke doktor?” Dia bertanya apabila batuknya

merendah. "Doktor di sini? Kau fikir doktor di sini mahu terima aku?" Dia ketawa lagi. "Manusia seperti aku dah dikira tak ada oleh doktor, dan kalau ada" Dia terhenti, menundukkan kepalanya, menggosok-gosok mata cengkungnya kemudian memerhatikan wajah Pagak Aman sungguh-sungguh.

"Kalau aku ada pun, doktor tak akan terima aku. Dia tak mahu. Kata orang pintu rumah doktor itu" Tangannya segera terarah ke barisan rumah yang di tengah-tengah sekali, di klinik. "Tapi, pintu itu, itu, itu, hanya terbuka kepada orang yang begnya senang terbuka." Dia berhenti memerhatikan Pagak Aman hati-hati lagi. "Kau tahu maksudku?"

"Bila mereka ada wang?" kata Pagak Aman.

"Ya, ya. Wang. Mereka tak fikirkan manusia; mereka fikirkan wang, bagaimana hendak membanyakkannya," suaranya meninggi. "Dan dari aku mereka tak akan dapat wang, jadi" Dia berhenti lagi kerana batuknya mengejut, dadanya terhenjut.

Dan matanya yang tiba-tiba berkilat-kilat – entah kerana kesakitan, marah atau geram – merayau-rayau ke sana ke mari tiada menentu. Mata itu kemudian perlahan-lahan tertumpu ke tanah merah yang kotor, berselerak dengan puntung-puntung rokok, anak-anak mancis, kulit-kulit kuaci, akhbar ronyok, biji buah kana dan sehelai sapu tangan wanita.

"Kenapa kita harus cakapkan fasal manusia yang tak kenalkan manusia," katanya mengurut-urut dadanya yang jelas kelihatan tinggal rangka dari baju kemeja buruknya yang bertampal-tampal dan koyak.

"Tt ... tapi abang sakit"

"Aku? Aku dah lama sakit, dah terlalu lama dan tak perlukan ubat, ubat yang harus dibayar dengan wang." Tamrin Gil berkata begitu sungguh-sungguh dan cuba menahan dirinya daripada terbatuk lagi,

tetapi terbatuk juga sekali dua. "Sudahlah, kenapa harus kita cakapkan soal itu?"

Pagak Aman terdiam seketika dengan hati yang begitu kacau, memerhatikan langit yang semakin gelap, hujan semakin lebat dan guruh semakin hebat. Mulai dirasanya kesejukan menikam-nikam dadanya, dan dahinya pula mulai seram-seram dan memeningkan.

"Ada apa dalam surat khabar hari ini?" Tiba-tiba Tamrin bertanya sambil mengeluarkan lopak kecil berisi puntung-puntung rokok.

Pagak terkejut, memerhatikan Tamrin, menjawab, "Macam biasa."

"Hendak perang?"

Pagak Aman tidak dengar kerana serentak dengan kalimat itu guruh kasar menggegar. "Apa?" katanya.

"Hendak perang?"

Pagak Aman memerhatikan Tamrin Gil dan teragak-agak seketika. Dengan dahi berkerut dan kening ternaik dia menjawab: "Bbbb ... barangkali. Nampaknya di mana-mana dah mulai ada bunga apinya di Kongo, di Belgium, di Cuba, di Algeria, di Addis Ababa, di Laos dan di Irian Barat, di mana-mana."

"Ya, itu bunga apinya. Aku baca tadi," kata Tamrin sambil menunjukkan akhbar yang sudah teronyok-ronyok dibasahi hujan. "Aku buang kerana aku benci. Aku benci manusia semakin suka perang. Mereka hantar bantuan di satu tempat, menghantar senjata api di tempat lain. Mereka dirikan rumah sakit sebuah, siapkan bom pula beratus-ratus. Mereka dirikan masjid dan gereja dua tiga buah, lengkapkan pula pangkalan perang lima enam. Mereka tubuhkan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyuarakan keamanan, tetapi selalu pula menguji bom atom dan hidrogen masing-masing. Mereka tak percaya sama

sendiri, mereka takut sama sendiri” Dia terhenti, memerhatikan Pagak yang memerhatikannya begitu sungguh-sungguh. “Engkau tahu ma... maksudku?”

Pagak tersentak sedikit dan dengan lesu mengangguk. Tamrin tunduk memerhatikan puntung rokoknya yang berasap, menggenyeh-genyeh hidupnya dan menyedut rokok tersebut. Kilat mengelip seketika, disusuli guruh yang meledak sekuat-kuatnya. Pagak Aman tergegas dan kluatir dan memerhatikan Tamrin tidak sedikit pun apa-apa. Dia cuba tersenyum menyembunyikan rasa kluatirnya.

“Kau tahu, itu pun bom juga, tapi ia jarang-jarang bunuh orang – bunuh orang yang membuatnya, orang yang tak bersalah. Kau tahu?” tanya Tamrin Gil.

Pagak Aman mengangguk, matanya memandangi-mandangi kluatir ke langit.

“Kita duduk dalam dunia semacam inilah – dunia bom, dunia kluatir, dunia koyak-rabak. Dan dalam dunia begini orang semuanya terkejar-kejarkan nama, pangkat, kekayaan dan segala kesenangan, mengejar dan mengautnya sendiri-sendiri, menjadi manusia haloba dalam serba-serbi, dan memandangi manusia seperti aku ini gila. Eeeenngkau fikir aku gila?” kata Tamrin Gil.

Pagak Aman teragak-agak menjawab: “Ttt... tidak. Saya tak fikir abang gila.”

Tamrin Gil ketawa merendah, terbatuk-batuk seketika kemudian menyambung ketawanya. “Ya, aku tahu kau pun ragu-ragu,” katanya. “Aku tahu kau pun fikir aku gila, sebab kau lihat aku hanya duduk di sini, tidur di sini, cari makan di sini, barangkali mati esok atau lusa ... barangkali esok ... di sini juga.” Dia terhenti seperti berfikir-fikir. “Kalau aku mati tak ada orang yang menangis.” Dia ketawa.

"Saya."

"Kau?" Tamrin ketawa memanjang. "Kenapa menangis? Manusia dah banyak yang menangis. Lahirnya menangis, matinya menangis. Tangisan tak dapat mengubah apa-apa."

"Tapi ... tapi abang begini saja pun tak dapat mengubah apa-apa."

Tamrin memandang Pagak Aman, meraba kocek seluarnya tidak menentu, menjumpai sapu tangan buruk, mengesat janggutnya yang basah itu sambil menjengah lagi langit yang muram.

"Ya, barangkali juga apa yang aku lakukan ini satu perbuatan gila, sia-sia," kata Tamrin dengan dahi berkerut. "Tapi aku berasa senang begini. Kau tahu aku berasa tidak aman, aku tak tahu mengapa, tapi aku berasa tak aman" Dia terhenti memerhatikan hujan yang masih lebat seolah-olah memikirkan segala sesuatu yang telah berlaku di dalam hidupnya, sesuatu yang menukarkan segala cara hidupnya. "Kadang-kadang orang lahir untuk gelisah tak tentu sebab saja, aku fikir. Kau pernah lihat orang lahir saja buta dan terketar-ketar kepalanya sepanjang hidupnya?"

Pagak Aman menggeleng.

"Aku pernah, pak cik aku sendiri," kata Tamrin. "Apa guna hidupnya itu, kau tahu?"

Pagak Aman menggeleng lagi.

Tamrin ketawa merendah, tunduk dan menggelengkan kepalanya berkali-kali. "Aku pun tak tahu," katanya. "Barangkali juga ada orang lahirnya gelisah, lahir untuk gelisah seperti orang yang lahir untuk buta tadi. Aku merasakan begitu dan kalau itu gila ya, aku gila. Kau fikir aku gila?"

Pagak tidak dapat menjawab.

"Ya, aku senang begini, senang hidup tak terpaksa

terburu-buru mengejar sesuatu yang tak akan dapat di bawa ke mana-mana. Kau tahu aku berasa, selalu ... selalu aku berasa manusia yang tak pedulikan manusia itulah yang gila, dan manusia seperti itu banyak sekali dalam dunia ini, dalam negeri ini." Dia berhenti memerhatikan kilat yang memancar dan mendengarkan guruh yang menggelegar.

Pagak memerhatikannya sahaja.

"Kau perhatikan saja manusia yang tinggal di rumah yang tiga di sana tu, tu, rumah yang di atas bukit, rumah seorang wakil rakyat. Aku selalu dengar dia bercakap tentang rakyat derita dan tentang dirinya yang bersedia membela dan meninggikan taraf hidup rakyat. Aku dengar dia bercakap di padang di sana tu, dalam surat khabar." Tamrin berhenti seketika. "Dia tu penipu. Dia cakap soal rakyat derita, tapi cakap tentang hendak membaikkan nasib mereka di rumahnya sendiri."

"Tapi bukan semuanya begitu, bang."

"Ya, aku cakapkan yang ini. Yang begini banyak." Dia terhenti sebab batuknya tiba-tiba sahaja meninggi dan apabila batuk itu merendah, dengan mata yang berair, kesan daripada banyak batuk itu, dia melanjutkan: "Dia pernah lalu dengan motokarnya di tepi aku, dan marah aku kerana jalan di tengah sedikit. Katanya: 'Hei orang gila, mahu mati, ya?' Kau tahu itu wakil rakyat yang beriya-nya benar hendak membela rakyat. Aku bukan rakyat?"

"Abang rakyat," kata Pagak cepat.

"Kata kau, kata dia aku orang gila ... dan, dan kau tengok pula rumah di atas sana tu ... rumah Encik Ghaffar orang kebudayaan. Kau pernah dengar dia bercakap?"

Pagak Aman menggeleng.

"Dia orang kebudayaan, jadi orang kuat Persa-

tuan Budaya Asli tempat ini. Aku dengar dia cakap kebudayaan Melayu di Balai Rakyat baru-baru ini. Katanya dia junjung kebudayaan Melayu, berharap harap benar, dari hujung rambut ke hujung kakinya, supaya orang-orang Melayu cinta dan pelihara kebudayaan pusaka. Seminggu dulu di rumahnya ada perjumpaan istimewa untuk orang-orang entah dari mana. Semuanya *berdancing* dalam rumah yang ditutup. Orang kebudayaankah itu?"

Pagak teragak-agak sambil menggeleng-geleng, "Ssss ... saya kira tidak. liiiitu salah tu, salah."

"Tapi di sini itulah orang kebudayaan, orang yang bercakap saja soal kebudayaan, bercakap dari bulan ke bulan, dari tahun ke tahun, bercakap di khalayak ramai, di corong radio, di surat khabar ... dan kau tahu pula Haji Kereben tu?"

"Itu saya tahu benar, saya tahu!"

"Ha, itulah dia orang-orang yang mengata aku gila. Kau fikir aku gila?"

"Saya tak fikir"

"Kau masih ragu-ragu, aku tahu. Tapi tak apa. Kalau kau hendak tahu, orang-orang yang macam tiga orang itu banyak dalam dunia ini, lebih banyak di tempat kita ni, di negeri kita. Orang-orang ini kata aku gila." Tamrin memerhatikan Pagak sungguh-sungguh. "Kau fikir aku gila?"

Pagi itu Pagak Aman berasa begitu senang sekali kerana apabila tercelik sahaja matanya sinar matahari sudah pun tersimbah ke mukanya melalui tingkapnya yang entah bagaimana terbuka. Malam semalamnya setelah lanjut-berlanjutan dirinya kluatir dan terbayang semula peristiwa dirinya bersama Tamrin, dia tertidur langsung bermimpi tentang Perang Dunia Ketiga dan terakhir.

Dalam mimpinya itu, kononnya Bangsa-Bangsa

Bersatu yang sudah tiada terdaya lagi mengawal dan mengatasi keruncingan-keruncingan dan bahaya dunia yang meletus hampir di merata dunia, telah mengambil keputusan untuk membahagi-bahagikan sahaja bom-bom atom dan hidrogen serta bom *anti-matter*, yang kebetulan sudah pun siap, kepada semua negeri menurut kadar bilangan penduduk sesebuah negeri untuk menjaga keamanan negeri masing-masing.

Kononnya mendiang Dag Hammarskjöld sendiri yang mengelolakan pembahagian tersebut dengan disaksikan oleh Khrushchev, Kennedy, De Gaulle dan Macmillan, sedang pemimpin-pemimpin besarnya seperti Nasser, Castro, Nehru, Nkrumah, Soekarno, Tengku Abdul Rahman dan lain-lain menanti giliran menerima bom-bom tersebut dengan senyum ketawa.

Negeri-negeri dunia yang serba khuatir di antara satu sama lain itu, kononnya, telah pun terlebih dahulu meledakkan bom-bom tersebut di negeri jiran – mula satu kemudian merebak ke seluruh dunia!

Pagak Aman berasa begitu terharu dan paling menyenangkan, apabila bahang panas yang dikiranya bahang serpihan bom itu rupa-rupanya ialah cahaya matahari yang menyimbah ke atas badan dan matanya. Dan di luar sudah pun kedengaran teriakan penjual-penjual roti, putu mayang, sayur-sayuran dan ikan.

Apabila dia keluar rumah pagi itu tiga empat kali disedutnya sepenuh hati udara pagi yang begitu menyegarkan, dan berasa sangat-sangat beruntung kerana dapat melihat dunia yang dalam impiannya sudah pun musnah, sudah pun tinggal abu dan arang.

Dalam berjalan-jalan itu dia bersiul-siul riang mengikutkan lagu "Manusia Mesti Mati" yang terpan-

car daripada Radio Malaya, dan terhenti segera lalu berdebar khuatir semula apakala dilihatnya dari jauh lagi ramai orang berkumpul di sekeliling bangku tempat Tamrin Gil "tinggal" selalu di dalam kawasan padang tersebut.

Sebelum dia tiba ke tempat tersebut sudah terlebih dahulu hatinya menggeletar-geletar hiba, sehiba-hibanya, apakala daripada beberapa orang yang berjalan itu didengarnya kata-kata: "Orang gila mati. Tak ada guna dia hidup."

Mendengarkan itu, segera Pagak Aman berlari, mengasakkan dirinya di antara orang-orang yang riuh berkumpul itu, berhasil masuk ke dalam, melihat Tamrin Gil terbaring dengan bajunya basah kuyup, matanya tercelik hampa, janggut basahnya yang mengelip-ngelip air hujan yang masih lagi menggelongsor di celah-celahnya, dan di tangan sebelah kirinya tergeggam surat yang sudah basah dan ronyok.

Dengan tidak mempedulikan orang-orang yang berkerumun yang hanya menggeleng-geleng kepala, malah ada yang tersenyum entah mengapa, Pagak Aman menjongkok, mengambil perlahan-lahan surat yang tergeggam itu, lalu membukanya dengan hati yang gementar. Di atas surat tersebut terpampang kalimat: "AKU BENCI MANUSIA SEKARANG!"

Pagak Aman memerhatikan manusia di sekeliling yang terjengah-jengah sama hendak mengetahui isi surat tersebut. Seorang pemuda yang mengepit dua buah buku tebal dengan sebuah fail mengatakan dalam ketawanya: "Ai, dia benci kita. Dia gila!" Beberapa orang lain mengangguk seolah-olah ber-setuju.

Hati Pagak Aman bergolak – menggelegak.

"Kau semualah yang gila, gila!" kata Pagak, mulai

menangis teresak-esak.

"Ini lagi satu orang gila," sambung pemuda ber-
buku tebal itu, lalu berjalan dari situ.

Berita Minggu, 8 Januari 1961

BOT KECIL yang berlabuh itu terlenggang-lenggang dan berderak-derak dalam cahaya mentari senja yang beransur lemah. Langit di sebelah barat-daya separuh pucat dan separuh pekat. Jumari Jipan duduk terperosok dalam kerusi kayu yang lusuh memerhatikan burung-burung laut berlegar di hadapannya. Dia berasa selesa malah sedikit damai setiap kali berada di atas kerusi peninggalan Kapten Dawson yang mati mengejut di Lautan China setahun dulu. Hanya kemaraan Jepun sahaja yang mengganggunya. Jumari Jipan memang gemar melihat burung mengembangkan kepaknya dan membiarkan diri melayang seolah-olah bebas tak berarah.

“Manusia patut begitu.” Kapten Dawson pernah berkata kepadanya pada ketika santai begitu. “Bangsamu patutnya begitu,” sambungnya.

Teguran itu tenggelam timbul sejak kematian orang putih bekas kaptennya itu. Dia tidak begitu menghiraukan isi pesanan atau anjuran itu – terutama waktu santai-santai begitu. Dia senang sekali melihat dua tiga ekor burung menjunam deras memecah laut dan melayang cergas ke atas semula. Dan apabila sesekali burung itu naik dengan kicau riuhnya, orang tua itu cuba mengekorinya hingga ke

batas ufuk yang tak terkesan. Sesekali memang sempat dia mengekori silang-siur terbang burung itu. Tetapi, burung-burung itu cepat menghilang berganti dengan aneka kerlip kenangan yang pasang surut.

Memang selalunya kerlipan kenangan seumpama itu akan berulang – menyerlahkan wajah seorang gadis kecil menangis di sisi pintu dan wajah seorang datuk mati tertimbus. Dan sesekali antaranya akan terngiang-ngiang semula kata-kata Kapten Dawson. "Bangsamu patutnya begitu" Dan kini di antara layangan burung itu, kerlip-kerlip kenangan menyelinap. Dan di antara kerlip kenangan yang berkisar-kisar itu pula, Jumari Jipan ternampak semula dirinya sedang mengepit akhbar *Majlis* di bawah ketiak-nya.

Pada suatu ketika jelas terbayang dirinya membuka akhbar itu lebar-lebar, membenamkan hampir seluruh kepalanya ke dalam. Dia terkenang semasa membaca berita bara perang di Burma, tentang pembatalan perlawanan tinju Joe Diamond dan tentang Johnny Weismuller yang berlakon dalam filem Tarzan yang baru. Biasanya Jumari Jipan semakin membenamkan mukanya ke dalam lembaran akhbar yang sebentar terketar resah dikacau angin. Dan sebelum sempat lanjut berkhayal jauh, Jumari Jipan sudah pun tersedarkan semula kicau riuh burung-burung. Beberapa ekor daripadanya sedang galak berkejaran, serta menjunam mencecah air dan cepat melonjak ke udara semula. Serentak itu, sehelai dua bulu burung jatuh melayang-layang.

Dalam setiap kenangan tentang Ripin, kini yang sering terkesan ialah sebelah tangan temannya yang terjulur kaku. Tetapi kenangannya sekarang mula kusut sedikit kerana dalam perut bot di bahagian enjinnya itu seorang anak sedang tidur nyenyak

dengan berbantalkan gulung tikar berpetak merah-biru. Anak inilah yang ditemui berlari-lari dengan Rinda, kucingnya, di tepi jeti subuh tadi.

Deliah, cucu Ripin, memanggilnya sesungguhnya hati, meraung dan menjerit memberitahu dirinya kini benar-benar piatu. Dan kucing Siam yang dikendongnya turut mengiau-ngiau seolah-olah menyokongnya. Jumari Jipan terharu pilu. Dia memang kenal hampir seluruh ahli keluarga anak itu, khususnya Ripin. Ibu, ayah dan seorang kakak Deliah telah terkorban oleh tiga ledakan bom lapan hari lalu. Ketika nahas itu berlaku, Jumari Jipan sedang menemani Deliah menyaksikan segugus anak ikan berlenggang di bawah kipas kemudi botnya. Deliah memang gemar dengan hidup-hidupan laut. Malah anak itu mudah leka melihat lumut yang berlenggang lemah ataupun melihat anak ketam yang berjalan miring.

Subuh tadi anak itu ternyata terkejut dan gamam. Baru sehari, datuk Deliah, penjaganya yang tunggal, terkorban oleh ledakan bom di tepi tebing teluk yang selama ini diyakini tempat paling selamat. Semalam dia masih di tengah laut – hari ini baru dia sempat menemui Deliah. Jumari Jipan memang lebih dekat dengan Ripin. Mereka sama-sama sekolah, sama seiring remaja, sama-sama sehari bersunat, sama-sama beransur dewasa, sama-sama seketika mengikut rombongan sarkas Filipina mengelilingi negeri, sebelum masing-masing mencari pekerjaan lain dan sama-sama beransur tua.

Kini masalahnya Deliah. Jumari Jipan sebenarnya tidak akan dapat melayan anak itu dalam botnya di tengah laut. Selain kerana tugasnya di bawah bilik enjin yang panas, tentera Jepun pula kini semakin ternyata seperti tidak menghiraukan apa atau siapa sasarannya – atau tidak tahu. Mereka menggugurkan

bom atau memuntahkan peluru sesukanya hampir ke arah siapa sahaja – sama ada anak kecil atau wanita tua. Jepun mengesyaki semua bot berisi senjata dengan tenaga yang pada bila-bila masa boleh mengancam tenteranya. Pada saat begitulah terkadang-kadang apa yang disebutkan Kapten Dawson tentang kebebasan itu dirasakannya semakin bererti.

“Itu cakap penjajah yang sudah hendak kalah.” Ripin pernah membantah. “Kenapa sekarang baru dia cakap tentang orang Melayu patut bebas?”

Jumari Jipan cuba memujuk Deliah pulang.

“Nen tak mahu pulang lagi,” kata anak itu, mengesat matanya dengan topi yang lusuh. Rinda di sisinya mendongak dan mengiau dua kali, sebelum terangguk-angguk menjilat tapak kakinya.

Jumari Jipan meneliti sejenak, terkenangkan topi yang terpegang erat dalam genggamannya Ripin yang terkorban. Deliah amat comel, putih dan hidungnya mancung sedikit. Selain matanya belok riang, keeningnya lebat dan rambutnya keriting. Secara tanpa disengaja, anak itu dinamakannya sendiri. Diingatnya benar ketika itu Ripin yang sedang sakit memintanya melapor dan menguruskan surat beranak Deliah.

Anak itu sepatutnya dinamakan Dahliah, tetapi entah kerana suaranya yang menggeletar, atau entah kerana anggota polis yang mencatatkan itu kurang mendengarnya, nama Deliah pula yang terakam. Di samping terlambat melaporkan kelahiran itu lebih seminggu, Jumari Jipan juga turut bimbang dengan nama baru itu – dia tidak tahu apa ertinya Deliah. Lain dengan Dahliah, memang nama manis seorang sri panggung rombongan Bolero dari Betawi. Tapi, anak inilah yang membesar di hadapannya, lincah dan yakin. Malah ada kalanya terlalu pengkhayal.

Anak inilah yang kerana begitu pandai bercerita

telah digelar "Cik Jenin" sehingga lebih mesra membahaskan dirinya "Nen" sahaja. Dan kucing Siam adalah hadiah Jumari Jipan kepada Deliah ketika anak itu berumur tiga tahun. Anak kucing itu dibelinya dari Thanarat dan dibawa belayar pulang dalam perangkap tikus.

"Nen tak ada sapa-sapa. Nen seorang. Nen"

"Nen tak boleh tinggal di sini," katanya, cuba menasihati, meneliti mata belolok anak itu dan mata Rinda yang terlelap-lelap manja. "Sini bahaya. Sini ... sini Jepun akan bom."

"Kata Nen, Nen tak ada sapa-sapa. Nen seorang"

"Ya, Tuk Juma tahu"

"Nen tak mahu tinggal di rumah lagi. Nanti bom jatuh lagi. Datuk tak ada ... datuk tak ada!" jelas anak itu, hampir meraung.

"Nen ada Tuk Juma, Nen ada Rinda," kata Jumari Jipan.

"Nen cuma ada Tuk Juma, nen nak ikut Tuk Juma. Kita ... kita ikut Tuk Juma, ya Rinda?"

Jumari Jipan tidak dapat dan tidak sanggup berhujah selepas itu. Segala-gala tidak bererti pada waktu itu kerana memang nyata. Deliah kini piatu. Dengan kematian Ripin, bererti seluruh keluarga anak itu sudah terkorban. Dan Deliah yang petah bercakap, mula kerap bercakap sendirian atau dengan kucingnya. Dan apabila anak itu membawa bungkusan kecil dengan topi datuknya, Jumari Jipan lesu sendirian, apalagi Rinda sengaja kelihatan pilu dan melelap-lelapkan matanya. Kini selain Rinda, nampaknya dirinya sahaja menjadi teman atau penjaga Deliah. Pilu menyeluruhi nadinya. Kebetulan memang dia sendiri pun tidak pernah mempunyai cucu, dan tidak mungkin mempunyainya, setelah dua

orang anaknya mati muda. Sebelum botnya bergerak, Jumari Jipan sendiri melompat ke jeti dan cepat-cepat merangkul anak itu, dan melompat semula bersamanya ke atas dek. Kemudian dia cepat-cepat melompat lagi mengambil Rinda yang sedang mengiaiu bimbang. Teman-teman kelasi menggeleng-geleng, tetapi mengerti. Jumari Jipan merenung mata belolok anak itu, lalu memeluknya seikhlas hati sambil sama-sama menangis beberapa ketika. Dia membawa Deliah dengan rasa amat pilu dan bertambah bencinya terhadap perang.

Jumari Jipan sedar bahawa pada bila-bila masa anak itu akan bangun dan mengenal persekitaran barunya. Mungkin dia akan terkejut seketika atau mungkin tidak. Tiga kali anak itu pernah dibawanya dulu, tetapi hanya setakat di atas dek. Dan Jumari Jipan juga tahu bahawa kali ini bahayanya terpaksa dialami bersama kerana kapal terbang Jepun akan menyerang secara mendadak.

Hati dan fikiran Jumari Jipan ketika itu agak berbelah bahagi – apakah kedatangan anak itu memang sengaja seperti ingin mengiringi maut bersama atau apakah kedatangannya itu adalah semacam satu rahmat yang akan melindungi mereka bersama. Dia ingin berfikir tentang perkara ini lebih lama lagi, tetapi dia terdengarkan miau kucing dan diikuti oleh suara Deliah. Anak itu barangkali terlupa dirinya sedang berada dalam persekitaran yang baru.

Jumari Jipan bangun dengan payah, bergerak letih dan resah. Dia berhati-hati menapak tangga di hadapannya dan hilang ke dalam perut bot. Seekor burung singgah di atas palang-palang pagar bot itu, menjengah cergas ke sana ke mari seolah-olah mencari orang tua itu, sebelum terbang, berkicau nyaring, menyertai kumpulan burung yang lain.

Anak itu keluar diiringi Jumari Jipan yang mem-bimbit bakul kecil dan mengepit topi kanvas di bawah ketiaknyanya. Rinda muncul dan terkejut sejenak di mulut tangga sambil mengejip-ngejip serta memandangi kiri kanan lalu duduk di sisi selenggok tali. Sebaik tiba di atas semula, Jumari Jipan menyuruh Deliah duduk, coba memersukkan topi itu, mengibas-ngibasnya pada tapak tangannya beberapa kali, menyikat rambutnya dengan jari, sebelum memakai topi tersebut. Jumari Jipan mencari-cari sesuatu dalam bakul yang sudah pun terletak di tepi kerusinya. Ada roti dan ikan sadin. Ada limau juga. "Ingat, Nen belum makan. Sekarang makan!" Dia menyuruh.

"Nen kenyang," kata anak itu, menaikkan gumpalan rambut yang terlepas dari telinganya.

Rinda bangun, menghampiri mereka, menjengah-jengah ke dalam bakul. Ia coba mengais-ngais limau yang agak lisut itu.

"Tuk Juma lapar, Nen tentu lapar. Anak-anak mesti makan."

"Masih kenyang," kata Deliah.

"Orang tua makan supaya sihat, anak-anak makan supaya besar," kata Jumari Jipan, menghulurkan roti dengan mata memujuk. "Hesy Rinda, kau nanti dulu!" tambahnya, menolak Rinda yang masih cuba mengais-ngais limau tersebut.

Anak itu mengambilnya, tetapi masih meneliti mata Jumari Jipan. Orang tua itu mengangguk-angguk memujuk. Deliah mengutip sejempit roti, memberikannya kepada Rinda. Kucing itu menghidu-hidunya sahaja beberapa ketika sebelum menguap lebar, dan terkejut segar memerhatikan limau yang sudah pun tergolek di atas lantai.

"Anak-anak makan supaya besar?" Deliah bertanya.

"Ya, ya," jawab Jumari Jipan. "Dan orang tua makan supaya sehat," tambahnya.

Deliah tersenyum, menjamah sedikit cebisan ikan sadin sambil memerhati burung-burung laut yang masih riuh dan segar berlegar. Anak itu meneliti sekeliling. Rambut keriting di tepi telinga dan di tengkuknya berkisar liar oleh kacauan angin dingin. Deliah tergigil seketika.

"Makan Rinda, makan." Deliah menyuruh kucingnya yang hanya melelap-lelapkan matanya dan menguap sebelum menyepak-nyepak limau tersebut. Orang tua itu meneliti Deliah dan Rinda bergilir-gilir. Dia semakin kasihan melihatnya. Dia tahu ada kesedihan yang mendap dalam diri anak itu dan ada pertanyaan yang tak berjawapan. Dua kali sebelum anak itu tidur tadi, dia menyaksikannya bercakap dengan kucingnya. Jumari Jipan, menjengket-jengket keluar tidak mahu mengganggunya. Dan kini barangkali Deliah sedang terkenangkan ibu bapanya yang terkorban, sedang terbayangkan datuknya yang mati terhimpit dalam *shelter*. Kenangan-kenangan begitu semakin lama, semakin berkesan, malah semakin lama semakin menakutkan. Barangkali anak itu benar-benar lapar, tapi sengaja menyembunyikannya. Barangkali juga dia tidak lapar seperti kucingnya, yang kini sedang menolak limau itu mendekati selongkok tali.

"Makan," kata Jumari Jipan dengan anggukan merangsangnya. "Anak-anak makan supaya cepat besar," tambahnya, tanpa mengetahui mengapa mesti mengulangi alasan yang sama.

"Semalam Nen mimpi lagi," kata Deliah sesudah mereka bersepi beberapa ketika.

"Mimpi? Mimpi apa?" tanya Jumari Jipan, mula mengesani ada sesuatu yang sedang menyentuh anak itu.

"Mimpi keris Tuk Ripin yang hilang itu. Keris ... keris itu sakti, kan?"

Jumari Jipan memandang saja mata berlolok anak itu, tanpa menjawab.

"Keris itu saktikan? Kan?"

* * *

Khemah tentera Rejimen Melayu itu sudah ditinggalkan. Sekitarnya sepi. Tiga kawasan yang terendah dan dilindungi pokok di sana sini, kini kelihatan begitu lengang. Pada suatu kawasan masih tertinggal tiga tunggul pengikat tali khemah yang mungkin terlupa dicabut atau mungkin memang sengaja dibiarkan separuh timbus. Masih kelihatan juga bekas-bekas tapak but. Di tepi sebuah perigi terdapat sisa bara yang telah tertimbus. Darinya sesekali menyelalap asap yang cepat dighaibkan oleh terajangan angin. Daun-daun semalu di sekitarnya banyak yang sudah layu dan terkuncup merajuk. Sementara dua tiga ranting rimbun pohon senduduk telah patah-patah. Tiada tanda bahawa tentera yang pergi itu ingin menyembunyikan kehadirannya di situ.

Ketika Jumari Jipan dan Deliah sampai di situ, dua ekor papatung sedang berlegar mengejut-ngejut di atas bekas beberapa tin makanan. Deliah terlonjak riang, pergi mengejanya. Rinda turut sibuk melompat-lompat sama. Jumari Jipan pula seperti sedang melungu terkenangkan perkembangan baru di kawasan itu. Beberapa buah rumah yang berhampiran kini kosong. Pada dinding sebuah rumah masih tertinggal sisa carik poster filem *Rentjong Atjeh* dengan gambar Mohd. Moechtar duduk di atas gajah, menghunus rencong. Di sisi tangga sebuah rumah lain tergolek sebuah buyung somepek yang kosong,

sementara sebuah lagi mungkin separuh berair. Dan di sebuah rumah lain, kelihatan terbiar gulungan tilam dan kotak yang sudah berikat. Kawasan itu bukan sesuatu yang asing bagi Jumari Jipan. Di situlah dia mengintip Fisah yang hampir menjadi isterinya; di situlah juga dia belajar bersilat.

Jumari Jipan berjalan di antara rumah-rumah yang terbiar itu, diikuti Deliah yang sebentar-bentar berhenti memerhatikan Rinda yang cergas bersedia ingin menangkap pepatan. Tiba di hadapan sebuah rumah, Jumari Jipan teragak. Di hadapan rumah itulah dia pernah mengalahkan empat orang teman pendekar, dan di situlah juga dia dikalahkan oleh Ripin yang memenangi hati Fisah.

Jumari Jipan kemudian tunduk meneliti sesuatu yang hampir tertimbus di antara buyung-buyung lain yang tergolek. Dia mengamat-amati dan berhati-hati. Rinda sudah di hadapannya, menghidu-hidu sesuatu, menoleh ke arah Deliah dan mengiau-ngiau. Jumari Jipan menyuruh Deliah berundur, mengisyaratkan supaya diam, sementara dia mencapai sebatang ranting lalu mula mencuit-cuit sesuatu benda.

Sekarang ini mereka perlu berhati-hati kerana baik Rejimen Melayu mahupun serdadu Jepun masing-masing menanam bom perangkap di tempat-tempat yang tidak diduga. Deliah cepat mengangkat kucingnya, memeluk erat Rinda yang resah ingin bebas. Jumari Jipan merasa-rasa benda yang ditemui itu penuh berhati-hati beberapa ketika, kemudian mengambilnya lebih berhati-hati. Dia membersihkannya, dengan ranting yang dipatahkan, kemudian mengeluarkan sapu tangan, menggosoknya.

"Keris ya?" tanya Deliah, matanya bersinar ghairah.

Jumari Jipan tersenyum, mengangguk-angguk,

lalu menunjukkan kepada Deliah. "Ya, keris," katanya.

"Keris ... keris pusaka?" tanya Deliah, tergamam seolah-olah keris itulah yang dimimpikannya dulu.

Jumari Jipan juga seperti terperanjat, mengejutkan dahi. "Emm ... ba ... mmmm ... tidak," katanya teragak-agak.

Rinda terlepas. Kucing itu memandang mereka berdua sebelum duduk memerhatikan sekeliling. Kumbang di sisinya mengejutkan kepalanya ke sana ke mari.

Ada sebabnya Jumari Jipan tersentak. Kawasan itu memang kuat mitosnya selain tempatnya mengalahkan empat teman pendekar dan tempatnya melepaskan Fisah. Ada mitos lain yang tersendiri – ada yang pernah berjumpa kera bercakap di situ; ada yang menemui Haji Rizam yang sebenarnya telah mati seabad lalu; malah ada pula yang dikatakan menemui Hang Kasturi di situ, sementara ada yang berhujah mengatakan yang ditemui itu ialah Hang Jebat. Kisah itu semakin agak berbaur dan semakin kacau apabila ada yang memberitahu bahawa orang yang menemui Hang Lekiu atau Hang Jebat itu sebenarnya seorang kaki tuak.

Semasa hayatnya, memang Ripin sendiri memberitahu Jumari Jipan bahawa dia pernah dianugerahi keris dalam mimpinya. Menurutnya, keris itu terkadang ghaib terkadang wujud – bergantung pada suasana-suasana tertentu. Ripin menjelaskan tentang bentuk dan khasiat keris itu, tetapi Jumari Jipan tidak pernah dapat mengkhayalkannya.

Kata Ripin, menurut mimpinya, keris itu akan terus ghaib selepas dia mati. "Sebelum itu, bila darurat wujudlah keris itu," tambah Ripin lagi. Dan apabila didesak di mana tempatnya dianugerahi keris itu, samar-samar Ripin teringat seolah-olah

tempatnyanya di sisi Bukit Siguntang.

"Maksud kau, tempat Sang Purba mandi di kolah indah? Tempatnyanya ... tempatnyanya terjumpa dewa berbentuk lembu?" tanya Jumari Jipan, terketar-ketar.

Seingat Jumari Jipan, keris itu sudah pun hilang beberapa waktu sebelum kematian kawannya itu. Dan dia sendiri pun tidak tahu sejauh mana dia ingin atau patut percaya pengakuan Ripin bahawa dia turut menyaksikan lembu amat putih yang dinaiki Nila Pahlawan, Krishna Pandita dan Nila Utama. Jumari Jipan cuba mengikis keganjilan itu. Soalnya kini apakah benar senjata yang ditemui itu keris Kasturi, Lekiu atau Jebat? Siapa pula yang benar-benar tahu? Jika tiba masa-masa mendesak keris ini akan berguna. Jumari Jipan pernah dengar Ripin memberitahu begitu. Dan kini keris itu sedang di tangannya, sementara Ripin sudah pun ke alam baqa.

"Boleh Nen tengok keris Datuk Ripin?" tanya Deliah, menjengket ingin menyaksikan keris tersebut. Rinda pula menggesel-geselkan kepalanya pada betis Deliah.

"Sapa kata keris datuk?"

"Nen tahu," kata anak itu. "Bila susah ada gunanya," tambahnyanya. "Datuk Ripin kata begitu. Ya, keris itu yang Nen mimpikan."

"O ... bila ... bila susah ada gunanya, ya?" kata Jumari Jipan terbayangkan temannya Ripin, kemudian terbayangkan pula lembu putih yang ditunggangi Nila Pahlawan, Krishna Pandita dan Nila Utama secara samar-samar. "O, bila susah ada gunanya." Dia masih mengulangi seperti orang yang sedang sasau.

Tentera Jepun sudah pun mendirikan beberapa buah khemah di sekitar kawasan bekas yang ditinggalkan itu. Semua rumah yang kosong itu kini telah juga dihuni. Beberapa gambar wanita asing kini

telah ditampilkan atas poster *Rentjong Aljeh*. Sebahagian daripada muka Mohd. Moehtar telah dilindungi oleh gambar paha seorang wanita di sisi bunga sakura. Pada palang-palang tingkap, tangga dan pada beberapa lintas dawai sidai mula terkibar beberapa jenis *uniform* tentera.

Di atas sebatang pokok kelapa mati yang kontot terserkup sehelai seluar pendek yang gedoboh, di bawahnya tertampal potret Hitler. Di sekitar dua buah perigi yang hampir setentang beberapa orang sojar Jepun yang bercawat dan seorang berbogel sedang mandi dan bernyanyi. Seorang yang hanya berseluar pendek hitam sedang memandikan seekor kucing putih, sambil menggosok dia menyanyi mengikut rentak gerak tangannya.

Memandang kawan-kawannya, dia berkata, "Kau orang tahu ini kucing jaguh – kucing putih! Malang ia kucing yang sepi seperti aku juga." Dia ketawa terbahak-bahak. Sambil menggenyehkan hidungnya pada hidung kucing itu, dia menjeritkan, "tapi jangan khuatir kucing putih! Jangan khuatir. Aku akan carikan pasanganmu nanti. Ada yang beritahu di sini memang ada kucing Siam yang cantik. Dan ... kita cari juga pasanganku, ya?" Dia terbahak lagi, kemudian sambung menyanyi.

Kawan di sisinya mentertawakannya dan mengingatkan supaya dia jangan terlalu melayan kucing di dalam keadaan darurat begitu. "Aku tahu dia tu bukan hanya sayang kucing. Tetapi, dia juga makan kucing bila terdesak. Ingat di Burma dulu?" kata teman yang lain. "Khabarnya tangannya yang cengklok itu pun akibat nahas mengejar kucing masa kecil dulu," jelas seorang yang lain. Semua yang berada di sekitarnya kini ketawa serentak.

Beberapa orang tentera yang lain berjaga cergas

dengan mata yang curiga, meliar dan memburu. Sebenarnya tiada musuh mereka yang terkuat lagi di situ. Kebanyakan penghuni kampung sudah pun diingatkan supaya mencari perlindungan masing-masing. Ramai yang sudah pun tidak tinggal di situ.

Memang dua hari sebelum sojar Jepun sampai, orang-orang kampung sudah pun digesa atau digalakkan supaya beredar menyelamatkan diri. Yang muda-muda ramai telah lari ke daerah lain, atau masuk ke dalam hutan. Cuma yang tua-tua ataupun yang sakit yang masih berkumpul sekitar masjid. Kebanyakan gadis telah disembunyikan, termasuk anak dara sunti, terutama setelah tersebar khabar bahawa tiga orang gadis di kampung jiran telah diseret sojar Jepun. Mereka hilang hingga kini.

"Datuk Pin tak balik lagi. Mak ... dan ... dan Kak Bibah tak balik lagi. Jangan susah, ya? Kita ... kita ada ... err ... Tuk Juma ada. Tuk Pin tak ada, Tuk Juma ada. Jangan susah." Deliah berhenti, mengesat matanya. Dia menyedut-nyedut hidungnya, menggenyehnya dua tiga kali, mengulangi lagi. "Jangan susah, ya! Mak dan Kak Bibah tak balik lagi. Tuk Pin tak balik lagi. Tapi ... tapi Tuk Juma ada. Tuk Juma jaga kita. Ingat?" Deliah berhenti mengurut-urut leher Rinda. "Ya, tapi ... tapi kita ada. Nen ada, Rinda ada. Faham? Nen ada, Rinda ada. Kita sama-sama. Err ... Tuk Juma ada. Ingat?"

Kepala Rinda bergerak mengejut-ngejut ke sana ke mari mengikut gerak tangan Deliah di sisinya. Sebelum Deliah lanjut bercakap dengan kucingnya, dia terdengar bunyi tapak. Serta-merta dia mencapai kucingnya, memeluknya, dan meneliti sekeliling dengan waspada. Rinda resah dan mengiau, tetapi cepat diserkup mulutnya. Seorang sojar Jepun sedang berjalan menjengket-jengket mencari-cari se-

suatu. Sojar tersebut ingin masuk semula ke dalam rimbunan, tetapi dikejutkan oleh ngiau Rinda dan jeritan Deliah oleh gigitan kucingnya itu. Sojar itu memandang geram akan Deliah yang sedang terkejut dan tergamam. Hampir seketika itu juga Jumari Jipan pula muncul dari sebelah kiri berhampiran Deliah. Dia meneliti wajah sojar Jepun itu dan mengesani bahaya, lalu dengan cepat menyuruh Deliah lari. Deliah mengadui sakit dicekau Rinda yang meronta untuk dilepaskan. Deliah dengan pantas lari mengejar kucingnya yang hilang di sebalik rimbun senduduk. Sojar Jepun yang tergamam melihatkan kemunculan Jumari Jipan secara mendadak itu, tercepat sejenak sebelum mengejar orang-orang bu ruannya itu. Sambil berlari dia cepat-cepat mengenakan benet pada senapangnya. Jumari Jipan meraba-raba keris di pinggangnya – terasa ada. Apabila terdesak bahaya perlu ditentang, fikirnya. Tetapi sebelum itu, dia cepat menghilang di sebalik rimbun untuk mengekori Deliah. "Lari ke jeti, Nen!" jerit Jumari. "Naik bot dulu jangan tunggu! Wak pendek ni buas. Lari cepat!"

Sojar Jepun yang ternyata cengkok tangan kirinya itu mengejar mereka hilang sama dalam rimbun dan belukar. Dan hampir serentak muncul pula tiga orang sojar Jepun lainnya menyaksikan rimbun senduduk yang liar itu masih bergoyang. Seorang sojar lagi muncul dari belakang, membimbing sebuah basikal buruk. Seorang daripada mereka memerintahkan sesuatu dengan kasar. Salah seorang sojar yang paling hadapan cepat menembak ke dalam belukar itu beberapa kali. Terdengar jeritan kesakitan seorang lelaki. Sambil berlari, sojar itu menambah dua das lagi.

Deliah yang sudah biasa dengan semak-samun di

situ berlari dengan mudah di celah-celahnya. Beberapa peristiwa genting di tengah-tengah bahaya bom dan peluru sebelumnya mengurangkan kegusarannya menghadapi keadaan genting sekarang. Anak itu terdengar bunyi beberapa das tembakan dan jeritan kesakitan seorang lelaki. Tetapi baginya yang lebih utama ialah Rinda yang dilihatnya sudah pun berlari ke hadapannya. Dia menoleh ke belakang menjerit, "Tuk Juma ...!" Dan dia terbatuk-batuk. "Jangan susahkan aku ... aku selamat," jeritannya kembali. "Wak pendek tertembak wak pendek," tambahnya. "Lari ... lari ke bot!"

Deliah merasa lega apabila mendapati Jumari Jipan yang sedang termengah berlari itu semakin menghampirinya. "Lari Nen, lari cepat ke bot. Masuk! Yang kejar itu tadi memang gila kucing. Lari Nen!" Deliah tahu bot itu sedang tertambat di tepi muara di celah-celah pokok. Memang dia sendiri yang turut menyembunyikan bot itu dua hari lalu ketika sojar Jepun merampas semua bot dan basikal yang ada di kawasan itu.

"Ingat Nen, masuk, dan jangan keluar-keluar. Aku tahulah hadap yang lain-lain. Nen tak kena, Tuk Juma tak kena, Jepun dah tertembak kawannya sendiri." Deliah terdengar suara Jumari Jipan lagi.

Deliah semakin tangkas berlari di celah-celah semak-samun itu, mendahului Jumari Jipan. Dari jauh dia sudah ternampak bot yang terlindung di tepi muara itu. Dan hatinya begitu senang terlihat Rinda sedang resah berjalan pergi balik di atas dek bot tersebut. Sekumpulan burung terbang mengejut dari semak rimbun di sisi Deliah.

"Rinda selamat. Tuk Juma, Rinda selamat!" teriak Deliah tanpa menoleh. "Tuah keris, tuah kita, Tuk Juma," sambungnya mencungap keriaan.

Orang tua yang sedang berlari di belakangnya tersedar, lalu meraba-raba semula keris di pinggangnya. Keris itu tiada lagi di situ. Sekilat itu juga Jumari Jipan terasa gemetar teringatkan mimpi anehnya dua malam lalu. Keris itu kononnya ditemui sama sehari dengan peristiwa Hang Mahmud anak-beranak meninggalkan Sungai Duyong menuju ke Bentan. Jumari Jipan agak terkejut kkuatir sejenak, tetapi memutuskan tidak akan memberitahu Deliah tentang perkara itu. Dia semakin termengah-mengah sesudah berada di atas dek bot yang terlindung itu. Jumari Jipan percaya Deliah sendiri lebih tahu bahawa keris itu kadang-kadang wujud, kadang-kadang ghaib, bergantung kepada sesuatu keadaan. Dan kini keris itu sudah ghaib

Di Sisi Rinda, 1987

Dosa Pejuang

GURUH yang berekoran menjerit beberapa kali. Langit senja sungguh lelah. Kawasan sekitar gubuk Kariman telah pun dirintiki hujan beberapa kali, menghalau ayam dan itik jiran yang memang sering berkeliaran di situ. Sebahagian daun kering dan sampah-sarap yang terhimpun di beberapa bahagian halaman sekali-sekala terganggu – melayang-layang sekitarnya.

Kariman menutup tingkap, menghempapkan sekeping papan di atas akhbar-akhbar buruk yang tersusun di antara dua tempayan besar. Dua biji botol kosong tiba-tiba jatuh, diangkat dan dibariskannya semula di sisi deretan tin buruk. Kariman tersentak oleh kilat yang tiba-tiba benderang, disusuli guruh yang amat tajam.

Ketika Rizman datang, Kariman sudah pun berada di atas gubuknya, menghadapi teh dan kerepek di sisi pelita yang sebahagiannya dihadangi kadbod. Rizman tidak pernah selewat itu. Dia nampak orang tua itu sihat dan tenang sebagai tugu. Lelaki berusia 60-an biasanya sudah luntur, fikir Rizman, memberi salam dan menanggalkan kasut. Rizman berhenti beberapa ketika di atas anak tangga, mengesat bahagian badannya yang basah, terutama rambutnya

yang sedikit kuyup. Dalam satu kejutan kilat yang lain, dia ternampak tikus lari-lari celah-celah botol ke celah tin, dikejar kucing putih yang melanggar botol-botol yang menghadang. Dan susunan akhbar lama, sesekali tergigil resah dijentik angin.

Kariman melihat sahaja Rizman, mengesatkan kaki dan rambutnya dengan tuala kecil yang dibawanya sendiri. Orang tua itu tahu dalam beg hijau kecil Rizman sentiasa ada barang-barang penting, khususnya alat perakam, buku catatan, dan pena *ball-point*. Malah di dalamnya juga selalu tersimpan gula-gula, aspro, novel klasik, dan seberkas kunci. Anak muda itu cukup bersedia, fikir Kariman. Dia menggeleng. Memang dia kurang mengerti mengapa harus dilayannya pemuda tersebut sejauh itu.

Rizman menuang teh dari cerek comel, memerhatikan Kariman yang sedang tenggelam dalam khayalan tertentu. Mereka memang selalu begitu – biar membiarkan apabila perlu. Dia sukar menduga sejauh mana orang tua itu bersahaja, sejauh mana berlakon. Orang tua ini, Rizman percaya, tetap akan menyimpan rahsianya lagi. Dia sedar, Kariman bukan lelaki sembarangan. Itulah sebabnya apabila Dr. Mehrun menyarankan nama orang tua ini, Rizman tersentak lama. Tapi, yang penting, keadaan sudah banyak berubah sejak dia mendatangi Kariman dua bulan lalu. Daripada keras, Kariman melentur. Orang tua begitu memang selalu suka menguji dan mengukur, fikir Rizman. Dan Rizman tidak tahu dari mana timbul kecekalannya meng*interview* seorang tua yang ternyata lebih gemar berahsia. Barangkali, kalaulah tidak kerana Rizman membawanya ke hospital ketika Kariman tiba-tiba jatuh sakit dulu, tentulah orang tua itu enggan melayannya sejauh ini.

Tapi, Kariman ini baik, Rizman percaya. Dahinya

yang luas, rambut lebatnya yang sebahagiannya masih hitam, dan keningnya yang tebal membayangkan hemah dan azamnya. Kekalutan lama tentunya yang lebih banyak memenjarakannya. Dia cuma perahsia. Dan ini hak setiap manusia, fikir Rizman, walaupun sejauh ini dia cuba mengganggu sebahagian wilayah kenangan Kariman yang tak sengaja terbuka. Rizman sendiri pun cuba memelihara *privacy* orang tua itu, lebih-lebih lagi jika dia tersentuh latar belakang dirinya begitu kacau.

Rizman meneguk tehnya dua tiga kali sebelum mengeluarkan sebiji aspro, melennya begitu sahaja. Kariman menelitinya dengan mata bertanya dan hairan. "Kau sakit?"

"Tidak," jawab Rizman cepat, berasa senang orang tua itu sudah dapat dihubungi. "Cuma bersedia-sedia."

Rizman memang begitu – sebaik-baik dirinya ditimpa hujan, atau sebaik-baik dia bersin. Sebiji aspro biasanya menolong, entah kerana kuasa ubat itu, atau lebih kerana kecekalan mentalnya sendiri. Rizman tersenyum. Orang tua itu tersenyum.

"Kau anak yang cekal," Kariman berkata sambil menggulung rokok daunnya. "Sebenarnya aku tidak tahu mengapa aku perlu menceritakannya kepadamu."

"Tidak payah kalau"

"Ya, tidak payah ... itu yang kau ulang-ulang. Tapi kau mendesak juga dengan caramu," kata Kariman, meletakkan rokok di bibirnya yang sedikit tertetar.

"Maafkan ... kalau"

"Apa yang kau ingin tahu lagi?"

* * *

Semua orang telah meninggalkan rumah, bergegas ke longkang atau ke kubur di belakang masjid. Kariman sempat membantu Chow Wah menyorong neneknya ke *shelter* di sisi longkang, dan kemudian sempat pula mendukung dua orang anak Satiamah untuk berlindung di sekitar kawasan kubur. Wanita itu turut mencangkuk lengannya.

Sebelum sempat mengangkat peti khususnya untuk disorokkan di belakang timbunan akhbar dan longgokan tali, bunyi siulan *shell*, dan kemudian demberangan bom, telah pun bermula. Rumah itu bergegar beberapa kali. Bila perang akan berakhir, dia bertanya sendiri. Kariman duduk sahaja di tepi akhbar itu, merasakan gegaran dan mendengarkan susulan siulan *shell* yang saling bersaing.

Sudah lebih dua tahun Jepun menduduki Malaya garang, cekal, dan menggugat. Dan Kariman yang menjadi bilal di masjid itu merasakan inilah antara cabaran atau ujian besar daripada Tuhan. Air dan beras apalagi gula sudah amat sukar diperolehi. Dan beberapa orang yang tegap telah dikerah ataupun lesap begitu sahaja. Sotifah, isterinya, jatuh dari tangga dalam satu gegaran bom, dan kini sedang terlantar di hospital – patah kaki, terseliuh leher. Dia sendirian.

Masjid itu sebahagiannya sudah pun berkali-kali disasari bom, dan kini dia bersama beberapa orang muda cuba memperbaikinya di mana perlu, walaupun mereka sedar pada bila-bila masa bom akan menjunam lagi. Kawasan di belakang masjid yang sebahagiannya kawasan kubur menjadi lebih semak, malah ada bahagiannya yang telah pun diserabuti pelbagai khemah kecil oleh mereka yang berasa kubur lebih selamat daripada rumah. Atau seperti kata Nenek Chow Wah, "Lebih baik mati di kubur

kerana itu memang rumahnya.”

Kariman berasa tidak seharusnya mendukung beban seberat itu hanya kerana kebetulan dia bilal yang agak sihat di situ. Tapi, suara hati nurani mengingatkan tanggungjawab insaninya. Dia membersihkan kawasan masjid, membasuh kolah, menyapu permaidani, malah ikut memasak bubur sejak dua bulan puasa yang lalu. Imam masjid sebelumnya telah mati bersama tujuh orang jemaah lain dalam dua serangan berturut-turut. Imran Kadiro, kelasi kapal tua, sempat menjadi imam sejenak, tapi sebaik-baik terserempak dia menyanyi mabuk-mabuk pada suatu malam gelap, Kariman serta-merta mencegahnya sebagai imam. Dia sendiri mengambil tugas itu di tengah-tengah jemaah yang – kerana ketakutan – semakin bertambah.

Mengapa dia harus menguruskan masalah Satiamah dengan tiga orang anaknya? Perlukah beban tambahan ini. Terkadang-kadang itu amat mengganggu. Dia sendirian, isterinya di hospital. Serta-merta terbayang wajah Lahmuddin yang gemar ketawa sambil bercekak pinggang. Ke mana suami Satiamah dalam saat sedarurat ini? Seorang lelaki meninggalkan isterinya yang muda dengan tiga orang anak yang comel – lelaki apa itu? Dia – Kariman – tidak patut sentiasa bergegas pergi menyambut dua orang anak kecil wanita itu; dia lebih wajib memikirkan keadaan isterinya di hospital, (yang dua hari ini tidak sempat dilawatinya kerana halangan sojar), sedang Satiamah yang manis nampaknya semakin sengaja memegang erat tangannya ketika menyambut ataupun menghulurkan anaknya.

“Abang Kar fikir Lahmuddin lari tinggalkan Sia anak-beranak?” Satiamah bertanya sebaik-baik melindungi anaknya daripada gegaran bom di sekitar.

"Aku ... aku tidak tahu. Dia suami kau ... kau lebih tahu," jawab Kariman, cuba melepaskan cangkukan jari wanita itu.

"Sia tidak pernah tahu, Lahmuddin"

"Tak tahu? Tak pernah tahu?" Kariman membe-liak. "Sudah tiga orang anak kau bersama Lahmuddin, kau tak tahu juga?"

Mata wanita itu mula berair minta dibelas, "Sia tak tahu"

* * *

Kilat semakin kerap, dan guruh lebih berang. Rizman ternampak semula tikus menggelacah sebelum pelita terpadam. Aneh, kucing putih itu duduk tenang mengenyit-ngenyit di hujung kaki Kariman. Sudah dua kali sebenarnya api pelita terpadam, dan sekali, Kariman membiarkannya agak lama, sebelum mema-sangnya. Dan dalam kerlipan kilat dan lenggang api pelita, Rizman masih dapat membayangkan semula peristiwa atau adegan penting yang dicatatnya sepanjang dua bulan ini. Memang ada yang berbaur. Ada kalutan hati nurani, ada ujian hawa nafsu, ada sorokan rahsia, ada dendam peribadi, dan ada upaya memerdekakan Malaya. Dan sudah lebih tujuh kali dia bertanya tentang Lahmuddin, ternyata Kariman seperti sengaja mengelak. Seperti ada sesuatu yang tersalah di situ. Begitu juga apabila Rizman bertanya tentang Sotifah kesannya semakin rahsia. Dan bagaimana pula dengan peti khusus yang sengaja disembunyikan itu? Semua pertanyaan ini lebih bergema dalam kepala Rizman sahaja.

Sambil menambah tehnya, dan menghirupnya sekali dua, Rizman seolah-olah terdengar Kariman tiba-tiba mengulang-ulang sesuatu yang terkemam.

Dan dalam kilat dan guruh yang menyentak dan menajam itu, dengung suara Kariman lebih menjadi sebagai latar yang tersia-sia, walaupun Rizman tetap patuh mengesannya. Memang pada satu-satu waktu, Kariman seperti tergelongsor sahaja daripada realiti atau kehadiran dirinya yang tidak pernah dapat dikesan Rizman di mana. Dalam kekacauan begitu, yang penting baginya, fikirnya, ialah menangkap apa sahaja ucapan Kariman sehingga orang tua itu tersentak dan terjaga sendiri, sehingga dia memarahi Rizman kerana terlalu memasuki ke dalam dunia peribadinya.

Rizman cuba menapis regekan atau tangisan suara itu berhati-hati. Tidak mudah menyaringnya kerana suara itu terkemam-kemam, malah terkadang-kadang berubah menjadi suara orang lain – ada kalanya suara dua orang, dan pada kali lain suara tiga orang. Tapi, Rizman masih tetap cecal, dan masih cuba juga menapisnya.

“Tengku Derus tidak berhak di sini. Tengku Maimunah perlu disingkirkan,” suara Kariman terkemam. Kemudian suara itu terpecah dua atau tiga, mengambil peranan yang berbeza. Rizman hanya dapat menangkap nama-nama itu kerana dua nama tersebut sering diulangi. “Mereka tidak berhak ... beberapa kali sudah aku katakan. Kalau Tengku Yadi masih juga ingin pertahankan, aku keluar daripada kumpulan ini!”

Hujan mencurah lebih lebat, kilat dan guruh semakin kasar, dan pelita terpadam lagi. Rizman tidak kuasa meraba-raba mancis kerana enggan kehilangan suara yang sedang bersambung dan mula bermakna itu. Barangkali kali ini dia akan berjaya mendapatkan sesuatu yang lebih “berisi” atau yang lebih “rahsia.”

Dia mendengarnya dengan cermat agak lama, tapi masih tiada suara baru. Dalam sergahan kilat yang berturut, dia terlihat Kariman tersungkur di sisi pelita. Rizman cepat mencari mancis, menyalakan pelita. Dia mendapati orang tua itu sedang tergiligil dan tersentak-sentak dengan mata yang sebentar-bentar terbeliak.

* * *

Nenek Chow Wah mati petang itu, ketika cucunya belum sempat datang mendukungnya ke *shelter* di sisi kubur. Di belakang wanita tua itu turut juga berlari Suniya, Nahapan, Srivedi, dan Lik-Lik. Bom jatuh dua tiga kali di sekitar, dan mereka serta-merta jatuh. Apakala Chow Wah memanggil neneknya, orang tua itu tidak menyahut lagi. Kariman yang datang ke belakang mendukung dua orang anak Satiamah mendapati orang tua itu mati tersenyum. Dia cepat mengajak Chow Wah lari bersembunyi terlebih dulu kerana bunyi deru bom semakin garing, tapi anak muda itu enggan, lebih rela bersama neneknya.

Kariman tidak nampak mereka kemudiannya, kerana sebaik-baik dia meletakkan dua orang anak Satiamah, dan ingin pergi mendapatkan Chow Wah, dia mendapati tempat lelaki itu berdiri tepat dihujani bom, dan segala-galanya meledak, penuh asap dan debu yang kacau.

Satiamah yang menangis di bahu Kariman, memegang-megang bahu itu dan mencari-cari jarinya, lalu meregangnya lebih erat. Kariman terpaku kerana sebaik-baik semuanya reda dan tenang, dia ternampak Lik-Lik bangun sambil meraung hanya seketika sebelum tumbang. Kariman masih sukar menerima

bukan sahaja kematian nenek Chow Wah yang tidak terisi niatnya untuk mati di kawasan kubur itu, malah payah menerima kematian Chow Wah yang masih muda yang, khabarnya, akan didatangi semula keluarganya dari Ipoh dua tiga hari lagi. Mereka menghadiri upacara pengebumian seorang pak cik. Betapa penerimaan mereka nanti apabila terpaksa menyambut kematian yang bersambut?

Sojar Jepun sudah sering mengalir dalam kawasan mereka, yang mula disyaki sebagai sarang pergerakan rahsia. Mereka mencucuk-cucuk tilam dan kampil yang disyaki dengan benet, dan menyergah orang tua dan kanak-kanak yang enggan menjawab. Semakin ramai lelaki yang disumbat ke dalam lori, tapi sejauh ini belum pula mereka kasari para jemaah di dalam atau di sekitar masjid di dalam kawasan bekas istana itu.

Imran Kadiro, kelasi tua itu, tidak lagi kelihatan di situ, selepas Kariman menjumpainya tergolek mabuk di sisi kolam masjid dengan gayung todi di tangannya. Tengku Darus hanya sekali muncul dalam jemaah isyak tiga minggu lalu, dan ada orang yang terjumpa Tengku Maimunah sedang mengendong dua kampil beras dengan muka yang pucat. Tengku Yadi memang tidak lagi ditemui lebih dua bulan lalu – dipercayai diserkap atau ditembak sojar Jepun.

“Mengapa suamimu tak juga pulang-pulang, Sia?” Kariman bertanya ketika dia duduk menemankan wanita itu bersama tiga orang anaknya di tengah-tengah gangguan bom dari B-29.

“Sia tak peduli”

“Tak peduli? Dalam perang-perang begini, kau tak peduli suamimu?”

“Dia tak peduli Sia; Sia tak peduli,” kata Satiamah lambat-lambat sambil menggesel-geselkan kepalanya

ke bahu Kariman.

"Kau tak tercium sekarang ini ada bahaya besar bukan saja dari udara?" tanya Kariman.

Satiamah mencium anaknya, dan kemudian mencium bahu Kariman. "Aku kata kau tak tercium bahaya?" Dan apakala Kariman menarik bahu itu, Satiamah tiba-tiba menangis. Kariman tergamam.

"Sia tak peduli kalau Lahmuddin tak balik lagi. Abang Kar ada di sini"

Abang Kar ada di sini, benar. Tapi, aku punya tanggungjawab besar, kepada keluarga, kepada masjid, kepada Semua ini hanya terucap dalam kepala Kariman. Dan dalam kepala itu juga, serasa didengarnya sungutan Satiamah: "Adakah tanggungjawab ke atas wanita malang seperti saya dengan tiga orang anak yang tersia-sia ini tidak besar?"

* * *

Enam orang yang berkumpul di gubuk jauh di belakang kawasan masjid dan kubur itu, senyap beberapa saat kerana terdengarkan kersik tapak kaki manusia. Dua orang daripada mereka erat memegang parang, sementara seorang lagi cecal dengan kapaknya. Tapi, semuanya berasa lega kerana Tengku Yadi menyuluh seketika mukanya dan memperkenalkan dehemnya. Sedang bermesyuarat, mereka terdiam lagi kerana terdengar kersik tapak yang lain. Dan kali ini Dasimun pula muncul, menyuluh mukanya sekerlip dan memperkenalkan dirinya.

Pertemuan rahsia malam itu berlangsung dalam cemas dan – ada ketikanya – dalam suasana panas tuduh-menuduh. Baik Tengku Yadi mahupun Kariman sendiri, tidak dapat lagi mengawal atau menenteramkan suasana kerana ramai yang percaya ba-

hawa dua rancangan mereka yang lalu secara mendadak telah diketahui Jepun dan hampir dua ratus orang telah diserkap hanya dalam satu malam di tengah-tengah sergahan bom British.

Nama Tengku Darus yang hilang, dan kini nama Tengku Maimunah, muncul beberapa kali. Tengku Yadi juga mula dicurigai. Pada satu peringkat, ada yang telah mula mengacu-acukan parang untuk menyelesaikan penderhakaan itu di situ juga.

"Sejarah perjuangan bangsa kita masih terlalu muda, apalagi kini kita menghadapi musuh yang lebih bertenaga dan kasar," kata Tengku Yadi. "Barangkali saya tidak diterima kerana saya dari golongan bangsawan. Tapi percayalah"

"Banyak penderhakaan dalam perjuangan bangsa memang dilakukan oleh golongan bangsawan," kata Dasimun, tidak berselindung.

"Nanti dulu!" Kariman cuba menyabarkan.

Tapi, suasana tambah menggelegak, dan mesyuarat terpaksa dihentikan mengejut apakala siulan bom mula kedengaran bertalu-talu sementara tidak berapa jauh kedengaran pula suara sojar Jepun mengarah dan mengerah sesuatu sekasar mungkin.

Tiga orang tertangkap pada malam yang genting itu, termasuk Dasimun. Sojar Jepun sempat berlegar di sekitar masjid memerhatikan Kariman pada waktu subuh, dan mendatanginya bertanya sesuatu, kemudian meninggalkan begitu sahaja. Sebaik-baik Jepun beredar, Kariman ternampakkan Satiamah dan anak-anaknya duduk menunggu di pintu belakang masjid, menangis teresak-esak.

"Mengapa, Sia?"

"Saya takut Abang Kar pula ditangkap," katanya, mula bangun mendapatkan Kariman dan mencium tangannya.

"Kau jangan menyulitkan keadaanku, Sia."

"Kasihaniilah Sia, Abang Kar. Tiga orang anak saya ini memerlukan kasih sayang juga," kata Satiamah, semakin mencium tangan Kariman.

Kariman melepaskan genggaman Satiamah, lalu pergi semula ke kolam, mengambil air sembahyang. Satiamah dan anak-anaknya menunggu dan memerhatikan Kariman yang sedang bersolat.

* * *

Rizman bangun menyangkutkan pelita di tiang yang biasa. Dia mengambil cerek comel lalu menuju ke dapur. Suasana sudah lebih tenang, dan bunyi cengkerik mula keras, disaingi bunyi katak, yang entah mengapa perlu lanjut berteriak padahal hujan lebat telah pun berlalu. Rizman menghidupkan semula dapur, mengisi air dan menjerangnya. Dia berdiri menghadapi api, terbayangkan semula apa yang telah dirakam dan dicatatkan ketika Kariman bercakap sendirian demikian lama. Sekarang serasa-rasa dia mula tahu beberapa rahsia, termasuk rahsia kubur beramai-ramai itu.

Orang tua itu memang terlalu menderitanya, fikir Rizman dan mula merasakan apakah tugasnya itu adil untuk masuk demikian jauh ke dalam resah diri seorang makhluk yang mempunyai sejarah perjuangan dan pertualangan yang berhak dilindunginya. Tapi, anehnya, dalam penolakannya, Rizman dapat merasakan Kariman juga dengan caranya sendiri seperti merangsang dirinya diperiksa. Terlalu lama barangkali rahsia derita batin itu disembunyikan dan dideritainya.

Dan Rizman tahu – malah ini telah pun diberitahu kepada pembimbing tesisnya – bahawa tugasnya

khusus untuk mengetahui apakah yang sebenarnya berlaku dalam komplot perjuangan kemerdekaan untuk membebaskan Malaya dan menyatukannya dengan Indonesia. Dan tidak terfikir, dalam penyelongkarannya itu ada cerita lain yang menyangkut diri, turut menyangkut kumpulan kemerdekaan itu juga. Dia mula tahu ada kubur beramai-ramai, cuma tidak diketahui di mana.

Dan sekarang orang yang sedang ditelitinya itu sedang tertidur lesu sejak dia bercakap sendirian beberapa ketika dalam ribut yang seolah-olah sengaja menjadi latar dan saksi pemeriksaan itu. Rizman menunggu di hadapan dapur agak lama sehingga cerek air itu mendidih semula dan asapnya bertunda deras.

Dia mengangkat cerek itu, menuang isinya ke dalam cerek kecil, dan membuat teh. Dan ketika mengacau teh, dia ternampak tikus barangkali tikus yang sama melonjak lari dari celah botol ke celah tempayan besar. Kali ini kucing putih tiada.

Rizman menghirup teh, menunggu Kariman terjaga. Selepas isyak nanti, barangkali dia boleh terus bertanya tentang peranan sebenar Tengku Yadi, Dasimun dan Imran Kadiro. Dia merenung wajah Kariman yang tidur resah itu, dan dia mula bertanyanya apakah wajar juga dia bertanya apa yang terjadi pada Satiamah dan anak-anaknya? Dan dia seperti ternampak Lahmuddin bercekek pinggang sambil ketawa.

Dewan Sastera, Mac 1992